

UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH



Global Journal
Al Thaqafah
"CA-WoS ESCI & SCOPUS Indexed"

WCIT2024

**7th WORLD CONFERENCE ON ISLAMIC THOUGHT & CIVILIZATION
TOGETHER WE STAND: MUSLIMS AND GLOBAL HUMANITY**

PROCEEDINGS BOOK

29-31 JULY 2024 | CASUARINA CONVENTION CENTRE, IPOH, PERAK, MALAYSIA



www.wcit.my



WCITUSAS



WCITMEDIA USAS

E-PROCEEDINGS BOOK WCIT2024

**7th World Conference on Islamic Thought & Civilization
TOGETHER WE STAND: MUSLIMS AND GLOBAL HUMANITY**

Text copyright@2024

By



Universiti Sultan Azlan Shah

All rights reserved. No part of this book may be reproduced or utilized in any form or by any means, electronic or mechanical, including photography, regarding, or by any information storage and retrieved system, without permission in writing from the publisher.

**Published by
Penerbit USAS Press
Universiti Sultan Azlan Shah
Bukit Chandan, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia**

e-PROCEEDINGS BOOK
WCIT2024
7th World Conference on Islamic Thought & Civilization
TOGETHER WE STAND: MUSLIMS AND GLOBAL HUMANITY
29 - 31 JULY 2024
CASUARINA@MERU, IPOH, PERAK, MALAYSIA

Organized by
Universiti Sultan Azlan Shah
(Sultan Azlan Shah University) Bukit Chandan
33000 Bandar DiRaja Kuala Kangsar Perak, Malaysia

eISSN: 3030-5861

CONFERENCE CHAIR :
Prof. Dato' Dr. Wan Sabri Wan Yusof

DIRECTOR :
Prof. Dato' Dr. Ahamed Kameel Mydin Meera

DEPUTY DIRECTOR :
Assoc. Prof. Dr. Hj Anas Md Yusof

EDITOR-IN-CHIEF :
Zurul Na'im Zainol Rashid

MANAGING EDITOR :
Ilyani Abd Khalid

PAPER SELECTION AND REVIEWER

PANEL:

Assoc. Prof. Dr. Zatul Karamah Ahmad
Baharul Ulum (Head)
Dr. Mohd Fuad Mokhtar
Dr. Mariani Omar
Dr. Masitah Ab. Jalil
Dr. Asmawati Sajari
Dr. Aida Hartini Nan
Dr. Abdul Ghaffar Samae
Dr. Affa Mohammed Saeed Osman
Tuan Haji Tajul Azli Sahadan
Suzaihan Sulaiman
Fauwaz Ebau
Sharifah Nurulhuda S Ab Latif
Suzwani Ismail
Ainul Mardhiah Zabidi

EDITORS :

English

Nur Hazwani Yussof
Noor Aishah Idrishah
Nor Izzati Md Jaafar
Nurzatul Shazreena Zainol Abidin

Malay

Hawa Alias
Ahmad Abdul Rahman
Mohd Afiq Shafirin Abd Aziz
Nurul Wardah Nazifah Razali

Arabic

Rahimah Abd Rahman

LAYOUT & COVER DESIGN

Nuryazin Ahmad
Badiohissam Badiozaman

PUBLISHED in MALAYSIA by UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH,
KUALA KANGSAR, PERAK, MALAYSIA, 2024

TABLE OF CONTENT

PREFACE

vii

MALAY

| | | |
|-----------|---|------------|
| 1 | Amalan Pemakanan dalam Kalangan Prasiswazah di Universiti | 1 |
| 2 | Amalan Zikir terhadap Tarekat Naqshabandiyyah Sheikh Nazim Haqqani | 11 |
| 3 | Analisa Faktor Permasalahan Pengurusan Pertukaran Jantina Pesakit <i>Disorder of Sex Development</i> (DSD) Muslim di Malaysia | 18 |
| 4 | Analisis Penguasaan Ilmu Qiraat terhadap Pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran Wa Al-Qiraat di Negeri Perak | 31 |
| 5 | Analisis Perbandingan Fatwa berkaitan Hukum Jual Beli Emas Perhiasan yang Dikeluarkan oleh Institusi Fatwa di Malaysia | 37 |
| 6 | Faktor Pemilihan Bidang Usuluddin (Hadis) dalam Kalangan Mahasiswi Universiti Sultan Azlan Shah | 45 |
| 7 | Faktor-Faktor Kegagalan Penggunaan Buku Teks Yayasan Islam Kelantan (YIK) dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP): Satu Analisis Kajian Kes | 51 |
| 8 | Faktor-Faktor Kelulusan Perkahwinan Bawah Umur Mengikut Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002: Analisis Kajian Kes di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, Kelantan | 65 |
| 9 | Faktor-Faktor Kelulusan Permohonan Poligami dalam Kalangan Suami yang tidak Berkemampuan: Analisis Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu, Kelantan | 78 |
| 10 | Faktor-Faktor Penarikan Semula Kes Perceraian di Mahkamah Rendah Syariah Kelantan: Analisis Kajian Kes | 91 |
| 11 | Hidrogen Hijau sebagai Sumber Tenaga dari Perspektif Maqasid Syariah | 106 |
| 12 | Hubungan Keberkesanan Audit Dalaman dengan Tadbir Urus di Sektor Kerajaan | 112 |
| 13 | Isu-Isu Pendidikan Pelajar Masyarakat Orang Asli di Sekolah Menengah Agama Rakyat Orang Asli Nurul Hidayah, Kg. Kenang Sungai Siput, Perak | 120 |
| 14 | Kajian Kefahaman Akidah dalam Kalangan Para Pelajar Sekolah Menengah Agama Orang Asli Nurul Hidayah, Kg. Kenang Sungai Siput, Perak | 128 |
| 15 | Kesan Positif melalui Kesedaran terhadap Hak-Hak Isteri Selepas Bercerai Kesan Teknologi Perniagaan dalam Talian terhadap Minda Pelajar: Kertas Konsep | 136 |

TABLE OF CONTENT

| | | |
|----|---|-----|
| 16 | Kesan Teknologi Perniagaan dalam Talian terhadap Minda Pelajar: Kertas Konsep | 149 |
| 17 | Kesedaran Komuniti terhadap Usaha Pemuliharaan dan Kelestarian Warisan: Suatu Kajian di Kuala Kangsar | 156 |
| 18 | Masalah Kemurungan Akibat Pembubaran Perkahwinan Daripada Permasalahan Keraguan Dalam Isu Pernikahan Syubhah | 163 |
| 19 | Metode Pengajian Hadith di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS): Implikasi terhadap Pembentukan Pemikiran Kritis | 175 |
| 20 | <i>Nominal Group Technique</i> : Kertas Konsep Pembinaan Elemen bagi Pembangunan Model Kompetensi Pegawai Pilihan Raya | 185 |
| 21 | Orientasi Keusahawanan, Program Pembangunan PKS dan Kejayaan PKS di Perak | 197 |
| 22 | Pelepasan Cukai dan Kesan Terhadap Pengelakan dan Pelarian Cukai di Malaysia: Analisis Literatur Sistematis | 207 |
| 23 | Penerimaan Kompaun Binatang Berkeliaran yang Ditangkap atau Disita oleh Pihak Berkuasa: Analisis Hukum dan Pandangan Ulama | 220 |
| 24 | Pengesahatarafan Wali Kelahiran Pramatang Menurut Hukum Syara' dan Perundangan Semasa: Analisis Kajian Kes | 229 |
| 25 | Pengetahuan, Sikap dan Motivasi terhadap E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Universiti | 237 |
| 26 | Penilaian Terhadap Kesan Pelaksanaan Model ik-PBM bagi Kursus Pengajian Islam terhadap Pengetahuan, Kemahiran Pemikiran Kritis dan Kemahiran Insaniah | 245 |
| 27 | Peranan Tasawuf dalam Mendidik Jiwa dan Pengamalannya dalam Tarekat Naqsyabandiyah | 255 |
| 28 | Perkembangan dan Cabaran Inovasi Pendigitalan dalam Praktis Takaful Era Baharu | 264 |
| 29 | Status Anak Kelahiran Pra Matang Sebagai Wali Nikah: Analisis Kajian Kes | 272 |
| 30 | Status Kesahatarafan Anak Kelahiran Pramatang sebagai Wali Nikah Menurut Perspektif Perundangan Semasa | 281 |
| 31 | Tahap Kemahiran Melakar dan Membuat Gubahan terhadap Lukisan Objek dan Muka Taip (Tipografi) Menggunakan Pendekatan Teknik Tekapan | 294 |
| 32 | Tekanan Emosi Mangsa Pembubaran Perkahwinan bagi Nikah Syubhah yang Diragui: Analisis Kajian Kes di Mahkamah Rendah Syariah Klang (MRSK) | 306 |

TABLE OF CONTENT

ENGLISH

| | | |
|-----------|---|------------|
| 33 | An Islamic Perspective on Sustainable Management for Malaysian Elderly Workers | 314 |
| 34 | Antecedents and Consequences of Stress among North RTM Employees: The Moderating Effect of Self-efficacy | 323 |
| 35 | Characteristics of Islamic TV Programs and their Influence on Society | 330 |
| 36 | Charting the Course for Organizational Success Using Islamic Principles of Leadership in Strategic Management: Challenges and Opportunities | 336 |
| 37 | Charting The Muslim World: Comparative Religion as The Catalyst for Contemporary Integration of Muslim in The World | 344 |
| 38 | Does Zakat on Income Influence Tax Compliance Behaviour among Islamic Educators in Malaysia? | 352 |
| 39 | Effects of Elevated CO₂ and Ratooning on Growth Physico-chemical of Napier Grass under 800 $\mu\text{mol/mol}$ in Greenhouse | 360 |
| 40 | Engaging Students through Gamification: A Study of Its Effectiveness in Higher Education | 369 |
| 41 | Enhancing Graduates' Employability Skills via Industrial Training: An Employer's Perspective | 378 |
| 42 | Green Technology for a Sustainable Environment for Private Tahfiz Institutions in Malaysia | 386 |
| 43 | Halal Meat Issue: How Far Does the Preferred Halal Brand Matter? | 402 |
| 44 | Histogram Setup To Recognize JAWikhat : Geometrical KUFIC Design | 411 |
| 45 | Internal Audit Challenges and Opportunities in the Digital Transformation Era: A Case Study in Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) | 417 |
| 46 | Knowledge and Mastery of Arabic Loanwords Based on Existing Knowledge among Sultan Azlan Shah University Students | 421 |
| 47 | Landscape Design for a Sustainable Community: A Case Study of Kampung Madani Lestari | 432 |
| 48 | Level of Waqf Awareness among University Students | 438 |
| 49 | Predicting Whistleblowing Intention: A Theory of Plan Behaviour Approach among Accounting Students | 446 |

TABLE OF CONTENT

| | | |
|----|--|-----|
| 50 | Ramifications of Integrity in Learning of Faculty Members on Moral Behaviour of Students | 452 |
| 51 | Safety and Sustainability: Safety Leadership and Safety Performance amongst Muslim Workers in a Solid Waste Management Company | 461 |
| 52 | The Application of Imploring Podcast in Invoking the Students' Interest in Listening and Speaking Class | 469 |
| 53 | The Benefit of Profit-Sharing Islamic Microfinance Models (<i>Musharaka</i>) in Expanding Financial Inclusion and Business Sustainability for B40 Women Micro-Entrepreneurs in Malaysia: A Literature Review | 479 |
| 54 | The Detrimental Effects of the Absence of the Rule of Law on Nation | 492 |
| 55 | The Perception of Malaysian University Students on Using ChatGPT in Academic Tasks | 502 |
| 56 | The Role of PSSCM in Developing Spiritual Aspects Based on the Principles of Malaysia Madani | 509 |
| 57 | Understanding and the Influence of Personality Traits toward the Dynamics of Fake News Sharing among Malaysian University Students | 515 |
| 58 | Ustaz Hanafi: A Portrait of Islamic Scholar in Malay Martial Arts | 522 |
| 59 | Working Capital Management in SME: A Bibliometric Analysis | 528 |

ARABIC

| صفحة | الموضوع | عدد |
|------|--|-----|
| 543 | أسباب التخلف وأسس الشهود الحضاري في القرآن الكريم: قصة ذي القرنين أنموذجاً | 60 |
| 555 | تصميم الكتب المنهجية لتعليم الأدب العربي لغير العرب في العالم الإسلامي: مالميزيا نموذجا | 61 |
| 570 | التهاجر بين المسلمين: بواعثه وآليات التعامل معه وسبل الوقاية منه - دراسة على واقع العالم الإسلامي والمعاصر | 62 |
| 586 | المدة التي تقدر بها الكفاية في الزكاة: دراسة فقهية مقارنة | 63 |

PREFACE

World Conference On Islamic Thought & Civilization (WCIT) is now part of Perak State Government event, and has been organized by the Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) since 2012, with participants coming from more than 21 countries. The Conference is organized under the Royal Patronage of DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, the Sultan of Perak Darul Ridzuan. The central purpose of conceiving and convening the Conference is to provide a platform and avenue for regional and international scholars, intellectuals and professionals to express themselves in a dynamic and rigorous exchange of ideas; all for the purpose of addressing real and actual, and contemporary problems affecting the current world.

The Conference intends to focus more on what it can offer in terms of real life experiences; takeaways that could be followed up with actual programs of action. It is with this practical approach that USAS plans to organize its 7th World Conference on Islamic Thought and Civilization (WCIT2024) with the theme of 'Together We Stand : Muslims and Global Humanity'.

WCIT2024 has narrowed down 7 subthemes to be addressed during the Conference. The subthemes covered in the Conference are :

- 1. Global Politics**
- 2. Education and Research**
- 3. Economic Cooperation and Development**
- 4. The Rule of Law**
- 5. Governance and Integrity**
- 6. Arts and Humanity**
- 7. Green Technology and Environmental Sustainability**

WCIT2024 aims to explore the philosophy and the strategies for social harmony and political stability; for communities to express their varied social and political expectations of each other; and for participants to express and share their personal experiences and knowledge in dealing with socio-political and religious conflicts, and to offer strategies in conflict resolution.

Through discussions and exchanges, it is hoped that the Conference will generate the sufficient and necessary conditions for a more realistic analysis and assessment of global events and conflicts within social and political realities.

EDITOR-IN-CHIEF
Zurul Na'im Zainol Rashid

Amalan Pemakanan dalam Kalangan Prasiswazah di Universiti

Dietary Practices among Undergraduates in University

Nik Nurhusna, N.S. (*Corresponding author*)

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000

Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6019-2697876 E-mail: niknurhusna@usas.edu.my

Abstrak

Amalan pemakanan yang sihat sukar untuk dipatuhi dalam kalangan rakyat di Malaysia kerana perubahan gaya hidup pada masa kini. Pengambilan diet seimbang merupakan keperluan yang amat penting bagi melahirkan pelajar yang sihat serta cemerlang. Tujuan penyelidikan ini dilakukan untuk mengenalpasti amalan pemakanan dalam kalangan prasiswazah Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Soal selidik dijalankan secara rawak kepada 150 orang responden yang terdiri daripada pelajar prasiswazah Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial (FPISS) dan Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat (FPTM). Data diterangkan menggunakan kaedah deskriptif bagi menghasilkan frekuensi dan peratus untuk mengenal pasti amalan pemakanan dalam kalangan prasiswazah. Hasil kajian ini, mendapati bahawa majoriti responden mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang baik mengenai aspek pemakanan yang betul dan sihat. Ini mungkin disebabkan pengetahuan yang diterapkan oleh ibu bapa mereka dan juga melalui guru secara langsung atau tidak langsung di sekolah. Namun, dari segi amalan pemakanan, kajian mendapati pelajar masih mengabaikan waktu makan dalam sehari, tidak bersarapan pagi, makan sekali sahaja dalam sehari atau makan lewat malam. Walaupun pelajar di himpit dengan jadual aktiviti akademik atau ko-kurikulum yang padat serta kekangan kewangan, fenomena tidak makan atau tidak mengamalkan diet tidak seimbang harus dihindari kerana mungkin menjejaskan pembelajaran pelajar sendiri.

Kata kunci: Prasiswazah; Amalan Pemakanan; Persepsi; Penjagaan Makanan; Diet Seimbang.

Pengenalan

Makanan ialah keperluan asas yang penting dalam kehidupan seharian manusia, tanpa makanan kesihatan manusia akan terjejas (Siti Aminah, 2010). Pemakanan yang mencukupi dan seimbang adalah bertujuan untuk pertumbuhan, pemulihan dan fungsi badan (Baysal, 2002).

Ciri-ciri pemilihan makanan di kalangan pelajar merupakan satu kelakuan yang kompleks dan sukar untuk dikuantifikasikan kerana mempunyai pelbagai faktor yang mempengaruhi pemilihan makanan antaranya ialah persekitaran, tradisi, tabiat, status sosial dan sifat-sifat makanan. Kebiasaannya pelajar, memilih dan membeli makanan dengan menilai beberapa syarat tertentu seperti kualiti perkhidmatan, harga dan insentif pembelian. Selain itu, pemilihan makanan lebih dipengaruhi oleh interpretasi psikologi tentang sifat-sifat makanan yang dilihat daripada ciri-ciri fizikal makanan itu sendiri (Azeman et al., 2016).

Terdapat dua faktor yang mempengaruhi dalam pemilihan makanan iaitu faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman ialah dari diri sendiri antaranya keperluan fisiologi. Pengambilan makanan untuk mengawal kesihatan yang baik bergantung kepada keperluan fisiologi seseorang seperti umur, jantina, saiz badan, aktiviti yang dijalankan, dan tahap kesihatan untuk membekalkan tenaga (Azeman et al., 2016).

Secara amnya, budaya juga mempengaruhi tabiat pemakanan di mana setiap budaya mempunyai kebiasaan tentang makanan yang boleh dimakan dan status kewangan samaada kaya atau miskin serta bagaimana kekerapan makanan diambil. Selain dari itu, perancangan menu serta penyediaan makanan juga memerlukan pertimbangan yang menyeluruh bagi pengguna terdiri daripada ciri-ciri demografi yang berbeza, tahap kesukaan, jantina, pendapatan, bangsa dan agama (Azeman et al., 2016).

Faktor demografi memberi pengaruh dalam pengambilan makanan (Siti Aminah, 2010). Antara faktor demografi ialah umur, jantina, tahap pendidikan, pendapatan dan latar belakang budaya. Bagi golongan perempuan khususnya yang muda lebih mengambil berat dalam membuat pemilihan pemakanan untuk dimakan berbanding dengan golongan lelaki. Manakala bagi golongan dewasa lebih mementingkan amalan pemakanan kerana mereka lebih berpotensi untuk mengalami masalah kesihatan. Maka, mereka cenderung untuk mengubah tabiat pemakanan yang lebih baik bagi mengekalkan kesihatan. Selain itu, masyarakat yang berpendapatan dan tahap pendidikan yang lebih tinggi cenderung untuk memikirkan kepentingan dalam membuat pemilihan pemakanan (Azeman et al., 2016).

Secara umumnya, kebanyakan masyarakat mencuba untuk memilih makanan yang berkhasiat. Namun begitu, kadangkala gaya hidup mempengaruhi mereka untuk membuat pilihan yang tidak tepat. Sebagai contoh, pelajar mempunyai masa yang singkat disebabkan oleh jadual kuliah yang terlalu padat. Hal ini, menyebabkan mereka lebih cenderung untuk membeli makanan segera (*fast food*) kerana penyediaan makanan yang cepat dan pantas (Azeman et al., 2016). Senario kesibukan masa juga menyumbang kepada faktor pemilihan makanan.

Faktor kewangan seperti pendapatan keluarga juga merupakan salah satu punca yang mempengaruhi secara langsung dalam pemilihan makanan mengikut kemampuan masing-masing. Lazimnya, keluarga yang berpendapatan rendah akan memilih makanan dengan harga yang lebih murah tetapi berkhasiat (Azeman et al., 2016).

Perkhidmatan pelbagai premis makanan juga turut mempengaruhi kualiti pemakanan pelajar. Terdapat beberapa kajian, menunjukkan bahawa makanan yang telah disediakan oleh premis makanan siap cenderung menawarkan makanan yang kurang zat antaranya kandungan kalori yang tinggi, kandungan lemak dan lemak tepu yang banyak, kandungan kolesterol yang tinggi serta kurang mengandungi serat, kalsium dan zat besi (Lin et al. 2001).

Segelintir pelajar tidak mempunyai kesedaran terhadap diet seimbang dalam pemakanan kerana sanggup mengikat perut atas alasan ingin membeli keperluan lain seperti pakaian, perhiasan dan gadget telefon mudah alih dan komputer. Ini menyebabkan mereka lebih cenderung makan makanan ringkas seperti snek dan makanan segera. Pengambilan makanan segera secara kerap boleh menimbulkan kesan buruk dari segi diet pemakanan kerana makanan segera ini mengandungi kandungan lemak, garam, perasa, pemekat, pewarna tiruan yang tinggi. Dalam jangka masa panjang, seseorang yang kerap makan makanan segera akan terdedah kepada pelbagai penyakit seperti kerosakan gigi, sembelit, masalah selulit, kegemukan, tekanan darah tinggi, pembuluh darah tersumbat, penyakit jantung dan kanser usus besar (Abdulllah dan Ali, 2011).

Kewujudan banyak kedai makan segera, kafe dan restoran memberi peluang kepada pelajar universiti untuk menjamu selera di luar kampus daripada mengambil makanan yang disediakan sendiri (Yahia et al., 2008). Tabiat pemakanan yang tidak sihat boleh dilihat dalam kalangan pelajar universiti. Ini jelas telah dibincangkan secara meluas dalam kalangan penyelidik. Menurut kajian oleh Huda dan Ahmad (2010) mendapati bahawa daripada 624 orang pelajar Universiti Sains Malaysia, sebanyak 27% mempunyai kurang berat badan dan 12% mempunyai berat badan yang berlebihan

atau obesiti. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Moy et al. (2009) mendapati bahawa 35.3% daripada 2665 orang pelajar dari universiti awam di Kuala Lumpur telah makan makanan segera sekurang-kurangnya sekali seminggu. Manakala kajian oleh Gan et al. (2011) merumuskan bahawa lebih separuh pelajar daripada universiti tidak mendapatkan jumlah tenaga yang disyorkan, vitamin C dan beberapa mineral seperti yang dicadangkan dalam *Recommended Nutrient Intake* (RNI) untuk Malaysia.

Pengambilan makanan yang berkualiti dan teratur adalah penting untuk membekalkan tubuh manusia dengan zat, tenaga serta mengekalkan kesihatan badan. Bagi seseorang pelajar, kesedaran tentang kualiti makanan dan pola pengambilan makanan amat penting kerana ia mempengaruhi perkembangan atau tindakbalas fizikal dan mental seseorang pelajar yang merupakan tunjang modal insan bagi negara pada masa akan datang. Dalam hal ini, tujuan kajian adalah mengenalpasti amalan pemakanan dalam kalangan pelajar Universiti Sultan Azlan Shah serta mengetahui pandangan prasiswazah berkaitan dengan pemakanan.

Kaedah Kajian

Populasi dan sampel kajian

a. Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan pada Januari 2024 bertempat di Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak. Penyelidikan ini melibatkan sejumlah 150 responden prasiswazah dari Universiti Sultan Azlan Shah. Responden terdiri daripada pelajar Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial (FPISS) dan Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat (FPTM). Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen utama penyelidikan. Semua responden diberikan borang soal selidik dalam bentuk Google Form untuk mendapatkan maklumat mengenai amalan pemakanan dikalangan prasiswazah.

b. Instrumen Kajian

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu profil responden (Bahagian A), amalan dan pola pemakanan responden (Bahagian B) dan pandangan responden terhadap pemakanan (Bahagian C).

c. Pemprosesan Data Kajian

Data daripada setiap bahagian dalam soal selidik diterangkan dengan menggunakan kaedah deskriptif bagi mendapatkan frekuensi dan peratus bagi amalan pemakanan dalam kalangan prasiswazah

Keputusan dan Perbincangan

Bahagian A: Profil Responden

Jadual 1 : Profil Responden

| Demografi | Perkara | Frekuensi (n) | Peratusan (%) |
|-----------|----------------|------------------|------------------|
| Jantina | Lelaki | 52 | 34.7 |
| | Perempuan | 98 | 65.3 |
| Umur | Bawah 20 tahun | 42 | 28.0 |

| | | | |
|----------------------------|---|-----|------|
| | 21 - 25 tahun | 97 | 64.7 |
| | 26 - 30 tahun | 11 | 7.3 |
| Purata | Kelas pertama | 80 | 53.3 |
| Nilai Gred | Kelas kedua atas | 57 | 38.0 |
| Kumulatif (PNGK) | Kelas kedua bawah | 12 | 8.0 |
| | Kelas ketiga | 1 | 0.7 |
| Kaum | Melayu | 149 | 99.3 |
| | India | 1 | 0.7 |
| | Cina | 0 | 0 |
| Peringkat pengajian | Diploma | 57 | 38 |
| | Ijazah Sarjana Muda | 93 | 62 |
| Fakulti pengajian | Pengajian Islam dan Sains Sosial (FPISS) | 97 | 64.7 |
| | Pengurusan dan Teknologi Maklumat (FPTM) | 53 | 35.3 |
| Tahun pengajian | Tahun 1 | 41 | 27.3 |
| | Tahun 2 | 70 | 46.7 |
| | Tahun 3 dan ke atas | 39 | 26 |
| Sumber kewangan | Biasiswa (SADC,USAS, dan lain-lain) | 12 | 8 |
| | Pinjaman (PTPTN,MARA, dan lain-lain) | 86 | 57.3 |
| | Ibubapa | 46 | 30.7 |
| | Penjaga (kakak, mak saudara, dan lain-lain) | 2 | 1.3 |
| | Kerja sambilan (<i>Food Panda, Grab</i> dan lain-lain) | 4 | 2.7 |

Sumber: Adaptasi Abdullah dan Ali (2011)

Responden dalam kajian ini, terdiri daripada pelajar prasiswazah Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial (FPISS) dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Maklumat (FPTM), Universiti Sultan Azlan Shah peringkat pengajian adalah diploma dan sarjana muda serta pengajian dari Tahun 1 sehingga Tahun 3 dan keatas. Seramai 98 responden (65.3%) adalah pelajar perempuan manakala 52 responden (34.7%) merupakan pelajar lelaki. Menurut kajian oleh Hamdan dan Sipin (2010), remaja lelaki dan perempuan mencapai peringkat remaja, keperluan tenaga dan zat-zat makanan mereka meningkat dengan cepat. Remaja lelaki memerlukan 2600 hingga 2580 kalori sehari manakala remaja perempuan memerlukan 2100 hingga 2350 kalori tenaga sehari. Manakala apabila remaja pada peringkat membesar dan matang pula, banyak menghabiskan masa mereka di luar rumah seperti mengerjakan aktiviti sekolah, kerja rumah serta aktiviti sosial. Oleh itu, mereka memerlukan keperluan kalori yang berlebihan untuk menjaga keadaan jasmani mereka. Dari segi kategori umur, responden yang paling ramai ialah dalam kalangan julat umur 21 hingga 25 tahun dengan jumlah 97 orang responden (64.7%). Manakala dari segi kaum pula, majoriti adalah Melayu dengan jumlah 99.3%.

Kebanyakan responden mendapat sumber kewangan daripada pinjaman (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan lain-lain) untuk melanjutkan pengajian mereka di USAS. Penyelidik berpendapat bahawa, oleh sebab kebanyakan responden mempunyai ibu bapa yang berpendapatan sederhana maka pelajar kebanyakan mengharapkan sumber kewangan daripada pinjaman. Selain itu sumber kewangan daripada pinjaman atau biasiswa dan keluarga merupakan yang ke 2 tertinggi. Ini menunjukkan, sekiranya wang daripada sumber pinjaman atau biasiswa tidak mencukupi, pelajar akan mendapatkan kewangan daripada keluarga.

Majoriti pelajar memprolehi keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada kelas pertama iaitu sebanyak 80 responden (53.3%). Hasil kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan yang ketara antara amalan pemakanan pelajar dengan pencapaian akademik, namun seharusnya pelajar memastikan amalan pemakanan mereka sentiasa dijaga. Sebagai contoh, seseorang pelajar seharusnya bersarapan pagi setiap hari sebelum ke kelas untuk memastikan mereka tidak berasa lesu dan sentiasa cergas semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlaku (Hamdan dan Sipin, 2010).

Pelajar juga sepatutnya sentiasa mempunyai sajian makan seharian yang teratur. Menerusi amalan pemakanan yang baik, ia akan menjamin kesihatan tubuh badan yang sihat akan mempengaruhi perkembangan minda dan ketahanan mental pelajar (Hamdan dan Sipin, 2010).

Bahagian B: Amalan dan Pola Pemakanan

a. Pilihan Menu Makanan

Jadual 2 : Pilihan menu makanan bagi sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam

| Menu Makanan | Jenis Makanan | Peratusan (%) |
|------------------------|---------------------|---------------|
| Sarapan pagi | Roti | 56.0% |
| | Mi/Bihun/Kuetiau | 8.7% |
| | Nasi | 22.7% |
| | Lain-lain | 12.6% |
| Makan tengahari | Nasi campur/berlauk | 83.3% |
| | Masakan panas | 13.3% |
| | Makanan segera | 2.0% |
| | Lain-lain | 1.4% |
| Makan malam | Nasi campur/berlauk | 14.0% |
| | Roti | 2.7% |
| | Biskut | 8.0% |
| | Makanan segera | 17.3% |
| | Masakan panas | 52.0% |
| | Lain-lain | 6.0% |

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, menunjukkan sebanyak 83.3% daripada responden yang makan nasi setiap hari untuk menu tengahari. Walaupun nasi merupakan sumber karbohidrat yang sangat penting, namun begitu terdapat responden yang mengambil makanan lain untuk menggantikan nasi seperti biskut, roti, mi atau bihun sebagai sumber karbohidrat.

Rakyat di Malaysia gemar mengambil roti sebagai snek terutamanya semasa sarapan pagi. Namun begitu rakyat Malaysia masih perlu mengambil beras sekurang-kurangnya sekali sehari untuk memberikan tenaga tambahan untuk melakukan aktiviti harian kerana roti bukan makanan ruji rakyat Malaysia (Mohd Abd Majid et al., 2020).

Dalam kajian yang lepas, dalam kalangan orang dewasa Malaysia, dilaporkan bahawa biskut adalah senarai makanan yang paling banyak digunakan setiap hari. Selain itu, idea dari pengilang, yang menggunakan pembungkusan yang kecil, menggalakan orang ramai untuk mengambil biskut. Menurut Norhayati et al. (2015), biskut digemari oleh rakyat Malaysia kerana cirinya seperti tidak manis, rangup, masin, berkrim dan nipis.

Menurut Eddyono dan Subroto (2014), pihak kerajaan Indonesia telah memulakan pembangunan program pengambilan makanan sihat, yang digalakkan rakyat mereka memilih mi sebagai menu utama mereka. Ia adalah sejenis makanan yang kebanyakannya dimakan mengikut semua peringkat umur, kerana harga yang berpatutan dan mudah untuk menyediakan (Keyimu, 2013). Semua mi, kuetiau adalah yang paling disukai, kebanyakannya dengan masakan secara mendidih dan kaedah menggoreng. Kuetiau ialah sejenis *rice noodles* yang biasanya dimasak dengan cara digoreng dan dicampur dengan sos atau pes cili (Thomas et al., 2014).

b. Waktu Makan

Jadual 3: Waktu makan bagi sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam

| Waktu Makan | Tempoh Makan | Peratusan (%) |
|------------------------|-----------------------|---------------|
| Sarapan Pagi | 6 – 8 pagi | 9.3% |
| | 8 – 10 pagi | 45.3% |
| | 10 PAGI– 12 tengahari | 19.3% |
| | Tidak makan | 26.0% |
| Makan Tengahari | 10 PAGI– 12 tengahari | 6.0% |
| | 12 – 2 petang | 53.3% |
| | 2 – 4 petang | 36.7% |
| | Tidak makan | 4.0% |
| Makan Malam | 6 – 8 malam | 14.0% |
| | 8 – 10 malam | 46.0% |
| | 10 – 12 pagi | 28.0% |
| | Lebih 12 pagi | 4.7% |
| | Tidak makan | 7.3% |

Daripada dapatan kajian mendapati majoriti responden iaitu 74% tidak pernah meninggalkan sajian sarapan pagi dan 26.0% responden meninggalkan sarapan pagi setiap hari. Penyelidik berpendapat punca utama yang menyebabkan sarapan ditinggalkan adalah kerana tidak sempat atau lambat bangun (Moy et al., 2009). Selain itu, pengkaji juga menyatakan bahawa kurang selera makan, tidak suka makan awal pagi dan terlalu mengantuk adalah punca meninggalkan sarapan (Abdull Hakim et al., 2012). Sarapan pagi adalah hidangan terpenting yang mengisi badan dan otak selepas berpuasa semalaman (Ming et al., 2006). Penyelidik menyatakan bahawa pengambilan sarapan boleh memberi manfaat positif kepada daya ingatan, prestasi akademik, kadar kehadiran, fungsi psikososial dan mood (Abdull Hakim et al., 2012). Kim et al. (2005) juga menyatakan bahawa prestasi akademik pelajar sangat dikaitkan dengan tingkah laku pemakanan. Golongan dewasa yang mengabaikan sarapan pagi boleh meningkatkan kadar obesiti kerana mereka cenderung untuk makan lebih banyak pada waktu makan berikutnya (Ma et.al., 2003) serta mudah diserang penyakit dysmenorrhea (gejala senggugut keterlaluan) bagi kaum wanita (Fujiwara, 2003).

Kajian mendapati seramai 96.0% responden tidak pernah meninggalkan sajian makan tengah hari manakala terdapat 4.0% responden meninggalkan sajian makan tengah hari ini setiap hari. Individu yang kerap meninggalkan sajian makanan dan makan di luar waktu makan secara berlebihan akan menyebabkan kekurangan makanan berkhasiat (Hamdan dan Sipin, 2010).

Responden yang tidak meninggalkan makan malam adalah sebanyak 92.7% manakala hanya segelintir sahaja yang meninggalkan makan malam iaitu 7.3% responden. Remaja perempuan meninggalkan makan malam sebagai langkah untuk menjaga badan mereka. Malahan, remaja perempuan lebih menitikberatkan mengenai berat badan mereka dan menjaganya untuk menghadkan pengambilan makanan (Hamdan dan Sipin, 2010). Penyelidik berpendapat antara sebab responden meninggalkan sajian makan malam ini adalah kerana responden masih tidak berasa lapar (masih kenyang). Bagi kategori responden yang makan lewat, lazimnya digunakan untuk bersantai bersama rakan-rakan mereka di restoran 24 jam atau di gerai lain. Ini akan meninggalkan kesan yang negatif seperti pelbagai gejala sosial dan risiko keselamatan, serta juga melibatkan kesihatan pelajar (Abdullah dan Ali, 2011). Ozdogan et al. (2010) menegaskan bahawa pola makan yang teratur adalah penting dalam memastikan kestabilan sistem fisiologi badan untuk semua peringkat umur.

c. Tempat makan

Jadual 4: Premis perniagaan makanan di sekitar Kuala Kangsar dan USAS

| Premis Perniagaan Makanan | Peratusan (%) |
|---|---------------|
| Kedai makan/restoran/gerai | 88.7% |
| Kafe USAS | 7.3% |
| Restoran Makanan Segera (KFC, MCD, Pizza Hut) | 4% |

Kebanyakan responden lazimnya makan di premis makanan di luar dari kampus USAS iaitu sebanyak 92.7%. Harga makanan yang ditawarkan di luar kampus lebih jauh murah berbanding makanan yang ditawarkan di kampus. Jelaslah bahawa dengan terdapatnya banyak pilihan premis makanan di luar USAS telah mempengaruhi pola pemakanan pelajar. Bagi pelajar, makan di luar kampus menawarkan pelbagai suasana yang agak bebas daripada persekitaran kampus yang lebih berorientasikan akademik. Mereka dapat melupakan masalah pembelajaran buat seketika di samping bersantai bersama rakan-rakan sebaya. Perniagaan makanan siap di luar kampus bukan sahaja menawarkan beraneka menu masakan, malah kebanyakan premis tersebut mempunyai elemen tarikan seperti dekorasi yang menarik, memasang layar televisyen yang menayangkan program menarik seperti sukan, tayangan gambar dan hiburan, kemudahan wi-fi serta turut beroperasi 24 jam. (Abdullah dan Ali, 2011)

d. Perbelanjaan untuk makan

Jadual 5: Agihan Perbelanjaan Untuk Makanan Harian dan Hujung Minggu

| Julat Perbelanjaan (RM) | Peratusan (%) | |
|-------------------------|---------------|---------------|
| | Harian | Hujung Minggu |
| Kurang dari RM 10 | 30.0% | 23.3% |
| RM 11 – 20 | 47.3% | 40.7% |
| RM 21 – 30 | 12.7% | 21.3% |
| Lebih dari RM 31 | 10.0% | 14.7% |

Peruntukan perbelanjaan kewangan yang ditetapkan akan mempengaruhi perancangan menu yang dipilih. Peruntukan perbelanjaan kewangan yang sewajarnya memainkan peranan penting dalam memastikan setiap pelajar itu dapat mengambil makanan yang seimbang bagi menjaga kesihatan fizikal dan mental mereka.

Merujuk kepada dapatan kajian dari segi jumlah peruntukan kewangan yang disediakan oleh pelajar untuk makan dalam sebulan didapati kebanyakan mereka telah menyediakan jumlah wang yang mencukupi untuk mengambil makanan pada setiap hari. Begitu juga dengan peruntukan kewangan untuk makan mengikut masa sajian iaitu sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam. Pada hujung minggu perbelanjaan bagi julat RM 21- 30 dan lebih dari RM 31 meningkat. Kemungkinan pelajar menghabiskan masa lapang mereka di luar kampus dan sekaligus makan di premis makanan di luar kampus

Secara keseluruhannya, amalan pemakanan responden berada pada tahap yang memuaskan. Penyelidik mendapati pelajar telah menyediakan wang yang mencukupi untuk memenuhi keperluan dalam pengambilan makanan diet harian mereka. Kebanyakan pelajar telah menunjukkan bahawa mereka ada menyediakan wang untuk memastikan mereka dapat mengambil makanan harian yang seimbang (Abdullah dan Ali, 2011)

Bahagian C: Pandangan Responden terhadap Pemakanan dalam Kalangan Prasiswazah USAS

Jadual 6: Pandangan responden terhadap pemakanan dalam kalangan prasiswazah

| Perkara | Purata (%) | | | | |
|---|---------------|--------|-------------|--------------|---------------------|
| | Sangat setuju | Setuju | Tidak pasti | Tidak setuju | Sangat tidak setuju |
| Tujuan makan adalah untuk mengekalkan kesihatan. | 48 | 36 | 9.3 | 2.7 | 4 |
| Tujuan makan adalah untuk menikmati makanan | 19.3 | 32.7 | 27.3 | 7.3 | 13.3 |
| Tujuan makan adalah untuk bersantai | 16 | 24.7 | 31.3 | 20 | 8 |
| Mengambil berat tentang kualiti makanan | 58.7 | 26.7 | 10 | 3.3 | 1.3 |
| Utamakan kebersihan premis | 79.3 | 14 | 4.7 | 0 | 2 |
| Pilihan makanan sedap | 53.3 | 31.3 | 10.7 | 1.3 | 3.3 |
| Amalkan diet pemakanan yang sihat | 40.9 | 30.2 | 22.8 | 2.7 | 3.4 |
| Amalkan tabiat pemakanan yang berhemah (tidak makan terlalu banyak, pilih makanan berzat, berbelanja berjimat cermat) | 48.7 | 30.7 | 18 | 1.3 | 1.3 |

Hasil kajian mendapati pengetahuan asas pemakanan berkhasiat responden berada pada tahap yang tinggi. Ini dapat dibuktikan daripada dapatan kajian dalam Jadual 6. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar ini mempunyai pengetahuan asas terhadap pemakanan berkhasiat. Penyelidik berpendapat pelajar-pelajar ini mendapat ilmu pengetahuan tentang pemakanan berkhasiat sejak dari kecil lagi. Ini mungkin disebabkan pengetahuan yang diterapkan oleh ibu bapa mereka di rumah dan juga melalui guru secara langsung dan tidak langsung di sekolah. (Hamdan dan Sipin, 2010)

Kesimpulan

Pemakanan berkualiti adalah faktor penting bagi menjamin kesihatan mental dan fizikal seseorang. Bagi seseorang pelajar, pengambilan diet makanan yang seimbang serta jadual pemakanan yang konsisten perlu dititik beratkan dalam kehidupan seharian. Walaupun seseorang pelajar terpaksa makan di premis makanan, namun mereka perlu sedar dan peka terhadap kualiti makanan dan amalan diet seimbang. Terdapat juga kecenderungan pelajar untuk mengabaikan waktu makan yang penting dalam sehari, tidak bersarapan pagi, makan sekali sahaja dalam sehari atau makan lewat malam. Akibatnya, amalan tersebut akan meninggalkan kesan buruk kepada kesihatan pelajar seterusnya menjejaskan aktiviti pembelajaran mereka. Fenomena sedemikian haruslah dielakkan dengan mengamalkan jadual pemakanan yang teratur dan konsisten. Walaupun pelajar dihimpit dengan jadual aktiviti akademik atau ko-kurikulum yang ketat serta kekangan kewangan, fenomena tidak makan atau mengamalkan diet tidak seimbang harus dihindari kerana mungkin menjejaskan pembelajaran pelajar sendiri. Cadangan daripada hasil kajian ini, universiti digalakkan untuk mempromosikan mengenai aspek kesihatan yang merangkumi program pemakanan dan aktiviti fizikal untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar universiti.

Rujukan

- Abdul Halim, N.H., Muniandy, N.D., & Ajau Danish. (2012). Nutritional Status and Eating Practices among University Students in Selected Universities in Selangor, Malaysia. *Asian Journal of Clinical Nutrition*, 4(3): 77-87.
- Abdullah, M.A., & Ali, N. (2011). Amalan Pemakanan dalam Kalangan Pelajar Universiti dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran. *Jurnal Personalia Pelajar*, 14 : 59 - 68.
- Azeman, A.R., Mohd Raduan, N.F., & Othman, N.F. (2016). Pemilihan Makanan di Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka: Satu Tinjauan. *Journal of Hospitality and Networks Jurnal Hospitaliti dan Jaringan*, 1: 71-80
- Baysal, A. (2002). General Nutrition. *Ankara.Hatiboglu Publications*: 14, Press.
- Eddyono, F., & Subroto, B. (2014). Purchase Behavior of Noodles: A Case Study of Effort Primary Food Diversification in Indonesia. *International Journal of Science and Technology*, 3(10).
- Fujiwara, T. (2003). Skipping Breakfast is Associated with Dysmenorrhea in Young Women in Japan. *International Journal of Food Sciences and Nutrition*, 54(6): 505-509.
- Gan, W. Y., Mohd Nasir M.T., Zalilah M.S., & Hazizi A.S. (2011). Differences In Eating Behaviours, Dietary Intake and Body Weight Status Between Male and Female Malaysian University Students. *Malaysian Journal of Nutrition*. 17(2), 213-288.
- Hamdan, A.R., & Sipin, C. (2010). Amalan Pemakanan di Kalangan Pelajar Tahun 4 SPH Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor.
- Huda, N., & Ahmad, R. (2010). Preliminary Survey on Nutritional Status Among University Students at Malaysia. *Pakistan Journal of Nutrition*, 9(2), 125-127.
- Keyimu, X.G. (2013). The Effects of Using Seaweed on The Quality of Asian Noodles. *Journal Food Process Technology*, 4(3), 1000216. [https:// doi.org/10.4172/2157-7110.1000216](https://doi.org/10.4172/2157-7110.1000216)
- Kim, S.H., Kim, J.Y., & Keen, C.L. (2005). Comparison of Dietary Patterns and Nutrient Intakes of Elementary Schoolchildren Living in Remote Rural and Urban Areas in Korea. Their Potential Impact on School Performance. *Nutr. Res.*, 25: 349-363
- Lin, B.H., Guthrie, J. & Frazao, E. (2001). American Children's Diet Not Making The Grade. *Food Review*, 24 (May-August):8-17.
- Ma, Y.S., Bertone, E.R., Stanek, E.J., Reed, G.W., Herbert, J.R., Cohen, N.L., Merriam, P.A., & Ockene, I.S. (2003). Association Between Eating Patterns and Obesity in A Free Living US Adult Population. *Am J Epidemiol*, 158: 85-92.
- Ming, M.F., Ying, G.C., & Kassim, S.Z.M. (2006). Eating Patterns of School Children and Adolescents in Kuala Lumpur. *Mal.J.Nutr.*, 12:1-10.
- Mohd Abd Majid, H.A., Ahmad Sharoni, S.K., Anuar, J., Syed Yasin, S.N., & Raju, R. (2020). Carbohydrates Intake Preference Among University Students Towards Balanced Intake Practice. *Food Research*, 4(5):1469-1479

- Moy, F. M., Surin, J., Ismail, Y., Mahad, R., Tie, F. H., & Wan Ismail, W. M. A. (2009). Breakfast Skipping and Its Associated Factors Among Undergraduates in A Public University in Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Nutrition*, 15(2), 165-174.
- Norhayati, M.K., Fairulnizal, M.M., Zaiton, A., Syuriahti, W., Rusidah, S., Aswir, A.R. & Ang, J.L. (2015). Nutritional Composition of Selected Commercial Biscuits in Malaysia. *Sains Malaysiana*, 44(4), 581-591. <https://doi.org/10.17576/jsm-2015-4404-13>
- Ozdogan, Y., Ozcelik, A. O., & Surucuoglu, M. S. (2010). The Breakfast Habits of Female University Students. *Pakistan Journal of Nutrition*, 9(9), 882-886
- Siti Aminah, P. (2010). Pemilihan dan Penerimaan Terhadap Makanan di Cafeteria Kolej Kediaman Pelajar Universiti Sabah Malaysia
- Thomas, R., Yeoh, T.K., Wan-Nadiah, W.A. and Bhat, R. (2014). Quality Evaluation of Flat Rice Noodles (Kway Teow) Prepared From Bario and Basmati Rice. *Sains Malaysiana*, 43(3), 339-347
- Yahia, N., Achkar, A., Abdallah, A., & Rizk S. (2008). Eating Habits and Obesity Among Lebanese University Students. *Nutri J.*;7:32. <https://doi.org/10.1186/1475-2891-7-32>

Amalan Zikir terhadap Tarekat Naqshabandiyyah Sheikh Nazim Haqqani

The Practice of Remembrance (Zikir) in the Naqshabandiyyah Order of Sheikh Nazim Haqqani

Mardhiah, A. S (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +601164558458 Email: mardhiahahimi@usas.edu.my

Mohd Fuad, M.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6016-568 2317 Email: fuad@usas.edu.my

Ibtisam, M.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +60102882614 Email: ibtisam@usas.edu.my

Noor Mumtazah, H.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +60195077397 Email: mumtazah@usas.edu.my

Fazidatul Zahariah, S

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +601172346581 Email: fazidatul@usas.edu.my

Abstrak

Zikir merupakan satu bentuk ibadah praktik spiritual dalam agama Islam yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan membersihkan jiwa. Kebiasaan amalan zikir dilakukan dengan melafazkan dilisan dan menghadirkan nama-nama dan sifat-sifat Allah S.W.T dalam hati. Zikir-zikir tersebut diambil dari al-Quran dan al-Sunnah yang diamalkan secara berulang-ulang samada secara individu atau dalam kumpulan. Amalan zikir bermula dari zaman Rasulullah S.A.W dan diamalkan dalam tradisi keagamaan bagi umat Islam. Zikir adalah salah satu konsep penting dalam amalan tarekat tasawuf sebagaimana yang berlaku dalam amalan kumpulan tarekat seperti tarekat Naqshabadiyyah Sheikh Nazim Haqqani dan kumpulan tarekat yang lain. Walau bagaimanapun, terdapat isu-isu yang dipersoalkan dalam amalan zikir dalam tarekat ini antaranya zikir dengan hanya menyebut kalimah 'Hu'. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pendapat-pendapat yang menerima dan menolak pengamalan zikir dalam tarekat Naqshabandiyyah Sheikh Nazim Haqqani. Kajian ini adalah kajian kualitatif iaitu data diperolehi melalui dokumen, buku, karya dan teks-teks berkaitan yang membahaskan persoalan zikir. Kaedah temubual juga dilakukan oleh penulis bagi memperolehi data yang berkaitan. Hasil kajian mendapati pengamalan zikir lafaz 'Hu' dalam majlis zikir tarekat Naqshabandiyyah Sheikh Nazim Haqqani bertepatan

dengan syarak dan boleh diamalkan sebagai satu bentuk pengamalan kerohanian dalam kalangan masyarakat walaupun terdapat khilaf ulama di dalamnya.

Kata kunci: Tarekat; Naqshabandiyyah Sheikh Nazim Haqqani; Amalan Zikir

Pendahuluan

Tarekat dan Tasawuf merupakan satu disiplin ilmu yang tersendiri. Ia hendaklah difahami dalam konteksnya sebagaimana yang difahami oleh ulama-ulama muktabar dalam ilmu tasawuf. Kegagalan memahaminya sebagaimana yang difahami oleh ulama tasawuf yang muktabar akan memberikan implikasi negatif kepada ilmu tasawuf dan pengamalannya seperti tuduhan sesat, bid'ah, khurafat dan sebagainya. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya; masyarakat umumnya kurang faham dengan ilmu tasawuf dan tarekat. Selain itu, tarekat sering terpalit dengan ajaran sesat yang menggunakan istilah-istilah ilmu ini, serta terdapat dalam kalangan masyarakat Muslim pada masa kini yang berusaha keras menyebarkan teori bahawa ilmu Tasawuf dan Tarekat bukan tergolong dalam ilmu Islam, malahan ia merupakan ilmu yang dipenuhi dengan unsur syirik, khurafat, tahayul dan kebohongan (Zakaria Stapa, 2012).

Hakikatnya walaupun terdapat penyelewengan yang dilakukan oleh segelintir kumpulan tarekat tasawuf, sewajarnya ia tidak dihukumkan sesat dan menyeleweng kepada semua kumpulan tarekat dan tasawuf selagi mana tujuannya bagi mencapai keredaan Allah S.W.T dan *mentahqiq* kebahagiaan di dunia dan akhirat yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah (Mufti Wilayah Persekutuan [Mufti WP], 2015). Tarekat Naqsyabandiyyah Sheikh Nazim Haqqani di Malaysia antara kumpulan tarekat yang mendapat perhatian kebelakangan ini disebabkan perubahan fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-48 pada tahun 2000 yang memutuskan bahawa tarekat ini sesat (JAKIM, 2015). Kemudian, ia dimansuhkan pada tahun 2020 hasil daripada keputusan MKI kali ke-117. Justeru, pelbagai kajian dijalankan berkenaan tarekat ini sehingga menyimpulkan bahawa ia bercanggah dengan akidah Islam (Abdullah Zawawi, Ayman, Arif dan Zainul Abidin, 2021).

Dalam tarekat, amalan zikir muncul sebagai ritual yang sangat diutamakan. Amalan zikir dalam tarekat ialah untuk menyucikan diri dari maksiat zahir dan batin demi menuju kepada Allah S.W.T atau mengenal Allah S.W.T dengan sebenar-benar kenal (*makrifatullah*) sehingga mencapai *Saadah al-Qudsiyyah* dalam penghujung perjalanan seorang *salik* (Thahirah, Dr. Faudzinaim dan Abdul Manam, 2014). Ia selari dengan definisi tarekat Naqshabandiyah itu sendiri bermaksud “mengamalkan tarekatnya agar ia berpanjangan (berterusan) menghambakan diri zahir dan batin serta berkekalan dan sentiasa hadir hati bersama Allah S.W.T” (Jalaluddin, 2016). Justeru itu tarekat ini bertujuan membawa murid untuk terus-menerus mengingati Allah S.W.T pada setiap nafas yang diambil tanpa henti.

Perkembangan Tarekat Naqshabandiyyah Sheikh Nazim Haqqani

Tarekat Naqshabandiyyah ini dinisbahkan kepada Syeikh Baha' al-Din, Muhammad Ibn Muhammad Ibn Muhammad al-Sharif al-Hasani al-Husayni al-Uwaysi al-Bukhari (717-791H/1317-1388M) dan lebih dikenali dengan gelaran Shah Naqshaband. Naqshaband terdiri dari dua perkataan iaitu “*naqsh*” dan “*band*” yang membawa maksud ukiran yang kekal. Beliau diberi gelaran tersebut kerana beliau melakukan zikir *Ism al-Dhat* (Allah S.W.T) di dalam hati sehinggakan zikir tersebut terukir di cermin hati. Ini menunjukkan bahawa tarekat ini mengamalkan zikir secara *khafi* (*sirr*) yang menjadi keistimewaan tarekat ini berbanding dengan tarekat yang lain (Mohamed, 2004).

Tarikat tersebut, sejak dari dahulu hingga kini dikenali dengan beberapa panggilan seperti Siddiqiyyah, Tayfuriyyah, Khujakaniyyah, Naqshabandiyyah, Ahrariyyah, Mujaddidiyyah, Mazhariyyah dan Khalidiyyah. Nama-nama ini diambil bersempena nama tokoh penting tariqat ini pada setiap period yang tertentu. Siddiqiyyah dinisbahkan kepada Abu Bakr al-Siddiq r.a (w. 13H), Tayfuriyyah dinisbahkan kepada Syeikh Abu Yazid Tayfur Ibn 'Isa al-Bistami (w. 261H), Khujakaniyyah dinisbahkan kepada Syeikh 'Abd al-Khaliq al-Ghujdawani (w. 575H), Naqshabandiyyah dinisbahkan kepada Syeikh Muhammad Baha' al-Din Shah Naqshaband (w. 791H), Ahrariyyah dinisbahkan kepada Syeikh 'Ubayd Allah al-Ahrar (w. 895H), Mujaddidiyyah dinisbahkan kepada Syeikh Ahmad al-Faruqi al-Sirhindi (w. 1034H), Mazhariyyah dinisbahkan kepada Syeikh Shams al-Din Habib Allah Jan Janan Mazhar al-Alawi (w 1195H) dan Khalidiyyah dinisbahkan kepada Syeikh Khalid al-'Uthmani al-Kurdi (w. 1242H).

Period Khujakaniyyah adalah zaman permulaan pengasasan dan pengorganisasian tarekat dan ia menjadi lebih sempurna dan lengkap pada period Naqshabandiyyah. Selepas daripada tempoh Naqsyabandiyyah, nama Naqsyabandiyyah dikekalkan sebagai nisbah kepada setiap panggilan seperti Naqsyabandiyyah Ahrariyyah, Naqsyabandiyyah Mujaddidiyyah, Naqsyabandiyyah Mazhariyyah dan kemudian Naqsyabandiyyah Khalidiyyah (Abdul Manam, 2019). Haji Ahmad bin Muhammad al-Baqir merupakan insan yang membawa masuk tarekat ini ke Negeri Sembilan dengan mendirikan sebuah surau suluk yang menjadi pusat kegiatan pengamalan Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah (Mohamad, 2004).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang bersifat analisis deskriptif melalui analisis dokumen berkaitan pengamalan zikir 'Hu' dan temu bual bersama pengamal tarekat sebagai data sokongan. Mekanisme penganalisan terhadap tarekat tersebut menggunakan hadis dan al-Quran sebagai dalil utama serta pendapat ulama. Kajian ini melalui dua peringkat tugas iaitu peringkat pengumpulan data dan analisis data. Pada peringkat pengumpulan data, metode yang digunakan adalah dengan melakukan semakan dokumen berkaitan seperti buku-buku, kitab, karya asal milik kumpulan tarekat tersebut, artikel dan sebagainya bagi mendapatkan data dan maklumat berkaitan. Peringkat kedua pula ialah analisis data melalui semakan dan penelitian terhadap data yang diperolehi bersesuaian dengan objektif yang dicapai.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Pengamalan zikir dalam Majlis Zikir Tarekat Naqshabandiyyah

Amalan zikir merupakan inti ibadah yang sangat penting bagi setiap Muslim dalam kehidupan seharian. Dalam tarekat tasawuf, zikir merupakan suatu ibadah yang amat dititikberatkan kerana ia merupakan metod kerohanian seorang *sālik* (orang yang berusaha menuju kepada Allah S.W.T melalui ilmu tarekat dan tasawuf) untuk mencapai *makrifatullah* (Abdul Manam, 2014). Perbanyakkan istighfar dan selawat merupakan zikir yang perlu dilazimi setiap masa kerana ia termasuk dalam kaedah perawat jiwa seperti yang disenaraikan oleh imam Zarruq di dalam kitab *usul al-Tariq* (al-Zarruq, 2003).

Tarekat Naqshabandiyyah mempunyai dua jenis zikir iaitu zikir harian dan zikir mingguan secara berjemaah yang dikenali sebagai *Khatm-ul-Khwajakan*. Setiap murid perlu melaksanakan zikir harian sama ada pada tingkatan *mubtadi'* (permulaan), *musta'id* (telah bersedia) mahupun *mureed* (telah tekad).

Khatm-ul-Khwajakan adalah suatu yang penting kepada semua murid untuk hadir dalam majlis zikir secara berjemaah bersama Sheikh. Majlis ini mempunyai dua kategori iaitu; *Khatm* yang panjang dibaca bersama-sama secara senyap dan *Khatm* yang pendek dibaca kuat secara berjemaah.

Pengamalan Zikir ‘Hu’(sub-subtajuk)

Berasaskan kepada buku yang dikarang oleh al-Marhum Tuan Guru Dr. Haron Din (1988) yang menghimpunkan metodologi zikir Tarrekat Naqshabandiyyah al-Aliyyah mendapati bahawa beliau telah mendapatkan zikir tersebut melalui lisan Syeikh Muhammad Nazim al-Haqqani di dalam majlis-majlis zikir yang dihadiri oleh beliau sendiri. Di dalam majlis zikir secara berjemaah, Sheikh Nazim mengajak para murid membaca zikir beramai-ramai dan melafazkan zikir *mufrad* atau zikir *ism al-Dhat* iaitu mengungkapkan lafaz ‘Allah’ berulang kali secara lisan sehingga masuk ke dalam hati setiap ahli zikir. Selain itu, terdapat bacaan zikir dengan lafaz ‘hu’ contohnya dibacakan ‘Allah hu Allah haq’ secara berulang-ulang.

Amalan zikir *ism al-Dzat* juga disebut dalam penulisan karya Imam al-Ghazali, Ihya Ulumuddin dan Imam al-Qushayri sebagai suatu amalan mendekatkan hubungan iman kepada Allah S.W.T. Kedua-dua tokoh tasawuf ini telah menerangkan secara terperinci konsep, syarat dan kaedah pelaksanaan zikir ini (Syed Omar et al., 2010). Selain itu, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan telah mengambil inisiatif dengan menerbitkan buku “Zikir dengan Lafaz ‘hu’ dan ‘ah’” yang memuatkan dalil-dalil *ma’thur* serta pandangan ulama dan sarjana terhadap keharusan zikir ini (Izham Hakimi, 2021). Selain itu, Hujjatul Islam al-Imam al-Ghazali menerangkan tingkatan martabat zikir dengan kalimah tauhid yang terbahagi kepada tiga jenis. Pertama, zikir dengan nafi dan ithbat iaitu, “La ilaha illah”. Kemudian nafi tanpa ithbat iaitu zikir dengan nama, “Allah”. Seterusnya isyarat dengan dhamir atau kata ganti nama, “hu”. Jenis yang pertama bertujuan untuk memberi kesedaran dan keluar daripada kelalaian manakala yang kedua untuk memperkukuhkan kehadiran dan ketiga sebagai sebab untuk keluar daripada apa yang selain-Nya (Mufti WP, 2013).

Pandangan Sarjana terhadap penolakan Amalan Zikir ‘Hu’

Jadual 1 di bawah memaparkan ringkasan pendapat-pendapat sarjana yang menolak amalan zikir “Hu”

Jadual 1: Pandangan penolakan amalan zikir “hu”

| Nama Sarjana | Pandangan | Sebab Penolakan |
|---|--|---|
| Al-Munawi (1971) (Faidh al-Qadir Syarah al-Jami’ Shaghir) | Tiada dalil <i>ma’thur</i> dan salah faham ke atas dalil-dalil | Mengaitkan dengan hadis Rasulullah S.A.W: “Tidak akan berlakunya kiamat ke atas seseorang yang mengucap Allah, Allah”. Sahih Muslim: [Bab <i>Dhahabil Iman Akhiri Zaman</i> , no. hadis 148]. Bukanlah yang dimaksudkan dengan mengucap lafaz Allah, tetapi kinayah kepada insan kamil. |
| Ibn Taimiyah (2000) (Majmuk al-Fatawa) | <i>Bid’ah</i> | Mengkaitkan dengan dalil surah al-An’am ayat 91, bahawa lafaz Allah S.W.T di dalam ayat tersebut bukan dengan maksud zikir “Allah” tetapi adalah jawapan kepada persoalan dari Allah kepada orang musyrikin yang mendustakan ajaran di dalam kitab taurat. |
| Hamka (1984) (Tafsir al-Azhar) | Merupakan amalan luar Islam dan telah menyeleweng | Menafsirkan surah al-A’raf ayat 205, beliau berkata:.....datanglah ahli tasawuf mencipta zikir sendiri yang tidak berasas seperti melafazkan Allah sahaja atau <i>Huw</i> sahaja.....maka majlis zikir-zikir |

semacam itu adalah berasal dari luar Islam atau telah menyeleweng sangat jauh dari pangkalan Islam

Pandangan Sarjana terhadap penerimaan Amalan Zikir ‘Hu’

Jadual 2 di bawah memaparkan ringkasan pendapat-pendapat sarjana yang mengharuskan amalan zikir “Hu”

Jadual 2: Pandangan penerimaan amalan zikir “hu”

| Nama Sarjana | Pandangan | Sebab Penerimaan |
|--|--|---|
| Irsyad al-Fatwa #254 | harus jika jelas merujuk kepada Allah dengan bimbingan guru yang alim dan rabbani | Tidak dinafikan bahawa sebahagian ulama tasawuf mengatakan ia merupakan salah satu bentuk lafaz zikir yang disyariatkan seperti yang dikhabarkan oleh Hujjatul Islam al-Imam al-Ghazali |
| Ibnu a'taillah al-Sakandari (n.d) (<i>Miftah al-Falah</i>) | Zikir lafaz ‘hu’ masih dalam kaedah syarak. | Tiada dalil tegahan yang jelas mengharamkan zikir “Hu” |
| Imam ar Razi (1999) (<i>tafsir al Kabir</i>) | Zikir dalam bab <i>asma’ mudhmarah</i> dibolehkan dan ia menunjukkan kepada terdapat tiga bentuk nama Allah S.W.T iaitu; ‘ana’, ‘enta’ dan ‘hu’. | Juga menjelaskan 10 faedah zikir dengan kalimah ‘hu’ dan rahsianya |

Perbincangan Zikir ‘Hu’ Oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

Isu zikir “Ya hu” telah dijawab dalam kertas kerja Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia di bawah tajuk ‘Isu Zikir Ya Hu, Isu J.2019’ bahawa lafaz ‘hu’ merupakan *dhamir* kembali kepada Allah S.W.T atau nama bagi zat Allah adalah dibenarkan sama seperti dalam tarekat-tarekat lain. Adapun alasan yang menyatakan lafaz ‘Ya Hu’ adalah dari bahasa Hebrew adalah kurang tepat, kerana yang sebenarnya adalah ‘Yahweh’ (YHWH) yang bermaksud tuhan Israel.

Selain itu, isu zikir ‘Hu’ adalah perkara *furu’* tidak melibatkan hukum halal dan haram serta perkara usul agama. Walaupun terdapat pendapat yang mengatakan ia bukan *ma’tsur* tetapi tiada tegahan untuk mengamalkannya dengan syarat mengikut kaedah syarak. Persoalan *khilafiyah* dan *ijtihadiyyah* adalah pada perkara *furu’* dan tidak boleh dijadikan asas hukuman dan penilaian terhadap kesalahan atau penyelewengan sesuatu ajaran (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, 2019).

Demikian juga disebutkan oleh Hamka dalam Tafsir al-Azhar (1984) pada perbincangan isu khilafiah bahawa “.... masalah ini tidaklah mengenai pokok akidah, tidaklah salah jika cenderung kepada salah satu pendapat itu, mana yang lebih dekat dengan penerimaan ilmu setelah diselidiki”. Sheikh Abd al-Samad al-Falimbani di dalam karyanya ‘Hidayah as-Salikin fi Suluki al-Maslaki al-Muttaqin’ (n.d) menyebutkan: “Orang yang tiada padanya ikhtiar, maka tiada lazim baginya segala adab ini dan terkadang berlaku ke atas lidahnya itu: “Allah...Allah...Allah ...” ataupun “hu, hu, hu”

Menurut Sheikh ‘Abd al-Halim Mahmud (n.d) bahawa lafaz Ah dan lafaz *Hu* merupakan bahagian nama Allah S.W.T yang telah diriwayatkan secara jelas. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Imam al-Razi berkaitan *dhomir* bagi *asma* Allah adalah *ana*, *enta* dan *hu*.

Penutup

Pengamalan zikir ‘*Hu*’ dalam Tarekat Naqshabandiyyah Sheikh Nazim Haqqani adalah selari dengan perbincangan *tasawwuf sunni* yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Pengamalan zikir ini telah dibincangkan sekian lama oleh ulama’ *mutaqaddimin* dan ulama’ *muta’akhirin* khususnya dibidang ilmu tasawuf dalam membincangkan hal perbuatan hati dan pancaindera dari aspek penyuciannya (*tazkiyah*). Walaupun bentuk pengamalan zikir ini berbeza daripada praktikal zikir Nabi Muhammad S.A.W, tetapi ia masih dibenarnya syarak kerana tiada dalil *ma’thur* yang mengharamkannya. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang disebut oleh Imam al-Suyuti (1990) di dalam kitabnya *al-Asybah wa al-Nazair* bahawa “tidak diingkari atau dicegah perkara yang menjadi khilaf, hanya yang diingkari ialah perkara yang telah disepakati oleh ulama’ (*ijma’*)”.

Rujukan

- Abd al-Samad al-Falimbani. (n.d). *Hidayah as-salikin fi suluki al-maslaki al-muttaqin*. Ibn Halabi.
- Abdullah Zawawi M. Z., Ayman Al-Akiti, Arif Z., & Zainul Abidin A. H. (2021). Pemikiran akidah Shaykh Nāzim Al-Qubrusī menurut ahli sunnah wal jamaah: Ulasan kritikal terhadap dakwaan dalam isu-isu tasawuf. *Al-Hikmah*, 13 (2), 3-34.
- Ahmad Zarruq. (2003). *Foundations of the spiritual path*. Translated by Hamza Yusuf. Kindle.
- Al-Munawi. (1971). *Faidh al-qadir syarah al-jami’ shaghir*.
- As-Syeikh al-Haj Jalaluddin. (2016). *Rahsia mutiara at-thariqatun Naqsyabandiyyah*. Jahabersa.
- Fakhruddin al-Razi. (1999). *Tafsir mafatih al-ghaib*. Dar Ihya Turath al-Arabi.
- Hamka. (1984). *Tafsir al-Azhar*. Pustaka National PTE LTD Singapura.
- Hassan Basri, T. B., Badaruddin, F. B., & Mohamad, A. M. B. (2014). Konsep zikir darajah dalam disiplin ilmu tarekat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 8, 61-72.
- Ibn A’taillah as-Sakandari. (1914). *Miftah al-falah wa misbah al-arwah*. as-Sa’adah.
- Ibn Taimiyyah. (2000). *Majmuk al-fatawa*. Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniah.
- Imam ar Razi. (1999). *Tafsir al-kabir*. Dar Fikr.
- Izham Hakimi. (2021). *Zikir dengan lafaz ‘Hu’ dan ‘Ah’*. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mufti Negeri Sembilan. (2019, April 22). *Pengenalan tarekat Naqsyabandiyyah*. <https://muftins.gov.my/tareqat-tasawwuf/pengenalan-tarekat-naqsyabandiyyah/>

Al-Suyuti. (1990). *Al-asybah wa an-nazhoir*. Dar Kutub al-Ilmiyah.

Mufti Negeri Sembilan. (2019, April 22). *Tarekat Naqsyabandiyyah: Perkembangan dan sumbangan ikhwannya di Malaysia*.

<https://muftins.gov.my/tareqat-tasauwuf/pengenalan-tarekat-naqsyabandiyyah/>

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2015, May 26). *Tarekat mengikut sunnah rasulullah saw: Sejarah, pandangan ulama dan menjawab sebarang tohmahan*.

<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/2067-28>

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2018, October 13). *Zikir kalimah 'Hu'*.

<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/2667-irsyad-al-fatwa-254-zikir-kalimah-hu>

Syed Omar, S. H., Engku Wok ZIn, E. I., & Baru, R. (2014). Perbandingan amalan dhikr ism al-dhat menurut al-Qushayri dan al-Ghazali. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 3, 33-49.

Thahirah H. B., Faudzinaim B., & Abdul Manam M. (2014). Konsep zikir darajah dalam disiplin ilmu tarekat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 8, 61-72.

Zakaria Stapa. (2012). *Pendekatan tasawuf dan tarekat: wadah pemeraksanaan jati diri ummah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Analisa Faktor Permasalahan Pengurusan Pertukaran Jantina Pesakit *Disorder of Sex Development* (DSD) Muslim di Malaysia

Analysis of Factors Influencing Management Issues in Gender Reassignment for Muslim Patients with Disorder of Sex Development (DSD) in Malaysia

Anisatul-Qalbi M.S (Corresponding Author)
Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Selangor
Tel: +601120971213 Email: anisatulqalbi.ms@gmail.com

Wan Maslukma W.Z (Co-Author)
Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
Tel: +60109114088 Email: wanmaslukma@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Disorder of Sex Development (DSD) merujuk kepada individu dengan keadaan genetik, gonad, atau anatomi yang tidak normal. Pesakit DSD dengan kecelaruan jantina berstatus khunsa sering memerlukan penentuan jantina dan pembedahan untuk memperbaiki atau membuang salah satu alat kelamin. Namun, masalah seperti kesalahan diagnosis dan kekurangan sokongan psikososial mengganggu pengurusan pesakit DSD. Selain itu, pengurusan DSD berbeza mengikut budaya dan tempat, pengabaian butiran latar belakang pesakit, pengalaman buruk dengan pegawai perubatan juga menyumbang kepada kelemahan pengurusan serta memberi kesan negatif terhadap kehidupan pesakit. Di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah agensi utama yang mengendalikan pesakit DSD. Kertas kerja ini membincangkan faktor-faktor masalah dalam proses pertukaran jantina pesakit DSD Muslim di Malaysia melalui kajian kualitatif dan tinjauan literatur. Kajian mendapati enam faktor permasalahan yang menyebabkan timbulnya isu kebajikan pesakit, hak mereka dan keputusan ibu bapa berkenaan penelitian doktor. Hal ini memberi impak dalam kehidupan pesakit DSD Muslim seperti kesukaran beribadah, kesulitan mendapat pekerjaan, masalah ingin berumah tangga dan sebagainya. Cadangan penambahbaikan termasuk kesedaran, penyelarasan *Standard Operating Procedure* (SOP), pendaftaran, undang-undang, dan bimbingan. Implikasi kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada pesakit DSD dan pihak berautoriti.

Kata kunci: Faktor; Permasalahan; *Disorder of Sex Development* (DSD); Pengurusan Khunsa; Pertukaran Jantina

Pendahuluan

Disorder of Sex Development (DSD) merupakan keadaan seseorang individu yang mempunyai masalah atau ketidaknormalan pada tiga aspek utama iaitu; genetik, gonad, dan anatomi (Hughes, 2008). Jika diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, ia disebut sebagai “Gangguan Perkembangan Seks (GPS)”. DSD mempunyai kaitan dengan khunsa dari sudut kekeliruan jantina. Namun, bukan semua diagnosis DSD boleh dikatakan khunsa (Anisatul, 2017). Pesakit-pesakit DSD sentiasa menghadapi cabaran dalam pengurusan mereka. Mereka menghadapi kesukaran dalam pemilihan jantina khususnya apabila mereka mempunyai alat kelamin yang tidak jelas (*ambiguous genitalia*).

Antara tempat rujukan utama dan mempunyai kepakaran mengendalikan pesakit DSD Muslim di Malaysia ialah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) (Ani Amelia, 2014; Ahmad Tarmizi, 2015; PK1, 2020). Pembedahan alat kelamin sering diperlukan pada masa yang sesuai. Pemilihan jantina dan masa pembedahan boleh menimbulkan isu dan percanggahan pendapat. Walaupun pesakit DSD telah melalui cabaran pertukaran jantina atau rawatan pemulihan alat kelamin di hospital, pesakit DSD perlu membuat pertukaran status jantina dalam kad pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) (Hasnan Kasan, 2008; Zainuddin et al., 2020). Tempoh proses penukaran jantina yang agak lama dan sukar serta kelewatan atau kegagalan proses pertukaran jantina dalam kad pengenalan memberi kesan kepada kehidupan pesakit DSD Muslim seperti memohon pekerjaan, pendidikan, perkahwinan dan seumpamanya (Délot et al., 2017; Hasnan Kasan, 2008).

Setakat ini di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih belum mengeluarkan rekod statistik kes DSD yang berlaku dalam negara ini. Melalui Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2020), belum ditemui rekod statistik DSD Muslim di Malaysia dan perlunya pendokumentasian data. Hasil penelitian kajian-kajian berkaitan DSD yang dijalankan di Malaysia setakat ini (Selveindran et al., 2017; Zainuddin et al., 2017; Muhammad Afif et al., 2018; Anisatul et al., 2019; Taqwa, 2019, 2021) jumlah sebenar rekod atau statistik kes DSD masih belum dicatatkan dalam negara ini. Penemuan dalam kajian terhadap kualiti hidup pesakit DSD kanak-kanak yang dijalankan oleh Selveindran et al. (2017) menyerlahkan fakta bahawa kumpulan pesakit DSD perlu dikaji dengan lebih teliti. Terutamanya terhadap kepelbagaian diagnosis dan pengurusan yang rumit. Perkara ini juga memberi sokongan kepada cadangan bahawa pasukan multidisiplinari perlu mahir menguruskan pesakit-pesakit ini dan menjawab segala kebimbangan mereka (Amaral et al., 2015).

Pengurusan pesakit dengan *Disorder of Sex Development* (DSD) atau khunsa menghadapi pelbagai cabaran seperti kesalahan diagnosis dan kekurangan kumpulan sokongan psikososial dalam kalangan ahli sains perubatan (Liao & Simmonds, 2014; Mohamed et al., 2014; Tamar-Mattis et al., 2014). Selain itu, pendekatan pengurusan dan perspektif mengenai DSD berbeza-beza mengikut budaya dan tempat. Perbezaan ini menyebabkan sukar bagi orang awam, termasuk mereka yang berpendidikan tinggi, untuk memahami keadaan pesakit DSD.

Masyarakat sering dibelenggu dengan khabar angin, prasangka, diskriminasi, kemiskinan, kurang pendidikan asas, dan kepercayaan kepada adat yang memburukkan lagi keadaan pesakit DSD (Warne & Raza, 2008). Diskriminasi dan kesalahfahaman ini menambah tekanan emosi serta menyebabkan pengasingan pesakit DSD dari komuniti, menjadikan mereka merasa rendah diri. Oleh itu, penambahbaikan dalam pengurusan pesakit DSD adalah perlu, termasuk pengemaskinian ujian diagnostik untuk bayi dan dewasa, pendidikan dan latihan kepada pakar perubatan serta pakar bedah, dan mengubah persepsi keluarga serta masyarakat terhadap pesakit DSD (Warne & Raza, 2008).

Masalah pengabaian butiran latar belakang atau sejarah perubatan pesakit, serta pengalaman buruk pesakit semasa berhadapan dengan pegawai perubatan, sering menyumbang kepada ketidakhadiran pesakit untuk rawatan susulan (Lee et al., 2016). Ketidakhadiran ini meningkatkan risiko komplikasi kesihatan jangka panjang seperti osteoporosis, kegagalan fungsi gonad, serta masalah psikoseksual dan psikososial (Lee et al., 2016). Situasi ini memerlukan perhatian serius kerana ia memberi kesan besar kepada pengurusan keseluruhan pesakit DSD.

Istilah lama yang dikaitkan dengan DSD, seperti *hermaphrodite*, *intersex*, dan *pseudohermaphrodite*, dianggap tidak membantu dan merendahkan maruah pesakit serta keluarga mereka (ISNA, 2006; Hughes, 2008). Kefahaman masyarakat mengenai golongan khunsa secara amnya adalah cetek dan tidak menyeluruh (Siti Azwanie, 2021). Oleh itu, pendidikan yang lebih

mendalam dan terperinci mengenai keadaan ini adalah diperlukan untuk meningkatkan kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap pesakit DSD.

Perlu ditegaskan, maksud pengurusan pertukaran jantina dalam artikel ini adalah khusus bagi golongan pesakit DSD Muslim yang telah dipastikan berstatus khunsa. Seterusnya pesakit perlu menjalani pembedahan memperbaiki alat kelamin atau melakukan pembedahan membuang salah satu alat kelamin sehingga bertukar status jantina pada asalnya. Akhir sekali, pesakit perlu ke JPN untuk menukar status jantina pada kad pengenalannya.


Dalam konteks Malaysia, analisis faktor permasalahan pengurusan pertukaran jantina pesakit *Disorder of Sex Development* (DSD) dalam kalangan komuniti Muslim mendedahkan cabaran yang kompleks seperti keperluan pengurusan yang sensitif terhadap faktor budaya, agama, dan sosioekonomi. Kajian ini menyorot keperluan dengan pendekatan holistik yang menggabungkan aspek agama, sains perubatan, dan kefahaman budaya untuk memastikan penjagaan yang seimbang dan berkesan bagi pesakit DSD dalam komuniti Muslim di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini mempersembahkan satu bentuk penyelidikan kajian ilmiah yang menggunakan pendekatan kualitatif. Secara umumnya, faktor-faktor permasalahan pengurusan pertukaran jantina pesakit *Disorder of Sex Development* (DSD) ini menggunakan kaedah tinjauan literatur melalui pelbagai sumber daripada artikel, jurnal, dokumentasi dan lain-lain. Selain itu, penulis juga menggunakan kaedah analisis dokumen. Analisis dokumen merupakan satu pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan melibatkan analisis kandungan yang menyediakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam erti kata lain, bahagian mesej tersebut boleh didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kepada kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang dikomunikasikan (Kamarul Azmi Jazmi, 2012). Contoh dokumen dalam artikel ini termasuk dokumen berkaitan pengurusan pesakit DSD, transkripsi temu bual dan sebagainya. Kemudian, penulis merumuskan semua analisa faktor permasalahan pengurusan berdasarkan perisian *ATLAS.ti9* mengikut tema-tema berdasarkan objektif penulisan. Walaupun terdapat beberapa limitasi dari segi metodologi, penulis yakin bahawa dapatan dan analisis kajian ini dapat memberikan sumbangan yang bernilai dalam bidang akademik dan boleh dijadikan rujukan kepada pihak-pihak yang terlibat menguruskan pesakit DSD.

Pengurusan Pertukaran Jantina Pesakit *Disorder of Sex Development* (DSD) Muslim

Kajian pengurusan Islam mengemukakan banyak penemuan. Asas tauhid memainkan peranan penting dalam pengurusan Islam, memastikan sistem pengurusan yang berkualiti dengan menjadi jambatan Muslim untuk mencapai reda Allah SWT. Konsep tauhid ini juga membantu mencegah kerosakan dalam sistem pengurusan dan melindungi individu Muslim daripada terlibat dalam rasuah, penyelewengan, kezaliman, dan penindasan terhadap orang lain (Hasan Al-Banna et al., 2013). Kajian ini menyetujui konsep tauhid dalam Model Pengurusan Islam oleh Yusuf Islam (1996), yang dipilih kerana kesesuaian dengan objektif kajian dan keupayaannya untuk diaplikasikan oleh pesakit DSD Muslim, doktor Muslim, dan masyarakat Muslim yang terlibat. Komponen pengurusan Islam yang dipilih dalam kajian ini boleh diringkaskan seperti berikut:




Rajah 1: Asas Pengurusan Islam Yusuf's MPP yang telah diadaptasi oleh Penulis
 Sumber: (Yusuf Ismail, 1996)

Pada bahagian input, pengurusan pertukaran jantina pesakit bermula dengan niat atau sebab berlakunya kes DSD. Kemudian pesakit akan memulakan permohonan atau pendaftaran di klinik atau hospital bagi menerima rawatan yang selanjutnya. Ketika proses ini berlangsung, di sini memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak. Selain bergabung dengan ahli pakar syariah (maksud: JAKIM), ahli perubatan juga perlu bekerjasama antara mereka kerana doktor perubatan juga mempunyai bidang kepakaran masing-masing dalam menguruskan pesakit DSD di hospital (Lee et al., 2016).

Akhir sekali pada bahagian hasil (*output*), setelah penelitian dan rawatan lengkap diperoleh dari pihak hospital, di sinilah pesakit DSD yang dikategorikan khunsa dan telah melakukan pertukaran jantina akan membuat permohonan untuk menukar status jantina dalam kad pengenalan di JPN. Pegawai di JPN mestilah bertanggungjawab memberi izin atau menolak permohonan serta menjaga segala kerahsiaan pemohon. Sekiranya pemohon bukan dari syarat-syarat pemohon yang layak menukar status jantina dalam kad pengenalan, maka pihak JPN perlu bertegas dalam hal ini lebih-lebih lagi pemohon Muslim. Jika pemohon layak menukar status dalam kad pengenalannya, maka pihak JPN wajar mempermudah dan mempercepatkan proses permohonan pemohon kerana kad pengenalan baru dengan jantina baru adalah penting dalam urusan kehidupan harian pesakit DSD.

Justeru itu, kajian ini memilih konsep pengurusan Islam yang menjurus kepada konsep tauhid. Ini kerana konsep tauhid dapat memberi implikasi baik kepada pihak yang terlibat seperti mampu berpandangan jauh, bersifat terbuka, bersifat amanah, cekap, jujur, rajin, tawaduk, tidak mudah berputus asa, rajin dan seumpamanya (Ilhaamie, 2001; Sulaiman et al., 2013). Kajian ini memberikan gambaran aliran arah pengurusan pertukaran jantina pesakit DSD Muslim di Malaysia agar mudah difahami, adalah seperti berikut:



Rajah 2: Aliran Arah Pengurusan Pertukaran Jantina Pesakit DSD Muslim Melalui Badan-Badan Berautoriti

Dapatan Kajian: Permasalahan Pengurusan Pertukaran Jantina Pesakit DSD Muslim

Analisa faktor permasalahan pengurusan pertukaran jantina pesakit DSD Muslim di Malaysia mendedahkan beberapa aspek penting:

i. Kurang Kefahaman Terhadap Penyakit DSD dan Khunsa

Pegawai perubatan, pegawai JAKIM dan pegawai JPN sering kali kekurangan pemahaman yang mencukupi tentang konsep khunsa dan isu berkaitan DSD dalam konteks agama, perubatan dan perundangan. Ketiadaan latihan dan kesedaran yang mencukupi menyebabkan pendekatan yang tidak selaras dalam pengurusan pesakit DSD Muslim.

Ramai masyarakat awam sering terkeliru antara golongan khunsa dan *transgender*. Secara luaran, memang sukar untuk membezakan golongan ini. Namun, masalah yang dihadapi oleh golongan khunsa adalah berbeza dengan golongan *transgender*, baik dari sudut akhlak mahupun keterbukaan mereka. Golongan khunsa lazimnya tidak mendedahkan status mereka secara terbuka kerana ingin menjaga maruah diri dan keluarga mereka (Taqwa PK3, 2020).

Sebagai contoh, di Hospital Kuala Lumpur (HKL), walaupun terdapat banyak kes kekeliruan jantina (*ambiguous genitalia*), golongan khunsa tidak cepat melatah, menimbulkan kekecohan atau sibuk mempertahankan hak mereka. Golongan yang lebih lantang adalah golongan *transgender* atau mereka yang berperilaku *lesbian, gay, biseksual, transgender atau queer* (LGBTQ). Mereka sering mendakwa bahawa mereka tidak mempunyai masalah kesihatan, walaupun sebenarnya terdapat kemungkinan mereka mengalami penyakit mental (Roziana PK4, 2020). Kekeliruan ini menyumbang kepada kurangnya kefahaman mengenai penyakit *Disorder of Sex Development* (DSD) dan khunsa.

Di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), terdapat juga keluarga pesakit yang mengeluarkan kata-kata kurang baik dan mengutuk anak mereka sendiri akibat ketidakfahaman tentang masalah DSD yang berstatus khunsa. Contohnya, ada yang mempersoalkan perubahan jantina anak mereka dengan menyatakan, "Kenapa bagi dia tukar jantina? Dia ini sebenarnya lelaki, seperti yang tercatat dalam kad pengenalanya". Reaksi ini menunjukkan kurangnya kefahaman keluarga pesakit DSD. Pihak JAKIM mengambil inisiatif untuk menerangkan kepada pesakit dan keluarga tentang DSD dan khunsa, menjelaskan bahawa khunsa adalah masalah yang diiktiraf dalam Islam dan bukan sekadar isu identiti jantina (Taqwa PK3, 2020).

Tugas pegawai syariah yang menangani kes *Disorder of Sex Development* (DSD) dalam kalangan Muslim bukan hanya terbatas kepada memberikan khidmat nasihat atau hukum kepada pesakit dan keluarganya, tetapi juga melibatkan penerangan kepada ahli panel syariah yang terlibat. Jika perlu, kes-kes DSD akan dirujuk kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), di mana pegawai mungkin menghadapi kesulitan dalam menjelaskan situasi tersebut disebabkan oleh pengalaman yang terhad. Kekeliruan sering timbul dalam memahami niat sebenar individu yang menghadapi DSD, khususnya sama ada individu tersebut ingin menukar jantina atau tidak, yang dianggap asing oleh kebanyakan orang dalam konteks kes khunsa.

Keberkesanan penyelesaian kes ini bergantung kepada kewujudan kumpulan atau jawatankuasa yang kuat dan saling memahami. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak beroperasi secara bersendirian dalam memahami kes DSD berstatus khunsa; para doktor juga perlu memahami aspek kes tersebut. JAKIM memerlukan pandangan perubatan daripada doktor, manakala doktor pula memerlukan pandangan agama dari pihak berkuasa agama dan JPN. Penyelesaian kes menjadi sukar jika setiap pihak bertindak secara individu (Taqwa PK3, 2020).

Pemahaman tentang DSD dan khunsa memerlukan pengetahuan yang mendalam. Pegawai syariah perlu memahami aspek perubatan untuk memandu pesakit dalam urusan ibadah, munakahat, dan lain-lain. Mereka tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada bahan bacaan kitab, kerana tanpa pemahaman situasi sebenar masalah tersebut, penetapan hukum menjadi sukar (Mohd Nasir PK5, 2020). Ini menunjukkan betapa pentingnya pegawai syariah memahami aspek perubatan secara mendalam agar tidak terlepas pandang pada maklumat yang penting.

Kekurangan kefahaman dan kesedaran tinggi boleh membawa kepada masalah akidah. Kesalahfahaman mengenai jantina yang dialami oleh individu DSD sering dikaitkan dengan isu psikologi, sedangkan punca sebenar adalah masalah pada bahagian dalaman tubuh, iaitu alat kelamin. Masyarakat awam sering kali menyamakan penyakit pada alat kelamin dengan penyakit AIDS, yang menunjukkan kekeliruan yang meluas (Marsheila PK1, 2020).

Menurut Prof. Ani Amelia, pelajar-pelajar perubatan di peringkat sarjana juga tidak semuanya maklum mengenai penyakit DSD atau khunsa, kerana tidak semua hospital mempunyai kepakaran mengenai penyakit ini (Amelia PK2, 2020). Pesakit yang pernah dikendalikan oleh doktor di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan bahawa doktor kurang pengetahuan tentang DSD dan khunsa, menyebabkan mereka berdepan dengan stigma dan trauma. Terdapat jururawat dan doktor yang memarahi pesakit DSD kerana mereka disalah anggap sebagai golongan LGBT (Amelia PK2, 2020).

ii. Isu Garis Panduan

Ketiadaan SOP khusus di setiap badan berautoriti kerajaan yang mengendalikan pesakit DSD Muslim menyebabkan ketidaksempurnaan dalam proses pengurusan dan penentuan status jantina, serta memunculkan ketidakpastian dalam keputusan dan perlakuan terhadap pesakit. Perkara ini disokong oleh Taqwa PK3 (2020) bahawa sehingga kini, belum ada Prosedur Operasi Standard (SOP) khusus untuk pengurusan pertukaran jantina atau penentuan semula jantina. Terdapat kemungkinan bahawa isu-isu semasa seperti ini boleh mendorong kepada penciptaan prinsip, SOP, atau kaedah baru yang bermanfaat kepada ahli fiqh (mujtahid) yang terlibat (Mohd Nasir PK5, 2020). Merujuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 'Garis Panduan Kesihatan Gender di Klinik Kesihatan' menyatakan bahawa seseorang pesakit mestilah mempunyai alasan atau bukti perubatan untuk menukar jantina (Roziana PK4, 2020).

Menurut Marsheila PK1 (2020) pula, di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), isu pembetulan atau pertukaran status jantina dalam kad pengenalan adalah di bawah Akta 299, Seksyen 27(3). Di Sabah dan Sarawak, proses pembetulan fakta berbeza hanya dari segi kuasa meluluskan. Akta dan kaedah yang terdapat dalam perundangan merupakan garis panduan di JPN, namun tiada ketetapan khusus. Maklumat tambahan yang diperlukan daripada JAKIM atau pihak perubatan bergantung kepada panel.

Manakala di Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM (HCTM) atau Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), garis panduan untuk pengurusan pertukaran jantina masih belum wujud dan masih dalam peringkat perbincangan. Amelia PK2 mencadangkan keperluan mewujudkan garis panduan di mana pakar perubatan dan syariah berkolaborasi dengan jawatankuasa khas yang diiktiraf oleh kerajaan (Amelia PK2, 2020).

iii. Isu Kefahaman terhadap Prosedur

Kelemahan dalam komunikasi sering menyebabkan kekeliruan mengenai prosedur pertukaran jantina. Sebagai contoh, terdapat tanggapan bahawa hanya kad pengenalan diperlukan untuk proses ini, tanpa menyedari bahawa sijil kelahiran juga diperlukan. Keinginan untuk mempercepatkan proses ini menyebabkan pemohon tidak memahami sepenuhnya prosedur yang diperlukan. Dalam kes-kes tertentu, pihak JPN tidak memerlukan kenyataan dari mahkamah, kerana syarat-syarat yang diperlukan telah dinyatakan dalam borang permohonan (Marsheila PK1, 2020).

Kadangkala, masalah tidak berpunca dari pihak perubatan, tetapi timbul semasa proses pertukaran Kertas Pendaftaran (KP) pesakit di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Sebagai contoh, terdapat kes di mana JPN di Sarawak enggan membenarkan pesakit menukar status jantina pada KP, walaupun doktor pakar telah menyediakan bukti yang kukuh mengenai keadaan pesakit (Amelia PK2, 2020).

Di Hospital Kuala Lumpur (HKL), terdapat banyak kes kekeliruan jantina (*ambiguous genitalia*). Pesakit yang menghadapi masalah ini biasanya tidak membuat aduan secara lantang; sebaliknya, golongan *transgender* dan LGBTQ yang lebih lantang bersuara. Mereka sering mendakwa tidak mengalami kesakitan fizikal, tetapi sebenarnya mereka menghadapi masalah kesihatan mental (Roziana PK4, 2020).

Selain itu, terdapat masalah komunikasi dan kefahaman terhadap prosedur bukan sahaja berlaku dalam kalangan pesakit, tetapi juga dalam kalangan keluarga, masyarakat, dan pihak-pihak yang mengendalikan pesakit. Kes-kes ini melibatkan pesakit dari seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak, di mana undang-undang pertukaran jantina berbeza mengikut wilayah (Amelia PK2, 2020).

iv. Isu Dokumentasi

Masalah dokumentasi sering timbul dalam pengurusan kes DSD (*Disorder of Sex Development*), terutamanya berkaitan dengan akuan berkanun. Menurut Marsheila PK1 (2020), masalah ini termasuk keperluan kehadiran dua saksi untuk membuat akuan berkanun. Selain itu, isu kelahiran lebih baik diserahkan kepada ibu bapa untuk ditangani, sesuai dengan Akta yang relevan. Borang kelahiran yang dikemukakan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) memerlukan nasihat daripada pihak hospital sebelum dapat disahkan. Prosedur ini berlaku untuk semua individu, baik Muslim mahupun bukan Muslim. Borang X, yang merupakan borang kelahiran yang disahkan oleh JPN, menyediakan pilihan "ragu" tetapi kes-kes ketidakpastian ini belum pernah didaftarkan di JPN. Ini menunjukkan bahawa

bayi yang lahir dengan dua alat kelamin (ragu) belum pernah didaftarkan oleh mana-mana ibu bapa di Malaysia (Marsheila PK1, 2020).

v. Isu Pesakit (Pemohon)

Pesakit DSD berstatus khunsa sering menghadapi masalah kepatuhan terhadap ubat-ubatan serta kesukaran melengkapkan dokumen yang diperlukan di JPN (Marsheila PK1, 2020). Selain itu, beberapa pesakit mungkin tidak mengalami keabnormalan fizikal pada alat kelamin, tetapi mengalami masalah psikologi atau otak yang menyebabkan mereka merasakan diri mereka adalah jantina yang berbeza. Walaupun disarankan untuk menanggunghkan pembedahan, beberapa pesakit tetap meneruskannya. Selain itu, terdapat kekurangan tekad atau keyakinan yang kukuh dalam membuat keputusan untuk menukar jantina selepas penentuan semula jantina dilakukan, yang merupakan keputusan besar dan kompleks (Amelia PK2, 2020).

vi. Isu Tempoh Masa

Sehingga kini, tiada tempoh masa atau kaedah yang jelas untuk penggunaan MyKid atau kad pengenalan sementara sepanjang proses penentuan semula atau pertukaran jantina pesakit. Ini adalah kritikal kerana sepanjang tempoh ketidakjelasan jantina, terutama untuk pesakit khunsa, mereka perlu menggunakan MyKid atau kad pengenalan yang ada. Penggunaan kad pengenalan yang sedia ada boleh menimbulkan salah faham antara pesakit dan masyarakat sekelilingnya (Taqwa PK3, 2020). Diagnosis yang tepat adalah penting untuk mengelakkan krisis, di mana pesakit menjalani proses diagnostik yang panjang dari pendaftaran hingga semua penyelidikan oleh doktor pakar (Roziana PK4, 2020).

Faktor penyiasatan yang memakan masa yang lama, diwakili oleh KKM dan HUKM, menuntut agar pakar perubatan mengkaji secara teliti setiap kes DSD bagi membuat diagnosis yang tepat. Oleh itu, proses penyelidikan yang menyeluruh ini mengakibatkan pesakit perlu menempuh tempoh masa yang panjang sebelum menerima rawatan yang sewajarnya di hospital. Penangguhan penyelesaian kes bukanlah semata-mata disebabkan oleh diskriminasi, tetapi juga disebabkan oleh kompleksiti proses diagnostik yang perlu dijalani oleh pesakit. Ini merupakan fenomena yang tidak terhad kepada negara Malaysia sahaja, malah negara-negara maju juga mengalami cabaran yang serupa. Dr. Roziana menekankan bahawa proses diagnostik yang tepat adalah penting bagi mengelakkan kemungkinan krisis kesihatan, terutamanya dalam kes pesakit CAH yang mungkin menghadapi risiko tindak balas terhadap terapi penggantian hormon, masalah kesuburan, pembentukan garam berlebihan dalam badan, dan komplikasi lain berkaitan dengan jantina. Keadaan semakin rumit kerana ketiadaan data komprehensif mengenai pesakit DSD di Malaysia, berbeza dengan negara-negara Barat yang telah mengumpulkan data yang lengkap untuk memudahkan proses rawatan pesakit (Roziana PK4, 2020).


“Many patients with DSD have historically experienced long diagnostic odysseys, in part because of uncoordinated diagnostic approaches, and many more never receive a definitive diagnosis. This, of course, is a common concern for patients with rare disorders.” (Délot et al., 2017).

Perbincangan

Hasil kajian mendapati terdapat enam faktor permasalahan dalam pengurusan pertukaran jantina pesakit DSD Muslim di Malaysia. Sedari awal kajian, penulis sukar mendapatkan data statistik tentang pertukaran jantina pesakit DSD mahupun kes-kes kecelaruan jantina itu sendiri melalui badan-badan kerajaan termasuk Jabatan Perangkaan. Perkara ini dijelaskan oleh Alias (2015) dan

disokong oleh pakar PK1, PK2, PK3 dan PK4. Hasil dapatan kajian mengenai perkara ini pula adalah sebaliknya di mana penulis memperoleh data atau rekod kes-kes kecelaruan jantina yang melibatkan pesakit DSD di makmal genetik, Hospital Kuala Lumpur. Data tersebut diperolehi melalui catatan buku rekod dan perisian komputer. Cuma, ia bukanlah data yang terdaftar dalam rekod di Kementerian Kesihatan Malaysia atau Jabatan Perangkaan Malaysia secara rasmi. Oleh itu, pihak kementerian boleh mengemaskini data ini atau menaik taraf sistem pendaftaran pesakit DSD seperti penyakit lain yang mempunyai statistik kes agar memudahkan para perawat atau pihak yang terlibat.

Seterusnya, badan-badan berautoriti seperti hospital, JAKIM dan JPN memainkan peranan penting dalam pengurusan pertukaran jantina golongan pesakit DSD Muslim di Malaysia. Sejarah Islam juga menggariskan hubungan yang rapat antara sains dan Islam, yang merupakan landasan penting dalam pemahaman dan pendekatan terhadap isu-isu kesihatan, termasuk pengurusan kes-kes DSD.



Rajah 3: Peratus Keseluruhan Tema Permasalahan Pengurusan Pertukaran Jantina Pesakit DSD
 Sumber: Penulis, Melalui Data Analisis Perisian *Atlas.ti*

Berdasarkan analisis peratus dalam Rajah 3, elemen yang mendominasi dengan jumlah tertinggi ialah masalah kurang pemahaman terhadap penyakit DSD atau khunsa dengan catatan peratus sebanyak 19%. Diikuti selepasnya oleh masalah ketiadaan SOP khusus yang menyumbang kepada 11% daripada keseluruhan. Seterusnya, elemen-elemen yang mencatatkan jumlah peratus 9% masing-masing termasuklah masalah tempoh masa, masalah dokumen, masalah yang dihadapi oleh pesakit atau pemohon, dan masalah komunikasi atau pemahaman terhadap prosedur. Antara elemen yang diperhatikan dengan peratus yang tidak begitu tinggi dan tidak terlalu rendah adalah masalah jawatankuasa, masalah undang-undang, dan masalah berkaitan prasarana atau kemudahan, yang kesemuanya mencatatkan 7%. Di samping itu, masalah kewangan dan sokongan merupakan masalah tunggal yang mencatatkan jumlah peratus sebanyak 5%. Manakala, masalah yang mempunyai peratus terendah ialah kekurangan data pesakit dan pegawai yang berubah-ubah, yang hanya mencatatkan 3% daripada keseluruhan. Sementara itu, masalah tiada rujukan atau panduan merupakan elemen yang memiliki jumlah peratus yang terendah, iaitu 2%.

pesakit DSD atau khunsa perlu diadakan dengan lebih kerap oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan kemahiran mereka. Penerangan berterusan juga perlu disampaikan kepada masyarakat awam, sama ada melalui media elektronik atau media cetak.

Rujukan

- Ahmad Tarmizi Mahmud. (2015). Kes kecelaruan jantina (khunsa): satu analisis dari sudut syarak dan perubatan. *Jurnal Penyelidikan Islam, JAKIM*, 27, 77.
- Alias, W. N. H. W. (2015). *Malaysia tiada data lengkap khunsa*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/03/39371/malaysia-tiada-data-lengkap-khunsa>
- Amaral, R. C., Inacio, M., Brito, V. N., Bachega, T. A. S. S., Domenice, S., Arnhold, I. J. P. & Mendonca, B. B. (2015). Quality of life of patients with 46,XX and 46,XY disorders of sex development. *Clinical Endocrinology*, 82, 159-164. <https://doi.org/10.1111/cen.12561>
- Amelia PK2. (2020). Transkripsi Temu Bual (HUKM): Pengurusan Pertukaran Jantina Pesakit Disorder of Sex Development (DSD) Muslim di Malaysia . Pengkaji : Anisatul-Qalbi M.S (PI01003) Responden: Prof.Madya Dr.Ani Amelia Zainuddin (RT2) Lokasi : HUKM, Kuala Lumpur.
- Ani Amelia Zainuddin. (2014). *Outcomes of female patients with Congenital Adrenal Hyperplasia in Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anisatul-Qalbi M.S. (2017). *Pengklasifikasian Disorder of Sex Development (DSD) Menurut Perspektif Islam dan Perubatan*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Anisatul-Qalbi M.S, Ani Amelia Zainuddin, M. I. M. A. (2019). Disorder Of Sex Development (DSD): Pengklasifikasian menurut perspektif Islam Disorder of Sex Development (DSD): classification according to Islamic perspectives. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, (Special Issue), 173–187.
- Délot, E. C., Papp, J. C., Délot, E. C., Fox, M., Grody, W., Lee, H., & Vilain, E. (2017). Genetics of Disorders of Sex Development: The DSD-TRN Experience. *Endocrinology and Metabolism Clinics of North America*, 46(2), 519–537. <https://doi.org/10.1016/j.ecl.2017.01.015>.
- Hasan Al-Banna, M., Ab. Mumin, A. G., & Siti Arni, B. (2013). Sistem pengurusan Islam yang berkualiti mampu menjamin kepuasan pekerja: Suatu realiti dan cabaran masa hadapan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(1), 67–84. <https://doi.org/10.7187/gjat342013.03.01>.
- Hasnan Kasan. (2008). Kecelaruan jantina: Penyelesaiannya menurut Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 21, 123–136.
- Hughes, I. A. (2008). Disorders of sex development: a new definition and classification. *Best Practice and Research in Clinical Endocrinology and Metabolism*, 22(1). <https://doi.org/10.1016/j.beem.2007.11.001>
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi. (2001). Pengurusan Dari Perspektif Islam. *Jurnal Syariah*, 9(2), 85–102.

- ISNA, Intersex Society of North America. (2006). *Why is ISNA using "DSD"?*. <http://www.isna.org/node/1066>.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, Retrieved January, 2012, from http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf.
- Lee, P. A., Nordenström, A., Houk, C. P., Ahmed, S. F., Auchus, R., Baratz, A., & Witchel, S. (2016). Global Disorders of Sex Development Update since 2006: Perceptions, Approach and Care. *Hormone Research in Paediatrics*, 85(3), 158–180. <https://doi.org/10.1159/000442975>.
- Liao, L. M., & Simmonds, M. (2014). A values-driven and evidence-based health care psychology for diverse sex development. *Psychology and Sexuality*. <https://doi.org/10.1080/19419899.2013.831217>.
- Marsheila PK1. (2020). Transkripsi Temu Bual (JPN): Pengurusan Pertukaran Jantina Pesakit Disorder of Sex Development (DSD) Muslim di Malaysia . Pengkaji : Anisatul-Qalbi M.S (PI01003) Responden: Puan Marsheila Salamat (RT1) Lokasi: JPN, Putrajaya.
- Mohamed, M. S., Nurani, S., & Noor, M. (2014). Boy or girl : A Malaysian religious and ethical approach. *Revista Română de Bioetică*, 12(4).
- Muhammad Afif M.B.A.B.A, Haneef, S. S. S., & Ani Amelia Zainuddin. (2018). The gaps in fatwa on intersex corrective surgery: some reflections in the context of Malaysia. *Intellectual Discourse*, 26(1), 75–89.
- Selveindran, N. M., Syed Zakaria, S. Z., Jalaludin, M. Y., & Rasat, R. (2017). Quality of life in children with Disorders of Sex Development. *Hormone Research in Paediatrics*, 88(5), 324–330. <https://doi.org/10.1159/000478780>.
- Selveindran, N. M., Zakaria, S. Z. S., Jalaludin, M. Y., & Rasat, R. (2017). Behavioural Problems in Children with 46XY Disorders of Sex Development. *International Journal of Endocrinology*. <https://doi.org/10.1155/2017/5987490>.
- Taqwa PK3. (2020). Transkripsi Temu Bual (JAKIM): Pengurusan Pertukaran Jantina Pesakit Disorder of Sex Development (DSD) Muslim di Malaysia . Pengkaji : Anisatul-Qalbi M.S (PI01003) Responden: Ustazah Taqwa Zabidi (RT3) Lokasi : JAKIM. Putrajaya.
- Roziana PK4. (2020). Transkripsi Temu Bual (HKL): Pengurusan Pertukaran Jantina Pesakit Disorder of Sex Development (DSD) Muslim di Malaysia . Pengkaji : Anisatul-Qalbi M.S (PI01003) Responden: Dr.Roziana Hj. Ariffin (RT4) Lokasi : HKL, Kuala umpur.
- Mohd Nasir PK5. (2020). Transkripsi Temu Bual (USIM): Pengurusan Pertukaran Jantina Pesakit Disorder of Sex Development (DSD) Muslim di Malaysia . Pengkaji : Anisatul-Qalbi M.S (PI01003) Responden: Dr.Mohd Nasir Abdul Majid (RT5) Lokasi : Google Meet.
- Selveindran, N. M., Zakaria, S. Z. S., Jalaludin, M. Y., & Rasat, R. (2017). Behavioural Problems in Children with 46XY Disorders of Sex Development. *International Journal of Endocrinology*. <https://doi.org/10.1155/2017/5987490>.

- Siti Azwanie, P. Y. & H. (2021). Khunsa dan mukhannath menurut perspektif Hadith dan pengaruhnya di media sosial. *Sains Insani* 2021, 6(2), 9-15. <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/176/187>.
- Sulaiman, M., Sabian, N. A. A., & Othman, A. K. (2013). The understanding of Islamic management practices among Muslim managers in Malaysia. *Journal of Asian Social Science*. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n1p189>.
- Tamar-Mattis, A., Baratz, A., Baratz Dalke, K., & Karkazis, K. (2014). Emotionally and cognitively informed consent for clinical care for Differences of Sex Development. *Psychology and Sexuality*. <https://doi.org/10.1080/19419899.2013.831215>.
- Taqwa Zabidi. (2019). Analytical review of contemporary fatwas in resolving biomedical issues over gender ambiguity. *Journal of Religion and Health*, 58(1), 153–167. <https://doi.org/10.1007/s10943-018-0616-0>.
- Warne, G. L., & Raza, J. (2008). Disorders of Sex Development (DSDs), their presentation and management in different cultures. *Review Endocrine and Metabolic Disorders*, 9, 227–23. <https://doi.org/10.1007/s11154-008-9084-2>.
- Yusuf Ismail. (1996). *Mengurus secara Islam: Model dan Prinsip-Prinsip Pengurusan Islam bagi Individu dan Organisasi*. In IKIM. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Zainuddin, A. A., Grover, S. R., Soon, C. H., Ghani, N. A. A., Mahdy, Z. A., Manaf, M. R. A., & Shamsuddin, K. (2020). A Multicenter Cross-Sectional Study of Malaysian Females With Congenital Adrenal Hyperplasia: Their Body Image and Their Perspectives on Feminizing Surgery. *Journal of Pediatric and Adolescent Gynecology*, 33(5), 477–483. <https://doi.org/10.1016/j.jpag.2020.04.008>.
- Zainuddin, A. A., & Mahdy, Z. A. (2017). The Islamic Perspectives of Gender-Related Issues in the Management of Patients With Disorders of Sex Development. *Archives of Sexual Behavior*, 46(2), 353–360. <https://doi.org/10.1007/s10508-016-0754-y>.

Analisis Penguasaan Ilmu Qiraat terhadap Pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran Wa Al-Qiraat di Negeri Perak

Analysis of Qiraat Knowledge Proficiency among Diploma Students of Quranic Recitation and Qiraat in Perak

Nur Ahmad Wafiy bin Noor Azri (corresponding author)

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: [01163345457](tel:01163345457) E-mail: ahmadwafiy@usas.edu.my

Mohd Fuad bin Mokhtar

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: [0165682317](tel:0165682317) E-mail: fuad@usas.edu.my

Muhammad Hafiy bin Abd Razak

Maahad Tahfiz dan Kemukjizatan al-Quran, Kg. Ulu Kenderong, 33300 Gerik, Perak, Malaysia

Tel: [01128301680](tel:01128301680) Email: hafiy.rasmi@yahoo.com

Abstrak

Program Diploma Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* ini secara umumnya meliputi beberapa jenis kursus seperti kursus Tajwid al-Quran, *Madkhal fi al-'ilmi al-Qiraat*, *Tarikh al-Qurra*, *al-Qiraat al-'Ilmi*, *al-Qiraat al-'Amali*, *al-Rasm*, *al-Fawasil*, *al-Dobt* dan lain-lain. Manakala ruang lingkup yang dikhususkan dalam kajian ini adalah kursus *al-Qiraat al-'Amali* atau *al-Qiraat al-Tatbiqi* iaitu praktikal kepada bacaan al-Quran dengan pelbagai riwayat yang sahih daripada Baginda Nabi Muhammad SAW dengan jalan atau *Tariq al-Shatibiyyah* (Qiraat Tujuh) melalui matannya iaitu *Hirzu al-Amani Wa wajh al-Tahani*. Antara punca kajian ini dilaksanakan dengan melihat kepada penguasaan ilmu Tajwid yang lemah, kelemahan penguasaan bacaan al-Quran menerusi kaedah *talaqqi* dan *mushafahah* serta kelemahan penguasaan dalam ilmu Qiraat itu sendiri. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan para pelajar tentang asas ilmu Qiraat dan mengkaji tahap pemahaman mereka terhadap *manhaj qiraat Tariq al-Shatibiyyah*. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis tahap penguasaan para pelajar terhadap *manhaj qiraat Tariq al-Shatibiyyah* dalam pembacaan al-Quran. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif dan kuantitatif. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap pengetahuan asas ilmu Qiraat dan pemahaman tentang *manhaj qiraat Tariq al-Shatibiyyah* berada pada tahap yang tinggi, meskipun begitu tahap penguasaan *manhaj qiraat Tariq al-Shatibiyyah* dalam pembacaan al-Quran masih berada pada tahap yang rendah.

Kata kunci: Qiraat; Tahfiz; Tahap; Penguasaan.

Pengenalan

Program Diploma Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* diwujudkan bertujuan untuk melahirkan generasi Islam yang boleh menghafaz 30 juzuk al-Quran dan memahami isi kandungan al-Quran. Ia juga bagi memenuhi tuntutan semasa yang memerlukan para *huffaz*, *qurra'* dan *du'at* yang berkebolehan dan berkerampilan serta boleh menyelesaikan isu-isu keagamaan dalam masyarakat. Kebiasaannya tempoh minimum pengajian adalah tiga tahun (enam semester) dan tempoh maksimum adalah empat

tahun (lapan semester). Institusi yang menawarkan program Diploma Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* di negeri Perak adalah Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Maahad Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* negeri Perak (INTIM) dan Maahad Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* ADDIN.

Program tersebut ditawarkan bertujuan untuk melahirkan graduan dalam bidang Tahfiz al-Quran dan *al-Qiraat* yang berkemahiran dalam menyampaikan ilmu al-Quran dan *al-Qiraat* secara lisan dan penulisan serta berkebolehan melaksanakan tanggungjawab social kepada masyarakat. Sejarah maahad tahfiz al-Quran di Malaysia pada zaman ini, maahad tahfiz al-Quran mahupun institusi tahfiz sudah berkembang pesat secara global sama ada di negara arab ataupun luar dari negara arab. Perkembangan yang memberangsangkan ini jelas menunjukkan perubahan sikap masyarakat Islam terhadap usaha untuk memelihara al-Quran dengan cara menghafaznya (Abd Rahman, 2014). Di Malaysia khususnya, perkembangan pendidikan tahfiz al-Quran sudah mencapai satu tahap yang membanggakan. Keperluan dan kepentingan didalam pendidikan tahfiz al-Quran sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Sayuti (1987), iaitu untuk menjaga daripada terputusnya jumlah *mutawatir* al-Quran dan juga mengelak daripada usaha-usaha untuk menyelewengkan kandungan al-Quran. Abu Najihat (2002) juga turut menghuraikan bahawa kepentingan dan keperluan didalam pendidikan tahfiz ialah untuk menjaga *mutawatir* al-Quran.

Institusi yang menawarkan program Diploma Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* di negeri Perak:

i. Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

Sejarah Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) bermula pada tahun 1999, memperlihatkan transformasi cemerlang dari sebuah kolej menjadi universiti penuh. Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR) ditubuhkan di bawah Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1996, di atas titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan ketika itu, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah. Penubuhannya direalisasikan pada tahun 1999 dengan kampus sementara yang terletak di Jalan Dato' Seri Shaari, Off Jalan Raja di Hilir, Ipoh dan dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada 16 Oktober 1999. KISDAR ditubuhkan di bawah Enakmen Bil. 3 Tahun 2000, Enakmen Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Enakmen ini dibentang dan diluluskan oleh Dewan Negeri Perak pada 19 November 2001 dan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada 6 Mac 2002.

Pada 8 Februari 2006, Kerajaan Negeri Perak meluluskan kerja-kerja pembinaan kampus tetap KISDAR di atas sebidang tanah seluas 50 ekar yang diwakafkan Pemangku Raja Perak ketika itu, Raja Dr. Nazrin Shah di Chandan Putri, Kuala Kangsar dengan kos pembinaan berjumlah RM 66 juta dan siap pada tahun 2008. Pada 16 Julai 2009, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan ketika itu, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah telah merasmikan kampus tetap KISDAR.

KISDAR kemudian dinaik taraf kepada kolej universiti yang dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) dan didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) pada 4 Mac 2013. Tiga tahun kemudian pada 10 Jun 2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak mengisytiharkan KUISAS sebagai universiti penuh berkuat kuasa secara serta merta. Susulan itu Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) secara rasmi ditubuhkan pada 15 Jun 2016. Begitu juga bagi program Diploma Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* telah mendapat akreditasi penuh pada 23 Mac 2016 atas nama Universiti Sultan Azlan Shah (USAS).

ii. Maahad Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* Negeri Perak (INTIM)

Maahad Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* Negeri Perak (INTIM) merupakan pusat pengajian tahfiz yang paling awal ditubuhkan di Perak dan antara yang terawal di Malaysia yang memfokuskan pengajiannya dalam bidang al-Quran dan *al-Qiraat*. Ia telah ditubuhkan pada 1 September 1986 setelah mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak dalam bil.1099 bertarikh 9 Julai 1986 dan usaha gigih Dato' Meor Arif bin Abu Bakar yang merupakan Adun Lubuk Merbau. Penempatan Maahad ini telah mengalami lima kali proses perpindahan yang bermula di Masjid India Padang Ipoh, Perak, Masjid Negeri Ipoh, Jalan Dato' Syaari, Kg. Melayu Addin, Masjid Sultan Idris Shah II, Ipoh, Bangunan Majlis Agama Islam Perak di Jalan Garland, Ipoh, Bangunan Addin Jalan Lapangan Terbang, Ipoh dan akhirnya bertempat di Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM), Jalan Raja Musa Mahadi, Ipoh serta diletakkan di bawah pentadbiran INTIM, JAIPK dan dinamakan Unit Tahfiz. Kursus yang ditawarkan ialah Diploma Tahfiz al-Quran dan *al-Qiraat* dengan kerjasama Darul Quran JAKIM. Yuran pengajian ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan negeri serta mendapat biasiswa bulanan serta mendapat penginapan asrama serta makanan dan minuman secara percuma.

iii. Maahad Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* ADDIN

Maahad Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* (MTQ) ADDIN Perak dibina pada 17 Disember 1993 sebagai sebuah institusi pendidikan Islam swasta dan berasrama penuh berasaskan kebajikan dan memilih bidang hafazan al-Quran sebagai subjek teras di Kampung Tualang Sekah, Malim Nawar, Perak Darul Ridzuan. Pada mulanya MTQ ADDIN Perak ini dikelolakan oleh Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Perak. Kini MTQ ADDIN dikendalikan di bawah Yayasan ADDIN yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Syeikh Mohamad Nor bin Mansor Al-Hafiz. Maahad ini didaftarkan di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Perak. Setelah hampir 24 tahun beroperasi MTQ ADDIN telah berkembang pesat bagi menyesuaikan keperluan masyarakat setempat dan telah menubuhkan 20 cawangannya di seluruh negeri Perak dan sebuah cawangan di Raub, Pahang.

Pada Disember 2014, Yayasan Pendidikan Maahad Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* ADDIN Perak (Yayasan ADDIN) telah memeterai perjanjian persefahaman dengan Darul Quran JAKIM bagi menawarkan tempat kepada pelajar yang berkelayakan dan berminat menghafaz al-Quran program Diploma Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat*. Kerjasama ini membolehkan para pelajar MTQ ADDIN meneruskan pengajian di madrasah tersebut dengan mengikuti kurikulum yang telah ditetapkan oleh Darul Quran JAKIM. Buat masa ini, program tersebut hanya ditawarkan di Cawangan Maahad Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* ADDIN – 4, Tapah, Perak.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian campuran iaitu gabungan antara kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi menjayakan objektif kajian iaitu mengenalpasti tahap pengetahuan para pelajar berkenaan asas ilmu Qiraat, mengkaji tahap pemahaman para pelajar tentang *manhaj qiraat Tariq al-Shatibiyyah* dan menganalisis tahap penguasaan para pelajar tentang *manhaj qiraat Tariq al-Shatibiyyah*. Pemilihan Kawasan kajian ini adalah melibatkan tiga buah intitusi di negeri Perak iaitu Universiti Sultan Azlan Shah, Maahad Tahfiz al-Quran wal-Qiraat Negeri Perak (INTIM) dan Maahad Tahfiz al-Quran wa *al-Qiraat* Addin, Tapah. Pemilihan Sampel utama kajian pula dikhususkan kepada pelajar semester 5 atau 6 yang telah menyelesaikan silibus pembelajaran kursus *al-Qiraat al-'Amali* atau *al-Qiraat al-Tatbiqi* khusus bagi *Tariq al-Shatibiyyah* sahaja iaitu hanya 25 orang responden yang terlibat. Maklumat kajian ini dikumpul menggunakan pelbagai cara seperti dokumentasi, borang soal selidik dan temubual berstruktur. Manakala cara analisis data pada kajian

ini dijalankan secara deskriptif untuk menganalisis data daripada soal selidik dan penilaian temubual berstruktur untuk menghasilkan laporan kajian. Data yang telah diperoleh di analisis ini dengan berpandukan Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R. (2004) sebagai kayu pengukur kepada keputusan kajian. Kaedah yang digunakan untuk menganalisis data tersebut iaitu dengan *Statistic Package for Social Science* (SPSS) melalui data kekerapan, peratusan dan min.

Hasil Kajian Dan Perbincangan

i. Tahap Pengetahuan Para Pelajar Berkenaan Asas Ilmu Qiraat

Ilmu Qiraat merupakan satu ilmu yang sangat penting bagi pelajar-pelajar khususnya mereka yang mengikuti bidang pengajian al-Quran dan *al-Qiraat*. Ia sewajarnya dimasyarakatkan agar ilmu tersebut tidak terpinggir dan tersisih dari masyarakat Islam. Tahap pengetahuan ilmu *Qiraat* dalam kalangan responden secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan mendapat purata nilai min sebanyak 3.932. Analisis menunjukkan bahawa responden menguasai dengan baik pengetahuan dalam pengenalan ilmu *Qiraat*. Walau bagaimanapun, masih lagi ada beberapa item yang mempunyai nilai min yang rendah yang perlu ditambah penguasaannya dari sudut pengetahuan dan pendedahan tentang kitab-kitab rujukan ulama qiraat yang pelbagai serta rukun-rukun qiraat yang mesti diingati oleh semua yang mengambil jurusan qiraat ini.

Berdasarkan analisis bagi soalan berkaitan pengajian ilmu *Qiraat* dan pengetahuan tentang imam dan perawinya, responden menjawab dengan betul dan tepat bagi setiap item soalan-soalan dengan peratus 68% dan mengikut penilaian pemarkahan ia berada pada tahap 'kepujian' iaitu 'B'. Oleh hal yang demikian, antara kekurangan yang perlu ditambah adalah dari aspek penguasaan dari sudut pengetahuan dan pendedahan tentang kitab-kitab rujukan ulama Qiraat yang pelbagai serta rukun-rukun qiraat yang mesti diingati oleh semua yang mengambil jurusan Qiraat ini. Begitu juga pengetahuan asas tentang disiplin ilmu Qiraat seperti membezakan sama ada jalan yang dipelajari itu adalah *tariq al-Shatibiyyah* atau *tariq al-Jazariyyah*. Selain itu, terdapat juga penggunaan istilah yang masih lagi tidak bertepatan dalam penghuraian terhadap siapakah 'Imam' Qiraat, siapakah 'Perawinya', siapakah '*Turuqnya*' dan sebagainya.

ii. Tahap Pemahaman Para Pelajar Berkenaan *Manhaj Qiraat Tariq Al-Shatibiyyah*

Dapatan berkaitan persoalan kajian objektif yang kedua iaitu bagaimanakah tahap kefahaman para pelajar berkenaan *manhaj qiraat Tariq al-Shatibiyyah*, terjawab dengan kajian yang telah dijalankan melalui kaedah soal selidik di tiga institusi di negeri Perak. Pengkaji mendapati tahap pemahaman *manhaj qiraat Tariq al-Shatibiyyah* dalam kalangan responden secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan mendapat purata nilai min sebanyak 3.592. Terdapat juga jenis jawapan skala tahap kekerapan, peratusan bagi responden menjawab dengan betul dan tepat secara keseluruhan bagi setiap item soalan-soalan ini adalah 57.2% dan mengikut penilaian pemarkahan berada di tahap 'Lulus' iaitu 'C+'.

Dapatan kajian berkaitan pemahaman istilah dan *manhaj qiraat* dalam kalangan responden didapati masih tidak menguasai dan memahami sepenuhnya seperti siapakah perawinya serta bagaimana kaedah bacaannya, apakah wajah-wajah qiraatnya. Ini disebabkan oleh masalah kekeliruan dan kurang mahir dengan wajah-wajah qiraat yang ada terutama dari segi *Usul al-Qiraat* dan *Farsy al-Huruf* berkaitan Qiraat *Sab'ah*. Mereka juga tidak sempat dan kurang mengulang-kaji topik tersebut dan hanya menfokuskan kepada silibus semasa.

iii. Tahap Penguasaan Para Pelajar Berkenaan *Manhaj Qiraat Tariq Al-Shatibiyyah* Dalam Pembacaan Al-Quran

Dapatan berkaitan tahap penguasaan manhaj Qiraat dalam pembacaan al-Quran dalam kalangan responden secara keseluruhannya berada pada tahap yang rendah dengan mendapat 44% sahaja. Mengikut penilaian pemarkahannya berada di tahap 'gagal' iaitu 'D+'. Pengkaji mendapati bahawa penguasaan mereka terhadap menghurai dan menyatakan manhaj *Qiraat* masih berada pada tahap sederhana. Ini dapat dibuktikan bahawa mereka masih lagi keliru dan kurang mahir dengan maklumat-maklumat yang berkaitan wajah-wajah Qiraat dari segi *Usul Qiraat* dan *Farsy al-Huruf* berkaitan Qiraat *Sab'ah*. Analisis juga menunjukkan kurangnya penguasaan responden dalam kaedah yang melibatkan manhaj bagi riwayat *Warsh 'an Nafi* khususnya kaedah *Naqal* dan *Taghliz Lam*, kaedah Mad lin yang bertemu dengan huruf hamzah begitu juga dengan kaedah *Taqilil* dan *Imalah* bagi selain dari riwayat *Warsh*. Penguasaan responden agak baik bagi yang tidak terlibat dengan manhaj yang adanya khilaf atau wajah bacaan yang lebih dari satu.

Penguasaan ilmu *Qiraat* sangat penting bagi pelajar-pelajar khususnya mereka yang mengikuti bidang pengajian al-Quran dan *al-Qiraat*. Kesilapan bacaan yang dilakukan boleh menjejaskan hakikat makna al-Quran. Kesalahan berkenaan dengan ilmu Qiraat boleh terjadi apabila pelajar-pelajar tidak menguasai sepenuhnya pengajian qiraat melalui teori dan amali yang mereka pelajari secara formal. Tambahan lagi, terdapat juga pelajar yang hanya sekadar mendengar dan memahami apa sahaja yang diajarkan oleh tenaga pengajar sahaja secara teori sedangkan proses pengajian ilmu Qiraat mestilah bergerak seiring antara teori dan amali.

Kesimpulan

Dapatan daripada analisis yang dilakukan telah dapat mengenal pasti tahap pengetahuan para pelajar tentang asas ilmu *Qiraat*, tahap pemahaman para pelajar tentang *manhaj qiraat Tariq al-Shatibiyyah* dan tahap penguasaan para pelajar tentang *manhaj qiraat Tariq al-Shatibiyyah* dalam pembacaan al-Quran perlu diperkasakan serta diberikan pendedahan berkenaan dengan kitab-kitab rujukan utama dalam ilmu *Qiraat* di samping memperkukuhkan perkara asas dalam ilmu *Qiraat* seperti rukun-rukun qiraat, *tariq-tariq* yang dipelajari samada *Tariq al-Shatibiyyah* atau *Tariq al-Jazariyyah*. Begitu juga pemahaman istilah dan manhaj qiraat, *wajah-wajah* qiraat terutama dari segi *Usul al-Qiraat* dan *Farsy al-Huruf* berkaitan *Qiraat Sab'ah* juga perlu dipertingkatkan. Secara tuntasnya, suatu keperluan untuk menambah baik dari masa ke semasa sangat penting dengan memperkukuhkan dan mempertingkatkan penguasaan terhadap pembacaan al-Quran dan *al-Qiraat* dalam kehidupan harian.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri. (2006). Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran: Pendekatan Masakini. *Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Manaf A.J. (2016). Pengetahuan Kandungan Ilmu Qiraat Dalam Kalangan Guru Qiraat Di Malaysia. *3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC*.
- Abdul Rahman D. (2021). *Modul Efektif Formula Usul Qiraat As-Sab'ie*. Kelantan
- Abdullah M.N. (2013). *Manhaj Qiraat 10 berserta dalil Matan Imam As-Syatibi dan Matan Ad-Durrah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.

- Abu Najihat. (2002). *Panduan bagi Hafiz, Hafizah dan Qari, Qariah*. Selangor: Darul Iman.
- Daud, M. I., & Zakaria, R. (2021). Tahap Penguasaan Ilmu Qiraat di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong, Pahang. *Jurnal Qiraat*, 4(2), 51-63.
- Daud, Z., Saad, S., & Hussin, H. (2018). Tahap Keberkesanan Ilmu Tajwid: Analisis Terhadap Sekolah Tahfiz Swasta di Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 24-35. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol0no0.23>
- Hashim, I. Z. (2008). Abu Bakr Ibn Mujahid dan Sumbangannya Terhadap Perkembangan Ilmu Qiraat Berasaskan Kitab al-Sab'ah. (Disertasi Sarjana Usuluddin). Universiti Malaya.
- Muhamad, N., Hashim, A., Abdullah, W. H., Kamarul, M. K., & Zamri, F. A. (2019). Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran Al Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32), 273-283.
- Mushaf Al-Quran Qiraat Asyara. (2013). Penerbitan Dar Hakamah.
- Nor Hashim, M. H., & Kadir, M. N. (2019). Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Asas Qirā'āt Dan Pengetahuan Bacaan Riwayat Hafs Oleh Pelajar Maahad Johor. *Jurnal Qiraat*, 2(1), 1-12.
- Al-Sayuti, A. R. J. (1987). *Al-Itqan fi ulumul Quran*. Maktabah Mustafa al-Bab al-Halaby.

Analisis Perbandingan Fatwa berkaitan Hukum Jual Beli Emas Perhiasan yang Dikeluarkan oleh Institusi Fatwa di Malaysia

Comparative Analysis of Fatwas Relating to the Rule of Buying and Selling Gold Jewelry Issued by Fatwa Institutions in Malaysia

Mohd Farouq Nukman bin Zamri (Corresponding Author)

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,
33000 Kuala Kangsar, Perak.

farouqnukman@usas.edu.my

Mohamad Rizal, M. N.

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,
33000 Kuala Kangsar, Perak.

rizal@usas.edu.my

Abdul Manan bin Ismail

Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan.

manan@usim.edu.my

Abstrak

Dalam perbahasan fiqah Islam, para ilmuan berbeza pandangan dalam menentukan hukum jual beli emas perhiasan, sama ada ia masih terikat dengan syarat-syarat barangan *ribawi* ataupun tidak. Dalam konteks kehidupan beragama, fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa adalah antara rujukan utama yang perlu dirujuk, terutamanya dalam isu-isu yang terdapat perbezaan pendapat padanya. Uniknya di Malaysia, terdapat dua institusi fatwa yang berpengaruh dalam mengeluarkan fatwa iaitu (1) Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JMMKBHEUIM) di bawah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) dan (2) 14 jabatan mufti negeri yang diketuai oleh mufti yang berbeza. Justeru, artikel ini berhasrat untuk membandingkan fatwa-fatwa berkaitan hukum jual beli emas perhiasan yang dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia. Kajian ini sepenuhnya berasaskan kepada reka bentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan datanya pula bersandarkan kepada kaedah analisis dokumen menerusi pembacaan terhadap fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia. Maklumat yang diperoleh seterusnya dianalisis melalui pendekatan analisis tematik (*thematic analysis*) dan analisis perbandingan (*comparative analysis*) dengan menjuruskan kepada hukum jual beli emas perhiasan. Hasil kajian bagi artikel ini mendapati bahawa sekurang-kurangnya terdapat sembilan fatwa berkaitan hukum jual beli emas perhiasan telah dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia. Kesemua fatwa yang ditemui bukanlah dalam kategori fatwa rasmi yang diwartakan dan kesemua fatwa tersebut berpandangan bahawa jual beli emas perhiasan dengan wang kertas tidak terikat dengan syarat-syarat barangan *ribawi*. Namun begitu, terdapat terdapat perbezaan cara penghujahan di sebalik fatwa yang telah dikeluarkan. Secara zahirnya, semua fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia dilihat cenderung untuk memberi kemudahan kepada penjual dan pembeli emas perhiasan untuk tidak terikat dengan syarat-syarat barangan *ribawi*, sekali gus mengeluarkan ramai masyarakat daripada dihukum terlibat dengan dosa riba.

Kata kunci: Barangan *Ribawi*; Emas Perhiasan; Fatwa; Institusi Fatwa; Jabatan Mufti Negeri

Pendahuluan

Dalam perbahasan fiqah Islam, para ilmuwan berbeza pandangan dalam menentukan hukum jual beli emas perhiasan, sama ada ia masih terikat dengan syarat-syarat barangan *ribawi* ataupun tidak. Dalam konteks kehidupan beragama, fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa adalah antara rujukan utama yang perlu dirujuk, terutamanya dalam isu-isu yang terdapat perbezaan pendapat padanya.

Secara umumnya, Malaysia mempunyai sistem institusi fatwa yang unik. Hal ini kerana terdapat dua institusi fatwa yang berpengaruh dalam mengeluarkan fatwa iaitu (1) Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JMMKBHEUIM) di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) dan (2) 14 jabatan mufti negeri yang diketuai oleh mufti yang berbeza (Mamat et al., 2013; Rosele & Haji Abdullah, 2021). Secara lebih terperinci, pihak yang mempunyai autoriti untuk mengeluarkan fatwa adalah jabatan mufti negeri berbanding JMMKBHEUIM yang hanya mengeluarkan pandangan hukum tanpa melalui proses pengeluaran dan pewartaan fatwa (Salleh et al., 2017).

Selanjutnya, menurut Kasan (2006), fatwa yang dikeluarkan oleh jabatan mufti negeri pula boleh dikelaskan kepada tiga kategori iaitu:

1. Fatwa rasmi yang diwartakan dan mempunyai keterikatan undang-undang.
2. Fatwa yang tidak diwartakan dan tidak berkuat kuasa ke atas mana-mana pihak.
3. Pandangan peribadi mufti dan tidak dianggap sebagai fatwa berdasarkan peruntukan di Malaysia serta dikenali sebagai *irsyad fatwa*.

Walau bagaimanapun, artikel ini berhasrat untuk mengenal pasti semua jenis fatwa atau pandangan hukum berkaitan hukum jual beli emas perhiasan yang dikeluarkan oleh JMMKBHEUIM dan jabatan mufti negeri, sama ada fatwa yang diwartakan, tidak diwartakan mahupun sekadar *irsyad fatwa*. Seterusnya, perbandingan terhadap fatwa-fatwa yang ditemui akan dilakukan untuk mencari titik persamaan dan perbezaan yang wujud.

Metodologi Kajian

Kajian ini sepenuhnya berasaskan kepada reka bentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini pula adalah bersandarkan kepada kaedah analisis dokumen menerusi pembacaan terhadap fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia. Data-data tersebut diperolehi melalui laman sesawang e-fatwa.gov.my, laman sesawang rasmi jabatan mufti negeri seluruh Malaysia dan pihak jabatan mufti negeri.

Sekurang-kurangnya satu sampel fatwa dari setiap lima bahagian geografi di Malaysia dikumpul iaitu (1) utara Semenanjung Malaysia, (2) tengah Semenanjung Malaysia, (3) selatan Semenanjung Malaysia, (4) timur Semenanjung Malaysia dan (5) Malaysia Borneo. Semua data yang diperolehi seterusnya dianalisis melalui pendekatan analisis tematik (thematic analysis) dan analisis perbandingan (comparative analysis) dengan menjuruskan kepada hukum jual beli emas perhiasan.

Analisis Perbandingan Fatwa Berkaitan Hukum Jual Beli Emas Perhiasan yang dikeluarkan oleh Institusi Fatwa di Malaysia

Melalui pencarian dalam laman sesawang e-fatwa.gov.my dan laman sesawang rasmi jabatan mufti negeri seluruh Malaysia, kajian telah menemui tujuh fatwa berkaitan jual beli emas perhiasan yang dikeluarkan oleh JMMKBHEUIM dan lima jabatan mufti negeri di Malaysia. Lima jabatan mufti negeri yang dimaksudkan adalah (1) Jabatan Mufti Negeri Perlis, (2) Jabatan Mufti Negeri Kedah,

(3) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, (4) Jabatan Mufti Negeri Johor dan (5) Jabatan Mufti Sarawak.

Adapun fatwa daripada sembilan jabatan mufti negeri yang lain tidak ditemui. Sembilan jabatan mufti negeri yang dimaksudkan adalah (1) Jabatan Mufti Pulau Pinang, (2) Jabatan Mufti Negeri Perak, (3) Jabatan Mufti Negeri Selangor, (4) Jabatan Mufti Negeri Sembilan (5) Jabatan Mufti Negeri Melaka, (6) Jabatan Mufti Negeri Pahang, (7) Jabatan Mufti Negeri Terengganu, (8) Jabatan Mufti Negeri Kelantan dan (9) Jabatan Mufti Sabah.

Maklumat yang diperoleh melalui laman sesawang e-fatwa.gov.my dan laman sesawang rasmi jabatan mufti negeri seluruh Malaysia ini telah mewakili sampel bagi beberapa bahagian geografi di Malaysia iaitu (1) Jabatan Mufti Negeri Perlis dan Jabatan Mufti Negeri Kedah mewakili bahagian utara Semenanjung Malaysia, (2) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan mewakili bahagian tengah Semenanjung Malaysia yang juga merupakan Wilayah Persekutuan Malaysia, (3) Jabatan Mufti Negeri Johor mewakili bahagian selatan Semenanjung Malaysia, dan (4) Jabatan Mufti Sarawak mewakili Malaysia Borneo.

Walau bagaimanapun, tiada sampel fatwa bagi jabatan mufti negeri di bahagian timur Semenanjung Malaysia ditemui. Justeru, beberapa jabatan mufti negeri di bahagian timur Semenanjung Malaysia telah dihubungi untuk mendapatkan maklumat sama ada terdapat fatwa berkaitan hukum jual beli emas perhiasan mahupun tidak. Hal ini kerana antara cabaran pengkaji dalam menjalankan kajian ini adalah terdapat beberapa laman sesawang jabatan mufti negeri tidak dikemas kini dengan baik. Hasilnya, kajian telah memperoleh fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Terengganu dan Jabatan Mufti Negeri Kelantan berkaitan isu ini. Secara zahirnya, terdapat kemungkinan tujuh lagi jabatan mufti negeri yang tidak ditemui fatwa mereka berkaitan hukum jual beli emas perhiasan, turut mempunyai fatwa berkaitan isu tersebut namun tidak dikemas kini dalam laman sesawang mereka.

Berikut adalah perincian sembilan fatwa berkaitan jual beli emas perhiasan yang dikeluarkan oleh JMMKBHEUIM dan tujuh jabatan mufti negeri di Malaysia.

Jadual 1: Fatwa Berkaitan Jual Beli Emas Perhiasan

| Bil. | Fatwa | Tahun Keputusan Fatwa | Status Fatwa | Perincian | Sumber Rujukan |
|------|---|-----------------------|-----------------|--|--|
| 1. | Keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan (JMMKBHEUIM) | 2011 | Pandangan Hukum | “Syarat-syarat tersebut adalah khas bagi emas yang bercirikan item <i>ribawi</i> , seperti emas jongkong dan syiling emas. Syarat ini tidak termasuk barang perhiasan emas kerana ia telah terkeluar daripada ‘ <i>illah ribawi</i> .” | (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.th.) |
| 2. | Jabatan Mufti Negeri Perlis | 2019 | Tiada Maklumat | “Emas di dalam syariat Islam adalah barangan <i>ribawi</i> . Adapun barangan kemas emas perhiasan 916 / 22 karat dan ke bawah; hukum pertukaran yang berbeza berat (<i>tafadhul</i>) di antara pelanggan dengan kedai atau kedai dengan pengilang adalah diharuskan disebabkan upah pemprosesan dan tempaan, keperluan meringankan kesukaran transaksi dan meraikan ‘ <i>uruf tijari</i> (realiti amalan semasa).” | (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2021) |
| 3. | | 1993 | Tidak Warta | “Sah menjual barang hiasan yang dibuat daripada emas dan perak secara tangguh.” | (Jabatan Kemajuan |

| | | | | | |
|----|-----------------------------------|--------------|---------------------|---|--|
| | Jabatan Mufti Negeri Kedah | Tiada Tarikh | Tiada Maklumat | <p>“Jawatankuasa berpendapat bahawa muamalat jual beli emas dan perak dengan bayaran tangguh telah berlaku di dalam masyarakat dengan lumrah dan muamalat boleh dikatakan sebagai perkara yang dihajati dan tiada pula mengakibatkan penipuan atau lain-lain perbuatan yang menyebabkan perseteruan bahawa menjual barang-barang kemas emas dan perak dengan bayaran ringgit, wang kertas atau duit syiling dengan bertangguh atau beransur-ansur adalah sah iaitu berdasarkan kepada pendapat ulama seperti di dalam (ii) di atas: [Qaul yang kedua, ‘illah riba kedua-dua logam itu (emas dan perak) ialah penguasaan atau kekuatan harga dan nilai (<i>ghalabah al-thamaniah</i>) qaul ini adalah qaul yang masyhur di sisi Imam Malik dan Imam Syafie. ‘Illah di sisi mereka berdua ini tertentu semata-mata kepada emas dan perak, mata wang syiling (fulus) terkeluar daripadanya sekalipun ia laku seperti lakunya emas dan perak kerana harga dan nilai baginya adalah perkara yang mendatang (<i>tori</i>). Dengan itu, tiada riba pada wang-wang syiling juga wang-wang kertas.]”</p> | Islam Malaysia, t.th.) (Jabatan Mufti Negeri Kedah, t.th.) |
| 4. | Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan | 2023 | <i>Irsyad Fatwa</i> | <p>“Emas perhiasan atau emas yang ditempa tidak lagi dianggap sebagai wang pertukaran maka ia terkeluar daripada illah item <i>ribawi</i>. Justeru, urusaniaga emas perhiasan secara <i>trade-in</i> adalah dibenarkan berdasarkan sebahagian pandangan fuqaha yang menyatakan emas perhiasan bukan item <i>ribawi</i>. Maka, pandangan tersebut dipilih untuk diaplikasikan dalam transaksi emas perhiasan tanpa terikat dengan syarat-syarat jual beli yang bercirikan item <i>ribawi</i>.”</p> | (Muhammad Fathi Noordin, 2023) |
| 5. | Jabatan Mufti Johor | 2010 | Tidak Warta | <p>“Urus niaga jual beli emas secara ansuran atau hutang yang dikendalikan oleh Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) adalah harus mengikut hukum syara’.”</p> | (Al Irsyad Jabatan Mufti Johor, t.th.) |
| 6. | Jabatan Mufti Negeri Terengganu | 2024 | <i>Irsyad Fatwa</i> | <p>“Syarat-syarat tersebut adalah khas bagi emas yang bercirikan item <i>ribawi</i>, seperti emas jongkong dan syiling emas. Syarat ini tidak termasuk barang perhiasan emas kerana ia telah terkeluar daripada ‘illah <i>ribawi</i>.”</p> | (Syed Hadzrullathhfi, 2024) |
| 7. | Jabatan Mufti Negeri Kelantan | 2012 | Tidak Warta | <p>“Syarat-syarat tersebut adalah khas bagi emas yang bercirikan item <i>ribawi</i>, seperti emas jongkong dan syiling emas. Syarat ini tidak termasuk barang perhiasan emas kerana ia telah terkeluar daripada ‘illah <i>ribawi</i>.”</p> | (Jemaah Ulama’ Majlis Agama Islam Kelantan, 2012) |
| 8. | Jabatan Mufti Sarawak | 2014 | Tidak Warta | <p>“Syarat-syarat tersebut adalah khas bagi emas yang bercirikan item <i>ribawi</i>, seperti emas jongkong dan syiling emas. Syarat ini tidak termasuk barang perhiasan emas kerana ia telah terkeluar daripada ‘illah <i>ribawi</i>.”</p> | (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.th.) |

Berdasarkan Jadual 1 di atas, dapat disimpulkan bahawa semua fatwa yang dikeluarkan oleh JMMKBHEUIM dan jabatan mufti negeri di Malaysia memilih pandangan yang membenarkan jual beli emas perhiasan secara ansuran. Selain itu, tiada fatwa berkaitan hukum jual beli emas perhiasan ini dikategorikan sebagai fatwa rasmi yang diwartakan. Ia hanya sekadar fatwa yang tidak diwartakan atau *irsyad fatwa* sahaja.

Walaupun semua fatwa yang ditemui memilih pandangan yang membenarkan jual beli emas perhiasan secara ansuran, namun begitu terdapat perbezaan dalam cara penghujahan mereka di sebalik pandangan yang telah dipilih seperti berikut:

Jadual 2: Cara Penghujahan Fatwa

| No. | Jabatan Mufti Negeri | Cara Penghujahan Fatwa |
|-----|--|---|
| 1. | MJFK, Jabatan Mufti Negeri Perlis, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Mufti Negeri Terengganu, Jabatan Mufti Negeri Kelantan dan Jabatan Mufti Sarawak | Berpendapat bahawa emas perhiasan tidak termasuk dalam kategori barangan <i>ribawi</i> . Jabatan Mufti Negeri Perlis dan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan memperincikan penghujahan ini dengan menyatakan bahawa emas perhiasan mempunyai upah tempaan. Tambahan daripada itu, Jabatan Mufti Negeri Perlis juga menguatkan penghujahan mereka dengan menyatakan terdapat keperluan meringankan kesukaran transaksi dan meraikan <i>'uruf tijari</i> (realiti amalan semasa). |
| 2. | Jabatan Mufti Negeri Kedah | Berpendapat bahawa duit kertas tidak termasuk dalam kategori barangan <i>ribawi</i> . Selain itu, fatwa ini juga mengambil kira realiti berikut: 1) Muamalat jual beli emas dan perak dengan bayaran tangguh telah berlaku di dalam masyarakat dengan lumrah. 2) Boleh dikatakan sebagai muamalat yang dihajati oleh masyarakat. 3) Tidak mengakibatkan penipuan atau lain-lain perbuatan yang menyebabkan perseteruan. |
| 3. | Jabatan Mufti Negeri Johor | Tidak menyatakan cara penghujahan fatwa. |

Berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2, didapati bahawa semua fatwa berkaitan jual beli emas perhiasan yang telah diperoleh adalah tidak selari dengan pandangan jumhur ulama. Menurut Rafiq Yunus (1997) dan Saddam Abdul Qadir (2003), terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama berkaitan hukum jual beli emas perhiasan. Pandangan pertama adalah pandangan jumhur ulama yang berpendapat jual beli emas perhiasan secara bertangguh adalah haram kerana emas perhiasan masih termasuk dalam kategori barangan *ribawi*, manakala pandangan kedua adalah pandangan Ibn Taimiyyah dan Ibn al-Qayyim yang berpendapat jual beli emas perhiasan secara bertangguh adalah harus kerana emas perhiasan tidak lagi termasuk dalam kategori barangan *ribawi*.

Justeru, fatwa yang dikeluarkan oleh JMMKBHEUIM, Jabatan Mufti Negeri Perlis, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Mufti Negeri Terengganu, Jabatan Mufti Negeri Kelantan dan Jabatan Mufti Sarawak adalah selari dengan pandangan kedua iaitu pandangan Ibn Taimiyyah dan Ibn al-Qayyim. Ibn al-Qayyim (1977) menjelaskan proses tempaan yang telah dilakukan terhadap emas perhiasan merubah statusnya daripada barangan *ribawi* kepada komoditi biasa. Perkara ini juga telah dinyatakan dalam penghujahan fatwa atau pandangan hukum daripada Jabatan Mufti Negeri Perlis dan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Realiti semasa juga turut menyokong pandangan ini apabila harga emas perhiasan biasanya akan susut nilai sehingga 20 peratus tatkala dijual kembali (Asmadi Mohamed Naim, 2017).

Jabatan Mufti Negeri Kedah pula bersendirian dalam mengemukakan cara penghujahan fatwa mereka dengan menyatakan wang kertas tidak termasuk dalam kategori barangan *ribawi* dan menyamakan wang kertas dengan fulus. Mereka mengatakan pandangan ini adalah pandangan yang masyhur di sisi Imam Malik dan Imam Syafie. Selain itu, Muhammad Tawfiq Ramadan al-Buti (1998) menyatakan pandangan menyamakan wang kertas dengan fulus ini juga disokong oleh sebahagian ulama semasa seperti Sheikh Muhammad 'Ulaysy, Sheikh Ahmad Ridha al-Barelwi al-Hindi, Sheikh Sulaiman Khalil al-As'aradi, Dr. Mahmud al-Khalidi, Sheikh Ahmad al-Khatib, Sheikh Ahmad Khatib al-Jawi dan Sheikh Muhammad Sulaiman al-Asyqar. Adapaun Jabatan Mufti Negeri Johor tidak memberi sebarang justifikasi di sebalik pandangan membenarkan jual beli emas perhiasan secara bertanggung.

Hasilnya, kajian merumuskan hukum jual beli emas perhiasan secara bertanggung dalam konteks kehidupan semasa (proses jual dan beli menggunakan wang kertas sebagai perantara) boleh dibahagikan kepada tiga pandangan:

1. Pandangan pertama: Haram kerana emas perhiasan dan wang kertas adalah barangan *ribawi*.
2. Pandangan kedua: Harus kerana emas perhiasan adalah komoditi biasa.
3. Pandangan ketiga: Harus kerana wang kertas tidak termasuk dalam kategori barangan *ribawi*.

Adapun dalam konteks fatwa berkaitan hukum jual beli emas perhiasan yang dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia, hanya pandangan kedua dan pandangan ketiga yang telah dipilih untuk diutarakan dan dipraktikkan kepada masyarakat awam.

Kesimpulan

Didapati sekurang-kurangnya terdapat sembilan fatwa berkaitan hukum jual beli emas perhiasan telah dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia. Kesemua fatwa yang telah ditemui bukanlah dalam kategori fatwa rasmi yang diwartakan dan kesemua fatwa tersebut berpandangan bahawa jual beli emas perhiasan dengan wang kertas tidak terikat dengan syarat-syarat barangan *ribawi*. Namun begitu, terdapat perbezaan cara penghujahan di sebalik fatwa yang telah dikeluarkan.

Kajian ini tidak memperincikan perbahasan berkaitan pandangan manakah yang lebih kuat dari segi dalil dan cara penghujahannya. Namun begitu, secara zahirnya semua fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia yang ditemui, kelihatannya cenderung untuk memberi kemudahan kepada penjual dan pembeli emas perhiasan untuk tidak terikat dengan syarat-syarat barangan *ribawi*, sekali gus mengeluarkan ramai masyarakat daripada dihukum terlibat dengan dosa riba.

Hal ini selari dengan ciri-ciri fatwa yang berkualiti, antaranya adalah fatwa yang mengutamakan prinsip kemudahan berbanding menyusahkan dan mengambil kira kepelbagaian kelompok masyarakat yang mempunyai perbezaan dari segi pemikiran, budaya, kemampuan fizikal dan tahap pegangan mereka terhadap agama (Ismail, 2020).

Rujukan

- Al Irsyad Jabatan Mufti Johor. (n.d). *Mohon fatwa mengenai urusan jual beli emas secara ansuran/hutang*. Retrieved May 19, 2024, from https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=279
- Asmadi Mohamed Naim. (2017). *Q&A Muamalat: Pencerahan 48 Kekeliruan Isu Jual Beli Semasa*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad. (1977). *I'lam al-Muwaqqi'in: Tahqiq Muhammad Muhyiddin Abd Hamid* (Jil. 2). Beirut: Dar al-Fikr.
- Ismail, A. M. (2020). Fatwa sebagai mekanisme pencegahan penularan pandemik Covid-19: Fatwa as preventive mechanism of containing the spread of Covid-19 pandemic. *Journal of Fatwa Management and Research*, 22(1), 14–25. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol22no1.321>
- Jabatan Mufti Negeri Kedah. (n.d). *Himpunan Fatwa 2 Negeri Kedah Darul Aman*. Jabatan Mufti Negeri Kedah & Majlis Agama Islam Negeri Kedah.
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2021). *Himpunan Keputusan Fatwa Negeri Perlis: Tahun 2018-2020*. Jabatan Mufti Negeri Perlis & Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (t.th.). *Parameter Pelaburan Emas*. Retrieved May 19, 2024, from <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10283>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (t.th.). *Menjual Barangan Hiasan Daripada Emas dan Perak*. Retrieved May 19, 2024, from <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10665>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (n.d). *Parameter Pelaburan Emas*. Retrieved May 19, 2024, from <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/16018>
- Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam Kelantan. (2012). *Fatwa Tahun 2012: Hukum Jual Beli Emas dan Pelaburannya*. Kertas Mesyuarat Jemaah Ulama' Bilangan 3/1/2012.
- Kasan, H. (2006). Prosedur Mengeluar dan Menguatkuasa Fatwa di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 10, 2-3. <https://journalarticle.ukm.my/1678/>
- Mamat, Z., Mohamad, M. N., & Omar, H. H. (2013). Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri: Satu Analisis Persamaan dan Perbezaan Fatwa Tahun 2000-2009. *International Journal of Management Studies*, 20(2), 145–166. <https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ijms/article/view/10401>
- Muhammad Fathi Noordin. (2023, Februari 10). *Irsyad Hukum Siri ke-753: Hukum Jual Beli Emas Perhiasan Secara Trade-in*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5528-irsyad-al-fatwa-siri-ke-753-hukum-jual-beli-emas-perhiasan-secara-trade-in>
- Muhammad Tawfiq Ramadan al-Buti. (1998). *Al-Buyu' al-Sya'ri'ah wa Athar Dawabit al-Mabi' c'ala Syar' iyyatiha*. Damsyik: Dar al-Fikr.

- Rafiq Yunus. (1997). Ahkam Bay^c wa Syira' Huli al-Zahab wa al-Fiddah. *Majallah Jami^cah al-Malik^c Abd al-^c Aziz: al-Iqtisad al-Islamiy*, 9, 37-68. https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3093552
- Rosele, M. I., & Haji Abdullah, L. (2020). Analisis terhadap fatwa-fatwa zakat syarikat di Malaysia: An analysis of zakah on company fatwa's in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 23(1), 1–12. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol23no1.211>
- Saddam Abdul Qadir. (2003). *Bay^c al-Zahab wa al-Fidhah wa Tatbiqatuhu al-Mu^casirah fi al-Fiqh al-Islamiy*. [Tesis Sarjana yang tidak Diterbit]. Al-Jami^cah al-Urduniah.
- Salleh, M. K. M., Samuri, M. A. A., & Kashim, M. I. A. M. (2017). Konflik di antara fatwa dan keputusan panel syariah dalam kes muamalat di mahkamah Malaysia. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies*, 39(2), 113-124. <https://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/22609>
- Syed Hadzrullathhfi. (2024, 11 Jun). *Memohon Maklumat Fatwa atau Pandangan Hukum Berkaitan Jual Beli Emas Perhiasan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Terengganu*. Surat Rasmi: Jabatan Mufti Negeri Terengganu, JMN.TR.610/1/8/9 JLD. 5(32).

Faktor Pemilihan Bidang Usuluddin (Hadis) dalam Kalangan Mahasiswi Universiti Sultan Azlan Shah

Exploring the Factors of Selection for Usuluddin (Hadith) Study among Female Students at Sultan Azlan Shah University

Nurnisa Aqilah (*Corresponding author*)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Tel: +60198044909. E-mel: qeelaaqeela8@gmail.com

Sakinah, A. M.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Tel: +60125694454. E-mel: sakinah@usas.edu.my

Abstrak

Ilmu Hadis merupakan sebuah ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu Islam kerana hadis merupakan sumber kedua setelah al-Quran. Namun demikian, masih ramai yang mempelajari hadis tetapi belum lagi sampai kepada tahap menguasai ilmu ini dengan sebaiknya. Tambahan pula, bilangan wanita yang mendalami ilmu hadis dan menjadi pakar dalam bidang ini sangat sedikit berbanding golongan lelaki. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor pemilihan bidang hadis bagi para mahasiswi Universiti Sultan Azlan Shah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang telah dijalankan terhadap 12 individu mahasiswi Universiti Sultan Azlan Shah yang mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadis) dengan menggunakan kaedah temu bual berstruktur. Data dianalisis secara tematik. Berdasarkan hasil kajian terdapat banyak faktor yang mempengaruhi para mahasiswi Universiti Sultan Azlan Shah untuk memilih bidang Usuluddin (Hadis) di universiti. Faktor minat menjadi tunjang utama terhadap mahasiswi untuk memilih bidang hadis sebagai jurusan di universti. Diharapkan dengan maklumat yang diperolehi daripada kajian ini dapat membantu banyak pihak untuk menarik lagi minat golongan wanita agar mendalami ilmu ini dan tekun mempelajarinya sehingga menjadi seseorang yang pakar dalam ilmu hadis lalu dapat menyebar luas ilmu ini kepada masyarakat, negara dan dunia.

Kata kunci: Faktor; Pemilihan; Bidang Usuluddin; Hadis; Mahasiswi USAS.

Pengenalan

Hadis secara istilahnya membawa maksud sesuatuyang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat, sama ada berlaku sebelum dibangkitkan menjadi Rasul seperti tahannuth iaitu ibadat yang dilakukan Rasulullah SAW di Gua Hira, atau sesudah menjadi Rasul (Al-Khaṭīb, 1961). Al-Quran dan hadis merupakan dua sumber utama buat umat sejagat dan mengandungi petunjuk kepada manusia bagi mencapai keamanan dan kejayaan dunia dan akhirat. Kesucian al-Quran dan hadis telah dipelihara oleh Allah SWT sehingga hari kiamat. Kedua-dua sumber ini kekal asli dan tidak akan diselewengkan walaupun melangkaui zaman (Deraman, 2005). Pemeliharaan ke atas al-Quran dan hadis ini telah dirakamkan dalam firman-Nya yang bermaksud: “*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya.*” (al-Quran 15:9).

Perkataan ‘kami’ dalam dalil di atas kerana ada keterlibatan yang lain dalam memelihara kesucian al-Quran. Mereka yang menjaga al-Quran seperti para hafiz dan mereka yang mendalami ilmu al-Quran dan tafsir adalah insan yang terpilih dalam menjaga kesucian al-Quran. Begitu juga dengan hadis, individu yang dianugerahkan peluang berada dalam lapangan ilmu hadis, perlu bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu hadis dan menjaga kesuciannya. Golongan lelaki mahupun wanita yang berada dalam bidang hadis harus menggembeng tenaga dengan berkhidmat sepenuhnya dalam bidang hadis (Husin, 2022).

Islam telah menegaskan dasarnya dengan jelas berkaitan peranan wanita di dalam segala aspek kehidupan terutamanya di dalam pendidikan. Penegasan ini sejak kemunculan Islam pada abad ke enam Masihi, dan menjadi tunjang kepada dasar pengajaran Islam sehingga kini. (Abdul Rahman et al., 2017). Meskipun realitinya pendidikan pengajian hadis sudah diperkenalkan sejak peringkat awal persekolahan, namun terdapat banyak kajian mendapati bahawa nisbah wanita yang menyertai lapangan hadis berada pada tahap yang rendah dan lemah. Pengajian hadis pada masa sekarang berada dalam serba kurang dan pelajar-pelajarnya tidak mampu untuk berdepan dengan cabaran-cabaran semasa termasuk gerakan yang mempertikaikan autoriti hadis (Yusop, 2011). Selain itu, pada peringkat universiti juga, para pelajar perempuan yang mengambil bidang hadis sebagai jurusan di universiti juga berada pada tahap yang rendah dengan faktor yang pelbagai.

Oleh itu, kajian ini penting dijalankan untuk mengenal pasti faktor pemilihan bidang Usuluddin (Hadis) dalam kalangan mahasiswi Universiti Sultan Azlan Shah agar lebih ramai lagi pelajar lain terutama dalam golongan wanita tertarik dan berminat untuk mengambil jurusan ini di peringkat intelektual universiti.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang merupakan satu cara untuk meneroka dan memahami sesuatu individu atau kumpulan berkaitan dengan permasalahan sosial (Creswell, 2003). Kajian berbentuk kualitatif ini diaplikasikan kerana dalam konteks kajian ini, menepati tujuan untuk mendapatkan gambaran realiti dan juga pandangan para responden dalam memilih hadis sebagai jurusan pembelajaran di universiti. Oleh itu data primer bagi kajian ini akan diperolehi melalui sesi temu bual berstruktur bersama responden iaitu para pelajar golongan wanita Usuluddin (Hadis) yang terlibat dengan kajian yang mengambil pengkhususan dalam bidang Hadis. Temu bual atau perbualan telah digunakan sejak zaman dahulu untuk mendapatkan pengetahuan, seperti Socrates mendapatkan pengukuhan pengetahuan falsafahnya melalui perbincangan dengan penentang beliau iaitu Sophisnya (Liamputtong, 2014). Ia juga bertujuan untuk mendapatkan pengakuan atau kenyataan lisan secara jujur dan benar daripada responden kajian (Darusalam dan Hussin, 2021).

Pemilihan para pelajar berasaskan kepada kaedah sampel bertujuan (purposive sampling) agar data yang diperolehi dapat menguatkan hasil penelitian. Data sekunder akan dikumpulkan oleh pengkaji melalui hasil penulisan kajian lampau seperti jurnal dan tesis serta hasil statistik yang menunjukkan bilangan pelajar yang memilih bidang hadis dalam kalangan mahasiswi Universiti Sultan Azlan Shah. Data yang diperolehi hasil daripada temu bual berstruktur serta analisis dokumen tersebut seterusnya akan dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengklasifikasikan data-data lantas menghasilkan satu tema yang bersesuaian bagi menjawab persoalan kajian ini. Jawapan daripada temu bual yang telah diadakan akan disalin semula dalam bentuk transkrip, kemudian data tersebut akan disusun mengikut kepada pola jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden. Selain itu, kaedah analisis data yang digunakan adalah analisis kandungan untuk meringkaskan setiap bentuk kandungan dengan mengambil kira pelbagai jenis kandungan.

Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar wanita atau mahasiswi Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak yang mengambil jurusan dalam bidang hadis bagi program Ijazah Sarjana Muda daripada semester dua hingga tujuh. Semester satu tidak dipilih kerana mereka masih belum terlibat dengan silibus program pengajian Usuluddin (Hadis).

Dapatan kajian ini dianalisis dalam bentuk tematik terhadap 12 individu responden daripada 15 individu responden yang merupakan mahasiswi Ijazah Sarjana Usuluddin (Hadis). Tiga individu tidak dapat ditemu bual atas kekangan tertentu.

Jadual 1: Faktor pemilihan program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadis)

| Data Maklumat | | Kod | |
|-------------------|--|---|-----------------------|
| Soalan | Apakah faktor saudara memilih program pengajian Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadis) sebagai jurusan pembelajaran di Universiti Sultan Azlan Shah? | | |
| R1 | Faktor saya memilih bidang Usuluddin kerana saya kurang berminat dengan hukum-hakam dan lebih tertarik dengan silibus Usuluddin yang banyak mengetengahkan pendidikan al-Quran dan hadis. Saya juga difahamkan hanya universiti ini sahaja yang menawarkan Usuluddin (Hadis). | Minat | |
| 20/12/2023 | | | |
| B1 | | | |
| B2 | | | |
| B3 | | | |
| B4 | | | |
| R2 | Saya minat belajar akidah dan tafsir, dan subjek-subjek ini ada banyak dipelajari dalam program Usuluddin. | Minat | |
| 20/12/2023 | | | |
| B1 | | | |
| B2 | | | |
| R3 | Saya ingin mengetahui dengan lebih mendalam terhadap asal usul agama Islam. | Minat | |
| 22/12/2023 | | | |
| B1 | | | |
| R4 | Saya sebenarnya bukan memilih bidang hadis, saya mahu Usuluddin, disebabkan di Universiti Sultan Azlan Shah hanya ada program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin pengkhususan Hadis sahaja, maka saya terima saja program ini. | Minat tetapi hadis | Usuluddin tidak minat |
| 22/12/2023 | | | |
| B1 | | | |
| B2 | | | |
| B3 | | | |
| R5 | Pada awalnya Usuluddin bukan pilihan saya, tetapi apabila telah ditawarkan jurusan ini, maka saya terima dengan hati terbuka dan selepas mengikutinya, Alhamdulillah banyak perkara yang saya belajar. | Minat tetapi hadis | Usuluddin tidak minat |
| 23/12/2023 | | | |
| B1 | | | |
| B2 | | | |
| B3 | | | |
| R6 | Saya memilih bidang ini kerana saya minat hadis dan saya suka hafaz hadis. | Minat hadis | |
| 24/12/2023 | | | |
| B1 | | | |
| R7 | Pada asalnya saya minat untuk belajar hadis rentetan daripada saya belajar Mustolah Hadis sewaktu di STAM dulu (pengajian tingkatan 6). | Minat hadis | |
| 25/12/2023 | | | |
| B1 | | | |
| B2 | | | |
| R8 | Pada awalnya tidak bercadang mahu ambil bidang ini, tetapi setelah mempelajarinya selama enam semester, minat itu datang sendiri. | Terpaksa tiada pilihan | |
| 25/12/2023 | | | |
| B1 | | | |
| B2 | | | |
| R9 | Pertama, saya memilih bidang ini kerana minat. Kedua, kalau kita lihat di Malaysia individu yang pakar dalam bidang Syariah itu ramai, tetapi mereka yang pakar bidang hadis ini tidak ramai. Selain itu juga, kita sewajarnya melahirkan ramai individu yang pakar dalam bidang ini agar dapat membanteras pihak-pihak yang bercanggah dengan kefahaman Islam yang sebenar. | Ingin menjadi pakar hadis dan Malaysia kekurangan pakar hadis | |
| 25/12/2023 | | | |
| B1 | | | |
| B2 | | | |
| B3 | | | |
| B4 | | | |

| | | |
|-------------------|---|-------------|
| B5 | | |
| R10 | Saya mengambil bidang ini kerana minat untuk ketahui bidang | Minat |
| 25/12/2023 | hadis dengan lebih mendalam | |
| B1 | | |
| B2 | | |
| R11 | Sebenarnya, faktor utama, saya memang ambil bidang ini kerana | Minat hadis |
| 26/12/2023 | minat hafaz hadis daripada tingkatan satu. | |
| B1 | | |
| B2 | | |
| R12 | Faktor saya memilih Usuluddin (Hadis) kerana saya daripada | Minat hadis |
| 27/12/2023 | sekolah rendah lagi saya sudah belajar dalam jurusan agama. Di | |
| B1 | Johor, sewaktu sekolah rendah saya mengambil Sekolah Rendah | |
| B2 | Agama (SRA) dan perkara ini diteruskan apabila saya berumur | |
| B3 | 13 tahun, saya menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah | |
| B4 | Agama dan hal ini lah yang menyebabkan saya ingin teruskan | |
| B5 | bidang ini di peringkat universiti pula. Saya ambil jurusan Hadis | |
| B6 | ini kerana saya minat dan sewaktu di Tingkatan 6, saya lebih | |
| B7/B8 | suka subjek Mustolahat Hadis sehingga saya rapat dengan | |
| | ustazah yang mengajar subjek tersebut. | |

Berdasarkan daripada data kajian yang diperolehi, pengkaji merumuskan terdapat faktor utama yang menjadi sebab pemilihan bidang hadis iaitu:

Faktor Pertama: Minat kepada bidang hadis. Faktor ini sebenarnya menjadi tunjang utama kepada seseorang untuk menceburi dalam bidang hadis ini. Minat merupakan kecenderungan hati yang tinggi terhadap sesuatu, ghairah dan keinginan, sedangkan ‘berminat’ diertikan mempunyai kecenderungan hati kepada sesuatu yang diinginkan. Responden yang mempunyai minat dalam bidang hadis ini rata-rata mengatakan bahawa mereka minat kerana ingin mengetahui dengan lebih mendalam terhadap asal usul agama Islam seperti yang dinyatakan oleh responden tiga. (R3/22122023/B1). Minat menjadi satu perkara sangat penting yang perlu ada pada diri seseorang sebelum melakukan sesuatu perkara. Kewujudan minat akan membuatkan seseorang itu bersemangat untuk melakukan sesuatu dan dia akan berusaha sehingga mencapai tujuannya. Aspek kognitif daripada sesebuah minat yang didahului dengan pengetahuan dan konsep yang baik akan mendorong seseorang melakukan kerja dengan cara yang betul. Manakala minat yang didahului dengan aspek efektif akan membantu menunjukkan emosional seseorang terhadap perkara yang dilakukan. Oleh kerana itu, satu aktiviti yang disertai dengan minat individu yang kuat akan mendorong seseorang itu mencurahkan segala perhatiannya terhadap apa yang sedang diceburinya.

Oleh itu, tidak mustahil sebenarnya buat para wanita untuk menjadi pakar dalam bidang hadis asalkan mempunyai minat dan kecenderungan yang tinggi untuk mendalami ilmu ini sehingga minat tersebut menjentikkan sebuah kesedaran dan menjadi satu tuntutan untuk melahirkan ramai lagi tokoh wanita yang pakar dalam bidang hadis. Hal ini turut disokong oleh jawapan daripada responden kesembilan. Menurutnya, dia memilih bidang hadis kerana minat dan menyedari bahawa di negara kita masih kurangnya pakar wanita yang mahir dalam bidang hadis berbanding ilmu Syariah dan ilmu-ilmu lainnya. (R9/25122023/B1-2).

Kesimpulannya, pengaruh minat yang tinggi akan mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar. Minat ini boleh dipupuk sejak daripada peringkat awal lagi dengan diberikan pendedahan tentang ilmu hadis kepada kanak-kanak. Minat yang dibentuk daripada awal akan melahirkan seseorang yang akan bersungguh-sungguh untuk mendalami sesebuah ilmu tersebut.

Faktor Kedua: Minat kepada bidang Usuluddin secara umum. Sebahagian mahasiswi USAS yang mengambil bidang Usuluddin (Hadis) tidak berminat untuk mengkhusus di dalam bidang hadis. Namun pengkhususan yang ditawarkan di USAS hanya berfokus kepada hadis, menyebabkan mereka

tiada pilihan lain. Namun begitu setelah mengikuti bidang hadis, mereka semakin mencintai bidang tersebut.

Faktor Ketiga: Cita-cita. Terdapat responden yang bercita-cita untuk menjadi pakar hadis. Ini menyebabkan beliau memilih bidang hadis sebagai bidang pengkhususan sebagaimana yang ditawarkan di USAS.

Faktor Keempat: Tiada pilihan. Terdapat responden yang mengikuti pengajian dalam bidang Usuluddin (Hadis) kerana tiada program pilihan yang lain untuk diikuti. Namun setelah mengikuti bidang ini selama beberapa semester menyebabkan beliau berminat dengan bidang hadis.

Penutup

Berdasarkan kepada hasil kajian di atas, objektif kajian ini tercapai iaitu dapat mengetahui faktor pemilihan bidang hadis dalam kalangan mahasiswi USAS. Kajian mendapati bahawa faktor minat merupakan faktor utama pemilihan bidang Usuluddin (Hadis) di USAS, di samping faktor-faktor tambahan yang lain seperti faktor cita-cita, faktor minat pengajian Usuluddin secara umum dan tiada pilihan pengajian lain yang bersesuaian dengan responden. Kajian yang dibuat oleh pengkaji ini hanyalah dalam peringkat universiti dan berskala kecil. Pengkaji mencadangkan supaya kajian dalam skop yang lebih besar diadakan supaya pendedahan terhadap bidang hadis ini dapat disebarikan secara meluas kepada lebih ramai individu. Pengkaji juga mencadangkan kepada pihak Universiti Sultan Azlan Shah agar dapat memperluaskan lagi promosi kepada para pelajar ambilan baru untuk memilih program pengajian Usuluddin (Hadis) sebagai jurusan dalam pembelajaran. Pihak universiti mungkin boleh mengadakan satu taklimat khusus kepada para pelajar secara umum di universiti mengenai jurusan Usuluddin (Hadis) ini seminggu sebelum mereka membuat pendaftaran kemasukan baharu pelajar ke universiti. Taklimat ini boleh sahaja dijalankan secara fizikal mahupun virtual mengikut kepada situasi semasa. Pada peringkat umum, pengkaji mengharapkan kajian yang telah dilakukan ini dapat memberi galakan kepada pengkaji lain untuk memperbanyakkan lagi kajian ilmiah yang menyentuh tentang tanggungjawab wanita, kepentingan dan penglibatan mereka dalam bidang hadis. Semoga dengan adanya pengkajian yang banyak daripada ramai ilmuwan mampu melahirkan ahli akademik wanita yang pakar dalam bidang hadis dan tersohor di Malaysia bahkan tidak mustahil terkenal di dunia. Pemilihan responden oleh pengkaji kali ini hanyalah sedikit dan berskala kecil. Justeru, untuk pengkaji akan datang disarankan agar menjalankan pengkajian dengan bilangan sampel yang lebih besar dan populasi yang lebih menyeluruh. Kesimpulannya, pengkaji berharap walaupun kajian ini merupakan kajian dalam skop kecil, namun diharapkan kajian ini dapat menjelaskan keadaan sebenar bahawa penglibatan golongan wanita dalam bidang hadis di negara Malaysia masih lagi berada di peringkat sederhana dan tidak begitu meluas. Kajian yang dijalankan ini juga diharapkan dapat menyumbang idea kepada pelbagai pihak agar dapat bersama-sama menggembeleng tenaga dan usaha untuk memperkasakan lagi peranan wanita mempelajari ilmu hadis sehingga mampu melahirkan ulama wanita yang pakar dalam bidang tersebut.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim. (2012).

Al-Quran dan Terjemahan serta perincian al-Quran terhadap Wanita. Nilai, Negeri Sembilan, Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran dan Lajnah Tashih Al-Quran KDN, Mondatech Publication Sdn Bhd.

Abd Rahman, S. N. H., Kashim, M. I. A. M., & Pitchan, M. A. (2017). *Peranan wanita dalam institusi kekeluargaan: perbincangan dari perspektif Islam*. e-BANGI, 12(3), 1-16.

- Al-Khaṭīb, M.A. (1961). *Uṣūl al-Hadīth, 'Ulūmuhu wa Muṣṭalatuhu*. Mesir, Dar al-Fikr.
- Creswell, J. W. 2003. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches*. London, UK: Sage.
- Darusalam, G., Hussin, S. (2021). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Deraman, F. (2005). *Pengantar Usūl al-Hadith*. Selangor, Penerbitan Salafi.
- Husin, S.A. (2022, November) *Conversation of Hadis as the Heritage of Humanity (Paper presentation)*. Seminar Nasional: Konferensi Hadis UIN Jakarta - USAS Malaysia.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif*. Diterjemahkan oleh Mohd Riji, H. dan Ahmad, S. Serdang, Universiti Putra Malaysia Press.
- Yusop, M. A. (2011). *Pengajian Hadith di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur/Mohd Army bin Yusop (Doctoral dissertation, University of Malaya)*.

Faktor-Faktor Kegagalan Penggunaan Buku Teks Yayasan Islam Kelantan (YIK) dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP): Satu Analisis Kajian Kes

Factors Contributing to the Failure in Utilizing Textbooks Provided by Yayasan Islam Kelantan (YIK) in Teaching and Learning Process (PdP): A Case Study Analysis

Nur Aishah, Z.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: 01135320368 E-mail: nuraishah394@gmail.com

Mustaqim Roslan, M. (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6014-5191337 E-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Abstrak

Buku teks merupakan bahan asas utama yang telah diselaraskan dan dibekalkan oleh kerajaan negeri Kelantan tidak lain bertujuan untuk melahirkan murid yang berkualiti dalam sesuatu bidang. Namun begitu, buku teks yang telah disediakan ini tidak digunakan sebaik mungkin oleh guru-guru di sebahagian sekolah kerajaan negeri ini. Kebanyakan mereka menggunakan nota ringkas yang telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu ketika proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung. Implikasinya, penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid semakin merosot akibat tiada lagi pendedahan buku-buku teks dalam bahasa Arab yang diajar di sekolah. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor kegagalan guru dalam menggunakan buku teks yang disediakan oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK) dalam proses PdP. Metodologi kajian ini adalah interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Reka bentuk kualitatif telah diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur melibatkan para guru dan pegawai-pegawai di YIK. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat lima faktor yang mendorong para guru untuk tidak menggunakan buku teks yang telah disediakan oleh YIK iaitu, ketebalan buku teks yang melampau, kebanyakan sukatan pelajaran yang berulang, amalan dan tradisi lama, persembahan buku yang tidak menarik dan kandungan buku teks yang sukar untuk difahami. Sehubungan itu, kajian lanjutan diperlukan untuk melihat langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak YIK dalam memastikan para guru mematuhi arahan penggunaan buku teks sebagai medium utama PdP di sekolah-sekolah kerajaan negeri Kelantan.

Kata kunci: Bahasa Arab; Buku Teks; Guru; Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); Sekolah.

Pengenalan

Guru-guru dianggap sebagai pemudah cara dalam menyampaikan ilmu manakala buku teks pula dianggap sebagai platform rujukan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Ali et al., 2019). Setiap guru telah diberi kebebasan dalam menyampaikan ilmu demi menarik minat pelajar untuk belajar. Setiap buku teks yang telah disediakan oleh pihak Yayasan Islam Kelantan (YIK) mampu untuk melahirkan pelajar yang boleh berfikir secara kritis dan kreatif dalam mengembangkan

idea baharu dalam belajar. Pemilihan bahan dalam PdP menjadi salah satu faktor dalam memastikan prosesnya berjalan dengan lancar serta membantu guru-guru mencapai objektif mereka (Kamarudin et al., 2022). Sistem pendidikan yang semakin membangun menjadikan buku teks amat penting dan ia menjadi pegangan terbaik kepada guru mahupun pelajar itu sendiri (Ag Ghani & Abd Hafiz Abdullah, 2006). Justeru, bahan bacaan yang baik dan sempurna yang mencakupi semua aspek pembelajaran perlu dihasilkan dalam memastikan proses pembelajaran itu berkesan. Tidak dapat dinafikan bahawa buku teks sememangnya memberi manfaat kepada guru-guru dan pelajar kerana ia berperanan sebagai sumber rujukan di sekolah mahupun di rumah masing-masing (Ramachindran & Awang, 2023).

Namun begitu, walaupun buku teks yang menjadi peranan utama untuk pelajar dan guru, masih ada juga isu berkaitan buku teks yang kurang berkualiti. Sehingga menyebabkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar berada pada tahap lemah. Proses PdP adalah satu proses yang melibatkan ilmu, bahan bacaan dan kemahiran. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa buku teks yang berkualiti amat penting. Menurut Sjahrony et al. (2017), bahan bacaan yang baik perlu dihasilkan supaya para pelajar dapat menjalani proses PdP dengan berkesan, lancar dan lebih efisien. Maka, dapat dibuktikan bahawa buku teks yang kurang berkualiti mampu mempengaruhi pemahaman dan pembelajaran pelajar secara keseluruhan. Tambahan lagi, menurut Sjahrony et al. (2017), faktor yang dikaitkan dengan isu kelemahan bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah isi kandungan buku teks yang kurang berkesan. Apabila buku teks yang kurang berkualiti disediakan untuk pihak sekolah, maka akan timbul isu kegagalan menggunakan buku teks semasa PdP.

Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor kegagalan sesetengah guru dalam menggunakan buku teks yang telah disediakan oleh pihak YIK ketika proses PdP. Kajian ini penting dalam memastikan guru-guru cakna tentang betapa pentingnya pendedahan bahasa Arab dalam penggunaan buku teks ketika proses pembelajaran. Tambahan lagi, hanya di sekolah sahaja para pelajar akan didedahkan dengan bahasa Arab. Pembelajaran bahasa Arab menggunakan buku teks merupakan satu aspek dan elemen yang penting dalam proses PdP di sekolah kerana ia mengandungi fakta dan maklumat (Sjahrony et al., 2017). Hal ini kerana bahasa Arab adalah salah satu daripada tiga bahasa yang terpenting dalam dunia serta paling luas penggunaannya (Yusoff & Mohamed Adnan, 2008). Maka, jika guru-guru sendiri tidak berusaha dalam memastikan para pelajar mereka mahir dalam bahasa Arab, lantas siapa yang perlu dipertanggungjawabkan dalam memastikan prestasi pelajar berada di tahap yang memuaskan. Oleh yang demikian, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu, apakah faktor-faktor kegagalan menggunakan buku teks yang telah disediakan oleh pihak YIK dalam proses PdP?

Sorotan Kajian

Sorotan kajian atau sinonim dengan *literature review* pada umumnya mengandungi kajian kepustakaan yang diambil daripada pelbagai sumber sama ada daripada buku, jurnal, prosiding, tesis, kertas projek, disertai makalah dan sebagainya (Darusalam & Hussin, 2016). Sorotan kajian ini dimulakan dengan kajian daripada Aziz et al. (2024) yang bertajuk “Kekerapan Penggunaan Buku Teks dengan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Mata Pelajaran Sejarah”. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru menggunakan buku teks sebagai bahan rujukan paling utama dalam proses PdP. Namun begitu, artikel tersebut mendapat hasil yang positif dari segi penggunaan buku teks dan ia berlainan dengan objektif yang ingin dikaji. Walaupun begitu, ia tetap mampu membuka ruang kepada pengkaji untuk mengkaji tentang apakah punca yang menyebabkan sesetengah guru tidak menggunakan buku teks semasa PdP. Seterusnya, kajian daripada Zaini et al. (2019) yang bertajuk “Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran”. Hasil dapatan

menunjukkan bahawa terdapat tiga faktor permasalahan dan cabaran pengajaran bahasa Arab iaitu guru, bahan bantu mengajar dan persekitaran.

Seterusnya, kajian yang disoroti adalah kajian yang bertajuk “Tantangan dan Peluang Pendidikan Bahasa Arab: Perspektif Global” oleh Manan dan Nasri (2024). Hasil kajian mendapati bahawa terdapat keterbatasan sumber iaitu dari segi buku teks, kualiti pengajar dan fasiliti pembelajaran. Kajian yang terakhir bertajuk “Sorotan Literatur Bersistematik: Faktor-faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik” daripada Chzin & Surat (2021). Hasil kajian membincangkan tentang faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar iaitu ciri-ciri guru, kaedah atau strategi pengajaran guru, sikap pelajar, minat pelajar motivasi pelajar, gaya pembelajaran pelajar kesihatan pelajar, kepimpinan guru besar, fasiliti sekolah persekitaran sekolah, persekitaran keluarga dan latar belakang keluarga. Perbincangan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa banyak faktor yang mendorong perkara negatif yang melibatkan tentang proses PdP yang tidak lancar serta permasalahan daripada pelajar-pelajar itu sendiri. Namun begitu, didapati tiada kajian yang membincangkan secara mendalam tentang faktor kegagalan guru menggunakan buku teks semasa berlangsungnya PdP sepanjang sorotan kajian ini dilakukan. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kepada pengkaji untuk melakukan kajian dari sudut yang berbeza.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian, objektif dan matlamat kajian boleh tercapai melalui penggunaan cara, kaedah serta pendekatan. Selain itu, metodologi kajian juga merujuk kepada tiga perkara asas iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data (Mustaqim Roslan, 2024) Pendekatan atau reka bentuk kajian boleh digunakan oleh pengkaji sesuai dengan epistemologi Islam dan objektif yang ditetapkan, sama ada menggunakan pendekatan kuantitatif, kualitatif atau gabungan kualitatif dan kuantitatif. Oleh yang demikian, kajian ini mengadaptasikan falsafah interpretif iaitu pencarian penjelasan mengenai peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari oleh perspektif persekitaran yang sedang dikaji (Muslim 2016). Kajian kes dipilih sebagai strategi kajian ini kerana ia membolehkan penerokaan mendalam terhadap fenomena kegagalan guru-guru menggunakan buku teks.

Reka bentuk kualitatif telah digunakan dalam kajian ini dengan gabungan teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Menurut Ritchie dan Lewis (2003), kaedah temu bual separa berstruktur digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan secara bersemuka dengan informan bagi mengenal pasti isu dan masalah kajian. Kaedah ini juga sangat sesuai digunakan dalam kajian ini agar beberapa soalan tambahan dapat diajukan kepada informan. Dalam konteks kajian ini, temu bual dijalankan terhadap empat orang informan iaitu melibatkan tiga orang pegawai tadbir yang bertugas di YIK dan seorang guru Sekolah Menengah Ugama Arab Sullamiah Bunut Payong. Pemilihan tiga orang informan dan seorang responden ini dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang dilihat berkemampuan untuk mencapai objektif kajian. *Purposive sampling* melibatkan pemilihan individu yang sesuai dengan kriteria yang berkaitan untuk memberikan maklumat yang relevan dan signifikan (Darussalam & Hussin, 2016).

Data kajian kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Proses analisis tematik melibatkan beberapa fasa yang pertama adalah penyaringan data, di mana transkripsi rakaman audio-video diproses untuk diubah kepada bentuk verbatim, iaitu ayat demi ayat atau frasa demi frasa. Seterusnya, transkrip diindeks dengan memberi kod tertentu kepada setiap informan berdasarkan transkrip mereka. Kod-kod ini membantu dalam penjanaan semula data asal serta memudahkan rujukan silang semasa penulisan dan menyiapkan laporan (Darussalam & Hussin,

2016). Menurut Mustaqim Roslan (2024), terdapat lima langkah dalam mengatur analisis tematik iaitu dimulai dengan menyalin semula transkrip temu bual secara *verbatim*, membuat agihan soalan kajian, membuat pengkategorian awal, mencari tema dan membuat pengekodan.

Konsep Manfaat Buku Teks kepada Pelajar sebagai Medium PdP


Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), buku teks merujuk kepada buku yang digunakan oleh pelajar sebagai buku rujukan bagi sesuatu mata pelajaran tertentu. Buku teks adalah buku pelajaran yang digunakan dalam sesuatu bidang pembelajaran tertentu dan merupakan buku standard serta disusun oleh para pakar dalam bidang tersebut untuk menjelaskan sesuatu topik berdasarkan tujuan dan objektif proses pembelajaran. Ia mestilah mudah difahami oleh para pembaca di sekolah mahupun institut pengajian tinggi sehingga dapat memastikan proses PdP berlangsung dengan baik dan lancar (Sjahrony, Lubis dan Yusoff, 2017). Buku teks juga merupakan sebuah buku yang menjadi pegangan oleh para pelajar dalam pembelajaran yang berkaitan dengan sesuatu bidang seperti Bahasa Melayu, Perniagaan, Bahasa Arab, Tafsir dan Fiqh. Setiap buku teks tersebut juga telah disusun oleh para pakar dalam bidangnya serta dilengkapi dengan saranan pembelajaran seperti penulisan. Selain itu, buku teks juga berperanan sebagai bahan yang penting dalam proses PdP (Muslich, 2010).

Setiap sekolah telah dibekalkan buku teks bagi setiap subjek. Buku teks bukan sahaja akan memudahkan para pelajar, ia juga akan memudahkan para guru kerana mereka dapat mengenal pasti sukatan pelajaran yang sesuai dengan murid (Sjahrony et al., 2017). Oleh yang demikian, guru-guru sudah mempunyai had atau batasan tertentu dalam sesi pengajaran di dalam kelas. Guru-guru memiliki kebebasan dalam memilih, mengembangkan cara mengajar topik yang ingin diajar (Efendi, 2009). Buku teks juga menjadi perkara yang penting kerana ia adalah buku rujukan yang sudah diselaraskan dan seragam kepada semua murid. Maka, ia akan memudahkan guru dalam menyediakan bahan untuk mengajar. Selain itu, setiap buku teks mempunyai latihan dan beberapa set soalan dan ia mampu meringankan beban guru. Namun, untuk keputusan peperiksaan pelajar yang baik, para guru perlu mengambil langkah lain selain hanya menggunakan soalan-soalan yang sudah tersedia di dalam buku teks semata-mata. Hal ini kerana buku teks seharusnya membantu murid-murid dalam persiapan menjelang peperiksaan. Oleh yang demikian, buku teks merupakan bahan utama bagi murid-murid dan peranan buku teks itu sendiri adalah menjelaskan kandungan buku teks tersebut.

Begitu juga dengan sekolah-sekolah di bawah YIK. Pihak YIK telah menyediakan buku teks untuk digunakan oleh guru-guru dan pelajar-pelajar di sekolah. Terdapat 81,439 buah naskah buku yang telah dibekalkan oleh YIK kepada semua sekolah. YIK mempunyai 11 buah sekolah maahad kawalan, 10 buah maahad pilihan, tujuh buah sekolah maahad kerajaan, 40 buah sekolah menengah agama arab, 20 buah sekolah agama bantuan kerajaan, dua buah sekolah rendah agama, dua buah tadika dan sebuah sekolah pondok. Jumlah keseluruhan sekolah di bawah pentadbiran YIK adalah 93 buah sekolah. Setiap tahun mereka akan dibekalkan buku teks oleh pihak YIK. Walaupun buku teks ini dibekalkan kepada guru-guru di sekolah di bawah YIK, namun terdapat juga guru-guru yang tidak menggunakan buku teks dengan baik. Buktinya adalah hingga kini masih ada aduan tentang guru-guru tidak menggunakan buku teks dan hanya menggunakan nota ringkasan semata-mata. Oleh yang demikian, artikel ini akan memperincikan tentang faktor-faktor kegagalan menggunakan buku teks yang disediakan oleh pihak YIK dalam sub topik seterusnya.

Faktor-Faktor Kegagalan Menggunakan Buku Teks yang Disediakan oleh YIK dalam Proses PdP

Buku teks tidak mempunyai perbezaan dari segi peranan, fungsi dan kebaikan. Menurut Efendi (2009), buku teks merupakan sumber utama kepada guru dan murid. Begitu juga dengan guru-guru dan murid-murid di sekolah bawah pentadbiran YIK. Menurut pegawai kurikulum Arab dan Ugama (informan1), mereka dibekalkan buku teks secukupnya pada setiap tahun. Seharusnya, tiada isu tentang kegagalan menggunakan buku teks. Namun begitu, hasil pemantauan pegawai-pegawai YIK masih ada lagi isu tentang guru-guru tidak menggunakan buku teks semasa proses PdP. Hal seperti ini sepatutnya tidak berlaku kerana ia merupakan salah satu tanggungjawab bagi para guru. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat lima faktor berlakunya kegagalan menggunakan buku teks yang telah disediakan oleh pihak YIK iaitu ketebalan buku teks yang melampau, kebanyakan sukatan pelajaran yang berulang, amalan dan tradisi lama, persembahan buku yang tidak menarik dan kandungan buku teks yang sukar difahami.



Rajah 1: Faktor-Faktor Kegagalan Menggunakan Buku Teks

a) Ketebalan Buku Teks yang Melampau

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), tebal membawa maksud sesuatu barang yang tidak tipis atau nipis sama ada berkeping-keping atau berhelai-helai seperti kertas, papan, kain dan buku. Begitu juga dengan buku teks, ada sesetengah buku teks yang fizikalnya nipis sahaja dan ada juga sesetengah buku teks yang tebal. Keadaan fizikal buku teks yang nipis atau tebal itu mampu untuk menentukan PdP berlangsung dengan baik atau tidak. Hal ini kerana ciri buku teks yang berkualiti adalah bersesuaian dengan tahap pelajar itu sendiri. Ketebalan buku teks juga menjadi faktor kegagalan guru menggunakan buku teks yang telah disediakan oleh pihak YIK. Hal ini kerana guru mendakwa bahawa buku teks tersebut agak tebal untuk digunakan semasa sesi PdP guru Tafsir (responden 1). Tambahan lagi, guru-guru hanya ingin fokus kepada beberapa syarah dan perkataan bahasa Arab sahaja. Jadi, guru tersebut akan merasa seperti tiada kepentingan untuk kekal menggunakan buku teks dan hanya menggunakan nota ringkasan yang sudah diterjemah. Walhal, buku teks yang berkualiti adalah buku yang padat dengan maklumat yang sesuai dengan setiap tahap murid-murid itu sendiri.

Maka seharusnya tiada isu buku teks itu terlalu tebal atau terlalu nipis kerana konteks buku teks itu sepatutnya sudah sesuai dengan tahap pelajar. Semasa proses menghasilkan buku teks, ahli-ahli panel yang terlibat akan meneliti dahulu sukatan mata pelajaran, isi kandungan, aspek bahasa dan aspek persembahan buku itu sendiri. Perubahan kurikulum sangat penting bagi menambah baik isi kandungan dan sukatan pelajaran serta berusaha untuk mengaitkan dengan isu realiti pada hari ini agar murid-murid mampu untuk melihat sesuatu ilmu dari pelbagai sudut. Walaupun para guru telah diberi kebebasan bagi melaksanakan PdP mengikut kreativiti masing-masing, namun sepatutnya buku teks itu perlu digunakan setiap kali proses PdP dijalankan. Hal ini kerana buku teks memainkan peranan yang penting dalam menentukan objektif para guru sama ada tercapai atau tidak (Aziz et al.,

2024). Tambahan lagi menurut Mohd Azizee (2022), buku teks yang terlalu tebal kini tidak lagi sesuai pada masa kini dan hasil kajian mendapati ia tidak akan habis diajar di dalam kelas oleh guru pada setiap tahun.

Seandainya buku teks tersebut gagal mencapai objektif guru, maka ia telah membuktikan bahawa buku teks tersebut tidak berkualiti dan secara tidak langsung ia gagal dalam meningkatkan kefahaman murid-murid (Mohd et al., 2016). Hal ini dapat dibuktikan dengan beberapa buku teks yang dianggap terlalu tebal untuk digunakan sebagai buku rujukan utama dalam proses PdP iaitu buku teks *al-Minar Balaghah* yang mempunyai muka surat sebanyak 250 helai dan buku teks *Mutalaah* yang mempunyai sebanyak 169 helai muka surat. Oleh sebab buku teks yang dihasilkan terlalu tebal, maka guru menggunakan nota terjemahan dan nota ringkasan sebagai medium utama dalam proses PdP membuatkan pelajar akan lebih menghargai isi kandungan nota terjemahan tersebut berbanding buku teks yang telah disediakan. Hal ini sepatutnya tidak berlaku kerana menggunakan nota terjemahan dan nota ringkasan itu tidak menjadi kesalahan, namun yang menjadi kesalahan apabila para guru menjadikan nota-nota tersebut sebagai rujukan utama ketika proses PdP (informan1).

Selain itu, buku teks yang terlalu tebal bukan sahaja mendorong guru untuk menggunakan nota terjemahan dan ringkasan, malah ia juga menyumbang kepada pembaziran duit dan kertas. Walaupun banyak topik yang dibincangkan dalam buku teks, namun guru tidak akan menghabiskan kesemua topik-topik yang ada di dalam buku teks tersebut. Oleh hal yang demikian, segelintir guru akan menggunakan bahan selain buku teks sebagai medium utama PdP kerana guru akan memfokuskan kepada beberapa bab sahaja. Walaupun pihak YIK telah menegur sikap guru tersebut, namun isu menggunakan nota terjemahan dan ringkasan tetap berjalan seperti biasa. Tambahan lagi, pegawai YIK tidak menetapkan sebarang peraturan atau denda yang berkaitan dengan penggunaan nota terjemahan dan ringkasan (informan2). Namun begitu, seharusnya setiap sekolah perlu memandang perkara ini dengan serius kerana kepentingan dan manfaat buku teks tersebut perlu didedahkan kepada pelajar-pelajar. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap penelitian terhadap buku teks perlu dijalankan dengan begitu saintifik untuk memastikan penghasilan buku teks yang berkualiti agar guru tidak merasa buku teks yang digunakan untuk proses PdP terlalu tebal (Zakaria & Janan, 2022).

b) Kebanyakan Sukatan Pelajaran yang Berulang

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), maksud sukatan pelajaran adalah butir-butir ringkas daripada mata pelajaran yang diberikan di sekolah. Sukatan pelajaran merupakan satu dokumen yang menyatakan kandungan yang perlu diajar bagi sesuatu mata pelajaran tertentu pada tahap tertentu. Manakala perkataan berulang bermaksud melakukan sesuatu sekali lagi atau mempelajari kembali apa-apa yang telah dipelajari (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012). Dalam perkataan lain, para pelajar mempelajari sukatan pelajaran yang telah dipelajari kerana silibus yang berulang. Walhal sukatan pelajaran dibuat berdasarkan kurikulum yang mempunyai topik, objektif, kemahiran serta penerangan tentang cara penilaian. Setiap sekolah pasti mempunyai sukatan pelajaran dan ia sudah diselaraskan di semua sekolah. Begitu juga dengan sekolah di bawah pentadbiran YIK, sukatan pelajaran yang sudah diselaraskan itu mengikut kemahiran ahli-ahli panel yang mengurus bahagian sukatan pelajaran (informan1).

Namun begitu, terdapat aduan daripada guru bahawa terdapat sukatan pelajaran yang diulang. Difahami bahawa pengulangan tersebut bukan berlaku pada buku teks yang sama tingkatan, namun ia sukatan daripada tingkatan empat dan masih dibawa ke tingkatan lima. Hal ini menyebabkan guru-guru kurang menggunakan buku teks yang telah disediakan kerana beranggapan bahawa sukatan tersebut sudah dipelajari ketika tahun sebelumnya. Guru-guru juga berpendapat bahawa jika ingin

mengulang sukatan yang sama, sukatan tersebut hanya perlu disertakan dalam bentuk ringkasan sahaja dan tidak perlu meletakkan satu bab penuh yang sudah dipelajari pada tahun sebelumnya (informan 3). Hal ini kerana ia hanya akan memakan masa jika para guru perlu mengulang semula sukatan yang sudah diajar pada tahun sebelumnya. Oleh yang demikian, pihak kurikulum yang menyusun sukatan pelajaran diminta untuk memandangkan perkara ini dengan serius dan mengubah beberapa sukatan pelajaran agar tidak berlaku lagi isu pengulangan tajuk. Isu ini wujud kerana sikap sambil lewa dalam kalangan penyedia buku teks dari segi penyusunan muka surat, maka ia akan terdorong kepada pengulangan tajuk (Din & Noruddin, 2011).

Hal ini dapat dibuktikan dengan sukatan pelajaran Pendidikan Islam tingkatan empat dan tingkatan lima. Walaupun berbeza bab, namun sub topiknya sama dan diulang. Misalnya, di dalam buku teks Pendidikan Islam tingkatan lima mempunyai topik yang bertajuk ajaran sesat. Topik tersebut telah dibincangkan di dalam silibus Pendidikan Islam tingkatan empat. Kekekapan silibus yang berulang ini mendorong pelajar untuk merasa bosan di dalam kelas sekali gus menyebabkan prestasi pelajar menurun dan tidak memahami pelajaran kerana tidak fokus ketika sesi PdP. Hal ini juga akan memberi kesan sewaktu peperiksaan, di mana pelajar tidak dapat memahami soalan dengan baik dan menyebabkan keputusan ujian tidak memuaskan (Chzin & Surat, 2021). Hal ini juga disokong oleh informan 3, bahawa kekekapan pengulangan silibus ini memberikan banyak kesan negatif dan perkara seperti ini seharusnya tidak berlaku. Oleh hal yang demikian, pihak kurikulum perlulah mengambil inisiatif agar tidak berlaku lagi pengulangan silibus.

Selain itu, impak negatif daripada sukatan pelajaran yang berulang ini membuatkan para pelajar kurang bermotivasi untuk belajar kerana mereka akan lebih gemar membuat hal sendiri daripada mengambil bahagian ketika PdP sedang berjalan. Tambahan lagi, ia juga mampu untuk mengurangkan ruang-ruang untuk pelajar belajar secara kreatif dan inovatif. Walhal, tujuan penggunaan buku teks antaranya adalah melahirkan pelajar yang kreatif. Hal ini kerana ciri kreatif dapat membolehkan para pelajar dalam mencapai perubahan dan kemajuan serta keluar daripada kepompong kemunduran, dan kejahilan. Pemikiran yang kreatif dan inovatif mampu melahirkan pelajar yang boleh bersaing dengan ramai orang (Zulkifli et al., 2020). Oleh hal yang demikian, sudah jelas bahawa pengulangan silibus ini akan membuatkan pelajar-pelajar tidak berkembang dengan idea dan ilmu yang baharu.

c) Amalan dan Tradisi Lama

Menurut Kamus Dewan Bahasa Pustaka (2012), perkataan amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan sebagai suatu kebiasaan. Manakala tradisi pula membawa maksud sesuatu kebiasaan yang kekal turun temurun atau sesuatu amalan yang sudah sebatian dengan sesuatu masyarakat atau kumpulan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012). Maka, tradisi lama yang dimaksudkan oleh pengkaji juga merupakan maksud yang sama yakni kebiasaan yang menjadi amalan bagi sesuatu kumpulan. Amalan dan tradisi lama bagi sesetengah guru di sekolah adalah menggunakan nota terjemahan dan nota ringkasan sebagai bahan utama dalam mengajar. Hal ini dapat dibuktikan melalui pemerhatian yang dijalankan di SMU(A) Sullamiah Bunut Payong bahawa guru yang mengajar subjek Tafsir menggunakan nota terjemahan dan ringkasan. Hal ini difahamkan bahawa jika ada guru yang baharu di sekolah, seterusnya guru tersebut akan diberi bahan mengajar dan bahan tersebut merupakan nota terjemahan. Ringkasnya, isu menggunakan nota terjemahan dan ringkasan semasa berlangsungnya PdP sudah lama dilaksanakan oleh para guru dan ia sememangnya boleh dikatakan sebagai tradisi di sekolah-sekolah di bawah pentadbiran YIK.

Selain itu juga, perkara yang mendorong kepada kegagalan menggunakan buku teks semasa proses PdP adalah disebabkan guru-guru yang akan bertanya kepada murid-murid sama ada mereka


mahu menggunakan buku teks ataupun menggunakan nota terjemahan sahaja (responden 1). Apabila berlaku keadaan seperti ini, guru-guru hanya mengikut undian majoriti yang ingin menggunakan nota terjemahan berbanding menggunakan buku teks yang telah disediakan. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru memberi hak kepada murid untuk memilih metode yang ingin digunakan ketika sesi PdP. Perkara ini seharusnya tidak berlaku kerana sifat seorang guru seharusnya mempunyai ketegasan ketika mengajar. Sekiranya guru memainkan peranan sebagai seorang guru yang tegas, maka ia mampu untuk mendidik pelajar menjadi lebih berdisiplin. Apabila guru memberikan hak kepada para pelajar untuk membuat pilihan, maka kesannya pelajar akan memikirkan dan mengambil jalan yang mudah sahaja. Jalan mudah yang menjadi pilihan hati para pelajar sudah semestinya menggunakan nota terjemahan dan ringkasan sahaja.

Maka, impaknya murid-murid akan kekal bergantung terhadap nota ringkasan dan nota terjemahan dan ia sudah semestinya akan memberi kesan terhadap prestasi murid itu sendiri. Jika prestasi murid jatuh, maka prestasi sekolah juga secara tidak langsung akan turut terjejas. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap sekolah mementingkan prestasi setiap tahun, namun seandainya pihak sekolah menginginkan prestasi yang baik, maka usaha daripada pihak sekolah juga perlu selaras dengan hajatnya. Hal ini kerana setiap hasil yang memuaskan merupakan hasil daripada usaha yang setaraf dengannya. Selain itu, prestasi pelajar diumpamakan sebagai satu petunjuk yang amat penting dalam menilai prestasi akademik yang cemerlang. Pencapaian pelajar merupakan suatu perkara yang dicapai melalui tahap usaha serta ketekunan pelajar dalam menguasai sesuatu ilmu dan bidang (Chzin & Surat, 2021). Tambahan lagi, pencapaian pelajar-pelajar itu menunjukkan kualiti seseorang guru tersebut (Zaini et al., 2019).

Kualiti seorang guru dan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar berkait rapat. Hal ini kerana guru merupakan orang yang bertanggungjawab menyampaikan ilmu dan memastikan pelajar faham dan menguasai bahasa Arab. Pihak YIK juga telah melakukan pelbagai usaha demi memartabatkan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Misalnya mengadakan program melonjakkan kecemerlangan bahasa Arab iaitu mengadakan kursus pengukuhan bahasa Arab untuk guru dan pelajar, mengadakan bengkel target sifar F bagi pencapaian bahasa Arab dalam tingkatan tiga dan sifar G dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kesemua program tersebut mempunyai tujuan iaitu berharap dapat melonjakkan lagi kecemerlangan pelajar dalam bahasa Arab dan membantu pelajar dan guru semakin menguasai bahasa Arab. Berdasarkan program tersebut, sepatutnya guru-guru tidak menggunakan sebarang nota terjemahan dan ringkasan sebagai rujukan utama sewaktu PdP.

d) Persembahan Buku yang tidak Menarik

Menarik menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012) adalah sesuatu perkara yang mampu untuk memikat hati. Buku teks juga mempunyai sifat yang menarik dan tidak menarik. Hal ini kerana kandungan buku teks yang berkualiti termasuklah dari aspek persembahan buku tersebut. Ia difahamkan bahawa buku teks yang mempunyai persembahan yang baik mampu menarik minat pelajar untuk belajar menggunakan buku teks yang telah disediakan (Lau et al., 2020). Secara tidak langsung, persembahan buku teks juga memainkan peranan yang penting dalam dunia pendidikan. Dari semasa ke semasa, cabaran bagi pihak sekolah dan guru-guru dalam mendepani isu yang berkaitan dengan pendidikan seperti memastikan pelajar-pelajar kekal minat dalam belajar juga semakin besar. Hal ini kerana generasi sekarang tampak kurang menunjukkan minat dalam pelajaran sebaliknya mereka lebih tertarik ke arah permainan video, melepak dan sebagainya. Begitu juga dengan guru-guru di sekolah bawah pentadbiran YIK, mereka juga menghadapi cabaran dalam usaha menarik minat pelajar untuk belajar.



Rajah 2: Buku Teks yang Tidak Menarik

Berdasarkan Rajah 2 di atas, ia menunjukkan keadaan buku teks yang tidak menarik kerana hanya dipenuhi dengan tulisan syarah semata. Hal ini kerana jika buku teks yang tersedia hanya dipenuhi dengan tulisan semata, maka pelajar akan mudah bosan (responden 1). Maka timbul satu permasalahan yang dihadapi iaitu buku teks yang ada di sekolah hanya dipenuhi dengan syarah di dalam bahasa Arab semata. Penulisan di dalam buku teks tersebut hanyalah hitam putih sahaja dan tiada warna lain (responden 1). Walaupun isu seperti ini kelihatan seperti hal yang kecil, namun ia mampu memberikan impak yang besar seperti hilang rasa semangat para pelajar untuk kekal fokus di dalam kelas. Walhal, perkara begitulah yang ingin dihindari oleh para guru ketika mengajar kerana menyampaikan ilmu sudah menjadi tanggungjawab guru kepada para pelajar dan tanggungjawab pelajar pula menimba ilmu serta mengamalkannya.

Setiap sekolah mempunyai hasrat dalam melahirkan pelajar yang berkualiti dan berjaya, namun kadang kala pihak sekolah alpa dalam tanggungjawab menyediakan buku teks yang berkualiti seiring dengan hasrat sekolah itu sendiri. Jika buku rujukan utama tidak mampu memberikan dorongan kepada pelajar untuk membaca, maka disebabkan itulah timbulnya isu para pelajar tidak gemar membaca buku teks, sedangkan buku teks itu merupakan pegangan utama bagi pelajar dan guru. Oleh yang demikian, pihak sekolah perlu mengusulkan cadangan kepada pihak YIK untuk menambah baik usaha mereka dalam membaharui kandungan buku teks tersebut supaya kelihatan lebih menarik. Pihak YIK perlu memandangkan perkara ini dengan serius kerana boleh dikatakan setiap kali pegawai YIK memantau di sekolah, akan ada beberapa guru yang didapati tidak menggunakan buku teks semasa proses PdP berlangsung. Tambahan lagi, guru juga pernah membuat aduan tentang buku teks yang tidak menarik, maka pihak YIK perlu menangani isu ini (informan 2).



Rajah 3: Kandungan Buku Teks Padat dengan Tulisan

Berdasarkan Rajah 3 di atas, selain daripada isi kandungan buku yang tidak menarik, ia juga memberikan ketidakelesaian kepada pelajar untuk menggunakan buku teks kerana tiada ruang yang sesuai dan mencukupi untuk pelajar menulis terjemahan. Walhal semua orang tahu jika belajar subjek di dalam bahasa Arab, pasti memerlukan ruang untuk menulis terjemahan supaya dapat menjadi rujukan pelajar itu sendiri. Apa yang terjadi di dalam buku teks tersebut adalah tiada ruang untuk menulis terjemahan kerana buku teks tersebut padat dengan tulisan semata. Hal ini difahamkan oleh responden 1, buku teks atau kitab tersebut diambil daripada Mesir. Oleh itu, pihak buku teks seharusnya perlu menyesuaikan kandungan, persembahan, bahasa dengan pelajar sekolah di Malaysia supaya proses PdP dapat berjalan dengan lancar sekali gus dapat mencapai objektif guru dalam mengajar. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, murid masih berada di tahap yang sederhana ketika membaca teks bahasa Arab. Walaupun proses PdP tidak hanya menumpukan kepada kemahiran atau teknik bacaan semata, namun ia perlu dititikberatkan oleh para guru ketika mengajar demi kualiti pelajar (Othman et al., 2011). Tambahan lagi, membaca juga merupakan proses interaksi antara teks dengan pembaca, maka bahan bacaan yang berkualiti amat diperlukan bagi mendapat hasil pelajar yang berkualiti (Yahya Othman, 2004).

Selain itu, ia menjadi kesukaran kepada murid untuk menulis terjemahan kerana buku teks hanyalah satu pinjaman daripada pihak sekolah kepada murid. Maka, pelajar tiada hak untuk menconteng atau menulis apa-apa di dalam buku teks tersebut (responden 2). Menjaga buku teks dengan baik juga merupakan salah satu tanggungjawab seorang murid. Dalam hal ini, guru-guru berperanan penting dalam mempelbagaikan aktiviti pembelajaran yang berpusatkan murid (Aziz et al. 2024). Buku teks yang baik seharusnya tidak mempunyai isu seperti ini. Walaupun buku teks itu hak milik sekolah, namun pihak yang menyediakan buku teks perlu mengambil kira tentang keselesaan murid untuk menggunakannya. Bukan pihak guru sahaja yang perlu kreatif dalam menyampaikan pelajaran, tetapi pihak yang menyediakan buku teks juga perlu kreatif dalam memastikan buku teks tersebut berkualiti dan menarik.


e) Kandungan Buku Teks yang Sukar Difahami

Kandungan buku teks yang berkualiti termasuk dalam aspek kualiti buku teks. Buku teks subjek agama dalam penulisan Arab ada kelebihan dan kekurangannya sendiri. Antara kelebihan buku teks ditulis dalam bahasa Arab ialah pelajar terdedah dengan bahasa Arab dan membantu pelajar untuk memahami isi kandungan al-Quran dengan mudah. Apabila murid didedahkan dengan kosa kata bahasa Arab dari awal, sepatutnya isu memahami perkataan-perkataan bahasa Arab tidak menjadi masalah. Namun isu di sini adalah sesetengah guru tidak menggunakan kelebihan yang ada sebaiknya. Bagi pelajar, kandungan buku teks yang dipenuhi dengan syarah-syarah dalam bahasa Arab akan menyulitkan diri mereka dalam memahami sesuatu perkara. Semua pelajaran tiada yang mudah melainkan diri sendiri yang tetap mempunyai usaha dalam memahami apa yang dipelajari. Hal ini kerana tidak semua sekolah dan murid yang mempunyai peluang untuk belajar subjek agama di dalam bahasa Arab. Oleh itu murid di sekolah bawah pentadbiran YIK seharusnya berbangga dengan kelebihan yang ada pada sekolah mereka. Kekurangan belajar dalam bahasa Arab pula mungkin akan mengambil masa yang agak lama untuk memastikan murid-murid memahami apa yang dipelajari. Menurut responden 1, ia juga memerlukan guru yang berpengalaman dalam mengajar subjek bahasa Arab agar murid-murid sentiasa rasa ingin belajar walaupun subjek tersebut agak sukar untuk difahami.

Walaupun sekolah di bawah pentadbiran YIK itu kebanyakannya sekolah agama, namun tidak semestinya kesemua pelajar di sekolah tersebut menguasai bahasa Arab. Oleh yang demikian, pihak YIK perlu menyusun konteks buku teks dan melihat semula bahasa yang digunakan di dalam buku teks tersebut sama ada ia bersesuaian dengan tahap pelajar atau tidak. Ia bertujuan untuk meluaskan

lagi kosa kata bahasa Arab kepada pelajar. Hal ini kerana kejayaan bagi seorang guru adalah ketika murid-murid mampu mengingat perkara yang diajar kerana mengingat merupakan salah satu aras dalam pengetahuan (Lau et al., 2020). Jika murid tidak dapat mengingat kosa kata Arab yang dipelajari, maka ia membuktikan bahawa buku teks itu kurang berkualiti.

Meskipun pelbagai perubahan dan pembaharuan telah dan akan dilaksanakan, namun kemajuan pendidikan tidak akan tercapai dan meningkat sekiranya murid itu sendiri tidak mahu berubah (Hanafi et al., 2014). Seandainya kandungan buku teks sudah diperbaharui, namun murid-murid masih menganggap ia susah dan sukar untuk difahami, maka murid-murid itu yang perlu mengubah diri mereka sendiri. Mereka perlu ingat bahawa setiap usaha pasti membuahkan hasil yang lumayan dan mereka tidak akan pernah rugi jika mereka bersungguh-sungguh dalam belajar. Oleh itu, buku teks tersebut dikategorikan kurang berkualiti kerana kandungan yang sukar difahami oleh murid dan seharusnya perkara seperti ini tidak terjadi kerana buku teks tersebut merupakan rujukan utama bagi mereka. Buku teks yang telah disediakan sepatutnya mampu untuk melahirkan murid yang berfikir secara kritis, kritikal dan kreatif. Walaupun ada sesetengah pihak yang berfikir bahawa buku teks itu kurang relevan untuk digunakan, namun terdapat kebaikan dan kepentingan yang terkandung di dalam buku teks tersebut. Terdapat pelbagai kaedah PdP yang boleh dilakukan oleh para guru demi menarik minat serta meningkatkan lagi kefahaman murid (Aziz et al., 2024). Hal ini kerana buku teks merupakan satu kewajiban untuk digunakan semasa PdP demi meningkatkan kualiti diri masyarakat (Sakti & Hotimah, 2023).



Rajah 4: Kandungan Buku Teks Kurang Difahami

Rajah 4 menunjukkan buku teks yang diterbitkan oleh YIK dilihat agak sukar untuk difahami dari segi tulisannya. Penulisan kandungan di dalam buku teks merupakan antara perkara utama yang akan dinilai oleh pelajar itu sendiri. Apabila pelajar menilai kandungan buku teks tersebut sulit untuk difahami, maka ia mendorong pelajar untuk tidak mahu mendalami sesuatu subjek. Kandungan buku teks yang sukar difahami ini terjadi kerana cetakan buku teks yang kurang berkualiti. Walaupun penguasaan bahasa Arab sebenarnya bukan sesuatu perkara yang mustahil bagi pelajar, namun ia terhalang lantaran kandungan buku teks yang sukar difahami (Taat & Ariffin, 2020). Walhal isi kandungan buku teks tersebut yang memainkan peranan yang penting dalam memastikan kelancaran proses PdP. Secara tidak langsung, kandungan buku teks yang sukar difahami ini akan memberi kesan kepada pelajar kerana tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik (Sjahrony et al, 2017). Oleh yang demikian, antara faktor yang menyebabkan guru tidak menggunakan buku teks yang telah disediakan adalah penulisan buku teks yang sukar difahami itu sendiri.

Kesimpulan

Kesimpulannya, buku teks ialah buku yang digunakan oleh pelajar sebagai buku rujukan yang standard untuk sesuatu mata pelajaran tertentu. Buku teks merupakan buku yang disusun oleh para pakar dalam bidang tersebut untuk menjelaskan sesuatu topik berdasarkan tujuan dan objektif proses pembelajaran. Ia mestilah mudah difahami oleh para pembaca di sekolah mahupun institut pengajian tinggi sehingga dapat memastikan proses PdP berjalan dengan baik dan lancar. Buku teks amat penting kepada guru-guru untuk mengajar dan menjadi sumber utama bagi pelajar-pelajar. Namun begitu, terdapat sebahagian daripada guru-guru di bawah YIK tidak menggunakan buku teks sebagai bahan utama semasa proses PdP. Hasil dapatan menunjukkan terdapat lima faktor yang mengundang kegagalan menggunakan buku teks iaitu ketebalan buku teks yang melampau, kebanyakan silibus yang berulang, amalan dan tradisi lama, persembahan buku tidak menarik dan kandungan buku teks yang sukar difahami. Artikel ini mencadangkan supaya YIK mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk memantau dan mengambil tindakan terhadap guru-guru yang tidak menggunakan buku teks di sekolah. Hal ini kerana buku teks adalah bahan utama untuk dijadikan panduan kepada guru-guru semasa mengajar dan tidak hanya mengharapkan kepada nota terjemahan dan ringkasan semata-mata. Perkara ini akan memberikan kesan yang negatif kepada para pelajar. Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan diperlukan untuk melihat langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak YIK dalam memastikan para guru mematuhi arahan penggunaan buku teks sebagai medium utama PdP di sekolah-sekolah kerajaan negeri Kelantan.

Rujukan

- Ag Ghani, A. (2006). *Persepsi pelajar terhadap penggunaan buku teks Jawi Pendidikan Islam dalam Pembelajaran; satu kes atas pelajar tingkatan 4, Sekolah Menengah Kebangsaan Masai*. [Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.
- Ali, A. J., Abdullah, A. G. K., & Mohamed, I. B. (2019). Amalan pengupayaan dan autonomi guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan abad Ke 21. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(1), 49-58.
- Aziz, N. A., Ahmad, A., & Othman, N. (2024). Kekekapan penggunaan buku teks dengan strategi pengajaran dan pembelajaran sekolah rendah dalam mata pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1), e002677.
- Chzin, D. T. J., & Surat, S. (2021). Sorotan literatur bersistematik: Faktor-faktor mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 137-157.
- Din, N. M. N., & Noruddin, N. (2011). Penerapan aspek bahasa, budaya dan pendidikan terhadap buku teks bahasa Arab dalam program j-QAF. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 4, 27-41.
- Efendi, A. (2009). Beberapa catatan tentang buku teks pelajaran di sekolah. *INSANIA: Jurnal Pemikiran Alternatif Kependidikan*, 14(2), 320-333.
- Darusalam, G., & Hussin, S. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Universiti Malaya Publication.

- Hanafi, W. A. W., Ahmad, S., & Ali, N. (2014). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 107-122.
- Kamarudin, N. H., Khairuddin, K. F., & Mansor, A. Z., (2022). Penggunaan bahan bantu mengajar guru pendidikan khas dalam meningkatkan kemahiran matematik operasi darab. *Malaysian Journal of Sosial Sciences and Humanities*, 7(1), 175-183.
- Kamus Dewan Bahasa. (2012). 4th ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Lau, Y. Y., Ahmad, A. R., Awang, M. M., & Othman, N. (2020). Kandungan buku teks Sejarah dan hubungannya dengan pengetahuan pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2), 59-67.
- Manan, A., & Nasri, U. (2024). Tantangan dan peluang pendidikan bahasa Arab: Perspektif global. *Jurnal Ilmiah Profesi Pendidikan*, 9(1), 256-265.
- Mohd, J., Lee, O. G., & Kitade, R. (2016). Isu dalam penulisan dan penggunaan buku teks bahasa Jepun kurikulum bersepadu sekolah menengah Tingkatan Lima (Issues in the writing and usage of the Japanese language textbook for form five in secondary schools. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*, 6, 153-169.
- Muslich Mansur. 2010. *Text Book Writing*. Ar-Ruzz Media.
- Muslim, M. S. (2016). Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi. *Wahana*, 1(10).
- Mustaqim Roslan, M. (2024). Kaedah pentaksiran bilik darjah (PBD) dan kesannya kepada murid tahap satu: analisis subjek Pendidikan Islam/Classroom assessment method (PBD) and its impact on level one pupils: analysis of Islamic Education subjects. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 11(1), 63-78.
- Mohd A., (2022 Februari 23). *Beg Sekolah Berat: KPM disaran perluas pendidikan digital*. <https://11nq.com/WqUxm>.
- Othman, A. J., Norzan, N., Darusalam, G., & Siraj, S. (2011). Cabaran guru program LINUS dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. *Masalah Pendidikan*, 34, 37-51.
- Ramachindran, S., & Awang, M. M. (2023). Penggunaan buku teks dan hubungannya dengan amalan nilai patriotisme dari perspektif murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 761-770.
- Ritchie, J., & Lewis, J. (2003). *Qualitative research practice—A guide for social science students and researchers*. Sage Publications Ltd.
- Sakti, A. F. B., & Hotimah, I. H. (2023). Pemanfaatan buku teks Sejarah oleh guru. *Jambura History and Culture Journal*, 5(1), 56-69.
- Sjahrony, A., Lubis, M. A., Baharudin, H., Kamis, M. S. (2017). Kepentingan pembelajaran motivasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA dari perspektif sorotan kajian. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(2), 102-112.

- Sjahrony, A., Lubis, M. A., & Yusoff, N. M. R. N. (2017). Kepentingan kebolehbacaan buku teks dalam dunia pendidikan. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 25-40.
- Taat, M. S., & Ariffin, A. (2020). Penguasaan bahasa Arab: hubungannya dengan sikap murid dan pengajaran guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 13-23.
- Yahya Othman. (2004). *Mengajar membaca: Teori dan aplikasi*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yusoff, M. A., & Adnan, M. A. M. (2008). Bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan peradaban: Satu kajian dari sudut keistimewaannya. *Jurnal Usuluddin*, 27, 157-167.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran (Teaching of Arabic in Malaysia: Problems and challenges). *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47-57.
- Zakaria, M. M., & Janan, D. (2022). Penggunaan buku teks dan penerimaan ilustrasi dalam kalangan guru dan murid: pendekatan kualitatif dan kuantitatif. *Journal Of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 12(1), 80-98.
- Zulkifli, N., Hamzah, M. I., & Razak, K. A. (2020). Faktor pendorong kreativiti dalam kalangan pelajar Politeknik (Motivating factors for creativity among Polytecnic students). *Asian People Journal*, 3(2), 77-85.

Faktor-Faktor Kelulusan Perkahwinan Bawah Umur Mengikut Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002: Analisis Kajian Kes di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, Kelantan

Factors of Underage Marriage Approval According to Section 8 of Kelantan State Islamic Family Law Enactment 2002: An Analysis of Case Study at Kota Bharu Syariah Subordinate Court, Kelantan

Abdul Hakim, M. N.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia
Tel: 0179436181 E-mail:abdulhakimmohdnahi3@gmail.com

Mustaqim Roslan, M. (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia
Tel: +6014-5191337 E-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Abstrak

Kes perkahwinan bawah umur di negeri Kelantan kian serius akhir-akhir ini apabila terdapat sebilangan pasangan yang memohon perkahwinan sebelum mencapai tempoh minimum yang ditetapkan oleh undang-undang. Hal ini sekali gus bercanggah dengan Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002 yang telah menetapkan bahawa had minimum kebenaran perkahwinan bagi remaja lelaki adalah 18 tahun manakala remaja perempuan pula mestilah 16 tahun. Namun begitu, terdapat sebilangan kes permohonan perkahwinan di negeri Kelantan telah diluluskan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu (MRSKB) dan ia nyata bercanggah dengan Seksyen 8 ini seperti yang telah dinyatakan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan menganalisis faktor-faktor kelulusan perkahwinan bawah umur mengikut Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Reka bentuk kualitatif telah diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur melibatkan tiga orang hakim mahkamah syariah. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil kajian menunjukkan terdapat empat faktor kelulusan perkahwinan bawah umur di MRSKB iaitu kepatuhan amar makruf dan nahi mungkar terhadap prinsip kerajaan negeri, akibat keterlanjuran zina, bersedia dan berkemampuan dalam menguruskan keluarga serta sumbang mahram. Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan diperlukan untuk melihat keperluan pindaan enakmen tersebut dalam penetapan had umur minimum perkahwinan di negeri Kelantan.

Kata kunci: Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002; Bawah Umur; Faktor-Faktor Kelulusan; Perkahwinan; Undang-undang.

Pendahuluan

Perkahwinan adalah ikatan sah antara pihak lelaki dan perempuan menjadi sepasang suami isteri (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Ia merupakan Suatu akad yang menghalalkan pergaulan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan muhrim dan menimbulkan hak serta kewajiban antara kedua-dua mereka (Mat Saad Abd Rahman, 1993). Perkataan bawah umur pula kebiasaannya diguna pakai sebagai istilah kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan yang masih kecil (Kamus Dewan Bahasa & Pustaka, 2005). Bagi kebenaran perkahwinan bawah umur, penetapan had umur minimum orang Islam untuk perkahwinan adalah 18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan mengikut Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002. Berbeza pula dengan Mahkamah Sivil, had umur bagi yang bukan beragama Islam diletakkan di bawah Seksyen 10 Undang-Undang Pembaharuan Perkahwinan dan Penceraian Akta 1976 (Akta 164). Hal ini bertujuan melindungi mereka yang berumur bawah 18 tahun bagi lelaki dan 16 hingga 17 tahun bagi perempuan. Ini bermakna, seseorang individu tidak dibenarkan untuk berkahwin sehingga mencapai umur yang ditetapkan dan tidak boleh melakukan akad nikah tanpa kebenaran mahkamah.

Namun begitu, jika dilihat peraturan dalam Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002 ini, jelas menyatakan bahawa “tidak ada perkahwinan yang boleh dijalankan di bawah peruntukan Akta ini sekiranya lelaki berumur di bawah 18 tahun atau perempuan berumur di bawah 16 tahun, melainkan dengan persetujuan bertulis daripada hakim syarie dalam keadaan tertentu” (Abdul, Low & Partners, 2019). Oleh yang demikian, segala perkahwinan di bawah umur hakikatnya tidak diterima melainkan menggunakan jalan perbincangan untuk mendapatkan budi bicara daripada pihak Mahkamah. Kebanyakan kes yang dibicarakan mempunyai sebab penerimaan yang tersendiri oleh hakim syarie dalam meluluskannya termasuklah kes-kes yang dibenarkan pernikahan bawah umur di MRSKB. Tambahan lagi, setiap kelulusan tidak sama sekali diperincikan faktornya secara spesifik mengenai pertimbangan yang perlu diambil kira dalam hal keadaan tertentu untuk memberikan kebenaran bagi pernikahan dengan pasangan bawah umur yang tidak dinyatakan dalam akta (Hasnizam Hashim et al., 2019).

Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan melihat faktor-faktor kelulusan perkahwinan bawah umur mengikut Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002 di MRSKB, Kelantan. Kajian ini dapat memberikan penjelasan yang begitu tuntas berkaitan dengan kebenaran hakim mahkamah syarie dalam menggunakan budi bicara mereka ke atas keizinan perkahwinan bawah umur walaupun ia jelas berbeza dari enakmen undang-undang negeri. Pengkaji amat meyakini akan setiap keputusan yang dinilai hakim syarie dalam meluluskan perkahwinan bawah umur mempunyai pertimbangan dalam pelbagai aspek serta garis panduan yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, secara khususnya, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu, apakah faktor-faktor kelulusan perkahwinan bawah umur mengikut Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002 di MRSKB, Kelantan?

Sorotan Kajian

Sorotan kajian atau sinonim dengan *literature review* pada umumnya mengandungi kajian kepustakaan yang diambil daripada pelbagai sumber sama ada daripada buku, jurnal, prosiding, tesis, kertas projek, disertasi, makalah dan sebagainya (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Kajian ini telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di sekitar skop kajian pengkaji. Antaranya ialah kajian Nurul Ain Hazram & Raihanah Azahari (2021) yang bertajuk “Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāṣid al-Sharī‘at”. Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan perkahwinan

bawah umur secara umum dapat mencapai matlamat-matlamat syarak dalam perkahwinan apabila dipatuhi dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Terdapat keadaan-keadaan tertentu dalam perkahwinan bawah umur yang dianggap sebagai satu langkah untuk menangani *mafsadat* yang lebih besar, seperti mengurangkan kes kemungkinan zina dan kehamilan luar nikah. Kajian ini terdapat kelompangan yang paling hampir dengan kajian yang sedang dijalankan oleh pengkaji. Walaupun begitu, perbincangannya adalah begitu umum berkaitan dengan perkahwinan bawah umur dan dikaitkan dengan *maqasid al-syari'at*. Tambahan lagi, kajian tersebut tidaklah berfokus kepada kajian kes terhadap faktor-faktor kebenaran perkahwinan bawah umur di mahkamah.

Selain itu, kajian Nik Wajis, Mochammad Sahid, Mohamad Yunus dan Baharli (2020) turut disoroti kajian ini di bawah tajuk “Perkahwinan Kanak-Kanak Di Malaysia: Had Umur Minimum dan Implikasinya”. Hasil dapatan menunjukkan bahawa, terdapat peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan perkahwinan kanak-kanak di bawah umur, namun terdapat kekurangan butiran yang jelas dan spesifik berkenaan alasan dan faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum memberikan persetujuan untuk perkahwinan tersebut. Artikel ini juga menunjukkan adanya implikasi negatif terhadap hak kesihatan dan hak pendidikan kanak-kanak yang berkahwin di bawah umur. Kajian ini lebih berfokus kepada implikasi yang berlaku terhadap perkahwinan kanak-kanak bawah umur dan tidaklah membincangkan secara tuntas berkaitan dengan faktor-faktor kebenaran perkahwinan bawah umur di mahkamah. Berdasarkan penelitian terhadap beberapa kajian lepas tersebut, didapati tiada kajian yang menjurus kepada kajian kes untuk melihat secara mendalam berkaitan faktor-faktor kelulusan perkahwinan bawah umur ini. Hal ini sekali gus memberikan kelompangan besar kepada kajian ini untuk melakukan kajian dari sudut yang berbeza.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai (Mustaqim Roslan, 2023). Selain itu, metodologi kajian juga merujuk kepada tiga perkara asas iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data (Mustaqim Roslan, 2024). Pendekatan atau reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji harus sesuai dengan epistemologi Islam dan objektif kajian yang telah ditetapkan. Pengkaji boleh memilih untuk menggunakan pendekatan kuantitatif, kualitatif, atau gabungan keduanya. Falsafah dari kajian berbentuk interpretif iaitu pencarian penjelasan mengenai peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari oleh perspektif persekitaran yang sedang dikaji (Muslim, 2018). Kajian kes dipilih sebagai strategi kajian ini kerana ia membolehkan penerokaan mendalam terhadap fenomena perkahwinan bawah umur mengikut Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002.

Reka bentuk kualitatif telah digunakan dalam kajian ini dengan gabungan teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Kaedah temu bual separa berstruktur digunakan bertujuan mendapatkan maklumat yang diperlukan secara bersemuka dengan informan bagi mengenal pasti isu dan masalah kajian. Kaedah ini sangat sesuai digunakan dalam kajian ini supaya beberapa soalan tambahan dapat diajukan kepada informan jika persoalan kajian tidak dapat dijawab dengan jelas (Ritchie & Lewis, 2003). Dalam konteks kajian ini, temu bual dijalankan terhadap tiga orang informan iaitu Zahari Mohd Yusoff, Siti Nur Muzliana Majid, Yusmini Mohamad Yusoff yang merupakan hakim dan pembantu hakim yang bertugas di MRSKB, Kelantan. Pemilihan tiga orang responden ini dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang dilihat berkemampuan untuk mencapai objektif kajian. *Purposive sampling* melibatkan pemilihan individu yang sesuai dengan kriteria yang berkaitan untuk memberikan maklumat yang relevan dan signifikan (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016).

Hasil data kajian yang telah dikumpul kemudian dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Proses ini melibatkan beberapa fasa yang dimulai dengan penyaringan data. Dalam fasa ini, transkripsi rakaman audio-video diproses menjadi bentuk verbatim, iaitu ayat demi ayat atau frasa demi frasa. Setelah itu, transkrip diindeks dengan memberi kod tertentu kepada setiap informan berdasarkan transkrip mereka. Kod-kod ini membantu dalam penjanaan semula data asal serta memudahkan rujukan silang semasa penulisan dan menyiapkan laporan (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016). Menurut Mustaqim Roslan (2023), terdapat lima langkah dalam mengatur analisis tematik iaitu dimulai dengan menyalin semula transkrip temu bual secara verbatim, membuat agihan soalan kajian, membuat pengkategorian awal, mencari tema dan membuat koding.

Konsep Perkahwinan Bawah Umur

Perkahwinan kanak-kanak atau *child marriage* ialah sesuatu perkahwinan rasmi atau penyatuan tidak rasmi antara anak yang berumur di bawah 18 tahun dengan orang dewasa atau kanak-kanak lain yang belum mencecah usia 18 tahun (UNICEF, 2021). Mengikut Seksyen 2 (1) Akta Kanak-Kanak 2001 menyatakan bahawa, kanak-kanak sering diertikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun (Thambapillay, 2002). Manakala menurut Ibnu Manzur (1992) perkataan bawah umur atau kanak-kanak diambil dari kata arab '*al-sighar*' sebagai sesuatu yang berlawanan dengan besar. Ia juga membawa maksud kurang saiz atau kurang umurnya. Dari sudut istilah pula, perkataan '*al-sighar*' membawa maksud sebagai suatu ciri yang dikaitkan dengan seseorang manusia semenjak kelahirannya sehinggalah baligh (Ibnu Manzur, 1992). Takrifan ini jelas menunjukkan bahawa tidak ada suatu had umur yang spesifik bagi kanak-kanak bawah umur melainkan takrifan perundangan yang telah menetapkan bahawa, kanak-kanak bawah umur adalah merujuk kepada kanak-kanak yang berumur 16 dan 18 tahun ke bawah.


Secara dasarnya, had umur minimum bagi sebuah perkahwinan orang Islam telah ditetapkan berbeza mengikut wilayah pemerintahan seperti yang dinyatakan dalam Akta, Enakmen dan Ordinan setiap negeri di Malaysia. Bagi penetapan had umur perkahwinan, negeri Kelantan dan kesemua 10 negeri yang lain masih mengekalkan undang-undang sedia ada berkaitan perkahwinan bawah umur di Malaysia. Negeri Selangor dan Kedah antara yang terkecuali apabila kerajaan negeri Selangor telah membuat Pindaan Undang-Undang Keluarga Islam 2003 (Pindaan 2018) dan Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan 2022) bagi negeri Kedah. Selangor merupakan negeri pertama yang telah membuat pindaan had umur berkahwin bagi orang Islam iaitu perkahwinan seorang perempuan dari had umur 16 tahun kepada had umur 18 tahun (Zaini, 2018). Negeri-negeri lain seperti Wilayah Persekutuan masih lagi dalam pindaan undang-undang. Terdapat juga beberapa negeri bersetuju dengan cadangan pindaan had umur berkahwin kepada 18 tahun (Jiffar, Amran, Zainuddin, 2019). Dun Kedah juga meluluskan Rang Undang-Undang tentang Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah (Pindaan 2022) berkaitan had umur perkahwinan dan undang-undang poligami (Hamid, 2022).

Pelbagai spekulasi mula timbul apabila statistik tentang perkahwinan bawah umur di setiap negeri di Malaysia mula meningkat termasuklah di negeri Kelantan. Kelantan merupakan antara negeri yang merekodkan permohonan tertinggi. Menurut Wahid (2023), daripada 546 permohonan perkahwinan bawah umur didaftarkan, hanya 13 permohonan ditolak dalam tempoh 2019 hingga 2023. Negeri Kelantan juga komited dalam menguatkuasakan bidang kuasa Mahkamah Syariah terhadap perkahwinan bawah umur mengikut Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002. Walaupun begitu, tiada sesuatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Enakmen ini jika lelaki itu berumur kurang daripada 18 tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada 16 tahun kecuali jika hakim syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam keadaan tertentu. Oleh yang demikian, ia menimbulkan persoalan tentang apakah faktor-faktor yang

menjadi garis panduan para hakim dalam budi bicara mereka terhadap kebenaran perkahwinan bawah umur ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini menelusuri secara mendalam tentang faktor-faktor kelulusan perkahwinan bawah umur mengikut Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002 dalam sub topik seterusnya.

Analisis Faktor-Faktor Kelulusan Perkahwinan Bawah Umur Mengikut Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002 di Mahkamah Rendah Syariah Kelantan

Fenomena pernikahan bawah umur di Kelantan merupakan isu hangat yang menjadi perhatian segenap masyarakat pada hari ini. Hal ini dibuktikan apabila terdapat peningkatan kes-kes permohonan pernikahan bawah umur yang semakin meningkat saban hari di MRSKB, Kelantan. Rekod mahkamah menunjukkan kebanyakan kes yang dibicarakan telah diluluskan permohonan mereka oleh para hakim bertugas atas faktor-faktor tertentu. Oleh yang demikian, ia menimbulkan persoalan tentang faktor-faktor kelulusan perkahwinan bawah umur mengikut Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002 di MRSKB, Kelantan. Hasil kajian mendapati terdapat empat faktor kelulusan perkahwinan bawah umur di MRSKB iaitu kepatuhan amar makruf dan nahi mungkar terhadap prinsip kerajaan negeri, akibat keterlanjuran zina, bersedia dan berkemampuan dalam menguruskan keluarga serta sumbang mahram. Berikut adalah dapatan umum yang telah diperoleh seperti gambar rajah di bawah:



Rajah 1: Faktor-Faktor Kelulusan Perkahwinan Bawah Umur mengikut Seksyen 8 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan Tahun 2002

Kepatuhan amar makruf dan nahi mungkar terhadap prinsip kerajaan negeri

Antara faktor-faktor kelulusan perkahwinan bawah umur di MRSKB adalah kepatuhan amar makruf dan nahi mungkar terhadap prinsip kerajaan negeri. Perkataan kepatuhan bermaksud perihal patuh (menurut perintah). Manakala perkataan amar makruf dan nahi mungkar merujuk kepada perintah supaya mengerjakan perbuatan atau amalan yang baik dan menjauhi perbuatan atau amalan yang jahat. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), konsep amar makruf nahi mungkar berasal dari istilah yang terdapat dalam ayat al-Quran yang bermaksud "mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran". Mengajak kepada kebaikan bermaksud mengajak manusia menuju kepada Allah supaya mentaati segala perintah Allah SWT. Sementara mencegah kemungkaran adalah usaha untuk menghalangi manusia dari melakukan perbuatan-perbuatan yang tercela (Syafiq Din & Irdha Mokhtar, 2022).

Pernikahan adalah suatu perkara yang dituntut oleh Islam bahkan perkahwinan adalah merupakan satu sunnah yang dilakukan Rasulullah SAW. Islam tidak pernah melarang umatnya

dalam melakukan sesuatu perkara selagi mana ia tidak mendatangkan kemudaratan. Tambahan lagi, perkahwinan adalah sesuatu yang diharamkan oleh syarak. Sehubungan dengan itu, pendekatan ini selaras dengan peruntukan undang-undang dan hukum syarak dengan mengambil kira kemaslahatan (kepentingan) pasangan bawah umur yang akan berkahwin (Mohamed, 2023). Baru-baru ini, kerajaan negeri Kelantan dikejutkan dengan cadangan perubahan had penetapan umur bagi perkahwinan yang melibatkan orang Islam. Hal yang dibangkitkan adalah membabitkan pindaan kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 (Akta 303) yang menetapkan umur minimum perkahwinan bagi wanita kepada 18 tahun. Walau bagaimanapun, Kelantan masih kekal dengan keputusan sebelum ini iaitu 16 tahun bagi perempuan dan 18 tahun untuk lelaki.

Tambahan pula, banyak kes yang akan timbul jika kerajaan menyukarkan sesuatu perkahwinan terutama bagi golongan bawah umur. Hal ini kerana sebahagian daripada pemohon akan menggunakan jalan singkat dengan berkahwin di sempadan negara jiran. Perkara ini merupakan bentuk *hiyāl* dalam perkahwinan semasa iaitu perkahwinan rentas sempadan. Perkahwinan rentas sempadan didefinisikan perkahwinan yang diadakan oleh jurunikah menggunakan wali hakim di negara-negara bersempadan dengan Malaysia terutamanya di Thailand dan Indonesia (Md Said et al., 2020). Oleh yang demikian, perkara ini akan memberikan kesan kepada individu jika pihak kerajaan dan mahkamah menyukarkan proses pernikahan bawah umur di Kelantan khususnya. Menurut Kamarudin (2024), hampir 300 pasangan dari Malaysia menikah di Selatan Thailand setiap bulan. Menerusi jumlah yang dinyatakan, 60 peratus perkahwinan itu melibatkan mereka yang berpoligami dan selebihnya kerana tidak mendapat izin keluarga termasuk bernikah dengan pasangan di negara ini. Mereka yang menikah di sempadan Negara, akan dikenakan hukuman walaupun perkahwinan mereka sah.

Tambahan lagi, menurut Wahid (2023) *standard operating procedure* yang minimum atau bersifat lebih memudahkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan khusus untuk negeri ini dengan mengambil kira lokaliti Kelantan yang bersempadanan dengan Thailand. Ini bagi mengelakkan berlakunya nikah di negara berkenaan, tanpa kebenaran wali atau akad sendiri. Menurut Zahari Yusoff (2024), kerajaan tidak boleh menyekat perkahwinan tetapi dengan undang-undang yang sedia ada boleh membantu untuk mengawal daripada berlakunya lambakan pasangan bawah umur berkahwin di negara Thailand. Bahkan, mahkamah juga boleh menutup terus permohonan tetapi menyekat perkahwinan akan membawa kesan yang lebih besar kepada masyarakat. Pihak mahkamah justeru tidak mahu generasi muda terikut dengan budaya menikah di sempadan negara kerana risiko akan timbul di kemudian hari. Tuntasnya, pelbagai permasalahan akan timbul jika terjadinya situasi menikah di sempadan negara. Antara kesan yang timbul adalah perbuatan tersebut akan menyukarkan proses membuat sijil kelahiran anak di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Selain itu, ia juga akan menyukarkan sebarang tuntutan harta di mahkamah. Proses tuntutan harta termasuk harta sepencarian dan harta pusaka akan menjadi sukar dan mereka yang menjadi mangsa sudah tentu wanita apabila gagal mendapatkan hak di mahkamah (Kadir, 2024). Oleh itu, kerajaan negeri Kelantan sentiasa memandang serius terhadap masalah perkahwinan bawah umur ini. Pihak mahkamah juga perlu mengambil kira dari pelbagai sudut dengan menjalankan kepatuhan amar makruf dan nahi mungkar terhadap prinsip kerajaan negeri.

Akibat keterlanjuran zina

Antara faktor kelulusan pernikahan bawah umur adalah akibat keterlanjuran zina. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), keterlanjuran adalah melakukan perkara yang salah tanpa rasa bersalah ke atas dirinya. Manakala istilah zina pula membawa maksud persetubuhan yang tidak sah atau haram (bukan antara suami isteri) (Kamus Dewan Bahasa & Pustaka, 2005). Dalam Islam zina terbahagi kepada dua iaitu *muhsan* dan *ghayr muhsan*. Maksud perkataan *muhsan* adalah merujuk

kepada pelaku zina yang dilakukan oleh orang yang sudah baligh, berakal, merdeka, dan sudah pernah bersetubuh dalam akad nikah yang sah. Dengan kata lain, zina *muhsan* adalah zina yang pelakunya sudah menikah. Sedangkan zina *ghayr muhsan* adalah zina yang dilakukan oleh orang yang belum pernah melangsungkan perkahwinan sah (Awdah, 2000).

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes jenayah zina adalah yang paling banyak berlaku dalam masyarakat kini. Kesannya telah menimbulkan kes-kes jenayah lain seperti pembuangan bayi, sumbang mahram, pengguguran janin, kelahiran anak tidak sah taraf dan sebagainya (Hasan & Abdullah, 2020). PDRM merekodkan sebanyak 577 kes pembuangan bayi bagi tahun 2014 sehingga 2018. Antara punca pembuangan bayi adalah kehamilan luar nikah dan kehamilan remaja (Ismail, 2019). Dikhabarkan sejak 2013 kira-kira 100,000 kes remaja perempuan hamil bawah umur 19 tahun dilaporkan. Terdapat kira-kira 900 kes pembuangan bayi dilaporkan bagi tempoh sama. Daripada 900 kes pembuangan bayi yang dilaporkan, hanya 30 peratus daripada jumlah bayi itu masih bernyawa (Sinar Harian, 2019). Oleh yang demikian, kesemua kes yang dinyatakan adalah satu kes yang sama tetapi berbeza dari sebutannya. Menurut Paizah Hj Ismail (2013) zina antara gejala sosial yang amat menakutkan yang pernah dilakukan oleh umat terdahulu dan juga pada zaman jahiliyah sehinggakan berleluasa dewasa ini. Istilah-istilah yang digunakan untuk zina ini telah ditukarkan kepada istilah yang lebih tidak menakutkan.

Oleh yang demikian, isu masalah zina merupakan salah satu sebab hakim meluluskan perkahwinan bawah umur. Terdapat ramai plaintif yang mengemukakan permohonan perkahwinan bawah umur, dan sejumlah daripada mereka telah melakukan zina bawah umur sebelum mereka sah bergelar suami isteri (Zahari Yusoff, 2024). Tambahan lagi, terdapat satu penemuan kes di MRSKB, yang berdaftar bil: 2401-L0203-111-0125. Pemohon merupakan seorang wanita yang baru berusia 15 tahun telah hamil sebelum menikah. Hal ini menjadi salah satu sebab perkahwinan mereka diluluskan. Menurut Zahari Yusoff (2024), kebanyakan daripada pemohon yang hadir telah terlanjur zina dan ada di antara mereka yang telah hamil. Jika mahkamah tidak meluluskan perkahwinan, maka bayi akan lahir tanpa seorang ayah. Mengenai permasalahan terlanjur zina ini, menurut Rosalinda Md. Said (2018), menyatakan terdapat juga kes perkahwinan bawah umur disebabkan faktor-faktor seperti hamil luar nikah, terlanjur dan telah melahirkan anak. Justeru itu, permohonan bagi perkahwinan bawah umur juga merupakan satu inisiatif untuk menebus kesalahan yang dilakukan oleh pasangan yang telah terlanjur. Oleh itu, pihak mahkamah tidak bermudah-mudah dalam cuba mempertimbangkan hal tersebut kepada pelaku zina bawah umur. Perbuatan zina ini perlu ditangani dengan baik melalui usaha pencegahan iaitu *wiqayah* atau dengan menutup semua jalan (*sadd al-dharai'*) untuk mencegah pelbagai perbuatan-perbuatan yang lebih teruk berlaku.

Daripada bukti-bukti yang dinyatakan penulis, ini membuktikan bahawa keterlanjuran zina merupakan faktor yang mempengaruhi hakim menggunakan kuasa budi bicara dalam perbicaraan mahkamah. Mengizinkan perkahwinan bawah umur adalah dituntut jika ia mampu mengelakkan keburukan yang lebih teruk berlaku. Hal ini sangat penting jika dilihat dalam hadis Rasulullah SAW untuk menutup segala mudarat. Rasulullah SAW bersabda:

“Tidak boleh melakukan perbuatan yang mudarat dan tidak boleh memudaratkan orang lain.” (Riwayat Ibn Majah, No hadis, 2341).

Melalui hadis ini Al-Suyuti (1983), menyebut bahawa kemudaratan wajib dihilangkan sebelum berlakunya perkara tersebut, wajib juga dihilangkan ketika berlakunya perkara tersebut dengan menghilangkan mudarat tersebut, atau menyediakan alternatif lain bagi menggantikan mudarat dan menjatuhkan hukum kepada pelaku mudarat dengan hukuman yang sesuai. Oleh itu,

jelas menunjukkan bahawa peranan mahkamah adalah sebagai pihak yang memberikan manfaat dan mengurangkan mudarat kepada orang lain dalam menangani permasalahan zina ini.

Bersedia dan berkemampuan dalam menguruskan keluarga

Faktor kelulusan perkahwinan bawah umur seterusnya adalah bersedia dan berkemampuan dalam menguruskan keluarga. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), bersedia bermaksud bersiap untuk melakukan sesuatu. Manakala istilah berkemampuan pula membawa maksud mempunyai kesanggupan kebolehan dan kekuatan. Menurut para ulama, kemampuan selalu didefinisikan dengan *solahuyyatuhu li wujub al-huquq al-masyru'ah lahu wa 'alayh*, iaitu kesanggupan seseorang untuk menerima hak-hak dan memenuhi kewajipan-kewajipan yang diberikan syarak (Al-Rahawi, 1993). Menurut Al-Zuhaili (2015), setiap orang yang mampu adalah mereka yang mempunyai keahlian dalam kelayakan untuk berkahwin iaitu merupakan seorang yang telah mencapai usia baligh dan berakal serta berkeahlian dalam mengendalikan urusan harta sekiranya dia sendiri yang menjalankan akad.

Para mujtahid telah sepakat bahawa nikah adalah suatu ikatan yang dianjurkan syariat. Bagi orang yang sudah berkeinginan untuk nikah dan khawatir terjerumus ke dalam perbuatan zina, sangat dianjurkan untuk melaksanakan nikah. Demikian adalah menurut kesepakatan para imam mazhab (Hasyimi, 2015). Terdapat juga dalam sebuah hadis riwayat Bukhari dan Muslim, yang menyatakan galakan dalam bernikah, maksudnya:

“Wahai para pemuda! Sesiapa di antara kamu telah mampu (pembiayaan) berkahwin, maka bernikahlah. Kerana nikah itu dapat menundukkan mata dan memelihara faraj (kelamin). Dan sesiapa yang belum mampu, maka hendaklah berpuasa kerana puasa itu dapat menjadi perisai baginya (dalam membendung syahwat)” (Riwayat al-Bukhari, No Hadis, 5065 dan Muslim, No Hadis, 3466).

Melalui hadis yang dinyatakan, Imam Nawawī menjelaskan apabila seseorang itu berkemampuan dari sudut kewangan serta *jima'*. Maka dianjurkan supaya berkahwin kerana perkahwinan tersebut mampu untuk menundukkan mata dan memelihara faraj. Sekiranya seseorang masih lagi tidak berkemampuan dari segi kewangan dan *jima'*. Maka dianjurkan untuk berpuasa kerana mampu menjadi benteng dan perisai daripada syahwat (al-Nawawī, 2022).

Oleh itu, faktor bersedia dan berkemampuan dalam menguruskan keluarga akan sentiasa diberi tempat dalam meluluskan pernikahan bawah umur. Walaupun disebut mampu, kebiasaannya pihak mahkamah atau hakim yang dilantik akan melihat dari pelbagai sudut sebelum meluluskannya. Antara yang dilihat adalah, perkahwinan ini tiada unsur paksaan, suka sama suka, tiada halangan dan berkemampuan terhadap harta (Yusmini Yusoff, 2024). Selain itu, menurut Wahid (2023), kemaslahatan perkahwinan pasangan bawah umur akan dinilai melalui penelitian menyeluruh merangkumi aspek kerelaan pasangan dan kesediaan mendirikan rumah tangga seperti kemampuan, emosi, fizikal, mental, seksual, sosial, spiritual, kesihatan, pendidikan, sekufu dan sebagainya. Terdapat beberapa kes mal di MRSKB didaftarkan iaitu bil: 2401-L0203-111-0150 dan 2404-L0203-111-0505 yang diluluskan oleh hakim mahkamah. Kedua-dua kes tersebut telah mendapat persetujuan kedua belah pihak keluarga. Bahkan, mereka sanggup untuk menyara pasangan bawah umur tersebut walaupun masih bersekolah dan tiada pendapatan tetap dalam menguruskan perbelanjaan. Menurut Mohamed (2023), soal kemampuan juga diambil kira kerana ia berkait rapat dengan kekuatan sokongan, persediaan awal oleh ibu bapa, kematangan dalam membuat keputusan dan keupayaan melaksanakan peranan sebagai ibu bapa.

Selain itu, menurut Muzliana Majid (2024), terdapat juga syarat lain terhadap pasangan yang ingin bernikah. Pihak pemohon perlu menghadirkan ibu bapa sebagai syarat penerimaan ketika sesi perbicaraan berlangsung. Sebelum akad nikah dijalankan, permohonan perlu diangkat kepada mahkamah syariah dan hanya hakim syarie yang mempunyai autoriti untuk meluluskan permohonan melalui sesi perbicaraan dalam kamar secara tertutup melibatkan keterangan pemohon bawah umur, ibu bapa pemohon, saksi dan imam setempat atau Penolong Pendaftar Nikah Cerai Rujuk (Wahid, 2023). Selain itu, salah satu rukun asas untuk mengesahkan sesebuah perkahwinan adalah keizinan perkahwinan daripada wali bakal pengantin perempuan (al-Syirbini, 1994). Keizinan ini adalah perlu kerana perempuan merupakan golongan yang lemah dan sentiasa berhajat kepada layanan dan pimpinan daripada kaum lelaki (Din 2008). Oleh yang demikian, setiap kelulusan mahkamah dalam meluluskan sebarang perkahwinan perlulah didatangkan dengan wali yang sah. Hadirnya wali adalah satu jalan dan bukti yang kukuh untuk hakim meluluskan sebarang permohonan perkahwinan pasangan bawah umur. Pihak mahkamah juga tidak sewenang-nya meluluskan permohonan yang tidak mengikut syarat yang ditetapkan. Walaupun telah jelas tertulis dalam buku rasmi enakmen peruntukan negeri-negeri, namun hakim tidak teragak-agak untuk menolak atau membatalkan fail kes terhadap pemohon yang tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Sumbang mahram

Faktor kelulusan yang ketiga pula adalah perbuatan sumbang mahram. Perkataan sumbang mahram diertikan sebagai suatu perbuatan atau perlakuan zina yang berlaku antara dua orang anggota terdekat dalam sesebuah keluarga. Sebagai misalnya, antara abang dengan adik perempuan atau ayah dengan anak perempuannya (Kamus Dewan Bahasa & Pustaka, 2005). Menurut Enakmen Kanun Jenayah Syariah (2020), perkataan sumbang membawa erti suatu perbuatan atau siri perbuatan yang bertentangan dengan hukum syarak antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang ditegah berkahwin. Selain itu, sumbang mahram atau inses (*incest*) adalah perhubungan seksual antara seorang lelaki dengan cucu perempuan, anak perempuan, kakak, adik perempuan atau ibunya atau antara seorang perempuan yang berumur 16 tahun atau lebih dengan datuk lelakinya, bapa, abang, adik lelaki atau anak lelakinya dengan kerelaan dan keizinan kedua-dua pihak terbabit (Azizah Othman & Azelin Aziz, 2004).

Dalam konteks kehidupan di Malaysia, kesedaran tentang sumbang mahram sangat penting untuk menjaga batasan-batasan yang ditetapkan oleh Islam. Hal ini disebabkan oleh beberapa individu yang terjerumus dalam salah laku sumbang mahram. Bahkan itu, kes sumbang mahram telah dilaporkan berlaku di Mahkamah Syariah Kota Bharu. Hal ini terjadi apabila terdapat plaintif yang hadir ke mahkamah membuat permohonan perkahwinan bawah umur. Apabila dilihat berdasarkan borang permohonan, plaintif merupakan seorang wanita yang pernah dirogol oleh bapanya sendiri (Muzliana Majid, 2024). Tambahannya lagi, sumbang mahram adalah satu jenayah yang berada di bawah kesalahan jenayah rogol. Bagi pensabitan kesalahan, mahkamah syariah tidak ada kuasa dalam menjatuhkan hukuman terhadap mangsa kerana ia dipaksa tanpa kerelaan. Mangsa juga hadir ke mahkamah tanpa ditemani tertuduh iaitu ayahnya. Oleh itu, kesalahan sumbang mahram sering disabitkan dan dihukum di bawah seksyen 376 iaitu seksaan bagi kesalahan rogol (Zahari Yusoff, 2024). Justeru itu, kebiasaannya pihak mahkamah akan meluluskan permohonan mereka yang teraniaya akibat perbuatan sumbang mahram ini. Mahkamah juga akan menggalakkan yang tertuduh untuk mendapatkan rawatan bimbingan kaunseling di Jabatan Agama Negeri jika perlu.

Kelulusan hakim dalam meluluskan kes ini adalah sangat penting dan perlu diteliti dari sudut pandang yang mendalam. Oleh yang demikian, dalam meluluskan kes sumbang mahram terhadap pemohon bawah umur adalah wajar. Hal ini menjelaskan bahawa pengadilan di mahkamah syariah didasarkan pada prinsip-prinsip hukum Islam dan undang-undang Islam yang berlaku di Malaysia.

Oleh kerana itu, dalam membela golongan yang teraniaya ini, mahkamah syariah akan merujuk kepada hukum dan ajaran Islam untuk memberikan keputusan yang sesuai dengan prinsip-prinsip agama. Hakikatnya, dalam Surah al-Baqarah ayat 185 Allah SWT telah menjelaskan yang maksudnya:

“Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran” (al-Quran 2:185).

Menurut Ibn 'Asyur (2007), Unsur-unsur kemudahan, tidak membebani sesuatu yang tidak mampu dipikul, menghilangkan kesulitan dan agama yang tidak sempit menjadi bukti bahawa agama Islam benar-benar ingin mengangkat kesusahan daripada manusia. Oleh sebab itu, Ibn 'Asyur mengatakan bahawa ayat al-Quran di atas menggambarkan sifat tasamuh syariat Islam. Justeru itu, kewajaran mahkamah dalam membenarkan perkahwinan sumbang mahram bawah umur sangat bertetapan dengan kehendak dan kepatuhan syarak. Justeru, hal ini dapat menyelamatkan mereka yang terlibat dari terus rosak dihanyut dosa tanpa sebarang pembelaan.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, negeri Kelantan telah menetapkan bahawa had minimum kebenaran perkahwinan bawah umur bagi remaja lelaki adalah 18 tahun manakala remaja perempuan pula mestilah mencapai 16 tahun. Segala perkahwinan bawah umur hakikatnya tidak diterima melainkan menggunakan jalan perbicaraan untuk mendapatkan budi bicara daripada pihak mahkamah. Kebanyakan kes yang dibicarakan mempunyai sebab penerimaan yang tersendiri oleh hakim syarie dalam meluluskannya termasuklah kes-kes yang dibenarkan pernikahan bawah umur di MRSKB. Oleh yang demikian, ia menimbulkan persoalan tentang apakah faktor-faktor yang menjadi garis panduan para hakim dalam budi bicara mereka terhadap kebenaran perkahwinan bawah umur ini. Hasil dapatan menunjukkan terdapat empat faktor kelulusan perkahwinan bawah umur di MRSKB iaitu kepatuhan amar makruf dan nahi mungkar terhadap prinsip kerajaan negeri, akibat keterlanjuran zina, bersedia dan berkemampuan dalam menguruskan keluarga dan sumbang mahram. Hal ini menunjukkan bahawa para hakim mempunyai sebab dan alasan yang munasabah dengan melihat kepada semua keterangan yang diberikan di mahkamah sebelum keputusan dibuat walaupun ia bercanggah dengan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri. Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan diperlukan untuk melihat keperluan pindaan enakmen tersebut dalam penetapan had umur minimum perkahwinan di negeri Kelantan.

Rujukan

Al-Quran.

'Awdah, A. A. (2000). *Al-tasyri' al-jina'i al-Islam: muqaranan bi-al-qanun al-wadi'i*. Mu assasah al-risalah.

Abdul, Low & Partners. (2019). *Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-WilayahPersekutuan) 1984 (Akta 303) - Peguam Syarie*. Peguam Syarie. <https://www.peguamsyarie.com.my/akta-undang-undang-keluarga-islam-wilayah-wilayahpersekutuan-1984-akta-303/>

Abi al-Fadhl Jamaluddin Muhammad bin Mukram Ibnu Manzur. (1992). *Lisan al-Arab*. Dar al-Sadir.

- Azizah Othman & Azelin Aziz. (2004). *Fenomena Sumbang Mahram Di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia
<https://repo.uum.edu.my/id/eprint/1815/1/11.pdf>
- Din, H. (2008). *Islam: Panduan Komprehensif Keluarga Bahagia*. PTS Litera Utama.
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah. (2020). *Undang-Undang Negeri Kelantan*. Jil. 73(27). Warta Kerajaan Negeri Kelantan
<https://syariah.kelantan.gov.my/downloadjksnk/ENAKMENKANUNJENAYAHSYARIAH.pdf>
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Universiti Malaya.
- Hakim. (Interviewer). (2024). Interview with Muzliana Majid. Pembantu Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan.
- Hakim. (Interviewer). (2024). Interview with Yusmini Yusoff. Pembantu Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan.
- Hakim. (Interviewer). (2024). Interview with Zahari Yusoff. Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan.
- Hamid, N. H. (2022, July 18). *Kedah naikkan had umur kahwin kepada 18 tahun*. Sinar Harian.
<https://www.sinarharian.com.my/article/211862/edisi/kehad-naikkan-had-umur-kahwin-kepada-18-tahun>
- Hasan, W. R., & Abdullah, M. F. R. (2020). *Menangani Masalah Zina Menurut Perspektif Al-Quran Dan Sunnah: Preventing Adultery/ Fornication Issues According to the Quranic and Sunnah Perspectives*, 7(1), 49–63.
- Hasnizam Hashim, Intan Nadia Ghulam Khan, Haliza a. Shukor, & Nabilah Yusof. (2019). Perkahwinan Bawah Umur Menurut Perspektif Undang-Undang Jenayah Islam Dan Undang-Undang Sivil Di Malaysia. *5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*.
https://conference.uis.edu.my/mfifc/images/E-Proceeding-2019/08-Kahwin_bawah_umur-Hasnizam_Hashim.pdf
- Hasyimi. (2015). *Fiqh empat mazhab / Perpustakaan Pusat*. Perpustakaan Pusat.
https://library.walisongo.ac.id/slims/index.php?p=show_detail&id=22924%7D
- Ibn 'Asyur. (2007). *Maqasid al-Syar'iyah al-Islamiyyah*. Dar al-Salam.
- Ismail, I. S. (2019, June 28). Kes pembuangan bayi serius - TPM. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/578922/kes-pembuangan-bayi-serius-tpm>
- Jiffar, S., Amran, S. N. M. E. & Zainuddin, M. Z. (2019). Had umur perkahwinan: Kedah setuju pinda, Kelantan kekal, Sabah cari jalan atasi. *BH Online*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/631143/had-umur-perkahwinan-kedahsetuju-pinda-kelantan-kekal-sabah-cari>

- Kadir, F. A. (2024, February 25). Kahwin di sempadan mudah, tapi boleh jadi mudarat. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/651362/suara-sinar/analisis-sinar/kahwin-di-sempadan-mudah-tapi-boleh-jadi-mudarat>
- Kamus Dewan. Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamarudin, H. L. (2024, February 25). 300 pasangan Malaysia nikah di Selatan Thailand setiap bulan. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/651255/global/300-pasangan-malaysia-nikah-di-selatan-thailand-setiap-bulan>
- Mat Saad Abd. Rahman. (1993). *Undang-undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan, Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Shah Alam: HIZBI SDN. BHD., hal. 17.
- Md Said, M. H., Md Hashim, N., Abdul Hak, N., Che Soh@Yusoff, R., Ahmad Fuzi, F. H., & Yaakob, K. (2020). Kajian sosioperundangan perkahwinan merentasi sempadan di Nusantara [Socio legal research on cross-border marriage in the Malay Archipelago. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 5(2), 129-151. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol5iss2pp129-151>
- Mohamed, M. (2023, November 28). 533 pasangan di Kelantan kahwin bawah umur. *Kosmo Digital*. <https://www.kosmo.com.my/2023/11/28/533-pasangan-di-kelantan-kahwin-bawah-umur/>
- Muslim, M. (2018). Varian-varian paradigma, pendekatan, metode, dan jenis penelitian dalam ilmu komunikasi. *Media Bahasa, Sastra, Dan Budaya Wahana*, 1(10). <https://doi.org/10.33751/wahana.v1i10.654>
- Mustaqim Roslan. (2024). Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan kesannya kepada murid tahap satu: analisis subjek Pendidikan Islam/ Classroom Assessment Method (PBD) and its impact on level one pupils: analysis of Islamic Education subjects. *UMRAN*, 11(1), 63–78. <https://doi.org/10.11113/umran2024.11n1.678>
- Mustaqim Roslan, M. (2023). Hubungan kesan psikologi dan masalah sosial dengan teori hifz al-nafs dalam fatwa penamaan nasab anak tak sah taraf: Analisis fatwa kebangsaan. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 86–100. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.240>
- Al-Nawawī, Mahy al-Din Abi Zakaria Yahya Bin Syarf. (2022) *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawī*. Dār al-Kutub al-Ilmiyyah
- Nik Wajis, Mochammad Sahid, Mohamad Yunus dan Baharli. (2020). Perkahwinan kanak-kanak di Malaysia: had umur minimum dan implikasinya. *Malaysian Journal of Syariah and Law/Malaysian Journal of Syariah and Law*, 8(2), 15–30. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol8no2.252>
- Nurul Ain Hazram, & Raihanah Azahari. (2021). Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāṣid al-Sharī‘ah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(2), 32-42. <https://journalarticle.ukm.my/18240/1/JCIL-2021-62-Article-4.pdf>

- Paizah Hj Ismail. 2013. *Anak tak sah taraf dari perspektif syariah dan perundangan Islam di Malaysia*. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Quran in Malay*. (n.d.). <https://www.iiium.edu.my/deed/quran/malay/>
- Al-Rahawi. 1315H/1993. *Syarh al-Manar wa Khawasyih min 'Ilm al-Ushul*. Dar al-Sa'adah.
- Ritchie, J. & J. Lewis. (2003). *Qualitative Research Practice : A Guide for Social Science Students and Researchers*. Sage.
- Rosalinda Md. Said. (21 Disember 2018). 397 Kes kahwin bawah umur dilulus. <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/397-kes-kahwin-bawah-umur-dilulus-1.808529>
- Seksyen 8. Umur minimum untuk perkahwinan. (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2002 - Enakmen 6 Tahun 2002). (n.d.). http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/d8924d18e829c4344825712600099de6?OpenDocument
- Sinar Harian. (2019, Mei 10). 100,000 kes remaja hamil dilaporkan sejak 2013. <https://www.sinarharian.com.my/article/27518/berita/nasional/100000-kes-remaja-hamil-dilaporkan-sejak-2013>
- Syafiq Din & Irdha Mokhtar. (2022). Pelaksanaan konsep amar makruf nahi mungkar dalam Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM). *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1). <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/download/161/121/290>
- Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman bin al-Kamal. (1983). *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' Fiqhi al-Syafi'iyah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- Al-Syirbini, Syams al-Din Muhammad ibn Muhammad al-Khatib. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Jil. 5, Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Thambapillay, S. (2002). Akta Kanak-Kanak 2001: Kesannya Terhadap Undang-Undang Keluarga. *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 29(1), 1-19. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JMCL/article/view/16232>
- UNICEF. (2021). *The convention on the rights of the child: The children's version*. <https://www.unicef.org/child-rightsconvention/convention-text-childrens-version>
- Wahid, A. S. (2023, November 28). 533 pasangan bawah umur nikah di Kelantan. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/636911/edisi/kelantan/533-pasangan-bawah-umur-nikah-di-kelantan>
- Zaini, S. M. (2018, December 11). Selangor negeri pertama pinda had umur perkahwinan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/12/508025/selangor-negeri-pertama-pinda-had-umur-perkahwinan>
- Al-Zuhaili, Muhammad. (2015). *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i*. Jil. 4. Dar al-Qalam.

Faktor-Faktor Kelulusan Permohonan Poligami dalam Kalangan Suami yang tidak Berkemampuan: Analisis Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu, Kelantan

Factors of Polygamy Approval among Incapable Husbands: A Case Study Analysis at Sharia High Court in Kota Bharu, Kelantan

Hilman, A.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +601117850433 E-mail: lemey99abdullah@gmail.com

Mustaqim Roslan, M. (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6014-5191337 E-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Abstrak

Islam merupakan agama fitrah yang mengiktiraf keperluan dan kehendak umatnya dalam hidup berpasangan termasuklah membenarkan poligami. Pensyariatan poligami adalah dibenarkan dalam Islam dengan berteraskan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan agar ia tidak memberikan implikasi besar kepada keluarga. Berkemampuan dari sudut nafkah zahir dan batin merupakan syarat utama sebelum seseorang suami memohon untuk berpoligami. Namun begitu, statistik di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu (MTSKB) menunjukkan peningkatan yang drastik terhadap permohonan poligami dalam kalangan suami yang tidak berkemampuan. Majoriti permohonan tersebut telah diluluskan oleh MTSKB dengan beberapa alasan dan budi bicara pegawai yang bertugas. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengkaji faktor-faktor kelulusan permohonan poligami oleh MTSKB dalam kalangan suami yang tidak berkemampuan. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Reka bentuk kualitatif telah diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur melibatkan tiga orang hakim mahkamah tinggi syariah. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat empat faktor kelulusan permohonan poligami dalam kalangan suami yang tidak berkemampuan di MTSKB iaitu, persetujuan dan keredaan isteri, kemampuan yang subjektif, sebagai langkah menghindari zina dan mengelak kemudaratan kepada pihak isteri. Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan diperlukan untuk melihat jurang kelemahan yang memungkinkan wujud dalam enakmen dan akta undang-undang keluarga Islam negeri Kelantan dalam mengawal permohonan poligami.

Kata kunci: Kelulusan Poligami; Kemampuan; Parameter; Permohonan Poligami; Undang-Undang Keluarga Islam

Pengenalan

Poligami dari sudut bahasa adalah menghimpunkan berbilang isteri dalam satu masa. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2010), poligami bererti amalan beristeri lebih daripada seorang pada masa yang sama. Poligami dalam bahasa Arab pula disebut *ta'adud al-zawjat*. Asal perkataan *ta'adud*

bererti bilangan, manakala perkataan *al-zawjat* bererti isteri-isteri. Kedua-dua perkataan tersebut apabila digabungkan membawa erti isteri yang ramai atau berbilang-bilang. Takrifan ini juga disokong oleh Zaini Nasohah (2000) yang turut mentafsirkan maksud poligami ialah berkahwin lebih dari seorang iaitu lawan kepada perkataan monogami yang membawa maksud berkahwin dengan seorang wanita sahaja.

Pada dasarnya, pensyariatkan poligami dalam Islam adalah berdasarkan nas al-Quran dalam Surah al-Nisa' ayat 3 yang bermaksud:

“Berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja.”(al-Quran, 3:4).

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa hukum poligami adalah harus jika tidak mendatangkan kemudaratan dan penganiayaan ke atas isteri yang dikahwini. Sekiranya suami tidak dapat berlaku adil maka mereka diarahkan hanya beristeri seorang sahaja. Oleh yang demikian, keharusan berpoligami sangat berkait rapat dengan keadilan pihak suami dalam melaksanakan tanggungjawab memberi nafkah zahir dan batin dalam rumahtangga. Keadilan di sini bukan sahaja berkaitan kemampuan suami dari segi kewangan untuk menyara lebih dari seorang isteri, tetapi hendaklah berlaku adil dalam pelbagai aspek termasuklah memberikan bimbingan dan menjadi teman kepada para isteri (Anuar Ahmad, 2016). Sementara keadilan dari aspek perasaan kasih sayang bukanlah keadilan yang mesti diperolehi oleh isteri-isterinya selagi ia tidak membawa kepada tindakan yang zalim. Hal ini kerana manusia tidak boleh menguasai hatinya yang menjadi punca kasih sayang (Mustofa Al-Khin et al., 2009). Oleh itu, para suami mestilah adil dan berkemampuan dalam memberikan nafkah zahir dan batin sekiranya merancang untuk menyahut seruan nas yang telah disyariatkan oleh Allah SWT.

Namun begitu, realiti yang berlaku pada hari ini nampaknya bercanggah dengan konsep poligami sebenar seperti yang telah digariskan oleh syarak. Peningkatan kes di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu (MTSKB) saban tahun menunjukkan permohonan poligami adalah terdiri dalam kalangan suami yang kurang berkemampuan (Samsudin, 2024). Pihak mahkamah sebagai institusi kehakiman bertanggungjawab untuk mendengar keterangan semua permohonan tersebut walaupun pemohon-pemohon adalah terkeluar dari syarat utama poligami. Menurut In1, majoriti permohonan mereka untuk berpoligami diluluskan oleh MTSKB atas budi bicara dan alasan-alasan tertentu. Menurut Seksyen 23 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002, permohonan poligami hendaklah disertai dengan suatu ikrar menyatakan alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu dikatakan patut atau perlu, pendapatan pemohon pada masa itu, butir-butir komitmennya dan kewajipan tanggungan kewangannya yang patut ditentukan, bilangan orang tanggungannya, termasuk orang yang akan menjadi orang tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu, dan sama ada izin atau pandangan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada telah diperolehi atau tidak terhadap perkahwinannya yang dicadangkan itu.

Berdasarkan enakmen tersebut dapat dirumuskan bahawa pemohon poligami itu mestilah berkemampuan yang membolehkan seseorang suami itu menanggung rumah tangganya sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak. Walaupun begitu, menurut In1 para hakim di MTSKB telah berpuas hati atas keterangan-keterangan pemohon poligami walaupun mereka tergolong dalam kalangan suami yang tidak berkemampuan sekalipun isterinya tidak bersetuju terhadap permohonan poligami tersebut. Hal ini menimbulkan persoalan pengkaji tentang apakah faktor-faktor yang mendorong kelulusan permohonan poligami oleh para suami yang tidak berkemampuan itu dalam budi bicara

hakim sebelum suatu keputusan dibuat. Oleh yang demikian, objektif kajian ini akan menelusuri perbincangan tersebut dengan lebih tuntas untuk menganalisis faktor-faktor yang mendorong kelulusan permohonan poligami oleh para suami yang tidak berkemampuan di MTSKB. Pengkaji yakin bahawa setiap keputusan yang diputuskan oleh para hakim dalam kes poligami ini pastinya telah melihat pelbagai aspek ketika dibicarakan. Namun, apakah faktor dan alasan penghakiman bagi meluluskan permohonan poligami bagi golongan tersebut memerlukan kepada penelitian dalam artikel ini. Secara khususnya, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu, apakah faktor-faktor kelulusan permohonan poligami dalam kalangan suami yang tidak berkemampuan di MTSKB?

Sorotan Kajian

Sorotan kajian atau sinonim dengan *literature review* pada umumnya mengandungi kajian kepustakaan yang diambil daripada pelbagai sumber sama ada daripada buku, jurnal, prosiding, tesis, kertas projek, disertasi, makalah dan sebagainya (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Kajian ini telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah tajuk poligami bagi memperkukuhkan lagi perbincangan kajian ini. Sorotan kajian ini dimulakan dengan sorotan kajian daripada Norain Mohd Shah dan Khairul Azhar Meerangani (2021) bertajuk “Faktor Poligami tanpa Kebenaran: Analisis Kes di Mahkamah Syariah Muar, Johor”. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada berlakunya poligami tanpa kebenaran iaitu antaranya, prosedur permohonan poligami yang ketat, permohonan poligami ditolak, tidak mendapat kebenaran isteri dan dakwaan prosedur mahkamah menyalahi syarak. Walaupun kajian ini membincangkan tentang poligami, namun ia berfokus kepada poligami tanpa kebenaran dan bukanlah membincangkan tentang faktor-faktor kelulusan poligami dengan kebenaran mahkamah.

Namun, terdapat satu kajian yang paling hampir dengan kajian pengkaji berkaitan dengan “Faktor-faktor Penolakan Permohonan Kebenaran Poligami: Kajian Kes Mahkamah Tinggi Syariah Selangor (2009-2013)” oleh Ana Faiza et al. (2021). Walaupun isu yang dibincangkan sama dengan kajian yang sedang dijalankan iaitu berkaitan dengan isu poligami, namun kajian ini tidak berfokus kepada faktor penolakan permohonan poligami, sebaliknya menjurus kepada faktor-faktor penerimaan permohonan poligami. Isu yang sama turut dibincangkan dalam kajian Redwan Yasin (2012) yang bertajuk “Alasan Penghakiman Tuntutan Kebenaran Poligami di Negeri Melaka Menurut Perspektif Syariah”. Hasil kajian mendapati bahawa penghakiman yang dilakukan oleh pihak mahkamah adalah berdasarkan kepada penilaian mahkamah terhadap tahap kemampuan suami dari sudut material dan keyakinan suami untuk berlaku adil. Walaupun perbincangan kajian ini adalah berkaitan dengan permohonan kebenaran poligami, namun ia tidaklah berfokus kepada permohonan yang dibuat oleh para suami yang tidak berkemampuan. Kajian tersebut adalah umum merujuk kepada permohonan poligami oleh semua suami tanpa berfokus kepada tahap kemampuan mereka. Oleh yang demikian, kelompangan daripada kajian-kajian lepas ini membuka sedikit ruang kajian untuk menelusuri isu ini dari sudut yang berbeza.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini mencapai objektif dan matlamatnya melalui penggunaan cara, kaedah dan pendekatan yang sesuai. Selain itu, metodologi kajian merujuk kepada tiga aspek penting iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data (Muhammad Mustaqim Roslan 2023). Pendekatan atau reka bentuk kajian dapat dipilih oleh pengkaji sesuai dengan epistemologi Islam dan objektif yang ditetapkan, sama ada menggunakan pendekatan kuantitatif, kualitatif atau gabungan keduanya. Oleh yang demikian, falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif iaitu carian penjelasan tentang peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari pada perspektif persekitaran yang dikaji (Muslim, 2016). Kajian kes dipilih sebagai strategi kajian ini kerana ia membolehkan

penerokaan mendalam terhadap isu kelulusan permohonan poligami dalam kalangan suami yang tidak berkemampuan.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan gabungan teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Menurut Ritchie dan Lewis (2003), kaedah temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan secara bersemuka dengan informan bagi mengenal pasti isu dan masalah kajian. Kaedah ini sangat sesuai digunakan dalam kajian ini agar membolehkan pengkaji mengajukan beberapa soalan tambahan kepada informan sekiranya persoalan kajian tidak dapat dijawab dengan jelas. Dalam konteks kajian ini, temu bual dijalankan kepada tiga orang informan iaitu melibatkan dua orang hakim mewakili informan satu (In1) dan informan dua (In2) serta seorang pembantu hakim mewakili informan tiga (In3) yang bertugas di MTSKB. Pemilihan tiga orang informan ini dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang dilihat berkemampuan untuk mencapai objektif kajian. *Purposive sampling* melibatkan pemilihan individu yang sesuai dengan kriteria yang berkaitan untuk memberikan maklumat yang relevan dan signifikan (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016).

Seterusnya, data-data dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis tematik (*thematic analysis*). Proses analisis tematik melibatkan beberapa fasa, yang pertama adalah penyaringan data, di mana transkripsi rakaman audio-video diproses untuk diubah kepada bentuk verbatim, iaitu ayat demi ayat atau frasa demi frasa. Seterusnya, transkrip diindeks dengan memberi kod tertentu kepada setiap informan berdasarkan transkrip mereka. Kod-kod ini membantu dalam penjanaan semula data asal serta memudahkan rujukan silang semasa penulisan dan menyiapkan laporan (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Terdapat lima komponen yang disusun atur dalam menganalisis data dengan menggunakan kaedah analisis tematik iaitu dimulai dengan menyalin semula transkrip temu bual secara verbatim, membuat agihan soalan kajian, membuat pengkategorian awal, mencari tema dan membuat koding data (Muhammad Mustaqim Roslan, 2023).

Konsep Poligami dalam Islam

Sebelum kedatangan Islam, lelaki diperbolehkan untuk bernikah seberapa ramai wanita tanpa ada batasan dan aturan sehingga poligami pada waktu itu dianggap sebagai satu lambang kebanggaan bagi sesiapa yang mengamalkannya, malah ia juga diibaratkan sebagai pemuas nafsu para lelaki ketika itu (Abdurrahman, 2007). Namun, setelah datangnya Islam, Allah SWT mengurniakan rukhsah iaitu keringanan kepada hamba-Nya yang mampu berlaku adil terhadap isteri-isterinya maka dibolehkan untuk berpoligami. Antara dalil pensyariaan poligami dalam al-Quran seperti mana firman Allah SWT:

“Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat” (al-Quran, 4:3).

Berdasarkan ayat tersebut, al-Zuhayli (1997) berpandangan bahawa dibolehkan bagi kaum lelaki untuk menikahi empat wanita dalam satu waktu, akan tetapi jika takut dan gusar tidak dapat berlaku adil di antara isteri-isterinya, maka cukup hanya menikahi seorang isteri sahaja kerana ia akan menzalimi para wanita.


Dengan turunnya ayat ini, para ulama telah meletakkan pelbagai syarat dan peraturan khusus sebagai persediaan sebelum berpoligami. Menurut Hilmi dan Karim (2007), poligami terikat dengan batasan-batasan tertentu dan syarat-syaratnya yang tersendiri, antaranya adalah tidak boleh melebihi empat orang isteri dalam satu masa, wanita yang dikumpulkan atau dimadukan dalam satu masa itu bukanlah bersaudara, seterusnya bersikap adil secara zahir dan batin. Adapun keadilan dijadikan

sebagai syarat utama yang wajib dipenuhi oleh suami yang hendak berpoligami. Elemen keadilan tersebut dinilai menerusi peruntukan nafkah, giliran bermalam dan kasih sayang yang diberikan secara saksama terhadap semua tanggungannya (Norain Mohd Shah & Khairul Azhar Meerangani, 2021). Sekiranya para isteri mendapati hak-hak isteri dalam tempoh poligami tidak dipatuhi dan ditunaikan para suami, mereka boleh mengemukakan bantahan melalui penyata pembelaan bagi membalas dan menjawab tuntutan pihak suami atau mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah mengikut undang-undang tatacara mal mahkamah syariah negeri (Zaleha Muhamat, 2002). Oleh yang demikian, Islam tidak mewajibkan poligami semudahnya agar tidak berlaku penganiayaan dan kezaliman sekiranya seorang suami tidak mampu untuk memenuhi syarat-syarat yang telah digariskan syarak (Rahmi, 2015).

Hukum poligami ini boleh berubah menjadi sunat, makruh, dan haram berdasarkan situasi dan keadaan individu tersebut (Rahmi, 2015). Poligami menjadi sunat apabila isteri lelaki tersebut mandul atau sakit sedangkan suami menginginkan anak dan yakin mampu berlaku adil terhadap isteri-isterinya. Manakala poligami menjadi makruh apabila hanya untuk keseronokan dan hiburan semata-mata, ditambah suami itu sangsi untuk berlaku adil. Menurut In2, poligami menjadi haram sekiranya suami itu tidak mampu berlaku adil sama ada kerana kefakirannya atau kelemahannya yang boleh menimbulkan kemudaratan. Memandangkan asal hukum poligami diharuskan dalam Islam, maka permohonan poligami yang didaftarkan di MTSKB memberikan dan membuka ruang permohonan luas kepada awam termasuklah para suami yang tidak berkemampuan. Menurut In1, statistik permohonan poligami ini pula menunjukkan peningkatan saban tahun dan menariknya adalah majoriti permohonan mereka diluluskan oleh pihak mahkamah. Oleh yang demikian, kajian ini meneruskan perbincangan tentang faktor-faktor kelulusan permohonan poligami dalam kalangan suami yang tidak berkemampuan di MTSKB pada topik yang seterusnya.

Analisis Faktor-Faktor Kelulusan Permohonan Poligami dalam Kalangan Suami yang tidak Berkemampuan di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu, Kelantan

Poligami adalah tuntutan yang diberikan oleh syarak kepada semua lelaki. Menurut syarak, lelaki diharuskan untuk mengahwini wanita lebih daripada seorang dan tidak melebihi empat orang isteri. Walaupun begitu, seorang suami yang berkeinginan untuk berpoligami mestilah adil dan berkemampuan dalam menunaikan tanggungjawab ke atas semua isterinya. Menurut Abidin (2023), suami yang tidak dapat menunaikan tanggungjawab sebagai suami ketika beristeri seorang, sudah pasti tidak mampu untuk berpoligami melebihi seorang isteri. Namun begitu, terdapat sebilangan kes yang dibicarakan di MTSKB telah meluluskan permohonan poligami dalam kalangan suami yang tidak berkemampuan di negeri itu. Menurut In1, para suami memberikan pelbagai alasan untuk berpoligami walaupun tidak berkemampuan antaranya kerana cinta, takut berlaku zina, isteri pertama tidak dapat memberikan layanan baik dan sebagainya. Apakah alasan-alasan ini menjadi asas kepada budi bicara hakim dalam meluluskan permohonan poligami mereka? Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat faktor kelulusan permohonan poligami dalam kalangan suami yang tidak berkemampuan di MTSKB iaitu, persetujuan dan keredaan isteri, kemampuan yang subjektif, sebagai langkah menghindari zina dan mengelak kemudaratan kepada pihak isteri. Berikut adalah dapatan umum seperti gambar rajah di bawah:



Rajah 1: Faktor-Faktor Kelulusan Poligami dalam Kalangan Suami yang Tidak Berkemampuan di MTSKB

Persetujuan dan keredhaan isteri

Faktor utama mahkamah meluluskan permohonan poligami di MTSKB ialah kerana persetujuan dan keredhaan dari pihak isteri. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), persetujuan bermaksud memperkenankan, membenarkan membenaran, pengesahan dan sesuatu yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Adapun keredhaan pula bermaksud bersedia dengan ikhlas hati untuk membuat atau menerima sesuatu. Dengan itu, dapatlah difahami bahawa persetujuan dan keredhaan isteri di sini bermaksud keadaan seorang isteri yang telah bersetuju dan ikhlas menerima segala keterangan suami. Bahkan menurut Miftakur Rohman (2019), tindakan suami yang meminta persetujuan daripada isteri dalam berpoligami merupakan tindakan *mu'asyarat bi al-ma'ruf* (bergaul dengan cara baik) terhadap isteri. Sikap ini sebenarnya adalah perintah Allah SWT yang telah dijelaskan dalam firmanNya yang bermaksud:

“Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan cara yang baik”
(al-Quran, 4:19).

Hal ini kerana seorang isteri juga mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat dalam sesi pembicaraan bersama suami dalam kes poligami. Sebagaimana yang tertulis dalam Seksyen 23 (5) Akta Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002 menetapkan bahawa mahkamah hendaklah memanggil pemohon, isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada, bakal isteri, wali kepada bakal isteri, dan mana-mana orang lain yang difikirkan oleh mahkamah boleh memberi keterangan mengenai perkahwinan yang dicadangkan itu supaya hadir. Apabila permohonan itu didengar, mahkamah boleh memberi kebenaran yang dipohon itu jika berpuas hati.

Sehubungan dengan itu persetujuan dan keredhaan isteri di mahkamah bermaksud apabila hakim meminta dari pihak isteri untuk memberi pandangan dan keterangan berkaitan dengan cadangan poligami yang dimohon oleh suami ketika pembicaraan di mahkamah. Sekiranya pihak isteri bersetuju dengan cadangan nafkah dan giliran malam yang dibuat oleh suami, maka suami dianggap telah mendapat persetujuan dan keredhaan isteri-isteri. Menurut Norain Mohd Shah dan Khairul Azhar Meerangani (2021), salah satu punca suami berpoligami tanpa kebenaran mahkamah adalah kerana tidak mendapat keizinan isteri atau isteri-isteri sedia ada. Hal ini dapat disokong oleh beberapa kes yang dibawa oleh In1 di MTSK. Sepertimana kes permohonan poligami (2108-H0203-113-0920) yang bekerja menjaga lembu di kebun kelapa sawit di Kuala Krai dan mempunyai pendapatan RM500 sebulan. Ketika dalam prosiding, plaintif ditanya oleh hakim tentang cadangan peruntukan nafkah yang bakal diberi kepada pihak isteri. Walaupun dalam keterangan plaintif hanya mencadangkan peruntukan nafkah kepada isteri sedia ada dan bakal isteri dengan nilai yang rendah

iaitu sebanyak RM200 seorang, namun pihak isteri telah bersetuju dan reda dengan cadangan nafkah tersebut. Maka, mahkamah meluluskan permohonan poligami tersebut kerana mendapati bahawa pihak isteri telah bersetuju dan reda dengan peruntukan nafkah tersebut. Menariknya, menurut In1 kes ini dipantau oleh hakim kerana dibimbangi akan ada permohonan cerai dari pasangan tersebut, namun sehingga tahun ini masih tiada permohonan cerai dilaporkan.

Menurut In1, dalam kes yang lain pula di Mahkamah Syariah Kelantan, hakim juga meluluskan kes poligami (2302-H0203-113-1081) atas alasan mendapat keredaan dari pihak isteri dan juga atas dasar kemampuan pemohon yang diyakini oleh hakim. Plaintiff bekerja sebagai penghantar surat (posmen) di Kuala Lumpur dan mempunyai pendapatan sebanyak RM3000 sebulan. Pada awalnya, permohonan pemohon ditolak oleh Mahkamah Wilayah Persekutuan atas faktor gaji. Hal ini disebabkan oleh pendapatan pemohon yang tidak melepasi syarat minimum iaitu gaji sebanyak RM6000. Oleh kerana itu, pemohon membuat permohonan kali kedua di Mahkamah Syariah Kelantan. Setelah Hakim meneliti dan mendengar segala keterangan dari suami tentang peruntukan nafkah yang dicadang kepada pihak isteri dan anak, maka hakim telah meluluskan permohonan tersebut setelah berpuas hati dengan segala keterangan yang diberikan. Mahkamah juga mendapati pihak isteri juga turut hadir bagi menyatakan pendirian terhadap cadangan nafkah yang dicadangkan bahkan telah bersetuju dan reda dengan cadangan nafkah tersebut. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan kepentingan izin dan keterangan pihak isteri sebelum mahkamah memutuskan status permohonan pihak suami (Norain Mohd Shah & Khairul Azhar Meerangani, 2021).

Tahap kemampuan yang subjektif

Faktor kelulusan poligami yang kedua ialah tahap kemampuan yang subjektif. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), tahap bermaksud peringkat atau tingkat. Adapun kemampuan ialah kesanggupan (melakukan sesuatu), kebolehan dan kekuatan. Manakala subjektif ialah berasaskan pandangan orang atau pihak yang melihat dan menilai. Subjektif juga adalah suatu sikap yang berdasarkan pada pandangan atau perasaan peribadi mengenai suatu hal (Rapini, A. M., & Salam, N. Z., 2020). Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa tahap kemampuan yang subjektif bererti tingkatan kemampuan setiap suami adalah tidak sama kerana ia bergantung kepada pandangan orang yang menilai. Menurut In1, bagi menilai kemampuan seorang suami yang ingin berpoligami, maka hakim perlu meletakkan dirinya di tempat orang tersebut, kerana setiap suami mempunyai kemampuan yang berbeza-beza. Menurut Mohd Shah (2021), dari segi kemampuan suami, tiada penetapan khusus berkaitan had pendapatan yang diterima oleh pihak mahkamah untuk membolehkan suami berpoligami. Mahkamah akan meneliti sumber kewangan yang diperoleh oleh suami serta mengambil kira faktor kemampuan khususnya dari segi komitmen suami seperti orang-orang yang ada di bawah tanggungannya dan hutang-hutang yang ada (Siti Fadhilah, 2019). Oleh yang demikian, tahap kemampuan yang subjektif ini merupakan faktor kedua kenapa hakim meluluskan permohonan poligami dalam kalangan suami yang tidak berkemampuan di MTSKB.

Menurut In3, tahap kemampuan suami yang ingin berpoligami tidak dapat dinilai serta merta kerana ramai pasangan setelah berkahwin, rezeki dan pendapatan mereka semakin bertambah dan berlimpah. Di samping itu, keperluan setiap orang di dalam kehidupan seharian tidak sama, maka dengan itu tahap kemampuan mereka turut berbeza-beza. Contohnya kemampuan suami yang hidup di luar bandar tidaklah sama dengan kemampuan suami yang hidup di bandar. Pendapatan RM 1000 sebulan mungkin tidak cukup bagi pasangan yang hidup di bandar untuk berpoligami, namun bagi pasangan yang hidup di luar bandar jumlah tersebut sudah memadai. Hal ini disokong oleh satu kes permohonan poligami yang dibawa oleh In1 di Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan di mana pemohon merupakan seorang pemandu teksi dan mempunyai pendapatan RM1000 sebulan. Ketika dalam prosiding, pemohon memberi keterangan di hadapan hakim dan menyatakan alasan bahawa pemohon

berkemampuan dalam pemberian nafkah kepada pihak isteri. Menurut In1, pasangan yang hidup dan tinggal di luar bandar merasakan pendapatan sebanyak RM1000 merupakan satu jumlah yang mahal walaupun jumlah tersebut tidak memadai bagi mereka yang hidup di bandar. Bagi pasangan yang berada di luar bandar dan kampung ia sudah memadai untuk menampung kos sara hidup. Oleh kerana tahap kemampuan yang sangat subjektif ini, maka hakim meluluskan permohonan yang dipohon oleh pemandu teksi tersebut atas alasan pemohon layak dan berkemampuan untuk menanggung isteri yang sedia ada dan bakal isteri dalam pemberian nafkah. Menurut In1, permohonan tersebut telah diluluskan di Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan pada tahun 2017.

Justeru, kes tersebut juga disokong oleh satu kes (10400-011-0467-2009) yang bekerja menjaga lembu di kebun kelapa sawit di Kuala Krai dan mempunyai pendapatan RM500 sebulan. Hakim meluluskan permohonan tersebut setelah mendapati plaintif berkemampuan dalam menanggung isteri sedia ada dan bakal isteri walaupun hanya berpendapatan RM500. Hal ini kerana pasangan tersebut tinggal di rumah estet dan hidup di kawasan hulu kampung maka RM500 bagi mereka adalah jumlah yang banyak. Menurut In1, untuk menilai kemampuan suami yang ingin berpoligami maka hakim perlu meletakkan dirinya di tempat suami tersebut. Begitu pula dengan kes permohonan poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, kes (Bil: 10400-011-0467-2012) di mana plaintif mempunyai pendapatan sebanyak RM4,200 sebulan. Namun, dalam kes ini defendan tidak bersetuju dengan tuntutan plaintif. Setelah hakim meneliti latar belakang kehidupan plaintif dan pasangan yang mana mereka tinggal di bandar Shah Alam maka mereka memerlukan pendapatan yang tinggi untuk membuat permohonan. Oleh kerana itu, mahkamah akhirnya menolak kes tersebut disebabkan plaintif kurang berkemampuan dari sudut pendapatan (kewangan) untuk menampung isteri sedia ada serta anak-anak dan bakal isteri terutama plaintif tersebut sedang menyambung pelajaran di universiti dan memerlukan wang yang lebih.

Sebagai langkah menghindari zina

Seterusnya, faktor ketiga adalah sebagai langkah menghindari zina. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) langkah bermaksud mengerjakan sesuatu, sesuatu yang dikerjakan dan awal perbuatan. Manakala, menghindari pula bermaksud mengelak supaya terbias daripada (kecelakaan, serangan, dll) dan menjauhkan diri. Zina pula didefinisikan oleh Al-Sarkhasi (1993) dan Ibn Abidin (1992) sebagai persetubuhan haram dengan perempuan hidup melalui vagina yang dilakukan dalam negara Islam, yang mana perempuan itu secara jelas bukanlah daripada isterinya yang sah. Maka, dapat difahami bahawa langkah menghindari zina di sini bermaksud sesuatu tindakan awal untuk mengelak daripada berlakunya perbuatan zina. Menurut In1, sekiranya pihak mahkamah selalu menolak permohonan poligami maka dibimbangi akan menimbulkan mudarat yang lebih besar iaitu akan berlaku perzinaan dan juga menghasilkan anak zina. Menurut Ma Razhanlaily (2017), perzinaan merupakan salah satu perkara yang menyebabkan kacau bilaunya keturunan dan mengancam institusi keluarga. Oleh yang demikian, bagi menyelamatkan dan menjaga *maqasid* keturunan (*hifz al-nasl*) serta mengelak perzinaan berleluasa, maka hakim membenarkan dan meluluskan permohonan poligami walaupun si suami tidak berkemampuan. Hal ini turut disebut *dalam al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'iy*, (4/25-26) bahawa disunatkan berpoligami sekiranya lelaki yang beristeri satu tidak dapat menjadikan dirinya *afif* (menjaga syahwatnya daripada zina dan maksiat).

Hal ini juga dapat disokong oleh satu kes yang telah berlaku di Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan, di mana seorang suami yang tidak berkemampuan datang untuk memohon berpoligami. Menurut In1, dalam kes ini si suami tersebut telah mempunyai teman wanita kedua di belakang pengetahuan isteri pertama. Walaupun Hakim pada asalnya belum berpuas hati untuk meluluskan permohonan tersebut, namun apabila si suami memberi keterangan dan alasan yang menyatakan bahawa perzinaan akan berlaku sekiranya beliau tidak berpoligami secara halal. Maka hakim

mengambil alasan asas itu untuk membenarkan permohonan poligami tersebut. Daripada kes tersebut, menunjukkan bahawa asas menghindari zina merupakan salah satu asas utama hakim meluluskan permohonan poligami dalam kalangan suami yang tidak berkemampuan di MTSKB. Selain daripada itu, terdapat juga kes pasangan yang mengambil keputusan untuk berpoligami di selatan Thailand setelah permohonan mereka ditolak di Mahkamah Wilayah. Menurut Noor Salwani Hussin (2015) dan Noraini Md Hashim (2007) perkahwinan di selatan Thailand boleh terjadi sama ada tidak sah di sisi syarak atau undang-undang. Bahkan poligami tanpa kebenaran mendatangkan implikasi yang besar sekiranya dilihat dari perspektif undang-undang. Selain penalti yang memperuntukkan hukuman dan denda, perkahwinan tersebut juga tidak boleh didaftarkan tanpa melalui prosedur yang ditetapkan oleh pihak mahkamah terlebih dahulu. Dalam masa yang sama, perkahwinan tersebut juga dianggap masih belum sah, meskipun telah memenuhi peraturan syarak (Norain Mohd Shah, 2021).

Menurut In1, dalam kes tersebut pasangan yang telah berpoligami di selatan Thailand itu hadir di Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan untuk memohon poligami dengan kebenaran mahkamah. Setelah diteliti, hakim akhirnya meluluskan permohonan tersebut walaupun si suami tidak berkemampuan. Hal ini kerana hakim bimbang status perkahwinan pasangan tersebut di Thailand tidak sah dan boleh menyebabkan hubungan mereka terus dalam status tidak halal (zina). Di samping itu, terdapat juga kes yang popular dalam topik poligami iaitu kes bil 2201-H0203-113-0109 yang mana pihak suami telah membuat permohonan poligami di Mahkamah Syariah Shah Alam. Kes ini telah mengambil masa perbicaraan selama 8 bulan dan akhirnya pihak mahkamah telah meluluskan permohonan tersebut atas alasan kemampuan pihak suami dan dibimbangi berlaku maksiat (zina) sekiranya perkahwinan poligami tidak diteruskan (Rapini & Salam, 2020). Oleh hal yang demikian, jelas menunjukkan bahawa antara faktor utama hakim meluluskan permohonan poligami adalah kerana ia sebagai langkah untuk menghindari zina.

Mengelakkan kemudaratan terhadap pihak isteri

Seterusnya faktor kelulusan poligami yang keempat ialah bagi mengelakkan kemudaratan kepada pihak isteri. Mudarat bermaksud sesuatu yang merugikan dan membahayakan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka). Perkataan mudarat berasal daripada bahasa arab iaitu *darar*. *Darar* secara literal bermaksud sebagai “lawan kepada sebarang perkara yang bermanfaat” (Kamus Dewan 2007). Al-Syatibi (1991) pula mendefiniskan *darar* sebagai penganiayaan suami terhadap isteri dalam bentuk yang boleh mengancam nyawa, keturunan, harta benda dan akal isteri. Maka, dapat difahami bahawa mudarat atau *darar* terhadap pihak isteri ialah penganiayaan suami terhadap isteri dalam keadaan isterinya sentiasa taat dan patuh kepada suaminya (Mohd Taib Arifin, 2006). Manakala dalam konteks undang-undang pula, perbuatan suami yang memukul isteri, mengabaikan nafkah atau tidak memberi nafkah langsung, melayan isteri dengan buruk malah melacurkan isteri adalah antara contoh-contoh perbuatan *darar*. Justeru, isteri yang mengalami *darar* wajar diberi hak dan perlindungan menurut syarak dan undang-undang. Hal ini bertepatan dengan Hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“*Tidak ada kemudaratan dan tidak boleh melakukan kemudaratan.*” (Riwayat Ibnu Majah, No. 2341)

Menurut In1, seandainya mahkamah menolak permohonan poligami yang dimohon maka mereka akan memilih untuk berpoligami di luar mahkamah dan ini akan memberi mudarat yang lebih besar kepada pihak isteri. Apabila berlakunya perkahwinan atau poligami di luar mahkamah, maka pihak isteri tidak mempunyai asas dalam membuat sebarang tuntutan seperti mutaah, nafkah, hadanah (sekiranya mempunyai anak), harta sepencarian dan tuntutan harta pusaka yang pada kebiasaannya memang menjadi hak perempuan atau bekas isteri (Noor Aziah, 2008). Menurut In2, tanpa

pendaftaran perkahwinan dan poligami yang sah juga, adalah sukar bagi pihak perempuan membuat tuntutan untuk membatalkan perkahwinan sedia ada sekiranya berlaku ketidakadilan atau layanan buruk dari pihak suami mahupun keganasan dalam rumah tangga. Hal ini dapat disokong oleh satu kes (bil: 2402-H0203-113-0280) yang membuat permohonan poligami di mahkamah tinggi syariah Kelantan. Menurut In1, pemohon merupakan seorang pensyarah dan mempunyai pendapatan RM6000 sebulan. Namun, dalam kes ini isteri pertama tidak bersetuju dengan tuntutan pemohon kerana beranggapan bahawa suami tidak berkemampuan dalam memberi nafkah kepada pihak isteri dan anak-anak. Maka ketika dalam prosiding, hakim memberi cadangan kepada pihak isteri bahawa isteri boleh membuat tuntutan nafkah di mahkamah seandainya suami tidak berlaku adil dari segi tuntutan nafkah.

Menurut Seksyen 2 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 2002, isteri yang mengalami *darar* seperti pengabaian nafkah dari suami akan diberi hak dan perlindungan oleh mahkamah. Dalam kes tersebut akhirnya hakim membenarkan dan meluluskan permohonan poligami tersebut walaupun suami tidak berkemampuan kerana kerisauan hakim apabila si suami berkahwin senyap-senyap di luar mahkamah. Di samping itu, kesan buruk poligami yang dibuat di luar pengetahuan isteri dan turut menimbulkan *darar* terhadap isteri dari segi emosi. Perkara ini boleh menyebabkan emosi dan mental isteri terganggu. Seterusnya ia akan memberikan kesan dan pengaruh yang besar dalam kehidupan seharian (Zanariah et al., 2018). Hal ini dibuktikan dalam kes Sharimah binti Muhammad lwn. Ahmad Burhanuddin bin Abdullah (2007) JH 23/2 263. Dalam kes tersebut, isteri telah mengalami tekanan emosi dan mental yang berat sehingga memerlukan rawatan pakar akibat perbuatan suaminya yang telah berpoligami secara senyap-senyap selama beberapa tahun tanpa pengetahuan isteri sedia ada. Maka dari kes ini menunjukkan bahawa *darar* atau mudarat yang lebih besar akan berlaku terhadap pihak isteri seandainya poligami dilakukan secara senyap-senyap tanpa sebarang notis terhadap pihak isteri. Bagi mengelakkan hal seperti inilah hakim membuat keputusan untuk meluluskan permohonan poligami walaupun suami secara zahirnya terlihat tidak berkemampuan. Menurut In1, hal ini kerana poligami yang bakal berlaku di luar mahkamah tanpa mengikut prosedur bukan sahaja memberi kesan buruk dari sudut keabsahan akad nikah tetapi memberi *darar* yang berpanjangan kepada pihak isteri selagi mana poligami tersebut tidak didaftar di mahkamah syariah.

Oleh yang demikian, kelulusan hakim dalam kes permohonan poligami adalah sangat penting dan perlu diteliti dari sudut yang mendalam. Maka dapat dirumuskan bahawa faktor-faktor yang mendorong hakim untuk memberikan kelulusan dalam kes permohonan poligami dalam kalangan suami yang tidak berkemampuan dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu persetujuan dan keredaan isteri, tahap kemampuan yang subjektif, sebagai langkah menghindari zina dan mengelak kemudaratan terhadap pihak isteri. Maka ini menunjukkan bahawa penghakiman yang dilakukan oleh pihak mahkamah adalah lebih berdasarkan kepada budi bicara dan penilaian hakim itu sendiri selain daripada lebih tertumpu kepada empat faktor tersebut. Hal ini juga menunjukkan bahawa penghakiman yang dilakukan di Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan diterima oleh undang-undang Islam dan hukum syarak bagi mengharuskan poligami. Jelas dapatan ini dapat membuka minda semua pihak bahawa mahkamah syariah tidak sewenang-wenang menerima dan menolak sesuatu kes permohonan poligami, Walau bagaimanapun, mahkamah akan membuat keputusan yang tersendiri lagi adil berdasarkan keterangan kedua pihak dan bukti-bukti sokongan yang dikemukakan.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, poligami ialah satu pensyariatian yang diharuskan dalam Islam. Meskipun ia dibenarkan oleh syarak, namun Islam telah meletakkan beberapa garis panduan untuk seseorang suami yang ingin berpoligami bagi mengelakkan kemudaratan kepada para isteri dan persepsi buruk

terhadap pensyariaan ini. Seorang suami yang ingin berpoligami di Malaysia perlulah membuat permohonan dan keterangan di mahkamah berlandaskan undang-undang sebelum kebenaran diberikan oleh hakim syarie. Peraturan yang ditetapkan ini sebenarnya bertujuan bagi memastikan keadilan yang sewajarnya diberikan kepada pihak-pihak berkaitan, terutamanya kepada para isteri dan anak-anak. Walaupun begitu, masih terdapat juga para suami dalam kalangan yang tidak berkemampuan memohon untuk berpoligami di MTSKB dan rata-rata permohonan mereka telah diluluskan atas budi bicara hakim syarie. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat faktor kelulusan permohonan poligami dalam kalangan suami yang tidak berkemampuan di MTSKB iaitu persetujuan dan keredaan isteri, kemampuan yang subjektif, sebagai langkah menghindari zina dan mengelak kemudaratan kepada pihak isteri. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar semua alasan yang diberikan oleh suami yang tidak berkemampuan untuk berpoligami ini disiasat dengan lebih terperinci agar alasan-alasan mereka berasas. Hal ini bagi mengelakkan perkara yang lebih buruk terjadi pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan diperlukan untuk melihat jurang kelemahan yang memungkinkan wujud dalam Enakmen dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan dalam mengawal permohonan poligami.

Rujukan

- Al-Quran. (2010). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al Quran*. Kuala Lumpur. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Abdurrahman Husein. (2007). *Hitam Putih Poligami*. Jakarta: Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi.
- Abidin, (2023, January 21). *Hukum poligami tanpa izin isteri?* Jabatan Mufti Negeri Perlis. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/minda-mufti/741-hukum-poligami-tanpa-izin-isteri#>
- Anuar Ahmad. (2016). *Intergriti Dalam Poligami*. Utusan Malaysia.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Universiti Malaya.
- Hilmi, K. (2007). *Ta'addu al-Zaujaat fi al-Ayaan*. Diterjemahkan oleh Munirul Abidin dengan judul Poligami: Berkah atau Musibah? Kuala Lumpur : Pustaka Salam.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Ali Muhammad al-Husni. (1992). *Radd al-Mukhtar a'lam al-Dar al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2012) Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ma Razhanlaily. (2017). *Faktor Zina dan Kesannya Dalam Kehidupan Remaja*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Univesiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Miftakur Rohman. (2019). *Persetujuan Istri Dalam Poligami: Analisis Hukum Islam dan Positif*. MIYAH: *Jurnal Studi Islam*, 15(01), 204-224.

- Mohd Taib Arifin. (2006). *Komunikasi Perkahwinan: Satu Kajian Persepsi di Kalangan Penduduk Jitra, Kedah*. Abdul Rahim Abdul Rashid et al. *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*. Utusan Publications and Distributors sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Muhammad Mustaqim Roslan. (2023). Pentarjihan fuqaha terhadap penamaan nasab anak tak sah taraf kepada bapa biologi: Analisis fatwa Negeri Perlis. *Journal Of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*.
- Muslim, M. S. (2016). Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi. *Wahana*, 1(10).
- Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji (2009). *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Jil. 4. Pustaka Salam: Kuala Lumpur.
- Noraini Mohd Hashim. (2007). *Prosedur Dan Pendaftaran Dalam Undang- Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Bahasa dan Pustaka.
- Noor Salwani Hussin. (2015). *Perkahwinan Tanpa Kebenaran: Kajian Terhadap Kes-Kes Di Mahkamah Syariah Negeri Perlis Dari Tahun 2006 -2010*. [Disertasi]. Universiti Utara Malaysia.
- Noor Aziah Mohd Awal. (2008). *Kahwin Lari dan Poligami: Respon Wanita dan Implikasi Undang-Undang*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Norain Mohd Shah & Khairul Azhar Meerangani. (2021). Faktor Poligami Tanpa Kebenaran: Analisis Kes di Mahkamah Syariah Muar, Johor. *e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-Jitu)*.
- Ana Faiza Md Nor, Azri Bhari, & Rafeah Saidon. (2021). Faktor Penolakan Permohonan Kebenaran Poligami: Kajian Kes Mahkamah Tinggi Syariah Selangor (2009-2013). *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 241–253
- Mohd Nor, A. H. (2006). Faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Luar Negara: Satu Kajian Di Mahkamah Rendah Syariah Muar. *Jurnal Syariah*, 14(2), 145–161.
- Rahmi. (2015). Poligami: Penafsiran Surat An-Nisa' Ayat 3. *Jurnal Ilmiah Kajian Gender*.
- Rapini, A. M., & Salam, N. Z. (2020). Keperluan kehadiran isteri sedia ada dalam permohonan poligami: Satu tinjauan awal. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*. Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).
- Redwan Yasin. (2012). *Alasan Penghakiman Tuntutan Kebenaran Poligami di Negeri Melaka Menurut Perspektif Syariah*. [Disertasi]. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Ritchie, J., & Lewis, J. (2003). *Qualitative Research Practice—A Guide for Social Science Students and Researchers*. London: Sage Publications Ltd.
- Nasohah, Z. (2000). *Poligami*. Utusan Publications. Kuala Lumpur.
- Al-Sarkhasi, M. (1993). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Syatibi. (1991). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Fikr.

Zaleha Muhamat. (2002). *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Zanariah Dimon, A Mohd Rapini, Hammad Dahalan & Z Mat Jusoh (2018). Faktor-Faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor. *IRSYAD*.

Al-Zuhayli, W. (1997). *Tafsīr Al-Munīr*. Damsyik : Dār al-Fikr al-Mu'āsir.

Faktor-Faktor Penarikan Semula Kes Perceraian di Mahkamah Rendah Syariah Kelantan: Analisis Kajian Kes

Factors for the Withdrawal of Divorce Cases in the Syariah Lower Court of Kelantan: A Case Study Analysis

Nurul Fatma Faqihah, G.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: 0194459459 E-mail: fatmafaqihah006@gmail.com

Mustaqim Roslan, M. (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6014-5191337 E-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Abstrak

Perceraian merupakan proses pembatalan perkahwinan yang dibenarkan di sisi undang-undang. Permohonan perceraian di mahkamah syariah perlu mematuhi segala garis panduan yang telah ditetapkan agar urusan tersebut berjalan dengan baik. Namun begitu, permohonan perceraian di Mahkamah Rendah Syariah Kelantan (MRSK) kebanyakannya telah ditarik semula oleh pasangan setelah urusan permohonan tersebut telah sampai ke peringkat akhir. Hal ini dipandang serius oleh pihak mahkamah yang menguruskan semua permohonan perceraian kerana hal tersebut dilihat seperti perkara yang dipermainkan-mainkan oleh masyarakat Islam pada hari ini. Hal perceraian bukanlah perkara yang boleh dipermainkan kerana hal tersebut memberikan implikasi yang besar kepada institusi kekeluargaan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi menganalisis faktor-faktor penarikan semula kes perceraian di MRSK. Falsafah kajian ini ialah interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Reka bentuk kualitatif telah diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur bersama tiga orang hakim bertugas. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data tersebut yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil kajian menunjukkan terdapat lima faktor penarikan semula kes perceraian di MRSK iaitu, masih menaruh harapan dan kepercayaan kepada pasangan, pasangan menghilangkan diri, desakan keluarga untuk meneruskan hubungan, memikirkan kesejahteraan anak-anak dan tiada kerjasama yang seimbang dalam permohonan cerai. Sehubungan itu, pihak mahkamah perlu meneliti dengan lebih mendalam semua permohonan perceraian sebelum diproses agar hal yang sama tidak berulang pada masa akan datang. Kajian lanjutan diperlukan untuk meneliti kesan penarikan semula kes perceraian terhadap urus tadbir pengurusan di mahkamah syariah.

Kata kunci: Kajian Kes; Mahkamah Syariah; Pembatalan Perkahwinan; Penarikan Kes Cerai; Perceraian.

Pendahuluan

Perceraian ialah perpisahan antara suami dan isteri (Kamus Dewan Bahasa & Pustaka, 2005). Perceraian dalam Islam tidak dipandang sebagai pilihan yang diinginkan tetapi dipandang sebagai langkah terakhir yang perlu diambil dalam keadaan di mana hubungan suami isteri tidak lagi dapat diperbaiki atau dipertahankan antara mereka. Agama Islam amat menegaskan kepentingan kestabilan keluarga, keharmonian dan kesatuan antara pasangan suami isteri. Selain itu, menurut Najibah Mohd

Zin (2007), kesejahteraan dalam rumah tangga tidak akan tercapai jika kedua-dua belah pihak tidak mampu memahami dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Rumah tangga bukan hanya sekadar hubungan emosi antara suami dan isteri, tetapi juga melibatkan hubungan yang mengharuskan ketaatan kepada Allah SWT. Menurut Zahari Mohd Yusoff (2024) selaku hakim Mahkamah Rendah Syariah Kelantan (MRSK), statistik menunjukkan bahawa permohonan perceraian di MRSK terus meningkat dari semasa ke semasa. Peningkatan ini mencerminkan cabaran yang semakin ketara dihadapi oleh institusi perkahwinan dan kestabilan keluarga. Antara sebab pasangan suami isteri memohon perceraian ialah kurang persefahaman antara mereka, suami tidak bekerja, suami mengambil barang terlarang dan banyak lagi (Zahari Mohd Yusoff, 2024).

Namun begitu, kebanyakan pasangan yang memohon perceraian di MRSK telah menarik semula kes perceraian mereka. Hal ini seolah-olah menunjukkan masyarakat kini menganggap perceraian merupakan perkara yang boleh dipermainkan oleh mereka. Jika berlaku pergaduhan antara pasangan, mereka meletakkan perceraian sebagai jalan untuk menyelesaikan pergaduhan. Misalnya, menurut Siti Nur Muzliana Majid (2024) terdapat kes di MRSK yang mana pasangan suami isteri telah membuat permohonan perceraian. Kemudian, salah satu pihak yang membuat permohonan telah menarik semula kes perceraian mereka. Plaintif telah menarik semula kes perceraian dengan defendan kerana telah mencapai kata sepakat semula dengan defendan (Siti Nur Muzliana Majid, 2024). Plaintif tidak sepatutnya terus membuat permohonan perceraian jika berlaku sedikit pergaduhan dengan suami kerana hal perceraian merupakan perkara yang serius. Oleh sebab itu, walaupun Islam mengakui perceraian sebagai salah satu proses undang-undang yang sah dalam beberapa situasi, Islam juga menekankan pentingnya menjaga kestabilan sesebuah keluarga dan berusaha memperbaiki hubungan yang retak sebelum memutuskan untuk bercerai.

Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk meneliti faktor-faktor penarikan semula kes perceraian yang berlaku di MRSK. Penulisan artikel ini secara langsung dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang individu untuk menarik semula kes perceraian mereka. Di samping itu, artikel ini juga dapat meneliti dengan lebih mendalam tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pasangan yang membuat permohonan cerai dan kemudian menarik kembali kes tersebut. Hasil dapatan artikel ini boleh memberi peringatan kepada pasangan lain agar sentiasa berhati-hati sebelum membuat permohonan cerai sesuka hati di mahkamah selain sebagai usaha untuk mengurangkan kadar perceraian yang semakin meningkat saban hari. Oleh yang demikian, secara khususnya artikel ini akan menjawab satu persoalan kajian iaitu, apakah faktor-faktor penarikan semula kes perceraian yang berlaku di MRSK?

Sorotan Kajian

Sorotan kajian atau sinonim dengan *literature review* pada umumnya mengandungi kajian kepustakaan yang diambil daripada pelbagai sumber sama ada daripada buku, jurnal, prosiding, tesis, kertas projek, disertasi, makalah dan sebagainya (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Artikel ini memulakan dengan sorotan kajian daripada Siti Hajar Mohammad (2012) yang bertajuk “Analisa Terhadap Pelaksanaan Cerai Gugat di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu menurut Perspektif Hukum Islam”. Hasil dapatan sorotan kajian tersebut menunjukkan bahawa faktor-faktor dan proses pelaksanaan cerai gugat adalah selaras dengan prinsip hukum Islam. Namun begitu, artikel tersebut hanya menceritakan tentang faktor-faktor berlakunya kes perceraian. Kelompangan sorotan kajian tersebut membuka ruang kepada kajian ini untuk mengkaji mengapa terdapat pasangan yang menarik semula kes perceraian mereka. Seterusnya ialah sorotan kajian daripada Roslelawati Abdullah dan Nordin Hussin (2014) yang bertajuk “Perkahwinan dan Perceraian Masyarakat Melayu Terengganu 1950an–1970an”. Hasil dapatan sorotan kajian tersebut menunjukkan bahawa perkahwinan dan perceraian bangsa Melayu di Terengganu dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu faktor sosial dan faktor ekonomi.

Kajian oleh Rogayah Estar Mohamad et al. (2021) turut disoroti dalam satu artikel jurnal yang bertajuk “Punca Perceraian Pasangan Dewasa Islam: Perspektif Badan Pelaksana”. Hasil dapatan menunjukkan punca perceraian dalam kalangan dewasa Islam adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti pengabaian nafkah dan tanggungjawab, keterlibatan oleh orang ketiga dan poligami, terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan kes-kes keganasan dalam rumah tangga. Secara keseluruhannya, faktor utama adalah berkaitan dengan faktor intrinsik seperti kekurangan pegangan agama yang kukuh. Selain itu, kajian oleh Mariam Abd. Majid dan Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin (2017) yang bertajuk “Trend dan Faktor Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor dari Tahun 2011 hingga 2015”. Dapatan kajian tersebut menunjukkan kadar perceraian di negeri Selangor meningkat dari semasa ke semasa. Faktor perceraian rumah tangga yang paling tinggi di negeri itu ialah pengabaian tanggungjawab antara pasangan suami isteri. Perbincangan kajian-kajian lepas tersebut menunjukkan bahawa perceraian adalah satu perkara yang menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat hari ini. Walaupun terdapat begitu banyak kajian yang membincangkan tentang faktor berlakunya perceraian, tetapi didapati tiada kajian yang membincangkan secara mendalam tentang faktor-faktor penarikan semula kes perceraian di mahkamah sepanjang sorotan kajian ini dilakukan. Oleh yang demikian, hal ini membuka ruang kajian kepada pengkaji untuk meneliti daripada sudut yang berbeza iaitu berkaitan faktor-faktor penarikan semula kes perceraian di mahkamah.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian, objektif dan matlamat kajian boleh dicapai melalui penggunaan pelbagai cara, kaedah dan pendekatan. Selain itu, metodologi kajian merujuk kepada tiga aspek asas iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, dan kaedah analisis data (Muhammad Mustaqim Roslan, 2023). Reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji boleh disesuaikan dengan epistemologi Islam dan objektif yang ditetapkan sama ada menggunakan pendekatan kuantitatif, kualitatif atau gabungan kedua-duanya. Oleh itu, kajian ini mengadaptasikan falsafah interpretif yang bertujuan untuk mencari penjelasan mengenai peristiwa-peristiwa sosial atau budaya berdasarkan perspektif persekitaran yang sedang dikaji (Muslim, 2016). Kajian kes dipilih sebagai strategi dalam kajian ini kerana ia membolehkan penerokaan mendalam terhadap fenomena penarikan semula kes perceraian. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang menggabungkan teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual separa berstruktur. Menurut Jane Ritchie & Jane Lewis (2003), kaedah temu bual separa berstruktur bertujuan mendapatkan maklumat secara bersemuka dengan informan untuk mengenal pasti isu dan masalah kajian. Kaedah ini juga sangat sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ia membolehkan pengkaji mengemukakan soalan tambahan kepada informan sekiranya persoalan kajian tidak dijawab dengan jelas. Dalam konteks kajian ini, temu bual dijalankan terhadap tiga orang informan iaitu melibatkan hakim-hakim bertugas di MRSK. Pemilihan tiga orang informan ini dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang dilihat berkemampuan untuk mencapai objektif kajian. Pensampelan bertujuan melibatkan pemilihan individu yang bersesuaian dengan kriteria yang berkaitan untuk memberikan maklumat yang relevan dan signifikan (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016).

Data kajian dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Proses analisis tematik melibatkan beberapa fasa. Pertama, penyaringan data dilakukan dengan menyalin transkripsi rakaman audio-video ke dalam bentuk verbatim, iaitu ayat demi ayat atau frasa demi frasa. Seterusnya, transkrip diindeks dengan memberi kod tertentu kepada setiap informan berdasarkan transkrip mereka. Kod-kod ini membantu dalam penjanaan semula data asal serta memudahkan rujukan silang semasa penulisan dan penyediaan laporan (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016). Menurut Muhammad Mustaqim Roslan (2023), terdapat lima langkah dalam menjalankan analisis tematik, iaitu menyalin transkrip temu bual secara verbatim, membuat agihan soalan kajian, membuat pengkategorian awal, mencari tema, dan membuat koding.

Konsep Perceraian dalam Islam

Perceraian berlaku apabila kedua-dua pihak antara suami dan isteri bersetuju untuk berpisah secara damai atau apabila suami mengumumkan perceraian terhadap isteri dengan lafaz talak. Nabi SAW bersabda:

“Mana-mana wanita yang meminta talak daripada suaminya tanpa sebab yang sepatutnya, maka haram ke atasnya bau syurga” (Riwayat Abu Daud, No. Hadis 2178).

Berdasarkan hadis tersebut, jelaslah bahawa meskipun perceraian dibenarkan dalam Islam, tetapi perceraian merupakan tindakan yang sangat tidak disukai oleh Allah SWT. Menurut Robiah Awaliyah dan Wahyudin Darmalaksana (2021), agama Islam membenarkan perceraian walaupun itu tidak disukai oleh Allah SWT. Namun, langkah-langkah yang baik dalam mencegah perceraian perlu diambil. Jika seorang suami melafazkan talak kepada isterinya, perbuatan itu tidak dianggap sebagai dosa, tetapi tetap menjadi sesuatu yang tidak disenangi oleh Allah SWT. Oleh itu, umat Islam seharusnya melakukan yang terbaik bagi mempertahankan sesebuah perkahwinan dan berfikir secara mendalam dahulu sebelum membuat sesuatu keputusan yang besar. Apabila sesuatu keadaan tidak dapat diuruskan lagi, maka tindakan untuk menjatuhkan talak diambil bagi memberi ketenangan dan ketenteraman kepada kedua-dua pihak antara suami dan isteri (Raihanah Abdullah, 2001).

Di samping itu, terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada berlakunya perceraian antaranya ialah pengabaian nafkah dan tanggungjawab, penglibatan orang ketiga dan poligami (Rogayah Estar Mohamad et al., 2021). Kebanyakan suami sering mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap isteri dan isteri terpaksa menguruskan semua hal sendirian. Hal ini boleh menyebabkan isteri hilang rasa hormat terhadap pasangan mereka dan boleh mengganggu mental dan emosi isteri. Suami seharusnya menggalas tanggungjawab dengan baik dalam sesebuah keluarga. Pada dasarnya, perkahwinan dibentuk untuk memastikan kebahagiaan bagi pasangan suami dan isteri sepanjang hidup mereka. Namun, jika salah satu pihak tidak dapat memenuhi kewajibannya dengan baik dan pihak lain tidak dapat menerimanya, maka tidak ada solusi lain kecuali bercerai (Rifki Rufaida, 2021). Mewujudkan kehidupan keluarga yang penuh kasih sayang dan belas kasihan tentunya tidak semudah kata-kata. Ini kerana ia melibatkan sekurang-kurangnya dua orang individu iaitu suami dan isteri. Jika cara pemikiran hanya seorang itu sudah rumit, bayangkan betapa rumitnya kehidupan bersama yang melibatkan dua orang. Lebih-lebih lagi jika ditambah dengan kehadiran anak-anak. Oleh itu, keupayaan untuk mengatasi sesuatu masalah adalah sangat penting.

Selain itu, memandangkan perceraian diharuskan maka begitulah juga di MRSK yang menerima pelbagai permohonan perceraian yang berlaku di Kelantan. Antara sebab permohonan perceraian di Kelantan adalah disebabkan kurangnya tanggungjawab daripada pasangan, baik suami mahupun isteri, serta kurangnya penghayatan terhadap agama. Hal ini merujuk kepada situasi yang mana salah satu atau kedua-dua pasangan gagal memenuhi tanggungjawab yang diharapkan dalam perkahwinan. Faktor-faktor ini sering menjadi penyebab utama berlakunya permohonan perceraian kerana ia menunjukkan sebuah hubungan yang goyah dan tidak dapat diperbaiki melalui komunikasi. Walaupun permohonan perceraian banyak berlaku di MRSK, tetapi kebanyakannya telah ditarik semula oleh pemohon yang telah memohon di sana. Hal ini demikian kerana, mereka tidak menganggap perceraian merupakan satu perkara yang serius. Oleh itu, artikel ini akan meneruskan perbincangan tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada penarikan semula kes perceraian.

Analisis Faktor-Faktor Penarikan Semula Kes Perceraian di Mahkamah Rendah Syariah Kelantan

Fenomena perceraian adalah kompleks dan melibatkan pelbagai faktor yang mempengaruhi pasangan dalam mengambil keputusan untuk mengakhiri ikatan perkahwinan mereka. Pelbagai faktor boleh menyebabkan berakhirnya sebuah hubungan perkahwinan. Namun, perceraian tidak selalu menutup peluang bagi pasangan untuk memulakan babak yang baru dalam kehidupan mereka. Pelbagai kes berlaku daripada situasi yang berbeza di MRSK apabila permohonan perceraian ditarik kembali oleh pihak-pihak yang terlibat. Namun, MRSK sentiasa memainkan peranan penting dalam menangani isu-isu perceraian dalam masyarakat Kelantan khususnya. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat lima faktor penarikan semula kes perceraian di MRSK iaitu; pertama, masih menaruh harapan dan kepercayaan kepada pasangan; kedua, pasangan menghilangkan diri; ketiga, desakan keluarga untuk meneruskan hubungan; keempat, memikirkan kesejahteraan anak-anak dan; kelima, tiada kerjasama yang seimbang dalam permohonan cerai. Rajah berikut menunjukkan hasil dapatan secara umum berkenaan faktor-faktor penarikan semula kes perceraian di MRSK.



Rajah 1: Faktor-faktor penarikan semula kes perceraian di MRSK

Masih menaruh harapan dan kepercayaan kepada pasangan

Antara faktor utama penarikan semula kes perceraian di MRSK ialah masih menaruh harapan dan kepercayaan kepada pasangan. Menurut Ryan dan Natalie Ann (2003), apabila seseorang telah memberikan kepercayaan kepada pihak lain, mereka yakin bahawa harapan akan tercapai dan tidak akan ada lagi rasa kecewa. Perkara ini turut disokong oleh kajian Erna Ferrinadewi (2007) yang mana kepercayaan timbul kerana adanya harapan bahawa pihak lain akan bertindak sesuai dengan keperluan dan kehendak pengguna. Oleh yang demikian, harapan dan kepercayaan saling berhubung antara satu sama lain dan mempunyai peranan yang penting dalam memahami psikologi dan perilaku manusia. Harapan juga menjadi asas untuk membina kepercayaan, seterusnya kepercayaan mempengaruhi tingkah laku individu dalam berinteraksi dengan orang lain yang berada dalam lingkungan mereka.

Selain itu, harapan dan kepercayaan yang diberikan oleh suami dapat mempengaruhi keputusan isteri seperti menarik semula kes perceraian antara mereka berdua. Menurut Zahari Mohd Yusoff iaitu hakim di MRSK mengatakan bahawa isteri memberi peluang kepada suami untuk berubah kerana suami telah berjanji untuk berubah menjadi lebih baik. Harapan dan kepercayaan dalam sebuah hubungan pasangan suami dan isteri boleh mempengaruhi pelbagai aspek tingkah laku, termasuk keputusan untuk menarik semula kes perceraian. Terdapat kes perceraian di MRSK iaitu kes 2404-L0103-151-0501 di mana plaintif telah menarik semula kes perceraian kerana suaminya telah berjanji untuk berubah. Kebanyakan situasi, isteri mungkin berasa terdapat harapan untuk memperbaiki hubungan berdasarkan janji yang diberikan oleh suami untuk berubah. Kepercayaan tersebut mungkin menjadi dorongan bagi isteri untuk memberi suami peluang untuk berubah kerana isteri mungkin percaya bahawa suami benar-benar berazam untuk memperbaiki hubungan mereka.

Setiap suami dan isteri seharusnya memahami tanggungjawab dan hak masing-masing dalam perkahwinan. Kesedaran dan didikan tentang hal ini sangat penting untuk memastikan kelancaran dan keharmonian sesuatu hubungan. Menurut Nurhanisah Hadigunawan dan Raihanah Azahari (2008), pengabaian hak dan tanggungjawab dalam perkahwinan boleh mencetuskan konflik serta masalah dalam rumah tangga dan akhirnya mungkin membawa kepada perceraian.

Di samping itu, ada kalanya pasangan suami dan isteri membuat perjanjian antara satu sama lain. Contohnya, jika suami masih tidak berubah dalam tempoh masa enam bulan maka pihak isteri akan meneruskan juga proses perceraian tersebut (Siti Nur Muzliana Majid, 2024). Semasa dalam tempoh enam bulan tersebut, isteri memohon terlebih dahulu kepada pihak mahkamah untuk menangguhkan kes mereka. Maka, pihak mahkamah akan menerima penangguhan kes tersebut dan tidak membatalkan kes mereka dalam tempoh itu. Namun, menurut Zahari Mohd Yusoff (2024) iaitu hakim di MRSK ada beberapa pihak yang tidak mengetahui bahawa mahkamah menerima jika plaintif memohon untuk membuat penangguhan kes. Akibatnya, plaintif serta merta akan menarik semula kes permohonan perceraianya dan merugikan pihak plaintif sekiranya ingin membuka semula kes perceraian kerana setiap pendaftaran permohonan cerai di Kelantan dikenakan bayaran sebanyak RM115. Wang dan tenaga mereka akan terbazir begitu sahaja kerana proses permohonan tersebut akan mengambil masa yang lebih lama jika sebelah pihak lagi tidak memberi kerjasama. Hal ini akan menimbulkan kerumitan kepada pihak plaintif. Oleh itu, penting bagi kedua-dua pihak untuk memahami bahawa menangguhkan kes perceraian ialah pilihan yang ada dan dapat memberikan masa tambahan untuk pertimbangan. Dengan memahami hal ini, mereka boleh membuat keputusan yang lebih baik dan mengelakkan masalah yang tidak diinginkan.

Selain itu, harapan ini kebiasaannya disampaikan dengan niat baik, dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti hidup bersama dan mewujudkan persekitaran yang lebih harmoni dan sejahtera. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya sering menjadi cabaran terutamanya jika respon suami tidak sesuai dengan harapan atau jika perubahan yang diinginkan tidak sesuai dengan keperluan atau keinginan suaminya. Menurut Suranto Aw (2011) tingkah laku komunikasi terbuka ialah tindak balas individu terhadap tindakan jujur atau terbuka, di mana pasangan menerima keputusan orang lain tanpa halangan. Kepercayaan ini juga sering disertai dengan harapan bahawa suami akan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan keluarga. Perkara tersebut mencerminkan harapan isteri bahawa suami akan terlibat secara aktif dalam menjaga kesejahteraan keluarga dan berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong antara satu sama lain dan sentiasa berfikiran positif. Walau bagaimanapun, setiap pasangan mempunyai perjalanan dan cabaran yang unik dalam hubungan mereka. Justeru, walaupun harapan dan kepercayaan merupakan aspek penting bagi memastikan kesejahteraan sesebuah keluarga, setiap pasangan juga perlu menghormati keunikan pasangan masing-masing dan menghargai setiap keputusan yang dikemukakan. Komunikasi yang efektif dan pemahaman yang mendalam tentang keperluan dan keinginan pasangan merupakan kunci untuk mencapai kesepakatan dan perubahan yang berterusan dalam hubungan.

Pasangan menghilangkan diri

Faktor kedua dalam penarikan semula kes perceraian di MRSK ialah pasangan menghilangkan diri. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2005), kehilangan ialah keadaan hilangnya sesuatu. Di samping itu, menurut Fitri Wijayati et al. (2020) kehilangan ialah saat seseorang berpisah dengan sesuatu yang sebelum ini dimilikinya dan kemudian menghilang entah sebahagian atau seluruhnya. Jika seseorang individu berasa penting atau berharga, seseorang individu juga perlu menyedari atau memahami bahawa orang lain juga sama penting atau berharga seperti diri mereka sendiri (Hondi Panjaitan, 2014). Oleh itu, sebelum kita kehilangan seseorang kita haruslah menghargai mereka dengan sehabis baik. Memahami nilai dan pentingnya setiap individu ialah langkah yang sangat penting untuk menjaga hubungan yang sihat. Apabila seseorang berasa dihargai dan prihatin, mereka

lebih cenderung untuk terikat dan terlibat secara aktif dalam hubungan tersebut. Selain itu, dengan memahami nilai orang lain, ia dapat memperkaya hubungan seseorang melalui interaksi yang dipenuhi dengan pengertian dan empati. Dalam konteks perceraian, penting untuk diingat bahawa setiap pihak memiliki nilai dan kepentingan yang harus dihargai. Dengan memahami dan menghargai pasangan, seseorang dapat mencipta lingkungan di mana komunikasi yang efektif dan penyelesaian masalah dapat dicapai dan mengurangkan kemungkinan konflik yang berakhir dengan kehilangan sesebuah hubungan.

Menurut Zahari Mohd Yusoff (2024) iaitu hakim di MRSK, terdapat kes 2403-L0103-151-0466 di mana plaintif terpaksa menarik semula kes perceraian kerana defendan telah melarikan diri tanpa sebarang khabar berita. Defendan telah melarikan diri selepas mendapat berita bahawa plaintif telah membuat permohonan cerai di mahkamah. Defendan membuat keputusan begitu kerana ingin merumitkan proses perceraian dengan isterinya. Selain itu, proses perceraian ialah perkara yang sangat berat dan rumit. Suami mungkin terkejut dan berasa sangat sedih apabila menerima permohonan cerai dari isterinya. Ini boleh menyebabkan tindak balas impulsif untuk menghindar buat sementara waktu sebagai usaha untuk menenangkan diri atau bertindak secara emosional. Suami mungkin berasa tidak bersedia secara emosi atau tidak mampu menghadapi proses perceraian. Maka dia memilih untuk menghindari situasi itu dengan menghilangkan diri. Oleh itu, perlu disedari bahawa pentingnya untuk menghargai orang lain bukanlah semata-mata disebabkan oleh kebaikan mereka, tetapi juga oleh hakikat bahawa setiap individu sama ada dia baik atau tidak, dia layak untuk dihargai dan dihormati sebagai manusia (Hondi Panjaitan, 2014).

Seterusnya, menurut Yusmini Muhamad Yusoff (2024) iaitu pembantu pendaftar kanan MRSK, kesalahan dalam mendaftar jenis kes perceraian sering berlaku di mahkamah disebabkan oleh masyarakat yang kurang berpengetahuan tentang jenis perceraian yang terdapat di Malaysia menurut undang-undang Islam. Masyarakat menganggap bahawa semua jenis perceraian adalah sama sahaja. Hal ini amat merugikan masyarakat kerana mereka terpaksa menarik semula kes dan terpaksa mengeluarkan wang sekali lagi untuk mendaftar jenis perceraian yang lain. Oleh itu, penulis mencadangkan agar maklumat tentang jenis perceraian yang terdapat di Malaysia dihebahkan kepada masyarakat secara meluas. Masyarakat juga disarankan untuk mendapatkan nasihat daripada individu yang lebih arif dalam perkara ini sebelum membuat keputusan untuk mengemukakan permohonan perceraian. Dengan cara tersebut, mereka dapat memperoleh pandangan yang lebih terperinci mengenai jenis perceraian yang sesuai dengan keadaan dan situasi mereka. Tambahan pula, pasangan yang ingin bercerai disarankan melakukan kajian terlebih dahulu berkenaan perkara-perkara yang berkaitan untuk mengelakkan kesilapan yang berulang. Perkara tersebut penting kerana dapat mengelakkan pasangan menanggung kerugian, terutama jika pasangan tersebut kurang berkemampuan daripada segi kewangan.

Di samping itu, menurut Zahari Mohd Yusoff (2024) iaitu hakim di MRSK menyatakan jika suami telah menghilangkan diri selama lebih daripada empat bulan maka isteri boleh memohon kes cerai taklik di mahkamah. Cerai taklik menurut al-Zuhayli (1985) ialah proses di mana suami menarik balik perkataan talaknya dengan mengenakan syarat kepada isterinya melalui ucapan, tindakan atau dengan menunjukkan ciri-ciri tertentu. Hal ini turut disokong oleh Zaini (2002) yang menyatakan bahawa cerai taklik ialah perceraian yang berpihak kepada isteri berdasarkan syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian perkahwinan. Perkara tersebut berlaku dengan mematuhi syarat-syarat yang terikat dengan peristiwa atau tindakan yang tertentu. Selain itu, cerai taklik ialah satu perjanjian dalam perkahwinan yang mengandungi beberapa syarat yang harus dipatuhi oleh suami (Solihah Mansor & Mohd Norhusairi Mat Hussin, 2023). Sekiranya suami tidak memenuhi syarat-syarat tersebut, isteri yang tidak bersetuju boleh mengadu kepada mahkamah syariah sebagai alasan untuk meminta perceraian. Berdasarkan pandangan tersebut, ini memberikan pemahaman yang luas tentang konsep cerai taklik di mana suami memberikan keistimewaan kepada isterinya dengan melaksanakan

perceraian mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan sebelumnya sama ada melalui perjanjian perkahwinan atau melalui tindakan dan ucapan tertentu semasa proses perceraian.

Desakan keluarga untuk meneruskan hubungan

Faktor ketiga dalam penarikan semula kes perceraian di MRSK ialah desakan keluarga untuk meneruskan hubungan. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2005), mengukuhkan bermaksud menjadikan sesuatu itu lebih kukuh atau mempertahankan. Di samping itu, menurut Mohamad Pairuz Suhairi Abdullah dan Zainab Ismail (2020), pasangan yang mengalami masalah dalam perkahwinan perlu diberi bantuan untuk memperkuat hubungan mereka dengan menyedarkan mereka tentang kesan perceraian terhadap anak-anak dan keluarga, serta membimbing mereka tentang prinsip-prinsip yang diperlukan untuk membina keluarga yang bahagia. Seterusnya, Khadijah Abdul Razak (2006) juga turut menyatakan bahawa selain memelihara hubungan dengan PenciptaNya, manusia juga perlu memelihara hubungan sesama manusia. Sikap baik dan kesopanan ketika berinteraksi antara satu sama lain adalah sangat penting kerana merupakan langkah asas dalam menjaga hubungan antara manusia. Oleh itu, untuk mengukuhkan sebuah perhubungan tersebut, usaha diperlukan untuk menjadikan hubungan perkahwinan lebih stabil, kukuh dan kekal. Maka, kedua-dua belah pihak perlu memainkan peranan yang penting agar sesebuah hubungan dengan pasangan dapat dipelihara dengan baik.

Berdasarkan pandangan dan pendapat tersebut, menurut Yusmini Mohamad Yusoff (2024) iaitu pembantu pendaftar kanan MRSK, kebanyakan kes penarikan semula kes permohonan perceraian di mahkamah ialah disebabkan oleh desakan daripada keluarga supaya bersabar dan meneruskan sesebuah perkahwinan tersebut. Fenomena ini menekankan pentingnya peranan keluarga dalam dinamika perkahwinan dan proses perceraian. Dorongan serta tekanan yang diberikan oleh keluarga untuk mengekalkan perkahwinan sering menjadi faktor penentu dalam keputusan pasangan untuk menarik balik permohonan perceraian. Ini menggambarkan pengaruh sosial dan norma keluarga amat kuat dalam kehidupan perkahwinan. Selain itu, penelitian oleh Travers (2024) juga menggambarkan fenomena yang dikenali sebagai *divorce domino effect*, di mana perceraian satu pasangan dapat memberi kesan kepada keputusan perceraian pasangan lain dalam lingkaran sosial mereka. Perkara tersebut menunjukkan bahawa perubahan dalam norma sosial dan harapan berkaitan dengan perceraian boleh mempengaruhi keputusan perkahwinan dan perceraian dalam konteks sosial. Perubahan dalam norma sosial dan harapan mengenai perceraian dapat memberi kesan yang besar pada pandangan masyarakat terhadap perkawinan dan perceraian. Hal tersebut kemungkinan mengakibatkan peningkatan perceraian dalam kalangan masyarakat atau sebaliknya mendorong pasangan untuk lebih berhati-hati dalam membuat keputusan tentang perkahwinan mereka.

Selain itu, dalam konteks MRSK, keputusan perceraian ditentukan oleh undang-undang Islam dan kehadiran keluarga sebagai penasihat yang penting menjadi lebih ketara. Pihak keluarga pasangan sering berperanan sebagai perantara antara pasangan yang bercerai serta memberikan sokongan emosi dan nasihat praktikal untuk menyelesaikan konflik perkahwinan. Selain itu, tindakan menarik balik permohonan perceraian juga mencerminkan keinginan pasangan untuk memberi peluang kedua dan mengeratkan hubungan mereka. Mereka mungkin menyedari kepentingan keharmonian keluarga dan ingin menangani konflik dengan harapan untuk memperbaiki perkahwinan mereka. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Rūm ayat 21:

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir”. (al-Rum, 30:21)

Menurut Ibnu Kathir, ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah SWT mencipta isteri-isteri daripada jenis suami sebagai salah satu tanda kekuasaanNya. Tujuan penciptaan ini adalah untuk membina hubungan yang harmonis antara suami dan isteri, serta menumbuhkan rasa kasih sayang di antara keduanya. Selain itu, menurut Siti Zubaidah Ismail dan Muhamad Zahiri Awang Mat (2016), berdasarkan ayat tersebut Allah SWT menjelaskan bahawa manusia dijadikan daripada jenis yang sama. Ayat yang bermaksud “dari jenismu sendiri” bermaksud daripada jenis yang sama, iaitu manusia yang mempunyai sifat yang serupa. Baik lelaki atau perempuan, keduanya cenderung untuk memiliki pasangan. Oleh itu, Allah SWT telah menciptakan sebaik-baik pasangan untuk memberikan ketenangan dan membina keluarga yang harmoni dan penuh kasih sayang. Ketika berlaku masalah dalam keluarga, penting bagi pasangan untuk berkomunikasi dengan efektif dan memiliki kematangan serta kearifan dalam membuat sesuatu keputusan sehingga keluarga yang harmoni dapat dibentuk.

Hal tersebut menjelaskan bahawa desakan daripada keluarga untuk meneruskan hubungan menunjukkan bahawa dalam konteks perkahwinan, pengaruh daripada keluarga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keputusan pasangan untuk menarik balik permohonan perceraian. Pengaruh tersebut merangkumi nasihat, sokongan emosi atau tekanan sosial untuk mengekalkan perkahwinan. Menurut kajian Francesca Adler-Baeder et al. (2004), terdapat pelbagai konsep yang terkait dengan perkahwinan yang berkualiti. Antaranya ialah kesejahteraan, kepuasan, kebahagiaan dan kestabilan dalam hubungan suami isteri. Oleh itu, pasangan suami isteri haruslah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengukuhkan perhubungan mereka dengan mencari keserasian antara pasangan masing-masing melalui apa cara sekalipun. Jika pasangan tersebut tidak berusaha untuk mengukuhkan hubungan, maka kemungkinan besar pasangan tersebut akan membuat permohonan perceraian di mahkamah semula kerana mereka berasa tiada perubahan dalam hubungan tersebut. Menjaga keseimbangan antara waktu yang dihabiskan bersama dan memiliki ruang peribadi merupakan sesuatu yang mencabar dalam perkahwinan. Pasangan perlu berusaha untuk memenuhi keperluan individu masing-masing di samping meluangkan masa bersama secara bermakna.

Memikirkan kesejahteraan anak-anak

Seterusnya, faktor keempat dalam penarikan semula kes perceraian di MRSK ialah memikirkan kesejahteraan anak-anak. Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2005), memikirkan bermaksud menggunakan akal untuk menyelesaikan sesuatu, merenung dan mempertimbangkan dalam fikiran. Di samping itu, menurut Putri Rosalia Ningrum (2013), perceraian dalam sebuah keluarga selalu membawa kesan yang signifikan. Kejadian tersebut boleh mencetuskan tekanan dan mengakibatkan perubahan kepada anak-anak sama ada daripada segi fizikal atau mental. Hal ini turut dinyatakan oleh Uswatun Hasanah (2020), anak-anak akan berasa ketakutan ketika ibu bapa mereka bercerai. Mereka bimbang bahawa mereka tidak akan menerima kasih sayang dari kedua-dua ibu bapa yang tidak tinggal bersama dalam sebuah rumah. Ketakutan dan kebimbangan yang dialami oleh anak-anak ketika ibu bapa mereka bercerai merupakan sesuatu yang sangat biasa dan penting untuk dipertimbangkan dalam konteks perubahan dalam hubungan ibu bapa. Berkaitan remaja yang terlibat dalam masalah keruntuhan akhlak, cabaran semasa berada dalam alam remaja itu sendiri amat memerlukan kekuatan individu tersebut sekali gus bimbingan daripada ibu bapa untuk menghadapinya (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, 2015).

Berdasarkan pandangan yang dijelaskan, faktor penarikan semula kes perceraian ialah memikirkan kesejahteraan anak-anak kerana ibu bapa telah memikirkan tentang nasib anak-anak jika mereka tiada bapa atau berjauhan dengan bapanya. Isteri terpaksa mengetepikan dahulu perasaannya terhadap suami dan terpaksa mendahulukan anak-anak dalam pelbagai situasi. Menurut Siti Nur Muzliana Majid (2024) adakalanya suami dan isteri terpaksa berlakon menjadi baik di hadapan anak-anak supaya anak-anak tersebut tidak berasa tertekan melihat pergaduhan yang berlaku antara ibu

bapa. Terutamanya terhadap anak-anak yang bakal mengambil peperiksaan penting seperti SPM pada ketika itu. Menurut Nur Faezah Musthaphar (2021), peranan ibu sangat penting dalam memastikan anak-anak dapat terus belajar dengan baik. Oleh itu, ibu bapa bertanggungjawab untuk menjaga kestabilan emosi anak-anak. Di samping itu, keputusan ini sering kali diambil dengan niat yang baik dengan tujuan untuk memastikan bahawa anak-anak tersebut tetap menerima kasih sayang dan perhatian yang mereka perlukan. Isteri kemungkinan berasa bahawa dengan menarik semula kes perceraian, mereka dapat memastikan bahawa anak-anak tersebut tidak terjejas secara negatif oleh perubahan dalam hubungan ibu bapa.

Menurut Siti Nur Muzliana Majid (2024) keputusan untuk menarik semula kes perceraian merupakan salah satu alasan bagi seseorang kerana bimbang tentang anak-anak daripada segi perbelanjaan harian, persekolahan dan sebagainya. Jika plaintif seorang suri rumah maka hal tersebut menjadi satu perkara yang serius kerana kemungkinan defendan tidak akan memberi nafkah jika telah bercerai. Menurut Siti Ruhani Muhd Yusoff (2016) masalah utama yang dihadapi oleh ibu tunggal ialah masalah kewangan. Mereka menghadapi kesulitan dalam menyara diri dan anak-anak mereka setelah menjadi ibu tunggal kerana kehilangan sebahagian besar pendapatan yang sebelumnya disumbangkan oleh pasangan. Bagi ibu yang bekerja, kehilangan pendapatan yang sebelumnya disumbangkan oleh suami menjadi satu beban tambahan. Manakala bagi suri rumah sepenuh masa, mereka mungkin kehilangan hampir keseluruhan pendapatan yang dimiliki sebelumnya. Menurut Sabariah Baharum (1989) isu perceraian merupakan hal yang serius kerana perceraian tidak hanya mempengaruhi pasangan yang bercerai tetapi juga memberi kesan kepada anak-anak dan struktur keluarga daripada segi psikologi, sosial dan ekonomi. Cabaran ini menuntut kekuatan dan ketabahan luar biasa daripada seorang ibu jika ketiadaan suami untuk mengendalikan tanggungjawab keluarga secara menyeluruh. Komunikasi yang efektif, sokongan emosi yang kukuh dan pembinaan hubungan yang rapat antara ibu dan anak adalah penting untuk membentuk lingkungan keluarga yang stabil dan memberi sokongan.

Oleh itu, sebelum membuat sesuatu keputusan ibu bapa perlu berfikir dengan waras dan memikirkan tentang kesejahteraan anak-anak tanpa kehadiran salah seorang sama ada ibu atau bapa. Menjaga kesejahteraan anak-anak dalam keluarga tanpa kehadiran seorang bapa adalah sangat sukar. Ibu tunggal sering menghadapi cabaran dalam menjaga kesejahteraan anak-anak mereka. Mereka kemungkinan berasa tertekan kerana harus membesarkan anak-anak tanpa bantuan seorang ayah, secara langsung boleh mempengaruhi kesejahteraan emosi anak-anak. Selain itu, mereka juga mungkin menghadapi beban berat seperti bekerja di luar rumah dan menguruskan tugas rumah tangga. Hal tersebut mempengaruhi kesejahteraan kehidupan mereka. Menurut Nur Haifa Rosle dan Sara Beden (2022), ketabahan seorang wanita dalam menempuh perjalanan kehamilan selama sembilan bulan menjadi satu tanda keunggulan seorang wanita yang tiada bandingannya. Walaupun mengalami keletihan dan penat, wanita tersebut tidak pernah mengeluh kerana kasih sayangnya kepada anak yang dikandung melebihi kasih sayang seorang bapa kepada anaknya.

Tiada kerjasama yang seimbang dalam permohonan cerai

Selanjutnya, faktor kelima dalam penarikan semula kes perceraian di MRSK ialah tiada kerjasama yang seimbang dalam permohonan cerai. Pasangan yang terlibat mendapati proses perceraian menjadi rumit jika sebelah pihak lagi tidak memberi kerjasama dan ini menyebabkan pihak yang membuat permohonan cerai membuat keputusan untuk menarik semula kes perceraian di mahkamah. Contohnya dalam kes perceraian, terdapat pelbagai isu yang berlaku seperti pihak defendan tidak menghadirkan diri, tiada kesepakatan mengenai tuntutan cerai atau kesukaran dalam menyelesaikan konflik kekeluargaan. Menurut Zanariah Dimon et al. (2018) proses runding cara merupakan perkara yang sangat penting untuk menyelesaikan krisis rumah tangga yang dihadapi dalam konflik kekeluargaan. Oleh itu, komunikasi dua hala antara kedua-dua belah pihak amat diperlukan. Hal ini

turut disokong oleh kajian Sarlito Wirawan Sarwono (1992) iaitu ketidakupayaan untuk berkomunikasi secara berkesan berlaku apabila setiap ahli keluarga tidak memahami cara untuk berkongsi perasaan mereka dengan ahli keluarga lain atau bagaimana untuk menyatakan perasaan mereka dengan jelas.

Menurut Siti Nur Muzliana Majid (2024) terdapat kes di MRSK antara Nurul Alia Adnin melawan Mohd Hasmizi yang mana plaintif menarik balik kes perceraian. Hal ini berlaku kerana defendan tidak memberi kerjasama yang baik contohnya tidak menghadirkan diri ke mahkamah ketika hari perbicaraan dijadualkan. Kadangkala pihak defendan sengaja melakukan hal sebegitu kerana defendan masih mempunyai perasaan sayang terhadap isterinya dan ingin memperbaiki hubungan mereka. Selain itu, menurut Zahari Mohd Yusoff (2024) plaintif juga akan berasa sangat marah jika defendan tidak serius dalam urusan permohonan perceraian kerana perkara tersebut melibatkan hal rumah tangga mereka. Penyelidikan ini membuktikan bahawa komunikasi yang kurang efektif dan keengganan untuk berkomunikasi dengan jelas antara pasangan dan keluarga mereka turut menjadi faktor utama. Oleh itu, kaedah hakam dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh isteri untuk melepaskan mereka daripada belunggu “gantung tidak bertali”. Menurut Mumtazah Narowi et al. (2021) dalam konteks perundangan Islam di Malaysia, hakam merupakan lanjutan daripada majlis *sulh* yang memberi tumpuan kepada penyelesaian kes permohonan cerai oleh pihak isteri. Prosedur *sulh* dalam kes perceraian melibatkan unsur-unsur timbang tara atau hakam yang memberikan kelebihan kepada pegawai *sulh* untuk menentukan sama ada permohonan cerai diterima atau tidak.

Di samping itu, menurut Mumtazah Narowi (2021) terdapat kes di Mahkamah Rendah Syariah Sabak Bernam iaitu kes Siti Aishah Nabilah melawan Haidir. Berdasarkan kes tersebut, plaintif telah memfailkan kes perceraian bawah Seksyen 47, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2003 pada Februari 2019 dan defendan tidak menghadirkan diri selepas saman mahkamah dikeluarkan. Kes ini menunjukkan bahawa penundaan dalam penyelesaian kes perceraian dapat berlaku akibat ketiadaan pihak defendan, yang pada akhirnya menyebabkan plaintif menarik balik kes perceraian tersebut. Kadangkala, pihak defendan sengaja tidak memberikan kerjasama dengan baik kerana ingin melambat-lambatkan kes mereka dan ingin membuat pihak isteri berputus asa kerana prosedur di mahkamah bukanlah satu perkara yang mudah kerana mengambil masa yang agak lama. Dalam keadaan ini, adalah penting bagi kedua-dua pihak untuk cuba menyelesaikan konflik mereka dengan cara yang aman dan berkesan dengan memahami bahawa perceraian ialah proses yang rumit dan memerlukan masa serta kerjasama dari kedua-dua belah pihak. Jika salah satu pihak tidak bekerjasama, hal ini boleh menyebabkan penangguhan dalam penyelesaian kes dan akhirnya membawa kepada penarikan semula kes perceraian.

Selain itu, terdapat faktor lain juga seperti salah satu pihak yang bersengketa tidak bersetuju dengan tuntutan cerai yang difailkan dan memerlukan penyiasatan oleh mahkamah untuk menentukan sama ada terdapat perselisihan yang berpanjangan dalam tempoh perkahwinan tersebut. Perselisihan ini boleh melibatkan pergaduhan antara suami dan isteri yang menyukarkan pelaksanaan tanggungjawab mereka atau saling menuduh bahawa suami atau isteri terlibat dalam hubungan yang tidak wajar dengan individu lain. Selain itu, terdapat juga kes terlibat dengan hubungan bukan mahram atau pergaduhan yang berulang-ulang sehingga berlaku keganasan fizikal terhadap salah satu pasangan atau terdapat *darar* syarie terhadap isteri atau suami. *Darar* syarie menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ialah bahaya yang menimpa isteri berkaitan dengan agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, maruah atau harta benda seperti yang lazim diiktiraf oleh hukum syarak. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 menekankan pentingnya mempertimbangkan *darar* syarie dalam proses perceraian. Justeru, bagi menangani kes perceraian, mahkamah perlu mempertimbangkan pelbagai faktor termasuk *darar* syarie demi

memastikan penyelesaian kes perceraian dilakukan secara adil dan selaras dengan prinsip hukum syarak.

Kesimpulan

Kesimpulannya, perceraian ialah perpisahan antara suami dan isteri. Perceraian berlaku apabila kedua-dua pihak suami dan isteri bersetuju untuk berpisah secara damai. Walaupun perceraian diharuskan oleh syarak, tetapi terdapat kes perceraian yang ditarik semula di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu. Antara faktor berlakunya hal sedemikian ialah masih menaruh harapan dan kepercayaan kepada pasangan, pasangan menghilangkan diri, desakan keluarga untuk meneruskan hubungan, memikirkan kesejahteraan anak-anak dan tiada kerjasama yang seimbang dalam permohonan cerai. Hasil daripada dapatan kajian ini dapat membantu dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat supaya berfikir dengan lebih matang dalam hal perceraian. Perkara tersebut sangat penting kerana keputusan untuk menarik semula kes perceraian tidak hanya mempengaruhi pasangan yang terlibat tetapi juga kesejahteraan anak-anak dan dinamika keluarga secara keseluruhan. Dengan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan ini, masyarakat dapat membuat keputusan yang lebih baik dan merancang masa depan keluarga dengan lebih bijaksana. Tambahan pula, pengetahuan tersebut dapat membantu memperbaiki hubungan dan mengurangkan kekerapan perceraian dalam kalangan pasangan yang masih mempunyai harapan untuk memperbaiki hubungan mereka.

Selain itu, pengkaji mencadangkan supaya prosedur permohonan perceraian di MRSK diperketatkan lagi supaya setiap pasangan yang membuat permohonan perceraian menganggap perceraian merupakan perkara yang perlu dipertimbangkan secara lebih serius. Hal ini kerana banyak faktor yang perlu difikirkan oleh pemohon seperti yang telah dihuraikan oleh pengkaji sebelum permohonan cerai dipohon di mahkamah. Selain itu, pengkaji mencadangkan agar mahkamah memperketatkan juga tentang hal penerimaan borang permohonan perceraian kerana masih banyak perkara yang boleh difikirkan kembali berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji. Wang ringgit juga memainkan peranan dalam kes penarikan semula kes cerai kerana sekiranya pemohon ingin menarik semula kes perceraian maka pemohon perlu membuat pembayaran sebanyak RM15. Di samping itu, pengkaji mencadangkan kepada pengkaji-pengkaji akan datang untuk meneliti kesan penarikan semula kes perceraian terhadap urus tadbir pengurusan di mahkamah syariah. Hal ini kerana perkara tersebut amat merugikan kepada pihak pemohon daripada segi masa dan wang ringgit.

Rujukan

- Erna Ferrinadewi (2007). Pengaruh threat emotion konsumen dan brand trust pada keputusan pembelian produk Susu Anlene Di Surabaya. *Jurnal Kewirausahaan*, 1(2).
- Francesca Adler-Baeder, Brian Higginbotham & Leanne Lamke. (2004). Putting empirical knowledge to work: Linking research and programming on marital quality. *Family Relations*, 53(5), 537-546.
- Fitri Wijayati, Titin Nasir, Indriono Hadi & Akhmad. (2020). Faktor-faktor yang berhubungan dengan kejadian harga diri rendah pasien gangguan jiwa. *HIJP: Health Information Jurnal Penelitian*, 12(2), 224-235.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Penerbit Universiti Malaya.
- Hondi Panjaitan. (2014). Pentingnya menghargai orang lain. *Humaniora*, 5(1), 88-96.

- Jane Ritchie & Jane Lewis. (2003). *Qualitative research practice - A guide for social science students and researchers*. Sage Publications Ltd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur : Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Abdul Razak. (2006). Pendidikan akhlak: Konsep dan peranannya dalam pembentukan insan. [Kertas kerja pembentangan] *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 5)*.
- Mariam Abd Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin. (2017). Trend dan faktor perceraian rumah tangga di negeri Selangor dari tahun 2011 hingga 2015: trend and marriage divorce factor in Selangor from 2011 to 2015. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues*, 2(2), 40-53.
- Mohamad Pairuz Suhairi Abdullah & Zainab Ismail. (2020). Fungsi runding cara bagi mengukuhkan hubungan pasangan bermasalah dalam perkahwinan. *Al-Hikmah*, 12(2), 75-92.
- Muhammad Mustaqim Roslan. (2023). Pentarjihan fuqaha terhadap penamaan nasab anak tak sah taraf kepada bapa biologi: Analisis fatwa Negeri Perlis. *Journal Of Contemporary Islamic Studies*, 9(2).
- Mumtazah Binti Narowi, Noor Fadhzana Mohd Noor & Siti Amalina Ahmad Khairundin (2021). Hakam dan aplikasinya dalam penyelesaian kes perceraian di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. *Selangor Humaniora Review*, 5(1), 19-29.
- Muslim, M. S. (2016). Varian-varian paradigma, pendekatan, metode, dan jenis penelitian dalam ilmu komunikasi. *wahana*. 1(10).
- Najibah Mohd Zin. (2007). *Undang-undang keluarga (Islam)*, Jil. 14. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Faezah Musthapar. (2021). Peranan wanita dalam pembangunan institusi keluarga: cabaran pandemik Covid 19. *Jurnal 'Ulwan*, 6(2), 61-73.
- Nur Haifa Rosle & Sara Beden. Naratif pengalaman wanita dalam hatimu Aisyah: Analisis feminisme. *Malay, Arabic and English Literature (Icmael 2022)*, 325
- Nurhanisah Hadigunawan dan Raihanah Azahari. (2016). Penghayatan Islam dan hubungannya dengan konflik rumahtangga: kajian di unit runding cara, bahagian undang undang keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor: The relationship between the implementation of Islamic values with domestic conflict: a study at the consultation unit, Islamic Family Law Division of Selangor Department of Islamic Affairs. *Jurnal Syariah*, 24(3).
- Putri Rosalia Ningrum. (2013). Perceraian orang tua dan penyesuaian diri remaja studi pada remaja Sekolah Menengah Atas/Kejuruan di Kota Samarinda. *Psikoborneo: Jurnal Ilmiah Psikologi*, 1(1), 39-44.
- Raihanah Abdullah. (2001). *Wanita, perceraian dan mahkamah syariah dalam wanita dan perundangan Islam*. Ilmiah Publisier.
- Rifki Rufaida. (2021). Akibat hukum adanya perceraian. *Iqtisodina*, 4(2), 74-91.

- Robiah Awaliyah & Wahyudin Darmalaksana. (2021). Perceraian akibat dampak Covid-19 dalam perspektif hukum Islam dan perundang-undangan di Indonesia. *Khazanah: Jurnal Ilmu Agama Islam*, 3(2), 87-97.
- Rogayah Estar Mohamad, Elmi Baharuddini, Noorazeen Binti Razali, Nurul Ashiqin Jaafari & Nur Filzahruz Mohamad Sah (2021). Punca perceraian pasangan dewasa Islam: Perspektif badan pelaksana: Causes of divorce in Muslim adult couples: Perspectives of the implementing body. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 368-380.
- Roslelawati Abdullah & Nordin Hussin. (2014). Perkahwinan dan perceraian masyarakat Melayu Terengganu 1950an–1970an. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 32(1), 81-117.
- Ryan & Natalie Ann. (2003). *In brands we trust*. [Master's thesis]. Rapport Nr.
- Sabariah Baharum. (1989). *Masalah perceraian di kalangan masyarakat Islam di Sabah: Satu kajian di daerah Tawau*. T.Pt.
- Sarlito Wirawan Sarwono. (1992). *Menuju keluarga bahagia*. Bhratara Karya Aksara.
- Siti Hajar Mohammad. (2012). *Analisa terhadap pelaksanaan cerai gugat di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu menurut perspektif hukum Islam* [Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan]. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Siti Ruhani Muhd Yusoff. (2016). *Peranan sikap, pengetahuan dan amalan kewangan terhadap pemerkasaan ekonomi ibu tunggal* [Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan]. Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia.
- Siti Zubaidah Ismail & Muhamad Zahiri Awang Mat. (2016). The concepts of sakinah, mawaddah and rahmah as foundation for marital happiness according to the Holy Qur'an: An analysis based on ayat 21, Surah Al-Rum (Konsep sakinah, mawaddah dan rahmah sebagai asas kebahagiaan rumahtangga menurut Al-Qur'an: Suatu Analisis Berdasarkan Ayat 21, Surah Al-Rum). *Al-Bayan: Journal Of Qur'An And Hadith Studies*, 14(2), 206-222.
- Solihah Mansor & Mohd Norhusairi Mat Hussin (2023). Perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari tempoh satu tahun di mahkamah rendah syariah petaling: Divorce for marriages that are less than a year in Petaling district shariah court. *Journal Of Shariah Law Research*, 8(1), 33-70.
- Suranto Aw. (2011). Komunikasi interpersonal. Graha Ilmu.
- Travers, M. (2024, February 15). *A Psychologist Explains The 'Divorce Domino Effect*. <https://www.forbes.com/sites/traversmark/2024/02/15/a-psychologist-explains-the-divorce-domino-effect/?sh=352387c257d8>
- Tengku Elmi Azlina Tengku Muda. (2015). Kecerdasan emosi, kepimpinan dan kepuasan kerja dalam kalangan ketua guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah [Doctoral Dissertation]. UKM, Bangi.
- Uswatun Hasanah. (2020). Pengaruh perceraian orangtua bagi psikologis anak. *Agenda: Jurnal Analisis Gender Dan Agama*, 2(1), 18-24.

Zaini Nasohah. (2002). *Perceraian: Hak Wanita Islam*. Utusan Publications.

Zanariah Dimon, Nora'Inan Bahari, Norita Kamaruddin & Nurhayati Abd. Ghani. (2018, September). Faktor-faktor konflik rumah tangga: kajian di unit runding cara Jabatan Agama Islam Selangor. *Seminar Antarabangsa Pengajian Islam, Fakulti Tamadun Pengajian Islam, Kolej Universiti Antarabangsa Selangor*.

Al-Zuhayli, Wahbat. (1985). *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh. Juz 6*. Dar al-Fikr li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘.

Hidrogen Hijau sebagai Sumber Tenaga dari Perspektif Maqasid Syariah

Green Hydrogen as an Energy Source from The Perspective of Maqasid Shariah

Noormasitah Johan
Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,
Universiti Sultan Azlan Shah
noormasitah@usas.edu.my

Nor Hafizah Abd Latiff Khan
Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat,
Universiti Sultan Azlan Shah
hafizahkhan@usas.edu.my

Abstrak

Alam sekitar terkesan dengan perubahan iklim seluruh dunia yang disebabkan oleh pancaran dan penulanan bahan karbon yang terlampau tinggi, rentetan itu, para saintis telah mengkaji dan menghasilkan pelbagai penyelesaian untuk mengurangkan kesan buruk bahan karbon di alam sekitar. Salah satu inisiatif adalah penghasilan hidrogen hijau sebagai sumber tenaga yang mempunyai pancaran karbon yang sifar. Hidrogen hijau adalah gas hidrogen yang dihasilkan menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui, seperti tenaga solar, angin, atau hidroelektrik, dalam proses yang dikenali sebagai elektrolisis. Oleh itu, hidrogen hijau adalah hidrogen yang dihasilkan secara bersih dan tanpa mengeluarkan karbon, menjadikannya sebuah sumber tenaga yang mampan dan mesra alam. Menjaga dan memelihara alam sekitar adalah tanggungjawab setiap individu kerana ia mempunyai hubungan yang sangat berkait rapat dengan kehidupan seharian manusia. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan hidrogen hijau dari perspektif syarak atau maqasid syariah iaitu demi menjaga kemaslahatan dan menjauhi keburukan atau kebinasaan. Kaedah pengumpulan data berbentuk kualitatif yang berasaskan kajian perpustakaan. Data diperolehi daripada analisis ke atas dokumen sama ada buku mahupun artikel jurnal. Dapatan hasil kajian mendapati bahawa kegunaan sumber tenaga dari hidrogen hijau adalah menepati maqasid syariah iaitu demi memelihara alam sekitar. Oleh demikian, pemeliharaan alam sekitar amat penting kerana dengan secara tidak langsung pemeliharaan alam sekitar ini menyebabkan manusia dapat memelihara maqasid al-syariah al-khams iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Namun, dengan masa yang sama kegunaan sumber tenaga hidrogen ini perlu mengambilkira elemen masalah dan mafsadah terhadap masyarakat.

Kata kunci: Alam Sekitar; Hidrogen Hijau; Maqasid Syariah.

Pengenalan

Alam sekitar merupakan salah satu kurniaan Allah swt kepada hambanya untuk memakmurkan dan memanfaatkan dengan sepenuhnya serta memeliharanya dari segala kerosakan dan kebinasaan. Sehubungan dengan itu, alam sekitar mengandungi hubungan terhadap tiga dimensi iaitu syariat agama, peraturan-peraturan manusia dan etika-etika tertentu dalam masyarakat setempat (Mustafar et al., 2020). Oleh itu, penjagaan alam sekitar amat penting dan perlu dititikberatkan oleh setiap individu. Namun, kini alam sekitar terkesan dengan perubahan iklim disebabkan perbuatan manusia yang tidak terurus. Hal ini menyebabkan pancaran dan penulanan bahan karbon yang terlampau tinggi sampai tahap yang membimbangkan bagi seluruh manusia. Oleh itu, undang-undang telah

menyediakan satu hukuman dan balasan khas terhadap kesalahan pencemaran yang dilakukan. Pada masa yang sama para saintis juga telah mengkaji dan menghasilkan pelbagai penyelesaian untuk mengurangkan kesan buruk bahan karbon di alam sekitar. Salah satu inisiatif adalah penghasilan hidrogen hijau sebagai sumber tenaga yang mempunyai pancaran karbon yang sifar. Manusia yang dikurniakan akal fikiran sewajarnya memandang serius perkara ini dan memastikan pemeliharaan alam sekitar sentiasa terjamin dan dapat menghidupkan keseimbangan kehidupan yang menjadi kunci utama kesejahteraan alam ini. Hal ini telah selari dengan maqasid syariah iaitu demi menjaga kemaslahatan bersama dan menjauhi dari segala kerosakan dan kemusnahan.

Hidrogen hijau adalah gas hidrogen yang dihasilkan menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui, seperti tenaga solar, angin, atau hidroelektrik, dalam proses yang dikenali sebagai elektrolisis (Hassan et al., 2017). Oleh itu, hidrogen hijau adalah hidrogen yang dihasilkan secara bersih dan tanpa mengeluarkan karbon, menjadikannya sebuah sumber tenaga yang mampan dan mesra alam. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan hidrogen hijau dari perspektif maqasid syariah iaitu demi menjaga kemaslahatan dan mencegah atau menjauhi dari segala kerosakan dan kebinasaan.

Metodologi

Metodologi kajian merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif kajian tercapai (Mahali & Cheang, 2016). Tiga elemen utama di dalam metodologi merupakan elemen yang tidak boleh diabaikan bagi membuktikan kajian ini bersifat ilmiah iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian adalah perancangan khas bagi suatu kaedah dan prosedur untuk pengumpul dan menganalisis data (Darusalam & Hussin, 2021). Reka bentuk ini penting untuk memastikan prosedur pengumpulan data lebih cermat dan dijalankan dengan betul. Reka bentuk yang diguna pakai dalam kajian ini adalah reka bentuk kajian kualitatif yang menggunakan data bukan numerik.

Kaedah pengumpulan data

Kaedah pengumpulan data merujuk kepada teknik dan alat yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat dalam kajian (Lebar, 2017). Pemilihan kaedah yang tepat adalah penting untuk memastikan data atau maklumat yang dikumpul adalah betul dan boleh dipercayai. Dalam kajian ini kaedah pengumpulan data adalah analisis dokumen iaitu mengkaji dan menganalisis dokumen atau rekod sedia ada seperti buku-buku turath, artikel dan laporan berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

Kaedah analisis data

Kaedah analisis data merujuk kepada teknik dan proses yang digunakan untuk memeriksa, membersihkan, mengubah, dan memodelkan data dengan tujuan menemukakan maklumat yang berguna, menarik kesimpulan, dan menyokong keputusan (Lebar, 2017). Dalam kajian ini kaedah yang diguna pakai untuk menganalisis data adalah analisis kandungan dokumen iaitu menganalisis kandungan dari buku-buku turath, artikel dan laporan yang berkaitan dengan kajian.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Hidrogen hijau sebagai sumber tenaga

Hidrogen hijau merujuk kepada hidrogen yang dihasilkan melalui elektrolisis air yang menggunakan tenaga elektrik dari sumber tenaga jenis boleh diperbaharui seperti solar, angin atau hidroelektrik. Hal ini dapat menjadikan hidrogen hijau sebagai sumber tenaga yang sangat bersih kerana dalam proses pengeluarannya tidak menghasilkan pelepasan karbon dioksida. Proses Pengeluaran Hidrogen Hijau menggunakan elektrolizer untuk memisahkan air (H_2O) menjadi hidrogen (H_2) dan oksigen (O_2). Hasil dari proses tersebut menghasilkan tenaga elektrik dari sumber tenaga boleh diperbaharui (Eddin, 2022).

Kelebihan hidrogen hijau adalah bersih kerana penghasilan hidrogen hijau tidak menghasilkan pelepasan karbon dioksida, rentetan itu, dapat menjadikannya pilihan tenaga yang sangat mesra alam. Selain itu, Dari sudut penyimpanan tenaga Hidrogen hijau boleh disimpan dalam bentuk gas atau cecair dan digunakan apabila diperlukan, sehubungan dengan itu, dapat membantu menyelesaikan masalah penyimpanan tenaga dari sumber yang tidak konsisten seperti solar dan angin. Di samping itu, Hidrogen hijau boleh digunakan dalam pelbagai sektor termasuk pengangkutan, industri, dan penjanaan elektrik.

Penggunaan hidrogen hijau boleh digunakan dalam sektor pengangkutan kerana hidrogen boleh digunakan sebagai bahan api untuk kenderaan hidrogen sel bahan api (Fuel Cell Electric Vehicles, FCEVs), yang hanya mengeluarkan air sebagai hasil sampingan (Hassan et al., 2017).

Manakala dalam sektor industri hidrogen digunakan untuk proses seperti pengeluaran baja, penapisan minyak, dan pembuatan keluli. Selain itu, hidrogen juga boleh digunakan dalam sel bahan api untuk menghasilkan tenaga elektrik, menyediakan pilihan tenaga yang bersih untuk grid tenaga (Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau Negeri Sembilan 2011-2020).

Namun begitu, proses pelaksanaan hidrogen hijau mengalami cabaran diantaranya mengenai kos yang tinggi. Proses elektrolisis masih mahal berbanding dengan kaedah konvensional iaitu pengeluaran hidrogen menggunakan gas asli (hidrogen kelabu). Cabaran seterusnya kekurangan infrastruktur untuk pengeluaran, penyimpanan, dan pengangkutan hidrogen secara meluas. Di samping itu, proses pelaksanaan hidrogen hijau memerlukan sokongan polisi dan kesedaran awam untuk mempercepatkan penerimaan hidrogen hijau (Eddin, 2022).

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa hidrogen hijau menawarkan potensi besar sebagai sumber tenaga bersih dan lestari yang boleh membantu mencapai sasaran pengurangan pelepasan karbon global. Walaupun terdapat cabaran, kemajuan teknologi dan sokongan polisi dapat mempercepatkan penggunaan hidrogen hijau secara meluas. Disebabkan keupayaannya untuk menyimpan dan mengangkut tenaga, hidrogen hijau boleh memainkan peranan penting dalam peralihan kepada ekonomi tenaga yang lebih hijau dan mampan.

Hubungan maqasid syariah dengan kemaslahatan

Maqasid Syariah adalah perkataan asal dari bahasa arab yang terdiri dari dua patah perkataan iaitu maqasid dan syariah, maqasid pada sudut bahasa ialah tujuan atau meminta sesuatu dan menuju ke arah sesuatu atau jalan yang lurus (Mukarram, 2006). Manakala syariah pada sudut bahasa ialah jalan yang lurus atau jalan yang dilalui oleh orang ramai untuk mendapatkan sumber air untuk diminum atau ajaran agama (Mukarram, 2006).

Pada sudut istilah syariah bermaksud apa-apa aturan atau ketetapan yang diwahyukan kepada Rasulullah SAW yang terdiri daripada hukum-hukum dalam al-Quran dan al-Hadis (Jurjani, 1983).

Definisi maqasid syariah secara ringkasnya ialah tujuan atau objektif syarak yang ditentukan oleh nas syarak dalam pensyariaan hukum Islam untuk merealisasikan masalah kepada umat manusia. Imam al-Ghazali (2011) mengkaitkan maqasid syariah dengan masalah dan mafsadah. Kata beliau: *"Masalah pada asalnya ialah mendatangkan manfaat dan menolak mudarat. Namun, ia bukan apa yang saya maksudkan di sini, kerana mendatangkan manfaat dan menolak mudarat adalah kepentingan dan manfaat kepada seorang hamba dalam mencapai matlamat mereka. Tetapi yang saya maksudkan dengan masalah ialah memelihara maqasid syariah. Maqasid syariah daripada penciptaan makhluk adalah untuk memelihara lima perkara iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Segala sesuatu yang dapat memastikan pemeliharaan lima perkara asas ini adalah dianggap masalah, manakala sesuatu yang merosakkan lima perkara asas ini dianggap mafsadah, dan apa jua bentuk Tindakan untuk menghindarinya merupakan masalah yang dituntut."*

Menurut al-Amidi (1997) maqasid syariah ialah tujuan disyariatkan hukum sama ada mendapat kebaikan ataupun menolak kemudaratan ataupun kedua-duanya untuk seseorang hamba. Sementara Ahmad al-Raisuni (2013) menjelaskan maqasid syariah ialah tujuan-tujuan di sebalik syariat yang telah ditetapkan oleh Allah bagi merealisasikan kemaslahatan umat.

Berdasarkan definisi-definisi yang telah diberikan di atas, dapat difahami bahawa maqasid syariah adalah satu ilmu yang membahaskan tentang tujuan atau objektif pensyariaan hukum kepada manusia. Dimana tujuan utama pensyariaan hukum adalah untuk menjamin manfaat dan masalah kepada manusia serta melindungi manusia daripada kemudaratan dan kebinasaan (Bahari, 2016). Oleh itu, amat penting untuk memahami nas-nas syariah kerana dalam tujuan pensyariaan hukum tersebut berasaskan kepada prinsip menghasilkan kebaikan dan kemaslahatan dan menjauhkan kebinasaan di dunia dan akhirat. Jelas bahawa kedua-dua prinsip tersebut perlu dijelaskan dengan terperinci dalam kerangka perbincangan maqasid syariah.

Al-Ghazali (2011) menyimpulkan bahawa masalah yang dimaksudkan adalah untuk mencapai manfaat dan menolak kemudaratan dengan menjaga atau memelihara tujuan syarak yang lima iaitu menjaga atau memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Oleh yang demikian, setiap perkara yang menjaga atau memelihara dan menghindarkan segala ancaman terhadap kelima-lima tujuan syarak adalah masalah, rentetan itu al-Ghazali membezakan antara masalah mengikut pandangan manusia dengan masalah mengikut pandangan syarak, dengan kerana kemaslahatan yang dikehendaki oleh manusia belum tentu sama dengan kemaslahatan yang dikehendaki oleh syarak (Al-Ghazali, 2011).

Selepas meneliti pembahasan mengenai maqasid syariah dan masalah dapat dirumuskan bahawa al-maslahah dan maqasid kedua-dua istilah merupakan satu konsep yang sama. Kedua-duanya saling menguatkan antara satu sama lain. Dapat disimpulkan juga bahawa maqasid datang dalam bentuk umum dan menyeluruh, manakala al-maslahah pula datang dalam bentuk khusus dan berperanan untuk menentukan maqasid (Bahari, 2016).

Hubungan maqasid syariah dengan alam sekitar

Maqasid syariah merujuk kepada tujuan atau objektif syarak yang ditentukan oleh nas syarak dalam pensyariaan hukum Islam untuk merealisasikan masalah kepada umat manusia di dunia dan akhirat. Manakala Alam sekitar merujuk unsur-unsur fizikal yang berada di sekeliling manusia seperti tanah, air, udara, iklim, tumbuhan, haiwan serta unsur-unsur biologi dan sosial yang saling bergantung antara

satu sama lain (Akta Kualiti Alam Sekeliling, Akta 127, 1974). Secara umumnya, unsur-unsur yang wujud dalam persekitaran kediaman manusia memainkan peranan penting dalam menjamin kelangsungan hidup manusia serta memenuhi keperluan manusia sama ada dalam aspek makanan, pakaian, tempat perlindungan dan medium interaksi antara satu sama lain (Musa, 2010). Disini dapat dilihat bahawa unsur-unsur yang wujud dipermukaan bumi ini adalah ciptaan Allah swt yang dicipta untuk hamba-hambanya dapat memanfaatkan demi kelangsungan hidup yang bertetapan dengan firman Allah swt yang bermaksud: “*Dialah Allah, yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu.*” (Al-Quran 2: 29).

Interaksi manusia dengan persekitaran adalah sangat rapat demi kelangsungan hubungan manusia dengan pencipta (*habl min Allah*) dan hubungan manusia dengan masyarakat (*habl min al-nas*). Selain itu, kajian ini juga menerangkan tujuh prinsip *fiqh al-bi'ah* yang digariskan berdasarkan nas syarak dalam membina hubungan antara komuniti manusia dan alam sekitar, iaitu: Pertama manusia merupakan makhluk istimewa dalam alam persekitaran yang berperanan sebagai khalifah untuk menguruskan alam dengan baik. Kedua setiap manusia diberikan sumber alam sebagai anugerah dan nikmat yang perlu disalurkan dalam bentuk yang mendatangkan manfaat. Ketiga memakmurkan alam adalah tanggungjawab semua individu di muka bumi ini. Keempat setiap penciptaan makhluk berada pada ketelitian dan keseimbangan yang dikenali dengan *sunnatu Allah*. Kelima alam sekitar mempunyai hak-hak yang tersendiri dan unik yang wajib dihormati mengikut kesesuaian penciptaannya. Keenam tindakan mengurus alam sekitar tertumpu kepada perkara-perkara kebaikan dan tidak mendatangkan bahaya dan mudarat dan ketujuh aspek kualiti dititikberatkan sepanjang mengurus persekitaran demi kemakmuran setiap makhluk di muka bumi ini (Musa, 2010).

Kajian ini telah menghasilkan dapatan bahawa pelaksanaan hidrogen hijau tidak membebankan alam sekitar dan ia adalah produk mesra alam yang bebas daripada sumber-sumber pencemaran (Eddin, 2022) Hal ini, bertetapan dengan maqasid syariah yang bertujuan untuk memastikan pemeliharaan dan kelestarian alam sekitar (Mustafar et al., 2020). Konsep hidrogen hijau menitikberatkan kepada kelestarian alam dengan menghasilkan tenaga melalui proses yang tidak meningkatkan jumlah karbon dioksida di atmosfera (Eddin, 2022). Ini bermakna bahawa hidrogen hijau tidak menyumbang kepada pemanasan global atau pencemaran udara seperti bahan bakar fosil yang melibatkan pembakaran karbon (Musa, 2010). Dalam konteks Maqasid Syariah, kelestarian alam sekitar adalah penting kerana Islam mengajar pengikutnya untuk menjadi penjaga bumi (khalifah) dan menjaga keseimbangan ekologi. Oleh itu, pelaksanaan teknologi hidrogen hijau yang mesra alam ini dapat dilihat sebagai satu bentuk amalan yang menghormati nilai-nilai syariah dalam konteks pemeliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan manusia masa kini dan masa depan.

Rumusan

Dapatan hasil kajian mendapati bahawa kegunaan sumber tenaga dari hidrogen hijau adalah menepati maqasid syariah iaitu dapat memelihara dan memulihara alam sekitar dari segala kerosakan dan kebinasaan. Oleh demikian, pemeliharaan alam sekitar amat penting perlu dititikbertkan dan diletakkan sebagai agenda penting umat islam demi menjaga keperluan daruriyat seperti di dalam kerangka maqasid syariah. Hal ini dengan secara tidak langsung pemeliharaan alam sekitar menyebabkan manusia dapat memelihara *maqasid al-syariah al-khams* iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Atau dengan ibarat lain, seandainya perkara dan tindakan yang mencabul kelima-lima perkara ini akan dianggap sebagai mafsadah (kerosakan). Matlamat dan tujuan syariat Islam itu sendiri yang membawa prinsip merai kemaslahatan dan menolak kemudaratan kepada manusia seluruh alam. Walau bagaimanapun, dengan masa yang sama kegunaan sumber tenaga hidrogen hijau ini perlu mengambil kira elemen *maslahah* dan mafsadah terhadap masyarakat yang dapat merealisasi kaedah *fiqh* yang ambil dari matan hadis nabi Muhammad saw iaitu *'la dharara wa la dhirar'* yang bermaksud tiada kemudaratan dan tidak memudaratkan. Selain itu pihak

berkuasa dapat dijadikan kaedah fiqh yang berbunyi '*tashorrufu al-imam 'ala al-ra'iyah manuth bi al-maslahah*' yang bermaksud tindakan pemerintah mesti dikaitkan dengan kemaslahatan rakyat sebagai panduan dalam pelaksanaan hidrogen hijau.

Rujukan

- Al-Amidi, A. (1997). *Al-Ehkam fi Usul al-Ahkam*. Bairut: Dar al-Kutub al-Islami.
- Al-Ghazali, M. (2011). *Al-Mustasfa min Ilmi al-Usul*. Al-Qaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Raisuni, A. (2013). *Nazariyyatu al-maqasid Inda al-Imam Al-Syatibiy*. Mesr: Darul Kalimah wa al-Nasyar
- Bahari, A. (2016). "Analisis Fatwa Zakat di Malaysia dari Perspektif Maqasid Syariah, Tesis Kedoktoran. Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Darusalam, G. & Hussin, S. (2021). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Eddin, M. (2022). Al-Hidrogen al-Mutajaddidah wa Kafaah al-Toqah. *Majallah al-Kahrabaiyyah*, 1-15.
- Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau Negeri Sembilan 2011-2020*. (n.d.). Negeri Sembilan.
- Hassan, N., Salamon, H., & Rahman, H. (2017). Strategi Penerapan Elemen Islam dalam Pembangunan Teknologi Hijau. *e-Journal Penyelidikan dan Inovasi*, 250-266.
- Jurjani, A. (1983). *Al-Takrifat*. Bairut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Lebar, O. (2017). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahali, S. & Cheang, S. (2016). *Asas Penulisan Tesis*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Muftafar, F. & Hamdan, M. & Jusoh, N. & Mustafar, S. (2020). Penjagaan Alam Sekitar Menurut Maqasid Syariah dan Undang-Undang. *Journal of Law & Governance*, 97-112.
- Mukarram, M. (2006). *Lisan al-Arab*. Bairut: Darul Subh.
- Musa, Z. (2010). Fiqh al-Ba'ah: Prinsip Interaksi Manusia dengan Alam Persekitaran. *Jurnal Syariah*, 1-24.
- Undang-Undang Malaysia, Akta Kualiti Alam Sekeliling, Akta 127*. (1974).

Hubungan Keberkesanan Audit Dalam dengan Tadbir Urus di Sektor Kerajaan

The Relationship Between the Effectiveness of Internal Audit and Governance in the Government Sector

Mohd Aidil, A.A.

Faculty of Management and IT , University Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000,
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: [+6014-9020010](tel:+6014-9020010) E-mail: aidil@usas.edu.my

Noor Fasihah, M.

Faculty of Management and IT, University Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000,
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: [+6017-5510112](tel:+6017-5510112) E-mail: noorfasihah.m@usas.edu.my

Abstrak

Tadbir urus yang baik di sektor kerajaan dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap akauntabiliti dan pengurusan kewangan awam. Kelemahan pengurusan kewangan yang masih berlaku di sektor kerajaan sesebuah negara antaranya berpunca daripada audit dalaman yang kurang berkesan. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan keberkesanan audit dalaman dengan tadbir urus di sektor kerajaan. Kajian ini memfokuskan pada tinjauan literatur berkaitan kelemahan audit dalaman, faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalaman dan hubungan keberkesanan audit dalaman dengan tadbir urus di sektor kerajaan. Kajian ini menerapkan reka bentuk analisis dokumen dan berpandukan tinjauan literatur sebagai landasan kajian. Dapatan tinjauan literatur ini menunjukkan bahawa kualiti kerja audit dalaman, sokongan pengurus atasan, kebebasan juruaudit dalaman, kerjasama auditee dan saiz organisasi dapat mempengaruhi keberkesanan audit dalaman. Kajian-kajian yang lepas telah membuktikan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara keberkesanan audit dalaman dengan tadbir urus di sektor kerajaan. Dapatan kajian juga dapat meningkatkan kefahaman teoritis tentang peranan audit dalaman sebagai kayu ukuran untuk melaksanakan tadbir urus yang baik di sektor kerajaan.

Kata kunci: Audit Dalaman; Tadbir Urus; Kerajaan

Pendahuluan

Persekitaran pengurusan yang kompleks dan dinamik pada hari ini, fungsi audit dalaman yang berkesan memainkan peranan yang penting untuk memastikan tadbir urus organisasi yang baik. Audit dalaman berfungsi sebagai enjin tadbir urus sama ada di sektor swasta mahupun di sektor kerajaan serta memberi jaminan yang bebas dan objektif kepada pengurusan dan pihak berkepentingan. Dengan menilai secara sistematik operasi dalaman dan pelaporan kewangan, juruaudit dalaman akan mengenalpasti risiko yang berpotensi dan peluang untuk penambahbaikan sehingga mampu meningkatkan daya tahan dan prestasi organisasi.

Selain itu, tadbir urus yang baik adalah penting untuk meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pemegang taruh, pihak berkepentingan dan rakyat. Amalan tadbir urus yang baik termasuk struktur akaun yang jelas, kepemimpinan beretika, dan pendedahan yang telus adalah penting untuk mengendurkan konflik agensi dan menyelaraskan kepentingan pemegang saham dengan kepentingan pengurusan.

Walaupun wujud kepentingan audit dalaman yang berkesan dan tadbir urus yang baik, persoalan masih wujud mengenai keberkesanan audit dalaman secara praktikal dan hubungannya dengan tadbir urus di sektor kerajaan. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji dengan kritis hubungan antara keberkesanan audit dalaman dengan tadbir urus di sektor kerajaan. Melalui tinjauan menyeluruh secara literatur, artikel ini juga bertujuan untuk melontarkan pandangan tentang penentu utama audit dalaman yang berkesan dan tadbir urus yang baik di sektor kerajaan.

Definisi Audit Dalam

Institut Juruaudit Dalaman Malaysia mentakrifkan audit dalaman sebagai aktiviti jaminan dan perundingan yang bebas dan objektif yang direka untuk menambah nilai dan memperbaiki operasi sesebuah organisasi. Takrifan ini telah diterima secara lokal dan global pada tahun 1999 (Elham, Adam & Lode, 2019). Manakala, Jabatan Audit Negara Malaysia telah mendefinisikan audit dalaman sebagai aktiviti bebas yang memberi keyakinan dan perundingan secara objektif yang dijalankan dengan tujuan menambah nilai dan memperbaiki operasi sesebuah organisasi (Elham, Adam & Lode, 2019). Audit dalaman membantu organisasi mencapai matlamatnya dengan membawa pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai serta memperbaiki keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus. Jelas bahawa definisi audit dalaman oleh Jabatan Audit Negara adalah konsisten dengan definisi yang diberikan oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia.

Manakala, audit dalaman seperti yang ditakrifkan oleh pelbagai penyelidik, merangkumi pemeriksaan sistematik dan menyeluruh terhadap transaksi kewangan sebuah organisasi, kawalan dalaman, dan pematuhan terhadap peraturan (Ali, 2018; Turetken et al., 2019; Lu & Ma, 2019; Conteh, 2021; Alsharif, 2022; Abdelrahim & Al-Malkawi, 2022; Lam, 2022; Lihuan, 2022; Cao, 2022; Ta & Doan, 2022). Audit dalaman bertujuan untuk memastikan ketepatan, kejelasan, dan akauntabiliti organisasi, memberikan jaminan kepada pihak berkepentingan mengenai integriti penyata kewangan, keberkesanan kawalan dalaman, dan pematuhan terhadap standard yang relevan (Ali, 2018; Turetken et al., 2019; Lu & Ma, 2019; Conteh, 2021; Alsharif, 2022; Abdelrahim & Al-Malkawi, 2022; Lam, 2022; Lihuan, 2022; Cao, 2022; Ta & Doan, 2022).

Audit dalaman memainkan peranan signifikan untuk mengenal pasti bidang-bidang yang perlu diperbaiki, mengurangkan risiko, dan meningkatkan prestasi dan tadbir urus organisasi (Ali, 2018; Turetken et al., 2019; Lu & Ma, 2019; Conteh, 2021; Alsharif, 2022; Abdelrahim & Al-Malkawi, 2022; Lam, 2022; Lihuan, 2022; Cao, 2022; Ta & Doan, 2022).

Keberkesanan Audit Dalam

Kajian keberkesanan audit dalaman dan hubungan dengan tadbir urus telah diterokai melalui pelbagai usaha penyelidikan. Ali (2018) menyelidik faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan audit dalaman dan kesannya terhadap prestasi organisasi. Dapatan kajian Ali (2018) menunjukkan bahawa kompetensi jabatan audit dalaman, saiz jabatan audit dalaman, sokongan pengurus atasan, kebebasan juruaudit dalaman, dan prestasi organisasi dapat mempengaruhi keberkesanan audit dalaman. Penyelidikan masa depan mencadangkan populasi yang lebih besar dan faktor-faktor tambahan (Ali, 2018).

Laporan kajian Oktay Turetken, Stevens Jethefer, dan Baris Ozkan (2019) telah memperkenalkan kerangka kerja komprehensif untuk mengoperasikan keberkesanan audit dalaman, menekankan faktor-faktor seperti kompetensi, saiz jabatan, persekitaran organisasi, dan pematuhan kepada piawaian. Begitu juga, Yu Lu dan Diandian Ma (2019) mengulas literatur tentang kelemahan kawalan dalaman, menekankan pengaruh tadbir urus korporat dan ciri-ciri firma terhadap masalah

kawalan dan pemulihannya, yang seterusnya mempengaruhi kualiti pelaporan kewangan dan respon laporan audit.

Selain itu, kajian oleh Saiko Conteh (2021) telah menyediakan kerangka kerja untuk mengenal pasti elemen-elemen yang mempengaruhi keberkesanan audit dalaman, disintesis daripada kajian literatur sistematik serta kajian masa depan dengan memasukkan literatur kelabu untuk pemahaman yang lebih luas. Laporan penyelidikan Maram Husain Saad Alsharif (2022) mengklasifikasikan sebelas faktor keberkesanan audit dalaman yang dinilai secara objektif dan mencadangkan kajian empirikal selanjutnya dengan memasukkan keberkesanan audit dalaman sebagai pemboleh ubah bergantung dan bebas.

Kajian Ayman Abdelrahim dan Husam-Aldin N. Al-Malkawi (2022) telah membangunkan model konseptual untuk mengenal pasti lima faktor keberkesanan audit dalaman, termasuk ciri-ciri organisasi audit dalaman dan proses audit dalaman serta mengesyorkan kajian ini menggunakan literatur secara menyeluruh. Penyelidikan Nguyen Thi Hong Lam (2022) telah mengkaji pelbagai aspek yang mempengaruhi keberkesanan audit dalaman termasuk kebebasan, kapasiti juruaudit, sokongan pengurus atasan, dan penggunaan teknologi maklumat. Kajian turut mencadangkan objektif dan metodologi penyelidikan secara lebih luas digunakan penilaian yang lebih tepat (Lam, 2022).

Manakala kajian Zhang Lihuan (2022) memberi tumpuan pada audit dalaman bagi Perindustrian Kecil dan Sederhana di China. Laporan tersebut mengenal pasti saiz firma, kebebasan audit dalaman, komunikasi dengan juruaudit luar, sokongan pengurus atasan, dan kompetensi juruaudit sebagai faktor penting yang mempengaruhi keberkesanan audit dalaman. Kajian Jianpeng Cao (2022) pula menekankan peranan audit dalaman terhadap pentadbiran kerajaan, kepentingannya untuk mengawasi dan mentadbir kerajaan.

Selain itu, kajian lain menunjukkan kebebasan juruaudit dalaman dan sokongan pengurus atasan mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan audit dalaman di sektor kerajaan Malaysia dan Vietnam (Ta & Doan, 2022). Penyelidikan oleh Nahariah Jaffar et al. (2022) dan Ahmet Onay (2022) menambah pemahaman mengenai fungsi audit dalaman di sektor awam yang menekankan kepentingan sokongan pengurus atasan dan kompetensi juruaudit dalaman. Manakala, penyelidikan oleh Nor Raihana Asmar Mohd Noor et al. (2023) serta Putri Kesuma dan Fachruzzaman (2023) telah meneroka skop audit dalaman di Malaysia dan peranannya untuk mencegah fraud di sektor awam.

Kajian-kajian ini secara kolektif menekankan pelbagai faktor keberkesanan audit dalaman dan peranannya untuk meningkatkan prestasi organisasi dan tadbir urus yang merentasi pelbagai sektor dan wilayah.

Tadbir Urus Kerajaan

Tadbir urus kerajaan merujuk pada proses, struktur, dan mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk mengurus dan mentadbir sumber awam serta mengawal selia hubungan antara pelbagai pemegang kepentingan dalam sesebuah negara. Tadbir urus yang baik merangkumi prinsip-prinsip seperti ketelusan, akauntabiliti, integriti, keadilan, dan keberkesanan dalam melaksanakan dasar-dasar serta memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Ia bertujuan memastikan bahawa sumber awam digunakan dengan berkesan dan cekap, serta mengelakkan sebarang bentuk salah guna kuasa dan rasuah (Adi Setya dan Mashari, 2024).

Kajian Omolaye dan Jacob (2017) mendefinisikan tadbir urus yang baik sebagai amalan pengurusan yang efektif dan cekap dalam sesebuah organisasi, termasuk organisasi kerajaan, yang

bertujuan untuk memastikan kecekapan, keberkesanan, dan keadilan dalam pengurusan sumber dan operasi. Ini melibatkan penyelenggaraan yang telus, pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan, serta pengurusan risiko yang proaktif untuk mencapai matlamat organisasi dengan cara yang bertanggungjawab dan beretika.

Oleh itu, tadbir urus yang baik melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam proses membuat keputusan, serta pengendalian standard yang tinggi dalam pelaporan kewangan dan ketelusan. Definisi-definisi ini jelas menekankan pentingnya integriti, akauntabiliti, dan ketelusan dalam semua aspek pengurusan organisasi sama ada swasta mahupun kerajaan.

Hubungan Keberkesanan Audit Dalam dengan Tadbir Urus di Sektor Kerajaan

Kajian oleh Barzan Omar Ali (2018) menyatakan tadbir urus yang baik juga melibatkan pelaksanaan audit dalaman yang berkesan di organisasi kerajaan. Audit dalaman memainkan peranan penting untuk menilai dan memperbaiki proses tadbir urus dengan memastikan wujud kawalan dalaman yang mencukupi dan berfungsi dengan baik, serta memantau pematuhan pada undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Penyelidikan ini mendapati bahawa keberkesanan audit dalaman berkait rapat dengan faktor-faktor seperti kompetensi jabatan audit dalaman, saiz, sokongan pengurusan, dan kebebasan (Ali, 2018).

Kajian oleh Oktay Turetken, Stevens Jethfer, dan Baris Ozkan (2019) turut konsisten dengan pandangan ini dan mengemukakan kerangka kerja komprehensif yang menekankan faktor-faktor seperti kompetensi, saiz jabatan, persekitaran organisasi, dan pematuhan kepada piawaian sebagai elemen penting untuk meningkatkan keberkesanan audit dalaman. Keberkesanan audit dalaman ini seterusnya menyumbang kepada tadbir urus yang lebih baik melalui peningkatan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan sumber awam (Turetken et al., 2019).

Di samping itu, Saikou Conteh (2021) menegaskan bahawa elemen-elemen seperti sokongan pengurusan dan kebebasan audit dalaman adalah penting untuk memastikan tadbir urus yang baik. Kerangka kerja yang dicadangkan oleh Conteh mengenal pasti elemen-elemen ini berdasarkan kajian literatur sistematik dan menyeru untuk kajian masa depan yang lebih mendalam bagi memperkukuhkan pemahaman mengenai keberkesanan audit dalaman dalam tadbir urus kerajaan (Conteh, 2021).

Meskipun banyak kajian menunjukkan hubungan positif antara audit dalaman yang berkesan dengan tadbir urus kerajaan, terdapat juga beberapa penelitian yang tidak menemui hubungan yang signifikan antara kedua-duanya. Sebagai contoh, penelitian yang dilakukan oleh Thu Trang Ta dan Thanh Nga Doan (2022) menunjukkan bahawa keberkesanan audit dalaman tidak mempengaruhi secara langsung keberkesanan tadbir urus syarikat kewangan di Vietnam. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti kemandirian juruaudit dalaman dan sokongan pengurus atasan tidak memberi kesan signifikan terhadap keberkesanan tadbir urus.

Selain itu, kajian yang telah dijalankan oleh Jianpeng Cao (2022) dalam konteks audit dalaman di sektor kerajaan juga tidak menemui hubungan yang signifikan antara keberkesanan audit dalaman dengan tadbir urus kerajaan. Meskipun audit dalaman memainkan peranan penting untuk memastikan kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan pentadbiran kerajaan, namun kajian ini menegaskan bahawa keberkesanan audit dalaman tidak secara langsung berkorelasi dengan peningkatan tadbir urus kerajaan. Menurut Barzan Omar Ali (2018), audit dalaman yang efektif memainkan peranan penting untuk menilai dan memperbaiki proses tadbir urus dengan memastikan kawalan dalaman yang mencukupi dan berfungsi dengan baik, serta memantau pematuhan pada undang-undang yang berkaitan. Penyelidikan ini mendapati bahawa keberkesanan audit dalaman

berkait rapat dengan faktor-faktor seperti kompetensi staf audit dalaman, saiz organisasi, sokongan pengurus atasan, dan kebebasan juruaudit dalaman.

Oktaý Turetken, Stevens Jethefer, dan Baris Ozkan (2019) juga menekankan bahawa audit dalaman yang berkesan menyumbang kepada tadbir urus yang lebih baik melalui peningkatan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan sumber awam. Mereka mengemukakan kerangka kerja komprehensif yang menekankan faktor-faktor seperti kompetensi, saiz jabatan, persekitaran organisasi, dan pematuhan kepada piawaian sebagai elemen penting dalam meningkatkan keberkesanan audit dalaman.

Kajian-kajian ini secara kolektif menegaskan bahawa tadbir urus kerajaan yang baik tidak hanya bergantung pada dasar dan struktur yang ditetapkan, tetapi juga pada keberkesanan mekanisme pemantauan dan penilaian oleh audit dalaman. Ini penting untuk memastikan ketelusan, akauntabiliti, dan integriti dalam pengurusan sumber awam, sekaligus meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, meskipun terdapat variasi hasil kajian yang dilaporkan tetapi jelas bahawa audit dalaman yang berkesan memainkan peranan penting untuk menambah baik tadbir urus kerajaan. Untuk memastikan audit dalaman yang berkesan dapat memberi sumbangan kepada tadbir urus kerajaan yang baik maka penting untuk memfokuskan kualiti kerja audit dalaman. Penting untuk memastikan audit dalaman dijalankan dengan standard yang tinggi dan memenuhi matlamat organisasi. Ini termasuk memastikan bahawa juruaudit dalaman mempunyai kompetensi yang tinggi dan bersifat bebas serta mendapat sokongan pengurus atasan mereka.

Kajian akan datang boleh menerokai hubungan kerjasama antara juruaudit dalaman dengan pihak berkepentingan yang lain. Kerjasama yang baik antara juruaudit dalaman, pihak pengurus atasan, pemegang taruh, dan pemegang saham adalah penting untuk memastikan bahawa maklumat yang relevan disampaikan dan tindakan yang bersesuaian diambil untuk memulihkan tadbir urus. Kajian berkaitan pemantauan dan penambahbaikan yang berterusan terhadap audit dalaman turut boleh diterokai. Audit dalaman perlu dinilai secara berkala untuk memastikan kesesuaian dengan matlamat organisasi dan peraturan yang relevan. Ini termasuk menyediakan peluang untuk memberi nafas baharu kepada proses audit dalaman.

Rujukan

- Abbott, L. J., Barr-Pulliam, D., Buslepp, W. L., & Parker, S. (2022). The Real Effects of Internal Audit Function Quality: Evidence from Investment Strategies. *Journal of Accounting, Auditing and Finance*, 39(2), 1–28. <https://doi.org/10.1177/0148558X211069218>
- Abdelrahim, A., & Al-Malkawi, H. A. N. (2022). The Influential Factors of Internal Audit Effectiveness: A Conceptual Model. *International Journal of Financial Studies*, 10(71), 1–23. <https://doi.org/10.3390/ijfs10030071>
- Adi Setya, B., & Mashari. (2024). Improving Public Service to Achieve Good Corporate Governance for the Enhancement of Regional Revenue (PAD). *Journal of Social Sciences and Humanities (ICCCM)*, 3(2), 55–64. <https://doi.org/10.53797/icccmjssh.v3i2.10.2024>

- Ali, B. O. (2018). Factors Influencing the Effectiveness of Internal Audit on Organizational Performance. *International Journal of Advanced Engineering, Management and Science*, 4(4), 219–226. <https://doi.org/10.22161/ijaems.4.4.1>
- Almasria, N. A. (2022). Corporate Governance and the Quality of Audit Process: An Exploratory Analysis Considering Internal Audit, Audit Committee and Board of Directors. *European Journal of Business and Management Research*, 7(1), 78–99. <https://doi.org/10.24018/ejbmr.2022.7.1.1210>
- Alsharif, M. H. S. (2022). The Operationalizing and Influencing Factors of Internal Audit Effectiveness. *International Journal of Research and Studies Publishing*, 3(29), 154–206.
- Ardianto, A., Anridho, N., Ngelo, A. A., Ekasari, W. F., & Haider, I. (2023). Internal audit function and investment efficiency: Evidence from public companies in Indonesia. *Cogent Business and Management*, 10(2). <https://doi.org/10.1080/23311975.2023.2242174>
- Aziz, S. Z., Amir, A. M., & Zuzair, S. M. (2019). Good Governance and Role of Management Accounting Practice: Overview in the National Tourism Organization. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 11, 25–38. <https://doi.org/10.17576/ajag-2019-11-03>
- Boufounou, P., Eriotis, N., Kounadeas, T., Argyropoulos, P., & Pouloupoulos, J. (2024). Enhancing Internal Control Mechanisms in Local Government Organizations: A Crucial Step towards Mitigating Corruption and Ensuring Economic Development. *Economies*, 12(78), 1–21. <https://doi.org/10.3390/economies12040078>
- Cao, J. (2022). International Journal of Education and Humanities Study on the Effectiveness of Government Internal Audit. *International Journal of Education and Humanities*, 4(1), 149–150.
- Conteh, S. (2021). Empirical Review on Factors that Determine an Internal Audit Effectiveness. *Budapest International Research and Critics Institute Journal*, 4(3), 5019–5033. <https://doi.org/10.33258/birci.v4i3.2077>
- Drogalas, G., Anagnostopoulou, E., Koutoupis, A., & Pazarskis, M. (2018). Relationship Between Internal Audit Factors and Corporate Governance. *Journal of Governance and Regulation*, 7(3), 13–17. https://doi.org/10.22495/jgr_v7_i3_p2
- Efendi, H. I., Sayekti, Y., & Irmadariyani, R. (2024). Organizational Culture, Internal Auditors, and Fraud Prevention with Internal Control and Good Corporate Governance as Intervening. *Jurnal Penelitian Ilmu Ekonomi*, 14(1). <https://doi.org/10.30741/wiga.v14i1.1031>
- Elham, F., Adam, N. C., & Lode, N. A. (2019). The Relationship Between Corporate Governance and Restatement of Financial Statements in Malaysia. *Journal of Advanced Research in Business and Management Studies*, 16(1), 28–43.
- Ismail, R., Mohd-Saleh, N., & Yaakob, R. (2022). Audit Committee Effectiveness, Internal Audit Function and Financial Reporting Lag: Evidence from Malaysia. *Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance*, 18(2), 169–193. <https://doi.org/10.21315/aamjaf2022.18.2.8>

- Jaffar, N., Faizal, S. M., & Alias, N. (2022). Internal Audit Function, Management Support and Corporate Governance in Public Sector. *Advanced International Journal of Banking, Accounting and Finance*, 4(13), 01–16. <https://doi.org/10.35631/aijbaf.413001>
- Kaawaase, T. K., Nairuba, C., Akankunda, B., & Bananuka, J. (2021). Corporate Governance, Internal Audit Quality and Financial Reporting Quality of Financial Institutions. *Asian Journal of Accounting Research*, 6(3), 2443–4175. <https://doi.org/10.1108/AJAR-11-2020-0117>
- Kadek Goldina, P. D. (2022). The Influence of Management Commitment, Internal Audit Competency, and Quality of Audit Services on Good Corporate Governance (GCG). *Journal of Economics, Finance and Management Studies*, 5(1), 3391–3395. <https://doi.org/10.47191/jefms/v5-i11-24>
- Kamara, A. K. (2023). An Assessment of the Effectiveness of the Internal Audit on the Performance of the Public Sector: Case Study of the National Revenue Authority (NRA). *Open Access Library Journal*, 10, 1–28. <https://doi.org/10.4236/oalib.1110432>
- KE, O., & RB, J. (2017). The Role of Internal Auditing in Enhancing Good Corporate Governance Practice in an Organization. *International Journal of Accounting Research*, 06(01), 1–8. <https://doi.org/10.4172/2472-114x.1000174>
- Khuong, N. V., Liem, N. T., Dung, B. T. N., & Anh, L. H. T. (2022). Corporate Governance and Audit Quality: The Moderating Role of Ownership Concentration Roles. *Management and Accounting Review*, 21(3), 135–158.
- Kifflee, S. N. F., & Jusoh, M. A. (2022). Internal Audit Effectiveness: A Pilot Study Analysis at Malaysian Public Sector. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences*, 12(2), 708–727. <https://doi.org/10.6007/ijarafms/v12-i2/14175>
- Lam, N. T. H. L. (2022). Factors Effectiveness of Internal Audit. *International Journal of Scientific Research and Management*, 10(05), 3405–3499. <https://doi.org/10.18535/ijstrm/v10i5.em05>
- Lihuan, Z. (2022). Factors Affecting Internal Audit Effectiveness: A Research in China SMES. *Academic Journal of Business & Management*, 4(15), 118–124. <https://doi.org/10.25236/ajbm.2022.041519>
- Lu, Y., & Ma, D. (2019). Internal Control Weakness: A Literature Review. *Accounting and Finance Research*, 8(2), 121. <https://doi.org/10.5430/afr.v8n2p121>
- Noor, N. R. A. M., Ramayah, T., Khadzil, S. A. A. J. S., Noor, N. H. H. M., & Yusof, W. Y. R. B. W. (2023). Scope of Audit and Effectiveness of Public Sector Audit in Malaysia. *International Journal of Business and Society*, 24(1), 330–342. <https://doi.org/10.33736/ijbs.5619.2023>
- Onay, A. (2022). Internal Audit Effectiveness in the Turkish Public Sector: Moderator Effect of Task Complexity. *Alanya Academic Review Journal*, 6(3), 2831–2851. <https://doi.org/10.29023/alanyaakademik.1111265>
- Putri Kesuma, A., & Fachruzzaman. (2023). Analysis of Internal Control and Fraud Prevention Efforts in Public Sector Accounting. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Dan Bisnis*, 12(1), 1361–1368. <https://doi.org/10.37676/ekombis.v12i1>

- Ta, T. T., & Doan, T. N. (2022). Factors Affecting Internal Audit Effectiveness: Empirical Evidence from Vietnam. *International Journal of Financial Studies*, 10(37), 2–14. <https://doi.org/10.3390/ijfs10020037>
- Turetken, O., Jethefer, S., & Ozkan, B. (2019). Internal Audit Effectiveness: Operationalization and Influencing Factors. In *Managerial Auditing Journal* (Vol. 35, Issue 2, pp. 238–271). Emerald Group Holdings Ltd. <https://doi.org/10.1108/MAJ-08-2018-1980>

Isu-Isu Pendidikan Pelajar Masyarakat Orang Asli di Sekolah Menengah Agama Rakyat Orang Asli Nurul Hidayah, Kg. Kenang Sungai Siput, Perak

*Education Issues of Indigenous Community Students: A Case Study at Nurul Hidayah
Indigenous Community Religious Secondary School, Sungai Siput, Perak*

Siti Nurleha, S. (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +60 17-201 5972 E-mail: sitinurleha@usas.edu.my

Sakinah, A. M.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6012-5694454 E-mail: sakinah@usas.edu.my

Mohd Fuad, M.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +60 16-568 2317 E-mail: fuad@usas.edu.my

Mohd Hafiy, A. R.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +60 11-2830 1680 E-mail: hafiy.razak@usas.edu.my

Abstrak

Pendidikan adalah satu keperluan yang penting untuk memastikan generasi akan datang mampu untuk terus mentadbir negara pada masa hadapan. Semua lapisan masyarakat berhak mendapat pendidikan termasuklah pelajar dikalangan masyarakat Orang Asli. Justeru, kajian ini mengupas mengenai isu-isu pendidikan dikalangan masyarakat Orang Asli di Sekolah Menengah Rakyat Orang Asli Nurul Hidayah Sungai Siput, Perak. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti isu-isu yang berlaku yang dihadapi oleh para guru, pelajar dan pengurusan sekolah tersebut. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti pelan tindakan yang telah dibuat oleh pihak sekolah dan beberapa cadangan yang dicadangkan oleh pengkaji kepada pihak sekolah. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan dua kaedah iaitu peringkat pengumpulan data dan analisis data. Pada peringkat pengumpulan data, metode yang digunakan adalah dengan melakukan semakan dokumen, buku, karya, artikel dan sebagainya. Pengkaji juga melakukan temubual berstruktur bersama pengetua dan pihak pengurusan sekolah. Peringkat kedua pula ialah analisis data dengan melakukan semakan dan penilitian terhadap data yang diperolehi bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai. Hasil kajian mendapati isu utama dalam pendidikan pelajar Orang Asli ialah sikap pelajar dalam menuntut ilmu. Kajian ini penting untuk merungkai isu-isu pendidikan yang melibatkan pelajar Orang Asli yang seharusnya diberikan perhatian yang sewajarnya.

Kata kunci: Orang Asli; Pendidikan; Cabaran dan halangan; Cabaran pelajar

Pengenalan

Menurut Muhamad Sayuti Hassan (2018) mengatakan Orang Asli merupakan orang asal yang menetap di Semenanjung Malaysia. Istilah “Asli” yang digunakan ialah pinjaman perkataan bahasa Arab yang berasal daripada perkataan “*Asala*” yang membawa maksud asal (*original*) (Carey, 1976). Sebelum istilah Orang Asli diterima secara rasmi oleh kerajaan pada tahun 1960, kaum ini dirujuk sebagai sakai (Carey, 1976). Selain “sakai,” Orang Asli juga dirujuk sebagai *aborigine* atau sebagai *abos* oleh pentadbir pada zaman penjajahan (Carey, 1976).

Berdasarkan rencana daripada Kurniawati Kamarudin dan Sakini Mohd Said (2022) telah menyatakan KPM pada November 2021 dalam jawapan yang disiarkan menerusi laman sesawang Parlimen, memaklumkan sebanyak 42.29 peratus murid Orang Asli tidak menamatkan persekolahan sehingga Tingkatan 5 bagi tahun 2021 berbanding tahun 2020, sebanyak 58.62 peratus. Ini adalah satu perkara yang membimbangkan kerana pendidikan adalah penting bagi membangunkan sesuatu negara. Selain itu, menurut Md Salleh (2009) dalam kajiannya berkaitan kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli menyimpulkan kesedaran dalam kalangan anak-anak Orang Asli ini telah lama wujud tetapi pengaruh budaya telah menyempitkan mentaliti mereka untuk mengubah gaya dan taraf hidup. Bahkan ibu bapa mereka juga turut menyedari hakikat kepentingan pendidikan. Oleh itu, kebanyakan ibu bapa pelajar Orang Asli mempunyai taraf pendidikan yang rendah, menyebabkan mereka tidak mampu untuk membantu dalam pelajaran anak-anak. Desmond Daniel anak Copta (2009) dalam kajiannya melalui data daripada KPM menunjukkan kadar keciciran yang tinggi dalam kalangan murid Orang Asli menyebabkan pencapaian pendidikan dalam kalangan mereka agak rendah berbanding purata kebangsaan. Hanya 20% murid Orang Asli tamat sekolah menengah, iaitu kurang separuh daripada purata kebangsaan iaitu 72 %. Begitu juga laporan yang dikeluarkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (2007), golongan Orang Asli merupakan satu kelompok masyarakat Malaysia yang masih ketinggalan dalam setiap aspek termasuklah ekonomi, sosial dan pendidikan berbanding dengan kumpulan etnik lain.

Selain itu, menurut kajian oleh Sawalludin, (2020) membincangkan berkaitan cabaran dalam Pendidikan Orang Asli di Malaysia. Penulis mendapati banyak faktor yang menyumbang kepada masalah pendidikan antaranya ialah kesedaran dalam kalangan masyarakat orang asli terhadap pendidikan dan faktor lain ialah kebolehcapaian orang asli ke institusi pendidikan terdekat mereka. Secara ringkasnya, orang asli adalah komuniti minoriti yang telah terpinggir selama beberapa dekad dan pendidikan yang terabai adalah penyebabnya. Tambahan lagi menurut kajian Mohamad Johdi dan Abdul Razak Ahmad (2009) dalam kajiannya yang bertajuk *Kesedaran Pendidikan Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli* telah menggariskan lima faktor utama yang membawa kepada kegagalan anak-anak orang asli dalam pencapaian akademik berdasarkan kepada pemerhatian yang telah dijalankan. Antaranya adalah sifat dan personaliti pelajar itu sendiri, faktor keluarga, faktor masyarakat, faktor geografi, dan faktor pemakanan. Selain itu, hasil dapatan temu bual yang dilakukan oleh penulis terhadap 19 orang pelajar orang asli di Sekolah Menengah Orang Asli Nurul Hidayah Sungai Siput Perak, mendapati antara isu pendidikan yang dihadapi oleh mereka ialah tahap kesedaran ibu bapa dan anak-anak orang asli terhadap kepentingan pendidikan adalah rendah, faktor geografi dan tempat tinggal yang tidak membantu memberangsangkan proses pendidikan berjalan dengan sempurna, masalah kewangan, perbezaan bahasa dan kemudahan infrastruktur yang sedikit.

Melihat kepada beberapa isu ini, pengkaji telah menjalankan kajian berkaitan dengan isu pendidikan dalam kalangan pelajar masyarakat Orang asli di Sekolah Menengah Rakyat Orang Asli Nurul Hidayah. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti isu pendidikan dan pelan tindakan yang telah dilakukan oleh pihak sekolah. Sekolah ini dipilih kerana ia satu-satunya sekolah orang asli berasrama beroreintasikan agama yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Perak

(JAIPk). Sekolah tersebut juga telah berjaya melahirkan pelajar dari kalangan Orang Asli yang berjaya menyambung pengajian ke beberapa buah universiti di Malaysia seperti Universiti Sultan Azlan Shah Kuala Kangsar Perak (USAS), Pusat Pengajian Muallaf di Kedah, Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP), Pengkalan Chepa, Kelantan, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Kompleks Al-Sa'adah, Seremban, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS) dan Giat MARA.

Hasil temu bual bersama dengan pengetua sekolah, Zulkili, (2023) menyatakan sekolah tersebut diasaskan pada tahun 1994 di atas tapak tanah seluas 0.70 ekar di perkampungan Orang Asli Kampung Kenang Baru, Jalong Tinggi, Sg. Siput Utara (U) Perak, Darul Ridzuan. Pada peringkat awal, ia bermula sebagai Pusat Latihan Islam dan Dakwah Orang Asli yang memberikan latihan dakwah dan pengajaran ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah disamping pendidikan al-Quran kepada masyarakat Orang Asli. Kemudian, pada tahun 2003 sekolah agama rakyat Orang Asli Nurul Hidayah ditubuhkan. Pada peringkat awal penubuhan, pengambilan murid bagi kumpulan pertama ditawarkan secara umum kepada sesiapa yang berminat dari kalangan anak orang asli dan tidak terikat mengikut peringkat umur. Bagi pengambilan seterusnya pihak pengurusan telah menetapkan pengambilan pelajar berasaskan kepada peringkat umur. Sementara itu, peperiksaan SPM yang pertama kali diadakan ialah pada tahun 2013 termasuk juga peperiksaan *Thanawi* dan peperiksaan *'Idadi*. Kini, sekolah tersebut mempunyai pelajar yang terdiri daripada pelbagai suku kaum antaranya Semai, Temiar dan juga Jahai. Selain itu sekolah tersebut mempunyai 17 orang guru yang memberikan khidmat sumbang bakti mengajar para pelajar orang asli dengan memfokuskan dalam bidang agama dan akademik. Sekolah tersebut mempunyai fasiliti dan kemudahan yang baik seperti bilik darjah, asrama, dewan makan, bilik rawatan dan lain-lain. Pihak sekolah menerima sumbangan daripada beberapa badan kerajaan disamping sumbangan dari NGO-NGO dan orang perseorangan. Antara jabatan kerajaan yang memberikan pembiayaan ialah Majlis Agama Islam Perak, Jabatan Agama Islam Perak dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Secara umumnya wang tersebut digunakan untuk operasi sekolah termasuk pembayaran gaji guru dan pegawai pentadbiran, bil air dan elektrik, baik pulih, kebajikan pelajar dan sebagainya (Zulkili, 2023).

Walaupun sekolah ini dilengkapi dengan fasiliti dan bantuan pembiayaan, akan tetapi terdapat juga isu-isu pendidikan yang telah memberikan kesan terhadap pencapaian akademik pelajar. Hasil temubual dengan pengetua dan beberapa guru sekolah ini menyatakan tahap pencapaian pelajar berada pada tahap yang sederhana.

Metodologi

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif (Othman, 2017). Kajian kualitatif dilakukan oleh pengkaji bagi mendapatkan data berbentuk dokumen dan pemerhatian seperti sejarah Sekolah Menengah Agama Rakyat Orang Asli Nurul Hidayah Sungai Siput, Perak, struktur pengurusan sekolah, fasiliti, kemudahan dan sebagainya. Maklumat data juga diperolehi melalui instrument temubual yang melibatkan tujuh orang responden yang terdiri daripada pengetua, pegawai tadbir, ketua unit dan tiga orang guru. Selain itu, data-data tersebut juga diperolehi melalui semakan dokumen-dokumen dan maklumat sekunder yang berkaitan. Pengkaji juga memperolehi data dan maklumat dari Bahagian Dakwah dan Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). Semua data tersebut telah dianalisis menggunakan kaedah induktif, deduktif dan deskriptif (Ghazali, 2021).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian analisis tematik telah menghasilkan beberapa tema utama iaitu, pertama terdapat beberapa isu pendidikan utama dikenal pasti oleh pengakaji yang melibatkan beberapa pihak iaitu isu yang melibatkan pihak sekolah, isu yang melibatkan pihak guru, isu yang melibatkan pihak pelajar dan isu yang berkaitan pengurusan pengajaran dan pembelajaran sekolah.

Kedua, isu-isu yang dikenalpasti melibatkan pihak sekolah terbahagi kepada dua isu besar iaitu guru yang tidak mencukupi dan isu kekangan menjalankan program pemantapan akademik dan sahsiah. Pihak sekolah menghadapi masalah kekurangan guru menyebabkan bebanan mengajar guru bertambah dengan mengajar lebih dari bebanan jam yang ditetapkan. Rentetan daripada itu guru terpaksa menjawat beberapa jawatan lebih daripada sepatutnya. Ini menyebabkan bebanan tugas guru semakin bertambah dan menyukarkan guru untuk fokus dalam memberikan pengajaran dan pembelajaran kepada murid-murid. Pihak sekolah juga menghadapi masalah mengadakan program-program pemantapan akademik dan sahsiah pelajar seperti kelas bimbingan, kem motivasi, kaunseling dan sebagainya. Ini disebabkan oleh kekangan tenaga yang terbatas bagi menganjurkan program-program sebagaimana di atas. Keadaan ini akan menimbulkan kesan tidak baik kepada pelajar bagi meningkatkan potensi akademik, motivasi belajar dan akhlak yang baik.

Ketiga, pengkaji juga mengenalpasti beberapa isu yang melibatkan para guru yang mengajar di sekolah tersebut iaitu motivasi yang rendah dikalangan guru, guru tidak memiliki kelayakan mengajar dan tidak memiliki ilmu kemahiran dan keadaan tempat tinggal guru yang kurang sesuai.

Keempat, Motivasi guru memainkan peranan penting dalam menjayakan suatu sistem pengajaran dan pengajaran di sekolah. Terdapat guru terutamanya guru yang baru mengajar kurang bermotivasi untuk memberikan pengajaran dan pembelajaran kepada murid-murid. Mereka kurang bersedia dengan susasana pembelajaran yang tidak sesuai dengan jiwanya. Guru yang tidak bersedia dan tidak bermotivasi untuk mengajar di sekolah tersebut akan mengundang pelbagai masalah seperti tidak bersungguh ketika mengajar, tidak hadir aktiviti sekolah bahkan terdapat guru yang meletakkan jawatan beberapa hari selepas mendaftar diri. Disamping itu, terdapat juga guru yang tidak bermotivasi disebabkan oleh pelajar yang tidak menunjukkan minat yang bersungguh untuk belajar.

Kelima, terdapat juga guru yang tidak memiliki Diploma Pendidikan atau sijil kelayakan mengajar lainnya bagi memperkukuhkan mereka mengajar disesebuah sekolah. Ini menyebabkan kualiti pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan lebih-lebih lagi cabaran guru mengajar kepada murid Orang Asli. Selain itu, sebahagian guru juga tidak memiliki ilmu kemahiran khusus seperti menjahit, kemahiran memasak dan sebagainya. Ia penting agar guru dapat mengajar ilmu kemahiran dengan berkesan dan dapat melengkapkan kemahiran asas murid disekolah tersebut. Ini menyebabkan matlamat asas sekolah ingin menjadikan murid menguasai pelajaran dan berkemahiran dalam ilmu kemahiran kurang berkesan.

Keenam, Terdapat juga guru yang tinggal jauh dari sekolah menyebabkan guru sukar untuk mengikuti semua aktiviti sekolah. Ia merupakan cabaran kepada guru bagi memastikan murid mendapat pengajaran dan pembelajaran sebaik mungkin agar kelancaran proses pembelajaran tidak terganggu. Ia juga menjadi cabaran kepada guru agar mampu menghadiri diri terhadap semua aktiviti sekolah yang dijalankan.

Ketujuh, pengkaji telah menemui beberapa isu yang melibatkan para pelajar iaitu sikap pelajar yang tidak berminat untuk belajar, moral dan akhlak yang kurang baik, melanggar undang-undang

sekolah, kemampuan penguasaan ilmu yang lemah, perasaan malu murid yang tebal, keluarga yang tidak mementingkan pendidikan dan tidak pulang ke asrama.

Kelapan, terdapat sebahagian pelajar yang kurang berminat untuk belajar menyebabkan mereka tidak hadir ke kelas harian sebagaimana yang diwajibkan. Ini disebabkan oleh keinginan murid untuk belajar bukan dengan dorongan dan kehendaknya tetapi disebabkan oleh keinginan ibu bapa mereka atau rangsangan para muballigh yang memberi rangsangan dan nasihat untuk meneruskan pengajian di peringkat sekolah menengah. Oleh itu, ia akan menimbulkan masalah lain seperti malas belajar, tidak bersungguh, bermain-main ketika belajar, cepat merasa bosan mengikuti aktiviti pembelajaran dan sebagainya. Disamping itu, kedapatan juga para pelajar yang selesa dengan corak kehidupan masyarakat Orang Asli yang tidak mementingkan pendidikan.

Kesembilan, terdapat juga dalam kalangan pelajar yang menghadapi masalah moral seperti merokok, minum arak, joget, tidak solat dan sebagainya. Ini disebabkan oleh faktor budaya yang ada dalam masyarakat orang asli yang masih dilakukan oleh mereka. Di samping itu, terdapat juga keluarga para pelajar yang masih belum memeluk agama Islam dimana hanya pelajar tersebut sahaja yang memeluk Islam. Ini menyebabkan mereka terdedah kepada budaya dan amalan yang diharamkan oleh Islam dilakukan oleh mereka walaupun mereka beragama Islam.

Kesepuluh, terdapat juga sebahagian pelajar yang melanggar peraturan sekolah dan asrama ketika mereka berada di sekolah seperti membawa telefon bimbit, merokok, keluar sekolah tanpa kebenaran, minum minuman yang memabukkan, lari sekolah, tidak hadir sekolah dan sebagainya. Ia menjadi cabaran besar kepada para guru untuk mendidik mereka dalam pelajaran dan syakhsiah murid agar menjadi murid yang berjaya.

Kesebelas, sebahagian murid juga menghadapi masalah kemampuan penguasaan ilmu yang lemah termasuk membaca al-Quran. Ini disebabkan oleh masalah keciciran dalam menerima pendidikan asas seperti kemahiran membaca al-Quran, tidak boleh membaca, mengira, menulis disamping tidak mempunyai syarat asas kemasukan ke sekolah menengah sebagaimana di atas. Semua pelajar akan diterima untuk belajar di sekolah tersebut tanpa mengambil kira aspek di atas. Keadaan ini disebabkan oleh masalah keluarga yang tidak menekankan pendidikan diperingkat rendah disamping menghadapi masalah tidak dapat menyempurnakan pembelajaran di sekolah rendah dengan sempurna. Dalam masa yang sama pihak sekolah pula tidak ada kelas peralihan untuk memberikan pendidikan awal di peringkat menengah bagi mengatasi masalah pelajar yang tercicir.

Kedua belas, murid orang asli kebiasaannya mempunyai perasaan malu yang tebal lebih-lebih lagi ketika berhadapan dengan orang luar. Ini memberi kesan kepada prestasi pelajaran mereka apabila mereka kurang berkeyakinan terhadap kemampuan diri sendiri dan tidak berkeyakinan pendidikan boleh mengubah masa depan seseorang.

Ketiga belas, masyarakat orang asli kebiasaannya tidak mementingkan pendidikan. Mereka tidak berkeyakinan Pendidikan boleh mengubah masa depan diri dan keluarga. Mereka lebih selesa dengan kehidupan tradisional di pedalaman hutan terpinggir dari arus kemodenan. Di samping itu, mereka kuat berpegang dengan fahaman dan kepercayaan animisme dan adat resam. Suasana ini mempengaruhi tumbesaran anak-anak mereka untuk tidak meyambung pelajaran dan meneruskan kehidupan tanpa pendidikan formal.

Keempat belas, terdapat dikalangan murid yang tidak pulang semula ke asrama apabila tiba musim cuti persekolahan. Mereka akan membantu ibu bapa mereka mencari hasil hutan sebagai

sumber ekonomi keluarga bagi meneruskan kelangsungan hidup disamping membiayai kos pembelajaran mereka.

Kelima belas, terdapat juga isu pendidikan daripada pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PdP) sekolah iaitu daripada segi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak sesuai dan kurikulum yang kurang sesuai dengan tahap kemampuan pelajar.

Keenam belas, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan di sekolah tersebut berasaskan kepada modul yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia modul yang telah diselaraskan untuk digunapakai kepada semua sekolah di Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak sesuai untuk digunakan di sekolah tersebut memandangkan tahap kemampuan murid yang rendah.

Ketujuh belas, kandungan silibus daripada Kementerian Pelajaran Malaysia terlalu tinggi bagi anak-anak orang Asli. Pihak sekolah perlu mengubahsuai kurikulum tersebut agar bersesuaian dengan kemampuan pelajar. Ini kerana anak-anak orang Asli kebanyakannya dari kalangan mereka yang tidak mengikuti pembelajaran secara formal di peringkat rendah. Keinginan untuk belajar bermula ketika mencapai usia di peringkat menengah. Proses pemindahan ilmu ini menjadi sukar, tambahan pula ada dikalangan para pelajar yang belum mampu menguasai 3M. Keadaan ini menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Melihat kepada isu-isu dalam pendidikan yang telah diutarakan, terdapat juga beberapa usaha yang telah dilakukan oleh pihak sekolah tersebut. Antara program dan strategi yang dilaksanakan bagi meningkatkan penguasaan pelajar dalam pelajaran ialah pembahagian kelas berdasarkan prestasi pelajar, mengadakan program keagamaan, mengadakan program halaqah ilmiah (mentor-mentee), pemberian wang poket, pemberian wang saku, kemasukan ke sekolah ditanggung sepenuhnya oleh pihak sekolah, kemudahan menghantar dan mengambil di waktu musim cuti persekolahan, lawatan secara percuma, mengadakan program-program sukan di sekolah dan program motivasi kepada para guru.

Sikap kurang minat menuntut ilmu dikalangan masyarakat Orang Asli ini bukanlah sesuatu yang baru. Oleh yang demikian, pihak sekolah juga ada mengadakan aktiviti sukan bagi menarik minat pelajar hadir ke sekolah. Antara program sukan yang dilaksanakan ialah permainan sepak takraw untuk pelajar lelaki dan bola jaring untuk pelajar perempuan. Setakat ini aktiviti sukan mendapat respon yang baik daripada pelajar sehingga mereka berjaya mewakili negeri Perak dalam kejohanan takraw peringkat kebangsaan. Selain itu, pihak sekolah juga menyediakan beberapa inisiatif kepada para guru dengan menyediakan makanan setiap hari sesi persekolahan termasuklah pada waktu pagi dan tengah hari. Selain itu sekolah juga menganjurkan lawatan yang bersifat hari keluarga kepada para guru bagi menghargai jasa guru. Ini adalah salah satu usaha sekolah bagi memberi dorongan kepada para guru yang berhadapan dengan pelajar yang kurang minat untuk belajar dan hadir ke sekolah.

Berdasarkan kepada beberapa isu pendidikan dan usaha yang telah dilakukan oleh pihak sekolah, pengkaji juga mencadangkan beberapa pelan tindakan yang perlu dilakukan oleh pihak-pihak berwajib iaitu Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli, Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Agama Islam Perak, Pengurusan Sekolah Menengah Agama Orang Asli Nurul Hidayah, Ketua Kampung dan Ibu Bapa Pelajar.

Jabatan-jabatan berkaitan berperanan untuk membantu sekolah tersebut dengan memberikan bantuan kewangan bagi mengatasi masalah yang berlaku samada kekurangan guru, fasiliti, mengadakan rogram-program dan sebagainya. Bilangan guru hendaklah ditambah agar proses

pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Ia perlu bagi mengurangkan beban mengajar seseorang guru yang perlu fokus kepada pelajar. Kawasan perumahan guru (rumah guru) hendaklah disediakan bagi mengatasi masalah guru yang tinggal jauh dari sekolah. Ia penting bagi menyelesaikan masalah guru supaya boleh hadir semua program yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Kursus Latihan Keguruan kepada para guru perlu digandakan agar semua guru mendapat latihan mengajar dengan baik. Agensi-agensi berkaitan perlu memberikan sumber dana yang mencukupi bagi menaja semua guru yang menghadiri kursus keguruan. Program-program pemantapan sahsiah perlulah diadakan dengan lebih kerap bagi mengatasi masalah sahsiah dan akhlak pelajar. Ia perlu bagi memberi kesedaran kepada pelajar agar berakhlak mulia dan mengelakkan sebarang pelanggaran peraturan sekolah. Selain itu, mahasiswa dan mahasiswi universiti dialu-alukan mengadakan program motivasi bagi memberikan dorongan kepada pelajar agar lebih semangat menimba ilmu. Silibus pelajaran sedia ada pada hari ini hendaklah diubah suai agar bersesuaian dengan tahap kemampuan pelajar. Satu jawatankuasa khas hendaklah dibentuk bagi menyusun dan menyaring silibus tersebut tanpa merubah struktur asal silibus yang telah ditetapkan. Ia boleh dilakukan dengan kerjasama antara pihak sekolah dengan Jabatan Pendidikan Negeri bagi membina silibus khas untuk pelajar Orang Asli. Kaedah pengajaran juga hendaklah disesuaikan dengan tahap kemampuan pelajar agar pelajar mampu menerima pelajaran dengan berkesan. Satu jawatankuasa khas juga perlu dibentuk bagi membina kaedah pedagogi khusus untuk pelajar orang asli. Ia boleh dilaksanakan dengan kerjasama antara pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri. Selain itu, kelas-kelas bimbingan pelajaran terutama bagi pelajar yang akan menghadapi peperiksaan utama seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) perlu dilipat gandakan bagi membantu pelajar yang lemah dan yang tercicir dalam pelajar. Ia hendaklah diadakan secara konsisten bagi memastikan para pelajar menguasai semua ilmu yang diberikan.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, isu-isu pendidikan yang didapati di Sekolah Menengah Agama Rakyat Orang Asli Nurul Hidayah, Sungai Perak, Perak ini melibatkan semua pihak antaranya pihak sekolah, pihak pelajar, pihak guru dan pihak pengurusan pengajaran dan pembelajaran. Terdapat juga inisiatif yang telah dilakukan oleh pihak sekolah. Akan tetapi, pengkaji telah mencadangkan beberapa pelan tindakan untuk menyelesaikan isu-isu pendidikan di sekolah tersebut.

Rujukan

- Aini, Z., & Burhan, N. I. H. (2022). Pembangunan Pendakwah Orang Asli Daripada Aspek Kerohanian: Satu Pendekatan Fuzzy Delphi. *Al-Hikmah*, 14(2), 24-47.
- Aini, Z., & Fauzi, N. U. A. (2020). Mesej Akidah dan Syariah dalam Komunikasi Dakwah Orang Asli Muslim di Selangor [The Messages of Akidah and Syariah in Da'wah Communication to the Muslim Orang Asli in Selangor]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(2), 173-185.
- Carey. (1976). *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Oxford University Press: Kuala Lumpur.
- Ghazali. (2021). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Hassan, M. S. (2021). Pertembungan Antara Hak Beragama dan Hak Penentuan Kendiri Orang Asli: Adakah DHOA Sediakan Solusi. *Islamiyyat*, 43, 129-142.

- Kurniawati Kamarudin & Sakini Mohd Said. (27 December 2022). Isu Pendidikan Orang Asli: Di Mana Noktahnya? Bernama. <https://www.bernama.com/bm/bfokus/news.php?projek-khas&id=2151340>
- Mohd Tap Salleh. 1990. *An Examination of Development Planning among the Rural Orang Asli of West Malaysia*. (Unpublished Doctoral Dissertation). University of Bath, Bath.
- Othman. (2017). *Penyelidikan Kualitatif*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim.
- Salleh, M. J., & Ahmad, A. R. (2009). Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. *Abdul Razaq Ahmad, Zalizan Mohd Jelas. Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*. Penerbit UKM: Bangi.
- Sawalludin, A. F., Min, C. L. J., & Ishar, M. I. M. (2020). The struggle of Orang Asli in education: quality of education. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 46-51.
- Selvaratnam, D. P., Jaafar, A. H., Salleh, N., Othman, R., & Idris, S. H. (2012). Transformasi modal insan melalui peningkatan pendidikan: Kajian kes komuniti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang. *Prosiding Perkem VII, Jilid, 2*, 1215-1224.
- Zulkifli. (2023, 1 Mac). Pengetua SMOA Nurul Hidayah. Temu bual Pengurusan Sekolah. Sg. Siput. (Transkrip).
- Zulkifli. (2023, 1 Jun). Pengetua SMOA Nurul Hidayah. Temu bual Pengurusan Sekolah. Sg. Siput. (Transkrip).

Kajian Kefahaman Akidah dalam Kalangan Para Pelajar Sekolah Menengah Agama Orang Asli Nurul Hidayah, Kg. Kenang Sungai Siput, Perak

A Study on the Understanding of Faith among Nurul Hidayah Religious Secondary School Students at Kg Kenang Sungai Siput, Perak

Sakinah, A. M. (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia Tel: +6012-5694454 E-mail: sakinah@usas.edu.my

Mohd Fuad, M.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia Tel: +60 16-568 2317 E-mail: fuad@usas.edu.my

Siti Nurleha, S.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia Tel: +60 17-201 5972 E-mail: sitinurleha@usas.edu.my

Mohd Hafiy, A. R.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia Tel: +60 11-2830 1680 E-mail: hafiy.razak@usas.edu.my

Abstrak

Akidah merupakan perkara yang amat ditekankan dalam Islam dan mendasari keseluruhan kehidupan individu muslim. Semasa dakwah Rasulullah SAW ketika fasa *makkiah*, akidah merupakan intipati utama dalam dakwahnya yang merangkumi aspek keimanan kepada Allah SWT dan hari akhirat. Bahkan ia merupakan perkara utama yang diberikan penekanan bagi golongan yang baru memeluk Islam. Oleh itu, pendidikan Islam di Malaysia terhadap masyarakat Orang Asli merupakan salah satu usaha kerajaan ke arah memantapkan akidah mereka. Wujudnya Sekolah Menengah Agama Orang Asli Nurul Hidayah di Sungai Siput Perak membuktikan bahawa pihak kerajaan mengambil perhatian terhadap pendidikan agama Orang Asli. Justeru itu, kajian dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman akidah merangkumi enam rukun iman. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang mana melibatkan seramai 19 orang responden. Instrumen soal selidik dengan menggunakan bacaan dua skala iaitu betul atau salah digunakan dalam mendapatkan data. Kumpulan data ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistic Package for the Social Science (SPSS)* versi 25 bagi huraian dalam bentuk frekuensi dan peratus. Hasil kajian mendapati tahap kefahaman akidah dalam kalangan pelajar di sekolah ini berada pada tahap yang cemerlang dengan peratusan sebanyak 89% para pelajar menjawab dengan tepat. Secara tidak langsung menunjukkan bahawa hasil pendidikan akidah bagi para pelajar sekolah ini sangat baik apabila berada dalam persekitaran yang menyokong kepada pendidikan Islam. Dengan itu kajian seumpama ini perlu dilakukan lagi dengan melihat kepada kekuatan persekitaran dalam mempengaruhi akidah saudara baru secara umumnya atau Orang Asli secara khusus, bagi menguatkan lagi dapatan kajian ini.

Kata Kunci: Kefahaman Akidah; Orang Asli; Pendidikan Agama.

Pengenalan

Masyarakat Orang Asli merupakan antara penduduk pribumi Malaysia yang diberi perhatian oleh kerajaan mencakupi pelbagai aspek seperti keagamaan, kebajikan, dakwah, sosio budaya dan

sebagainya. Menurut takrifan di dalam Seksyen 3 (Akta Orang Asli 1954, 2006), Orang Asli bermaksud: (a) mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup, adat, kepercayaan Orang Asli, dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu; (b) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh Orang Asli yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan ialah anggota suatu masyarakat Orang Asli; atau (c) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup, adat dan kepercayaan Orang Asli serta masih lagi menjadi anggota suatu masyarakat Orang Asli.

Usaha dakwah kepada masyarakat Orang Asli di Malaysia dilaksanakan secara tersusun oleh para mubaligh di bawah Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing. Dengan usaha yang konsisten, lahir para pendakwah dalam kalangan masyarakat Orang Asli itu sendiri. Bahkan dalam usaha mengiktiraf para pendakwah dan pemimpin dalam kalangan Orang Asli, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pernah menganjurkan Simposium Pendakwah dan Kepimpinan Orang Asli (PMOA), di mana banyak membantu dalam pelaksanaan usaha dakwah di perkampungan Orang Asli (Ahmad, 2021). Antara bentuk usaha yang dilaksanakan dalam bidang pendidikan akidah oleh kerajaan ialah dengan tertubuhnya Sekolah Menengah Agama khusus untuk Masyarakat Orang Asli dan golongan muallaf di Negeri Perak.

Sekolah Menengah Agama Orang Asli Nurul Hidayah merupakan satu-satunya sekolah menengah agama Orang Asli di Malaysia. Sekolah ini berasal daripada Sekolah Agama Rakyat Orang Asli Nurul Hidayah yang ditubuhkan pada tahun 1994. Ia dibina di atas tapak tanah seluas 0.70 ekar di perkampungan Orang Asli Kampung Kenang Baru, Jalong Tinggi, Sg.Siput(U). Manakala Sekolah Menengah Agama Orang Asli Nurul Hidayah pula ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2012, tetapi beroperasi sepenuhnya sebagai sekolah menengah pada tahun pertama ketika para pelajarnya menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sekolah ini di bawah Pengurusan Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). Para pelajar di sekolah ini terdiri daripada pelbagai suku Orang Asli seperti Temiar, Jahai dan Semai. Sekolah ini merupakan antara sekolah yang memberikan penekanan kepada perkara asas yang wajib bagi setiap individu muslim, sesuai dengan asal penubuhan sekolah ini yang bermula dengan sekolah agama rakyat Orang Asli. Antara perkara yang diberikan penekanan ialah pendidikan akidah.

Pendidikan akidah merupakan tunjang utama dalam agama Islam. Keimanan kepada rukun iman yang enam perlu difahami dan dihadap sebaiknya. Mengingkari sebahagian daripada rukun iman dihukumkan sebagai kafir, kerana akidah Islam tidak menerima keimanan kepada sebahagian dan mengabaikan sebahagian yang lain (Umar, 1999). Antara perbincangan akidah yang sering dipersoalkan oleh Orang Asli muslim kepada para pendakwah ialah persoalan keimanan kepada Allah SWT. Begitu juga persoalan berkaitan topik hari akhirat diajukan berkaitan kehidupan selepas kematian dan balasan terhadap setiap amalan semasa di dunia. Ini kerana mereka juga turut mempunyai kepercayaan dan amalan yang berkaitan dengan kematian. Manakala berkaitan keimanan kepada qada dan qadar, sebahagian daripada mereka memahami qada dan qadar dengan kefahaman yang salah iaitu menganggap musibah yang berlaku kepada mereka adalah “sial” atau malapetaka (Aini & Suyurno, 2019). Masyarakat Orang Asli masih mempercayai bahawa kehidupan manusia masih dikuasai oleh makhluk ghaib, oleh itu mereka mengamalkan pantang larang dan adat tertentu berkaitan kuasa tersebut (Aini & Fauzi, 2020). Sebahagian besar masyarakat Orang Asli juga masih mengamalkan kepercayaan animisme di mana mereka meyakini bahawa setiap benda dan makhluk mempunyai roh (Adam, 2021). Berdasarkan kepada isu dan kepercayaan akidah masyarakat Orang

Asli terdahulu, maka para pendakwah memainkan peranan dalam membangunkan akidah yang betul dan kukuh (Aini & Burhan, 2022). Ini secara tidak langsung menunjukkan pendakwah dan persekitaran memainkan peranan dalam mengukuhkan akidah yang teguh buat masyarakat Orang Asli.

Justeru kajian ini dilakukan bagi melihat sejauh manakah para pelajar Orang Asli di Sekolah Menengah Agama Orang Asli Nurul Hidayah Sungai Siput Perak memahami akidah dengan pemahaman yang benar, memandangkan mereka tinggal dalam persekitaran sekolah dan sentiasa diberikan pendidikan akidah oleh para guru dan pendakwah yang datang ke sekolah tersebut.

Metodologi

Kajian ini adalah kajian kuantitatif. Ia dipilih secara umumnya adalah untuk mengukur hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar, di mana lazimnya kaedah soal selidik akan digunakan oleh pengkaji. Kajian ini mensasarkan para pelajar tingkatan 5 sebagai responden utama kajian. Jumlah responden keseluruhan ialah seramai 19 orang yang terdiri daripada 10 orang pelajar lelaki dan 9 orang pelajar perempuan daripada pelbagai suku. Instrumen kajian yang digunakan di dalam kajian ini pula ialah borang soal selidik yang perlu diisi oleh responden dengan menggunakan dua skala iaitu betul atau salah. Kajian ini akan melalui dua peringkat, iaitu peringkat pengumpulan data dan analisis data. Soalan soal selidik di dalam kajian ini dibina berdasarkan disiplin rukun iman dan disemak serta disahkan oleh beberapa pakar dalam akidah. Soalan soal selidik ini mengandungi soalan berkaitan kefahaman akidah Islam dengan memfokuskan enam rukun iman.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu bahagian (A) yang menerangkan data demografi dan bahagian (B) menerangkan tahap kefahaman akidah.

A. Data demografi

Pelajar yang menjadi responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar Orang Asli yang bersekolah di sekolah Menengah Agama Orang Asli Nurul Hidayah Sungai Siput Perak. Maklumat demografi tersebut mencakupi jantina, suku, umur dan agama ahli keluarga responden termasuk ibu bapa dan adik-beradik. Kesemua data profil tersebut dihuraikan melalui statistik deskriptif. Bilangan keseluruhan pelajar tingkatan 5 di sekolah tersebut adalah 21 orang pelajar. Manakala bilangan responden yang menjawab soalan soal selidik ialah 19 orang, 10 orang lelaki dan 9 orang perempuan yang kesemuanya berstatus bujang yang berumur 17 tahun. Kesemua responden tersebut adalah relevan dan bertepatan dengan kajian yang dilakukan bagi menjawab soalan yang diberikan.

Jadual 1: Jantina

| Jantina | Kekerapan | Peratusan |
|-----------|-----------|-----------|
| Lelaki | 10 | 53% |
| Perempuan | 9 | 47% |
| Jumlah | 19 | 100 |

Jadual 1 di atas menunjukkan pecahan responden berdasarkan jantina. Berdasarkan bacaan jadual di atas, jumlah pelajar lelaki ialah seramai 10 orang (53%) manakala jumlah pelajar perempuan ialah seramai 9 orang (47%).

Jadual 2: Suku

| Suku | Kekerapan | Peratusan |
|--------|-----------|-----------|
| Semai | 5 | 26% |
| Temiar | 14 | 74% |
| Jumlah | 19 | 100% |

Jadual 2 di atas memaparkan asal suku bagi para responden. Seramai 5 orang (26%) pelajar berasal daripada suku Semai, manakala seramai 14 orang (74%) responden berasal daripada suku Temiar.

B. Tahap kefahaman akidah (enam rukun iman)

Bacaan tahap kefahaman responden adalah berdasarkan jadual gred di bawah:

Jadual 3: Bacaan nilai pencapaian

| Markah | Tahap |
|--------|------------------------|
| 80-100 | Cemerlang |
| 60-79 | Tahap Baik |
| 40-59 | Tahap Memuaskan |
| 01-39 | Tahap Kurang Memuaskan |

Sumber: Portal Rasmi Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (2014)

Tahap kefahaman akidah secara keseluruhannya berada pada tahap yang cemerlang sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 4: Tahap kefahaman rukun iman

| Akidah | Peratusan |
|--------------------------------|-----------|
| Keimanan kepada Tuhan | 96% |
| Keimanan kepada Nabi | 87% |
| Keimanan kepada Kitab | 80% |
| Keimanan kepada Malaikat | 82% |
| Keimanan kepada Akhirat | 98% |
| Keimanan kepada Qada dan Qadar | 95% |

Dapatan kajian sebagaimana di dalam jadual 4 di atas menunjukkan bahawa peratus tertinggi bagi pelajar yang menjawab dengan tepat ialah item akidah keimanan kepada akhirat sebanyak 98%, seterusnya item keimanan kepada Tuhan ialah 96% dan diikuti dengan item akidah keimanan kepada Qada dan Qadar sebanyak 95%. Bagi akidah keimanan kepada nabi, peratus pelajar menjawab dengan tepat ialah 87%, akidah keimanan kepada malaikat sebanyak 82%, dan akidah keimanan kepada kitab sebanyak 80%. Bacaan peratus jawapan yang tepat keseluruhan sebanyak 89% di mana berada pada tahap yang cemerlang.

Pertama: Kefahaman akidah ketuhanan

Jadual 5: Kefahaman akidah ketuhanan

| Item soalan | Betul | | Salah | | % betul |
|---|-------|-------|-------|-------|---------|
| | F | % | F | % | |
| Rukun iman ada enam perkara. | 19 | %100 | 0 | 0% | 100 |
| Sifat wajib bagi Allah ada 20 sifat. | 19 | 100% | 0 | 0% | 100 |
| Allah swt tidak beranak dan tidak diperanakkan. | 16 | 84.2% | 3 | 15.7% | 84.0 |
| Allah harus menciptakan alam ini. | 19 | 100% | 0 | 0% | 100 |

Jadual 5 di atas menunjukkan item soalan bagi kefahaman akidah ketuhanan, di mana kesemua responden menjawab dengan tepat bagi item soalan (Rukun Iman ada enam perkara), (Sifat wajib bagi Allah ada 20 sifat) dan (Allah harus menciptakan alam ini). Kesemua item soalan ini mendapat peratus ketepatan 100%. Manakala bagi item soalan (Allah SWT tidak beranak dan tidak diperanakkan), seramai 16 orang pelajar menjawab dengan tepat dengan peratus 84%, manakala baki 3 orang pelajar menjawab dengan salah dengan mendapat peratus 16%.

Kedua: Kefahaman akidah kenabian

Jadual 6: Kefahaman akidah kenabian

| Item soalan | Betul | | Salah | | % betul |
|---|-------|-------|-------|-------|---------|
| | F | % | F | % | |
| Nama nabi yang terakhir ialah nabi Muhammad saw. | 19 | 100% | 0 | 0% | 100 |
| Nabi merupakan manusia yang terpelihara dari melakukan kesalahan dan dosa. | 17 | 89.4% | 2 | 10.5% | 89.0 |
| Kitab yang diturunkan kepada nabi Muhammad saw ialah kitab injil. | 17 | 89.4% | 2 | 10.5% | 89.0 |
| Sifat yang wajib bagi rasul ada empat. | 14 | 73.6% | 5 | 26.3% | 73.0 |

Jadual 6 di atas menunjukkan item soalan bagi kefahaman akidah kenabian, di mana kesemua responden menjawab dengan tepat bagi item soalan (Nama nabi yang terakhir ialah nabi Muhammad SAW) dengan mendapat peratus ketepatan sebanyak 100%. Bagi item soalan (Nabi merupakan manusia yang terpelihara dari melakukan kesalahan dan dosa) dan (Kitab yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW ialah kitab Injil) peratus pelajar menjawab dengan tepat ialah sebanyak 89%, di mana seramai 2 orang pelajar menjawab tidak tepat dengan peratus sebanyak 11%. Manakala bagi item soalan (Sifat yang wajib bagi rasul ada empat), peratus pelajar yang menjawab dengan tepat ialah sebanyak 73% iaitu seramai 14 orang, manakala seramai 5 orang pelajar menjawab dengan salah dengan peratus sebanyak 27%.

Ketiga: Kefahaman akidah keimanan kepada kitab

Jadual 7: Kefahaman akidah keimanan kepada kitab

| Item Soalan | Betul | | Salah | | % Betul |
|--|-------|------|-------|-------|---------|
| | F | % | F | % | |
| Al-Quran adalah kalam Allah SWT. | 19 | 100% | 0 | 0% | 100 |
| Al-Quran ditulis dalam bahasa Arab. | 19 | 100% | 0 | 0% | 100 |
| Al-Quran adalah rujukan dan panduan bagi umat Islam. | 19 | 100% | 0 | 0% | 100 |
| Umat Islam wajib beriman dengan kitab-kitab selain daripada al-Quran. | 4 | 21% | 15 | 78.9% | 21.0 |

Jadual 7 di atas menunjukkan item soalan bagi kefahaman akidah beriman dengan kitab, di mana kesemua responden menjawab dengan tepat bagi item soalan (Al-Quran adalah kalam Allah SWT), (Al-Quran ditulis dalam bahasa Arab) dan (Al-Quran adalah rujukan dan panduan bagi umat Islam) dengan mendapat peratus ketepatan sebanyak 100%. Manakala bagi item soalan (Umat Islam wajib beriman dengan kitab-kitab selain daripada al-Quran), peratus pelajar menjawab dengan tepat ialah sebanyak 21%, di mana seramai 15 orang pelajar menjawab tidak tepat dengan peratus sebanyak 79%.

Keempat: Kefahaman akidah keimanan kepada malaikat

Jadual 8: Kefahaman akidah keimanan kepada malaikat

| Item Soalan | Betul | | Salah | | % Betul |
|--|-------|-------|-------|-------|---------|
| | F | % | F | % | |
| Malaikat merupakan makhluk. yang sentiasa taat kepada perintah Allah SWT. | 19 | 100% | 0 | 0% | 100 |
| Asal-usul penciptaan malaikat adalah daripada air. | 19 | 100% | 0 | 0% | 100 |
| Malaikat Jibril ditugaskan untuk meniup sangkakala. | 14 | 73.6% | 5 | 26.3% | 73.0 |
| Iman malaikat tidak naik dan tidak turun (Iman statik). | 11 | 57.8% | 8 | 42.1% | 57.0 |

Jadual 8 di atas menunjukkan item soalan bagi kefahaman akidah beriman dengan malaikat, di mana kesemua responden menjawab dengan tepat bagi item soalan (Malaikat merupakan makhluk. yang sentiasa taat kepada perintah Allah SWT) dan (Asal-usul penciptaan malaikat adalah daripada air) dengan mendapat peratus ketepatan sebanyak 100%. Bagi item soalan (Malaikat Jibril ditugaskan untuk meniup sangkakala), peratus pelajar menjawab dengan tepat sebanyak 73% di mana sebanyak 27% pelajar menjawab tidak tepat iaitu seramai 5 orang dan bagi item soalan (Iman malaikat tidak naik dan tidak turun) peratus pelajar menjawab dengan tepat ialah sebanyak 57%, di mana seramai 8 orang pelajar menjawab tidak tepat dengan peratus sebanyak 43%.

Kelima: Kefahaman akidah keimanan kepada hari akhirat

Jadual 9: Kefahaman akidah keimanan kepada hari akhirat

| Item Soalan | Betul | | Salah | | % Betul |
|---|-------|-------|-------|------|---------|
| | F | % | F | % | |
| Setiap orang Islam wajib meyakini tentang kewujudan hari kiamat. | 19 | 100% | 0 | 0% | 100 |
| Manusia akan dikumpulkan di padang Mahsyar untuk dihitung segala amalan. | 19 | 100% | 0 | 0% | 100 |
| Orang Islam tidak diwajibkan beriman akan adanya syurga dan neraka | 18 | 94.7% | 1 | 5.2% | 94 |
| Syurga adalah tempat pembalasan bagi yang melakukan dosa dan maksiat. | 19 | 100% | 0 | 0% | 100 |

Jadual 9 di atas menunjukkan item soalan bagi kefahaman akidah beriman dengan hari akhirat, di mana kesemua responden menjawab dengan tepat bagi item soalan (Setiap orang Islam wajib meyakini tentang kewujudan hari kiamat), (Manusia akan dikumpulkan di padang Mahsyar untuk dihitung segala amalan.) dan (Syurga adalah tempat pembalasan bagi yang melakukan dosa dan maksiat) dengan mendapat peratus ketepatan sebanyak 100%. Manakala bagi item soalan (Orang Islam tidak diwajibkan beriman akan adanya syurga dan neraka), peratus pelajar menjawab dengan tepat ialah sebanyak 94%, di mana seorang pelajar menjawab tidak tepat dengan peratus sebanyak 6%.

Keenam: Kefahaman akidah keimanan kepada qada dan qadar

Jadual 10: Kefahaman akidah keimanan kepada qada dan qadar

| Item Soalan | Betul | | Salah | | % Betul |
|---|-------|------|-------|----|---------|
| | F | % | F | % | |
| Segala perkara dan kejadian yang berlaku telah ditentukan oleh Allah SWT | 19 | 100% | 0 | 0% | 100 |

| | | | | | |
|---|----|-------|---|-------|-----|
| Orang Islam hendaklah reda segala qada' dan qadar Allah SWT | 18 | 94.7% | 1 | 5.2% | 94 |
| Seorang Islam dituntut berusaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT. | 19 | 100% | 0 | 0% | 100 |
| Allah melarang manusia bersikap putus asa. | 17 | 89.4% | 2 | 10.5% | 89 |

Jadual 10 di atas menunjukkan item soalan bagi kefahaman akidah beriman dengan Qada dan Qadar, di mana kesemua responden menjawab dengan tepat bagi item soalan (Segala perkara dan kejadian yang berlaku telah ditentukan oleh Allah SWT) dan (Seorang Islam dituntut berusaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT) dengan mendapat peratus ketepatan sebanyak 100%. Bagi item soalan (Orang Islam hendaklah reda segala qada' dan qadar Allah SWT), peratus pelajar menjawab dengan tepat sebanyak 94% di mana seorang pelajar menjawab tidak tepat dengan mendapat peratus sebanyak 6%. Manakala bagi item soalan (Allah melarang manusia bersikap putus asa) peratus pelajar menjawab dengan tepat ialah sebanyak 87%, di mana seramai 2 orang pelajar menjawab tidak tepat dengan peratus sebanyak 11%.

Penutup

Berdasarkan kepada hasil kajian di atas, didapati kefahaman akidah berkaitan keimanan kepada malaikat dan keimanan kepada kitab perlu diberikan pendedahan yang lebih. Ini kerana peratus para pelajar menjawab dengan tepat bagi kedua rukun iman ini lebih rendah berbanding baki rukun-rukun iman yang lain. Pengkaji melihat bahawa para pelajar Orang Asli di sekolah ini mendapat pendidikan akidah yang benar dan berterusan daripada para pendidik di sekolah ini, sekaligus membuktikan bahawa pentingnya mewujudkan persekitaran yang menyokong kepada pendidikan dan pemeliharaan akidah.

Secara ringkasnya objektif kajian ini dapat dicapai dengan mengetahui tahap kefahaman akidah para pelajar Sekolah Menengah Agama Orang Asli Nurul Hidayah, di mana tahap kefahaman akidah mereka berada pada tahap yang cemerlang. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mencadangkan kepada pihak berkaitan untuk mewujudkan sekolah agama Orang Asli di seluruh negara seperti Sekolah Menengah Agama Orang Asli Nurul Hidayah, bagi menjamin penyampaian dakwah yang konsisten dan menyeluruh dapat dilakukan, di samping mengurangkan risiko bertukar-tukar agama dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Sepertimana dilaporkan (Suwarni, 2023) dalam Utusan Online bahawa terdapat sebanyak 137 permohonan pembatalan status Islam. Di samping itu, penubuhan sekolah khusus seperti ini juga dapat membantu memperkukuhkan akidah masyarakat Orang Asli dalam berhadapan dengan gerakan kristianisasi yang semakin banyak. Ini kerana, dapatan kajian (Aini & Sabri, 2019) mendapati gerakan kristianisasi berlaku dalam bentuk santai dan hiburan, bantuan kemanusiaan, penyebaran mesej cinta dan kasih sayang, serta program kepimpinan kader yang dilakukan mereka dalam rangka menarik perhatian masyarakat Orang Asli.

Rujukan

- Adam, N. F. M. (2021). Sistem kepercayaan orang Asli Kensiu di Kampung Lubuk Legong, Kedah. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 54-62.
- Ahmad, S. (2021, November 25). JAKIM iktiraf pendakwah Orang Asli. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/891836/jakim-iktiraf-pendakwah-orang-asli>
- Aini, Z., & Suyurno, S. S. (2019). Topik akidah dan syariah dalam pengetahuan masyarakat Orang Asli muslim di Selangor. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 6, 99-109.

- Aini, Z., & Burhan, N. I. H. (2022). Pembangunan pendakwah Orang Asli daripada aspek kerohanian: Satu pendekatan *Fuzzy Delphi*. *Al-Hikmah*, 14(2), 24-47.
- Aini, Z., & Fauzi, N. U. A. (2020). Mesej akidah dan syariah dalam komunikasi dakwah Orang Asli muslim di Selangor. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(2), 173-185.
- Aini, Z., & Sabri, N. S. (2019). Bentuk-bentuk gerakan kristianisasi dalam masyarakat Orang Asli di Perak. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 125-141.
- Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak. (2014). *Ujian Penilaian Kelas Kafa*. <https://jaipk.edu.my/index.php/infopeperiksaan/upkk>.
- Suwarni, M. (2023, May 30). Orang Asli mohon batal status islam didengar di mahkamah. *Utusan Online*. <https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/137-orang-asli-mohon-batal-status-islam-didengar-di-mahkamah-tinggi-kuantan>
- Umar, S.A. (1999). *Al- 'Aqīdah fillah*. Beirut, *Dar al-Nafāis*.
- Akta Orang Asli 1954*. (2006). Seksyen 3. Percetakan Nasional Malaysia Bhd. <https://www.forestry.gov.my/images/stories/pdf/Akta/Akta%20Orang%20Asli.pdf>

Kesan Positif melalui Kesedaran terhadap Hak-Hak Isteri Selepas Berceraai

Positive Impacts through Awareness of the Wife's Rights after Divorce

Nur Fatimah, N.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6014-5191337 E-mail: aahnasa45@gmail.com

Mustaqim Roslan, M. (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6014-5191337 E-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Abstrak

Setiap pasangan suami isteri pasti berusaha menyelamatkan rumah tangga mereka walaupun diuji dengan pelbagai ujian. Namun, terdapat juga rumah tangga yang tidak dapat diselamatkan setelah usaha demi usaha dilakukan dari kedua-dua belah pihak. Apabila perceraian berlaku, masyarakat tidak seharusnya memandangkan perceraian itu dari sudut yang negatif semata-mata, bahkan para isteri yang diceraikan tersebut adalah layak mendapat hak-hak yang sepatutnya diperoleh selepas perceraian. Kurangnya kesedaran para isteri yang diceraikan ini menyebabkan mereka hanya berdiam diri sahaja tanpa mengambil tindakan selanjutnya selepas perceraian. Kesannya, hak-hak mereka diabaikan sekaligus memberikan kesan kepada kehidupan mereka dan anak-anak. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesan positif isteri setelah mengetahui hak mereka selepas perceraian. Kajian ini menggunakan kaedah interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Reka bentuk kualitatif telah diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur bersama para isteri dari tiga pasangan yang telah diceraikan. Setelah data dokumen dan data temu bual diperoleh, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil dapatan menunjukkan terdapat empat kesan positif diperoleh selepas perceraian iaitu nafkah anak terjamin, kemampuan membina kerjaya sendiri, kekuatan jati diri dan lebih berdikari serta kawalan emosi lebih stabil. Kajian ini bukanlah untuk menggalakkan perceraian, namun sekiranya perceraian itu adalah jalan terbaik buat pasangan tersebut, maka masih terdapat pelbagai kesan positif yang akan diperoleh para isteri selepas perceraian. Oleh itu, kajian lanjutan diperlukan untuk meningkatkan kesedaran positif isteri terhadap hak-hak mereka selepas perceraian.

Kata Kunci: Kesan Positif; Isteri; Kesedaran; Perceraian; Rumah Tangga.

Pendahuluan

Perkahwinan merupakan hubungan ikatan yang mulia kerana dari situ terbina sebuah keluarga. Di dalamnya wujud ikatan kekeluargaan antara lelaki dan wanita melalui perhubungan suami dan isteri yang keduanya saling perlu menjaga, melindungi dan melahirkan zuriat yang baik. Perkahwinan juga dapat mengeratkan ukhwa persaudaraan antara dua keluarga. Namun, apabila terjadinya salah faham antara pasangan, boleh mengakibatkan pergaduhan serta menjurus kepada kebencian antara mereka. Sebahagian daripada mereka menemui jalan penyelesaian yang baik dalam pertikaian akan tetapi, terdapat juga pasangan yang berada dalam situasi sebaliknya. Mereka menemui jalan buntu, dan menganggap perceraian adalah jalan penyelesaian terbaik dalam perhubungan (Nasri et al., 2020).

Walaupun Islam tidak menggalakkan perceraian, namun Allah SWT telah menunjukkan satu jalan keluar dari permasalahan yang dihadapi oleh suami isteri melalui perceraian sekiranya perkara itu telah menemui jalan buntu. Begitu juga dalam Sistem Undang-Undang Keluarga Islam, telah menyediakan garis panduan peruntukan hak isteri, termasuk hak-hak selepas perceraian (Ismail & Sulong, 2021).

Walaupun sistem perundangan Islam telah menggariskan hak-hak isteri, tetapi banyak kejadian yang berlaku berkaitan pengabaian seorang isteri khususnya setelah perceraian seperti telah dinafikan nafkah, harta sepencarian tidak dibahagikan secara adil menurut Islam, dan yang paling sadis, hak hadanah juga turut diambil daripada mereka. Hal ini terjadi kerana kurang pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan isteri tentang hak-hak yang telah dibuat dan diperuntukkan untuk mereka selepas perceraian (Mustafa & Zaini Nasohah, 2022). Kefahaman yang berkait rapat dengan peruntukan dan undang-undang itu merupakan satu keperluan khusus untuk kaum isteri kerana jika tidak difahami dengan baik, seseorang itu boleh dinafikan haknya dengan mudah. Kebanyakan kes yang terjadi pada masa kini membabitkan kaum isteri seperti dalam sebuah perkahwinan, perceraian serta pemerasan yang berpunca daripada kurangnya kesedaran dan perhatian dalam memahami hak sebenar seorang isteri (Nasri et al., 2020).

Kesedaran tentang hak dan tanggungjawab isteri adalah penting supaya mereka tidak ditindas oleh orang atau sistem yang tidak adil, dan penting untuk keseimbangan serta kebahagiaan dalam kehidupan rumah tangga (Ismail et al., 2017). Berdasarkan kajian lepas, didapati terdapat kekurangan literatur yang menerangkan kesan peningkatan kesedaran hak isteri terhadap hak-hak selepas perceraian. (Mustafa & Zaini Nasohah, 2022). Apabila diamati kesannya, ia bukan sahaja memberi kesan kepada isteri, tetapi juga kepada anak-anak dan bapa mereka serta masyarakat sekeliling. Oleh itu, tujuan kajian ini ditonjolkan bukanlah untuk menggalakkan para isteri berpisah mahupun bercerai, namun sekiranya perceraian merupakan jalan terbaik buat pasangan suami isteri tersebut, maka kajian ini cuba menonjolkan hak-hak positif isteri selepas perceraian berlaku. Kajian ini merungkai hasil analisis yang diperolehi daripada kajian-kajian lepas serta mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dilakukan oleh kaum isteri. Justeru, objektif kajian ini dapat menunjukkan kepada masyarakat tentang hak-hak positif isteri selepas perceraian. Ini akan membuka lagi minda isteri atau status bekas isteri dan membolehkan mereka mengetahui hak mereka selepas bercerai.

Sorotan Kajian

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop hak-hak positif isteri selepas perceraian bagi mengukuhkan lagi perbincangan kajian ini. Apabila disoroti kembali kajian terdahulu oleh Mustafa dan Zaini Nasohah (2022), dapatan kajian menunjukkan bahawa hak-hak yang layak diterima oleh isteri ditakrifkan secara rasmi dalam pengisytiharan Undang-Undang Keluarga Islam. Kebanyakan penulisan tidak menyebut kesan positif yang berlaku apabila mereka yang terlibat dalam Undang-Undang Keluarga Islam menyedari tentang hak selepas perceraian tersebut. Seterusnya ialah kajian oleh Nasri et al. (2020), menunjukkan terdapat enam hak yang boleh diterima oleh seorang isteri selepas perceraian, tetapi ini bergantung kepada faktor yang kompleks seperti bentuk dan sebab perceraian.

Kajian oleh Ismai et al. (2017) pula, menunjukkan terdapat perbezaan ketara dalam kesedaran isteri untuk melindungi hak mereka selepas bercerai dan ini bergantung kepada umur dan tahap pendidikan mereka. Hal ini berikutan pengalaman hidup mengikut umur yang berbeza serta tahap pendidikan yang berlainan menjadikan wanita tidak sependapat dalam memahami peruntukan hak selepas perceraian. Terakhir, kajian daripada Eriyanda dan Khairani (2017) menunjukkan bahawa majoriti isteri bercerai mempunyai tahap kesyukuran dan kegembiraan yang tinggi.

Jika melihat kepada kajian-kajian lepas, hak-hak isteri selepas perceraian telah dibahas dalam perbincangan kajian lalu, namun masih terdapat kelompangan dalam kajian mereka tentang kesan positif setelah isteri bercerai dan kesedaran mereka terhadap hak tersebut (Mustafa & Zaini Nasohah, 2022). Kesan positif itu tidak dihuraikan secara khusus dan tidaklah diperincikan secara berfokus dalam kajian lepas. Oleh yang demikian, kajian ini tampil bagi melihat isu kesan positif seorang isteri selepas penceraian berlaku.

Metodologi Kajian

Kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga pendekatan iaitu, reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Kajian ini mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur untuk mendapatkan data kajian. Pengkaji telah memilih tiga orang responden sebagai wakil untuk memberi maklumat tentang tajuk kajian. Wanita bercerai yang menyedari tentang hak mereka selepas bercerai telah dipilih sebagai responden kerana dapat memberi maklumat tentang kajian yang ingin diteliti oleh pengkaji. Temu bual telah dijalankan ke atas tiga orang responden terlibat. Kesemua responden tersebut dikodkan seperti berikut: a) R1 - responden 1 yang merupakan penjawat awam - temu bual dijalankan pada 26 November 2023, b) R2 – responden 2 juga merupakan penjawat awam – temu bual dijalankan pada 26 November 2023, c) R3 – responden 3 yang merupakan suri rumah tangga – temu bual dijalankan pada 27 November 2023.

Selain itu, kaedah analisis kandungan dokumen turut digunakan dalam mengumpul dan menganalisis data yang mana hasilnya dihuraikan mengikut kaedah tematik. Terdapat lima komponen yang disusun atur dalam menganalisis data dengan menggunakan kaedah tematik ini yang dimulai dengan penulisan transkrip secara verbatim, pengagihan data mengikut persoalan kajian, pengkategorian isi kandungan data, membina tema kajian dan membuat pengekodan data (Roslan & Hanis Sofea, 2024). Oleh yang demikian, secara dasarnya kajian ini telah menggunakan dua jenis data iaitu data primer dan sekunder. Data primer adalah merujuk kepada data temu bual yang diperolehi daripada sesi temu bual yang dilakukan, manakala data sekunder adalah diperolehi daripada buku-buku, kajian-kajian lepas, artikel-artikel jurnal dan keratan akhbar.

Konsep Hak-Hak Isteri Selepas Perceraian

Dalam bahasa Arab, perceraian disebut talak. Talak dalam bahasa bermaksud cerai dan pelepasan ikatan nikah dengan ucapan yang dilakukan oleh suami manakala menurut istilah, perkataan talak atau perkataan seumpamanya bermaksud lerai atau terlerainya ikatan perkahwinan (Kamus Dewan dan Pustaka, 2017). Sebahagian ulama Fiqah pula mentakrifkan talak sebagai sesuatu yang boleh memutuskan ikatan perkahwinan sama ada boleh dibubarkan serta merta atau di kemudian hari melalui pengeluaran talak (Ahmad al-Dardir dipetik dalam Sitis et al., 2021). Selain perkataan *talaq* (Bahasa Arab), terdapat juga perkataan lain yang boleh dianggap perkataan yang boleh menyebabkan sesebuah perkahwinan gagal, iaitu perkataan *al-firaq* bermaksud perpisahan dan perkataan *al-sarah* bermaksud cerai. Talak menurut sunnah terbahagi kepada dua jenis iaitu *talaq sunni* dan *talaq bid'i* (Haszuraidah & Kamarul Azmi, 2022).

Perceraian menurut Undang-Undang Keluarga Islam boleh terdiri daripada pelbagai jenis iaitu undang-undang atau peraturan yang sedang berkuat kuasa di setiap negeri dan mengikut konsep amalan di Malaysia mungkin berbeza sifatnya. Menurut Mohd Zaidi & Raihanah (2018) jenis-jenis perceraian yang ada di dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia adalah perceraian melalui lafaz talak, perceraian secara pengesahan lafaz talak, perceraian secara fasakh, perceraian secara taklik, perceraian secara tebus talak (khuluk) dan yang terakhir, perceraian secara anggapan mati. Islam sangat menitikberatkan keadilan kepada semua golongan masyarakat tidak kira jantina, agama

dan bangsa. Hal ini bertepatan dengan tujuan penciptaan manusia, yang terdiri daripada pelbagai kaum, suku dan negara, untuk mengenali antara satu sama lain. Islam adalah agama yang lengkap. Memperbaiki hak semua makhluk hidup, termasuk isteri (Nasri et al., 2020).

Terdapat enam peruntukan yang boleh dimohon di Mahkamah Malaysia selepas pasangan berpisah. Pertama adalah tuntutan mut'ah, iaitu jumlah harta yang wajib diberikan oleh suami kepada bekas pasangannya sekiranya perceraian itu bukan disebabkan oleh isteri dan bukan sejak kematian suaminya (Muhammad Ya'qub & Ahmad Fathi, 2015 dipetik dalam Nasri et al., 2020). Kedua, permohonan nafkah idah iaitu nafkah yang perlu dibayar kepada bekas isteri semasa dalam tempoh idah kerana perceraian termasuk nafkah, pakaian dan tempat tinggal mengikut hukum syarak. Ketiga, ialah hadanah atau menjaga anak-anak kecil yang masih belum mampu menjaga diri sendiri. Keempat, mengenai nafkah anak iaitu nafkah untuk anaknya yang diberikan kepada orang yang memelihara kanak-kanak itu, tidak kira sama ada kanak-kanak itu dalam jagaan mereka atau orang lain. Kelima, berkenaan dengan harta sepencarian, adalah harta yang diperolehi oleh suami dan isteri secara bersama semasa perkahwinan berlangsung. Keenam, mengenai tunggakan hutang iaitu bayaran nafkah yang tidak dilunaskan oleh suami kepada isteri semasa perkahwinan dan menjadi suatu hutang kepada suami yang wajib dilunaskan (Ismail & Sulong, 2021).

Kesan Positif Isteri Selepas Perceraian

Dalam usaha isteri untuk mengetahui tentang hak-hak mereka selepas perceraian, pasti akan menimbulkan suatu kesan positif kepada mereka. Mempunyai kesedaran tentang sesuatu boleh membuatkan seseorang berfikir secara berbeza dan bertindak secara berbeza. Ini berlaku apabila cara seseorang berfikir tentang sesuatu akan mempengaruhi cara mereka bertindak. Apabila pemikiran seseorang berubah, tindakan mereka juga akan berubah, tetapi mungkin tidak serta-merta (Mohd Hilmi & Kamaliah, 2013). Justeru, sikap isteri yang bercerai penting dalam menghadapi keadaan kerana sikap dapat menentukan cara fikir dan rasa hati seseorang. Sekiranya seseorang itu bersikap positif, ia akan cenderung untuk melakukan perkara yang baik dan berkelakuan baik. Tetapi jika seseorang mempunyai sikap negatif, ia boleh menyebabkan seseorang itu berkelakuan buruk dan memberi kesan buruk kepada tindakan dan tingkah lakunya (Mohd Hilmi & Kamaliah, 2013).

Hasil dapatan menunjukkan terdapat empat kesan positif isteri selepas perceraian iaitu nafkah anak lebih terjamin daripada sebelumnya, isteri yang bercerai mempunyai kemampuan membina kerjayanya sendiri, mereka juga mempunyai kekuatan jati diri dan menjadi lebih berdikari serta kawalan emosi mereka lebih stabil dari sebelumnya. Kesan positif isteri ini adalah saling berkait antara satu sama lain dan diuraikan secara terperinci melalui kesedaran golongan isteri terhadap hak mereka selepas bercerai.



Rajah 1: Kesan positif isteri selepas perceraian

1. Keterjaminan nafkah anak

Nafkah adalah menjadi tanggungjawab bapa untuk menyediakan keperluan anaknya. Sekiranya bapa hilang upaya, tanggungjawab berpindah kepada waris yang lain mengikut undang-undang syarak dan peruntukan undang-undang. Urutan pembahagian faraid ditentukan oleh keutamaan berdasarkan nilai hak yang diterima serta pihak yang bertanggungjawab. Para fuqaha menjelaskan bahawa waris yang bertanggungjawab tidak terhad kepada datuk sahaja, tetapi pihak yang bertanggungjawab merangkumi waris yang lebih luas yang meliputi waris usul, *furu'* dan *hawasyi* (Nasri et al., 2020). Namun mengikut adat dan tradisi masyarakat, tanggungjawab terletak pada datuk dan bapa saudara sahaja kerana mereka paling rapat dengan anak. Sekiranya anak itu tidak mempunyai waris lain, institusi baitulmal bertanggungjawab menjaga anak tersebut (Ismail & Sulong, 2021).

Nafkah anak adalah kewajipan yang mesti dibayar secara berterusan oleh bapa atau penjaga yang sah di bawah undang-undang di Malaysia dan undang-undang Islam (Nasri et al., 2020). Namun, tidak dapat dinafikan bapa mengabaikan kewajipan nafkah terhadap anak atas pelbagai sebab. Pengabaian terhadap tanggungjawab sokongan ini memberi kesan kepada kehidupan anak-anak dan menghalang mereka daripada menikmati hak sepatutnya (Mat Hussin & Aizat Fauzi, 2023). Kewajipan nafkah anak terletak kepada bapanya. Hal ini telah ditetapkan dalam al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 233 dan juga hadis Rasulullah SAW. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya” (Quran, 2: 233).

Bermaksud: *“Ya Rasulullah, sesungguhnya Abu Sufyan seorang lelaki yang kedekut. Dia tidak memberi kepada saya belanja yang cukup untuk saya dan anak saya kecuali jika tidak, saya ambil dengan tidak diketahuinya. Rasulullah menjawab; “Ambillah olehmu daripada hartanya sekadar yang mencukupi keperluanmu dan anakmu dengan cara yang baik”* (Sahih Al-Bukhari, 2211 dan Sahih Muslim, 4574).

Hadis ini menekankan kewajipan bapa untuk menyara anak, sehingga jika suami atau bapa mengabaikan tanggungjawab ini, isteri itu wajib mencuri wang daripada suami untuk menambah pembiayaan nafkah ini (Jakfar & Fakhrurrazi, 2017). Berdasarkan kepada firman Allah SWT dan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim ini, dapat disimpulkan bahawa seorang ayah atau suami adalah orang yang bertanggungjawab dalam memberikan nafkah kepada seorang anak (Muhadi, 2018). Selain itu, suami wajib memberi nafkah kepada anak-anak dari segi makanan, tempat tinggal, pakaian, tempat dan sebagainya. Sekiranya suami mengabaikan tugasnya, ibu atau isteri berhak mengeluarkan wang yang mencukupi daripada harta suami untuk menyara anak.

Kesan positif yang pertama adalah nafkah anak lebih terjamin bagi isteri yang telah bercerai. Hal ini kerana nafkah merupakan kewajipan yang mesti ditunaikan oleh bekas suami atau bapa. Dengan adanya nafkah ini, seorang kanak-kanak boleh melangsungkan kehidupan dengan disediakan pakaian, makan minum dan duduk di tempat yang selesa mengikut kemampuan (Nasri et al., 2020). Jika dilihat pada perkahwinan responden yang lepas, terbukti kebanyakan bekas suami culas dalam memberi nafkah kepada anak mahupun isteri. Hal ini memberikan satu bebanan kepada isteri untuk melengkapi atau menafkahi keperluan seharian anak dalam keluarga.

Setiap perhubungan pasti diuji dengan pelbagai dugaan dan rintangan. Malah sebarang kesulitan dan salah faham yang timbul akan membantu mengeratkan hubungan jika pasangan berjaya mengatasinya dengan cara yang terbaik. Malangnya, tidak semua pasangan bersedia untuk bercakap

antara satu sama lain dan mencari jalan penyelesaian. Sebaliknya, terdapat pasangan yang lebih suka berdiam diri dan mengelak dari melakukan perbualan yang baik apabila menghadapi masalah atau konflik. Hal ini menjejaskan institusi kekeluargaan dan membawa kepada perceraian. Kesemua responden berjaya dalam menuntut hak hadanah selepas berpisah dan hak nafkah anak turut diperoleh.

R1: “Sebelum ni bekas suami memang susah sangat nak keluarkan duit untuk beli keperluan anak-anak. Kadang barang nak masak pun saya beli sendiri. Bila dah selalu kita dahulukan duit kita, suami pun dah tahu saya yang akan keluarkan duit, dia buat tak tahu je. Bila dah bercerai berai, saya dapat buat tuntutan untuk nafkah anak. Suami pun bila dah berpisah ni laju je dia bagi nafkah anak, tak macam sebelum ni. Jadi, saya tak risau lagi nak fikirkan tentang kewangan untuk kehidupan anak” (R1(1) I-26/11(85)

Elemen hak ini juga mendapat sokongan daripada responden yang lain yang turut merasakan hal yang sama. Isu nafkah anak ini menjadi perbualan hangat dalam kalangan isteri yang bercerai kerana mereka sangat mengutamakan nasib anak mereka. Ini dilihat dari segi nafkah pendidikan, pakaian, minuman dan sebagainya. Seorang responden yang lain turut menyuarakan tentang nafkah anaknya seperti berikut:

R2: “Saya ada 4 orang anak, dua orang sekolah rendah, seorang 5 tahun dan yang paling kecil 3 tahun. Nasib baik mahkamah putuskan untuk bekas suami bayar nafkah anak, takde lah saya risaukan sangat macam mana nak bayar yuran sekolah dia. Makan pakai mereka pun saya dah tak risau. Bekas suami saya dulu susah sangat nak bagi duit untuk belanja anak-anak.” (R2(1)I-27/11(223)

Dengan adanya undang-undang yang mengatur hak isteri selepas perceraian ini dapat membela kaum isteri itu sendiri daripada terbebani di kemudian hari, bahkan hak anak juga dilindungi apabila terjadinya suatu perceraian. Undang-undang perlindungan terhadap kanak-kanak telah menjaga dan memastikan pencegahan sebarang bentuk pengabaian, keganasan, penderaan, atau eksploitasi terhadap kanak-kanak (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Kegagalan untuk menyediakan kanak-kanak dengan sokongan yang mencukupi juga merupakan satu pengabaian dan penderaan terhadap kanak-kanak tersebut. Dapat dilihat bahawa bukan sahaja di sisi Islam malah Undang-Undang di Malaysia turut melindungi hak anak jika terjadinya sesuatu dalam sebuah institusi keluarga (Ismail et al., 2017).

2. Kemampuan membina kerjaya sendiri

Isteri yang bercerai menyumbang secara langsung kepada pendapatan keluarga. Bagi kebanyakan isteri bekerja, perlu membantu pasangan yang pendapatannya tidak dapat menampung perbelanjaan keluarga. Isteri juga mempunyai kehendak untuk mempunyai keperluan mereka sendiri seperti baju baru, kasut, alat solek dan sebagainya. Hal ini menjadi tanggungjawab isteri untuk mencari jalan penyelesaian bagi memenuhi kehendak peribadi mereka. Menurut Rahmah Ismail (1996), dipetik dalam Suhana Adnan (2017), isteri membuat keputusan untuk mencari pekerjaan andai mereka mempunyai suatu tanggungan dan tanggungjawab terhadap anak-anak dan ibu bapa mereka yang sudah tua. Peranan ini dilihat memberi dampak yang mendalam sekiranya kematian pasangan atau perceraian. Mereka bertanggungjawab dalam menguruskan anak dan ibu bapa tanpa meminta bantuan daripada suami atau pihak yang lain.

Justeru itu, hak-hak positif yang kedua adalah kaum isteri yang bercerai dapat membina kerjayanya sendiri. Sebelum bercerai, mereka menghadapi tekanan dan terikat dengan pasangan untuk melakukan sebarang pekerjaan. Sesetengah daripada pasangan tidak memberikan isteri mereka

untuk bekerja atas beberapa faktor. Misalnya, ada pasangan yang jenis cemburu membuta tuli, ada yang menyuruh isterinya duduk di rumah sahaja untuk mengurus pekerjaan di rumah dan ada juga yang hanya pandai mengarah si isteri untuk melayani keperluan suami sahaja. Apabila mereka sudah berpisah, maka isteri boleh membina kerjaya untuk diri mereka dan masyarakat sekelilingnya. Mereka tidak perlu untuk memikirkan kemelut yang berlaku pada perkahwinan yang lepas. Mereka juga lebih bahagia daripada sebelumnya (Hamzah et al., 2013). Tiga responden yang ditemu bual mengatakan mereka bebas untuk melakukan pekerjaan selepas berpisah dengan bekas pasangan.

R1: “Lepas saya bercerai ni, saya rasa bebas untuk buat apa je yang saya suka. Kalau sebelum ni bekas suami tak bagi langsung saya bekerja. Saya terpaksa padamkan cita-cita saya dan uruskan rumah tangga. Bila dah berpisah, saya boleh lah nak kejar balik apa yang saya pendam. Alhamdulillah, kehidupan lepas bercerai ni banyak ubah diri saya dan anak-anak.” (R1(2)I-11/12(136)

R2: “Bekas suami saya dulu memang ada masalah. Masalah dia cemburu yang terlampau. Nak bekerja lagi lah dia tak bagi, dia suruh duduk diam-diam je dekat rumah untuk kemas rumah, masak, jaga anak dan layan dia. Kita ni kalau boleh nak lah bekerja, ada duit sendiri. Senang sikit kalau apa-apa jadi. Bila dah jadi macam ni, mujur lah ada hak-hak yang boleh isteri tuntutan bila bercerai.” (R2(2)I-5/12(276)

R3: “Waktu awal berkahwin dulu memang akak bekerja sebagai akauntan. Bekas suami lah suruh akak berhenti, alasan dia takut akak penat dan tak boleh nak urus benda lain bila sama-sama bekerja. Sebab sayang, akak pun berhenti lah. Tak tahu lah pulak ke depannya jadi macam ini. Alhamdulillah, sekarang akak dah boleh kerja balik dan jadi akauntan balik.” (R3(2)I-7/12(378)

Menurut Salmiwati et al., (2021) tugas isteri dianggap sangat penting dalam menjaga rumah dan keluarga. Malah mereka juga berani menceburi profesion yang didominasi oleh lelaki sebelum ini dengan tahap pendidikan yang setanding. Selain itu, isteri telah berjaya meningkatkan potensi diri dan menyumbang kepada pengukuhan keluarga dan ekonomi negara. Senario ini berbeza dengan kehidupan isteri dahulu yang sering melibatkan tanggungjawab menguruskan keluarga dan rumah, menjaga anak malah tidak lari daripada tugas di dapur. Dunianya hanyalah rumah, dikelilingi oleh ibu bapa dan adik-beradiknya (Colonius et al., 2018).

Menurut Tracy Soidi dan Agnis Sombuling (2016), peranan dalam institusi kekeluargaan telah berubah, terutamanya bagi isteri, yang dianggap bukan sahaja sebagai ibu tetapi juga sebagai pekerja. Islam juga memberi kelonggaran dan ruang kepada isteri untuk bekerja menyara keluarga dan menyumbang kemahiran mereka untuk mengukuhkan ekonomi negara. Oleh hal yang demikian, isteri hari ini perlu mempunyai kepakaran untuk memperolehi kecemerlangan dan kestabilan dalam pekerjaan dan keluarga (Naemah & Jasmi, 2021). Landskap kehidupan yang telah mengubah kehidupan mereka selepas perceraian berlaku sememangnya memberi kesan kepada seseorang daripada suri rumah kepada isteri bekerjaya. Mereka juga boleh melakukan pelbagai kerja dengan bebas untuk menampung kehidupan mereka.

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa masa depan isteri yang bercerai lebih terjamin dan lebih baik selepas berpisah. Hal ini kerana mereka dapat menuntut peruntukan yang telah digariskan oleh Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia (Ismail et al., 2017) Mereka tidak lagi menunggu untuk meneruskan kehidupan yang mendatang kerana hak yang diperolehi dapat menampung kehidupannya sehari-hari, bukan sahaja untuk dirinya sendiri malah untuk anak-anaknya. Segala keperluan boleh disediakan dan tidak lagi bergantung kepada bekas pasangan. Mereka tidak perlu untuk menghubungi atau berinteraksi dengan bekas pasangannya lagi. Malah

mereka boleh membina kerjaya mereka sendiri tanpa mengharapkan bantuan dari pihak lain (Nor Asmah, 2020 dipetik dalam Wan Ahmad, 2023).

3. Kekuatan jati diri dan lebih berdikari

Seterusnya, hak-hak positif ketiga isteri yang bercerai adalah menjadi isteri yang kuat dan mampu untuk berdikari. Stigma masyarakat selalu memandang kaum isteri sebagai seseorang tidak berdaya, yang mempunyai kelemahan, dan terlalu mengharapkan sosok lelaki dalam kehidupan mereka. Tidak dinafikan ada sebahagian isteri memang mengharapkan sepenuhnya kepada suami selepas berkahwin. Hal ini terjadi dalam kehidupan responden yang ditemu bual menyatakan mereka bergantung sepenuhnya kepada bekas suami untuk memenuhi keperluan masing-masing. Apabila terjadinya perceraian, mereka bagai hilang tempat untuk berharap. Hal yang demikian mendorong isteri bercerai ini untuk bangkit keluar dari posisi dan situasi ini. Seorang isteri tidak perlu takut untuk menjadi diri sendiri dengan mengeluarkan serta menunjukkan kekuatan dan keteguhan diri (Awang et al., 2019).

Mereka juga mengetahui apa yang diinginkan dalam kehidupan mereka dan meletakkan suatu matlamat dalam diri serta berusaha untuk mencapai matlamat tersebut. Hal ini tidak terbatas dalam pekerjaan atau berkaitan dengan matlamat kehidupan sahaja (Awang et al., 2019). Bukan itu sahaja, mereka menjadi lebih berani untuk ke depan dan menyelesaikan masalah mereka sendiri. Isteri bercerai ini juga berusaha semaksimum mungkin untuk memenuhi tanggungjawab dan keperluan mereka serta anak-anak. Mereka juga tidak bergantung kepada bantuan daripada keluarganya seperti ibu bapa dan adik beradik serta bantuan dari pihak luar untuk meneruskan kehidupan. Jika difikirkan, bantuan luar seperti zakat atau bantuan kerajaan, walaupun diberikan setiap bulan tetapi hanya dalam tempoh tertentu sahaja (Nor Asmah, 2020 dipetik dalam Wan Ahmad, 2023).

Tambahan pula, bantuan ini dilihat tidak banyak memberi manfaat kepada ibu tunggal terutama mereka yang tidak mendapat pendedahan mengenai bantuan tersebut. Di Malaysia, kerajaan memberi perhatian khusus kepada ibu tunggal dan golongan yang bercerai. Pelan Tindakan Kebangsaan Memperkasa Ibu Tunggal 2015-2020 telah disahkan pada tahun 2015 serta mengklasifikasikan ibu tunggal sebagai ketua rumah dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam rumah tangga yang sama. Peranan ibu tunggal dipandang amat sukar untuk meneruskan kehidupan dan pelan tindakan ini menjadi petunjuk dan titik panduan kepada masyarakat dan pihak berkepentingan dalam isu pembangunan negara (Noor Hassline et al., 2019).

Peranan isteri yang diceraikan bukan sahaja tertumpu kepada urusan mengurus keluarga, tetapi perlu juga memberi tumpuan kepada keseimbangan ekonomi dan melihat perkembangan anak-anak mereka dari segi mental dan fizikal serta dalam pendidikan. Di samping menguruskan keperluan yang lain, terutamanya dalam bidang pendidikan dan penjagaan kesihatan, kos sara hidup juga semakin meningkat. Jadi, wujudnya sifat berdikari ini mampu untuk menampung kewangan mereka dengan mencari pekerjaan, membuat simpanan peribadi, mengumpul harta untuk kehidupan masa hadapan (Mohd Khir & Sabri, 2020).

R1: “Peristiwa ini sangat berbekas di hati saya. Dari situasi ini juga saya belajar untuk menjadi lebih matang dalam membuat suatu keputusan. Pada mulanya benda ini bukanlah perkara yang mudah untuk ditempuhi tapi proses dia yang membuatkan saya jadi lebih kuat dan berani untuk meneruskan kehidupan seperti biasanya. Saya tak bergantung dengan keluarga sangat sebab saya tahu mereka pun ada komitmen lain untuk buat, jadi saya sendiri kena berdikari dan buat apa yang saya mampu untuk tampung hidup saya dan anak-anak” (R1(1)I-26/11(103))

R2: “Ini adalah satu pengalaman yang baru untuk saya. Jadi saya tekadkan dalam hati yang saya kena buat sesuatu untuk keluarga kecil saya. Saya dah tak fikir orang lain, yang saya

hanya fikir adalah anak-anak. Lepas je berpisah bukan nya hak tuntutan boleh dapat terus. Makan masa juga nak dapat hak-hak kita. Jadi saya yang kena buat sesuatu tapi dalam masa yang sama saya taknak susahkan orang lain.” (R2(1)I-27/11(302)

Daripada pengamatan pengkaji, isteri yang bercerai ini menjadi lebih kuat dengan melakukan pelbagai pekerjaan untuk menyara kehidupan mereka. Selain daripada stigma masyarakat yang menjadi salah satu faktor yang menjadikan mereka lebih kuat, proses ini merupakan satu cara untuk menyesuaikan diri bagi memikul tugas utama dalam kehidupan mereka yang menjadikan mereka seorang yang berdikari (Siti Marziah et al., 2019). Perkataan berdikari itu sudah sebatu dalam kehidupan mereka kerana responden berpendapat bahawa perkara ini yang membuatkan mereka tidak bergantung dengan orang lain. Setiap cabaran yang dilalui oleh isteri bercerai perlu mendapat sokongan supaya mereka menjadi lebih kuat menghadapi semuanya.

4. Kawalan emosi lebih stabil

Akhir sekali, kesan positif isteri selepas perceraian adalah emosi isteri menjadi lebih stabil. Menurut pakar Psikologi Belia dan Pembangunan Komuniti, Balan Rathakrishnan (2021) berkata, setiap individu haruslah selalu berfikir ke arah positif kerana apabila individu selalu memikirkan hal yang negatif, maka kesannya adalah tidak baik, terutamanya dalam hal kesihatan mental. Berfikir secara positif dapat mempengaruhi perasaan dan emosi seseorang serta tingkah laku mereka. Tambahnya lagi, apabila seseorang itu belajar untuk mengendalikan fikiran positif dan perasaan yang baik, keputusannya akan membuahkan hasil yang baik.

Menurut Wan et al (1996) dipetik dalam Noor Hassline et al. (2019), mendapati ibu tunggal boleh memperolehi kesejahteraan emosi yang baik apabila mereka mendapat sokongan penuh daripada keluarga dan masyarakat di sekeliling mereka. Jika dilihat dalam kehidupan responden sebelum perceraian, menunjukkan bahawa emosi mereka berada pada tahap yang teruk. Mereka terlalu banyak memikirkan jalan atau cara untuk menyelesaikan konflik yang timbul dalam kehidupannya. Hal ini menyebabkan emosi mereka terganggu dari segi fizikal dan mental (Balan Rathakrishnan, 2021).

Setelah mereka bercerai, emosi isteri ini bagai dipulihkan semula. Mereka tidak lagi mempunyai tekanan emosi yang melampau kerana tidak perlu lagi memikirkan cara-cara untuk menyelesaikan masalah yang timbul ketika masih berstatus isteri dan tidak lagi terikat dengan bekas pasangan masing-masing (Zakaria et al., 2019). Responden memberi maklum balas yang positif apabila mereka menyatakan mereka tidak lagi mempunyai keresahan dan ketakutan untuk menghadapi stigma masyarakat dan sebagainya. Hal ini kerana mereka mengetahui peruntukan yang boleh dituntut selepas perceraian.

R1: “Semasa dalam perkahwinan, mental dan fizikal saya sangat *drained*. Saya banyak terganggu dengan macam-macam. Nak kena jaga hati suami dan anak-anak, belum masuk lagi nak jaga hati mertua dan ipar duai. Kadang-kadang fikiran kita sendiri tak *okay*. Kita tak dapat *me time* untuk pulihkan emosi kita sendiri. Sekarang kita tak perlu fikir dah semua tu, kita dah bebas. Mental dan fizikal saya pun lebih baik dari sebelumnya.” (R1(2)I-11/12(157)

Apabila emosi dan perasaan isteri bercerai ini stabil maka dapat menghilangkan kebimbangan atau kerisauan yang dihadapi oleh mereka. Isteri yang bercerai juga tidak lagi menghadapi gangguan dari segi mental mahupun fizikal yang mampu membuatkan emosi mereka menjadi kacau (Noor Hassline et al., 2019). Fikiran mereka menjadi lapang dan tenang tanpa harus memikirkan kesulitan yang akan dihadapi. Apabila fikirannya menjadi tenang, mereka akan berfikir positif, menyelesaikan masalah dengan bijak, menyesuaikan diri dengan situasi dan menikmati kebahagiaan

hidup. Walaupun mereka perlu mengatur masa untuk diri sendiri selain daripada menguruskan anak dan bekerja, mereka kurang rasa terbeban seperti semasa tempoh perkahwinan (Zakaria et al., 2019).

Malah, senario tekanan hidup yang semakin meningkat seperti yang berlaku di Malaysia ketika ini mewakili tekanan ekonomi dan sosial untuk mengisi kehidupan ibu tunggal dengan pelbagai cabaran tetapi bukan untuk menjengkelkan emosi mereka. Mereka mempunyai ruang tersendiri dan pandai membahagikan masa untuk memulihkan mental dan fizikal mereka daripada kepenatan, kemurungan, kelesuan dan sebagainya. Selain itu, mereka menjadi lebih bijak untuk mengatur masa supaya tidak mengalami tekanan perasaan dan dapat meluangkan lebih banyak masa dengan keluarga (Siti Nur Aisyah & Risna Amalia, 2020). Hasil perbualan pengkaji dengan seorang responden dalam temu bual menunjukkan bahawa isteri yang bercerai lebih mampu mengawal dan mengatur emosi mereka dalam sesuatu situasi.

R2: “Akak memang pandang semuanya dalam sudut positif. Kalau kita asyik nak dengar apa kata orang, orang panggil kita janda lah, ibu tunggal lah, semua tu memang menyakitkan tapi kita sendiri kena pandai *manage* lah perasaan kita. Akak dah jadi kurang marah-marah, sedih, termenung dan seangkatan dengannya.”

Kesan positif yang dapat dirungkaikan setelah isteri mempunyai kesedaran dalam hak-hak selepas perceraian sangat memberi kesan yang baik dalam kehidupan mereka. Walaupun kita sering mendengar dari sudut negatif tentang ibu tunggal selepas perceraian, sebenarnya itu tidaklah seteruk yang difikirkan oleh masyarakat. Mereka yang bercerai dapat menahan emosi mereka daripada melakukan perkara yang buruk. Apabila mereka melihat dari sudut positif, terlalu banyak perkara yang mereka boleh lakukan. Mereka perlu mempunyai keyakinan dan kepercayaan diri untuk melakukan sesuatu perkara. Unsur keyakinan dan kepercayaan menjadi salah satu faktor dalaman yang penting untuk menentukan kejayaan dan hala tuju seseorang. Keyakinan diri isteri yang bercerai juga dibentuk oleh kesukaran hidup dan pengalaman terdahulu (Mohd Khir & Sabri, 2020).

Secara tuntasnya, dapatlah dirumuskan bahawa kesan positif ini banyak membantu sedikit sebanyak kaum isteri di luar sana yang menghadapi isu perceraian. Kesedaran isteri tentang haknya memainkan peranan yang penting untuk menjamin dan melindungi kaum isteri itu tersendiri (Wan Hassan & Abdullah, 2014). Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran golongan wanita, dicadangkan agar pihak kerajaan juga memainkan peranan dalam membantu golongan ini untuk mengetahui hak-hak mereka dengan melakukan program-program serta kursus tentang hak-hak isteri selepas bercerai. Hal ini bertujuan supaya golongan wanita mempunyai ilmu dalam menghadapi kehidupan berumah tangga.

Kesimpulan

Dalam kajian ini, pengkaji dapat menghuraikan empat kesan positif yang diperoleh daripada kesedaran isteri tentang hak-hak selepas perceraian. Kesan positif yang pertama adalah nafkah anak lebih terjamin daripada sebelumnya. Hal ini dapat dilihat dari tuntutan yang diperoleh oleh isteri selepas membuat tuntutan hak nafkah anak di mahkamah. Kesan positif yang kedua pula dapat dilihat bahawa kemampuan isteri bercerai dalam membina kerjaya mereka sendiri. Kesan positif ketiga adalah wanita bercerai mempunyai kekuatan jati diri dan menjadi lebih berdikari daripada sebelumnya. Jika sebelum ini mereka bergantung hanya kepada suami, tetapi kini mereka boleh berdikari dengan sendirinya. Kesan positif yang terakhir adalah kawalan emosi mereka menjadi lebih stabil daripada sebelumnya. Hal ini kerana mereka tidak perlu lagi memikirkan kemelut atau masalah yang terjadi pada perkahwinan yang lepas. Kesedaran tentang hak isteri ini sangat penting kepada golongan wanita supaya mereka tidak ditindas oleh sistem yang ada serta kekejaman manusia seterusnya membawa kepada kebahagiaan dan keseimbangan hidup mereka.

Pengkaji percaya bahawa semua pihak perlu berusaha untuk menyedarkan isteri tentang hak mereka seperti nafkah *mut'ah*, pembahagian harta sepencarian, dan hak hadanah. Ini kerana kejahilan mereka seolah-olah menidakkan hak peruntukan ini malah mereka merasakan mereka tidak dilindungi. Realitinya isteri yang bercerai sangat memerlukan hak peruntukan ini tetapi kejahilan mereka menyebabkan mereka menderita. Oleh itu, sokongan daripada pelbagai pihak diperlukan untuk melengkapkan isteri dengan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran tentang hak yang mesti mereka terima. Apabila ramai isteri mengetahui hak peruntukan ini, ianya akan memberi kesan positif pada kehidupan mereka selepas penceraian seperti lebih bersikap terbuka dan berani untuk tampil memperjuangkan nasib mereka. Bukan hanya duduk di rumah mengenangkan nasib diri yang ditinggalkan. Kaum isteri mestilah cakna dalam semua situasi tentang perihal dan peruntukan yang boleh diperolehi selepas berlakunya suatu perceraian. Oleh itu, kajian lanjutan diperlukan untuk meningkatkan kesedaran positif isteri terhadap hak-hak mereka selepas perceraian.

Rujukan

- Awang, N., Yusoff, A., Mat Isa, A. A., Mohd Yusof, S. B., Yusof, S., & Nordin, N. (2019). Kesedaran isteri Muslim tentang hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan kerjaya: Kajian kes di UNITEN dan UPM. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 171–187
- Balan Rathakrishnan. (2021, October 8). Berfikiran positif, bantu tangani kesihatan mental pelajar era pandemik. <https://www.utusanborneo.com.my/2021/10/08/berfikiran-positif-bantu-tangani-kesihatan-mental-pelajar-era-pandemik>
- Colonius, A., Ghazali, S., Andin, C., & Ag Kiflee, D. N. (2015). *Integriti dalam keluarga*. IIM Press.
- Eriyanda, D., & Khairani, M. (2018). Kebersyukuran dan kebahagiaan pada wanita yang bercerai di Aceh. *PSIKODIMENSIA*, 16(2), 189. <https://doi.org/10.24167/psiko.v16i2.1269>
- Hamzah N., Mustari M. I., & Basiron B. (2013). *Kemahiran yang diperlukan bagi wanita bekerjaya dan berumah tangga masa kini*. Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13]. 2013. 252-262. ISBN: 978-967-12085-0-2. https://eprints.utm.my/53491/1/NaemahHamzah2013_Kemahiranyangdiperlukanbagiwanita.pdf
- Haszuraidah, I., & Kamarul Azmi, J. (2022). Perceraian pasangan Islam di Malaysia. *Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST)*, 4(2) 2022, 335-340. Universiti Teknologi Malaysia (UTM). eISSN: 2805 556X.
- Ismail, M. H., & Sulong, J. (2021). Pemberian nafkah anak oleh waris: Pelaksanaan dan kekangan undang-undang. *Journal of Muwafaqat*, 4(2), 18–31. Retrieved from <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/87>
- Ismail, M. K. A., Abdullah, R., & Wan Hassan, S. N. (2017). Perlukah wanita dididik dengan hak-hak wanita selepas perceraian. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 2(2). <https://sare.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/5483/3253>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016, Ogos 2). *Dasar perlindungan kanak-kanak negara*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=TIFwUVczNORLO3VIRDFqRTFmVENuZz09>

- Jakfar, T. M., & Fakhrurrazi, F. (2017). Kewajiban nafkah *ushul* dan *furu'* menurut mazhab Syafi'i. *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga Dan Hukum Islam*, 1(2), 352–371. <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/samarah/article/view/2385/1725>
- Mat Hussin, M. N., & Aizat Fauzi, M. F. (2023). Pembayaran nafkah anak melalui potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja: Suatu alternatif. *UUM Journal of Legal Studies*, 14(1), 333-363. <https://doi.org/10.32890/uumjls2023.14.1.13>
- Mohd Hilmi, M., & Kamaliah, S. (2013). Kempen pencegahan H1N1: Kajian tentang pengetahuan, sikap dan amalan penduduk di Timur Laut Pulau Pinang. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 127–140. <https://journalarticle.ukm.my/6425/>
- Mohd Khir, A., & Sabri, N. L. (2020, December). Cabaran dan faktor kejayaan usahawan ibu tunggal di Negeri Perak, *Malaysian Journal of Human Ecology (MJHE)*. 1 (3) 2020.
- Mohd Zaidi Md Zain @ Zakaria , & Raihanah Abdullah. (2018). Tuntutan fasakh: kajian dari perspektif undang-undang tatacara mal: Fasakh Proceedings: A Study from Perspective of Shariah Courts Civil Procedure. *Journal of Shariah Law Research*, 3(1), 1–34. <https://doi.org/10.22452/http://doi.org/10.22452/JSLR.vol3no1.1>
- Muhadi, M. S. (2018, Oktober 25). *Hukum guna duit suami secara rahsia untuk diberikan kepada ibu bapa*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Al-Kafi #867. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2707-al-kafi-867-hukum-guna-duit-suami-secara-rahsia-untuk-diberikan-kepada-ibu-bapa>
- Mustafa, R., & Zaini Nasohah. (2022). Sorotan literatur kesedaran wanita bekerjaya tentang hak-hak selepas perceraian. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2). <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.2.587>
- Naemah, H., & Jasmi, K. A. (2021). *Wanita berkerjaya yang cemerlang*. Penerbit UTM Press.
- Nasri, M. S., Suhardi, M. S. S., & Ismail, M. A. M. (2020). Hak isteri selepas perceraian menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Analisis faktor penghalang memperolehnya. *Journal of Law and Governance*, 3(1), 42–58.
- Noor Hassline, M., Nurul Shafini, S., Noremy, M. A., Suzana, M. H., Jamiah, M., & Siti Marziah, Z. (2019). Kesejahteraan emosi golongan ibu tunggal: Cabaran hidup sebagai ibu tunggal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(24), 69-84.
- Roslan, M. M., & Hanis Sofea. (2024). Kepimpinan Mufti Harussani dalam institusi kekeluargaan: Analisis pendidikan. *Journal of Fatwa Management and Research* 29(2):79-98. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no2.562>
- Salmiwati, O., Roshima, S., & Mahadir, L. (2021, Disember 6). *Wanita dalam konsep keluarga malaysia*. BERNAMA. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2030475>
- Siti Marziah, Z., Nor Hazila, M. T., & Nor Ba'ayah, A. K. (2019). Konflik peranan dalam kalangan ibu bekerjaya: Analisis kajian daripada pelbagai negara dan era. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 6(2), 137-147.

- Siti Nur Aisyah, & Risna Amalia. (2020). *Post traumatic growth* pada isteri yang bercerai. *Indonesian Psychological Research* 2(1):22-28.
- Sitiris, M., Mat Jubri @ Shamsuddin, M., Zakaria, M. S., & Mokhtar, M. N. (2021). Talak *taklik* menurut Fiqah: Analisis pelaksanaannya dalam Undang-Undang Keluarga Islam serta arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 33(1), 97–130. [https://doi.org/10.37052/kanun.33\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/kanun.33(1)no5)
- Suhana Adnan. (2017). *Wanita berperanan dalam sektor pekerjaan*. [Manuskrip yang tidak diterbitkan]. Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan. Universiti Malaysia Sabah.
- Tracy Soidi, & Agnis Sombuling. (2016). Pengaruh konflik kerja dan keluarga terhadap kepuasan keibubapaan dalam kalangan ibu bekerja. *Southeast Asia Psychology Journal*, 4, (2016) 17-23. <http://www.cseap.edu.my/sapi>
- Wan Ahmad, W. A. (2023). *Review of Perspektif: Realiti dan Cabaran Wanita Bekerjaya*. Upm.edu.my. http://www.upm.edu.my/artikel/women_and_careers-73747
- Wan Hassan, S. N., & Abdullah, R. (2014). Pengajaran pendidikan hak-hak wanita Muslim: Pengalaman Institut Pendidikan Guru di Sarawak. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*.
- Zakaria, S. M., Shafurdin, N. S., Md Akhir, N., Md Hoesni, S., & Manap, J. (2019). Cabaran hidup ibu tunggal: Kesan terhadap kesejahteraan emosi. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(24), 69-84. eISSN: 0128-164X.

Kesan Teknologi Perniagaan dalam Talian terhadap Minda Pelajar: Kertas Konsep

The Impact of Online Business Technology on the Student's Mind: A Conceptual Paper

Farah Shameerah Hani, M.H (Corresponding Author)
Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat,
Universiti Sultan Azlan Shah
Email: farahhilmi.work@gmail.com

Nor Hafizah, A.L.K.
Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat,
Universiti Sultan Azlan Shah
Email: hafizahkhan@usas.edu.my


Abstrak

Kehadiran teknologi digital menjadi keutamaan kerana ia hampir mengubah setiap aspek kehidupan seperti mengubah cara kita berkomunikasi, menjalankan perniagaan, dan mengakses maklumat serta memperkenalkan perubahan dalam landskap pendidikan masa kini. Di samping itu, kerajaan telah memperuntukkan kepada Pusat Ekonomi Digital (PEDi) untuk membantu golongan usahawan meningkatkan tahap sosioekonomi serta memberi sumbangan bagi pertumbuhan ekonomi digital negara. Bagi usahawan pelajar, perniagaan dalam talian ini membuka peluang yang luas dengan membolehkan mereka memulakan perniagaan dengan kos yang rendah dan jangkauan global yang luas. Tambahan pula, kertas konsep ini menggariskan cabaran yang berkaitan dengan pendidikan dan digitalisasi perniagaan yang perlu diatasi bagi membantu pelajar dapat memahami konsep perniagaan secara lebih mendalam dan memperolehi kemahiran keusahawanan yang diperlukan. Program pendidikan yang disusun memberikan pengetahuan dan kemahiran praktikal dalam pengurusan perniagaan dalam talian, pemasaran digital, analisis data dan pengurusan risiko dalam konteks digital. Di samping itu, dengan memberi tumpuan kepada kesan positif dan cabaran tersebut, kertas konsep ini dapat membentangkan satu pandangan terhadap teknologi digital dan inisiatif kerajaan yang dapat membantu perkembangan minda pelajar agar lebih terdedah kepada pelbagai kemungkinan dengan peluang baru melalui penggunaan teknologi ini.

Kata Kunci: Perniagaan dalam Talian; Minda Pelajar; Teknologi Perniagaan dalam Talian; Pelajar.

Pengenalan

Dalam era yang ditakrifkan oleh kemajuan teknologi yang pesat, integrasi teknologi perniagaan dalam talian telah mengubah landskap perdagangan secara menyeluruh (Lee, 2022). Fenomena ini juga jelas terlihat di Malaysia, di mana kemajuan teknologi dan internet telah membawa perubahan yang signifikan dalam cara masyarakat menjalankan perniagaan dan mengakses pendidikan. Oleh itu, dengan menyediakan akses kepada infrastruktur yang baik, Malaysia bukan sahaja akan merangsang pertumbuhan ekonomi digital, tetapi juga akan memperkasakan komuniti untuk turut serta dalam ekonomi digital seperti dalam Rajah 1. Ini akan merentasi pelbagai industri termasuk pertanian, pendidikan, penjagaan kesihatan, dan pembuatan.



Rajah 1 : Pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA)

Pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), yang merupakan pelan lima tahun dari 2020 hingga 2025, serta Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), meletakkan Malaysia di landasan yang betul untuk membuka potensi penuh inovasi teknologi dan transformasi digital. Dengan pelancaran MyDIGITAL, Malaysia dijangka menjadi negara digital terkemuka, menerajui ekonomi digital menjelang 2030 dan memastikan negara kekal berdaya saing dalam era digitalisasi. Inisiatif ini juga bertujuan memastikan setiap rakyat Malaysia mempunyai kesalinghubungan menyeluruh menjelang 2025, membolehkan semua lapisan masyarakat mendapat manfaat daripadanya. Menariknya, menjelang akhir JENDELA Fasa 1 pada Disember 2022, Malaysia telah mencapai liputan yang lebih luas dan kualiti pengalaman yang lebih baik untuk pengguna teknologi digital. Di samping itu, percambahan teknologi perniagaan dalam talian telah mendemokratisasikan akses kepada barangan, perkhidmatan dan maklumat, membentuk semula cara perdagangan dan komunikasi tradisional.

Tambahan pula, perniagaan dalam talian telah membuka peluang baharu untuk para usahawan. Sebagai contoh, program seperti eRezeki dan eUsahawan bertujuan melengkapkan individu dengan kemahiran digital yang diperlukan untuk berkembang dalam ekonomi digital. Program eRezeki memfokuskan kepada membantu golongan berpendapatan rendah menjana pendapatan tambahan melalui platform digital, manakala eUsahawan memberikan latihan dan pengetahuan kepada usahawan supaya mereka dapat memanfaatkan teknologi digital dalam perniagaan mereka.

Di Malaysia, banyak syarikat kecil dan sederhana (PKS) memanfaatkan media sosial dan platform e-dagang untuk mencapai pasaran yang lebih luas, sekaligus mengurangkan keperluan modal permulaan yang tinggi bagi perniagaan tradisional. Dengan menggunakan media sosial, PKS dapat mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka kepada audiens yang lebih besar tanpa kos pemasaran yang tinggi. Platform e-dagang seperti Lazada, Shopee, dan Zalora membolehkan PKS menjual produk mereka secara dalam talian, memberikan akses kepada pasaran global dengan kos operasi yang lebih rendah.

Kemajuan teknologi dan inisiatif digital yang dijalankan seperti eRezeki dan eUsahawan bukan sahaja memberi manfaat kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), tetapi juga menawarkan kelebihan yang signifikan kepada pelajar. Inisiatif-inisiatif ini memainkan peranan penting dalam memperkenalkan pelajar kepada ekonomi digital, menyediakan mereka dengan kemahiran yang relevan, dan membantu mereka memanfaatkan peluang pekerjaan dalam era teknologi yang semakin berkembang. Tambahan pula, platform pembelajaran dalam talian membolehkan pelajar daripada pelbagai latar belakang untuk mendapat akses kepada kursus dan latihan yang berkualiti tinggi. Latihan ini termasuklah latihan dalam bidang keusahawanan, pemasaran digital, dan teknologi maklumat. Pengaksesan yang lebih luas, pelajar dapat belajar pada masa dan tempat yang sesuai dengan mereka, mengurangkan halangan geografi dan menjimatkan kos. Pada masa yang sama, pelajar dilatih dalam kemahiran digital yang kritikal seperti pengurusan media sosial, analisis data, dan e-dagang. Kemahiran-kemahiran ini bukan sahaja penting untuk kejayaan dalam perniagaan digital tetapi juga meningkatkan kebolehpasaran pelajar dalam pasaran kerja yang kompetitif. Penguasaan kemahiran ini membolehkan mereka menjadi lebih bersedia menghadapi tuntutan dunia pekerjaan yang semakin digital.

Teknologi digital telah mewujudkan persekitaran *hyperconnected* di mana pelajar sentiasa dihujani dengan iklan, pemberitahuan dan interaksi rakan sebaya. Pendedahan tanpa henti kepada rangsangan dalam talian ini berpotensi untuk mengubah perhatian, proses membuat keputusan dan dinamik interpersonal, membentuk cara pelajar melihat, memproses dan melibatkan diri dengan maklumat. Pendedahan ini membantu memperkayakan pengalaman pembelajaran dan membina rangkaian profesional pelajar sejak awal. Pendedahan kepada teknologi terkini dan latihan dalam kemahiran digital membolehkan pelajar lebih bersedia untuk bersaing pada peringkat global. Mereka bukan sahaja memperoleh pengetahuan tetapi juga berkemampuan untuk mengaplikasikan teknologi dalam pelbagai konteks dan menjadikan mereka aset berharga dalam pasaran kerja antarabangsa.

Program eUsahawan ini dapat menggalakkan pelajar untuk meneroka peluang keusahawanan dengan membimbing mereka dalam memulakan perniagaan dalam talian. Pelajar mendapat pengetahuan untuk membangunkan dan menguruskan perniagaan mereka sendiri, dari peringkat idea hingga ke tahap pelaksanaan serta pengurusan. Dorongan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar menyediakan mereka dengan peluang untuk menjana pendapatan sendiri.

Perniagaan dalam talian juga memerlukan tenaga kerja yang celik digital. Oleh itu, terdapat peningkatan dalam kursus latihan dan pembangunan kemahiran dalam talian yang menawarkan pengetahuan dalam bidang seperti pemasaran digital, pengurusan data, dan teknologi maklumat. Universiti dan kolej di Malaysia telah menyesuaikan kurikulum mereka dengan memasukkan elemen-elemen teknologi ini bagi memastikan graduan mereka bersedia untuk memasuki pasaran kerja yang semakin digital.

Peralihan kepada model perniagaan dalam talian telah mentakrifkan semula tanggapan tradisional tentang keusahawanan dan pekerjaan, menawarkan pelajar peluang baharu untuk membangunkan kemahiran literasi digital, meneruskan usaha inovatif dan memupuk komuniti maya. Walau bagaimanapun, landskap digital ini banyak cabarannya, kerana pelajar bergelut dengan isu seperti lebih maklumat, gangguan digital dan kebimbangan privasi. Gangguan digital pula seperti media sosial, permainan dalam talian, dan notifikasi berterusan boleh menjejaskan tumpuan dan produktiviti mereka. Selain itu, kebimbangan mengenai privasi data dan keselamatan siber menjadi isu penting, kerana pelajar perlu memastikan maklumat peribadi mereka dilindungi dalam persekitaran digital yang semakin kompleks. Oleh itu, adalah penting untuk memberikan bimbingan dan sokongan kepada pelajar dalam menguruskan cabaran ini. Program pendidikan yang menekankan literasi digital, keselamatan siber, dan pengurusan masa boleh membantu pelajar menerokai dunia digital dengan lebih berkesan. Pendekatan yang tepat, peralihan kepada model perniagaan dalam

talian bukan sahaja boleh membuka peluang baharu tetapi juga menyediakan asas yang kukuh untuk masa depan keusahawanan dan pekerjaan digital.

Objektif

Objektif umum kertas konsep ini adalah:

1. Untuk mengenal pasti pengaruh teknologi perniagaan dalam talian pembangunan kemahiran keusahawanan pelajar.
2. Untuk mengenal pasti perubahan dalam berfikir dan pendekatan pembelajaran yang disebabkan oleh penggunaan teknologi.
3. Untuk mengetahui bantuan kerajaan bagi mengatasi cabaran dan mengoptimumkan peluang yang berkaitan dengan penggunaan teknologi perniagaan dalam talian untuk meningkatkan usahawan dalam kalangan pelajar.

Tinjauan Literatur

Kemunculan teknologi perniagaan dalam talian telah merevolusikan landskap keusahawanan, terutama kesannya kepada cara pelajar membangunkan kemahiran keusahawanan, berfikir dan belajar (Laudon dan Traver, 2020). Belousova et al. (2020) dan Aima et al. (2020), bersetuju bahawa pemikiran keusahawanan telah dikenal pasti sebagai faktor penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan dalam kalangan usahawan. Selain itu, Allen (2020) menyokong bahawa sarjana terkemuka telah mengenal pasti minda keusahawanan sebagai pemboleh ubah yang signifikan dalam kajian keusahawanan. Oleh itu, memupuk minda yang kondusif kepada permulaan perniagaan melibatkan beberapa dimensi utama, termasuk pendidikan keusahawanan, sikap terhadap keusahawanan, dan efikasi sendiri. Dengan pendekatan inovatif ini, dapat melibatkan peralihan pemikiran mereka untuk meneroka idea dan penyelesaian yang tidak konvensional, memupuk persekitaran di mana kreativiti berkembang maju dan membawa kepada kejayaan dalam usaha keusahawanan. Pemikiran kreatif ini, menyediakan pelajar untuk menangani cabaran dengan perspektif baharu. Pembangunan cara penyelesaian yang unik akan memberi inspirasi yang boleh memacu kemajuan dan inovasi dalam pelbagai bidang.

Kajian telah menunjukkan bahawa teknologi perniagaan dalam talian meningkatkan kreativiti dan inovasi pelajar. Menurut Lee dan Lee (2019), pelajar yang terlibat dengan perniagaan dalam talian cenderung untuk membangunkan kemahiran menyelesaikan masalah yang unik dan keupayaan untuk berfikir secara kritis tentang permintaan dan trend pasaran. Ini disokong oleh penemuan Brown (2021), yang berpendapat bahawa maklum balas masa nyata daripada pelanggan dalam talian membantu pelajar untuk melelakan dan menambah baik model perniagaan mereka dengan pantas, sekali gus meningkatkan ketajaman keusahawanan mereka.

Selain itu, skop carian maklumat tidak lagi terhad kepada teks semata-mata, ia kini merangkumi pelbagai jenis media elektronik, termasuk rajah, jadual, carta grafik, audio dan animasi. Kepelbagaian ini memenuhi keperluan pengguna dan gaya pembelajaran yang berbeza, meningkatkan keberkesanan dan kefahaman maklumat yang disampaikan. Teknologi perniagaan dalam talian, merangkumi platform e-dagang, media sosial dan alat pemasaran digital, menyediakan persekitaran yang kaya untuk pelajar membangunkan kemahiran keusahawanan. Penyelidikan oleh Thompson (2023), menunjukkan bahawa pendedahan kepada persekitaran perniagaan dalam talian membolehkan pelajar memperoleh kemahiran praktikal dalam pemasaran, penglibatan pelanggan dan pengurusan kewangan. Tambahan pula, platform digital membolehkan pelajar memulakan dan mengurus perniagaan mereka dengan pelaburan awal yang minimum. Menurut Smith (2020), pengalaman pembelajaran secara langsung amat penting untuk pembangunan kemahiran seseorang.

Integrasi teknologi dalam pendidikan telah meningkatkan penglibatan pelajar dengan ketara dan meningkatkan keupayaan mereka untuk menyerap maklumat yang disampaikan oleh pengajar. Dalam dunia hari ini, peranti teknologi telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian untuk generasi muda. Kehadiran teknologi yang meluas ini dalam kehidupan mereka telah menjadikannya sebagai alat pembelajaran yang semula jadi dan berkesan. Tambahan pula, dengan memanfaatkan alatan dan sumber digital dapat mengubah pendekatan pemikiran dan pembelajaran pelajar mengikut kesesuaian dan pilihan mereka. Kaedah pedagogi tradisional semakin ke arah pembelajaran berasaskan teknologi. Menurut Anderson dan Simpson (2018), penggunaan alatan perniagaan dalam talian dalam tetapan pendidikan menggalakkan pendekatan pembelajaran yang lebih interaktif dan berpusatkan pelajar. Anjakan ini dicirikan oleh autonomi yang lebih besar dalam pembelajaran, di mana pelajar terlibat secara aktif dengan sumber digital dan menggunakan pengetahuan teori kepada senario dunia sebenar.

Kini, penggunaan teknologi perniagaan dalam talian menggalakkan pembelajaran kolaboratif. Seperti yang dinyatakan oleh Zhao dan Frank (2020), platform seperti Google Workspace dan Slack memudahkan kerja berpasukan dalam kalangan pelajar, membolehkan mereka berkongsi idea dan bekerjasama dalam projek tanpa mengira halangan geografi. Persekitaran kolaboratif ini bukan sahaja meningkatkan hasil pembelajaran tetapi juga mencerminkan sifat kolaboratif usaha niaga keusahawanan moden.

Celik digital ialah satu lagi perubahan ketara yang dibawa oleh teknologi perniagaan dalam talian. Semasa pelajar menerokai pelbagai platform digital, mereka membangunkan kemahiran penting dalam literasi maklumat, keselamatan siber dan analisis data (Miller, 2022). Kemahiran ini semakin penting dalam ekonomi digital dan menyediakan pelajar dengan kelebihan daya saing dalam pasaran kerja.

Kerajaan di seluruh dunia mengiktiraf potensi teknologi perniagaan dalam talian dalam memupuk keusahawanan dalam kalangan pelajar dan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menyokong perkembangan ini. Di Amerika Syarikat, Pentadbiran Perniagaan Kecil (SBA) menawarkan program dan sumber yang ditujukan khusus kepada usahawan muda, termasuk modul latihan dalam talian dan peluang pembiayaan (SBA, 2023). Begitu juga, Kesatuan Eropah telah memulakan Pelan Tindakan Pendidikan Digital, termasuk mempromosikan pendidikan keusahawanan dan kemahiran digital dalam kalangan pelajar (European Commission, 2021).

Kekangan dalam mengakses capaian teknologi yang sama dan jurang penggunaan digital tetap wujud. Justeru, UNESCO (2022), menyarankan agar pihak kerajaan melabur dalam infrastruktur dan menyediakan subsidi untuk mengakses teknologi di kawasan yang kurang mendapat capaian internet. Tambahan pula, dasar yang bertujuan untuk mengintegrasikan literasi digital ke dalam kurikulum sekolah sedang dibangunkan bagi memastikan semua pelajar, tanpa mengira latar belakang sosio-ekonomi mereka, boleh mendapat manfaat daripada teknologi perniagaan dalam talian (OECD, 2020).

Peranan kerajaan tidak dapat disangkal lagi dalam membentuk persekitaran yang membolehkan pelajar dalam bidang usahawan melalui rangka kerja kawal selia yang dapat menghasilkan pelbagai inovasi dan mengurangkan cabaran yang mampu mematahkan semangat mereka dalam era digital yang serba canggih ini. Oleh itu, dengan melaksanakan dasar yang menyelaraskan proses pendaftaran perniagaan dan menyediakan insentif cukai untuk pemula, sekali gus menggalakkan persekitaran yang kondusif untuk keusahawanan pelajar.

Akhir sekali, teknologi perniagaan dalam talian ini memberikan peluang yang luas kepada pelajar untuk berkembang secara intelektual dan profesional. Perkembangan intelektual dan

profesional akan memberi kelebihan kepada pelajar untuk mencapai kerjaya sebagai usahawan. Pembentukan bakal pemimpin yang berkualiti akan direalisasikan sekiranya pelajar dapat menguruskan masa dengan lebih berkesan. Pada masa yang sama, pelajar dapat mendisiplin diri dalam menyeimbangkan antara pelajaran, perniagaan atas talian, dan kehidupan peribadi. Hal ini rasionalnya demikian kerana dapatan kajian ini dapat membawa manfaat jangka masa panjang dalam kehidupan seharian pelajar.

Rumusan

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan pengintegrasian teknologi perniagaan dalam talian telah banyak mempengaruhi minda pelajar dalam pelbagai cara. Kebolehcapaian dan fleksibiliti platform perniagaan dalam talian telah menyediakan pelajar dengan peluang pembelajaran. Selain itu, bidang keusahawanan yang belum pernah diterokai sebelum ini membuka peluang untuk memupuk generasi pemikir yang celik teknologi dan inovatif. Kemudahan ini juga membolehkan pelajar mencari bahan rujukan yang lebih mendalam yang seterusnya boleh memperkaya pemahaman dan pengetahuan mereka. Pendedahan kepada persekitaran perniagaan dunia sebenar melalui alatan digital telah meningkatkan kemahiran praktikal, pemikiran kritis, kebolehan menyelesaikan masalah mereka, serta mempersiapkan mereka untuk cabaran professional pada masa hadapan yang semakin berorientasikan teknologi. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi ini juga memberikan cabaran termasuk potensi gangguan beban maklumat dan risiko pengurangan interaksi sosial secara bersemuka. Pada masa yang sama, ketersediaan media sosial dan gangguan digital boleh mengganggu tumpuan pelajar, yang mungkin menjejaskan prestasi akademik mereka. Bukan itu sahaja, teknologi perniagaan dalam talian membolehkan komunikasi dan kolaborasi yang lebih efektif antara pelajar dan pembeli. Platform seperti forum, aplikasi kolaboratif dan alat komunikasi segera memudahkan perbincangan dan perkongsian idea, dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran. Oleh itu, pelajar yang terlibat dengan perniagaan dalam talian sering terdedah kepada situasi yang memerlukan pemikiran kritis dan penyelesaian masalah. Pengalaman ini boleh meningkatkan kemampuan mereka untuk berfikir secara kreatif, yang merupakan kemahiran penting dalam dunia moden. Kesan positif dan negatif ini memerlukan pendekatan strategik dalam tetapan pendidikan bagi memastikan pelajar memanfaatkan teknologi perniagaan dalam talian sambil mengurangkan kelemahannya. Secara keseluruhannya, pengaruh teknologi perniagaan dalam talian terhadap minda pelajar adalah mendalam, membentuk bukan sahaja pengalaman pendidikan mereka tetapi juga laluan kerjaya masa depan dan pembangunan peribadi mereka.

Rujukan

- Aima, M.H., Wijaya, S.A., Carawangsa, L., Ying, M., (2020). Effect of global mindset and entrepreneurial motivation to entrepreneurial self-efficacy and implication to entrepreneurial intention. *Dinasti International Journal of Digital Business Management*, 1 (2), 302–314. <https://doi.org/10.31933/dijdbm.v1i2.160>
- Allen, S. J. (2020). On the cutting edge or the chopping block? Fostering a digital mindset and tech literacy in business management education. *Journal of Management Education*, 44(3), 362-393. <https://doi.org/10.1177/1052562920903077>
- Anderson, T., & Simpson, M. (2018). Student-centered learning in the digital age: The impact of online business tools. *Journal of Educational Technology*, 22(3), 112-128. <http://doi.org/10.11591/ijere.v13i3.27497>
- Belousova, O., Hattenberg, D.Y., Gailly, B. (2020). Corporate entrepreneurship: From structures to mindset. In: Ramadani, V., Palalić, R., Dana, LP., Krueger, N., Caputo, A. (eds) *Organizational*

mindset of entrepreneurship. *Studies on Entrepreneurship, Structural Change, and Industrial Dynamics*. Springer, Cham. https://doi.org/10.1007/978-3-030-36951-4_10

Brown, R. (2021). Real-time feedback and interactive learning in online business education. *Journal of Innovative Learning*, 10(1), 55-70.

European Commission. (2021). *Digital Education Action Plan 2021-2027*. European Education Area. <https://education.ec.europa.eu/focus-topics/digital-education/action-plan>

Laudon, K. C., & Traver, C. G. (2020). *E-commerce 2020-2021: Business, technology and society*. Pearson Education. <https://thuvienso.hoasen.edu.vn/handle/123456789/12669>

Lee, J., & Lee, H. (2019). Creativity and innovation in online student businesses. *Entrepreneurship Education Review*, 15(3), 290-305.

Lee, S. (2022, March 15). Digital transformation in Malaysian businesses accelerated by the pandemic. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my>

Miller, P. (2022). Digital literacy and the new economy: Skills for the future workforce. *Journal of Digital Education*, 14(1), 78-94.

OECD. (2020). *Integrating digital literacy into school curricula*. OECD iLibrary. https://www.oecd-ilibrary.org/education/integrating-digital-literacy-into-school-curricula_2720566

SBA. (2023). Resources for young entrepreneurs. *Small Business Administration*. Small Business Administration. U.S. <https://www.sba.gov/blog/sba-resources-help-entrepreneurs-start-and-grow-their-business>

Smith, L. (2020). Digital entrepreneurship: The impact of online platforms on young entrepreneurs. *International Journal of Digital Business*, 12(2), 199-215.

Thompson, E. (2023). Practical applications of e-business education. *Educational Technology & Society*, 26(1), 99-110. doi:10.1145/et.2023.001

UNESCO. (2022). *Global education monitoring report: Technology and education*. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000385723>

Zhao, Y., & Frank, K. (2020). Collaborative learning through digital platforms in entrepreneurship education. *Journal of Educational Research and Development*, 18(2), 213-227.

Kesedaran Komuniti terhadap Usaha Pemuliharaan dan Kelestarian Warisan: Suatu Kajian di Kuala Kangsar

Community Awareness towards Preservation and Sustainability of Heritage: A Case Study in Kuala Kangsar

Sarah Nur Ahmad (Corresponding Author)

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Email: sarah@usas.edu.my

Ainul Mardhiah Zabidi

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

E-mail: ainulmardhiah@usas.edu.my

Khairil Amri Othman Ariff

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Email: khairilamri@usas.edu.my

Mohd Afiq Ridhwan Tarmizu

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Email: mohdafiqridhwan@usas.edu.my

Anis Suria Mohd Zainudin

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Email: anis@usas.edu.my

Siti Aisyah binti Abidin

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Email: sitiaisyah@usas.edu.my

Rabiatul Adawiyah Jamaluddin

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Email: rabiatul@usas.edu.my

Abstrak

Bandar Kuala Kangsar merupakan sebuah bandar bersejarah yang penuh dengan pelbagai khazanah dan warisan. Ia juga merupakan lokasi pentadbiran bagi institusi beraja di Negeri Perak. Era modenisasi telah membawa unjuran baru terhadap pelestarian dan penghormatan terhadap warisan budaya dan alam. Dalam konteks ini, penelitian tentang warisan negara bukan hanya tentang memahami artifak dan tradisi masa lalu, tetapi juga tentang menemukan cara-cara inovatif untuk melestarikan dan mengembangkan warisan agar tetap relevan dan dihargai oleh setiap generasi. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti kesedaran komuniti terhadap usaha pemuliharaan dan

kelestarian warisan di daerah di Kuala Kangsar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk tinjauan melalui teknik *focus group discussion* (FGD) dan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Ia melibatkan wakil penduduk dan ketua kampung di sekitar daerah Kuala Kangsar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa warisan yang masih belum diangkat mahupun dicalonkan sebagai warisan yang telah dikenalpasti di sekitar daerah Kuala Kangsar. Dapatan juga menunjukkan bahawa masyarakat juga tidak memiliki kesedaran sepenuhnya terhadap usaha memelihara dan memulihara warisan. Kajian lanjutan boleh diteruskan dengan mencadangkan kaedah mewujudkan komuniti celik dan menghargai warisan khususnya di Kuala Kangsar.

Kata kunci: Warisan; kesedaran komuniti; sejarah; pemuliharaan; budaya.

Pengenalan

Menurut Suaib (2020), terdapat pelbagai bentuk warisan dan budaya yang ada di Malaysia. Galani (2024) membahagikan warisan kepada dua kategori utama iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Warisan ketara adalah monumen, bangunan atau bandar bersejarah dan warisan tidak ketara adalah seperti ekspresi budaya iaitu tarian, adat, ritual dan juru tukang kayu melalui pemindahan ilmu kepada masyarakat sebagai sebahagian dari warisan dan budaya mereka. Galani (2024) menegaskan bahawa untuk mendapat kefahaman mendalam terhadap sesuatu warisan ketara atau tidak ketara, ia memerlukan kefahaman yang jelas dan memerlukan kajian lanjut memandangkan ia merupakan ilmu yang sangat penting. Oleh itu, cabaran melalui warisan yang terdapat di Malaysia memerlukan pemahaman yang sangat penting dalam mengenali secara terperinci melalui warisan ketara atau warisan tidak ketara.

Selain itu, Harrison (2010) menjelaskan warisan merupakan suatu harta yang amat bernilai yang diwarisi seperti bangunan bersejarah yang diwarisi oleh generasi terdahulu. Ia merupakan nilai budaya yang patut dipelihara oleh generasi hari ini. Warisan tidak ketara pula boleh dilihat seperti bahasa, budaya, lagu, rujukan terdahulu atau pakaian. Benhamou (2020) turut menyatakan warisan secara mudah difahami ialah sebagai monumen atau bangunan yang telah diwarisi dari masa lalu. Justeru, warisan adalah merupakan perkara yang penting untuk kita warisi seperti yang dinyatakan oleh Rodney (2010) dan Benhamou (2020). Warisan adalah merupakan harta yang bernilai malahan merupakan warisan yang telah diwarisi sejak berkurun lama oleh nenek moyang kita. Cabaran yang dihadapi ialah dengan mengekalkan nilai warisan dan memberi kefahaman secara jelas kepada masyarakat berhubung kesedaran terhadap memulihara dan memelihara warisan yang ada.

Di samping itu, warisan, budaya dan sejarah merupakan tradisi yang berhubung kait dengan persekitaran, komuniti, objek, bahan dan sikap yang berbeza dari zaman ke zaman, Cadi Yazli (2022). Menurut beliau juga, selama bertahun-tahun para pengkaji telah cuba mencari cara yang paling optimum dalam meneliti dan mendalami warisan dan budaya. Kesan daripada masalah global yang berlaku, perlindungan terhadap warisan tidak ketara berhadapan dengan krisis perlindungan, pemuliharaan dan pemeliharaan, Shuai (2021). Maka, jelaslah warisan merupakan aspek penting untuk dipelihara dan dilindungi oleh masyarakat masa kini kerana diancam oleh arus permodenan dunia seperti yang dinyatakan oleh Cadi Yazli (2022) dan Shuai (2021). Di samping itu, cabaran melindungi warisan ini perlulah diperhalusi melalui kajian-kajian yang lebih terperinci bersama para pengkaji agar dapat dikekalkan daripada diancam oleh arus permodenan dunia.

Memelihara dokumen-dokumen yang merangkumi warisan tradisional merupakan satu tanggungjawab yang penting bagi menyampaikan serta menjadi bukti kepada generasi manusia yang akan datang, Ulvi (2020). Menurut Yakar (2019), mendokumentasikan kesemua bahan-bahan yang bersejarah dan warisan merupakan salah satu pemuliharaan dan perlu untuk dipertingkatkan. Yakar (2019) juga berpandangan bahawa budaya tradisi adalah merupakan sejarah kepada bangsa, sejarah

kepada negara. Oleh itu, jelaslah kepentingan warisan di dalam masyarakat amatlah penting dalam membantu meningkat jati diri serta kepentingan masyarakat terhadap warisan.

Intihannya, warisan merupakan satu perkara yang amat penting untuk kita hargai dan juga kita warisi kerana ia merupakan satu identiti kepada sesuatu bangsa. Justeru, cabaran-cabaran yang dihadapi dapat diperhalusi melalui keserjanaan para pengkaji dalam mengekang cabaran warisan agar tidak lupus dek zaman permodenan yang kian maju seperti dinyatakan oleh Shuai (2021). Kita sebagai anak bangsa Malaysia haruslah mempertahankan serta mewarisi nilai-nilai warisan sedia ada di Malaysia agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang.


Metodologi

Metodologi kajian merupakan suatu kaedah yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan ke atas subjek kajian yang tertentu (Hornby, 1985). Ia meliputi perbincangan berkaitan reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk tinjauan dalam kajian ini. Menurut Ghaffar (2003), kajian tinjauan merupakan kajian terhadap perkara atau peristiwa yang sedang berlaku. Ia merupakan satu kaedah kajian yang mudah dan sering digunakan dalam kalangan penyelidik bagi memperoleh data kajian. Oleh itu, pelaksanaan kajian tinjauan adalah bersesuaian dengan objektif utama kajian ini bagi mengenalpasti kesedaran komuniti terhadap usaha pemuliharaan dan kelestarian warisan di sekitar daerah Kuala Kangsar. Pengkaji melakukan tinjauan melalui teknik *focus group discussion* (FGD) sebagai kaedah pengumpulan data primer. Menurut Morgan (1996), FGD merupakan satu instrumen pengumpulan data yang menggunakan kaedah interaksi kumpulan. Kenyataan ini disokong oleh Berg (2004) yang mendefinisikan FGD sebagai satu kaedah temubual yang dijalankan kepada kumpulan kecil.

Dalam kajian ini, FGD melibatkan wakil penduduk dan ketua kampung di sekitar daerah Kuala Kangsar. Seramai 10 orang peserta yang terdiri daripada wakil penduduk dan ketua kampung di daerah Kuala Kangsar, Perak terlibat dalam FGD. Pengumpulan data sekunder pula menggunakan kaedah analisis dokumen melalui artikel jurnal, kertas persidangan dan buku-buku berkaitan pemuliharaan dan kelestarian budaya. Menurut Sabitha Marican (2005), teknik analisis dokumen merupakan kaedah pengumpulan data melalui rujukan terhadap kandungan teks perkataan, gambar, idea atau tema. Bagi memastikan dapatan dihasilkan secara objektif, data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) secara tematik. Meriam (2001), mendefinisikan teknik analisis kandungan sebagai satu bentuk prosedur yang sistematik dalam menjelaskan sesuatu kandungan komunikasi. Kaedah ini digunakan bagi mengenalpasti tema-tema yang diperolehi melalui data kajian. Melalui teknik ini juga, penyelidik dapat memahami secara mendalam makna yang terkandung daripada data kualitatif yang diperolehi (Nik Hazimah, et. al., 2021).

Dapatan dan Perbincangan

Kajian telah dijalankan kepada peserta FGD seramai 10 orang yang terdiri daripada wakil penduduk dan ketua kampung di daerah Kuala Kangsar, Perak. Berdasarkan kaji selidik yang telah diedarkan, beberapa keputusan analisis telah dibuat antaranya ialah berkenaan pemahaman peserta FGD terhadap apakah yang dimaksudkan dengan warisan dan adakah terdapat sebarang warisan yang masih belum dikenalpasti dan belum diangkat di sekitar kawasan mereka. Rajah 1 menunjukkan daripada 10 peserta, hanya empat peserta sahaja yang maklum bahawa terdapat bahan warisan di sekitar kawasan kampung mereka. Enam peserta yang kurang maklum sama ada tidak mengisi borang kaji selidik atau tidak menyenaraikan apa-apa warisan yang belum diangkat menjadi warisan kebangsaan/dunia di kawasan mereka.



Rajah 1: Pemahaman Peserta akan Jenis Warisan

Seterusnya, Rajah 2 menunjukkan bahawa daripada empat peserta yang telah memberikan maklumbalas bahawa mereka maklum berkenaan warisan yang belum diangkat menjadi warisan kebangsaan atau warisan dunia di sekitar kawasan di bawah tanggungjawab mereka, hanya sembilan cadangan warisan tersebut yang sesuai untuk diangkat untuk menjadi warisan kebangsaan atau warisan dunia. Kesesuaian ini adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara.



Rajah 2: Warisan yang Layak Dicapung sebagai Warisan Negara

Rajah 3 menunjukkan bahawa lapan cadangan warisan yang telah diberikan tersebut adalah merupakan warisan di bawah kategori tapak warisan. Antara tapak warisan yang dicadangkan ialah Masjid Kampung Pacat di Manong, terowong keretapi lama di Padang Rengas dan kolam air panas di Manong. Baki satu cadangan tersebut pula ialah merupakan kategori makanan iaitu bubur anak lebah yang merupakan makanan tradisi di daerah Kuala Kangsar.



Rajah 3: Kategori Warisan yang Dikenal Pasti

Hasil dapatan kaji selidik yang di edarkan, dapat disimpulkan bahawa pemahaman keseluruhan berkaitan warisan di kalangan peserta FGD dapat di bentangkan melalui Rajah 4. Meskipun peserta FGD ini hanya merangkumi 10 orang peserta sahaja, tetapi peserta FGD ini adalah orang yang bertanggungjawab di kawasan masing-masing dan sekiranya mereka juga kurang jelas berkenaan warisan yang terdapat di bawah tanggungjawab mereka, bagaimana warisan-warisan ini dapat dipromosikan kepada masyarakat setempat mahupun ke peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, usaha yang dilakukan oleh pengkaji adalah salah satu usaha yang amat baik, terutama untuk memastikan warisan-warisan ini dapat diangkat ke peringkat yang selayaknya.



Rajah 4: Pemahaman Keseluruhan Berkaitan Warisan

Kesimpulan

Tuntasnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa warisan yang masih belum diangkat mahupun dicalonkan sebagai warisan negara yang wujud di daerah Kuala Kangsar. Pelestarian warisan negara memerlukan kerjasama pelbagai sektor tidak kira dari pihak kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, institusi pengajian mahupun masyarakat setempat dalam menanam kesedaran tentang pemuliharaan serta pemeliharaan warisan. Kerjasama pelbagai sektor dan penyertaan aktif masyarakat menjadi kunci kejayaan dalam pelestarian warisan negara. Kajian ini mencadangkan agar kepentingan menerapkan kefahaman terhadap warisan perlu dilaksanakan bagi mewujudkan komuniti celik dan menghargai warisan di Kuala Kangsar sejajar dengan objektif

Jabatan Warisan Negara (JWN) iaitu “Memulihara, memelihara dan melindungi warisan kebudayaan dan warisan semulajadi melalui penyelidikan, pendokumentasian, penguatkuasaan dan menggalakkan kesedaran terhadap warisan menerusi perkongsian pengetahuan mengenai perkembangan warisan Malaysian melalui Pendidikan”. Di samping itu, cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menjaga kelestarian warisan ini akan dapat diatasi dengan adanya kesedaran dalam menjaga kelestarian warisan di Kuala Kangsar dan Malaysia secara keseluruhannya. Faktor kurangnya kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan memelihara warisan yang ditinggalkan merupakan antara faktor penyumbang kepada kehilangan warisan dan khazanah negara khususnya di Kuala Kangsar.

Rujukan

- Benhamou, F. (2020). Heritage. In *Handbook of Cultural Economics, Third Edition* (pp. 279-286). Edward Elgar Publishing.
- Berg, B.L. (2004). *Qualitative research methods for the social sciences* (8th Ed). London: Pearson
- Cadi Yazli, N., Baka, E., Magnenat-Thalmann, N., Kaplanidi, D., Partarakis, N., Karuzaki, E., & Zabulis, X. (2022). Modeling craftspeople for cultural heritage: A case study. *Computer Animation and Virtual Worlds*, 33(3-4), e2075.
- Galani, S., & Vosinakis, S. (2024). An augmented reality approach for communicating intangible and architectural heritage through digital characters and scale models. *Personal and Ubiquitous Computing*, 1-20.
- Ghaffar, M. N. A. (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Harrison, R. (2010). What is heritage. *Understanding the politics of heritage*, 9.
- Hornby. (1985). “Oxford Advanced Learner’s Dictionary of Current English”, Oxford University Press, 720-768. New York.
- Meriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Morgan, D. L. (1996). Focus Groups. *Annual Review of Sociology*, 22, 129-152. <http://dx.doi.org/10.1146/annurev.soc.22.1.129>
- Nik Hazimah, N.M., Hayatul Safrah, S., Yusnita, Y., Wan Norhayati, M., Nor Azila, M.N. (2021). Panduan Penyelidikan Ilmiah Kaedah dan Penulisan: Sintok, Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Sabitha Marican. 2005. Kaedah penyelidikan sains sosial. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Shuai, H., & Yu, W. (2021, May). Discussion on the application of computer digital technology in the protection of intangible cultural heritage. In *Journal of Physics: Conference Series* (Vol. 1915, No. 3, p. 032048). IOP Publishing.

- Suaib, N. M., Ismail, N. A. F., Sadimon, S., & Yunos, Z. M. (2020, November). Cultural heritage preservation efforts in Malaysia: A survey. In *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering* (Vol. 979, No. 1, p. 012008). IOP Publishing.
- Ulvi, A., & Yiğit, A. Y. (2020). 3D study of modelling and animation of Kayseri Gülük Mosque. *Mersin Photogrammetry Journal*, 2(2), 33-37.
- Yakar, M., Yiğit, A. and Kaya, Y. (2019). The Use of Photogrammetric Techniques in Documenting Cultural Heritage: The Example of Aksaray Selime Sultan Tomb. *Universal Journal Of Engineering Science*, 7(3), 64-73.

Masalah Kemurungan Akibat Pembubaran Perkahwinan Daripada Permasalahan Keraguan Dalam Isu Pernikahan Syubhah

Depression Issues Caused by Dissolution of Marriage Arising from Doubts in Syubhah Marriages

Muhammad Asyraf, A. A.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +60137718067 E-mail: asyrafaziz230@gmail.com

Mustaqim Roslan, M. (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6014-5191337 E-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Abstrak

Nikah syubhah merupakan perkahwinan yang diragui akan statusnya dan perkara ini berkait rapat dengan kes pasangan dua beradik yang telah dibubarkan perkahwinannya di Mahkamah Rendah Syariah Klang (MRSK), Selangor pada tahun 2022. Pembubaran perkahwinan tersebut diarahkan pegawai bertugas yang menguruskan hal ehwal pernikahan mereka tempoh hari, kerana wali yang digunakan iaitu abang mereka telah diklarifikasikan sebagai anak tidak sah taraf (ATST). Dakwaan ini hanya dilihat daripada tarikh kelahiran abang mereka dan pernikahan ibu bapanya sedangkan abangnya lahir sebagai bayi pramatang. Akibatnya, kedua-dua pasangan tersebut mengalami kesihatan mental yang kritikal. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan menganalisis gejala-gejala kemurungan yang dihadapi oleh pasangan tersebut. Kajian interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Reka bentuk kualitatif dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temubual separa berstruktur melibatkan empat orang mangsa keadaan. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil dapatan menunjukkan terdapat lima tanda atau simptom kemurungan yang dihadapi oleh kedua-dua pasangan tersebut iaitu, kesukaran tidur, hilang selera makan, kurang keyakinan diri, kurang bercakap, rendah diri. Kajian lanjut diperlukan untuk mengetahui kesan setelah pasangan ini mengalami masalah kemurungan.

Kata kunci: Anak Tak Sah Taraf; Kemurungan, Nikah Syubhah; Pembubaran Perkahwinan; Pra Matang.

Pengenalan

Pembubaran perkahwinan adalah suatu pemisahan hubungan antara dua pasangan yang telah berkahwin dan terpaksa dipisahkan. Menurut Zaydan (1997) pembubaran perkahwinan adalah suatu keputusan ikatan pernikahan antara pasangan suami isteri atas faktor-faktor tertentu. Pembubaran perkahwinan di Malaysia dapat dilakukan atas beberapa faktor di antaranya persetujuan syubhah ataupun dikenali sebagai nikah syubhah (Wan Ismail et al., 2018). Nikah syubhah adalah suatu pernikahan yang diragui akan kesahihannya. Takrifan ini disokong oleh Asmuni (2020) yang mentakrifkan bahawa pernikahan tersebut syubhah atau diragui jika pasangan itu diragui kelayakannya status hubungan antara keduanya. Antara faktor yang menjadikan sesuatu nikah itu syubhah adalah apabila terdapat keraguan pada wali nikah (Sarah, 2023). Wali menjadi rukun paling

penting dalam perkahwinan kerana wali mempunyai kuasa menikahkan pengantin perempuan (Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang, 2023) Namun begitu, jika sesuatu pernikahan itu telah dikenal pasti menggunakan wali dalam kalangan anak tidak sah taraf (ATST), maka tergugurlah syarat sah wali tersebut dan pernikahan tersebut perlulah dibubarkan (Wan Ismail et al., 2018).

Hal ini secara realitinya berkait rapat dengan kes pasangan dua beradik yang telah dibubarkan perkahwinannya dari nikah syubhah yang diragui di Mahkamah Rendah Syariah Klang (MRSK), Selangor dengan nombor kes 10023-042-xxxx-2022 dan 10023-042-xxxx-2022. Pembubaran perkahwinan tersebut merupakan arahan pegawai bertugas yang menguruskan hal ehwal pernikahan mereka sebelum ini apabila dikenal pasti bahawa wali yang digunakan iaitu abang kandung, maka kes telah diklarifikasikan sebagai anak tidak sah taraf (ATST). Dakwaan tersebut dibuktikan daripada tarikh kelahiran abangnya dengan tarikh pernikahan kedua ibu bapa mereka yang kurang daripada tempoh enam bulan kelahiran, sedangkan abang kandung mereka dilahirkan secara pramatang dan terpaksa dibesarkan di dalam inkubator. Menurut Al-Bakri (2023) seseorang individu yang lahir tidak cukup bulan atau dilahirkan pramatang tidak menjadi halangan baginya untuk menjadi wali keluarga. Akibat tiada tabayyun yang terperinci, kedua-dua pasangan telah dibubarkan perkahwinan mereka dan telah mengakibatkan masalah kesihatan mental yang kritikal dihadapi mereka.

Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah-masalah gejala kemurungan yang dihadapi oleh kedua-dua pasangan adik beradik itu akibat daripada pembubaran perkahwinan tersebut. Kajian ini penting bagi membuktikan kesan-kesan masalah kesihatan mental yang terjadi akibat kesilapan dalam membuat keputusan tanpa pemeriksaan yang terperinci. Tambahan pula, gejala kemurungan itu juga boleh menyebabkan masalah yang serius dan memberikan kesan terhadap badan, pemikiran dan tingkah laku individu (Kamarul Bahrin & Ek Klai, 2020). Akibatnya, boleh menjejaskan kehidupan rumah tangga sesuatu pasangan yang mengalaminya. Oleh yang demikian, artikel ini akan menjawab satu persoalan yang berlegar iaitu, apakah masalah gejala kemurungan yang dihadapi oleh kedua pasangan akibat pembubaran perkahwinan dari nikah syubhah atau nikah yang diragui tersebut?

Sorotan Kajian

Kajian ini telah meneliti daripada empat kajian lepas yang berkaitan dengan masalah kemurungan. Jika merujuk kepada artikel-artikel lepas, terdapat satu artikel yang mempunyai kelompangan yang paling kecil dengan kajian yang sedang dijalankan oleh pengkaji iaitu artikel bertajuk, "*Masalah Kemurungan Terhadap Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf (ATST) Kepada Abdullah: Analisis Fatwa Kebangsaan*" yang ditulis oleh Mustaqim Roslan pada tahun 2022. Namun begitu, artikel tersebut melihat masalah kemurungan yang dihadapi oleh ATST berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang melihat isu berkaitan kemurungan pasangan akibat daripada pembubaran perkahwinan dari justifikasi nikah syubhah yang diragui. Hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan terdapat enam gejala kemurungan yang dihadapi oleh ATST iaitu bersendirian, kurang bercakap, hilang minat, rendah diri, sering termenung dan hilang fokus (Roslan, 2022). Seterusnya adalah artikel Hamidah et al. (2022) yang berjudul "*Pendekatan Psikoterapi islam dalam merawat Kemurungan Wanita Muslimah*." Hasil dapatan kajian mendapati hampir 75% responden wanita mengalami gejala kemurungan dan mengalami serangan keresahan (*anxiety attack*), memilih untuk menyendiri, merasakan diri mereka tidak dihargai dan mempunyai dorongan untuk mencederakan diri. Artikel ini menonjolkan kelompangan dalam kajian apabila perbincangannya adalah berfokus kepada kaedah merawat masalah kemurungan dalam kalangan wanita.

Seterusnya artikel berjudul "*Kemurungan Remaja dan Kaedah Menanganinya Menurut Perspektif Islam*" oleh Shahril et al. (2023). Hasil kajian menunjukkan wujudnya fenomena kemurungan remaja dengan faktor yang pelbagai melalui peringkat pendidikan yang berbeza. Kajian

terakhir oleh Mustaqim Roslan (2023) yang menunjukkan terdapat enam kesan kemurungan yang telah dikenal pasti akibat kesan penamaan nasab ATST kepada Abdullah ini iaitu, sukar menumpukan perhatian, sering marah, kesukaran tidur, hilang selera makan, hilang pergaulan dan kurang keyakinan diri. Perbincangan artikel-artikel lepas menunjukkan kelompangan yang turut membincangkan masalah kemurungan namun, ia hanyalah berfokus kepada ATST sahaja dan bukanlah merujuk kepada kesan pasangan yang dibubarkan perkahwinannya. Oleh yang demikian, membuka ruang kepada kajian ini untuk melihat gejala kemurungan yang dihadapi oleh dua pasangan suami isteri akibat daripada permasalahan keraguan dalam isu pernikahan syubhah.

Metodologi Kajian

Kajian ini fokus kepada kajian kualitatif yang melibatkan kajian kes tentang kesan pembubaran perkahwinan. Metodologi kajian juga merujuk kepada tiga perkara asas iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data (Shaari, 2022). Pendekatan atau reka bentuk kajian boleh digunakan oleh pengkaji sesuai dengan epistemologi Islam dan objektif yang ditetapkan, sama ada menggunakan pendekatan kuantitatif, kualitatif atau gabungan kualitatif dan kuantitatif. Oleh yang demikian, kajian ini mengadaptasikan pendekatan interpretif iaitu pencarian penjelasan mengenai peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari oleh perspektif persekitaran yang sedang dikaji (Muslim, 2016). Kajian kes dipilih sebagai strategi kajian ini kerana ia membolehkan penerokaan mendalam terhadap fenomena gejala kemurungan yang dihadapi oleh pasangan akibat daripada pembubaran perkahwinan.

Reka bentuk kualitatif telah digunakan dalam kajian ini dengan gabungan teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Menurut Ritchie dan Lewis (2003), Kajian kualitatif ini menggunakan instrument temu bual separa berstruktur adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan secara bersemuka dengan informan bagi mengenal pasti isu dan masalah kajian. Kaedah ini juga sesuai digunakan dalam kajian ini agar pengkaji dapat bertanyakan beberapa soalan tambahan kepada informan sekiranya persoalan kajian tidak dapat dijawab dengan jelas. Dalam konteks kajian ini, temu bual dijalankan kepada empat orang mangsa keadaan daripada dua pasangan suami isteri iaitu pasangan pertama dan pasangan kedua yang dibubarkan perkahwinan mereka akibat permasalahan keraguan dalam isu pernikahan syubhah. Pemilihan empat orang responden ini dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang dilihat berkemampuan untuk mencapai objektif kajian. *Purposive sampling* melibatkan pemilihan individu yang sesuai dengan kriteria yang berkaitan untuk memberikan maklumat yang relevan dan signifikan (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016).

Data kajian kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik (*thematic analysis*). Proses analisis tematik melibatkan beberapa fasa yang pertama adalah penyaringan data, data transkripsi rakaman audio-video diproses untuk diubah kepada bentuk verbatim, iaitu ayat demi ayat atau frasa demi frasa. Seterusnya, transkrip diindeks dengan memberi kod tertentu kepada setiap informan berdasarkan transkrip mereka. Kod-kod ini membantu dalam penjaan semula data asal serta memudahkan rujukan silang semasa penulisan dan menyiapkan laporan (Ghazali et al., 2016). Terdapat lima langkah dalam mengatur analisis tematik iaitu dimulai dengan menyalin semula transkrip temu bual secara *verbatim*, membuat agihan soalan kajian, membuat pengkategorian awal, mencari tema dan membuat koding (Shaari, 2022).

Konsep Kemurungan

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) gejala adalah tanda-tanda akan terjadinya sesuatu, alamat, petanda sesuatu penyakit yang berkaitan. Menurut Farhana (2011) kemurungan membawa maksud seseorang itu mengalami rasa kecewa dan putus asa yang diiringi dengan gejala seperti sukar

tidur, lembap berfikir dan rasa bersalah yang keterlaluan yang tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Adapun dari segi istilah, kemurungan adalah satu sindrom penyakit emosi yang pada akhirnya akan menzahirkan perlakuan atau tingkah laku yang negatif dan berisiko (Yahya & Md. Sham, 2020). Ia merupakan suatu penyakit psikologi yang boleh mengakibatkan seseorang individu tersebut berubah daripada kelakuan yang kebiasaan menjadi seorang yang mempunyai perilaku negatif. Takrifan ini disokong oleh Mohamed Aiman et al. (2021) yang menyatakan bahawa, kemurungan adalah rasa kekecewaan, putus asa, hiba dan sedih yang berpanjangan sehingga tidak tertanggung oleh individu itu sendiri. Hal ini dapat dilihat apabila individu yang mengalami masalah kemurungan, emosi mereka menjadi tidak stabil dan seringkali boleh membahayakan nyawa serta orang di sekeliling. Apabila masalah kemurungan telah menguasai fikiran mereka, fikiran boleh bertindak di luar jangkaan. Perkara ini terdahulu telah ditonjolkan oleh Ramachandran (1994) yang menyatakan kemurungan boleh mencapai tahap kritikal pada peringkat psikotik yang mana seseorang itu tidak boleh berfikir dengan normal dan waras.

Individu akan disahkan kemurungan jika mengalami gejala-gejala tersebut dalam tempoh lebih dua minggu (Farhana, 2011). Menurut Yahya dan Md. Sham (2020) gejala kemurungan dibahagi kepada empat iaitu afektif, kognitif, tingkah laku dan fisiologi. Gejala afektif adalah gangguan kepada kecelaruan perasaan seperti hilang minat melakukan sesuatu. Gejala kognitif pula adalah pemikiran seseorang mempengaruhi persepsi dan penilaian terhadap persekitaran dan diri sendiri. Gejala tingkah laku adalah rasa malas untuk melakukan aktiviti seharian seperti bersendirian manakala gejala fisiologi pula ialah perubahan yang ditunjukkan melalui fizikal seperti sukar tidur. Sehubungan itu, dapat dirumuskan bahawa individu yang mengalami gangguan afektif, tidak berminat melakukan aktiviti atau hobi yang sering dilakukan. Adapun individu yang mengalami gangguan kognitif akan merasa dirinya tidak berguna dan orang lain lebih baik dari dirinya (Tadjuddin Syabri, 2016). Selain itu, individu yang mengalami gejala tingkah laku lebih berminat untuk bersendirian daripada bersama dengan orang di sekelilingnya. Manakala individu yang mengalami gejala fisiologi pula akan mengalami kesukaran tidur dan boleh mengundang kepada masalah kesihatan. Oleh yang demikian, seseorang yang mengalami antara salah satu daripada empat simptom tersebut akan diklarifikasikan sebagai masalah kemurungan. Takrifan ini disokong oleh (Yahaya & Soo Yin (2007) bahawa setiap pesakit kemurungan akan mengalami simptom kemurungan yang berbeza-beza antara mereka. Akibatnya, gejala kemurungan ini dapat memberikan impak yang buruk terhadap individu, keluarga dan masyarakat itu sendiri.

Terdapat banyak punca yang boleh menyebabkan kemurungan antaranya adalah kegagalan seseorang untuk mencapai sesuatu yang dihajati dalam kehidupan (Mohd Salleh, 2006). Hal ini dapat dibuktikan apabila sesuatu perkara yang diinginkan tidak dapat dicapai dalam kehidupan dan mengakibatkan kekecewaan seterusnya mendatangkan kemurungan. Ia turut disokong oleh pandangan Ye xin (2021) apabila seseorang menetapkan sasaran pencapaian, emosi pasti boleh terganggu dan berpotensi untuk mengalami kemurungan apabila sasaran tersebut tidak dapat dicapai. Hal sebegini jugalah yang terjadi kepada dua pasangan suami isteri yang telah dibubarkan perkahwinan mereka daripada permasalahan keraguan dalam isu pernikahan syubhah. Kedua-dua pasangan ini turut mengimpikan kebahagiaan sepanjang hayat perkahwinan mereka, namun perkahwinan mereka terpaksa dibubarkan akibat kecuaihan pihak yang tidak bertanggungjawab. Akibat daripada kelalaian itu, telah menimbulkan masalah kesihatan mental yang serius kepada mereka iaitu gejala kemurungan. Oleh yang demikian, pengkaji akan meneruskan perbincangan terhadap gejala-gejala kemurungan yang dihadapi oleh pasangan tersebut akibat daripada pembubaran perkahwinan daripada permasalahan keraguan dalam isu pernikahan syubhah yang diragui dalam sub topik seterusnya.

Hasil Kajian Analisis Temu Bual Responden Akibat Pembubaran Perkahwinan Gejala Kemurungan

Hasil kajian temubual terhadap dua pasangan suami isteri tersebut menunjukkan terdapat lima tanda atau simptom kemurungan yang dihadapi oleh kedua-dua pasangan akibat pembubaran perkahwinan dari nikah syubhah ini iaitu kesukaran tidur, hilang selera makan, kurang keyakinan diri, kurang bercakap, rendah diri. Kesemua gejala ini telah dibahagi kepada empat tema utama iaitu gejala fisiologi, gejala afektif, gejala tingkah laku dan gejala kognitif. Kesemua gejala ini turut disokong oleh dua literatur lepas seperti 'Masalah Kemurungan terhadap Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf kepada Abdullah: Analisis Fatwa Kebangsaan' oleh Mustaqim Roslan pada tahun 2022. Hasil kajian daripada artikel ini menunjukkan terdapat enam tanda kemurungan iaitu bersendirian, kurang bercakap, hilang minat, rendah diri, sering termenung dan hilang fokus (Roslan, 2022). Kesemua gejala kemurungan yang dihadapi oleh empat orang mangsa keadaan telah dirumuskan seperti dalam jadual di bawah. R1 adalah merujuk kepada suami bagi pasangan pertama manakala R2 adalah merujuk kepada isteri bagi pasangan pertama. Manakala, R3 adalah merujuk kepada suami bagi pasangan kedua manakala R4 pula adalah merujuk kepada isteri bagi pasangan kedua. Berikut adalah hasil dapatan umum bagi masalah gejala kemurungan yang dihadapi oleh kedua-dua pasangan akibat pembubaran perkahwinan yang diragui:

Jadual 1: Hasil Kajian Khusus Gejala Kemurungan yang dihadapi oleh Pasangan Akibat Pembubaran Perkahwinan daripada Permasalahan Keraguan dalam Isu Pernikahan Syubhah

| Bil. | Gejala Kemurungan | R 1 | R 2 | R 3 | R 4 |
|------|-----------------------|-----|-----|-----|-----|
| 1 | Kesukaran Tidur | √ | √ | √ | √ |
| 2 | Hilang selera Makan | √ | √ | √ | √ |
| 3 | Kurang Keyakinan Diri | √ | √ | √ | √ |
| 4 | Kurang Bercakap | √ | √ | √ | √ |
| 5 | Rendah Diri | √ | √ | √ | √ |

(Sumber: Adaptasi daripada jadual (Roslan, 2022))

Perbincangan

Gejala Fisiologi

Gejala kemurungan fisiologi yang pertama dihadapi oleh kedua pasangan tersebut ialah kesukaran tidur. Menurut Ulfiana (2018) kesukaran tidur adalah gangguan untuk mendapatkan tidur yang berkualiti dan tidak mencukupi. Oleh itu dapat difahami bahawa kesukaran tidur ialah seseorang itu mempunyai masalah untuk melepaskan mata dan tidak mempunyai waktu tidur yang cukup. Selain itu juga, menurut Zaini dan Selamat (2023) kesukaran tidur juga dikenali sebagai *insomnia* iaitu merupakan salah satu bentuk gangguan tidur. Secara umum *insomnia* ialah keadaan kesukaran untuk memulakan dan mengekalkan tidur atau tidak mendapat tidur yang berkualiti dan dikaitkan dengan kesan yang tidak baik. Seterusnya, individu yang terjejas oleh gangguan *insomnia* akan mengalami gejala yang paling ketara iaitu kesukaran dan kesulitan untuk tidur (Kirin et al., 2023). Jelaslah bahawa individu yang mengalami kesukaran tidur akan mudah untuk terjaga daripada tidur yang dan mempunyai tempoh masa tidur yang terlalu singkat. Takrifan ini turut disokong oleh Ayuningsih (2017) yang mengatakan individu yang mengalami *insomnia* akan ketidakmampuan untuk tidur, sering terbangun, ketidakmampuan untuk kenali tidur dan terbangun pada tengah malam. Gejala ini juga turut terjadi terhadap kedua-dua pasangan tersebut akibat pembubaran perkahwinan dari nikah syubhah.

| | |
|--|----|
| “Saya tidak dapat tidur kerana memikirkan masalah” | R1 |
| “Kesukaran tidur betul-betul mengganggu saya” | R2 |
| “Bila malam saya agak susah untuk tidur” | R3 |
| “Kesukaran tidur adalah salah satu asbab berlakunya emosi saya tidak stabil” | R4 |

Pengkaji mendapati bahawa kedua-dua pasangan ini pada sebelumnya tidaklah seorang yang mengalami kesukaran tidur tetapi selepas pembubaran perkahwinan diperintahkan, mereka mengalami kesukaran tidur pada malam hari. Akibatnya tiga orang daripada pasangan iaitu R1, R2 dan R4 telah mengalami kemerosotan kesihatan kerana sering mengalami *Panic Attack* dan sesak nafas atau sakit dada. Sebagai contoh iaitu R2 yang dikejarkan ke Hospital Serdang kerana mengalami *Panic Attack* dan perlu bergantung kepada ubat tidur akibat daripada kesukaran tidur. Menurut Md Dai (2011) orang yang mengalami kesukaran tidur akan mudah mengalami masalah kesihatan seperti masalah pernafasan. Selain itu, kesukaran tidur ini terjadi kerana mereka sering memikirkan masalah yang dihadapi dan telah mengundang kepada berlakunya emosi yang tidak stabil. Hal ini kerana mereka sering memikirkan nasib anak meraka akibat daripada pembubaran perkahwinan ini. Secara psikologi, kurang tidur boleh menyebabkan individu tersebut mengalami emosi yang tidak (Suatan & Koh, 2022). Sebagai contoh iaitu R3 apabila melelapkan mata dia pasti akan memikirkan tentang nasib anak-anak terutama anak perempuannya yang akan berkahwin apabila sudah dewasa nanti. Justeru itu, dapat dilihat bahawa akibat pembubaran perkahwinan ini telah menyebabkan pasangan ini mengalami gejala kemurungan iaitu kesukaran tidur yang mengakibatkan mereka mengalami kemerosotan kesihatan dan emosi tidak stabil.

Gejala kemurungan fisiologi yang kedua dihadapi oleh kedua pasangan tersebut ialah hilang selera makan. Menurut Sulistyorini dan Sabarisman (2017) hilang selera makan adalah apabila individu tersebut tidak mempunyai keinginan makan dan terlupa makan tanpa disedarinya. Oleh itu, dapat difahami daripada takrif ini bahawa hilang selera makan membuatkan seseorang individu tersebut tiada nafsu terhadap makanan dan membuatkan jadual makanannya tidak teratur. Individu yang mengalami kehilangan selera makan, berat badannya akan menurun dengan mudah dalam waktu yang singkat (Abd et al., 2024). Hal ini kerana, akibat daripada kesedihan dan tekanan melampau boleh menyebabkan kemurungan dan kehilangan berat badan. Oleh yang demikian, boleh difahami bahawa hilang selera makan boleh terjadi akibat daripada beberapa faktor dan masalah kekeluargaan. Ini disokong Andreae et al. (2013) punca hilang selera makan ataupun penurunan keinginan makan mungkin berbeza-beza disebabkan oleh perubahan psikologi dan faktor persekitaran. Gejala ini turut terjadi terhadap kedua-dua pasangan tersebut.

| | |
|--|----|
| “Saya merasa seperti tidak tahu nak makan apa” | R1 |
| “Saya tidak makan seharian” | R2 |
| “Selera makan berkurangan kerana saya selalu memikirkan nasib anak-anak” | R3 |
| “Makan ke restoran untuk saya meningkatkan semula nafsu makan saya” | R4 |

Pengkaji mendapati bahawa kedua-dua pasangan ini pada sebelumnya tidaklah seorang yang mengalami hilang selera makan tetapi selepas pembubaran perkahwinan diperintahkan, mereka mengalami hilang selera makan dan sanggup menahan lapar. Antara punca hilang selera makan ataupun penurunan keinginan makan mungkin berbeza-beza disebabkan oleh perubahan psikologi dan faktor persekitaran (Andreae et al., 2013). Hal ini berkait rapat dengan kedua pasangan tersebut apabila sebelum ini sering mengikuti jadual makanan harian tetapi apabila persekitaran mereka dalam masalah ini membuatkan mereka hilang selera makan. Sebagai contoh iaitu R1 yang wajib makan pagi, tengahari dan malam tetapi selepas konflik tersebut dia hanya makan malam sahaja kerana hilang selera makan. Faktor persekitaran keluarga dan konflik keluarga serta penghinaan terhadap ahli keluarga yang kurang memberikan perhatian dan sokongan dapat menimbulkan atau kesal yang boleh memicu hilang selera (Azzahara & Dhanny, 2021). Oleh yang demikian, konflik keluarga juga

boleh memicu kepada hilangnya selera makan, dan ini juga turut terjadi kepada pasangan tersebut. Sebagai contoh iaitu R4 yang sebelum ini seorang yang suka makan dan selepas terjadi isu perkahwinan ini dia menjadi seorang yang suka membazirkan makanan kerana kehilangan selera makan. Justeru itu, dapat dilihat bahawa akibat isu ini mereka mengalami gejala hilang selera makan.

Gejala Afektif

Gejala kemurungan yang afektif yang dihadapi oleh pasangan tersebut ialah kurang keyakinan diri. Menurut Adler (2018) kurang keyakinan diri adalah perasaan asas ketidakcukupan dan rasa tidak selamat, yang berpunca daripada kekurangan fizikal atau psikologi yang sebenar atau yang dibayangkan, yang mungkin mengakibatkan ekspresi tingkah laku individu tersebut tidak percaya kemampuan dirinya. Sehubungan itu, boleh difahami bahawa kurang keyakinan diri ialah seseorang tidak percaya akan kebolehan dirinya dan sering merasa dirinya tidak mampu berbuat apa-apa. Jelaslah bahawa mereka yang kurang yakin dengan kemampuan dirinya akan cenderung ragu-ragu untuk mencuba dan kurang memiliki keberanian dalam melakukan sesuatu sehingga mereka merasa tidak selesa dan tidak optima dalam mengembangkan diri yang akhirnya berpengaruh terhadap hasil psikomotorik (Khundriatussholikhah, 2018). Selain itu, seseorang yang mempunyai keyakinan diri yang rendah menganggap dirinya pada asalnya tidak mampu untuk melakukan segala perkara yang disekitarnya (Ghufron & Risnawitaq, 2017). Oleh yang demikian, individu yang kurang keyakinan diri akan mudah putus asa jika mengalami situasi yang sulit. Gejala ini juga telah terjadi terhadap kedua-dua pasangan tersebut .

| | |
|--|----|
| “Saya sering merasa tidak buat yang terbaik untuk ahli keluarga” | R1 |
| “Saya sering merasakan saya bukan ibu dan isteri yang baik” | R2 |
| “Saya sering merasakan saya gagal menjadi seorang ayah dan suami” | R3 |
| “Kurang keyakinan diri berlaku pada saya sekiranya saya berkumpul bersama keluarga saya” | R4 |

Pengkaji mendapati bahawa kedua-dua pasangan ini pada sebelumnya tidaklah seorang yang mengalami kurang keyakinan diri tetapi selepas pembubaran perkahwinan mereka tidak yakin akan diri mereka. Keyakinan diri yang rendah boleh menyebabkan beberapa keadaan psikologi seperti rasa tidak selamat, ketakutan, kebimbangan, dan tingkah laku antisosial (Rubio, 2007). Hal ini dapat dilihat apabila pasangan tersebut sering merasa kurang keyakinan apabila berada atau berkumpul bersama keluarga. Sebagai contoh iaitu R4 apabila dia berkumpul bersama keluarga, rakan atau dalam sesuatu acara dia akan menjadi sorang yang pemalu dan merasakan bahawa status perkahwinannya berbeza dengan orang lain. Menurut Vivin Ariyanti dan Budi Purwoko (2023) individu yang kurang keyakinan diri akan cenderung merasa tidak berharga dan tidak kompeten dan mereka mencuba untuk mengelola emosi negatif yang timbul dari keyakinan tersebut dan menyebabkan stres. Perkara ini dapat dilihat apabila pasangan tersebut sering merasakan mereka gagal menjadi ibubapa dan anak yang baik terhadap keluarga mereka. Sebagai contoh iaitu R1 yang merasakan dirinya bukan ayah, suami, anak atau abang yang baik kepada mereka. Dia seringkali merasa bahawa dirinya tidak buat yang terbaik untuk ahli keluarganya. Justeru itu, akibat pembubaran perkahwinan ini telah menyebabkan pasangan ini mengalami gejala kemurungan iaitu kurang keyakinan diri yang mengakibatkan mereka kehilangan jati diri.

Gejala Tingkah Laku

Gejala kemurungan tingkah laku yang dihadapi oleh pasangan tersebut ialah kurang bercakap. Menurut Pustaka (2017) kurang bermaksud tidak atau belum cukup, tidak atau belum sampai kepada angka yang tertentu. Manakala bercakap bererti kata, kecek, bicara, tutur. Sehubungan itu boleh difahami daripada takrif tersebut bahawa kurang bercakap adalah seseorang tersebut kurang gemar

untuk berinteraksi dengan orang lain. Selain itu, kurang bercakap ini sering kali tidak memberi maklum balas terhadap pertanyaan yang diajukan sedangkan mereka tahu jawapannya (Hafidzin, 2019). Dilihat dari kenyataan ini, bahawa orang kurang bercakap ini bukan hanya tidak mahu berinteraksi malahan tidak mahu bertindak balas terhadap pertanyaan orang lain. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa kurang bercakap itu bererti menggunakan sebahagian besar dari masa interaksi sosialnya dengan mendengar apa yang disampaikan (Deraman, 2000). Jelaslah bahawa orang yang kurang bercakap lebih berminat untuk berdiam diri dan lebih gemar untuk mendengar. Gejala ini juga telah terjadi terhadap kedua-dua pasangan tersebut.

- | | |
|---|----|
| “Mulut terasa berat serta tidak tahu apa yang nak saya ucapkan” | R1 |
| “Saya lebih suka menyendiri dari bercakap dengan sesiapa” | R2 |
| “Saya jadi janggal untuk berborak dengan kenalan” | R3 |
| “Saya menjadi kurang bercakap dengan suami” | R4 |

Pengkaji mendapati bahawa kedua-dua pasangan ini pada sebelumnya seorang yang suka berhujah dan bercakap tetapi selepas pembubaran perkahwinan mereka menjadi kurang bercakap. Menurut kedua-dua pasangan tersebut mereka menjadi kurang bercakap selepas berlakunya pembubaran perkahwinan tersebut. Mereka menjadi janggal untuk bercakap dengan masyarakat. Perkara ini disokong oleh Daradjat (1979) individu yang mengalami gejala kemurungan akan hilang minat untuk melakukan aktiviti seharian dan kurang berinteraksi dengan masyarakat. Sebagai contoh iaitu R4 lebih banyak berdiam diri dan bermain telefon bimbit daripada bercakap dengan suami dan keluarganya sedangkan sebelum ini dia adalah orang yang paling ceria. Selain itu, individu yang mengalami gejala kurang bercakap akan mempunyai masalah dengan kerecapan fungsi psikomotor seperti intonasi suara yang lemah, pergerakan menjadi perlahan, kurang bercakap dan lebih gemar menggunakan ekspresi muka apabila berinteraksi dengan orang lain (Yahaya & Soo Yin, 2007). Perkara ini turut terjadi terhadap pasangan tersebut misalnya R1 yang mana mulutnya terasa berat serta tidak tahu apa yang ingin diucapkan serta sudah tidak pandai untuk bergaul dengan kenalan rapat lebih-lebih lagi orang yang baru dikenalnya. Justeru itu, akibat pembubaran perkahwinan ini telah menyebabkan pasangan ini mengalami gejala kemurungan iaitu kurang bercakap.

Gejala Kognitif

Gejala kemurungan kognitif yang dihadapi oleh pasangan tersebut ialah rendah diri. Menurut Tanzizi (2024) rendah diri adalah merasakan diri adalah tidak berguna dan hilang motivasi dalam kehidupan. Dari segi istilah rendah diri adalah perasaan menganggap terlalu rendah pada diri sendiri dan orang yang rendah diri menganggap diri sendiri tidak mempunyai kemampuan (Sarastika & Pradipta, 2014). Boleh difahami bahawa, seseorang yang sudah merasa rendah diri akan merasakan dirinya lebih rendah dan lebih lemah dibanding dengan orang lain yang ada sekelilingnya, maka mereka akan cenderung untuk menyendiri dan akan rasa terencil dari pergaulan. Hal ini disokong oleh Nadira dan Yeni Karneli (2019) bahawa individu yang mempunyai perasaan rendah diri dapat juga diakibatkan oleh pola pikir yang tidak rasional sehingga merasa dirinya lebih rendah dibandingkan dengan teman-temannya. Maka orang rendah diri ini akan lebih membelakangkan diri dan tidak boleh mengambil sesuatu keputusan yang baik kerana tidak kepercayaan terhadap dirinya sendiri. Gejala ini juga telah terjadi terhadap kedua-dua pasangan tersebut.

- | | |
|--|----|
| “Saya seringkali merasakan yang orang lain lebih baik” | R1 |
| “Saya betul-betul merasakan rendah diri yang teramat sangat” | R2 |
| “Saya sering merasakan yang orang lain lebih baik daripada saya” | R3 |
| “Disebabkan anak-anak saya ada surat lain selepas surat beranak jadi saya menjadi rendah diri” | R4 |

Kajian ini mendapati bahawa kedua-dua pasangan ini pada sebelumnya seorang yang kompeten tetapi selepas pembubaran perkahwinan mereka menjadi sangat rendah diri. Menurut Sarastika dan Pradipta (2014) individu yang mengalami gejala ini akan menganggap terlalu rendah pada diri sendiri dan menganggap diri sendiri tidak mempunyai kemampuan. Hal ini berkait rapat dengan pasangan tersebut apabila mereka sering menganggap diri mereka tidak layak menjadi ibubapa kepada anak-anak mereka. Sebagai contoh iaitu R2 yang cuba memperbaiki masalah hubungan suami, anak-anak dan keluarga terutama adik beradik serta ipar duai sebelah keluarganya kembali normal selepas dinikahkan semula. Namun, dia merasa sangat terhina dan rendah diri kerana beberapa orang adik beradiknya menjadikan pernikahan semula ini sebagai bahan jenaka. Perkara ini disokong oleh Amirah (2018) apabila seseorang itu mengalami rendah diri akan merasakan keraguan yang serius dan terus-menerus tentang diri sendiri dan merasakan ketidakmampuan tak kunjung henti yang merembes ke seluruh hidup. Hal ini terus menerus menghantui kehidupan pasangan ini dan membuatkan mereka terbatas dalam pergaulan seperti yang terjadi terhadap R3 yang merasakan orang lain lebih baik daripadanya dan sering membandingkan keluarganya dengan keluarga orang lain. Justeru itu, akibat pembubaran perkahwinan ini telah menyebabkan pasangan ini mengalami gejala kemurungan iaitu rendah diri yang mengakibatkan mereka tidak percaya akan kemampuan diri sendiri.

Selepas diteliti oleh pengkaji, kedua pasangan ini telah mengalami lima gejala kemurungan iaitu kesukaran tidur, hilang selera makan, kurang keyakinan diri, kurang bercakap, rendah diri,. Hal ini telah dihuraikan satu persatu oleh pengkaji seperti diatas. Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati daripada sepuluh gejala kemurungan yang dilalui oleh kedua pasangan tersebut yang paling kritikal adalah kesukaran tidur. Hal ini berkait rapat dengan faktor jiwa yang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa. Sebagai contoh iaitu R2 yang dikejarkan ke Hospital Serdang kerana mengalami *Panic Attack* dan perlu bergantung kepada ubat tidur akibat daripada kesukaran tidur.. Seterusnya ialah gejala yang kurang kritikal yang diamati oleh pengkaji ialah hilang selera makan. Hal ini kerana, kedua-dua pasangan tersebut masih lagi menjaga pemakanan walaupun selernya sudah kurang. Sebagai contoh yang boleh diambil di atas ialah R4 yang sebelum ini seorang yang suka makan dan selepas terjadi isu perkahwinan ini dia menjadi seorang yang suka membazirkan makanan kerana kehilangan selera makan. Sehubungan dengan itu, dapat dilihat R4 masih lagi makan walaupun selera makannya telah berkurang. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua pasangan tersebut mengalami lima masalah gejala kemurungan yang dihadapi oleh pasangan tersebut akibat pembubaran perkahwinan daripada nikah syubhah.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, kemurungan adalah suatu penyakit psikologi yang boleh mengakibatkan seseorang individu tersebut berubah daripada kelakuan yang kebiasaan menjadi seorang yang perilakunya negatif. Dapatan menunjukkan terdapat lima gejala yang dihadapi oleh pasangan akibat pembubaran perkahwinan dari nikah syubhah yang diragui iaitu kesukaran tidur, hilang selera makan, kurang keyakinan diri, kurang bercakap, rendah diri. Gejala yang paling kritikal adalah gejala kesukaran tidur, manakala gejala yang kurang kritikal adalah hilang selera makan. Oleh yang demikian, pihak berwajib perlulah berhati-hati dan meneliti secara menyeluruh sebelum membuat keputusan membubarkan perkahwinan kerana ia memberikan kesan yang sangat teruk kepada pasangan. Kajian ini mencadangkan agar agensi-agensi kerajaan perlulah menilai semula garis panduan terhadap semakan dokumen wali yang dipertanggungjawabkan sebagai wali nikah sebelum pernikahan diadakan. Ia bertujuan agar dakwaan-dakwaan yang tidak baik memberikan kesan kepada pasangan pada masa mendatang. Sehubungan itu, kajian lanjutan diperlukan untuk mengetahui kesan setelah pasangan ini mengalami masalah kemurungan.

Rujukan

- Abd, A., Noraini Abdol Raop, & Mohd Sufiean Hassan. (2024). Peranan kesihatan mental sebagai moderator terhadap kecenderungan bunuh diri. *Jurnal Sains Sosial*, 5(1), 87–99.
- Adler, A. (2018). *APA dictionary of psychology*. Dictionary.apa.org. <https://dictionary.apa.org/inferiority-complex>
- Al-Bakri, D. Z. M. (2023, October 13). #3483: *Lahir tidak cukup bulan adakah boleh menjadi wali?* Maktabah al Bakri. <https://maktabahalbakri.com/3483-lahir-tidak-cukup-bulan-adakah-boleh-menjadi-wali/>
- Amirah, N. (2018). *Bullying dengan rendah diri pada siswa kelas XI SMA negeri 5 palembang* [Unpublished doctoral thesis]. Universitas Islam Negeri Palembang.
- Andreae, C., Strömberg, A., & Arestedt, K. (2013). Caring for appetite among patients with chronic heart failure – the extent of appetite and associated factors in outpatient clinic settings. *EuroHeartCare* .
- Asmuni, F. (2020, December 21). *Akad Nikah Perlu Dilakukan Dengan Teliti*. ISMA. <https://isma.org.my/akad-nikah-perlu-dilakukan-dengan-teliti/>
- Ayuningsih, I. L. (2017). *Penerapan rendam air hangat pada kaki terhadap kualitas tidur ny. R dengan insomnia di RT 13 RW V kelurahan. program studi keperawatan*. Working Paper. STIKES 'Aisyiyah Surakarta.
- Azzahara, N. F., & Dhanny, D. R. (2021). Hubungan Psikososial dan Status Gizi pada Remaja Wanita dengan Anoreksia Nervosa. *Muhammadiyah Journal of Midwifery*, 2(1), 1.
- Daradjat, Z. (1979). *Kesehatan mental* (12th ed.). PT Gunung Agung, Jakarta.
- Deraman, A. Aziz. (2000). *Aspek kebudayaan dan perpaduan kaum: Relevannya denganIPTA*. Kolej Cempaka Kenanga Universiti Teknologi Mara.
- Farhana. (2011, September 18). *Kemurungan (dewasa)*. Portal MyHEALTH. <http://myhealth.moh.gov.my/kemurungan-dewasa/>
- Ghazali D. & Hussin, S. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan : Amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Ghufron, M. N., & Risnawitaq, R. (2017). *Teori-Teori psikologi* (R. Kusumaningratri, Ed.) Vol. II, pp. 1–197. Ar-Ruzz Media.
- Hafidzin, S. N. (2019, May 23). *Anak kurang bercakap*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/hati/2019/05/458519/anak-kurang-bercakap>
- Hamidah, A. R., Zainal Abidin , L., & Sayed Emam Sallam, A. M. (2022). Pendekatan psikoterapi islam dalam merawat kemurungan wanita muslimah. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 83–95.
- Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang. (2023). *Bidang kuasa wali dalam pernikahan*. <https://jksnpp.penang.gov.my/index.php/en/media-menu/court->

publication?view=article&id=88:bidang-kuasa-wali-dalam-pernikahan&catid=18:penerbitan-mahkamah

- Kamarul Bahrin, F., & Ek Klai, M. (2020). Kesedaran tentang masalah kemurungan dalam kalangan guru geografia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4).
- Khundriatussholikhah, A. (2018). *Pengaruh interaksi teman sebaya dan keyakinan diri terhadap hasil perilaku psikomotorik siswa dalam pelajaran fiqih kelas VII MTS sunan ampel jetis, jatirejo, mojokerto* [Unpublished doctoral thesis]. Institut Agama Islam Negeri Ponorogo.
- Kirin, A., Muhammed, W., Hamidi, A., & Muhammad Deni Putra. (2023). Pengaruh media sosial terhadap insomnia dalam kalangan pelajar UTHM Pagoh. *Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(3), 116–127.
- Md Dai, F. (2011, September 18). *Gangguan tidur*. Portal MyHealth. <http://www.myhealth.gov.my/gangguan-tidur/>
- Mohamed Aiman, S. N., Zainul Rijal, F. A., Panting, A. J., Amirudin, N., Kassim, R., Kaundan, M. K., & Ithnain, N. (2021). Tahap kemurungan dalam kalangan jururawat di fasiliti kesihatan kuala lumpur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 40–49.
- Mohd Salleh, N. S. (2006). *Teori kemurungan al-Kindi (m.873) : Kajian dan terjemahan risalah al-Hilah li daf'i al-Ahzan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muslim. (2016). Varian-Varian paradigma, pendekatan, metode, dan jenis penelitian dalam ilmu komunikasi. *Jurnal Wahana*, 1(10).
- Nadira, D., & Yeni Karneli. (2019). Rational emotive behavior therapy untuk mengatasi rendah diri siswa. *Jurnal Pendidikan Dan Keislaman*, 2(2), 269–275.
- Pustaka, K. D. (2017). *Carian umum*. Prpm.dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kamus+dewan&d=175768&>
- Ramachandran, V. S. (1994). *Encyclopedia of human behavior, volume 2*. Academic Press.
- Ritchie, J., & Lewis, J. (2003). *Qualitative research practice: a guide for social science students and researchers*. Sage.
- Roslan, M. (2022). Masalah kemurungan terhadap penamaan nasab anak tak sah taraf kepada abduallah: Analisis fatwa kebangsaan. *Firdaus Journal*, 2(2), 31–42. https://www.researchgate.net/publication/375496275_Masalah_kemurungan_terhadap_Penamaan_Nasab_Anak_Tak_Sah_Taraf_kepada_Abdullah_Analisis_Fatwa_Kebangsaan?_tp=eyJjb250ZXh0Ijp7ImZpcnN0UGFnZSI6InByb2ZpbGUiLCJwYWdlIjoicHJvZmlsZSJ9fQ
- Roslan, M. (2023). Kesan psikologi terhadap penamaan anak tak sah taraf kepada abduallah: Analisa fatwa kebangsaan. *Journal Fatwa Management and Research*, 28(3), 1–16.
- Rubio, F. (2007). *Self-Esteem and foreign language learning*. University of Heulva: Cambridge Scholars.

- Sarah, S. (2023). *Penentuan nasab anak hasil wathi' syubhat menurut mazhab hanafi (analisis metode istinbat)* (pp. 1–55).
- Sarastika, & Pradipta. (2014). *Buku pintar tampil percaya diri*. Araska .
- Suatan, M., & Koh, D. (2022). Tahap kualiti tidur murid sekolah rendah ketika pandemik covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001475–e001475.
- Shaari, A. S (2022). *Kaedah penyelidikan pendidikan kuantitatif (UUM press)*. UUM Press.
- Shahril , N. Z., Norazmi, A., Ishak, S., Amin, C. A., Mohd Afifuddin , M., & Mohd Syukri, Z. A. (2023). Kemurungan remaja dan kaedah menanganinya menurut perspektif islam. *Islam Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 5(2).
- Sulistyorini, W., & Sabarisman, M. (2017). Depresi : Suatu tinjauan psikologis. *Sosio Informasi*, 3(2), 153–164.
- Tajuddin Syabri, N. (2016). *Kognitif* (3rd ed.). Harakindo Publishing.
- Tanzizi, N. H. (2024, March 11). *Sering rasa rendah diri*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1068939/sering-rasa-rendah-diri>
- Ulfiana, N. (2018). *Hubungan penggunaan media sosial dengan kejadian insomnia pada mahasiswa jurusan keperawatan*.
- Vivin Ariyanti, & Budi Purwoko. (2023). Faktor – faktor yang memengaruhi self-esteem remaja: Literature review. *Terapeutik*, 6(3), 362–368.
- Wan Ismail, W. A. F., Hashim, H., Abdul Shukor, S., & Harun, A. (2018). Faraq Perkahwinan bagi Pasangan Tak Sah Taraf di Negeri Sembilan. *International Journal of Islamic Thought*, 13(1).
- Yahaya, A., & Soo Yin, T. (2007). *Kesihatan mental* (p. 253). UTM Press.
- Yahya, N. A., & Md. Sham, F. (2020). Sejarah dan simptom kemurungan : Kajian literatur. *Sains Insani*, 5(1), 34–42.
- Ye xin , Y. (2021). *Punca-Punca menyebabkan remaja mengalami masalah kemurungan dan langkah mengatasinya*.
- Zaini, M. I. H., & Selamat, M. N. (2023). Hubungan antara personaliti dan insomnia dalam kalangan pelajar prasiswazah universiti kebangsaan malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(2), 1–10.
- Zaydan, A. A.-K. (1997). *Al-Mufasssal fi-Ahkam al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim: Fi al-Shari`ah al-Islamiyyah*. Mu'assasah al-Risalah.

Metode Pengajian Hadith di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS): Implikasi terhadap Pembentukan Pemikiran Kritis

*Methodology of Hadith Studies in Sultan Azlan Shah University (USAS): Implications
on the Development of Critical Thinking*

Mohamad Faizal Abd Rahman

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial

Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Bukit Chandan, 33000 Bandar DiRaja, Kuala Kangsar, Perak
Darul Ridzuan

Tel: +6017-5224272 E-mail: mohamadfaizal@usas.edu.my

Suhaimi Abdul Wafir

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial

Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Bukit Chandan, 33000 Bandar DiRaja, Kuala Kangsar, Perak
Darul Ridzuan

Tel: +6019-4417037 E-mail: suhaimi@usas.edu.my

Munazzahah Zulkifli

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial

Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Bukit Chandan, 33000 Bandar DiRaja, Kuala Kangsar, Perak
Darul Ridzuan

Tel: +6018-3264066 E-mail: munazzahah@usas.edu.my

Abstrak

Ilmu hadith merupakan suatu ilmu yang bersifat kritis kerana melibatkan proses penelitian dan penilaian yang mendalam terhadap hadith-hadith Nabi Muhammad SAW. Kritis dalam penelitian hadith memainkan peranan penting untuk memastikan keutuhan dan keaslian dalam menjadi sumber kedua dalam disiplin ilmu Islam. Pengajian hadith secara kritis amat penting untuk membolehkan pelajar menghubungkan hadith dengan isu-isu kontemporari. Namun begitu, perkembangan pengajian hadith pada masa kini menyaksikan evolusi pengajian seiring dengan peredaran zaman, maka menjadi keperluan untuk mengkaji tentang pembentukan pemikiran kritis pelajar melalui metode pengajian di universiti. Justeru, makalah ini bertujuan menganalisis implikasi terhadap pembentukan pemikiran kritis melalui metode pengajian hadith di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian dalam pengumpulan data. Kemudian data dianalisis menggunakan analisis tekstual dan induktif dalam menentukan hubungan metode pengajian yang digunakan dapat mempengaruhi pembentukan kemahiran pemikiran kritis pelajar. Dapatan kajian mendapati metode dalam memahami al-Quran dan hadith iaitu *al-Tathabut wa al-Tabayyun*, *al-Fahm wa al-Ifham*, *al-Tahlil wa al-Hujjah* dan *al-Istinbat* mempunyai implikasi yang jelas dalam pembentukan pemikiran kritis melalui elemen pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis dan penilaian khususnya dalam kursus-kursus hadith yang terdapat di USAS.

Kata kunci: Metode; Pengajian Hadith; Implikasi; Pemikiran Kritis; *Asbab al-'Ilm*

Pengenalan

Peranan hadith sangat penting dalam tradisi Islam untuk memahami konteks-konteks ayat al-Quran. Disiplin ilmu Islam meletakkan hadith sebagai sumber kedua yang diyakini kebenarannya mutlak.

Imam Ibn Hazm menyatakan telah jelas bahawa al-Quran merupakan sumber rujukan yang asas kepada syariat Islam, dan apabila diteliti, didapati terkandung di dalamnya perintah mewajibkan untuk taat dan patuh segala apa yang diperintah oleh Rasulullah SAW, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Najm ayat 3 dan 4 (Muhammad Ajjaj, 1961):

Maksudnya: “*Tidaklah ia (Rasulullah SAW) bercakap mengikut hawa nafsunya, ia tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan (kepadanya)*”.

(al-Quran: 53: 3-4)

Pada masa kini, pengajian hadith bukan sekadar untuk memahami perkataan, tindakan, dan persetujuan Nabi Muhammad SAW semata-mata bahkan ianya memainkan peranan penting dalam menyelidik dan mengesahkan keaslian hadith serta menerapkannya dalam konteks semasa. Penggunaan hadith sebagai panduan dalam isu-isu kontemporari seperti ekonomi, sains, teknologi, dan hak asasi manusia juga menjadi keperluan, memastikan ajaran Islam relevan dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan masa kini. Hadith mempunyai relevansi yang besar dalam konteks kontemporari. Pengajian hadith membolehkan pemahaman yang mendalam tentang prinsip-prinsip yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan masa kini. Setiap masyarakat dapat menjadikan hadith sebagai rujukan dalam mengaplikasikan nilai-nilai Islam dan permasalahan moden seterusnya menjadikannya relevan dan berdaya guna dalam kehidupan sehari-hari. Melalui pengajian hadith juga menjadikannya sebagai landasan yang kukuh dalam memahami dan mengaplikasikan ajaran Islam dalam konteks zaman serba moden. Berpegang kepada dasar bahawa wahyu hadith sebagai sumber peradaban dan ketamadunan, sudah semestinya sudut keautentikan sumber ini perlu dijaga supaya ia tidak dipertikaikan oleh musuh-musuh Islam yang sentiasa mencari titik kelemahan Islam melalui dua sumber utamanya, al-Quran dan hadith (Arif, 2016).

Pendekatan metodologi hadith yang ketat dan terperinci oleh ulama terdahulu telah membuktikan penerapan pemikiran kritis melalui penilaian terhadap kepastian sanad yang bersambung, kredibiliti perawi hadith, isi kandungan matan yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam dan memberi respons segala keraguan yang dibangkitkan oleh golongan Orientalis hadith khususnya dalam mempertahankan keaslian tradisi Islam. Jelaslah bahawa, ulama meletakkan kewaspadaan yang tinggi kerana dibimbangi berlaku penyelewengan. Di samping itu, melalui ketelitian para ulama maka timbullah ilmu hadith *dirāyah* dan *riwāyah* sebagai disiplin dalam menulis, memahami dan menyebarkan hadith (al-Khatīb, 1998).

Perkembangan pengajian hadith pada masa kini menyaksikan evolusi pengajian seiring dengan peredaran zaman, terdapat persoalan yang timbul mengenai sejauh mana pemikiran kritis masih diterapkan dalam kalangan pelajar khususnya terhadap pengajian hadith di peringkat universiti. Oleh itu, makalah ini akan menumpukan kajian terhadap pengajian hadith dalam program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadith) di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Pemilihan program ini disebabkan kursus-kursus yang ditawarkan mencakupi ilmu-ilmu hadith seperti *al-Riwayah*, *al-Dirayah* dan *Difa' an al-Sunnah*.

Dalam memastikan penyelidikan ini mencapai matlamat, beberapa objektif kajian telah digariskan:

- i. Meneliti metode yang digunakan dalam pengajian hadith dalam Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadis).
- ii. Menganalisis implikasi terhadap pembentukan pemikiran kritis melalui metode pengajian hadith di Universiti Sultan Azlan Shah.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan dua metode utama penyelidikan iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data. Kajian ini berbentuk kualitatif. Pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian. Kaedah dokumentasi melibatkan dokumen bercetak dan dokumen elektronik seperti buku-buku dalam bentuk format *portable document format* (pdf) yang dimuat turun dari beberapa laman sesawang. Kaedah ini juga digunakan dalam meneliti kandungan dokumen *Table 4* dan Rancangan Pengajaran Kursus (*Lesson Plan*) kursus-kursus hadith di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Manakala, kaedah pemerhatian yang dijalankan adalah pemerhatian peserta. Data diambil dari pengalaman pensyarah-pensyarah kursus hadith yang terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran dan pengajaran khususnya aspek-aspek metode pengajian hadith dalam sesi pengajaran. Data dianalisis menggunakan analisis tekstual terhadap kandungan teks daripada sumber dokumen rasmi dan tidak rasmi. Seterusnya analisis tekstual dan induktif turut digunakan dalam menentukan hubungan metode pengajian yang digunakan dapat mempengaruhi pembentukan kemahiran pemikiran kritis pelajar.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kajian ini menghasilkan beberapa dapatan kajian selaras dengan objektif kajian yang digariskan. Kajian mendapati metode yang digunakan dalam pengajian hadith di USAS merangkumi empat metode yang jelas iaitu *al-Tathabut wa al-Tabayyun*, *al-Fahm wa al-Ifham*, *al-Tahlil wa al-Hujjah* dan *al-Istinbat*. Kesemua metode ini secara tidak langsung telah mencakupi pembentukan pemikiran kritis melalui elemen pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis dan penilaian.

Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadis) di USAS mempunyai 47 kursus yang perlu diambil bagi setiap pelajar bersamaan dengan jumlah keseluruhan 127 jam kredit. Kajian ini hanya memfokuskan kepada 12 kursus hadith sahaja yang terdapat dalam struktur program selaras dengan objektif kajian merangkumi ilmu *al-Riwayah*, *al-Dirayah* dan *Difa' 'an al-Sunnah*.

Jadual 1: Kursus-kursus hadith yang ditawarkan

| BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS |
|-----|------------|----------------------------|
| 1. | USL6073 | 'Ulum al-Hadith I |
| 2. | USL6083 | 'Ulum al-Hadith II |
| 3. | USL6093 | 'Ulum al-Hadith III |
| 4. | USL6053 | Ahadith al-Ahkam I |
| 5. | USL6063 | Ahadith al-Ahkam II |
| 6. | USL6043 | Al-Hadith al-Maudu'ie |
| 7. | USL6103 | 'Ilm al-Jarh wa al-Ta'dil |
| 8. | USL6113 | Manahij al-Muhaddithin |
| 9. | USL6033 | Al-Hadith al-Tahlili |
| 10. | USL6123 | Takhrij al-Hadith |
| 11. | USL6143 | Dirasat al-Kutub al-Sittah |
| 12. | USL6133 | Al-Hadith wa al-Istisraq |

Implikasi Terhadap Pembentukan Pemikiran Kritis


Allah SWT menggalakkan manusia menggunakan akal untuk berfikir. Perkara ini terbukti melalui ayat al-Quran surah Ghafir tentang galakan menggunakan akal untuk berfikir iaitu:

Maksudnya: “*Dia lah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian Ia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur*

dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua. Dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan); dan supaya kamu memahami (hikmat-hikmat kejadian itu dan kekuasaan Tuhan).”


(al-Quran: 40: 67)

Perkataan “Pemikiran Kritis” ini merupakan gabungan antara dua perkataan iaitu pemikiran dan kritis. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka menjelaskan perkataan pemikiran berasal dari kata dasar fikir yang bermaksud ingatan, akal, sangka, anggapan, pendapat dan kira (Noresah Baharom, 2005). Manakalah perkataan kritis adalah tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu (menimbang buruk baiknya terlebih dahulu) atau bersifat mengkritik (tidak menerima sesuatu bulat-bulat) (Noremah Baharom, 2005). *Asbab al-’Ilm* mempunyai tiga bahagian iaitu *khabar al-sadiq*, *al-hawas al-salimah* dan *al-aql* (al-Taftazani, 2020). Bahagian *al-aql* terletaknya pemikiran kritis kerana peranannya untuk berfikir merangkumi pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis dan penilaian. Perkara ini bersangkutan dengan pandangan daripada Dr. Yusof al-Qaradawi yang menggunakan kalimah akal/minda ilmiah (*al-aqliyyah al-’ilmiyyah*) yang merujuk kepada perkataan pemikiran kritis (al-Qaradawi, 1996).



Rajah 1: *Asbab al-'Ilm* (al-Taftazani, 2020)

Asbab al-’ilm terbahagi kepada tiga perkara iaitu *Khabar al-Sadiq*, *al-Hawas al-Salimah* dan *al-Aql*. Dalam kajian ini, peranan *al-Aql* menjadi tumpuan perbincangan kerana bersangkutan dengan implikasi terhadap pembentukan pemikiran kritis. Bukan itu sahaja, epistemologi ilmu Islam dalam memahami al-Quran dan hadith (*Khabar al-Sadiq*) tidak boleh terpisah dengan sebab-sebab ilmu seperti *Al-Hawas al-Salimah* dan *Al-Aql*. Dengan kata lain, setiap perkara itu saling bergantung antara satu sama lain untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Melalui pengamatan pengkaji, memahami al-Quran dan hadith terdapat beberapa metode yang digariskan iaitu:



Rajah 2: Memahami Al-Quran dan Hadith

Kursus-kursus hadith yang terdapat dalam struktur program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadis) diklasifikasikan melalui metode memahami al-Quran dan hadith iaitu:

Al-Tathabut wa al-Tabayyun

Al-Tathabut wa al-Tabayyun adalah metode verifikasi atau mengesahkan dalam konteks proses menyaring dan menilai kebenaran maklumat atau riwayat sebelum diterima sesuatu fakta tersebut. Proses ini sangat penting dalam ilmu hadith di mana setiap periwayatan hadith akan diteliti dari sudut rangkaian sanad dan matan hadith. Dalam manhaj ini tidak terhad kepada ilmu hadith sahaja bahkan turut diterima dalam ilmu yang lain seperti tafsir, fiqh dan lain-lain. Kursus-kursus hadith dalam program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadith) yang terlibat di peringkat ini ialah *Ulum al-Hadith* I, II dan III, *Manahij Al-Muhaddithin*, *Dirasat Al-Kutub Al-Sittah*, *’Ilm Al-Jarh wa Al-Ta’dil* dan *Takhrij Al-Hadith*. Melalui metode ini, kursus-kursus yang terlibat akan membentuk pemikiran kritis pelajar dari sudut memberi respons kepada sesuatu maklumat, menyaring maklumat, mencari justifikasi bagi sesuatu perkara dan bersikap skeptikal terhadap sesuatu maklumat yang ditemui (Aryo Bima Fathoni, 2019).

Secara asasnya, pemikiran kritis pelajar dapat dibentuk melalui metode *al-Tathabut wa al-Tabayyun* yang dapat digambarkan melalui kursus-kursus seperti *Ulum al-Hadith*. Dalam kursus ini, pelajar dibekalkan dengan pengetahuan secara teori mengenai istilah-istilah hadith yang berbagai, kaedah-kaedah penilaian hadith serta kaedah berinteraksi dengan hadith-hadith yang bercanggah. Sebagai contoh, menurut ulama hadith, sesebuah hadith perlu melepasi lima syarat sebelum layak dinilai sebagai hadith *Sahih*. Hadith tersebut mestilah bersambung sanadnya, diriwayatkan oleh perawi yang *’adil* lagi *dabit* serta hadithnya tidak mengandungi sebarang elemen *syaz* mahupun *’illah*. Sekiranya kelima-lima syarat ini ditepati, maka hadith tersebut layak dinilai *sahih*. Hal ini selari dengan matlamat utama mempelajari kursus *Ulum al-Hadith* itu sendiri iaitu bagi mengenalpasti riwayat yang diterima (*maqbul*) dan yang ditolak (*mardud*) (Mahmud Al-Thahhan, 2011). Bagi mencapai matlamat tersebut, pelajar perlu berfikiran kritis dalam mengaplikasikan kaedah ulama dalam penilaian hadith yang dilakukan.

Kursus *Takhrij Al-Hadith* membekalkan kepada para pelajar dengan metode *al-Tathabut wa al-Tabayyun*. Hal ini kerana, apabila merujuk kepada definisi kalimah *takhrij* itu sendiri adalah merujuk kepada mengembalikan hadith kepada sumber asalnya (Abdul Muhdi, 2012). Secara asasnya, kursus ini mengaplikasikan metode verifikasi bilamana seseorang pelajar itu ingin mengenalpasti sumber asal bagi sesebuah hadith melalui kaedah *takhrij* moden atau kaedah *takhrij* klasik yang terdiri daripada lima kaedah yang digunapakai oleh ulama hadith. Melalui proses *takhrij*, seseorang pelajar dapat mengumpulkan maklumat yang diperlukan bagi mengesahkan imam-imam hadith yang meriwayatkan, sumber asal hadith dalam kitab-kitab muktabar, sanad serta matan penuhnya, nombor hadith dan ulasan-ulasan ulama terhadap hadith tersebut yang boleh membantu proses verifikasi dan pengesahan sesebuah riwayat hadith. Hal ini sangat penting untuk dilakukan sesuai dengan tujuan utama *takhrij* itu sendiri adalah bagi mengenalpasti sumber dan martabat sesebuah hadith (Abdul Muhdi, 2012). Justeru, kursus ini tidak dapat dinafikan dapat membentuk pemikiran kritis pelajar dengan mengaplikasikan metode *al-Tathabut wa al-Tabayyun* tersebut.

Seterusnya, pemikiran kritis pelajar dapat diasah melalui kursus *’Ilm Al-Jarh wa Al-Ta’dil*. Kursus ini secara tidak langsung mengaplikasikan metode *al-Tathabut wa al-Tabayyun*. Dalam penentuan kesahihan sesebuah hadith, menjadi suatu kemestian untuk mengkaji sanadnya. Kajian sanad perlulah melalui penilaian status setiap perawi yang berada dalam rangkaian sanad hadith tersebut. Dalam hal ini memerlukan pengetahuan yang dipelajari dalam kursus *’Ilm Al-Jarh wa Al-Ta’dil*. Contohnya, seseorang perawi itu dinilai positif (*ta’dil*) oleh ulama hadith apabila digelar sebagai *thiqah*, *hafiz*, *mutqin*, *imam* dan lain-lain gelaran *ta’dil*. Manakala seseorang perawi dinilai negatif (*tajrih*) apabila digelar *kazzab*, *sariq al-hadith*, *matruk*, *munkar* dan lain-lain gelaran *tajrih*. Hal ini secara tidak langsung mencerminkan metode *al-Tathabut wa al-Tabayyun* dengan melakukan

pengesahan status perawi yang menjadi perkara yang sangat penting dalam menentukan kesahihan sesebuah hadith (Abdul Muhdi, 1997).

Kursus-kursus seperti *Manahij Al-Muhaddithin*, *Dirasat Al-Kutub Al-Sittah* dalam pengajian hadith di USAS turut memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran kritis pelajar. Hal ini dapat dilihat menerusi pengetahuan pelajar mengenai kaedah penilaian hadith serta metodologi pengumpulan dan penyusunan hadith dalam kitab-kitab para imam muktabar dalam bidang hadith seperti al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, al-Nasai', al-Tirmidhi, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal, Malik bin Anas dan lain-lain. Setiap imam mempunyai kaedah khusus dalam penilaian dan susunan hadith-hadith dalam kitab mereka. Sebagai contoh, kaedah al-Bukhari dan Muslim dalam menentukan kebersambungan sanad adalah berbeza. Al-Bukhari mempraktikkan kepastian bertemu (*thubut al-liqa*) antara guru dan anak murid manakala bagi Muslim, cukup sekiranya diketahui seseorang guru itu hidup sezaman dengan anak muridnya bagi *menthabitkan* kebersambungan sanad (Rif'at Fauzi, 2015). Setiap manhaj, kaedah dan metodologi imam-imam ini dipelajari oleh pelajar bagi membolehkan dan memudahkan para pelajar merujuk kitab-kitab tersebut dalam usaha mereka memverifikasi, mengesahkan, menyaring dan seterusnya memenuhi keperluan untuk menilai hadith. Sekiranya metodologi para imam ini tidak dapat dikuasai oleh para pelajar, maka proses verifikasi hadith kemungkinan menjadi agak rumit. Oleh itu, pengajian kedua-dua kursus ini secara tidak langsung melengkapkan kebolehan pemikiran kritis pelajar.

Setiap kursus hadith yang disenaraikan melalui proses pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis dan penilaian yang merupakan proses yang terdapat dalam pemikiran kritis. Kursus-kursus hadith yang terdapat dalam metode *al-Tathabut wa al-Tabayyun* memerlukan penguasaan yang menyeluruh bagi setiap pelajar supaya dapat memahami hadith tersebut dengan tepat melalui metode yang sebenar.

Al-Fahm wa al-Ifham

Al-Fahm wa al-Ifham adalah metode dalam memahami teks-teks khususnya berkenaan dengan al-Quran dan hadith. Setiap maklumat atau data yang diperolehi perlulah difahami dengan menggunakan ilmu alat (Ilmu *Mabadi*) yang kukuh seperti ilmu bahasa Arab iaitu *Nahw*, *Sarf*, *Balaghah* dan lain-lain. Bahasa Arab merupakan ilmu yang sangat penting dalam memahami al-Quran dan hadith. Bahkan, Syu'bah bin al-Hajjaj (160H) membuat perumpamaan bagi orang yang mempelajari hadith tetapi tidak mempelajari bahasa Arab maka perumpamaannya adalah seperti seorang yang memakai topi tetapi tidak mempunyai kepala (Khatib al-Baghdadi, 1422). Seterusnya, Hammad bin Salamah juga telah berkata, "Perbandingan orang yang belajar hadith tetapi tidak mengerti *nahu* adalah seperti *himar* yang digantungkan padanya guni makanan tetapi tiada barli (atau sebarang makanan) di dalamnya" (Mahmud Al-Thahhan, 2011).

Struktur program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadith) juga dimasukkan tiga kursus penting bahasa arab iaitu *al-Lughah al-Arabiyah I (Nahw)*, *al-Lughah al-Arabiyah II (Sarf)* dan *al-Lughah al-Arabiyah III (Balaghah)*. Metode ini hanya membincangkan tiga kursus sahaja kerana merujuk kepada kursus-kursus yang ada ditawarkan dalam Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadis). Secara keseluruhan, pemikiran kritis pada metode ini akan dibentuk melalui kemampuan pelajar untuk berfikir dalam menekankan kontekstual dalam memahami sesebuah teks yang lebih luas. Proses yang perlu dilalui ialah pengetahuan dan pemahaman sudut teori kemudian teks-teks berbahasa Arab dianalisis bagi membezakan nuansa makna dan menilai penggunaan bahasa dalam konteks yang berbeza. Tuntasnya, tiga kursus ini memainkan peranan penting dalam memahami teks-teks hadith yang keseluruhannya dalam bahasa Arab.

Al-Tahlil wa al-Hujjah dan al-Istinbat

Al-Tahlil wa al-Hujjah adalah metode analisis dan pembuktian yang saling berkait antara satu sama lain yang digunakan oleh ulama untuk memahami dan menjelaskan ajaran Islam melalui al-Quran dan Hadith. Analisis adalah proses penyelidikan atau penghuraian sesuatu seperti keadaan, masalah, persoalan di samping untuk mengetahui pelbagai aspeknya seperti ciri-cirinya secara terperinci atau mendalam (Noresah Baharom, 2005). Manakala, Dari sudut pengertian *al-hujjah* (bahasa Arab: الحجة) adalah istilah yang banyak digunakan dalam Al-Quran yang bermaksud dalil, tanda, alasan, bukti atau argumentasi. Sedangkan secara istilah adalah suatu yang menunjukkan kebenaran suatu perkara (Syukriadi Sambas, 2000). Pembuktian yang dibuat adalah hasil daripada proses analisis yang telah dilakukan. Analisis dan pembuktian merupakan daripada hasil pemikiran manusia secara sistematik melalui penggunaan akal dalam mengeluarkan sesuatu kenyataan atau pembuktian dan menjadikan ia sebuah metode pengembangan ilmu. Manakala *al-Istinbat* adalah merujuk kepada proses pengeluaran kesimpulan hukum dan faedah yang dikeluarkan daripada sumber hukum Islam yang utama iaitu al-Quran dan hadith Rasulullah SAW. Secara ringkasnya, makalah ini menggabungkan *al-Tahlil wa al-Hujjah* dan *al-Istinbat* kerana kedua-dua metode ini terdapat dalam kursus *al-Hadith al-Tahlili*, *al-Hadith al-Maudu'ie* dan *Ahadith Al-Ahkam*.

Kursus hadith yang ditawarkan meliputi perbincangan pada sesebuah hadith yang akan dianalisis terhadap sanad dan matannya. Menurut *al-'Ubaydī*, dalam hadith tahlili dari sudut sanad mempunyai tujuh peringkat penelitian iaitu melakukan takhrij hadith, membuat gambar rajah sanad, biografi perawi, mengenalpasti unsur *syawāhid* dan *mutāba'at* hadith, menilai sanad, menganalisis karakteristik / keistimewaan sanad (*laṭā'if al-isnād*) dan menganalisis masalah-masalah yang berkaitan dengan ilmu *Muṣṭalah al-Hadith*. Manakala dari sudut matan hadith mempunyai sembilan peringkat iaitu menjelaskan *asbab al-wurūd* menjelaskan konteks hadith (*sabab irād al-ḥadīth*), menjelaskan perkaitan antara judul bab dengan hadith yang sedang dibahas, memaparkan variasi redaksi matan hadith dan membandingkannya satu sama lain, menjelaskan *gharīb al-ḥadīth*, menjelaskan *ikhtilāf*, *musykil al-hadith*, serta *nāsikh* dan *mansūkh* pada hadith, mensyarah hadith, yang meliputi penjelasan bahasa dan *balāghah*nya, penjelasan hadith dari sudut hukum fekah, penjelasan hadith dari segi akidah, penjelasan hadith dari segi akhlak/etika, menyimpulkan makna umum hadith dan menyimpulkan nilai-nilai dakwah dan pendidikan yang terkandung (al-Ubaydi, 2018). Tambahannya lagi, al-Ubaydi menyatakan bahawa perbincangan dalam hadith tahlili tidak bersifat mutlak iaitu peringkat perbincangan itu boleh disesuaikan berdasarkan keperluan dan integrasi antara satu sama lain (al-Ubaydi, 2018).

Walau bagaimanapun, *Al-Hadith Al-Maudu'ie* dan *Ahadith Al-Ahkam* turut membahaskan perkara yang hampir sama dengan *Al-Hadith Al-Tahlili*. Namun demikian, terdapat beberapa perbezaan misalnya pada kursus *Al-Hadith Al-Maudu'ie* lebih membahaskan tentang matan-matan hadith yang diterima seterusnya hadith tersebut difahami melalui beberapa disiplin ilmu dan dikeluarkan kesimpulan daripada hadith. Lanjutan daripada itu, hadith akan disusun dengan dikumpulkan hadith-hadith yang mempunyai perbincangan, masalah dan isu-isu yang terdapat persamaan dalam satu tajuk. Manakala *Ahadith Al-Ahkam* adalah sesuatu perkara yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW berupa perkataan, perbuatan, atau pengakuan yang mengandungi pernyataan syarak yang difahami daripadanya tuntutan untuk melakukan sesuatu, atau meninggalkannya, atau menetapkan sesuatu sebagai sebab atau syarat untuk sesuatu yang lain, atau larangan daripadanya (*Mausu'ah*, t.t). Kursus ini membahaskan hadith-hadith Rasulullah SAW berkaitan dengan hukum-hukum Islam. Sebahagian ulama yang menulis tentang hadis *ahkam* ini berdasarkan bab-bab fiqh. Pembelajaran kursus ini dapat mengembangkan keupayaan fiqh dan kemampuan *istinbat* dalam kalangan pelajar, sehingga mampu mendalami bagaimana para ulama terdahulu mengeluarkan hukum daripada dalil-dalil yang diterima.

Difa' 'an al-Sunnah

Terdapat satu kursus *Difa' 'an al-Sunnah* yang ditawarkan dalam Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadith) iaitu kursus *Al-Hadith Wa Al-Istisyraq*. Kursus *Difa' 'an al-Sunnah* merupakan kursus yang mempertahankan hadith-hadith Nabi Muhammad SAW daripada penyelewangan, pengubahan fakta daripada golongan yang tidak bertanggungjawab seperti Orientalis untuk meruntuhkan sumber Islam yang kedua. Oleh itu, sebarang dakwaan yang dibuat akan dijawab melalui isu-isu yang dikemukakan. Antara orientalis yang banyak mengkritik hadith Rasulullah SAW ialah Ignaz Goldziher, seorang yang berbangsa Yahudi melalui karyanya *Muhamedanische Studien*. Ignaz Goldziher menolak bahawa hadith daripada Nabi Muhammad SAW. Menurut beliau, hadith hanyalah sebuah produk perkembangan aspek keagamaan, sejarah, dan sosial dalam Islam (Idri, 2017). Selain itu, antara tokoh yang lain seperti Snouck Hurgronje karyanya *Revre Coloniale Internationale*, Joseph Schacht karyanya *The Origins of Muhammadan Jurisprudence* dan beberapa tokoh yang lain. Dalam buku *The Origins of Muhammadan Jurisprudence* yang ditulis oleh Joseph Schacht terdapat kritikan beliau terhadap hadith-hadith yang berkaitan dengan hukum dan menyimpulkan bahawasanya hadith-hadith Rasulullah SAW yang berkaitan hukum semuanya adalah palsu, rekaan daripada ulama abad kedua dan ketiga hijrah (Idri, 2017). Rentetan daripada tuduhan yang diwujudkan oleh golongan Orientalis telah menyebabkan keraguan terhadap ketulenan hadith sebagai sumber Islam yang kedua. Oleh hal yang demikian, ulama Islam tidak terlepas dalam melaksanakan tanggungjawab untuk menjawab segala tuduhan dan dakwaan yang dibawa oleh golongan Orientalis.

Justeru itu, penawaran kursus *al-Hadith wa al-Istisyraq* dapat melatih pelajar untuk mengumpul segala maklumat dan fakta yang berkaitan disamping melatih untuk menganalisis segala tuduhan dengan jawapan balas yang berfakta dan berasaskan sumber yang asli. Bahkan, kursus ini juga menambah pengetahuan tentang pendekatan dan metodologi yang digunapakai oleh golongan Orientalis dalam mengkritik hadith. Seterusnya, pemahaman yang mendalam tentang pendekatan dan metodologi golongan Orientalis lebih memudahkan lagi untuk memberi jawapan balas dan menjawab segala kritikan dalam kerangka ilmiah.

Kesimpulan

Metode pengajian hadith dalam Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadis) meraikan kedua-dua kaedah pengajian iaitu secara tradisional dan moden. Proses pengajaran dan pembelajaran ini melibatkan peranan pensyarah dan pelajar dalam menatijahkan kefahaman yang jelas dan berkesan. Akal mempunyai peranan yang sangat penting dalam diri setiap manusia sehingga mampu membezakan tentang sesuatu kemungkinan terhadap perkara mungkin dan kemustahilan terhadap perkara mustahil. Kepelbagaian kursus-kursus hadith dalam Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadis) membantu pelajar untuk memahami pelbagai sudut pandangan, memperkaya pemikiran, serta mengasah kemampuan untuk mengkaji sanad dan matan hadith dengan lebih kritis. Selain itu, empat metode dalam memahami al-Quran dan Hadith iaitu *al-Tathabut wa al-Tabayyun*, *al-Fahm wa al-Ifham*, *al-Tahlil wa al-Hujjah* dan *al-Istinbat* telah mencakupi pembentukan pemikiran kritis melalui elemen pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis dan penilaian. Pembentukan ini meliputi pelbagai kemahiran kognitif dan intelektual yang diperlukan serta bertujuan memastikan segala idea atau perkara yang diterima tidak dipengaruhi elemen-elemen yang mengurangkan nilai kebenaran.

Rujukan

Abdul Muhdi Abdul Kadir. (1998). *Ilm al-Jarh wa al-Ta'dil Qawa'iduhu wa Aimmatihi*. Kaherah: Jami'ah al-Azhar.

Abdul Muhdi Abdul Kadir. (2012). *Turuq Takhrij Hadith Rasūlullah SAW*. Maktabah al-Iman.

- Abdullah Ishak. (1992). *Islam dan India, Nusantara dan China*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Ahmad Zubir Rosdi, Syed Najihuddin Syed Hassan & Nurul Asiah Fasehah Muhamad. (2019). *Pengajian Hadis Tradisional dan Moden: Tinjauan Awal Literatur*, Al Qanadir, International Journal of Islamic Studies. Seminar Pengajian Islam, Kemanusiaan dan Sains Sosial (SPIKESS) 2018 Vol 13 No 2 (2019) (Special Edition).
- Al -Khatib al-Baghdadi, Ahmad bin 'Ali bin Thabit. (1422). *Al -Jami li akhlaqi al-rawi wa adab alsami*.(Tahqiq). Rafat Sa`d. Mansoura: Dar al-Wafa.
- al-Khatīb, M. A. (1998). *Uṣūl al-Hadīth: 'Ulūmuh wa Mustalahuh*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Aryo Bima Fathoni, Azti Verina, Bilqisthi Rahmah, Nida Paiqotul, Zulmi Ramdani. (2019). *Defining Tabayyun as a Psychological Attribute: Study of Thematical Exploration*, International Summit on Science Technology and Humanity (ISETH2019) Advancing Scientific Thought for Future Sustainable Development. ISSN: 2477-3328 e-ISSN: 2615-1588, 3 -17.
- Dominici, G., & Palumbo, F. (2013). *How to build an e-learning product: Factors for student / customer satisfaction*. Business Horizons, 56(1), 87–96. Diakses daripada: <https://doi.org/10.1016/j.bushor.2012.09.011>
- Drs. H. Syukriadi Sambas. (2000). *Mantik Kaidah Berpikir Islami*. Bandung: Pt Remaja Rosdakarya Offset Bandung.
- Elliot, S.N., Kratochwill, T.R., Cook, J.L., & Travers, J.F. (2000). *Educational Psychology*. Edisi ketiga. McGraw Hill Book Co: Singapore.
- Farhah Zaidar Mohd. Ramli, Latifah Abdul Majid & Mohd Arif Nazri. (2017). *Faktor Dorongan Persambungan Sanad Kitab Hadis Dalam Pengajian Talaqqi Bersanad Di Malaysia*, International Journal of Islamic and Civilization Studies, 4. 13-26. Diakses daripada: <https://jurnalumran.utm.my/index.php/umran/article/view/117>.
- Ghazali Darusalam. (2021). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ibn al-Ṣalāh. (1986). *'Ulum al-hadith*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Idri. (2017). *Hadis dan orientalis*. Jakarta: Prenada Media Group.
- Khair, M. F. (2011). *Konsep Ahli Kitab: Kajian Perbandingan Di Antara Ibn Hazm Dan Al-Shahrastani*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- M. Ahmad Abdullah al-Haddad. (1988). *Nafa'is Min as-Sunnah*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mahmud al-Thahhan. (1985). *Taisir Musthalah al-Hadith*. Iskandariah: Markaz al-Huda Li- al-dirasat.
- Mahmud Al-Thahhan. (2011). *Taisir al-Mustolah al-Hadith*. Riyadh: Maktabah al-Maarif.
- Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam Mesir. (t.t). *Mausu'ah al-Mafahim al-Islamiyyah al-'Ammah*. Diakses: <http://www.islamic-council.com>. <https://shamela.ws/book/433>.

- Maria Chong Abdullah, Samsilah Roslan, Tajularipin Sulaiman. (t.t). *Strategi Pengajaran Pembelajaran Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Anjakan Paradigma*. Selangor: Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Ajjaj al-Khatib. (1961). *Usulal-Hadith, Uhumuhu Wa Mustalahuhu*. Mesir: Dar al-Fikr, h. 34-35.
- Muhammad Arif Yahya. (2016). *Sumbangan Ahl Al-Hadith dan Peranannya dalam Membangun Ketamadunan Islam*. Journal of Hadith Studies. (December 2016) e-ISSN: 2550-1448.
- Mustafa as-Sibaei. (t.t). *as-Sunnah Wa Makanatuha Fi at-Tasyri' at-Islami*.
- Noresah Baharom, et al. (2005). Kamus Dewan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pratama, H., Azman, M. N. A., Mustapha, R., Rahman, A. A., & Rus, R. C. (2015). *Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Berasaskan DD/CT Terhadap Kecerdasan Emosi Pelajar Sekolah Menengah di Banda Aceh*. Sains Humanika, 7(1), 19–29.
- Ra'id Muhammad al-Ubaydi. (2018). *Al-Ḥadīth al-tahlīlī: Dirāsa ta'şīliyya taṭbīqiyya*. Baghdad: Maktab Shams al-Andalus.
- Rif'at Fauzi Abd' al-Mutalib. (2015). *al-Madkhal ila Manahij al-Muhaddithin al-Usus wa al-Tatbiq*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Sa'ad al-Din Mas'ud ibn Umar ibn Abd Allah al-Taftazani. (2020). *Syarh al-Aqaid al-Nasafiyyah*. Damsyik: Dar al-Taqwa.
- Struktur Program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Hadis) (Kepujian) - Struktur BUH (CEFR 1) 3 1/2 Tahun Ambilan Jan/Feb. Dikakses di Portal USAS: <http://virtualcampus.usas.edu.my/>
- Yusuf al-Qaradawi. (1996). *Al- 'Aql wa al- 'Ilm fi al-Quran al-Karim*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Nominal Group Technique: **Kertas Konsep Pembinaan Elemen bagi Pembangunan Model Kompetensi Pegawai Pilihan Raya**

*Nominal Group Technique:
Concept Paper on the Development of Elements
for Election Officers' Competency Model*

Shazree Idzham Bin Wahab Abdul Rahman
Fakulti Pengurusan Dan Teknologi Maklumat
Universiti Sultan Azlan Shah
Tel: +6012-5484976 Emel: sidd6676@gmail.com

Prof. Madya Dr. Mohmad Amin Bin Mad Idris
Fakulti Pengurusan Dan Teknologi Maklumat
Universiti Sultan Azlan Shah
Tel: +62811-12513666 Emel: (mohmadamin@usas.edu.my)

Dr. Nor Hafizah Binti Abd. Latiff Khan
Fakulti Pengurusan Dan Teknologi Maklumat
Universiti Sultan Azlan Shah
Tel: +6013-7964116 Emel: (hafizahkhan@usas.edu.my)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk dan membangunkan Model Kompetensi Pegawai Pilihan Raya. Objektif kajian Pembangunan Model Kompetensi Pegawai Pilihan Raya ini pula bagi membantu mengkompetenkan Pegawai Pilihan Raya di Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) sehingga ke tahap pakar dalam memantapkan Pengurusan Pilihan Raya. Kajian ini menggunakan Kaedah Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembinaan (*Design and Development Research Approach*). Berdasarkan pendekatan Kaedah Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (PRP) Modifikasi, kajian ini dibahagikan kepada tiga (3) fasa. Fasa Pertama adalah Fasa Analisis Penilaian berpandukan Model Ketidaksesuaian (*Discrepancy Model*). Fasa Kedua pula adalah Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan. Manakala, Fasa Ketiga adalah Fasa Penilaian Kebolehgunaan berasaskan Instrumen (*Fuzzy Delphi Method*). Kertas ini adalah berkaitan Fasa Kedua: Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan yang menggunakan kaedah (*Nominal Group Technique*) (NGT) dan (*Interpretive Structural Modeling*) (ISM). Kaedah NGT adalah untuk mereka bentuk model berdasarkan pandangan dan keputusan panel sembilan (9) pakar Pengurusan Pilihan Raya dengan mengemukakan pendapat, memberi cadangan dan sumbangsaran kepada elemen yang dibentangkan. Satu senarai elemen awal telah dibentuk terlebih dahulu berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu. Senarai elemen akhir berdasarkan kesepakatan pandangan pakar melalui ISM digunakan dalam Pembangunan Model Kompetensi Pegawai Pilihan Raya.

Kata Kunci: Nominal Group Technique; Kompetensi; Pakar; Pegawai Pilihan Raya.

Pengenalan

Pilihan raya secara berkala adalah penting kepada demokrasi dan asas tadbir urus demokrasi (Curini, 2021; James & Alihodzic, 2020; Yusof et al., 2015). Pilihan raya memberi kuasa kepada rakyat untuk memilih wakil mereka, mempengaruhi dasar kerajaan dan mempertanggungjawab wakil rakyat yang

telah dipilih. Oleh demikian, pilihan raya memerlukan pengurusan sumber, petugas, logistik, teknologi canggih dan penyebaran maklumat yang berhemat (Goerres & Funk, 2018; James, 2018; James & Clark, 2016; James & Jervier, 2017).

Badan Pengurusan Pilihan Raya (*Electoral Management Body*) (EMB) merujuk kepada institusi yang bertanggungjawab untuk Pengurusan Pilihan Raya. EMB ialah entiti yang berbeza dari segi undang-undang yang ditugaskan untuk mengurus unsur-unsur aktiviti pilihan raya yang saling berkaitan dalam Ekosistem Pilihan Raya (Garnett, 2019).

Kajian Literatur

Peranan Pegawai Pilihan Raya adalah kritikal dalam mewujudkan keyakinan dalam pilihan raya dan demokrasi. Pegawai Pilihan Raya terlibat secara langsung dalam aspek paling kritikal Pengurusan Pilihan Raya sepanjang Kitaran Pilihan Raya, daripada peringkat Penganjuran (*Organising*) kepada Pemantauan (*Monitoring*) dan Keabsahan (*Certifying*). Oleh demikian, Pengurusan Pilihan Raya adalah pengurusan yang diteliti oleh Pegawai Pilihan Raya terhadap aplikasi dan pelaksanaan Kitaran Pilihan Raya dalam Ekosistem Pilihan Raya.

Penemuan empirikal berkenaan peranan Pegawai Pilihan Raya di dalam Pengurusan Pilihan Raya berkait rapat dengan Reka Bentuk Institusi Pengurusan Pilihan Raya. Ia jelas daripada cebisan bukti yang meluas dalam kajian literatur terdahulu oleh Birch (2008), Catt et al. (2014), Lehoucq (2002), Mozaffar (2002), Mozaffar dan Schedler (2002), Norris (2013), Pastor (1999) dan Wall et al. (2006) yang membincangkan pada awalnya terdapat enam (6) Reka Bentuk Institusi Pengurusan Pilihan Raya.

Lucia dan Lepsinger (1999), Spencer dan Spencer (1993) serta Boyatzis (2008) sepakat mengatakan bahawa Flanagan (1954) merupakan pencetus pendekatan kompetensi menerusi teknik insiden kritikal semasa perang dunia kedua yang mana seterusnya dikembangkan oleh McClelland (1973). Pengembangan ini bagi membina konsep kompetensi yang digunakan dalam disiplin pengurusan sumber manusia.

Kompetensi menggambarkan set tingkah laku, kelayakan keupayaan seseorang secara kualitatif atau kuantitatif yang mendatangkan keberhasilan yang dikehendaki (Guillén & Saris, 2013). Di samping itu juga, kompetensi merupakan perilaku individu yang rasional bagi mencapai tujuan organisasi yang melangkui tahap pendidikan dan keintelektualan (Prasertcharoensuk et al., 2015).

Jabatan Perkhidmatan Awam telah menekankan kepentingan amalan kompetensi dalam kalangan penjawat awam (Baharuddin & Hashim, 2004). Pembangunan kompetensi boleh dilakukan secara berterusan menerusi program latihan dan pembangunan (Ramli, 2013) yang dilaksanakan dalam perkhidmatan mahupun sesi bimbingan (*coaching*) bersama pemimpin pertengahan yang lebih senior. Aspek latihan dan pembangunan ini merupakan antara aspek penting dan kritikal terutamanya dalam aktiviti pembangunan sumber manusia.

Lan dan Hung (2018) mencadangkan pemimpin pertengahan perlu menguasai kompetensi dalam konteks kompetensi pembangunan diri, kompetensi professional dan kompetensi sumber manusia. Ini menunjukkan bahawa pemimpin pertengahan juga memerlukan kompetensi khusus bagi membolehkan mereka berfungsi sebaiknya. Mereka masih terikat dengan arahan pemimpin utama organisasi, namun dalam pada masa yang sama mereka perlu memimpin ahli-ahli di bawah tanggungjawab mereka.

Spencer dan Spencer (1993) telah mengemukakan model kompetensi (*Iceberg*), yang menjelaskan bahawa kompetensi bergantung kepada bagaimana individu berfikir, bertindak dan mendepani pelbagai situasi menerusi motif, sifat, konsep sendiri, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Manakala terdahulu sebelum itu, Boyatzis (2008) menerusi Model Kompetensi Kerja telah memecahkan kompetensi kepada tiga (3) kluster utama iaitu kompetensi individu, kompetensi pekerjaan dan kompetensi organisasi. Seorang pemimpin yang menguasai ketiga-tiga kompetensi ini dikatakan sebagai pemimpin yang cukup kompeten dan mencapai kemuncak prestasi dalam melaksanakan tugasnya.

Berpandukan model kompetensi (*Iceberg*) dan model kompetensi kerja yang sering dirujuk oleh ramai pengkaji terutama dalam aspek kompetensi (Ismail & Razak, 2017), kompetensi organisasi turut menjadi kompetensi yang dinyatakan sebagai komponen penting. Kompetensi organisasi menjadi indikator utama dalam memastikan keberhasilan pekerjaan mereka. Justeru, kompetensi ini juga perlu diteliti dengan lebih mendalam khususnya bagi kegunaan pemimpin pertengahan dalam melaksanakan tugas mereka dengan berkesan.

Penyataan Masalah

Pilihan raya adalah asas kepada demokrasi yang berfungsi. Pilihan raya yang bebas, adil dan telus menunjukkan bahawa demokrasi diamalkan dengan sewajarnya. Namun begitu, tahap kepercayaan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan pengendalian pilihan raya semakin merudum. Sebaliknya, persepsi bahawa proses pilihan raya tidak bebas, adil, dan telus terus meningkat, terutama pada tahun-tahun menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) dan mencapai kemuncak semasa dan pasca pilihan raya berkenaan. Keyakinan pengundi terhadap Pengurusan Pilihan Raya oleh SPR telah dicalarkan oleh insiden yang telah berlaku pada PRU14 di mana terdapat kepincangan pengurusan apabila peti-peti undi yang digunakan di Tempat Mengundi telah dilabel secara salah dengan pelekat label berwarna yang berlainan (Michelle, 2018; Priya, 2018; Ruxyn, 2018).

Sesebuah organisasi mesti memenuhi tujuan utama untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan tertentu dengan cekap melalui pelaksanaan perancangan yang rapi dan pemantauan kestabilan operasi organisasi di tahap optimum (Mintzberg, 1973). Kepincangan perancangan dan ketiadaan pemantauan akan memberi kesan apabila Garnett (2019), Norris (2019) serta Van Ham dan Lindberg (2015) membincangkan bahawa Pengurusan Pilihan Raya yang teratur adalah penting sepanjang Kitaran Pilihan Raya, khususnya semasa peringkat Penganjuran, bagi memberikan keyakinan pengundi terhadap proses pilihan raya.

Pegawai Pilihan Raya sepatutnya adalah pakar proses pilihan raya. Pakar adalah pihak berkuasa yang cekap dan diiktiraf terhadap subjek tertentu lantas memiliki pengetahuan mendalam tentang subjek berkenaan (Anderson-Cook et al., 2019). Pakar Bidang Khusus (PBK) (*Subject Matter Experts*) (SME) ialah istilah yang merujuk kepada seseorang yang kompeten dan pakar dalam bidang kepakaran tertentu (Hopkins & Unger, 2017). Hasilnya, PBK boleh memberikan panduan dalam bidang kecekapan ini, memperincikan komponen kritikal kecekapan ini, dan menilai pekerja untuk menentukan sama ada mereka memilikinya (Manea, 2020).

PBK digunakan secara meluas dalam sains tulen, seperti kejuruteraan (Jeffcoat et al., 2019; Reinhardt et al., 2020). Walau bagaimanapun, Terma Rujukan (*Terms of Reference*) (TOR) yang kurang serta tidak mencukupi berkenaan PBK, khususnya dalam Pengurusan Pilihan Raya, untuk dijadikan panduan dan dipatuhi Pegawai Pilihan Raya. Pada asasnya, kompetensi merangkumi tiga (3) aspek penting iaitu Pengetahuan (Kognitif), Sikap (Afektif) dan Kemahiran (Psikomotor) yang digabungkan untuk menyelesaikan tugas tertentu (UNIDO, 2002). Oleh demikian, kajian pembangunan Model Kompetensi Pegawai Pilihan Raya ini dibina bagi memenuhi kelompongan-kelompongan di atas.

Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk membina Model Kompetensi Pegawai Pilihan Raya. Oleh demikian, Model ini dibina khusus bagi melatih Pegawai Pilihan Raya yang terlibat secara langsung di dalam Kitaran Pilihan Raya sehingga ke tahap pakar.

Sehubungan itu, bagi merealisasikan tujuan kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (PRP) Modifikasi (Siraj et al., 2020) yang diadaptasi daripada pendekatan (*Design and Development Research*) (DDR) (Richey & Klein, 2007). Pendekatan yang digunakan ini merangkumi tiga fasa iaitu Fasa Pertama: Analisis Keperluan Model; Fasa Kedua: Reka Bentuk dan Pembangunan Model; dan Fasa Ketiga: Penilaian Kebolegunaan Model. Justeru, objektif kajian dibina berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibangkitkan dalam sub topik sebelum ini yang dibahagikan mengikut fasa seperti di bawah:

1. Objektif Kajian Fasa Pertama
Mengenal pasti keperluan pembinaan model kompetensi pegawai pilihan raya.
2. Objektif Kajian Fasa Kedua
Mereka bentuk dan membangunkan model kompetensi pegawai pilihan raya.
3. Objektif Kajian Fasa Ketiga
Menilai kebolegunaan model kompetensi pegawai pilihan raya.

Oleh yang demikian, kertas ini tertumpu kepada Objektif Kajian Fasa Kedua, iaitu di dalam pembinaan elemen bagi mereka bentuk dan membangunkan Model Kompetensi Pegawai Pilihan Raya.

Persoalan Kajian

Apakah elemen-elemen yang diperlukan bagi pembangunan Model Kompetensi Pegawai Pilihan Raya berdasarkan pandangan pakar?

Metodologi

(*Nominal Group Technique*) (NGT) yang telah diasaskan oleh Delbecq, Van de Ven dan Gustafson pada tahun 1975 adalah merupakan satu penyelidikan kaedah campuran yang popular dan sering digunakan bagi mendapatkan idea atau pemboleh ubah yang berkaitan dengan sesuatu isu, permasalahan atau situasi (Delbecq et al., 1975). NGT adalah sesi bersemuka berstruktur secara berkumpulan dengan tujuan untuk mencapai konsensus kumpulan dan merancang tindakan pada topik yang dipilih. Menurut Varga-Atkins et al. (2011), NGT bertujuan untuk penilaian dan membuat keputusan secara dalam kumpulan. Namun begitu, NGT hanya sesuai digunakan apabila hanya terdapat satu topik atau isu untuk dibincangkan.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan NGT ubah suai dalam mengesan elemen yang diperlukan pada pembinaan model. NGT merupakan satu pendekatan yang lebih berstruktur berbanding kaedah kumpulan sasaran (*focus group*) (WBI Evaluation Group, 2007). Ini kerana NGT dikatakan menghasilkan lebih banyak idea dari segi jumlah berbanding pendekatan bersemuka kelompok yang lain seperti kumpulan sasaran (Delbecq et al., 1975; O'Neil & Jackson, 1983).

Sampel

Sampel atau pakar yang terlibat dalam teknik ini mempunyai hubungan kuasa yang berbeza walaupun dalam kumpulan yang sama; apabila berunding dengan pelbagai kumpulan pemegang kepentingan

dalam penyelidikan yang sama. Moderator yang mengendali sesebuah sesi NGT perlu memainkan peranan dengan memberi peluang yang sama kepada setiap peserta dengan menggalakkan input individu. Sampel yang terlibat dalam fasa ini dikenali sebagai homogen. Sampel homogen adalah merupakan sampel yang mempunyai persamaan dari segi pengalaman, budaya dan bidang pekerjaan (Etikan et al., 2016). Oleh itu, pemilihan sampel pada fasa ini adalah berdasarkan kepada persamaan yang wujud antara pakar yang berkaitan dengan topik perbincangan kajian (Krueger & Casey, 2000). Seramai sembilan (9) orang pakar dipilih sebagai responden dalam metodologi ini. Ini bertepatan dengan saranan Mohd Ridhuan (2016) bahawa bilangan pakar yang sesuai di dalam proses NGT adalah seramai enam (6) hingga sembilan (9) orang.

Proses Pengumpulan Data

Satu senarai semak yang mengandungi elemen Kompetensi Pegawai Pilihan Raya disediakan untuk dibincangkan semasa proses NGT. Ini juga dapat membantu para pakar untuk memahami dan seterusnya dapat memfokuskan skop perbincangan dengan lebih jelas dan terarah berdasarkan kepada keperluan kajian. Sebagai maklum balas terhadap senarai semak yang disediakan, para pakar boleh sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan senarai elemen yang telah disenaraikan. Elemen yang menerima pandangan positif dan dipersetujui dimasukkan ke dalam model. Di samping itu juga, para pakar turut digalakkan untuk memberikan cadangan dan idea tambahan yang didapati tidak ada dalam senarai dan sesuai untuk dimasukkan ke dalam model. Seterusnya, kesemua elemen yang telah dipilih itu nanti akan dibentangkan dan diperjelaskan lagi bagi membolehkan para pakar untuk mendapatkan satu kesepakatan dan keputusan bersama sama ada elemen tersebut boleh dimasukkan ke dalam senarai akhir (Broome & Cromer, 1991).

Pada peringkat akhir NGT, senarai akhir diberikan kepada setiap pakar untuk membolehkan mereka memilih dengan meletakkan nombor pada setiap item berdasarkan kepada kedudukan dan kepentingan item tersebut melalui undian pakar. Penetapan kedudukan tersebut adalah dengan menggunakan penentuan 5 Skala Likert.

Nombor penetapan kedudukan yang diberikan oleh pakar dikumpulkan untuk mendapatkan nilai keutamaan pada setiap elemen. Akhirnya, dapatlah disenaraikan elemen yang telah disusun berdasarkan kepada keutamaan yang telah dilakukan oleh para pakar. Elemen yang mendapat nombor paling besar dianggap sebagai elemen yang paling utama dalam senarai, dan begitulah seterusnya. Seterusnya peratus persetujuan dianalisis menggunakan perisian (Microsoft Excel). Carta aliran pelaksanaan sesi NGT di Rajah 1 dapat menjelaskan prosedur pelaksanaan dengan lebih jelas.



Rajah 1. Carta aliran sesi (*nominal group technique*).

Memandangkan senarai item yang dikemukakan terhasil dari sorotan literatur dan menerusi proses perbincangan dan disahkan secara sepakat oleh para pakar, maka ianya tidak lagi perlu melalui ujian kebolehpercayaan serta kesahan. Ini adalah bersandarkan kepada kajian-kajian terdahulu seperti (Dobbie et al., 2004) yang menggunakan elemen-elemen hasil dari sorotan literatur dan pandangan pakar sebagai penentu kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian mereka. Ini disokong dengan kajian Muqsith (2018) yang menggunakan elemen yang dibentuk dari sorotan literatur dan perbincangan dengan pakar NGT sebagai pengesahan borang skor persetujuan itu sendiri.

Signifikan Kajian

Kajian Pembangunan Model Kompetensi Pegawai Pilihan Raya ini merupakan sebuah kajian khusus bagi membantu Pegawai Pilihan Raya di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengkompetenkan Pegawai Pilihan Raya di Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). Model ini boleh dijadikan asas kepada penghasilan Buku Kerja Pegawai Pilihan Raya bagi melahirkan Pakar Bidang Khusus (PBK) 'Subject Matter Experts' (SME) di kalangan Pegawai Pilihan Raya dalam bidang Pengurusan Pilihan Raya. Model ini juga boleh dijadikan panduan kepada Pegawai Pilihan Raya semasa mereka melatih Petugas Pilihan Raya.

Di samping itu, kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data yang berbeza dengan kajian-kajian biasa. Kajian ini menggunakan kaedah NGT yang digunakan bagi mengumpulkan pandangan dan idea pakar berkaitan bidang kajian. Pendekatan seperti ini biasanya digunakan dalam bidang sains dan ketenteraan. Melalui pendekatan ini, data bukan sahaja dikumpul daripada golongan sasaran iaitu Pegawai Pilihan Raya, tetapi juga turut mendapatkan pandangan daripada golongan pakar yang telah lama berkecimpung dalam dunia pilihan raya.

Di dalam proses NGT, skor yang diperoleh menerusi soal selidik persetujuan pakar berkenaan item-item yang telah dibincangkan merupakan dapatan yang sangat penting. Ini kerana, proses NGT merupakan langkah mengenal pasti item atau elemen sama ada perlu dimasukkan atau dikeluarkan daripada model yang ingin dibangunkan.

Oleh itu, skor persetujuan pakar akan dianalisis menggunakan perisian (*Microsoft Excel*) bagi mendapatkan julat penerimaan pakar di mana item yang mendapat nilai 70% ke atas adalah diterima (Deslandes et al., 2010; Mohd Ridhuan, 2016). Seterusnya, setiap item yang telah mendapat nilai persetujuan, diatur mengikut kedudukan dan dinilai kesesuaiannya.

Dapatan Kajian

Fasa ini merupakan objektif kajian yang kedua iaitu bagi mereka bentuk dan membangunkan Model Kompetensi Pegawai Pilihan Raya. Fasa ini dimulakan dengan membina satu senarai awal elemen bagi model ini. Pembinaan senarai awal ini adalah berdasarkan kepada tinjauan kajian terdahulu serta dibantu oleh teori dan model yang mendasari kajian ini. Satu senarai awal yang mengandungi 24 elemen telah dibentangkan kepada sembilan (9) orang pakar yang terlibat dalam proses NGT.

Pemilihan pakar adalah berdasarkan kepada kriteria pemilihan pakar seperti yang telah digariskan dalam perenggan sampel di atas. Kesemua pakar dikumpulkan dalam satu sesi (Google Meet) bagi membincangkan kesemua elemen yang telah disenaraikan. Pengumpulan pakar dibuat secara atas talian berikutan lokasi kesemua pakar tidak sama. Para pakar telah membincangkan setiap elemen yang disenaraikan satu persatu. Terdapat beberapa perubahan dan penambahbaikan telah dilakukan sepanjang sesi berkenaan. Perubahan dan penambahbaikan yang dilakukan dipersetujui kesemua pakar dalam sesi perbincangan berkenaan. Setelah sesi perbincangan NGT selesai, senarai awal elemen yang mengandungi 24 elemen tadi telah bertambah menjadi 36 elemen kesemuanya dan

dikenali sebagai senarai akhir elemen.

Senarai akhir elemen ditukarkan kepada bentuk soal selidik dengan 5 Skala Likert sebelum diedarkan kepada kesemua pakar terlibat melalui (Google Form) yang diberikan dalam sesi (Google Meet) yang berlangsung. Soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas peribadi setiap pakar yang terlibat terhadap setiap elemen yang telah dibincangkan dan dimuatkan dalam senarai akhir elemen. Para pakar dikehendaki untuk memberikan pandangan mereka dengan memilih skala berdasarkan pendapat mereka sendiri. Setelah kesemua pakar menjawab soal selidik yang diberikan, data dianalisis menggunakan perisian (Microsoft Excel) bagi mendapatkan jumlah bagi setiap elemen. Jumlah ini menentukan kedudukan bagi setiap elemen. Kedudukan bagi setiap elemen menentukan turutan elemen yang dimasukkan ke dalam perisian (Concept Star) bagi tujuan pengundian dalam sesi (*Interpretive Structural Modeling*) (ISM). Jadual 1 berikut menunjukkan dapatan kajian bagi sesi NGT yang dijalankan.

Jadual 1. Kedudukan dan keutamaan elemen berdasarkan NGT

| BIL. | ELEMEN | P 1 | P 2 | P 3 | P 4 | P 5 | P 6 | P 7 | P 8 | P 9 | JUMLAH | KEUTAMAAN |
|------|--------|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|--------|-----------|
| 1 | E1 | 2 | 5 | 5 | 4 | 5 | 4 | 5 | 5 | 4 | 39 | 6 |
| 2 | E2 | 5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 3 | E3 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 4 | E4 | 5 | 5 | 4 | 4 | 5 | 4 | 5 | 5 | 4 | 41 | 5 |
| 5 | E5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 43 | 3 |
| 6 | E6 | 5 | 4 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 43 | 3 |
| 7 | E7 | 5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 8 | E8 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 45 | 1 |
| 9 | E9 | 4 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 42 | 4 |
| 10 | E10 | 5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 11 | E11 | 5 | 5 | 5 | 2 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 41 | 5 |
| 12 | E12 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 13 | E13 | 5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 14 | E14 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 15 | E15 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 45 | 1 |
| 16 | E16 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 44 | 2 |
| 17 | E17 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 45 | 1 |
| 18 | E18 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 44 | 2 |
| 19 | E19 | 5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 44 | 2 |
| 20 | E20 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 21 | E21 | 5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 22 | E22 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 44 | 2 |
| 23 | E23 | 5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 24 | E24 | 5 | 5 | 4 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 43 | 3 |
| 25 | E25 | 4 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 42 | 4 |
| 26 | E26 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 27 | E27 | 4 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 42 | 4 |
| 28 | E28 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 4 | 4 | 4 | 41 | 5 |
| 29 | E29 | 5 | 4 | 4 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 41 | 5 |
| 30 | E30 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 31 | E31 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 44 | 2 |
| 32 | E32 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 33 | E33 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 4 | 4 | 5 | 5 | 42 | 4 |
| 34 | E34 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 35 | E35 | 5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |
| 36 | E36 | 5 | 5 | 5 | 4 | 5 | 5 | 5 | 5 | 5 | 44 | 2 |

* Nota : P = Pakar. E = Elemen.

Berdasarkan Jadual 1, terdapat 3 elemen yang berada di kedudukan pertama iaitu elemen E8,

E11 dan E17. Manakala majoriti elemen berada dalam kedudukan kedua iaitu sebanyak 21 elemen. Elemen-elemen berkenaan ialah elemen E2, E3, E7, E10, E12, E13, E14, E16, E18, E19, E20, E21, E22, E23, E26, E30, E31, E32, E34, E35 dan E36. Elemen E5, E6 dan E24 pula berada di kedudukan ketiga diikuti elemen E9, E25, E27 dan E33 di kedudukan keempat. Manakala elemen E4, E11, E28 dan E29 pula mengambil kedudukan kelima. Elemen yang berada di kedudukan terakhir iaitu kedudukan keenam ialah elemen E1.

Sesi ISM dimulakan setelah kesemua elemen dimasukkan ke dalam perisian (*Concept Star*) mengikut turutan. Pakar yang terlibat dalam proses ISM ini merupakan pakar yang sama terlibat dalam sesi perbincangan NGT. Akhirnya, penghasilan elemen yang bersesuaian dengan Objektif Kajian Fasa Kedua dapat membantu kepada pembangunan Model Kompetensi Pegawai Pilihan Raya yang tepat dan berguna.

Penutup

Pilihan raya yang adil dan bebas perlu mempunyai komponen kebebasan, ketelusan, keintegritian, kecekapan dan keadilan. Kredibiliti Pengurusan Pilihan Raya di seluruh ekosistem pilihan raya dengan hasil positif yang diinginkan iaitu Keyakinan Dalam Pilihan Raya dan Legitimasi Pilihan Raya amat dikaitkan dengan Integriti Pilihan Raya. Manakala integriti pula berkait rapat dengan kompetensi. Kompetensi merupakan perilaku individu yang rasional bagi mencapai tujuan organisasi yang melangkui tahap pendidikan dan keintelektualan (Prasertcharoensuk et al., 2015). Oleh demikian, kajian ini dibina bagi mendapatkan elemen-elemen kompetensi yang diperlukan bagi seseorang individu terutamanya bagi Pegawai Pilihan Raya bagi memantapkan lagi organisasi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Rujukan

- Anderson-Cook, C. M., Lu, L., & Parker, P. A. (2019). Effective interdisciplinary collaboration between statisticians and other subject matter experts. *Quality Engineering*, 31(1), 164–176. <https://doi.org/10.1080/08982112.2018.1530357>
- Baharuddin, P. N. S., & Hashim, H. H. (2004). Model kompetensi perkhidmatan awam Malaysia. *Jurnal Pengurusan Awam*, 2(1), 79–98.
- Birch, S. (2008). Electoral institutions and popular confidence in electoral processes: A cross-national analysis. *Electoral Studies*, 27(2), 305–320. <https://doi.org/10.1016/j.electstud.2008.01.005>
- Boyatzis, R. E. (2008). Competencies in the 21st century. *Journal Of Management Development*, 27(1), 5–12. <https://doi.org/10.1108/02621710810840730>
- Broome, B. J., & Cromer, I. L. (1991). Strategic planning for tribal economic development: A culturally appropriate model for consensus building. *International Journal Of Conflict Management*, 2(3), 217–233. <https://doi.org/10.1108/eb022700>
- Catt, H., Ellis, A., Maley, M., Wall, A., & Wolf, P. (2014). Electoral management design: Revised edition. In *International Institute for Democracy and Electoral Assistance (IDEA)*. International IDEA.
- Curini, L. (2021). The Integrity Of The 2016 US presidential election: Exploring the possible impact of ideology on experts' judgments. *Party Politics*, 27(1), 81–91. <https://doi.org/10.1177/1354068818809524>

- Delbecq, A. L., Van de Van, A. H., & Gustafon, D. H. (1975). *Group techniques for program planning: A guide to nominal group and Delphi Processes*. Scott, Foresman Glenview.
- Deslandes, S. F., Mendes, C. H. F., Pires, T. de O., & Campos, D. de S. (2010). Use of the nominal group technique and the Delphi Method to draw up evaluation indicators for strategies to deal with violence against children and adolescents in Brazil. *Revista Brasileira de Saude Materno Infantil*, 10(SUPPL. 1). <https://doi.org/10.1590/s1519-38292010000500003>
- Dobbie, A., Rhodes, M., Tysinger, J. W., & Freeman, J. (2004). Using a modified nominal group technique as a curriculum evaluation tool. *Family Medicine*, 36(6).
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *Journal Of Theoretical And Applied Statistics*, 5(1), 1–4.
- Flanagan, J. C. (1954). The critical incident technique. *Psychological Bulletin*, 51(4), 257–272. <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/19586159>
- Garnett, H. A. (2019). On the front lines of democracy: Perceptions of electoral officials and democratic elections. *Democratization*, 26(8), 1399–1418. <https://doi.org/10.1080/13510347.2019.1641797>
- Goerres, A., & Funk, E. (2018). Who counts, counts: An exploratory analysis of how local authorities organise the electoral count in Germany’s most populous state. *German Politics*, 28(1), 61–79. <https://doi.org/10.1080/09644008.2018.1541319>
- Guillén, L., & Saris, W. E. (2013). Competencies, personality traits and organizational rewards of middle managers: A motive-based approach. *Human Performance*, 26(1), 66–92. <https://doi.org/10.1080/08959285.2012.736898>
- Hopkins, P., & Unger, M. (2017). What is a “subject-matter expert”? *Journal of Pipeline Engineering*, 16(4), 227–230.
- Ismail, & Razak, A. (2017). Managers’ roles in performance based reward enhancing employees’ feelings of procedural justice. *KINERJA*, 21(2), 145–158.
- James, T. S. (2018). *What is electoral management?* <http://www.electoralmanagement.com/what-is-electoral-management/>
- James, T. S., & Alihodzic, S. (2020). When is it democratic to postpone an election? Elections during natural disasters, Covid-19 and emergency situations. *Election Law Journal*, 19(3), 344–362. <https://doi.org/10.1089/elj.2020.0642>
- James, T. S., & Clark, A. (2016). *An evaluation of electoral administration at the eu referendum*. <https://www.semanticscholar.org/paper/c7bc773ae17896d083eaa5a49ec8c1cec1242f43>
- James, T. S., & Jervier, T. (2017). The cost of elections: The effects of public sector austerity on electoral integrity and voter engagement. *Public Money and Management*, 37(7), 461–468. <https://doi.org/10.1080/09540962.2017.1351834>

- Jeffcoat, K. L., Eveleigh, T. J., & Tanju, B. (2019). A conceptual framework for increasing innovation through improved selection of specialized professionals. *Engineering Management Journal*, 31(1), 22–34. <https://doi.org/10.1080/10429247.2018.1548231>
- Krueger, R. A., & Casey, M. A. (2000). *Focus groups: A practical guide for applied research*. SAGE Publications, Inc., Thousand Oaks.
- Lan, M. T., & Hung, T. H. (2018). The leadership competency in Vietnam public administration. *Organizations And Markets In Emerging Economies*, 9(1 (17)), 8–20.
- Lehoucq, F. E. (2002). Can parties police themselves? Electoral governance and democratization. *International Political Science Review*, 23(1), 29–46. <https://doi.org/10.1177/0192512102023001002>
- Lucia, A. D., & Lepsinger, R. (1999). *The art and science of competency models: Pinpointing critical success factors in organizations*.
- Manea, A. I. (2020). Selecting subject matter experts in job and work analysis surveys. *Academic Journal of Economic Studies*, 6(2), 52–61.
- McClelland, D. C. (1973). Testing for competence rather than for “intelligence”. *The American Psychologist*, 28(1), 1–14. <https://doi.org/10.1037/h0034092>
- Michelle. (2018, May 9). SPR is mixing up “Parliament” and “State” Ballot boxes all over the country. *World Of Buzz*, 1–7. <https://worldofbuzz.com/spr-is-mixing-up-parliament-and-state-ballot-boxes-all-over-the-country/>
- Mintzberg, H. (1973). *The nature of managerial work* (E. S. Koehn (ed.); 1980 Editi). Prentice-Hall, Inc.
- Mohd Ridhuan, M. J. (2016). Pembangunan model kurikulum latihan Skives bagi program pengajian Kejuruteraan Pembelajaran Berasaskan Kerja. In *Thesis Ijazah Doktor Falsafah*. Unpublished doctoral dissertation, University Malaya, Kuala Lumpur.
- Mozaffar, S. (2002). Patterns of electoral governance in Africa’s emerging democracies. *International Political Science Review*, 23(1), 85–101.
- Mozaffar, S., & Schedler, A. (2002). The comparative study of electoral governance: Introduction. *International Political Science Review*, 23(1), 5–27. <https://doi.org/10.1177/0192512102023001001>
- Muqsith, A. (2018). *Pembangunan model ENi berasaskan aktiviti inkuiri bagi program Latihan Kemahiran*. Unpublished doctoral dissertation, University Malaya, Kuala Lumpur.
- Norris, P. (2013a). Does the world agree about standards of electoral integrity? Evidence for the diffusion of global norms. *Electoral Studies*, 32(4), 576–588. <https://doi.org/10.1016/j.electstud.2013.07.016>
- Norris, P. (2013b). The new research agenda studying electoral integrity. *Electoral Studies*, 32(4), 563–575. <https://doi.org/10.1016/j.electstud.2013.07.015>

- Norris, P. (2019). Conclusions: The new research agenda on electoral management. *International Political Science Review*, 40(3), 391–403. <https://doi.org/10.1177/0192512119829869>
- O’Neil, M. J., & Jackson, L. (1983). Nominal group technique: A process for initiating curriculum development in higher education. *Studies in Higher Education*, 8(2), 129–138. <https://doi.org/10.1080/03075078312331378994>
- Pastor, R. A. (1999). The role of electoral administration in democratic transitions: Implications for policy and research. *Democratization*, 6(4), 1–27. <https://doi.org/10.1080/13510349908403630>
- Prasertcharoensuk, T., Somprach, K., & Ngang, T. K. (2015). Influence of teacher competency factors and students’ life skills on learning achievement. *Procedia - Social And Behavioral Sciences*, 186(1), 566–572. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.021>
- Priya, S. S. (2018). Maria Chin consoles voters who mistakenly dropped ballot in wrong boxes. *The Star Online*, 1–3. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/05/09/maria-chin-consoles-voters-who-mistakenly-dropped-ballots-in-wrong-boxes/>
- Ramli, A. (2013). The influence of school culture on productive competencies of students in West Sumatra State Vocational Schools. *Journal Of Educationsl Horizon*, XXXII(2), 307–314.
- Reinhardt, D., Haeusler, M. H., London, K., Loke, L., Feng, Y., De Oliveira Barata, E., Firth, C., Dunn, K., Khean, N., Fabbri, A., Wozniak-O’Connor, D., & Masuda, R. (2020). CoBuilt 4.0: Investigating the potential of collaborative robotics for subject matter experts. *International Journal of Architectural Computing*, 1–18. <https://doi.org/10.1177/1478077120948742>
- Richey, R. C., & Klein, J. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Ruxyn, T. (2018). The mix up of ballot boxes in GE14 will not impact votes, Bersih says. *Says*, 1–5. <https://says.com/my/news/ge14-election-mixed-up-votes-ballot-box-tagged-wrongly-in-polling-stations>
- Siraj, S., Abdullah, M. R. T. L., & Rozkee, R. M. (2020). *Pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Spencer, L., & Spencer, S. (1993). Competence at work: Models for superior performance. In *John Wiley & Sons, Inc.*
- UNIDO, U. N. I. D. O. (2002). *Competing Through Innovation And Learnig*.
- Van Ham, C., & Lindberg, S. (2015). When guardians matter most: Exploring the conditions under which electoral management body institutional design affects election integrity. *Irish Political Studies*, 30(4), 454–481. <https://doi.org/10.1080/07907184.2015.1099097>
- Varga-Atkins, T., Bunyan, N., Fewtrell, R., & McIsaac, J. (2011). The nominal group technique - A practical guide for facilitators. In *Evaluation Of Learners’ Experiences Of E-Learning Special Interest Group (ELESIG)* (Issue October).

Wall, A., Ellis, A., Ayoub, A., Dundas, C. W., Rukambe, J., & Staino, S. (2006). *Electoral management design: The international IDEA handbook*. International IDEA.

WBI Evaluation Group. (2007). Nominal Group Technique. *Need Assessment Knowledge Base*, 3. <http://www.neirtec.org/evaluation/PDFs/PreparingtoCollect5.pdf>

Yusof, M. F., Ghazali, M. A., Rosli, N., & Alias, M. S. (2015). Public perception towards the election commission in Malaysia. *Asian Social Science*, 11(26), 347–357. <https://doi.org/10.5539/ass.v11n26p347>

Orientasi Keusahawanan, Program Pembangunan PKS dan Kejayaan PKS di Perak

Entrepreneurship Orientation, SME Development Program and Success in Perak

Nor Hafizah Hasan

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak,
Malaysia

Tel: +60 19-574 1303 Email: hafizah@usas.edu.my

Noorhaslinda Zainal Abidin

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak,
Malaysia

Tel: +60 19-664 2652 Email: noorhaslinda@usas.edu.my

Nurul Aisyah Mohd Jaafar

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak,
Malaysia

Tel: +60 19-512 7469 Email: aisyah@usas.edu.my

Abstrak

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dilihat sebagai perniagaan yang menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara khususnya di Malaysia. Namun begitu, akses kepada sokongan dan bantuan serta pendekatan orientasi keusahawanan kerap dikaitkan dengan isu prestasi dan kejayaan PKS. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan di antara bidang tumpuan di dalam Program Pembangunan PKS terhadap kejayaan PKS di Negeri Perak. Bidang tumpuan yang dikenalpasti dapat memberikan input dan hasil yang positif adalah program akses kepada pembangunan modal insan, program akses kepada pembiayaan, dan program akses kepada pasaran yang dianjurkan oleh SME Corporation dan agensi-agensi yang berkaitan. Kajian ini juga turut mengambil kira orientasi keusahawanan dalam mempengaruhi kejayaan perniagaan PKS. Kajian terdahulu tidak memberikan penjelasan yang komprehensif berkaitan kejayaan perniagaan melalui perspektif orientasi keusahawanan. Secara khususnya, kajian ini adalah untuk meninjau kejayaan perniagaan di kalangan PKS dengan menilai kesan program pembangunan PKS ke atas kejayaan perniagaan, yang mana orientasi keusahawanan berfungsi sebagai pengantara. Kajian ini melibatkan pengumpulan data secara kuantitatif melibatkan pengedaran soal selidik kepada 304 PKS dari sektor pembuatan, sektor perkhidmatan, dan lain-lain yang meliputi 12 Daerah di Negeri Perak. Analisis data yang digunakan adalah analisa deskriptif, korelasi, dan regresi. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat kesan positif yang signifikan antara program pembangunan PKS, orientasi keusahawanan, dan kejayaan perniagaan. Dimensi kajian dalam orientasi keusahawanan juga mempunyai hubungan sebagai pengantara di antara program pembangunan PKS dengan kejayaan perniagaan PKS di Perak. Analisa regresi menunjukkan pemboleh ubah orientasi keusahawanan adalah *mediator* yang signifikan positif dan memberi kesan perubahan sebanyak 31% ($R^2=0.31$) secara statistik. Secara kesimpulannya, kajian ini adalah selaras dengan kehendak kerajaan bagi memastikan setiap PKS diterapkan dengan ilmu keusahawanan yang betul melalui program pembangunan PKS yang dijalankan, manakala orientasi keusahawanan mewujudkan kemampuan untuk lebih proaktif, berdaya saing, inovasi, dan berani menghadapi risiko seterusnya dapat meningkatkan kejayaan perniagaan PKS di Perak.

Kata kunci: Program Pembangunan PKS; Orientasi Keusahawanan; Kejayaan Perniagaan; Pengantara; PKS

Pengenalan

Di negara membangun seperti Malaysia, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bukan sahaja dilihat sebagai satu mekanisme untuk meningkatkan pengagihan pendapatan bahkan ia juga merupakan medium yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi dan membentuk semula struktur ekonomi yang sangat bergantung kepada aktiviti firma besar (Murjan, 2012; Mohsin et al., 2017). Perspektif ini disokong oleh Perdana Menteri Malaysia, yang telah menyatakan bahawa PKS merupakan tulang belakang bagi ekonomi Malaysia (Laporan Tahunan PKS, 2017). Seiring dengan pertumbuhan industri PKS ini, ianya telah meningkatkan peluang kejayaan di kalangan PKS seterusnya memberikan implikasi yang besar untuk pertumbuhan dan kesejahteraan sosio-ekonomi negara (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik [APEC], 2004). Penubuhan PKS yang berjaya berpotensi mewujudkan peluang pekerjaan baru, meningkatkan perdagangan dan pendapatan, dan seterusnya dapat meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang memberikan impak kepada negara. Namun begitu, kajian yang dibuat oleh O'Regan & Ghobadian, 2004 terhadap PKS menunjukkan kurangnya konsisten dalam perniagaan adalah dengan mengambil kira faktor-faktor seperti usahawan pernah mengalami kegagalan paling kurang sekali dalam menguruskan perniagaan mereka bagi menentukan kejayaan PKS. Selain itu, terdapat perbezaan daripada dapatan kajian Hasan (2018) yang mana sebahagian daripada pengkaji mengaitkan kejayaan dengan pengaruh individu (iaitu, usahawan) dan faktor-faktor luaran yang lain seperti keadaan ekonomi, dasar kerajaan, sokongan kewangan, dan infrastruktur bagi membolehkan seseorang usahawan PKS yang berjaya.

Kajian ini memfokuskan kepada program pembangunan PKS yang dianjurkan oleh agensi-agensi berkaitan seperti SME Corp, TEKUN, MARA, SME Bank, dan agensi-agensi yang lain. Ia juga disokong oleh orientasi keusahawanan yang didorong oleh faktor-faktor seperti inovasi, proaktif, autonomi dan pengambilan risiko. Menurut Yusof et al. (2013), bagi individu yang mempunyai orientasi keusahawanan merupakan satu kesediaan bagi individu tersebut untuk menggunakan kreativiti, inovasi dan pengambilan risiko bagi membentuk dan membangunkan diri mereka sendiri.

Kajian di Malaysia amnya juga mendapati pelbagai kesukaran yang dialami oleh PKS yang mana mempunyai kadar kegagalan yang lebih besar daripada syarikat yang lebih besar dan menghadapi kesukaran untuk kelangsungan hidup oleh Alfaadheel (2010). Murjan (2012), mencadangkan bahawa inovasi adalah salah satu kunci bagi PKS untuk terus beroperasi dan membezakan diri mereka daripada pesaing yang lain. Beberapa penyelidik mendapati bahawa inovasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejayaan perniagaan (Henard & Szymanski, 2000; Li & Atuahene Gima, 2001). Philipp Koellinger (2008), mencadangkan bahawa sesetengah usahawan yang lebih inovatif daripada yang lain adalah berkaitan dengan kecekapan keusahawanan. Ndesaulwa dan Kikula (2016), Mahina dan Usman (2016), mendakwa bahawa inovasi mempunyai kesan ke atas PKS.

Menurut Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu. "Pendekatan yang diperlukan dalam membantu PKS dengan langkah yang proaktif adalah dengan membiayai keperluan modal kerja, menyediakan khidmat perunding, menyediakan latihan yang bersesuaian dan sebagainya." (Berita Harian, 2020). Oleh yang demikian, bagi menstabilkan ekonomi, PKS memerlukan modal yang mencukupi bagi menampung segala kos disamping mempunyai sijil dan bimbingan daripada pihak yang bertanggungjawab apabila sesuatu situasi terjadi terhadap mereka.

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp Malaysia) mengklasifikasikan Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) berdasarkan perolehan jualan tahunan atau kuantiti pekerja sepenuh masa. Sebaliknya, prestasi perniagaan kecil ditakrifkan sebagai keupayaan mereka untuk membawa kepada penciptaan pekerjaan dan kekayaan melalui permulaan perniagaan, kelangsungan hidup dan kemampunan (Ho et al. 2016). Selaras dengan Laporan Tahunan

PKS 2017/2018, PKS mewakili kira-kira 99.2% daripada keseluruhan pembentukan perniagaan di Malaysia pada tahun 2018. Prestasi PKS adalah penting kerana PKS akan mengubah Malaysia menjadi sebuah negara yang mempunyai ekonomi berpendapatan tinggi dan berasaskan pengetahuan melalui sumbangan PKS kepada KDNK nasional (Madanchian et al. 2015).

Walaupun sumbangan PKS adalah penting kepada eksport negara, pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi, namun begitu jumlah PKS telah menurun daripada 17,157 firma pada 2017 kepada 16,893 firma pada tahun 2018 mengikut maklumat PKS yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Yusoff et al., 2020). Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui hubungan di antara program pembangunan PKS yang dapat memberi kejayaan kepada usahawan PKS Perak. Selain itu, kajian ini dilakukan adalah untuk melihat kesan pengantara orientasi keusahawanan dalam hubungan di antara program pembangunan ke atas kejayaan PKS di Perak.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengumpul dan menganalisis data yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian. Metodologi ini dipilih untuk memberi gambaran yang tepat dan menyeluruh mengenai isu yang dikaji. Crotty (1998) mentakrifkan metodologi dalam penyelidikan sebagai strategi, pelan tindakan, proses, atau reka bentuk di sebalik pemilihan dan penggunaan kaedah tertentu serta menghubungkan pilihan dan penggunaan kaedah tersebut kepada hasil yang dikehendaki. Pilihan metodologi penyelidikan dipengaruhi oleh perspektif teori penyelidikan dan juga sikapnya terhadap cara-cara di mana data akan digunakan (pendekatan deduktif atau induktif) (Gray, 2013). Ia juga perlu menjelaskan rasional di sebalik pemilihan kaedah yang digunakan (Crotty, 1998). Reka bentuk penyelidikan yang digunakan adalah kaedah tinjauan, di mana soal selidik digunakan sebagai instrumen utama untuk mengumpul data. Responden terdiri daripada 304 PKS dari sektor pembuatan, sektor perkhidmatan, dan lain-lain yang meliputi 12 Daerah di Negeri Perak. Objektif setiap prosedur dan kaedah yang digunakan untuk memenuhi objektif tersebut diringkaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Rumusan Peringkat Metodologi Kajian


| | Kaedah/Peringkat yang terlibat dalam kajian kuantitatif ini |
|--------------------|--|
| Niat Kajian | Untuk mengetahui adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara program pembangunan PKS dengan kejayaan PKS di Perak. |
| Objektif kajian | Untuk mengetahui apakah kesan pengantaraan orientasi keusahawanan dalam hubungan di antara program pembangunan PKS dengan kejayaan PKS di Perak. |
| Prosedur/Instrumen | Mewujudkan satu borang soal selidik dalam mengestrak maklumat mengenai kesan pengantaraan orientasi keusahawanan dalam hubungan antara program pembangunan PKS dengan kejayaan PKS di Perak. |
| Kaedah | Borang kaji selidik akan di analisis dengan menggunakan perisian SPSS Version 23.0 |
| Analisis | Analisis Deskriptif Analisis Normaliti Analisis Faktor Analisis Kebolehpercayaan Analisis Korelasi – Analisis Regresi |

Berdasarkan kepada kerangka konseptual kajian yang telah dibincangkan, hipotesis kajian boleh diringkaskan seperti Jadual 2. Pembolehubah terbahagi kepada pembolehubah bersandar, pembolehubah pengantara dan pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah kejayaan perniagaan PKS di Perak, pembolehubah pengantara terdiri dari empat dimensi kajian iaitu inovasi, autonomi, pengambilan risiko dan proaktif sementara program pembangunan

PKS yang terdiri daripada program akses kepada pembangunan modal insan, program akses kepada pembiayaan dan program akses kepada pasaran adalah pembolehubah tidak bersandar. Hipotesis tersebut menjadi panduan untuk membentuk model kajian yang dirujuk dalam Rajah 1.

Jadual 2: Hipotesis kajian

| No | Pernyataan Hipotesis |
|----|---|
| 1 | H1: Terdapat Hubungan Signifikan di antara program akses pembangunan modal insan dengan kejayaan perniagaan PKS di Perak. |
| 2 | H2: Terdapat Hubungan Signifikan di antara program akses kepada pembiayaan dengan kejayaan perniagaan PKS di Perak. |
| 3 | H3: Terdapat Hubungan Signifikan di antara program akses kepada pasaran dengan kejayaan perniagaan PKS di Perak. |
| 4 | H4: Terdapat Kesan pengantaraan Orientasi Keusahawanan dalam hubungan antara program pembangunan PKS dengan kejayaan PKS di Perak |



Rajah 1 Kerangka Konseptual Kajian

Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penganjuran program pembangunan PKS memberi impak yang besar kepada kejayaan perniagaan PKS. Kajian yang dijalankan oleh Jose (2011), melibatkan 700 usahawan di Sepanyol menunjukkan bahawa kecekapan keusahawanan dibahagikan kepada sepuluh subskala mengenai peluang, perhubungan, analisis, strategi, komitmen, pergantungan, peribadi, analitik, inovasi dan operasi

memainkan peranan penting dalam meningkatkan kejayaan perniagaan, mempunyai kesan langsung dan tidak langsung terhadap kejayaan perniagaan. Ropega (2011), menekankan bahawa kebanyakan kegagalan perniagaan adalah disebabkan oleh pemilik yang tidak cekap, kurang pengalaman dalam menguruskan perniagaan mereka dan mengambil tindakan drastik. Berdasarkan Jadual 3, pengkaji dapat melihat analisis korelasi antara semua pemboleh ubah yang diukur dengan pasti. Ujian korelasi Pearson menunjukkan bahawa program pembangunan PKS dan kejayaan perniagaan mempunyai hubungan korelasi positif dan sangat kuat yang signifikan ($r = 0.931, P = 0.001$) secara statistik.

Jadual 3 Matriks korelasi hubungan Program Pembangunan PKS dengan kejayaan PKS di Perak

| Item | Program Pembangunan PKS | |
|-----------------------------|-------------------------|--------|
| | r | P |
| Inovasi | 0.299 | 0.001* |
| Proaktif | -0.067 | 0.243 |
| Pengambilan Risiko | 0.118 | 0.040* |
| Autonomi | -0.044 | 0.447 |
| Orientasi Keusahawanan (EO) | 0.155 | 0.007* |
| Kejayaan Perniagaan | 0.931 | 0.001* |

Oleh itu, usahawan perlu terlibat dalam program pembangunan PKS bagi memastikan mereka memperoleh pengetahuan, pengalaman dan input baharu agar lebih cekap dalam menjalankan perniagaan walaupun mereka hanya beroperasi untuk memasarkan produk tersebut. Ini kerana pendedahan yang diberikan kepada PKS dalam program ini adalah satu keperluan dan menjadikan PKS lebih matang dalam membuat keputusan. Barazandeh et al. (2015), melalui data tinjauan Keusahawanan Global yang melibatkan 125 responden di 50 negara mendedahkan bahawa terdapat kesan positif keupayaan keusahawanan terhadap kejayaan perniagaan di peringkat awal perniagaan. Penemuan ini penting kerana ia memberi pengetahuan kepada usahawan tentang cara mereka memasarkan produk dan memperoleh rangkaian pasaran di seluruh negara. Menurut Mahina dan Usman (2016) mendakwa setiap PKS memerlukan orientasi keusahawanan dapat membantu mereka memulakan dan menjalankan perniagaan.

Dalam menganalisis hubungan antara orientasi keusahawanan (EO) dan kejayaan perniagaan, didapati orientasi keusahawanan adalah signifikan dan positif dengan kejayaan perniagaan. Terdapat empat dimensi yang dikaji dalam orientasi keusahawanan iaitu inovasi, proaktif, pengambilan risiko, dan autonomi. Inovasi telah mempengaruhi kejayaan perniagaan dalam PKS di Perak selaras dengan keputusan yang dibuat oleh beberapa penyelidik yang mendapati bahawa inovasi mempunyai hubungan yang kuat dan berpengaruh dengan kejayaan perniagaan (Qian & Li, 2003; Murjan, 2012). PKS dianggap lebih inovatif kerana fleksibiliti mereka, keupayaan yang lebih tinggi untuk menyesuaikan diri dan menambah baik, dan mereka bergerak pantas dan proaktif dalam melaksanakan perubahan.

Jadual 4 Matriks Regresi Kesan Pengantara terhadap Orientasi Keusahawanan (EO) dalam hubungan antara Program Pembangunan PKS dan kejayaan PKS di Perak

| Model | | | | 95.0% Confidence Interval for B | | Collinearity Statistics | | | |
|--------------|------|------|--------|---------------------------------|-------------|-------------------------|-----|----------|-------------------|
| | B | Beta | P | Lower Bound | Upper Bound | Tolerance | VIF | R Square | Adjusted R Square |
| 1 (Constant) | 2.04 | | 0.001* | 1.69 | 2.40 | | | 0.17 | 0.17 |

| | | | | | | | | | | |
|---|-----------------------------|------|------|--------|------|------|------|------|------|------|
| | Program Pembangunan PKS | 0.38 | 0.41 | 0.001* | 0.28 | 0.47 | 1.00 | 1.00 | | |
| 2 | (Constant) | 0.70 | | 0.001* | 0.35 | 1.04 | | | 0.48 | 0.47 |
| | Program Pembangunan PKS | 0.22 | 0.24 | 0.001* | 0.14 | 0.30 | 0.91 | 1.10 | | |
| | Orientasi Keusahawanan (EO) | 0.55 | 0.58 | 0.001* | 0.46 | 0.63 | 0.91 | 1.10 | | |

*Pembolehubah Bersandar: Kejayaan Perniagaan *Significance P<0.05*

Jadual 4 iaitu ujian regresi linear mudah menunjukkan Program Pembangunan PKS dengan Kejayaan Perniagaan mempunyai kesan positif yang signifikan (Beta = 0.41, R2 = 0.17, P = 0.001) dan memberikan peningkatan perubahan sebanyak 17% (R2 = 0.17) secara statistik. Apabila Orientasi Keusahawanan dimasukkan sebagai pengantara dalam model ia memberikan kesan positif yang ketara (Beta = 0.58, R2 = 0.48, P = 0.001) dan memberikan peningkatan perubahan sebanyak 48% (R2 = 0.48) secara statistik.

Jadual 4 Kesan perubahan pengantara Orientasi Keusahawanan (EO)

| Model | | Change Statistics | | |
|-------|---|-------------------|----------|---------------|
| | | R Square Change | F Change | Sig. F Change |
| 1 | (Constant) Program Pembangunan PKS | 0.17 | 61.19 | 0.001* |
| 2 | (Constant) Program Pembangunan PKS Orientasi Keusahawanan | 0.31 | 176.04 | 0.001* |

Jadual 4 menunjukkan bahawa orientasi keusahawanan adalah pengantara positif yang signifikan (F Change = 176.04, Sig. F Tukar = 0.001) dan mempunyai kesan perubahan yang signifikan secara statistic sebanyak 31% (R2 = 0.31).

EO adalah penentu kepada usahawan PKS untuk kekal berdaya saing dan mencapai prestasi yang lebih tinggi (McNaughton, 2002). Sebagai tindak balas kepada perubahan keadaan pasaran, PKS boleh menyesuaikan diri, membangunkan idea baharu, menambah baik produk/perkhidmatan sedia ada sama ada melalui perubahan utama, atau perubahan kecil seperti inovasi daripada rangkaian produk sedia ada (Gehlar et al., 2009). Untuk kelangsungan hidup, PKS mesti menyesuaikan diri dengan industri yang sentiasa berubah dengan kemajuan teknologi dan mencipta produk/perkhidmatan baharu dari semasa ke semasa. Kajian terbaharu oleh Murad dan Rula (2015), berpendapat bahawa ciri-ciri keusahawanan seperti keyakinan diri, inisiatif, kebebasan dan tanggungjawab, mengambil risiko, keperluan untuk pencapaian dan pengalaman adalah kebolehan keusahawanan yang mempengaruhi kejayaan perniagaan kecil. Ini menunjukkan usahawan yang mampu mengambil risiko yang merupakan salah satu dimensi yang diukur dalam orientasi keusahawanan membolehkan usahawan tersebut berjaya.

Kajian terbaharu yang dijalankan oleh Zakaria, Abdullah, dan Yusoff (2016) dalam sektor pembuatan Malaysia menunjukkan terdapat hubungan positif antara EO dan kejayaan perniagaan. Responden mendakwa bahawa organisasi mereka terlibat dalam EO, lebih banyak organisasi boleh meningkatkan kejayaan perniagaan. Bagaimanapun, Ngah dan Ibrahim (2012) mendakwa EO masih di peringkat awal di Malaysia dan mencadangkan agar lebih banyak usaha diambil oleh kerajaan,

agensi berkaitan dan usahawan untuk mengalakkan inovasi dalam PKS. Ini membuktikan dan mengukuhkan lagi dapatan kajian yang dibuat terdapat kesan pengantara dalam hubungan antara program pembangunan PKS dan kejayaan perniagaan PKS di Perak.

Jadual 5 Kesan Program Pembangunan PKS terhadap kejayaan PKS di Perak.

| | B | Beta | P | 95.0% Confidence Interval for B | | Collinearity Statistics | | R Square | Adjusted R Square |
|-------------|------|------|--------|---------------------------------|-------------|-------------------------|------|----------|-------------------|
| | | | | Lower Bound | Upper Bound | Tolerance | VIF | | |
| (Constant) | 2.04 | | 0.001* | 1.69 | 2.40 | | | 0.17 | 0.17 |
| Program PKS | 0.38 | 0.41 | 0.001* | 0.28 | 0.47 | 1.00 | 1.00 | | |

Dependent Variable: Business Success, *Significance $P < 0.05$

Jadual 5 menunjukkan kejayaan perniagaan PKS mempunyai kesan positif yang ketara (Beta = 0.41, $R^2 = 0.17$, $P = 0.001$) dan memberikan peningkatan perubahan sebanyak 17% ($R^2 = 0.17$) secara statistik.

Selain itu, kajian ini juga dibuat untuk melihat kepentingan program pembangunan PKS kepada PKS di Malaysia khususnya, kerana Malaysia sedang bergerak dari negara maju ke arah status negara maju, dan pembangunan keusahawanan dianggap sebagai salah satu enjin pertumbuhan ekonomi dan KDNK yang tinggi (NSDC, 2014). Oleh itu, hasil kajian ini berguna kepada agensi keusahawanan di Perak untuk memperhalusi dan mempertingkatkan program pembangunan keusahawanan mereka, sekali gus memberi impak yang besar kepada sumbangan keseluruhan PKS Malaysia seterusnya kepada ekonomi negara. Sebagai langkah untuk meningkatkan pertumbuhan dan daya saing PKS di Perak terletak pada keupayaan dalaman dan luaran PKS untuk meningkatkan kejayaan perniagaan mereka dengan melibatkan diri dalam program pembangunan PKS yang dianjurkan oleh kerajaan atau agensi berkaitan PKS.

Dapatan kajian ini dapat membantu agensi berkaitan mengenal pasti dan menyediakan program yang diperlukan untuk bakal usahawan atau PKS dalam operasi perniagaan mereka. Pembuat dasar juga harus menyedari hakikat bahawa, peserta dalam kajian ini iaitu pemilik PKS yang mengikuti program latihan dilihat menyumbang kepada kecekapan keusahawanan. Kepentingan dalam bidang tumpuan program pembangunan PKS telah dikenal pasti dalam kajian ini dan amat diperlukan oleh PKS dan perlu diberi tumpuan oleh agensi berkaitan supaya lebih banyak program dianjurkan. Selain itu, majoriti program dalam kalangan PKS berlaku dalam operasi perniagaan mereka (Kerr & McDougall, 1999) atau operasi harian yang mereka lakukan. Dalam perspektif Malaysia, kementerian dan agensi berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan SME. Corp. perlu mereka bentuk kursus latihan yang lebih sesuai dengan keperluan industri yang dilihat dari lensa PKS.

Kesimpulan

Kepentingan perniagaan kecil dan sederhana untuk ekonomi Malaysia tidak dapat dinafikan. Sehubungan dengan itu, PKS di Perak memainkan peranan penting dengan menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Sektor PKS juga telah terbukti bermanfaat

dalam membantu Perak mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan kerana ia berdaya tahan terhadap kesan negatif cabaran ekonomi global yang memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Antara isu penting dalam kajian ini kebanyakan responden kajian ini adalah pemilik perniagaan dan hanya mempunyai pengalaman perniagaan kurang daripada tiga tahun beroperasi, majoritinya adalah dari sektor perkhidmatan dan pembuatan. Ini menunjukkan bahawa PKS amat memerlukan latihan dan bimbingan yang disampaikan melalui program pembangunan PKS.

Penyumbang utama kejayaan PKS dalam kajian ini ialah orientasi keusahawanan, program pembangunan PKS dan kejayaan perniagaan yang mendapat sokongan daripada responden kajian iaitu PKS di Perak. Memandangkan potensi yang ditunjukkan oleh sektor PKS yang berkembang maju, kerajaan/penggubal dasar Malaysia telah menggubal pelbagai dasar dan intervensi untuk mempromosikan PKS di Perak dan memastikan kemampanan dan kelangsungan sektor PKS di Perak khususnya. Bantuan kewangan serta latihan dalam aspek teknikal perniagaan, pemasaran dan kemahiran pengurusan adalah antara sokongan kerajaan untuk sektor ini. Dasar dan sokongan ini telah berjaya merangsang pertumbuhan sektor ini. Penyelidikan terhadap kajian ini telah menunjukkan bahawa orientasi keusahawanan mempunyai peranan dalam memastikan pengurusan firma adalah cekap dan berkesan malah boleh meningkatkan kejayaan perniagaan.

Selain itu, program pembangunan PKS juga membolehkan PKS di Perak bersaing dalam pasaran dan mengurangkan kemungkinan dan kebarangkalian kegagalan perniagaan. Memandangkan kelebihan dan keperluan program pembangunan PKS ini adalah penting untuk memberi kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan program pembangunan PKS dalam kalangan perniagaan kecil di Perak supaya firma mendapat manfaat daripada kelebihan yang telah diketengahkan dalam bab sebelum ini. Tambahan pula, dalam konteks perniagaan PKS di Perak, penyelidikan dilakukan terlebih dahulu untuk melihat program pembangunan PKS yang perlu dan sesuai untuk usahawan supaya kejayaan perniagaan dapat dicapai. Sebagai contoh, pengetahuan tentang program pembangunan PKS yang merangkumi akses kepada pembangunan modal insan, akses kepada pasaran, dan akses kepada pembiayaan termasuk latihan kemahiran pengurusan boleh memberikan input baharu kepada usahawan yang disediakan oleh kerajaan. Penyelidikan ini dapat memastikan penggubal dasar dapat mewujudkan dasar yang membantu usahawan mencapai kejayaan.

Modal dan pembiayaan dalam meningkatkan produktiviti adalah penting dalam menentukan daya maju sesebuah perniagaan. Dengan bantuan dan pembiayaan yang diperoleh daripada program akses kepada pembiayaan bertujuan membantu usahawan terus melibatkan diri dalam industri PKS secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap keupayaan dan keupayaan seseorang usahawan. Kerjasama antara kerajaan dan PKS dapat meningkatkan keberkesanan dan kejayaan program pembangunan PKS yang dilaksanakan bagi memastikan kesinambungannya terus maju dalam jangka masa panjang dan seterusnya mengembangkan perusahaannya ke peringkat yang lebih tinggi.

Rujukan

- Ahmad N.H, Ramayah T., Wilson C. & Kummerow L., (2010), Is entrepreneurial competency and business success relationship contingent upon business environment? *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, 16(3), 182-203,
- Akbaba, A. (2006). Measuring service quality in the hotel industry: A study in a business hotel in Turkey. *International Journal of Hospitality Management*, 25(2), 170-192.
- Harris, A. L., Lang, M., Yates, D., & Kruck, S. E. (2008). Incorporating Ethics and Social Responsibility in IS Education. *Journal of Information Systems Education*, 22(3), 183-189.

- Avermaete, T., Viaene, J., Morgan, E. J., & Crawford, N. (2003). Determinants of innovation in small food firms. *European Journal of Innovation Management*, 6(1), 8-17.
- Aziz, S. A., & Mahmood, R. (2011). *The relationship between business model and performance of manufacturing small and medium.*
- B., Shaarani, S. M., Bahron, A., & Nawi, N. H. M. (2019). The Effect Of Halal Certification Approach On Performance Among Small And Medium Enterprises (Smes) In Malaysia (Pengaruh Pendekatan Pensijilan Halal Malaysia Terhadap Prestasi dalam Kalangan Perusahaan Kecil Sederhana di Malaysia). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 11(1), 119-138.
- Gehlar, M., Regmi, A., Stefanou, S.E., & Zoumas, B. (2009). Brand leadership and product innovation as firm strategies in global food markets. *Journal of Product and Brand Management*, 18, 115-126.
- Hilmi, M. F., & Ramayah, T. (2009). Market innovativeness of Malaysian SMEs: Preliminary results from a first wave data collection. *Asian Social Science*, 4(12), 42.
- Hilmi, M. F s, Ramayah, T., Mustapha, Y., & Pawanchik, S, (2010). Product and process innovativeness: evidence from Malaysian SMEs. *European Journal of Social Sciences*, 16(4), 556-565.
- Mahmood, R., & Hanafi, N. (2013). Entrepreneurial orientation and business performance of women-owned Small and Medium Enterprises in Malaysia: Competitive Advantage as a Mediator, *International Journal of Business and Social Science*, 40), 82-90.
- Mahoney, J. T., & Michael, S. C. (2004). A subjectivist theory of entrepreneurship. *In handbook of Entrepreneurship Research*, 33-54. Springer US.
- Mahina, J.C., & Usman D.I (2016). Entrepreneurial competencies in least develop countries of Sub-Saharan African: Case study of Rwanda. *The International Journal of Business & Management*, 4(4), 37-47.
- Murad, H.A & Rula, A.D (2015). The impact of entrepreneurs' characteristics on small business success at medical Instruments Supplies Organizations in Jordan. A., (2012). The relationship between market orientation, innovation and performance of SME sand mediating role of brand equity on SMEs Performances. *Unpublished doctoral dissertation*, University Utara Malaysia.
- Ngah, R., & Ibrahim, A. R. (2009). The relationship of intellectual capital, innovation and organizational performance: A preliminary study in Malaysian SMEs. *International Journal of Management Innovation Systems*, / (1), 1.
- Ngah.R., & Ibrahim, A.R. (2012). The relationship of intellectual capital, innovation and organisational performance: A preliminary study in Malaysia SMEs. *Proceedings of the Ninth World Congress of Academy for global business advancement*, March 19-21 March 2012 593-596
- O'Regan, N. & Ghobadian, A. (2004). The importance of capabilities for strategic direction and performance. *Management Decision*, 42(2), 292-312.

- O'Neill, H. M., Pounder, R.W., & Buchholtz, A. K. (1998). Patterns in the diffusion of strategies across organizations: Insights from the innovation diffusion literature. *The Academy of Management Review*, 23(1), 98-114.
- Ones, D. S., Viswesvaran, C., & Reiss, A. D. (1996). Role of social desirability in personality testing for personnel selection: The red herring. *Journal of Applied Psychology*, 81(6), 660-679.
- Othman, R., Ghani, R.A., & Arshad, R. (2001). Great expectations — CEOs' perception of the performance gap of the HRM function in the Malaysian manufacturing sector, *Personnel Review*, 30 (1), 61-80,
- Othman, N. & Faridah, K. (2010). Entrepreneurship Behaviour among Malaysian University Students, *Pertanika Journal Social Science & Human*, 18 (1), 23— 32.
- SME Corp. SME Annual Report 2017*
- SME Corp. SME Annual Report 2018*
- SME Corp. SME Annual Report 2019*
- SMIDEC, 2018*
- Wortzel, R. (1979). *Multivariate analysis*. New Jersey: Prentice Hall. Zack, M. (1999), Developing a Knowledge Strategy.” *California Management Review*, 41(3), 125-143.
- Yusoff, W. F. W., Jia, L. C., Azizan, A. Z., & Ramin, A. K. (2020). *Business Strategy of Small Medium Enterprises (SMEs): A Case Study among selected Chinese SMEs in Malaysia*.
- Zikmund, W. G., Babin, B. J., Carr, J. C., & Griffin, M. (2013). *Business research methods*

Pelepasan Cukai dan Kesan Terhadap Pengelakan dan Pelarian Cukai di Malaysia: Analisis Literatur Sistematik

Tax Relief and Its Impact on Tax Avoidance and Tax Evasion in Malaysia: A Systematic Literature Analysis

Mohammad Faiz Izzat Ridzuan (Corresponding author)

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: [+6 011-37800171](tel:+601137800171) E-mail: faiz98.education@gmail.com

Nurul Aisyah Mohd Jaafar

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: [+6 016-5127469](tel:+60165127469) E-mail: nurulaisyahmj@gmail.com

Noor Ain Kamarulzaman

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: [+6 012-8483787](tel:+60128483787) E-mail: ain36392@gmail.com

Muhammad Syazwan Sobri

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: [+6 011-11006802](tel:+601111006802) E-mail: syzmuhammad@gmail.com

Nur Anis Husna Azman

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: [+6 019-5004296](tel:+60195004296) E-mail: nuranishusna020218@gmail.com

Najhan Amani Mohd Dzahar

Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: [+6 012-3979400](tel:+60123979400) E-mail: najhanamani@gmail.com

Abstrak

Pengelakan dan pelarian cukai adalah isu penting di Malaysia, kerana ia mempunyai kesan yang besar terhadap ekonomi negara dan hasil kerajaan. Antara cabaran yang dihadapi untuk menangani isu ini, termasuk kurangnya kesedaran dan pendidikan cukai di kalangan pembayar cukai, langkah penguatkuasaan yang tidak berkesan, dan undang-undang cukai yang boleh dieksploitasi oleh individu. Rentetan daripada permasalahan ini, menyebabkan ramai penyelidik telah menjalankan kajian mengenai isu ini, tetapi masih tiada penyelidik yang membuat analisa literatur secara sistematik ke atas isu yang sama. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menulis satu sorotan literatur bersistematik ke atas kajian lepas yang berkaitan pelepasan cukai dan kesan terhadap pengelakan dan pelarian cukai di kalangan individu pembayar cukai di Malaysia. Proses analisa literatur bersistematik ini merangkumi lima langkah metodologi utama, iaitu berpandukan protokol semakan, penggubalan soalan penyelidikan, strategi pencarian sistematik berdasarkan pengenalanpastian (*identification*), saringan (*screening*) dan kelayakan (*eligibility*) ke atas beberapa pangkalan data yang telah ditetapkan

diikuti dengan penilaian kualiti, dan pengekstrakan serta analisis data. Berdasarkan kajian yang dijalankan di Malaysia, terdapat hubungan yang tidak signifikan di antara pengetahuan cukai (dalam konteks pelepasan cukai, undang-undang cukai dan etika) dengan pematuhan cukai (pengelakan cukai dan pelarian cukai).

Kata kunci: Pengetahuan Cukai; Pelepasan Cukai; Pengelakan Cukai; Pelarian Cukai; Malaysia.

Pengenalan

Cukai adalah salah satu daripada sumber hasil utama kerajaan bagi menjalankan pelbagai rancangan kemudahan, pembangunan, perkhidmatan asas demi kemakmuran rakyat serta negara. Pengelakan dan pelarian cukai menjadi masalah penting dalam sistem percukaian di kebanyakan negara, termasuklah di negara-negara membangun. Masalah ini bukan sahaja menjejaskan hasil cukai kerajaan, tetapi juga menimbulkan ketidakadilan dalam sistem percukaian. Persoalan utama dalam kajian ini adalah untuk memahami kesan pelepasan cukai terhadap masalah pengelakan dan pelarian cukai.

Pelepasan cukai merujuk kepada insentif yang diberikan oleh kerajaan untuk mengurangkan beban cukai individu atau syarikat. Di Malaysia, terdapat beberapa jenis pelepasan cukai termasuk pelepasan untuk perbelanjaan perubatan, pendidikan, insurans, dan sumbangan persaraan. Tujuan utama pelepasan cukai adalah untuk menggalakkan aktiviti tertentu yang dianggap bermanfaat kepada masyarakat dan ekonomi. Walau bagaimanapun, pelepasan cukai juga boleh menyebabkan kehilangan hasil cukai kerajaan (Ben Othman et al., 2024) dan membuka ruang untuk pengelakan atau pelarian cukai. Oleh itu, usaha berterusan diperlukan untuk memastikan pelaksanaan yang adil dan efektif dalam sistem percukaian di Malaysia. Dapat disimpulkan, penggunaan pelepasan cukai sebagai pengelakan dan pelarian cukai di Malaysia adalah isu penting yang melibatkan pelbagai strategi oleh individu untuk mengurangkan atau menghindari pembayaran cukai yang sepatutnya.

Pengelakan cukai merujuk kepada strategi sah yang digunakan untuk mengurangkan jumlah cukai yang perlu dibayar. Menurut Sulaiman et al. (2023), perkara ini akan membuatkan pembayar cukai dapat mengurangkan kos percukaian tanpa mengingkari peraturan cukai. Ia melibatkan penggunaan sepenuhnya pelepasan, potongan, dan insentif cukai yang dibenarkan oleh undang-undang. Amalan pembayar cukai yang sering mengamalkan aktiviti ini, akan menyebabkan hasil negara berkurangan (Sulaiman et al., 2023). Tujuan utama individu melakukan pengelakan cukai adalah untuk mengurangkan beban kos cukai dan pengelakan ini dibuat atas dasar ia dibenarkan oleh peraturan. Walau bagaimanapun, Ariff et al. (2023) mendapati bahawa masalah kewangan bukan merupakan faktor untuk individu melakukan pengelakan cukai.

Sebaliknya, pelarian cukai melibatkan aktiviti haram atau tidak beretika untuk mengelakkan pembayaran cukai. Ini termasuk tidak melaporkan pendapatan sepenuhnya, membuat tuntutan pelepasan palsu atau memalsukan rekod kewangan. Pihak berautoriti harus mengenakan tindakan yang tegas bagi kesalahan ini, disamping mempertingkatkan usaha pembendungan dari dilakukan secara berterusan. Menurut Fatt et al. (2011) dan Hassan (2021), kesedaran program pendidikan cukai perlu didedahkan kepada pembayar cukai disamping meningkatkan mutu perkhidmatan. Di Malaysia, budaya pendidikan cukai telah dipergiatkan seperti taklimat dan seminar percukaian, program kerjasama dengan agensi lain, pameran bergerak dan aktiviti promosi dan publisiti (Hassan et al., 2023). Ben Othman et al. (2024) berpendapat bahawa keberkesanan peraturan dan mekanisme pencegahan yang ada adalah antara beberapa faktor yang boleh mengurangkan tingkah laku pelarian cukai.

Oleh itu, kajian ini penting untuk mengenal pasti kesan pelepasan cukai dalam mengurangkan masalah pengelakan dan pelarian cukai. Ia juga mengenal pasti faktor-faktor lain yang mempengaruhi pengelakan dan pelarian cukai selain daripada pelepasan cukai. Pengetahuan dan pemahaman cukai juga boleh mempengaruhi sikap pembayar cukai terhadap pematuhan cukai. Oleh itu, semua pembayar cukai mesti memahami sistem cukai supaya mereka lebih memahami kesan ketidakpatuhan (Hamid et al., 2022). Terdapat banyak kajian lepas yang merumuskan perkara ini dan kewujudan kajian-kajian ini memerlukan usaha sorotan literatur yang sistematik agar dapatan kajian lepas dapat dikumpulkan dan difahami dengan baik. Walaupun terdapat keperluan untuk melakukan sorotan literatur bersistematik (SLR), jumlahnya tidak begitu memberangsangkan serta skopnya tidak begitu meluas terhadap pelepasan cukai. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa kajian yang melakukan SLR terhadap pematuhan cukai, namun kajian tersebut hanya menyentuh kepada pematuhan cukai syarikat (Firdaus et al., 2020) dan hanya melihat skop pematuhan cukai individu secara umum tanpa melibatkan pelepasan cukai dalam konteks pengelakan dan pelarian cukai (Muhammad et al., 2018; Sritharan et al., 2022). Untuk itu, melakukan SLR adalah penting kerana sorotan literatur tradisional mempunyai pelbagai isu berkaitan dengan transperansi, bias penulis, bias pengambilan (*retrieval bias*) dan bias penerbitan. Maka SLR sangat diperlukan kerana ia merupakan teknik sorotan literatur yang menyeluruh, tranperansi, tersusun serta sistematik (Mohamed Shaffril et al., 2020).

Kajian ini akan memberikan beberapa sumbangan penting kepada pihak berkepentingan seperti pembuat dasar, penyelidik dan juga orang awam. Ini dijangka akan dapat menyelesaikan isu berkaitan dengan tahap pengetahuan atau pendidikan cukai di dalam konteks pelepasan cukai, undang-undang cukai dan juga etika, di dalam membendung pengurangan hasil kerajaan yang dibuat melalui pengelakan dan pelarian cukai di mana badan berautoriti atau pembuat dasar berkenaan, boleh mempertimbangkan untuk beberapa alternatif polisi baharu berkaitan ketidakpatuhan cukai

Metodologi Kajian

1. Sumber rujukan

Kajian ini berpandukan *review protocol* PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta Analysis*). PRISMA merupakan standard penerbitan yang digunakan secara meluas di dalam bidang perubatan dan kesihatan awam. Meskipun kajian ini dalam bidang sains sosial, PRISMA masih sesuai dijadikan panduan penulisan kajian. Ini kerana ia membantu untuk membentuk persoalan kajian yang jelas dan membantu untuk membuat pencarian dibuat secara komprehensif dan bersistematik (Page et al., 2021). Setelah membangunkan *review protocol* PRISMA, kajian ini dimulakan dengan membentuk persoalan kajian, strategi pencarian bersistematik, melakukan penilaian kualiti artikel, mengekstrak artikel dan akhir sekali, menganalisis data dari artikel yang telah dipilih.

2. Pembentukan persoalan kajian

Persoalan kajian bagi SLR ini telah dibangunkan berdasarkan PICO. PICO adalah mnemonik (*mnemonic*) yang digunakan bagi membentuk persoalan kajian yang bersandarkan sintesis kualitatif dan ia boleh digunakan untuk mendapatkan aspek atau elemen penting yang perlu ada dalam persoalan utama iaitu 'P' (*population/problem*), 'I' (*interest*) dan 'Co' (*context*). Berdasarkan konsep ini, tiga aspek utama individu pembayar cukai (*Population*), tahap pengetahuan pelepasan cukai dengan pengelakan dan pelarian cukai (*Interest*) dan Malaysia (*Context*), telah dikenalpasti. Ini telah menjadikan asas pembentukan kajian utama ini iaitu – Adakah pengetahuan tentang pelepasan cukai menyumbang kepada pengelakan dan pelarian cukai dalam kalangan individu pembayar cukai?

3. Strategi pencarian bersistematis

Terdapat tiga proses utama dalam proses strategi pencarian bersistematis iaitu pengenalpastian (*identification*), saringan (*screening*) dan kelayakan (*eligibility*). Pelaksanaan proses ini membolehkan kajian ini dijalankan secara komprehensif teratur dan telus.

i. Pengenalpastian (*Identification*)

Pengenalpastian (*identification*) adalah proses untuk mencari perkataan sinonim, istilah yang sama, dan variasi perkataan, terhadap kata kunci utama. Kata kunci utama bagi kajian ini adalah pembayar cukai individu, pengetahuan cukai, pelepasan cukai, pengelakan cukai, pelarian cukai, pematuhan cukai dan Malaysia. Proses ini dibuat bertujuan untuk menyediakan lebih banyak pilihan untuk pangkalan data terpilih dalam mencari artikel yang berkaitan untuk dikaji. Kata kunci dibangunkan berdasarkan soalan penyelidikan seperti yang dicadangkan oleh Okoli dan Schabram (2010) dan proses pengenalan bergantung pada tesaurus dalam talian, kata kunci yang digunakan oleh kajian masa lalu, kata kunci yang dicadangkan oleh Scopus, dan kata kunci yang dicadangkan oleh pakar. Penulis berjaya mempelbagaikan kata kunci sedia ada dan membangunkan *full search string* (berdasarkan operator *Boolean*, carian frasa, *truncation*, *wildcard* dan *field code function*) pada pangkalan data utama iaitu Scopus (Jadual 1). Pencarian manual secara kaedah *handpicking* juga dibuat ke atas pangkalan data lain termasuk di Science Direct, Emerald Journal, Sage Journal, dan Google Scholar, dengan menggunakan kata kunci yang sama. Pencarian di Google Scholar telah dijalankan dengan menggunakan dwi-bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Pemilihan Google Scholar sebagai pangkalan data tambahan adalah selaras dengan cadangan oleh Haddaway et al. (2015) yang menyatakan keupayaan Google Scholars untuk bertindak sebagai pangkalan data sokongan dalam proses semakan sistematis. Tambahan pula, pemilihan Google Scholar adalah berdasarkan beberapa kelebihan. Pertama, ia menghasilkan jumlah carian yang banyak, Gusenbauer (2019) dalam kajian mereka menyimpulkan bahawa 389 juta dokumen boleh didapati dalam pangkalan data ini. Martin-Martin et al. (2017) sebaliknya menyimpulkan bahawa terdapat 165 juta jurnal artikel yang terdapat di Google Scholar adalah dari penulis yang berkualiti. Seterusnya, Haddaway et al. (2015) telah menerangkan beberapa kekuatan Google Scholar dari segi kuantiti artikel, merangkumi lebih banyak jenis bahasa serta bidang kajian, dan disebabkan ini, ia boleh digunakan sebagai pangkalan data sokongan.

Berdasarkan kata kunci, pangkalan data dan teknik pencarian yang digunakan, sejumlah 21,178 artikel jurnal berjaya diperoleh dan kesemua artikel jurnal ini akan melalui peringkat kedua dalam strategi pencarian sistematis iaitu peringkat saringan (*screening*).

Jadual 1: Kata kunci pencarian sistematis

| Pangkalan data | String |
|----------------|---|
| Scopus | TITLE-ABS-KEY (individual taxpayer*) AND (tax knowledge) AND (tax relief*) AND (tax avoidance) OR (tax evasion) OR (tax compliance*) AND (Malaysia) |
| Others | (Individual taxpayer OR Individual taxpayers) AND (tax knowledge) AND (tax relief OR tax reliefs) AND (tax avoidance) OR (tax evasion) OR (tax compliance OR tax compliances*) AND (Malaysia) (Individu pembayar cukai) AND (pengetahuan cukai) AND (pelepasan cukai) AND (pengelakan cukai) OR (pelarian cukai) OR (pematuhan cukai) AND (Malaysia) |

ii. Saringan (*Screening*)

Saringan (*screening*) adalah proses di mana kriteria *inclusion* dan *exclusion* akan ditetapkan dan ia akan digunakan bagi memilih artikel jurnal yang sesuai dengan kajian yang ingin dibentuk (Mohamed Shaffril et al., 2020). Kriteria pertama yang digunakan dalam kajian ini adalah tahun penerbitan, di mana penerbitan dalam tempoh lima tahun terkini (2019 hingga 2023) telah dipilih. Pemilihan tempoh ini adalah berdasarkan justifikasi, iaitu ia selari dengan konsep kematangan kajian (*study maturity*) yang dibincangkan oleh Kraus et al. (2020) di mana dalam tempoh ini, banyak artikel berkaitan telah berjaya diperolehi.

Seterusnya, bagi mengawal kualiti, kajian ini hanya memilih penerbitan dalam bentuk artikel jurnal dan artikel yang diterbitkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sahaja. Selain itu, hanya artikel jurnal yang mempunyai data empirikal yang berkaitan boleh disertakan dalam kajian ini. Ini bermaksud, artikel jurnal berbentuk tinjauan (*review*) tidak boleh disertakan kerana objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui dan mengenalpasti dapatan kajian lepas dan bukannya tinjauan (*review*) kajian lepas.

Satu lagi kriteria *inclusion* yang digunakan adalah dapatan kajian, artikel yang dipilih harus mempunyai dapatan yang fokus kepada tahap pengetahuan individu pembayar cukai berkaitan pelepasan cukai memberi kesan terhadap pelarian dan pengelakan cukai di dalam konteks Malaysia. Sekiranya artikel tidak menyatakan dengan jelas tentang tahap pengetahuan individu tentang pelepasan cukai dan kesannya terhadap pelarian dan pengelakan cukai di Malaysia, maka artikel tersebut akan dikeluarkan. Ini penting bagi membolehkan kesemua artikel yang dipilih dapat menawarkan dapatan yang berkaitan kepada kajian SLR yang ingin dibentuk. (Jadual 2).

Setelah melakukan proses saringan (*screening*), sejumlah 20,677 artikel telah dikeluarkan kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan dan ini menjadikan baki artikel yang tersedia untuk proses seterusnya ialah 501.

Jadual 2: Kriteria *inclusion*

| | Kriteria inclusion |
|------------------|--|
| Tahun penerbitan | 2019 hingga 2023 (lima tahun) |
| Jenis penerbitan | Artikel jurnal |
| Jenis bahasa | Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu |
| Jenis dapatan | Berbentuk empirikal |
| Focus dapatan | Data berkaitan dengan kesan pengetahuan pelepasan cukai bagi individu pembayar cukai, terhadap pengelakan dan pelarian cukai di Malaysia |

iii. Kelayakan (*Eligibility*)

Kesemua artikel jurnal yang terpilih akan melalui proses saringan (*screening*) kali kedua, proses ini dikenali sebagai proses kelayakan (*eligibility*). Proses kelayakan (*eligibility*) dilakukan bagi memastikan kesemua artikel yang terpilih adalah benar-benar berkaitan dan boleh digunakan dalam kajian ini. Proses ini dilakukan dengan merujuk kepada tajuk artikel dan abstrak yang dipilih. Sekiranya keputusan sama ada artikel terpilih berkaitan atau tidak masih gagal diperolehi setelah membaca tajuk dan abstrak kajian, maka bahagian metodologi, hasil dan perbincangan artikel akan dirujuk. Dalam proses ini sejumlah 365 artikel telah dikeluarkan kerana pertama, fokusnya tidak terarah kepada tahap pengetahuan individu terhadap pelepasan cukai, kedua, artikel jurnal tidak menerangkan kesan terhadap pengelakan, pelarian cukai atau pematuhan cukai di Malaysia dan ketiga, artikel yang duplikasi (*duplicated records*). Berdasarkan proses kelayakan

(*eligibility*) artikel ini, 136 artikel jurnal telah dipilih bagi melalui proses seterusnya iaitu penilaian kualiti.

4. Penilaian kualiti artikel jurnal

Artikel jurnal yang terpilih harus dinilai kualitinya terlebih dahulu. Ini penting bagi meminimalkan bias serta mengesan artikel yang mungkin mempunyai kelemahan dari segi metodologi (Edward et al., 2019). Sejumlah empat penilai telah dipilih dalam kalangan penyelidik bagi tujuan penilaian ini.

Salah satu cara yang paling biasa untuk menilai kualiti artikel adalah dengan menggunakan alat, skala, senarai semak atau bentuk standard. Menurut garis panduan yang dicadangkan oleh Kitchenham et al. (2007), sebaik sahaja memilih artikel, penulis perlu menilai kualiti penyelidik yang mereka bantangkan dan membandingkannya secara kuantitatif, dengan min penilaian kualiti. Oleh itu, penulis menentukan enam penilaian kualiti untuk SLR ini.

Jadual 3 : Senarai Semak Penilaian Kualiti

| No. soalan | Bentuk soalan |
|------------|--|
| QA1 | Adakah tujuan kajian dinyatakan dengan jelas? |
| QA2 | Adakah kajian dibentangkan dengan jelas? |
| QA3 | Adakah metodologi kajian diterangkan dengan jelas? |
| QA4 | Adakah konsep pendekatan ditakrifkan dengan jelas? |
| QA5 | Adakah kajian dibandingkan dan diukur dengan kerja lain yang serupa? |
| QA6 | Adakah limitasi kajian yang disebut dengan jelas? |

* Prosedur pemarkahan yang digunakan untuk menilai setiap penilaian kualiti adalah :
Ya (Y) = 1, Sebahagiannya (P) = 0.5 atau Tidak/tidak pasti (N) = 0

Dalam memastikan kualiti artikel, pakar-pakar penilaian kualiti (Kitchenham et al., 2007) menggunakan skor kualiti untuk menilai sama ada keputusan artikel yang dinilai dikaitkan dengan kajian kualiti. Setiap artikel dinilai berdasarkan enam kriteria dalam senarai semak penilaian kualiti iaitu diukur dan dinilai dengan tiga pilihan yang disediakan dalam menyampaikan jawapan mereka : Ya (Y) untuk 1 skor, Sebahagiannya (P) untuk 0.5 dan Tidak/Tidak Pasti (N) untuk mewakili 0. Setiap artikel dalam proses penilaian kualiti ini dimasukkan ke dalam ulasan jika mereka lulus sekurang-kurangnya dengan min 0.750 dan ke atas. Pakar-pakar ini memberi tumpuan kepada enam soalan penilaian kualiti dalam Jadual 3 dan mesti bersetuju secara bersama bahawa kualiti mesti sekurang-kurangnya pada satu min. Sebarang perselisihan faham dibincangkan di antara mereka sebelum memutuskan kemasukan atau pengecualian artikel untuk semakan. Secara keseluruhan, 11 artikel jurnal yang telah memenuhi kriteria bagi penilaian kualiti ini.

5. Pengekstrakan dan analisis data

Langkah seterusnya adalah untuk melakukan proses pengekstrakan data ke atas artikel jurnal yang telah dinilai kualitinya. Proses ini dilakukan oleh empat orang penyelidik. Kajian ini bergantung kepada ulasan integratif (*integrative review*). Teknik ini membenarkan reka bentuk kajian yang pelbagai (kuantitatif, kualitatif dan gabungan kuantitatif dan kualitatif (*mixed-methods*)) untuk dimasukkan ke dalam ulasan kajian.

Penulis membaca 11 artikel dengan teliti terutamanya di dalam bahagian abstrak, hasil keputusan, dan perbincangan. Pengekstrakan data dibuat berdasarkan kepada persoalan kajian. Mana-mana data yang dilihat dapat menjawab persoalan kajian, akan dimasukkan ke dalam Jadual 4 bagi memudahkan proses analisis dilakukan. Selepas itu, penulis akan melakukan analisa tematik (*thematic analysis*) untuk mengenalpasti tema dan sub-tema berdasarkan kepada paten, kluster,

pengiraan, persamaan dan hubungan yang wujud antara data yang telah diekstrak tadi. Analisa tematik dianggap paling sesuai dalam mensintesis kajian gabungan kuantitatif dan kualitatif.

Langkah pertama analisa tematik adalah menghasilkan tema. Bagi mendapatkan tema yang sesuai, dapatan yang telah diekstrak telah diteliti satu persatu dan sekiranya terdapat dapatan yang mempunyai persamaan atau perkaitan, ia akan diletakkan dalam satu kumpulan data. Dalam proses ini, telah dikenal pasti bahawa pada peringkat awal, terdapat dua tema. Tetapi selepas dinilai semula, terdapat lima sub-tema. Proses yang seterusnya, melibatkan penilaian semula tema dan sub-tema yang telah dikena pasti sebelum ini. Ini adalah untuk memastikan data yang digunakan adalah tepat.

Pembangunan tema telah dilakukan menggunakan teknik dalam kumpulan yang terdiri daripada penulis dan penulis bersama. Semasa pembangunan tema, penyelidik membincangkan apa-apa ketidak konsistenan, pemikiran, atau apa-apa idea yang boleh dikaitkan dengan penilaian data sehingga titik persetujuan mengenai pelarasan tema dan sub-tema yang dibangunkan. Tema dan sub tema yang dibangunkan perlu mendapat pengesahan daripada pakar. Pakar ini diminta untuk menilai dua tema dan lima sub-tema secara subjektif. Kedua-dua mereka bersetuju bahawa tema dan sub-tema adalah sesuai dan relevan dengan hasil kajian.

Jadual 4 : Tema dan sub-tema

| Kajian | Reka bentuk / Tema Sub-tema | Pengetahuan cukai | | | Pematuhan cukai | | | Hubungan |
|---|--------------------------------|-------------------|----|----|-----------------|-----|----|----------|
| | | TR | TL | ET | ML | MIL | NA | |
| (Zuwan & Kamari 2020) | MX | / | | | / | | | S |
| (Shuid et al., 2021) | QN | | / | / | | / | | S |
| (Ishak et al., 2023) | QN | / | / | / | / | | | NS |
| (Ahmisuhaiti Binti Ku Ahmad et al., 2021) | MX | / | / | / | / | | | NS |
| (Sritharan et al., 2020) | QN | / | / | / | / | | | NS |
| (Alwi et al., 2022) | QN | | / | / | / | | | NS |
| (Swee Kiow et al., 2021) | QN | | / | / | / | | | NS |
| (Zaidah Turmin et al., 2019) | QL | | / | | / | | | NS |
| (Chong et al., 2019) | QL | | / | | / | | | NS |
| (Sritharan & Salawati 2019) | QN | | / | | / | | | NS |
| (Salawati et al., 2021) | QN | | / | | / | | | NS |

* QN : Kuantitatif, QL : Kualitatif, MX : Mixed-method, TR : Pelepasan cukai, TL : Undang-undang cukai, ET: Etika, ML : Pengurangan cukai secara sah, MIL : Pengurangan cukai secara tidak sa, NA : Secara tidak sengaja S : Signifikan, SN : Tidak signifikan

Hasil Kajian

Sebelum mengulas lanjut berkaitan dapatan utama, bahagian ini akan memberikan fokus kepada latar belakang artikel jurnal yang dipilih di dalam kajian ini. Tiga daripada 11 artikel ini diterbitkan pada tahun 2019, dua artikel diterbitkan pada tahun 2020, empat artikel terbit pada tahun 2021 dan masing-

masing satu artikel pada tahun 2022 dan 2023. Selain itu, tujuh daripada tiga artikel ini menggunakan kaedah kuantitatif, manakala masing-masing dua artikel yang menggunakan kaedah kualitatif dan gabungan kuantitatif dan kualitatif (*mixed-methods*).

Berdasarkan analisis literatur yang dilaksanakan, penulisan Zuwan dan Kamari (2020), menyatakan bahawa pembayar cukai yang memahami konsep pelepasan cukai ini adalah kerana pembayar cukai mempunyai ilmu dan tahap kesedaran mereka berada di aras tinggi. Sehubungan dengan itu, pembayar cukai yang telah memahami konsep pelepasan cukai tidak akan melakukan perkara-perkara yang salah disisi undang-undang seperti pelarian cukai. Hal ini kerana pembayar cukai telah merasa selesa dengan jumlah percukaian mereka dan secara tidak langsung individu-individu ini telah mematuhi akta percukaian di Malaysia (Sritharan & Salawati, 2019).

Setiap individu perlu menyimpan rekod pendokumentasian secara teratur seperti contoh resit pembayaran atau resit pembelian. Dokumen penting ini akan digunakan sewaktu proses tuntutan pelepasan cukai. Walau bagaimanapun terdapat juga individu-individu yang sengaja menyembunyikan maklumat kewangan atau melakukan penipuan pendokumentasian yang bertujuan untuk melarikan diri daripada membayar cukai. Faktor pelarian cukai didorong oleh usia yang muda, jantina dan tahap pendapatan seseorang pembayar cukai (Shuid et al., 2021).

Individu-individu yang mempunyai kesedaran mengenai cukai akan mematuhi sistem percukaian di Malaysia, individu ini akan membuat taksiran sendiri dengan jujur dan membayar cukai mengikut tempoh yang ditetapkan (Ishak et al., 2023). Pernyataan ini juga disokong oleh Ahmisuhaiti Binti Ku Ahmad et al. (2021), di dalam kajiannya mendapati faktor pengetahuan, kesedaran dan undang-undang cukai menjadikan seseorang itu patuh cukai.

Namun begitu, masih terdapat sebilangan rakyat Malaysia yang mengamalkan pelarian cukai. Menurut Alwi et al. (2022) pekerja yang mempunyai pendapatan atau individu yang mempunyai gaji akan cuba untuk melarikan diri daripada membayar cukai. Hal ini disebabkan oleh sikap, tingkah laku dan norma sosial individu tersebut. Justeru itu, kesan daripada pelarian cukai ini seperti yang dinyatakan oleh Fagbemi et al. (2010) di dalam penulisan Alwi et al. (2022), perkara ini dapat melahirkan individu-individu yang tidak berdedikasi dan mengganggu kelancaran operasi sistem cukai.

Melihat daripada sudut yang berbeza, bagi individu yang memahami sedikit konsep pelepasan cukai akan mudah terdedah untuk menyalahguna ilmu dan melarikan diri daripada membayar cukai. Segelintir kelompok ini akan bersikap tidak beretika kerana menggunakan pemahaman yang cetek mengenai konsep pelepasan cukai untuk pelarian cukai (Zaidah Turmin et al., 2019; Swee Kiow et al., 2021). Jika dibandingkan dengan individu yang mempunyai etika yang tinggi disebabkan kepercayaan keagamaan akan mematuhi undang-undang percukaian (Chong et al., 2019). Sehubungan dengan itu, terdapat juga individu yang mematuhi sistem percukaian di Malaysia kerana akta percukaian Malaysia mempunyai undang-undang hukuman seperti membayar denda, penalti dan penjara jika didapati bersalah (Sritharan et al., 2020).

Ketidakstabilan ekonomi Malaysia menjadi salah satu faktor yang menyebabkan individu-individu yang tidak bertanggungjawab menggunakan sistem pelepasan cukai untuk melakukan pengelakan cukai. Tetapi kajian dari Salawati et al. (2021) menyatakan bahawa, walau dalam keadaan bagaimana sekalipun, jika tahap pengetahuan cukai seseorang itu tinggi, individu itu tetap akan patuh dengan peraturan kerana mereka sedar kesan dari ketidakpatuhan cukai. Malah lebih menariknya, pembayar cukai dengan pengetahuan cukai yang lebih tinggi didapati bukan pembayar cukai yang baik dari sudut perancangan cukai.

Perbincangan Hasil Kajian

Salah satu tema yang dibentuk dalam artikel ini adalah pengetahuan cukai. Kajian ini menunjukkan bahawa sebilangan besar pembayar cukai dapat mengelak daripada membayar cukai mereka kerana kurangnya fahaman dalam penyimpanan dokumen yang betul. Mengabaikan penyimpanan rekod seperti resit pembelian dan penyata pendapatan, boleh menyebabkan kekurangan bukti semasa pemeriksaan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Jelas sekali bahawa kegagalan untuk mengekalkan amalan penyimpanan rekod yang betul menyumbang kepada pengelakan dan pelarian cukai di kalangan individu. Tetapi terdapat beberapa kajian telah melaporkan bahawa pengetahuan cukai secara positif dikaitkan dengan tingkah laku pematuhan cukai (Kasipillai et al., 2003; Palil et al., 2013).

Beberapa masalah telah timbul akibat kecuaiian dalam penyimpanan rekod. Pada awalnya, ini membuatkan pembayar cukai sukar untuk mengira jumlah cukai yang sepatutnya dibayar dengan betul. Apabila rekod yang diberikan tidak lengkap, ia boleh menyebabkan pembayar cukai secara tidak sengaja menuntut pelepasan atau potongan cukai yang tidak sah dan akhirnya dianggap sebagai pelarian cukai.

Ramai pembayar cukai yang tidak sedar akan kepentingan penyimpanan rekod yang betul dan melihatnya sebagai tugas yang tidak penting atau membebankan. Selain itu, penulisan ini menegaskan bahawa pendidikan dan kesedaran mengenai kepentingan penyimpanan rekod dokumen yang baik merupakan faktor utama dalam mengurangkan pelarian cukai yang disebabkan oleh kelalaian. Oleh itu, dengan menggunakan pendidikan dan juga teknologi yang sesuai, ia dapat memberi satu langkah yang penting untuk meningkatkan kepatuhan cukai terhadap individu di Malaysia.

Seperti yang dibincangkan oleh Sritharan et al. (2023), aspek yang mempengaruhi kepatuhan cukai di Malaysia, adalah termasuk hubungan positif di antara “pematuhan cukai rakan sebaya” dan “pematuhan cukai peribadi”. Peningkatan pematuhan juga disebabkan oleh agensi cukai yang efisien dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti, kerana ia mendorong pembayar cukai untuk mematuhi sistem cukai tanpa rasa takut. Dengan kesedaran yang tinggi terhadap pembayaran cukai, secara logiknya akan menyebabkan pembayar cukai membayar dengan sukarela dan tepat pada waktunya, serta menganggapnya sebagai tanggungjawab sivik.

Menurut Arunasalam (2019) individu yang memiliki tingkat keterbukaan yang tinggi cenderung melihat ketidakpatuhan sebagai hal yang lebih wajar dibandingkan dengan orang-orang yang memiliki ciri keperibadian lain. Sosial dan pengetahuan cukai semuanya mempengaruhi pengelakan cukai dan pematuhan. Sikap positif terhadap pematuhan cukai dikaitkan dengan pengetahuan cukai yang lebih tinggi. Walaupun berada di zaman moden dan keterbukaan dari segi pengetahuan dan penggunaan teknologi semakin meninggi dikalangan individu pembayar cukai. Alwi et al. (2022) berpandangan, sistem *e-Filing* memerlukan penambahbaikan yang betul terutama di dalam hal memuat naik resit. Pentadbiran berautoriti berperanan besar dalam mengurangkan pengecualian cukai dengan memperkasakan sistem cukai dan meningkatkan pengurusan kewangan (Ayub et al., n.d.). Malah, kekurangan pengurusan dan perbelanjaan yang berlebihan juga boleh menyebabkan pengelakan cukai meningkat.

Penemuan oleh Hamid et al. (2022) menjelaskan bahawa, kadar pematuhan dijangka bertambah baik dengan lebih banyak pengetahuan cukai dan sebaliknya. Melalui pengetahuan cukai, ia secara signifikan mempengaruhi tahap pematuhan rakyat Malaysia. Penulis selanjutnya menunjukkan bahawa keupayaan pembayar cukai untuk terlibat dalam pematuhan cukai melalui laporan pendapatan bercukai, tuntutan pelepasan, rebat, dan pengiraan liabiliti cukai yang tepat, mungkin ditentukan berdasarkan pengetahuan cukai mereka yang mencukupi mengenai dasar cukai.

Kesimpulan

Kajian literatur ini telah mengkaji penyelidikan sedia ada mengenai hubungan antara pelepasan cukai dan tingkah laku pembayar cukai dalam konteks pelarian dan pengelakan cukai di Malaysia. Penemuan menunjukkan bahawa walaupun pelepasan cukai boleh menjadi alat yang berkesan untuk memberi insentif kepada aktiviti tertentu, mereka juga berpotensi menyumbang kepada pengelakan dan pengelakan cukai. Untuk menangani cabaran ini, pembuat dasar harus mempertimbangkan untuk melaksanakan pelbagai strategi, termasuk mengukuhkan mekanisme penguatkuasaan, meningkatkan pendidikan dan kesedaran pembayar cukai, dan memudahkan sistem cukai (Palil et al., n.d.) dengan memahami hubungan tingkah laku pembayar cukai dan kesan pelepasan cukai, pembuat dasar boleh membangunkan dasar cukai yang lebih berkesan dan saksama yang menggalakkan pematuhan, pertumbuhan ekonomi, dan kebajikan sosial.

Berdasarkan kajian yang dijalankan di Malaysia, dikenalpasti beberapa punca pengelakan dan pelarian cukai di kalangan pembayar cukai termasuk ketidakpuasan hati terhadap kualiti perkhidmatan cukai, ketiadaan moraliti cukai, sistem cukai yang tidak dapat dielakkan dan tidak cekap, dan kadar cukai yang tinggi. Faktor lain yang menyumbang kepada pengelakan dan pelarian cukai di Malaysia termasuk hubungan yang lemah antara pembayar cukai dan pihak berkuasa cukai, penguatkuasaan yang tidak kurang, kekurangan insentif cukai, dan tamak serta sikap pentingkan diri.

Hubungan antara pelepasan cukai dan pematuhan cukai di Malaysia adalah kompleks dan pelbagai rupa. Walaupun pelepasan cukai dapat memberi insentif kepada pematuhan dengan mengurangkan beban cukai, mereka juga memberikan peluang untuk mengelakkan dan merumitkan pentadbiran cukai. Langkah-langkah dasar yang berkesan, penyederhanaan undang-undang cukai, dan memanfaatkan teknologi adalah penting untuk meningkatkan pematuhan. Penyelidikan lanjut, terutamanya mengenai aspek tingkah laku dan teknologi, adalah penting untuk membangunkan pemahaman yang komprehensif dan meningkatkan strategi pematuhan cukai di Malaysia.

Penemuan kajian ini mendedahkan bahawa, walaupun pelepasan cukai telah berjaya menggalakkan pematuhan cukai di kalangan individu, tetapi masih terdapat isu-isu asas yang menyumbang kepada pengelakan cukai dan pelarian di Malaysia. Kesimpulannya, analisis kajian ini telah memberi penerangan tentang kesan pelepasan cukai ke atas pengelakan dan pelarian cukai di Malaysia. Didapati juga bahawa tingkah laku (etika) dan tahap pengetahuan cukai (pelepasan cukai dan undang-undang cukai) individu dapat membendung ketidakpatuhan cukai.

Rujukan

- Ku Ahmad, K., A., Hassan, R., & Mohamad, S. (2021). *Hubungan faktor pengetahuan, kesedaran dan keadilan terhadap gelagat pematuhan cukai dalam kalangan pensyarah politeknik Malaysia: Kertas konsep*. International Conference on Business Studies and Education (ICBE).
- Alwi, N. H., Osman, Z., & Nabi Ahmad Khan, B. (2022). Tax evasion behavior among salaried workers in Malaysia: A socio-psychological framework. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences*, 12(4). <https://doi.org/10.6007/ijarafms/v12-i4/15716>
- Ariff, A., Ismail, W. A. W., Kamarudin, K. A., & Suffian, M. T. M., (2023). Financial distress and tax avoidance: The moderating effect of the COVID-19 pandemic. *Asian Journal of Accounting Research*, 8(3), 279–292. <https://doi.org/10.1108/ajar-10-2022-0347>

- Arunasalam, K. (2019). A study on the relationship between an individual's personality and tax compliance. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 7(5).
- Ayub, N., Ab Rahim, F., Puasa, S., & Mohd Pauzi, N. F. (2024). Factors influencing user satisfaction on the e-filing tax return in Malaysia: a conceptual framework. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 17(2), 1–8. Diperoleh daripada <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/LJMS/article/view/4778>
- Ben Othman, H., Hussainey, K., & Moumen, N. (2024). The influence of cultural tightness–looseness, religiosity, and the institutional environment on tax evasion behavior: A cross-country study. *European Financial Management*, 30(1), 346–374. <https://doi.org/10.1111/eufm.12420>
- Chong, K. R., Yusri, Y., Selamat, A. I., & Ong, T. S. (2019). Tax climate manipulation on individual tax behavioural intentions. *Journal of Applied Accounting Research*, 20(3), 230–242. <https://doi.org/10.1108/JAAR-01-2019-0001>
- Fatt, C. K., Wong, E., & Khin, S. (2011). A study on self-assessment tax system awareness in Malaysia. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 5(7), 881–888.
- Ahmad, M., & Samsuddin, L. (2020). Aplikasi Pembiayaan Kacukan dalam Pengurusan Kewangan: Ulasan Sistematis. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal Of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 41-57. Diperoleh daripada <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/PMJSSH/article/view/11331>
- Gusenbauer, M. (2019). Google Scholar to overshadow them all? Comparing the sizes of 12 academic search engines and bibliographic databases. *Scientometrics*, 118(1), 177–214. <https://doi.org/10.1007/s11192-018-2958-5>
- Haddaway, N. R., Collins, A. M., Coughlin, D., & Kirk, S. (2015). The role of Google Scholar in evidence reviews and its applicability to grey literature searching. *PLoS ONE*, 10(9). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0138237>
- Hamid, N. A., Ismail, I. S., Yunus, N., Jali, M. N., & Rosly, A. S. (2022). Taxpayer perceptions of tax awareness, tax education, and tax complexity among small and medium enterprises in Malaysia: A quadrant analysis approach. *Universal Journal of Accounting and Finance*, 10(1), 231–242. <https://doi.org/10.13189/ujaf.2022.100124>
- Hassan, N. S. A., Palil, M. R., Ramli, R., & Maelah, R. (2023). Increasing tax compliance behavior through accommodative approaches and tax rewards. *International Journal of Economics and Management*, 17(2), 211–228. <https://doi.org/10.47836/ijeam.17.2.05>
- Ishak, S. N., Azemi, A., Mohd Yunus, M. H. S., & Abdul Talib, N. (2023). The impact of tax awareness and tax knowledge on tax non-compliance from the perspective of potential taxpayers. *Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs*, 5(18), 11–21. <https://doi.org/10.35631/aijbes.518002>
- Kasipillai, J., Aripin, N., & Amran, N. A. (2003). The influence of education on tax avoidance and tax evasion. *eJournal of Tax Research*, 1(2), 134–146.

- Kitchenham, B., Budgen, D., Brereton, P., Turner, M., Charters, S., & Linkman, S. (2007). Large-scale software engineering questions - Expert opinion or empirical evidence? *IET Software*, 1(5), 161–171. <https://doi.org/10.1049/iet-sen:20060052>
- Kraus, S., Breier, M., & Dasí-Rodríguez, S. (2020). The art of crafting a systematic literature review in entrepreneurship research. *International Entrepreneurship and Management Journal*, 16(3), 1023–1042. <https://doi.org/10.1007/s11365-020-00635-4>
- Martin-Martin, A., Orduna-Malea, E., Harzing, A. W., & Delgado López-Cózar, E. (2017). Can we use Google Scholar to identify highly-cited documents? *Journal of Informetrics*, 11(1), 152–163. <https://doi.org/10.1016/j.joi.2016.11.008>
- Mohamed Shaffril, H. A., Ahmad, N., Samsuddin, S. F., Samah, A. A., & Hamdan, M. E. (2020). Systematic literature review on adaptation towards climate change impacts among indigenous people in the Asia Pacific regions. *Journal of Cleaner Production*, 258. <https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2020.120595>
- Muhammad, I., Ali Al-zaqeba, M., Hamid, S., Ali Ahmad Al-zaqeba, M., & Abdul Hamid, S. (2018). Tax compliance of individual taxpayers: A systematic literature review. Diperoleh daripada <https://www.researchgate.net/publication/335704083>
- Hassan, N. S. A., Palil, M. R., Ramli, R., & Maelah, R. (2021). Hubungan strategi pematuhan dengan pematuhan cukai individu di Malaysia: Satu kajian tinjauan elemen ganjaran cukai. *Proceedings of International Management & Accounting Conference (IMAC) 10*, 214-216.
- Okoli, C., & Schabram, K. (2010). A guide to conducting a systematic literature review of information systems research. <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.1954824>
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., & Moher, D. (2021). The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *The BMJ*, 372. <https://doi.org/10.1136/bmj.n71>
- Palil, M. R., Abdul Hamid, M., & Hanafiah, M. H. (2013). Taxpayers compliance behaviour: Economic factors approach. *Jurnal Pengurusan*, 38, 75-85.
- Palil, M. R., Malek, M. M., & Jaguli, A. R. (n.d.). Issues, challenges and problems with tax evasion: The institutional factors approach. *Gadiah Mada International Journal of Business*, 18(2), 187–206. <http://journal.ugm.ac.id/gamaijb>
- Salawati, S., Sritharan, N., Sheung, S. C. C., & Mohamed, A. S. (2021). Does tax knowledge motivate tax compliance in Malaysia? *Research in World Economy*, 12(1), 238. <https://doi.org/10.5430/rwe.v12n1p238>
- Shuid, S. H., Ahmad Zazili, A. S., & Basri, S. A. (2021). Determinant factors of tax evasion. *Global Business and Management Research: An International Journal*, 13(4s) 896-903. <http://www.gbmrjournal.com/pdf/v13n4s/V13N4s-78.pdf>
- Sritharan, N., Sahari Salawati, Cheuk Choy Sheung Sharon, & Mohamed Ahmad Syubaili. (2023). Corporate tax compliance and mediating role of personal tax compliance among Malaysian in-

house tax professionals. *Journal of Business Management and Accounting*, 13(2), 229–258. <https://doi.org/10.32890/jbma2023.13.2.4>

Sritharan, N., & Salawati, S. (2019). Examining the moderating effect of tax knowledge on the relationship between individual factors and income tax compliance behaviour in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences*, 9(3). <https://doi.org/10.6007/ijarafms/v9-i3/6355>

Sritharan, N., Salawati, S., Choy, S., & Cheuk, S. (2020). How social factor determine individual taxpayers' tax compliance behaviour in Malaysia? In *International Journal of Business and Society* (Vol. 21, Issue 3).

Sritharan, N., Salawati, S., Sharon, C. C. S., & Syubaili, M. A. (2022). Corporate tax avoidance: a systematic literature review and research agenda. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i8/14683>

Sulaiman, A. A., Rashid, N., & Hamid, N. A. (2023). Examining the impact of audit quality and financial performance on corporate tax avoidance: empirical evidence from public listed companies in Malaysia. *Indonesian Journal of Sustainability Accounting and Management*, 7(S1). <https://doi.org/10.28992/ijSAM.v7s1.885>

Swee Kiow, T., Claudia, L., Md Kassim, A. A., & Mohd Salleh, M. F. (2021). The moderating effect of individual taxpayers' education level on ethical perception and tax compliance behaviour in peninsular Malaysia. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences*, 11(1). <https://doi.org/10.6007/ijarafms/v11-i1/8857>

Zaidah Turmin, S., Noor, M., Osman, H., Perakaunan, J., & Kewangan, D. (2019). Literasi cukai-suatu kajian ke atas tahap dan faktor penggalak dikalangan individu dengan pendapatan pengajian di Malaysia. *International Journal of Accounting, Finance and Business*

Zuwan, Z., & Kamari, D. (2020). *Awareness and attitude towards tax reliefs' understanding among salaried group taxpayers in Klang valley*. Masters thesis, Universiti Utara Malaysia.

Penerimaan Kompaun Binatang Berkeliaran yang Ditangkap atau Disita oleh Pihak Berkuasa: Analisis Hukum dan Pandangan Ulama

Acceptance of Fines for Stray Animals Captured or Seized by Authorities: A Legal Analysis and Scholars' Perspectives

Junainah Hanim bt Mohamed Nor

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Syariah, Universiti Sultan Azlan Shah 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6016-8944546. Email: junainah@usas.edu.my

Sharifah Nurulhuda bt S. Ab Latif (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Syariah, Universiti Sultan Azlan Shah 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6012-5967254. Email: sharifahnurulhuda@usas.edu.my

Mohd Fuad, M. (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6016-5682317. Email: fuad@usas.edu.my

Abstrak

Salah satu punca berlakunya kemalangan jalan raya adalah disebabkan binatang ternakan yang berkeliaran secara tiba-tiba sehingga mengakibatkan hilangnya nyawa insan dan akal serta kerosakan pada harta benda. Timbul beberapa permasalahan apabila Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menerima banyak aduan berulang berkaitan binatang yang berkeliaran di kawasan kediaman dan di jalan raya. Justeru itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil tindakan terhadap pemilik binatang tersebut dengan mengenakan denda dalam jumlah tertentu. Kajian ini adalah bertujuan menganalisis kewajaran hukum penerimaan denda dalam bentuk kompaun hasil dari tangkapan binatang-binatang yang berkeliaran bebas tanpa pemantauan oleh pemilik. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif menggunakan dua kaedah utama iaitu peringkat pengumpulan data dan analisis data. Pada peringkat pengumpulan data, metode yang digunakan adalah dengan melakukan semakan dokumen daripada al-Quran, Sunnah, buku, jurnal dan manuskrip Islam. Peringkat kedua pula ialah analisis data dengan melakukan semakan dan penelitian terhadap data yang diperolehi bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai. Dapatan kajian mendapati bahawa jumhur ulama dalam kalangan mazhab Maliki, Shafie dan Hanbali telah mengharuskan pembayaran kerugian dikenakan ke atas pemilik ternakan bagi menjamin *maṣlahah* serta menolak segala kemudaratan. Justeru, penerimaan kompaun binatang berkeliaran yang ditangkap atau disita oleh pihak berkuasa ke atas pemilik ternakan dibolehkan demi keselamatan masyarakat secara umumnya seperti mencegah daripada berlakunya kehilangan nyawa, akal dan harta melalui *maṣlahah al-maqāṣidī*. Kajian ini akan memberi ruang kepada kajian yang akan datang untuk meluaskan kajian kepada pemilik binatang tersebut apabila melibatkan kematian, kompaun yang dikenakan perlu mengambil kira kadar diat sekiranya melibatkan kematian yang tidak disengajakan.

Kata kunci: Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); kompaun; hukum; binatang berkeliaran.

Pengenalan

Haiwan adalah makhluk Allah S.W.T yang tidak mempunyai akal, tidak hairanlah sekiranya haiwan-haiwan hilang atau berkeliaran tanpa penguasaan pemiliknya. Namun begitu, haiwan-haiwan ini adalah harta yang bernilai sekiranya ditemui seperti mana hadis ini menjelaskan berkenaan barang yang ditemui iaitu:

“Daripada Zaid bin Khalid r.a.: Seorang Arab Badwi bertanya kepada Rasulullah s.a.w. berkenaan apa yang telah dia ditemui. Jawab Rasulullah s.a.w.: Hebahkan selama setahun. Jika datang seseorang memberitahu tentang kehilangannya, pulangkanlah semula kepada pemiliknya. Jika tiada, gunakanlah ia. Kemudian dia bertanya: Wahai Rasulullah s.a.w. jika unta yang ditemui. Merah muka dalam keadaan marahnya Rasulullah s.a.w. Lalu menjawab Rasulullah s.a.w. Ia bukan untuk kamu dan ia tidak memerlukan penjagaan.” (Sahih Bukhari: 2438)

Hadis ini menerangkan bahawa hukum dan cara pengendalian mengikut haiwan-haiwan tersebut adalah berbeza. Namun begitu, sebarang bentuk barang yang ditemui perlu bertanggungjawab untuk menghebahkannya serta menjaga barang tersebut dengan sebaik mungkin. Secara umumnya, pengurusan berkaitan penemuan haiwan yang terbiar atau berkeliaran ini adalah bagi orang yang menemuinya. Namun, peranan pihak berkuasa juga wajar diberikan perhatian oleh para ulama walaupun ia bukan satu keutamaan untuk melakukan sesuatu tindakan yang melibatkan pengurusan haiwan berkeliaran atau terbiar serta tindakan terhadap pemilik (Al-Khin et al., 2008)

Sehubungan dengan itu, kesan daripada binatang-binatang berkeliaran ini menyebabkan kemalangan dan kerosakan tanaman bagi penduduk setempat malah PBT menerima aduan tinggi dan berulang berhubung dengan haiwan yang sering berkeliaran di kawasan kediaman dan jalan raya. Malah sebanyak 61 kemalangan jalan raya direkodkan dalam tempoh enam bulan pertama oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) di daerah yang membabitkan haiwan berkeliaran (Mohd Taha, 2019). Kebanyakan kemalangan jalan raya berlaku di kawasan disebabkan sikap penternak yang tidak bertanggungjawab serta memerlukan kepada tindakan yang sewajarnya diambil terhadap pemilik haiwan pemeliharaan tersebut (Normawati, 2019). Masalah ini bukanlah isu baharu malah enakmen mengenainya sudah lama wujud sejak 1972 iaitu Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971 (Enakmen Sel. No. 3 tahun 1971) menerangkan bahawa aktiviti memelihara atau menyimpan lembu-kerbau di dalam kawasan larangan adalah ditegah. Malah sekiranya pemilik haiwan tersebut tidak mengawal haiwan miliknya, tindakan tegas akan diambil di antaranya merampas haiwan tersebut. Selain daripada itu, PBT akan mengambil inisiatif mengadakan pertemuan bersama pemilik haiwan yang telah dikenal pasti membiarkan haiwan miliknya berkeliaran tanpa kawalan serta memberi amaran agar tidak berterusan membiarkan haiwan tersebut berkeliaran di tempat awam (Dewan Selangor, 2018).

Namun begitu, sekiranya pemilik masih berdegil membiarkan haiwan miliknya berkeliaran PBT telah diberi kuasa melantik kontraktor khas bagi menangkap haiwan-haiwan ini apabila berterusan mengganggu ketenteraman serta mengancam keselamatan orang ramai. Kontraktor ini perlu bertanggungjawab dan berkeupayaan menangkap haiwan dan menguruskannya sehingga dituntut oleh pemiliknya. Setiap haiwan yang disita akan dikenakan kompaun iaitu RM1,000.00 bagi setiap lembu dan kerbau dan RM300.00 bagi seekor kambing. Jika haiwan tersebut tidak dituntut dalam tempoh seminggu selepas ditangkap atau disita boleh disembelih atau dilupuskan dengan cara yang ditentukan mengikut budi bicara Yang Dipertua PBT berpandukan undang-undang kecil kawalan ternakan yang ditetapkan. Namun begitu, sekiranya pemilik menuntut haiwan milik mereka perlu membayar kompaun yang telah ditetapkan di samping turut dikenakan bayaran penempatan sementara bagi haiwan tersebut iaitu bagi seekor lembu atau kerbau RM100 dan RM30 untuk seekor

kambing (Mohd Amin, 2020). Justeru itu, PBT telah mengambil tindakan yang wajar dengan mewujudkan garis panduan bagi memastikan keselamatan awam lebih-lebih lagi melibatkan nyawa orang awam. Pada waktu yang sama PBT mahu agar pemilik haiwan-haiwan tersebut berdisiplin memastikan haiwan dibawah jagaan mereka dijaga dan tidak dibiarkan berkeliaran merata-rata tempat terutamanya di jalan raya atau di kediaman awam.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan mengumpul garis panduan yang sahih dalam Islam dan meneroka pandangan ulama Islam berkenaan penjagaan haiwan. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan dua kaedah utama iaitu peringkat pengumpulan data dan analisis data. Pada peringkat pengumpulan data, metode yang digunakan adalah dengan melakukan semakan dokumen berasaskan pendekatan perpustakaan daripada al-Quran, Sunnah, buku, jurnal dan manuskrip Islam. Peringkat kedua pula ialah analisis data dengan melakukan semakan dan penelitian terhadap data yang diperolehi bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai. Data-data tersebut dianalisis secara analisis kandungan dan analisis kritis.

Kedudukan Undang-Undang Islam Terhadap Haiwan Perliharaan yang Terbiar

Secara hakikatnya, perbuatan salah yang terhasil daripada haiwan seharusnya tidak dibebankan dengan apa-apa tanggungan kerana haiwan dianggap makhluk yang tidak berakal dan sudah pasti tidak wujud unsur niat melakukan kerosakan. Para ulama berbeza pandangan berkaitan tanggungan haiwan ternakan yang terbiar dan menyebabkan berlakunya kerosakan serta membahayakan orang lain (Abdul Hakim, 2019). Diriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa: Rasulullah s.a.w bersabda:

"Kecederaan yang disebabkan oleh binatang itu adalah tanpa tanggungan" (al-Bukhari, 2001).

Para ulama bersepakat tentang kesahihan hadis ini bahawa setiap perbuatan salah terhasil daripada seekor binatang adalah tidak dikenakan apa-apa tanggungan atau pemiliknya terlepas daripada tindakan undang-undang.

Imam al-Sarakhsi (1993) menjelaskan bahawa sesuatu kes kerosakan atau kecederaan yang dilakukan oleh setiap haiwan yang terlepas dan bergerak sendirian mengikut kehendaknya, pemilik haiwan tersebut tidak perlu bertanggungjawab sama ada berlaku pada siang hari atau di malam hari. Binatang seperti ini dikenali sbagai *al-munfalitah* (haiwan yang terlepas dan merayau-rayau bersendirian).

Imam al-Nawawi (2005) menjelaskan bahawa hadis ini bersifat umum, namun apa yang dikehendaki adalah bersifat khusus. Hal yang demikian, perbuatan haiwan dalam kes tertentu tidak dipertanggungjawabkan, namun dalam kes yang lain, ia juga boleh dikenakan tindakan dan dipertanggungjawabkan. Terdapat hadis yang menjelaskan tentang tanggungjawab pemilik haiwan sekiranya berlaku kerosakan disebabkan haiwan perliharaanya.

Diriwayatkan daripada Ibn Shihab bahawa:

"Ibn Muhayyisah Al-Ansari memberitahunya bahawa seekor unta betina milik Bara telah masuk ke dalam ladang kepunyaan seorang lelaki dan menyebabkan beberapa kerosakan pada tanamannya. Rasulullah s.a.w diberitahu dan baginda memutuskan bahawa harta yang harus dilindungi oleh pemilik ternakan adalah bertanggungjawab

terhadap sebarang kerosakan yang disebabkan oleh haiwan mereka pada waktu malam.” (Sunan Ibn Majah, 2332).

Imam Nawawi (2005) menjelaskan bahawa jika didapati seekor haiwan melakukan kerosakan atau kecederaan tanpa disedari atau ditemani oleh pemiliknya, maka pemiliknya tidak bertanggungjawab sama ada berlaku pada siang hari atau malam. Namun, sekiranya haiwan tersebut ditemani oleh seseorang sama ada sebagai penunggang, penuntut atau pengiringnya, maka tanggungan akan dibebankan ke atasnya. Hal ini disepakati oleh Imam Al-Sharqawi (1891) dalam mensyarahkan hadis bahawa:

“Dan apabila seekor haiwan merosakkan sesuatu, dan ia (pada ketika itu) bersama pemiliknya sekalipun pemiliknya itu penyewa atau peminjam, adalah bertanggungjawab terhadap sesuatu yang ia (haiwan ternakan itu) telah merosakkannya sama ada nyawa ataupun harta benda sama ada berlaku siang atau malam”.

Begitu juga pandangan Imam Abu Yahya Zakariyya al-Ansari (1994) daripada mazhab Shafi’I menyatakan bahawa: “Sesiapa menemani atau mengiringi seekor haiwan sekalipun ia seorang penyewa atau peminjam adalah bertanggungjawab terhadap segala sesuatu yang haiwan itu merosakkannya sama ada berbentuk nyawa atau harta benda, malam atau siang”. Justeru itu, Imam al-Bahuti (1986) daripada mazhab Hanbali juga menjelaskan bahawa:

“Dan jika seekor haiwan pada tangan seseorang (pada kawalannya) seperti pemandu yang boleh mengawalinya, penuntut yang boleh mengawalinya dan penunggang yang boleh mengawalinya, sama ada setiap pemandu, penuntut atau penunggang itu seorang pemilik haiwan tersebut atau pekerja atau penyewa atau seseorang yang diwasiatkan boleh mengambil manfaat daripadanya atau pemegang gadaian adalah bertanggungjawab terhadap sesuatu jenayah yang dilakukan oleh haiwan itu dengan kaki hadapannya atau mulutnya atau pijakan dengan kaki belakangnya dan bukan terhadap libasan kaki tersebut”.

Imam Ibn Juzay (2013) daripada mazhab Maliki menyatakan bahawa:

“Dan adapun sesuatu yang haiwan (*a-dawab*) telah merosakkannya dan jika pada ketika itu ia disertai oleh penunggang atau pemandu atau penuntut, maka ia bertanggungjawab terhadap sesuatu yang haiwan tersebut merosakkannya sama ada pada diri dan harta benda. Dan Adapun sesuatu yang Binatang ternakan (*al-mawashi*) telah merosakkannya daripada tanaman dan tumbuhan, maka jika ia berlaku pada waktu malam tanggungan dibebankan ke atas pemilik binatang ternakan dan jika ia berlaku pada siang hari, tiada tanggungan dibebankan ke atas mereka. Melainkan mereka cuai menjaganya dan mereka tidak menghalangnya daripada menghampiri tanaman dan tanggungan pada ketika itu dibebankan ke atas pengembala bukan ke atas pemilik binatang ternakan (*sahib al-Mashiyah*)” (Ibn Juzay, 2013).

Imam al-Zuhaily (2008) mempunyai pandangan yang selari dengan mazhab Maliki, Shafi’I dan Hanbali bahawa pemilik haiwan yang mengiringinya boleh menghalangnya daripada memijak sesuatu tetapi tidak menendang dengan kukunya.

Secara tuntasnya, terdapat perbezaan pandangan ulama dalam menentukan asas waktu tanggungan terhadap perbuatan haiwan yang terbiar secara bersendirian dalam kalangan mazhab Hanafi dan jumhur ulama. Namun, dalam kes perbuatan haiwan terbiar itu yang berlaku ketika diiringi pemiliknya, atau penyewa atau yang mengambil manfaat ke atasnya, didapati tiada

perselisihan pendapat dalam kalangan ulama Islam, iaitu pemiliknya akan bertanggungjawab tanpa mengira sama ada ia berlaku pada waktu siang atau malam (Al-Qalyubi, 2002).

Imam al-Zuhaily (2007) berpandangan bahawa segala tindakan yang dilakukan oleh setiap haiwan secara bersendirian dan tidak disifatkan sebagai ganas serta tidak wujud unsur kecuaihan di pihak pemiliknya. Haiwan yang dimaksudkan adalah lembu, biri-biri dan lain-lain. Ini adalah jika haiwan itu merumput di padang rumput biasa dan ia melarikan diri pada siang hari, tanpa kecuaihan sebahagian daripada pemiliknya, dan kemudian ia menyebabkan kecederaan kepada keldai atau merosakkan ladang; pemiliknya tidak bertanggungjawab atas kerosakan yang ditimbulkannya mengikut kesepakatan ulama Islam kerana pemilik haiwan ini tidak cuai. Tetapi jika haiwan itu keluar pada waktu malam, maka pemiliknya bertanggungjawab atas kerosakan itu menurut kebanyakan ulama seperti Malik, Shafi'i dan Ahmad.

Imam Abu Hanifah pula berpendapat bahawa pemilik haiwan itu tidak bertanggungjawab atas kerosakan yang disebabkan pada waktu malam bertepatan hadis yang dijelaskan secara umum bahawa kecederaan yang disebabkan oleh haiwan itu adalah tanpa liabiliti atau tanggungan; dan sebahagian ulama Hanafi menganggap hadis berkaitan unta al-Bara' itu adalah lemah. Walau bagaimanapun, jika pemilik haiwan itu melakukan tindakan pencerobohan dengan menghantar haiwan ternakannya ke dalam atau berhampiran ladang orang lain, atau masuk ke dalam kandang keldai tanpa izin pemiliknya, dan ia mencederakan keldai, maka dalam hal ini, pemilik haiwan itu bertanggungjawab atas kerosakan akibat pencerobohannya (al-Sarakhsi, 1986).

Asas Keharusan Kompaun Binatang Berkeliaran yang Ditangkap atau Disita

Dalam Islam, haiwan mempunyai hak mereka sendiri iaitu hak untuk memiliki makanan sendiri, hak untuk disayangi dan dilindungi (Mohamad, 1999). Manusia mempunyai tanggungjawab terhadap haiwan dengan memberi makan, memeliharanya, merawatnya dengan baik, dan menggunakannya dengan cara yang sesuai. Namun begitu terdapat sesetengah perseorangan yang mempunyai haiwan ternakan ini didapati mengalami sedikit kesedaran terhadap masyarakat sehingga merosakkan tanaman dan membahayakan orang lain. Oleh yang demikian wajar kepada pihak berwajib mengenakan kompaun terhadap pemilik haiwan tersebut.

Melalui perbincangan berkaitan pandangan fuqaha terhadap pemilik haiwan harus bertanggungjawab atas segala kerosakan, dilihat bahawa kompaun yang dikenakan kepada mereka yang membiarkan binatang peliharaan mereka berkeliaran adalah wajar. Islam sangat mengambil berat tentang kecederaan atau kerosakan yang berlaku tidak kira disebabkan perbuatan manusia ataupun haiwan. Para ulama Islam telah membincangkan secara khusus berkaitan haiwan terbiar ini dalam bab jenayah haiwan seperti mana diriwayatkan daripada Ibn Shihab bahawa: Ibn Muhayyisah Al-Ansari memberitahunya bahawa seekor unta betina milik Bara telah masuk ke dalam ladang kepunyaan seorang lelaki dan menyebabkan beberapa kerosakan pada tanamannya. Rasulullah s.a.w diberitahu dan baginda memutuskan "bahawa harta benda yang harus dilindungi oleh pemilik. Pemilik ternakan perlu bertanggungjawab sebarang kerosakan yang disebabkan oleh haiwan mereka pada waktu malam". (Sunan Ibn Majah, no hadis 2332). Ia adalah dibenarkan oleh syara' berasaskan kepada beberapa kaedah fiqh dan pandangan ulama.

Dalam menentukan kewajaran kompaun yang dikuatkuasakan, perlu dilihat terhadap aspek penjaga dan unsur penjagaan dalam menentukan siapa yang bertanggungjawab terhadap kecederaan dan kerosakan yang berlaku disebabkan oleh haiwan terbiar. Unsur penjagaan diikat dengan elemen kuasa bertindak. Seseorang itu tidak dinamakan penjaga jika tidak mempunyai kuasa bertindak atau tidak wujud tujuan untuk mengambil manfaat. Maka perlunya penguatkuasaan seperti kompaun itu dihadkan kepada sesiapa yang mempunyai "kuasa bertindak" menurut pandangan al-Zuhayli (2008)

kuasa bertindak tidak semestinya diperolehi mengikut undang-undang, ia juga boleh diperolehi secara bertentangan seperti pencuri haiwan.

Mazhab Shafi'i mengguna pakai perkataan *dhu al-yad* yang bermaksud sesiapa sahaja sama ada pemilik atau pengembala, atau penyewa, atau perampas. Oleh itu, sekiranya haiwan yang terbiar diletakkan dibawah kuasa pengembala, lalu haiwan itu merosakkan tanaman orang lain, maka pengembala itu bertanggungjawab, bukan kepada pemilik haiwan (Al-Zuhaily, 2008). Pandangan ini adalah bertepatan dengan kehendak syarak, serta jelas bahawa pengembala tidak akan bertanggungjawab selama mana tidak bersikap mencero boh atau atau cuai.

Kompaun adalah dibenarkan oleh syara' berasaskan kepada beberapa kaedah fiqh dan pandangan ulama. Kompaun yang dikenakan kepada mereka yang membiarkan binatang peliharaan berkeliaran adalah penting bagi menjaga maslahat masyarakat. Ini kerana syariat Islam sangat menitikberatkan kebaikan dan kepentingan umum lebih-lebih lagi apabila melibatkan nyawa manusia. Ia bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu "membendung kerosakan diutamakan daripada menarik kemaslahatan".

Kaedah ini menjelaskan nyawa dan harta benda perlu dijaga dengan membendung dari sebarang kerosakan (Ghazi,1996). Ia perlu diutamakan dari mencari sebarang kemaslahatan. Ini menunjukkan kewajaran mengenakan kompaun dan mengambil bayaran daripada pemilik binatang yang membiarkan binatang peliharaan supaya mereka dapat memantau keadaan dan keberadaan binatang-binatang tersebut daripada melakukan kerosakan dan mengganggu ketenteraman awam

Beberapa kaedah lain juga ditemui iaitu "apa sahaja yang memudaratkan kaum muslimin wajib dihindarkan terhadap mereka". Berasaskan kaedah tersebut, PBT berhak melakukan sesuatu seperti menangkap dan mengenakan kompaun terhadap pemilik binatang yang membiarkan binatang peliharaan mereka bagi menjamin maslahat masyarakat setempat bagi mengelakkan perkara yang berbahaya berlaku seperti kemalangan dan kematian.

Turut menjadi perhatian juga melalui kaedah berikut iaitu "Setiap sebab yang membawa kepada kerosakan perlu ditegah, seandainya tidak terdapat kemaslahatan yang kukuh". Kaedah ini menjelaskan berkenaan menjadi keutamaan setiap individu agar sentiasa melakukan kebaikan serta melarang individu untuk melakukan perkara yang boleh menyebabkan kerosakan berlaku (Ab Latif, 2000), Islam meminta umatnya melakukan kebaikan dan menolak sebarang perbuatan manusia yang boleh menghasilkan kerosakan demi menjaga kemaslahatan umum.

Penerimaan Kompaun Binatang Berkeliaran yang Ditangkap atau Disita oleh Pihak Berkuasa

PBT telah mengenakan kompaun dalam jumlah tertentu kepada pemilik binatang yang membiarkan binatang peliharaan mereka terbiar dan berkeliaran di jalan raya, kawasan kediaman, kawasan awam, tempat rekreasi dan sebagainya hingga mengganggu dan merosakkan kawasan tersebut. Kompaun yang dikenakan kepada mereka yang membiarkan binatang peliharaan mereka berkeliaran adalah dibenarkan oleh syara' berasaskan kepada beberapa kaedah fiqh dan pandangan ulama

Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan kompaun kepada pemilik binatang berkeliaran boleh memberikan kebaikan kepada semua pihak baik dari sudut menjamin keselamatan. Namun, sekiranya ia tidak dilaksanakan kompaun tersebut boleh mengakibatkan kerosakan dalam kemaslahatan manusia itu terjadi dan memberi kesan tidak baik terhadap masyarakat.

Haiwan ternakan di atas jalan raya boleh mengundang malapetaka yang tidak diingini kepada setiap pengguna jalan raya. Pihak berkuasa tempatan (PBT) adalah badan bertanggungjawab dalam menangani permasalahan haiwan ternakan yang berkeliaran di atas jalan raya. Justeru, atas dasar *maṣlahah*, PBT boleh mengambil tindakan seperti merampas dan mengenakan denda atau saman

terhadap pemilik ternakan tersebut. Hal ini adalah dibolehkan di atas dasar menjaga *maṣlahah* kepada rakyat secara umumnya seperti mencegah daripada berlakunya kehilangan nyawa, akal dan harta. (Irsyad al-Fatwa: 354)

Kaedah-kaedah di atas adalah berasaskan firman Allah s.w.t bermaksud: “*Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah s.w.t menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya.*” (al-Quran,7:56). Ia juga berasaskan firman Allah s.w.t bermaksud: “*Sedang Allah s.w.t tidak suka kepada orang-orang yang melakukan kerosakan*” (al-Quran,28:77). Begitu juga firman Allah s.w.t bermaksud: “*Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula) dengan maksud memberi mudarat kerana kamu hendak melakukan kezaliman*” (al-Quran,2:231)

Ayat -ayat al-Quran ini menunjukkan larangan Allah s.w.t daripada melakukan kerosakan di muka bumi ini. Allah s.w.t telah menganugerahkan pelbagai nikmat kepada manusia dan ianya hendaklah dijaga dan dipelihara sebaik mungkin. Sehubungan dengan itu sewajarnya setiap masyarakat menjaga binatang peliharaan mereka sebaik mungkin agar tidak merosakkan harta awam. Tindakan PBT mengenakan kompaun adalah wajar bagi memastikan mereka memantau binatang ternakan mereka sebaik mungkin.

Rasulullah s.a.w juga menegaskan dalam hadisnya yang bermaksud: “*Tidak boleh memudaratkan dan tidak boleh membalas kemudaratan.*” (Ibn Majah: 2341). Hadis ini menjelaskan sesuatu kemudaratan akan dialami oleh manusia dan wajar dikenakan kompaun dengan nilai tertentu agar pemilik haiwan tidak sewenang-wenangnya membiarkan haiwan tersebut berkeliaran tanpa kawalan. Kesemua kaedah ini menunjukkan bahawa perkara ini merupakan perkara asas dalam kehidupan iaitu boleh menolak apa sahaja bentuk kegiatan dan perbuatan yang membawa ke arah kemudaratan sama ada kemudaratan kepada diri sendiri, komuniti atau masyarakat setempat (Ab Latif, 2000).

Ini menunjukkan bahawa harus hukumnya bagi pihak kerajaan mengambil apa-apa jua denda yang dikenakan kepada para pemilik binatang yang berkeliaran bagi tujuan pengajaran dan pencegahan. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengenakan kompaun dalam jumlah tertentu kepada pemilik binatang yang membiarkan binatang peliharaan mereka terbiar dan berkeliaran di jalan raya, kawasan kediaman, kawasan awam, tempat rekreasi dan sebagainya hingga mengganggu dan merosakkan kawasan tersebut. Kompaun yang dikenakan kepada mereka yang membiarkan binatang peliharaan mereka berkeliaran adalah dibenarkan oleh syara' berasaskan kepada beberapa kaedah fiqh dan pandangan ulama.

Kesimpulan

Setelah meneliti pandangan dan hujah-hujah dalam isu hukum penerimaan kompaun yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pengkaji cenderung kepada pandangan dan hujah pandangan jumur ulama yang mengharuskan pihak berkuasa mengenakan kompaun bagi pemilik haiwan berkeliaran kerana ia merupakan satu peringatan dan amaran awal kepada pemilik agar melakukan pemantauan yang lebih terhadap binatang-binatang di bawah jagaannya. Namun, sekiranya pemilik tidak mengendahkan amaran dan peringatan ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengambil tindakan yang lebih keras demi memastikan kesejahteraan, keselamatan dan keamanan setempat lebih terjamin. Bertepatan dengan kaedah fiqh, “*tidak ada mudarat dan tidak mendatangkan mudarat*” berasaskan *maṣlahah* dalam ijtihad dan menjadi *dhabit* kepada *maṣlahah* itu sendiri disebut sebagai *ijtihad al-maqāṣidi*. Keharusan pemerintah mengenakan kompaun terhadap pemilik binatang berkeliaran sekiranya dibuktikan atas kecuaiannya, sebagai satu usaha untuk mengawal aktiviti tersebut daripada berlaku secara mudah. Di samping itu, kemudaratan yang lebih besar akan berlaku jika tidak dikenakan denda.

Rujukan

- Abdul Hakim. B. (2019). Analisis Hukum Pengurusan Haiwan Yang Berkeliaran Menurut Fiqh Syafie. 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2019) (pp.302-307). Selangor. KUIS.
- Ab Latif, M. R. (2000). Perbahasan Kaedah Kaedah Fiqh. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Al-Ansari, Abu Yahya, Zakariyya bin Muhammad bin Ahmad bin Zakariyya(1994). Fath al-Wahab bi Syarah Minhaj at-Thulab. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bahuti Mansur bin Yunus bin Idris (1983). Kashshaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'. Jilid 3. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Al-Bukhari, M. B. J (2001). Al-Jami; al-Musnad al-Sohih al-Mukhtasar Min Umur Rasulullah s.a.w. Damsyiq: Dar Tauq al-Najah.
- Dewan Selangor. (2018). Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor . Shah Alam, Selangor: e-quans Electronic Question & Answer Dewan Negeri Selangor.
- Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971 (Enakmen Sel. No. 3 tahun 1971) Kerajaan Negeri Selangor.
- Ghazi, M. S. (1996). *al-Wajiz Fi Idah Qawaid al-Fiqh al-Kuliyyah*. Muassasah al-Risalah al-'ilmiyyah.
- al-Husaini, A. B. (2007). *Kifayatul Akhyar Fi Hilli Ghayatul Ikhtisar*. Kaherah: Dar Al-Salam.
- Ibn Juzay, (2013). *Al-Qawanin al-Fiqhiyyah fi Talkhis Madhhab al-Malikiyyah*, Beirut: Dar Ibn Hazm
- Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-354 : Adakah Dibolehkan Untuk Pihak Berkuasa Tempatan Menangkap Haiwan Ternakan Yang Berkeliaran. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/3938-irsyad-al-fatwa-siri-ke-354-adakah-dibolehkan-untuk-pihak-berkuasa-tempatan-menangkap-haiwan-ternakan-yang-berkeliaran>
- Al-Khatib Al-Syarbini, M. b. (2006). *Mughni Al-Muhtaj Ila Ma'rifati Ma'ani Al- Minhaj*. Kaherah: Dar Al-Hadis.
- Al-Khin, M., Al-Bugha, M., & al-Syabaji, A. (2008). *Al-fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie*. Damasqus: Dar Al-Qalam
- Mohamad, A. B. (1999). Tanggungjawab Pemunya dan Pemilik Haiwan dalam Undang-Undang Tort Islam. *Jurnal Islamiyyat*, 20(1), 3-19.
- Mohd Amin, J. (2020, Oktober 28). *PBT Lantik Kontraktor Tangkap, Sita Ternakan Terbiar*. BH Online. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/10/747321/pbt-lantik-kontraktor-tangkap-sita-ternakan-terbiar>

- Mohd Taha, Y. (2019, Julai 8). *61 Kes Kemalangan Akibat Haiwan Berkeliaran*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/36552/edisiterengganu/61-kes-kemalangan-akibat-haiwan-berkeliaran>
- Al-Nawawi, Y. B. (2005). *Minhaj Al-Tolibin Wa Umdah Al-Muftin*. Damsyiq: Dar Al-Fikr.
- Normawati, A. (2019, Ogos 16). *MDKpr Tangkap Haiwan Ternakan Berkeliaran*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/43156/EDISI?page=4>
- Al-Qalyubi, A. A. (2002). *Hasyiatan Al-Qalyubi Wa Umairah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Sarakhsi, S. (1993). *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Kutub al'Ilmiyyah
- Al-Sharqawi, A. (1891). *Hasyiyah `Ala Al-Tahrir: Hashiyat Khatimat Al-Muhaqqiqin `Ala Sharh Al-Tahrir Li-Zakariya Al-Ansar*. Dar Ihya' al-Kutub al-`Arabiyah
- Al-Zuhaily, M. (2007). *Al-Muktamad Fi Al-Fiqh Al-Syafie*. Damsyiq: Dar Al-Qalam.
- Al-Zuhaily, W. (2008). *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh* . Damascus: Dar Al-Fikr.

Pengesahatarafan Wali Kelahiran Prematang Menurut Hukum Syara' dan Perundangan Semasa: Analisis Kajian Kes

The Legitimation of Premature Birth Guardian (Wali) According to Sharia Law and Current Legislation: A Case Study Analysis

'Ainul Mardhiah, Z.

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: [+6019-4098890](tel:+6019-4098890) E-mail: ainulmardhiah@usas.edu.my

Mustaqim Roslan, M. (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: [+6014-5191337](tel:+6014-5191337) E-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Abstrak

Pengesahatarafan wali merupakan elemen asas yang diambil kira dalam sebuah akad perkahwinan. Namun begitu, terdapat sebilangan kes yang telah menggugurkan syarat kelayakan wali disebabkan status mereka diklarifikasikan sebagai anak tidak sah taraf (ATST). Ia berikutan tempoh kelahirannya adalah kurang enam bulan daripada tarikh pernikahan kedua ibu bapa walaupun dilahirkan dalam keadaan pramatang dan bukanlah daripada hasil perzinaan. Artikel ini bertujuan menganalisis status pengesahatarafan wali nikah dalam kalangan anak kelahiran pramatang menurut hukum syarak dan perundangan semasa. Reka bentuk kualitatif diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa struktur melibatkan hakim syarie. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan menunjukkan bahawa bayi yang dilahirkan secara pramatang memiliki kelayakan untuk menjadi wali kerana dilahirkan dalam perkahwinan yang sah menurut hukum syarak. Dari aspek perundangan pula, dapatan menunjukkan bahawa perkahwinan yang telah dinikahkan oleh wali pramatang boleh diklasifikasikan sebagai perkahwinan syubhah. Wali tersebut perlu memfailkan permohonan pengesahan sah taraf bagi dirinya sekiranya terdapat pertikaian mengenai kesahatarafan wali. Kajian lanjutan perlu dilaksanakan dengan melihat sejauh manakah konsep tabayyun dilakukan oleh pihak mahkamah dan Jabatan Agama Islam Negeri dalam mengendalikan kes-kes seperti ini.

Kata kunci: Anak Tak Sah Taraf, Nikah Syubhah, Pembubaran Perkahwinan, Pengesahatarafan Wali, Prematang.

Pengenalan

Terdapat kes faraq yang diputuskan oleh mahkamah melibatkan pasangan yang telah dinikahkan oleh wali yang dilahirkan secara pramatang. Pengkaji mengambil dua kes yang telah diputuskan oleh mahkamah sebagai perbincangan dalam kajian ini. Kes pertama bernombor 10023-042-XXXX-2022 melibatkan pasangan pertama, manakala kes kedua bernombor 10023-042-XXXX-2022 yang melibatkan pasangan kedua. Kedua-dua kes ini telah dihadapkan di hadapan hakim Syarie' pada 24 November 2022 di Mahkamah Rendah Syariah, Klang (MRSK) (Tetuan Nur & Muim Farhana, 2022). Mahkamah telah membubarkan perkahwinan kedua-dua pasangan tersebut setelah dikenal pasti oleh hakim bahawa pernikahan mereka adalah syubhah. Hal ini disebabkan wali yang telah digunakan dalam akad nikah tersebut iaitu abang sulung mereka didakwa sebagai anak tak sah taraf ATST. Status

ketidaksahatarafan abang mereka dikenalpasti oleh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) apabila adik bongsu mereka membuat permohonan nikah.

PAID memaklumkan abangnya tidak boleh menjadi wali pernikahan kerana statusnya adalah ATST setelah melihat perbandingan tarikh pernikahan ibu bapa mereka dan tarikh lahir abangnya. Namun begitu, kedua-dua pasangan tersebut telah mengklarifikasikan kepada pegawai PAID bahawa abangnya itu dilahirkan secara pramatang pada 23 September 1985 iaitu sekitar lima bulan selepas tarikh ibu bapa mereka bernikah pada 20 April 1985 (Tetuan Nur & Muim Farhana, 2022). Atas kejadian tersebut, abangnya dahulu terpaksa diletakkan di dalam inkubator sehingga tumbesarnya benar-benar matang seperti kelahiran anak-anak yang lain. Oleh itu, kes ini telah menimbulkan dua persoalan utama iaitu pertama, apakah status wali iaitu abang sulungnya itu tetap digelar ATST dalam hukum syarak sedangkan kelahirannya adalah diklarifikasikan sebagai pramatang dan bukan dari hasil perzinaan? Kedua, apakah status wali kelahiran pramatang tersebut menurut undang-undang.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian kualitatif telah diadaptasikan dengan menggunakan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Pengumpulan data dalam kajian ini menggabungkan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa struktur melibatkan dua orang hakim syarie. Kedua-dua informan dikodkan sebagai IN1 dan IN2. Justifikasi pemilihan hakim syarie adalah berdasarkan pengetahuan hakim berkaitan prosedur mahkamah dan peruntukan undang-undang. Data yang diperolehi menerusi analisis dokumen dan temu bual yang dijalankan dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan. Analisis tematik digunakan bagi mengenalpasti tema-tema yang diperolehi menerusi temu bual dan kajian dokumentasi yang dijalankan. Menurut Patton (2002), jumlah responden yang ditemu bual dalam kajian kualitatif tidak menjadi persoalan utama. Hal ini demikian kerana kajian kualitatif bukan bertujuan membuat generalisasi terhadap populasi kajian tetapi lebih menjurus kepada penerokaan mendalam terhadap fenomena yang dikaji (Creswell, 2002). Berikut adalah sampel kajian yang terdiri daripada dua orang informan ditemu bual untuk mendapatkan data terperinci:

Rajah 1: jadual senarai informan

| Bil. | Kod | Informan |
|------|------|-------------------------------|
| 1. | IN 1 | Hakim Mahkamah Tinggi Syariah |
| 2. | IN 2 | Hakim Mahkamah Rendah Syariah |

Pengesahtarafan Wali Kelahiran Prematang Menurut Hukum Syarak

Dapatan kajian dalam subtopik ini mendapati bahawa anak yang dilahirkan secara pramatang melalui pernikahan yang sah mendapat hak-hak yang sepatutnya diperolehi sebagai anak sah taraf. Anak kelahiran pramatang tersebut memiliki kelayakan untuk menjadi wali kerana dia dinasabkan kepada ayah kandungnya sebagai pemilik firasy melalui pernikahan yang sah.

Pengesahtarafan wali bertitik tolak daripada kesahatarafan seorang anak. Ia merupakan asas kepada perbincangan pengesahtarafan wali. Apabila sabitnya nasab ke atas individu, maka sabitlah juga hak-hak yang diberikan ke atasnya seperti hak perwalian, nafkah, pewarisan dan hadhanah. Pensabitan nasab diperolehi melalui firash iaitu hubungan perkahwinan. Hal ini berdasarkan kepada hadith nabi SAW yang bermaksud:

“Anak itu dinasabkan kepada lelaki yang mempunyai al-firash. (hampan, iaitu perkahwinan atau pemilikan hamba), manakala lelaki yang berzina akan mendapat al-hajar (kekecewaan, yakni tidak mendapat nasab anak itu).” (al-Bukhari: 6818)

Berdasarkan hadith di atas, konsep *al-walad lil firasy* membawa maksud nasab diperoleh melalui jalan perkahwinan. Menurut 'Allusy (2018), seorang anak hendaklah dinasabkan kepada ayahnya setelah berlaku *al-firasy* iaitu perkahwinan. Apabila sabitnya perkahwinan maka sabitlah juga nasab ke atas anak tersebut. Syarat yang digariskan oleh jumhur fuqaha ialah tempoh kelahiran anak tersebut hendaklah sekurang-kurangnya enam bulan dua *lahzah* dari umur perkahwinan atau tidak melebihi empat tahun (Ibrahim, 2007). Asas kepada pandangan ini adalah kompromi (*al-jam'*) antara dua ayat al-Quran iaitu Surah Al-Ahqaf ayat 15 dan Surah Luqman ayat 14. Kedua-dua ayat tersebut menjelaskan tempoh kandungan dan penyusuan seseorang perempuan berlangsung selama tiga puluh bulan manakala tempoh penyusuan seorang anak adalah selama 24 bulan. Apabila ditolak tempoh menyusu dan kandungan daripada kedua-dua ayat tersebut maka tempoh yang berbaki adalah sebanyak enam bulan. Jumlah ini menjadi asas kepada tempoh minimum seorang wanita mengandung menurut pandangan fuqaha' (al-Sarakhsy, 1989).

Namun begitu, hal ini berbeza bagi kelahiran bayi pramatang di mana anak tersebut lahir melalui pernikahan yang sah tetapi hanya dilahirkan kurang daripada tempoh minima enam bulan qamariah dua lahzah mengikut ketetapan jumhur fuqaha. Menurut Ahmad Irfan (2013), tempoh enam bulan dua lahzah pada kebiasaannya merujuk kepada kelahiran normal oleh seorang wanita. Hal ini tidak menolak kemungkinan bahawa terdapat kes kelahiran bayi pramatang yang dilahirkan kurang daripada tempoh enam bulan yang masih boleh diselamatkan. Sebagai contohnya, bayi yang dilahirkan dengan berat sekitar 700 gram mungkin berusia kurang daripada enam bulan. Kelahiran seperti ini disebabkan oleh pelbagai faktor seperti jangkitan penyakit yang dialami oleh ibu serta faktor-faktor yang lain. Bayi tersebut perlu diletakkan di dalam inkubator bagi tempoh tertentu untuk dipantau. Kenyataan ini disokong oleh Nurul Hasna' (2023) bahawa kelahiran bayi pramatang berusia kurang dari 24 minggu atau kurang enam bulan dalam kandungan adalah normal di zaman kontemporari. Ia berikutan perkembangan sains dan teknologi perubatan yang membantu memanjangkan jangka hayat bayi pramatang.

Perbincangan berkaitan syarat-syarat perwalian telah dibahaskan secara meluas oleh para fuqaha. Istilah wali dalam konteks perkahwinan merujuk kepada individu yang memiliki kuasa untuk melakukan akad perkahwinan terhadap orang di bawah jagaannya (al-Zuhaily, 2007). Wali merupakan salah satu daripada rukun nikah kerana tanpa wali, sesebuah pernikahan dianggap tidak sah. Pendapat ini telah disepakati oleh jumhur ulama berdasarkan beberapa dalil (Wan Abdul Fattah et al, 2018). Sebagai contohnya hadith Rasulullah saw yang bermaksud:

“Mana-mana wanita yang bernikah tanpa izin walinya, maka nikahnya batal, maka nikahnya batal, maka nikahnya batal, jika ia menggaulinya maka ia berhak mendapat maharya sebagai ganti terhadap apa yang dihalalkan dari kemaluannya, sekiranya mereka bertengkar maka sultan sebagai wali kepada mereka yang tidak mempunyai wali” (H.R. Al-Tirmizi 1975).

Berdasarkan hadith di atas, ia menegaskan bahawa sesuatu perkahwinan itu perlu mendapat keizinan wali. Rasulullah SAW juga mengingatkan bahawa perkahwinan tanpa keizinan wali hukumnya adalah terbatal (Sabiq, 2004). Isu wali yang dilahirkan secara pramatang dapat dilihat menerusi aplikasi kaedah kulliyah keyakinan tidak hilang dengan sebab keraguan (*al-yaqin la yuzalu bi al-syak*). Kaedah ini menjelaskan bahawa sesuatu perkara yang telah diyakini tidak akan terangkat hukumnya semata-mata dengan syak. Hukum asal akan berkekalan sehingga datangnya dalil yang menafikannya. Hal ini boleh dilihat dalam konteks dakwaan pegawai PAID yang mengatakan bahawa abang yang telah menjadi wali kepada kedua adik perempuannya merupakan ATST. Dakwaan tersebut merupakan perkara mendatang yang perlu dibuktikan kebenarannya. Hal ini demikian kerana pada asalnya, abang tersebut dilahirkan oleh ibu mereka melalui hubungan perkahwinan yang sah. Abang tersebut juga telah dibinkan dengan nama ayah kandung mereka. Justeru, pemilik *firash*

(suami), iaitu ayah kandung menerima hak nasab tersebut. Perbandingan tarikh kelahiran wali dan tarikh pernikahan ibu bapa semata-mata tanpa siasatan lanjut oleh pegawai bertugas tidak boleh menjadi satu-satunya kayu ukur dalam pensabitan nasab atau penafian nasab.

Kaedah *al-asl baqa' ma kana ala ma kana* bermaksud sesuatu itu kekal sepertimana keadaan asalnya. Kaedah ini bermaksud apabila wujud keraguan tentang sesuatu perkara, ia hendaklah melaksanakan hukum yang telah sabit pada masa lampau selagi tidak ada hukum lain yang mengubahnya (al-Bahusayn, 2011). Aplikasi kaedah ini boleh dilihat berdasarkan situasi abang yang merangkap wali kepada kedua-dua adiknya kekal sebagai anak sah taraf kerana ia merupakan perkara yang sabit berdasarkan peristiwa lampau. Justeru, adalah kurang wajar pegawai PAID mencadangkan supaya kedua-dua pasangan terus membuat permohonan pembubaran perkahwinan. Hal ini demikian kerana perkara yang menjadi pertikaian ialah berkaitan kesahatarafan abang yang menjadi wali bagi perkahwinan tersebut. Persoalan yang perlu diselesaikan pada awalnya ialah penentuan kesahatarafan abang yang merangkap wali bagi kedua-dua adiknya.

Penasaban anak merupakan tunjang kepada kehormatan manusia. Hal ini demikian kerana Islam melarang seseorang menafikan nasab keturunan. Mengklasifikasikan bayi pramatang sebagai ATST turut menafikan hak-hak lain ke atasnya seperti hak perwalian, pewarisan dan lain-lain. Hal ini selari dengan kaedah *al-tabiiu tabi'* yang bermaksud sesuatu yang mengikuti yang lain hukumnya adalah seperti hukum yang diikuti (Ibn Nujaym, 1999). Pengikut dengan yang diikuti itu secara lazimnya tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Melalui kaedah ini, *al-tabii'* merupakan bapa biologi manakala anak yang terhasil dari persetubuhan dianggap sebagai *al-matbu'* (Masturah, 2019). Seorang anak yang dilahirkan hasil dari persetubuhan yang halal adalah harus untuk dinasabkan kepada bapa biologinya. Berdasarkan kaedah ini, *al-tabii'* adalah halal melalui perkahwinan yang sah maka hasilnya juga iaitu *al-matbu'* hukumnya juga menjadi halal. Justeru, bayi yang dilahirkan secara pramatang dalam perkahwinan yang sah memiliki kelayakan untuk menjadi wali.

Pengesahatarafan Wali Kelahiran Pramatang Menurut Perundangan

Dapatan kajian dalam subtopik ini mendapati bahawa anak yang dilahirkan secara pramatang melalui pernikahan yang sah perlu membuat permohonan pengesahan sah taraf anak di mahkamah tinggi syariah yang berbidangkuasa. Status kelayakannya untuk menjadi wali hanya boleh diputuskan setelah permohonan pengesahan sah taraf dibuat. Sekiranya mahkamah memutuskan status anak tersebut adalah anak sah taraf, maka anak tersebut memiliki kelayakan untuk menjadi wali.

Perbincangan berkaitan kesahatarafan wali berkait rapat dengan kesahatarafan seorang anak. Apabila seorang anak itu digelar sebagai anak sah taraf, maka anak tersebut berhak mendapat hak-hak yang diberikan ke atas anak sah taraf seperti hak perwalian, nafkah, pewarisan dan hadhanah. Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perak) 2004, peruntukan berkaitan kesahatarafan anak boleh dilihat melalui seksyen 111 hingga seksyen 120. Seksyen 111 menyebutkan:

“Jika seseorang perempuan berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada tempoh enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara li'an atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah”.

Berdasarkan seksyen tersebut, kaedah umum yang digunakan dalam menentukan kesahatarafan anak adalah melalui kiraan tempoh enam bulan *qamariah* dari tarikh perkahwinan. Seksyen 3

Undang-Undang Keluarga Islam (Perak) 2004 memberi tafsiran berhubung ATST: “Tak sah taraf, berhubung dengan seseorang anak, ertinya di luar nikah dan bukan anak daripada persetubuhan syubhah”.

Melalui tafsiran tersebut, dapat difahami bahawa anak yang dilahirkan dalam perkahwinan yang sah tidak dianggap sebagai ATST. Namun begitu, tafsiran berkaitan pramatang tidak disebutkan secara khusus dalam seksyen 111 tersebut. Wujud *lacuna* atau kelompongan dalam menentukan status anak kelahiran pramatang yang dilahirkan dalam perkahwinan yang sah tetapi tempoh kelahirannya kurang daripada enam bulan *qamariah*. Sekiranya tafsiran dalam seksyen tersebut jelas, jika berlaku kes-kes yang melibatkan kelahiran pramatang, ia berkemungkinan tidak perlu melalui prosedur permohonan pengesahatarafan anak di mahkamah. Enakmen undang-undang syariah secara asasnya digubal berdasarkan ketetapan hukum syarak. Namun begitu, sekiranya wujud *lacuna* dalam undang-undang tersebut, maka ia kembali kepada ketetapan hukum syarak yang asal. Justeru, dalam kes kelahiran bayi pramatang, maka ia berbalik kepada hukum syarak dalam menentukan status kesahatarafannya. Menurut IN 1 dan IN 2:-

IN 1: “Dari segi undang-undang syariah kita, dia memang ikut syarak, Cuma kalau ada *lacuna*, baru kita rujuk kitab-kitab dan berbalik pada hukum syarak”.

IN 2: “Mahkamah dalam seksyen 3 bawah tafsiran setiap seksyen. Pramatang tidak dibincangkan. Ada *lacuna* di situ kerana ia merupakan kes-kes terpencil”.

Berdasarkan kes yang di bawa dalam perbincangan kajian ini, faraq perkahwinan berlaku apabila pegawai di PAID membuat perbandingan melalui tarikh kelahiran wali dan tarikh perkahwinan kedua ibu bapa wali tersebut. Melalui perbandingan tersebut, tempoh yang dikenalpasti ialah selama 157 hari sahaja iaitu kurang daripada enam bulan *qamariyyah*. Pegawai di PAID mengarahkan agar pihak-pihak membuat permohonan faraq nikah di mahkamah syariah kerana mendakwa wali yang telah menikahkan kedua-dua adiknya merupakan ATST. Melalui kes ini, terdapat dua persoalan utama yang perlu diselesaikan. Persoalan pertama ialah berkaitan permohonan pengesahan nasab yang terletak di bawah bidangkuasa mahkamah tinggi syariah dan isu kedua ialah berkaitan faraq nikah yang terletak di bawah bidangkuasa Mahkamah Rendah Syariah. Menurut Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Negeri Perak No. 3 Tahun 2012, permohonan faraq nikah bagi kes pengesahan nikah bukan poligami hendaklah difailkan dan didengar di Mahkamah Rendah Syariah manakala permohonan faraq bagi kes pengesahan nikah berpoligami hendaklah difailkan di mahkamah tinggi syariah.

Status kedudukan wali yang dilahirkan secara pramatang tidak boleh disabitkan sebagai ATST ataupun anak sah taraf sehinggalah pengesahatarafan anak difailkan di mahkamah tinggi syariah yang berbidangkuasa. Pihak PAID sepatutnya melihat isu yang berlaku adalah di pihak wali itu sendiri.. Hal ini demikian kerana pertikaian yang berlaku ialah berkaitan status kesahatarafan wali tersebut. Justeru, wali tersebut perlu membuat pengesahan status bagi dirinya terlebih dahulu sebelum memohon faraq nikah untuk kedua-dua adiknya. Wali tersebut tidak boleh mendakwa dirinya adalah anak sah taraf selagi mana belum diputuskan oleh mahkamah. Sekiranya statusnya adalah sah taraf, maka perkahwinan kedua-dua adiknya tidak perlu difarapkan. Mahkamah tidak boleh memfaraqkan pernikahan tersebut selagi mana isu berkaitan status abang belum diketahui. Sekiranya permohonan faraq telah dibuat, permohonan tersebut boleh ditarik semula oleh pemohon. Menurut IN 1 dan IN 2:-

IN 1: “Sepatutnya wali perlu bertindak dulu. Dia kena buka status diri dia dulu. Pada kebiasaannya, mahkamah akan *hold* dulu dan selesaikan dulu berkaitan status taraf anak tersebut. Sekiranya dia disahkan sebagai anak sah taraf, permohonan faraq nikah tersebut boleh ditarik semula”.

IN 2: “Tak boleh mudah-mudah faraq nikah. Kena buktikan pengesahan nasab abang terlebih dahulu. Kes tersebut *pending* dahulu. Keputusan hakim untuk faraq nikah bergantung kepada keputusan nasab abang sebab abang itu wali”.

Namun begitu, perintah faraq nikah sementara boleh berlaku dalam beberapa keadaan. Sebagai contohnya, dalam kes perempuan melarikan diri dari wali, bapa perempuan boleh membuat permohonan faraq nikah di mahkamah. Sekiranya nikah tersebut didapati sah, maka faraq tersebut boleh terbatal adapun jika sebaliknya, maka faraq tersebut berlaku selama-lamanya (IN 1, 2024). Berdasarkan temu bual yang dijalankan, informan berpandangan bahawa permohonan faraq nikah sementara boleh dilaksanakan sementara menunggu keputusan mahkamah berkaitan pengesahan sah taraf abang yang menjadi wali pernikahan tersebut. Dalam kes biasa, permohonan pengesahan taraf anak pada kebiasaannya dibuat oleh kedua ibu bapa. Laporan perubatan dari pihak hospital merupakan bukti keterangan bahawa anak tersebut dilahirkan secara pramatang selain dari pengakuan yang dibuat oleh kedua ibu bapa. Namun begitu, apabila pengesahatarafan dibuat dalam keadaan kedua-dua ibu bapa pemohon sudah tiada, saudara mara yang terdekat seperti ibu dan bapa saudara boleh hadir sebagai saksi bagi mengesahkan bahawa anak tersebut dilahirkan dalam perkahwinan yang sah. Menurut IN 2:-

IN 2: “Mahkamah ambil keterangan pihak-pihak dan mahkamah soal sampai mahkamah berpuas hati. Mahkamah dengar dulu, ambil fakta dan buat pertimbangan. Surat beranak menjadi satu beban pembuktian. Bayi pramatang perlu dilampirkan laporan perubatan bahawa dia tak cukup bulan”.

Pengesahatarafan anak yang dilahirkan secara pramatang merupakan kes yang jarang berlaku di mahkamah. Namun, terdapat beberapa kes yang dilaporkan berlaku susulan situasi coronavirus 2019 yang melanda dunia amnya dan Malaysia khususnya. Ibu mengandung yang dijangkiti coronavirus 19 perlu melahirkan anak ketika usia kandungan belum mencapai tempoh matang bagi menyelamatkan nyawa ibu dan anak tersebut (IN 1, 2024). Kedua ibu bapa akan membuat pengesahan sah taraf anak tersebut di mahkamah. Bagi kes tersebut, mahkamah pada kebiasaannya akan mensabitkan anak tersebut sebagai anak sah taraf melalui keterangan yang dibuat oleh kedua ibu bapa dan laporan perubatan. Pengesahan taraf anak tersebut penting untuk dilaksanakan bagi mengelakkan masalah-masalah yang tidak diingini timbul di kemudian hari. Hal ini boleh memberi kesan apabila melalui proses permohonan pernikahan yang melibatkan keperluan wali. PAID akan melihat semula perbandingan tempoh tarikh nikah kedua ibu bapa dan tarikh kelahiran anak tersebut seperti kes yang dibawa dalam perbincangan kajian ini. Menurut IN 1:-

IN 1: “Isu covid, memang doktor arahkan untuk bersalin. Tapi dia berlaku dalam perkahwinan dan ada surat doktor. Doktor ambil keputusan untuk dibersalinkan. Jadi ibu ayah buat pengesahatarafan. JPN maklumkan tidak cukup bulan. Jadi mahkamah sahkan anak tersebut adalah anak sah taraf dan boleh dibinkan dengan bapa”.

Walaupun mahkamah telah membubarkan perkahwinan kedua-dua pasangan tersebut dan anak-anak yang dilahirkan bertukar status sebagai AWS, pihak-pihak masih boleh memohon rayuan ke peringkat mahkamah yang lebih tinggi. Secara asasnya, tempoh rayuan boleh dibuat dalam tempoh 14 hari selepas penghakiman diputuskan. Sekiranya tempoh rayuan telah tamat, pemohon boleh membuat permohonan melanjutkan tempoh rayuan di mahkamah tinggi. Namun begitu, sekiranya rayuan dibuat dalam tempoh 14 hari, pemohon boleh membuat permohonan untuk membekukan perintah atau penangguhan pelaksanaan bagi membolehkan pihak-pihak membuat rayuan (IN 1, 2024). Sekiranya terdapat keperluan untuk dibicara semula, maka hakim akan memanggil pihak-pihak untuk memberikan keterangan tambahan. Mahkamah juga boleh membatalkan perintah faraq yang telah diputuskan oleh mahkamah sebelumnya. Mahkamah yang lebih tinggi akan menilai

keputusan hakim sama ada perbicaraan tersebut mengikut prosedur atau hakim telah terkhilaf dalam memberi keputusan atau wujud keterangan yang tidak diambil sebelumnya. Menurut IN 1 dan IN 2:-

IN 1: “Walaupun mahkamah dah perintahkan untuk faraq, pihak-pihak boleh membuat rayuan. Tempoh rayuan 14 hari. Kalau lebih boleh mohon di mahkamah tinggi untuk lanjut tempoh. Kalau dalam tempoh 14 hari, dia mohon untuk bekukan perintah bagi membolehkan rayuan”.

IN 2: “Boleh buat rayuan, permohonan kebenaran melanjutkan tempoh rayuan dan permohonan untuk membuat rayuan untuk kes ini. Kes ini terus ke faraq nikah. Hakim bicara mungkin tidak memahami tentang kejadian berlaku disebabkan pramatang”.

Kesimpulannya, anak kelahiran pramatang perlu membuat permohonan pengesahan sah taraf di mahkamah syariah. Permohonan tersebut boleh dibuat oleh kedua ibu bapanya atau diri mereka sendiri. Walaupun anak tersebut dilahirkan dalam perkahwinan yang sah, ia tidak menolak kemungkinan akan wujudnya pertikaian pada masa akan datang terhadap status anak tersebut. Permohonan pengesahan nasab sebaiknya dilaksanakan terlebih dahulu sebelum membuat perintah faraq kepada pasangan yang telah dinikahkan oleh wali kelahiran pramatang. Secara tidak langsung, pengesahan nasab tersebut dapat menjadi rujukan kepada hakim untuk membuat pertimbangan dalam memutuskan sesuatu keputusan. Hal ini demikian kerana keputusan faraq nikah tersebut bergantung kepada pengesahan nasab anak terlebih dahulu. Sebelum penghakiman dibuat, pihak-pihak boleh membawa apa-apa bentuk keterangan yang boleh membantu hakim untuk membuat keputusan. Pihak PAID tidak seharusnya mengarahkan pihak-pihak terus membuat permohonan faraq di mahkamah sebaliknya perlu melihat isu pokok yang perlu ditangani terlebih dahulu iaitu pengesahan status wali tersebut. Pihak mahkamah juga perlu mencadangkan kepada pihak-pihak untuk membuat pengesahan sah taraf terlebih dahulu sebelum memerintahkan faraq nikah kepada pihak-pihak.

Kesimpulan

Tuntasnya, anak yang dilahirkan secara pramatang dalam perkahwinan yang sah di sisi syarak merupakan anak sah taraf. Menurut undang-undang, anak yang dilahirkan secara pramatang sebelum mencapai enam bulan *qamariah* perlu membuat pengesahan sah taraf di mahkamah yang berbidangkuasa. Hal ini bagi mengelakkan wujudnya pertikaian berkaitan status anak tersebut pada masa akan datang. Kelazimannya, pengiraan sah taraf anak hanya bergantung kepada perbandingan tarikh nikah kedua ibu bapa dan tarikh lahir anak. Hal ini dibuktikan apabila pegawai di PAID hanya melihat kepada perbandingan kedua-dua tarikh tersebut dan mendakwa anak tersebut adalah ATST. Perbandingan tempoh semata-mata tidak wajar untuk menentukan status sah taraf seseorang. Justeru, konsep tabayyun hendaklah diterapkan agar permohonan yang dibuat diselidik dengan terperinci sebelum menimbulkan sebarang dakwaan. Kajian mencadangkan agar wujudnya tafsiran khusus bagi kelahiran pramatang dalam enakmen undang-undang keluarga bagi mengelakkan berlakunya pertikaian dalam kes-kes melibatkan kelahiran pramatang. Keperluan prosedur khusus berkaitan permohonan pengesahan sah taraf kelahiran secara pramatang juga perlu dilaksanakan. Kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan melihat sejauh manakah konsep tabayyun dilakukan oleh pihak mahkamah dan Jabatan Agama Islam Negeri dalam mengendalikan kes-kes seperti ini.

Rujukan

- 'Allusy, A. A (2018). *Ibanah Al-Ahkam Syarah Bulugh Al-Maram*. Dar al-Ilmiah li an-Nasyr wa al-Tajlid.
- Ahmad Irfan, I. H. (2013, Ogos 27-29). Kaedah Hitungan Enam Bulan Dua Lahzah Mengikut Taqvim Hijriy Untuk Penentuan Status Sah Nasab Serta Beberapa Furu' Masa'il. *Muzakarah Falak JAKIM*. <https://core.ac.uk/download/pdf/159179895.pdf>
- Al-Bahusayn, Y. A. W. (2011). *Al-mufasssal fi al-qawaid al-fiqhiyyah*. Dar al-Tadmuriyyah
- Al-Bukhari, M. I. (2001). *Sahih bukhari*. Vol. 4. Dar al-Tuq al-Najah.
- Creswell, J. W. (2002). *Research design: qualitative and quantitative approaches*. (n.d.) United Kingdom Sage, London.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perak) 2004
- Ibn Nujaym, S. (1999). *Al-asybah al-naza'ir al mazhab wa turuq al-istinbat fi al-tasyri' al-Islamiy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibrahim, D. (2007). *Manar al-sayl fi syarh al-dalil*. Dar al-Nafa'is.
- Masturah, K. (2019). Penasaban Anak Tak Sah Taraf Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *Latihan Ilmiah*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Nurul Hasna', H. (2023). *Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan: kajian terhadap keperluan pelaksanaannya berasaskan fatwa jawatankuasa fatwa negeri Perlis*. (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan) Universiti Utara Malaysia.
- Patton, Q. M. (2002). *Qualitative evaluation methods*. Sage Publication.
- Sabiq, S. (2004). *Fiqh al-sunnah*. Dar al-Hadis.
- Al-Sarakhsiy, S. (1989). *Al-Mabsut*. Jil. 6. Dar al-Ma'rifah.
- Tetuan Nur & Muim Farhana. (2022). *Fail Penghakiman Kes 10023-042-XXXX-2022 & 10023-042-XXXX-2022*. Associates Peguam Syarie Plaintiff.
- Al-Tirmizi, M. (1975). *Sunan al-tarmizi*. Al-Qaherah: Matba'ah al-Bab al-Halabi.
- Wan Abdul Fattah, W. I., Hanizam, H., Syahirah, A. S., & Asma, H. (2018). Faraq perkahwinan bagi pasangan tak sah taraf di Negeri Sembilan. *International Journal of Islamic Thought*.
- Al-Zuhailiy, W. (2007). *Al-Fiqh Al-Islamiyy Wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

Pengetahuan, Sikap dan Motivasi terhadap E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Universiti

Knowledge, Attitudes and Motivation towards E-Learning among University Students

Mariani, O. (Corresponding author)

Jabatan Sains Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial
Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Bukit Chandan, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia. Tel: +6017-3729156
E-mail: mariani@usas.edu.my

Nur Afiqah, M.

Jabatan Sains Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial
Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Bukit Chandan, 33000
Kuala Kangsar, Perak, Malaysia. Tel: +601119363016.
E-mail: afiqahmarop00@gmail.com

Abstrak

Kemunculan teknologi dan perkembangan multimedia digital dalam sistem pendidikan telah membentuk inovasi pembelajaran, pengajaran dan pentadbiran berteknologi sebagai pengukur agenda. E-pembelajaran berfokus pelajar yang menggunakan platform digital seperti Google Classroom, Google Meet, Zoom, Schoology dan Edmodo merupakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajara. Objektif kajian untuk mengenal pasti pengetahuan, sikap dan motivasi terhadap e-pembelajaran dalam kalangan pelajar. Reka bentuk kuantitatif jenis tinjauan, menggunakan soal selidik. Sampel kajian, 200 pelajar Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP), Ipoh. Analisis statistik dan dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara pengetahuan dengan e-pembelajaran ($r=.493$) pengetahuan dan sikap ($r=.366$), pengetahuan dan motivasi ($r=.270$) dan sikap dan motivasi ($r=.693$) sikap dan e-pembelajaran ($r=.621$) serta motivasi dan e-pembelajaran ($r=.469$). Dapatan kajian menunjukkan bahawa e-pembelajaran penting dan perlu dipertingkatkan mengikut keperluan bagi memastikan pembelajaran dalam talian dapat dijalankan dengan baik dengan mengambil kira capaian internet yang baik. Dicapai untuk kajian akan datang mengkaji kesediaan dan komitmen pensyarah dan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Kesimpulannya, dapatan kajian memberi implikasi kepada pihak pengurusan universiti supaya cakna terhadap perkembangan pelajar dan penggunaan aplikasi teknologi terkini serta memastikan lonjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan (Pengajian Tinggi) 2015-2025 yang menekankan bahawa pendidikan dalam talian mesti mencapai tahap global.

Kata Kunci: Pengetahuan; Sikap; Motivasi; E-Pembelajaran.

Pengenalan

Kemajuan dan revolusi teknologi komputer serta internet telah mengubah cara pandang dan berfikir terhadap kecepatan dalam penyampaian, menerima dan mengolah suatu informasi. Perubahan ini menjadi sangat penting dalam rangka memajukan dunia pendidikan. Nor Aziah dan Mohd Taufik (2016) telah menjelaskan pemberian autonomi yang luas kepada sekolah atau pengurusan pendidikan berinovasi bagi pengembangan kurikulum dan model pembelajaran serta layanan sistem informasi komputer dan internet. Kecekapan dan pengetahuan yang dipamerkan oleh segelintir rakyat Malaysia

sangat holistik semasa mengaplikasikan teknologi secara efisien dan sistematik (Saleh & Rosli, 2020).

Abdul Rabu dan Hussin (2018), Shahrul Nazmi, et al. (2019) dan Samsul Juwait dan Siew, (2022) menjelaskan bahawa sektor pendidikan merupakan antara sektor yang banyak menggunakan platform dan indikator komunikasi serta pendekatan interaksi atas talian. Kepelbagaian aplikasi sistem dan juga platform menyebabkan guru dan pensyarah semakin menggiatkan teknik pembelajaran berasaskan mod campuran. Terdapat institusi yang mewajibkan warga pendidik menggunakan sistem pengajaran dan pembelajaran secara mod campuran atau *blended learning*. Mod campuran menampakkan kemampuan untuk membantu sebarang masalah dan kemungkinan di luar jangkaan (Chee et al., 2024). Fenomena wabak COVID-19 telah menyebabkan seluruh warga pendidik menggunakan mod pembelajaran dalam talian yang kondusif secara maksimum demi memastikan pembelajaran dan hasil pembelajaran kekal tercapai dan dijalankan dengan baik (Ummi Munirah et al., 2022).

Melalui platform digital penggunaan internet dan peranti elektronik, pelajar lebih mudah untuk mengakses segala maklumat yang diperlukan oleh mereka. Selain itu, platform ini memudahkan pelajar untuk berkongsi maklumat serta pengetahuan bersama pelajar lain di media sosial (Fazillah & Tengku Nurhudah, 2020). Dhawan (2020) turut menjelaskan pembelajaran atas talian adalah sebagai pengalaman pembelajaran dalam persekitaran asinkroni atau sinkroni iaitu dengan menggunakan pelbagai peranti dan turut mempunyai akses kepada internet. Ini telah memberi gambaran bahawa pembelajaran atas talian boleh berlaku dalam pelbagai keadaan dan di mana sahaja. Platform media sosial ini juga amat membantu pelajar terutamanya dalam pembelajaran secara jarak jauh (Qolbi & Pratamawaty, 2022). Meskipun berada di luar kawasan kampus, pelajar tetap dapat menghadiri kuliah seperti biasa dengan cara mengakses aplikasi Google Meet, Zoom, Google Classroom dan sebagainya (Noor Desiro & Hazrati, 2021).

Seterusnya Yoon et al. (2012), menerangkan bahawa perkembangan teknologi membolehkan pembelajaran digital yang diklasifikasikan dengan pelbagai terminologi yang berbeza termasuklah pembelajaran berasaskan web, pembelajaran atas talian, internet dan juga pembelajaran jarak jauh. Rangkaian pembelajaran ini berasaskan komputer, bilik darjah maya dan kerjasama digital (Abdul Aziz & Aida Zuraina, 2020). Oleh itu e-pembelajaran merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi yang bertujuan untuk memudahkan para pendidik dan pelajar. Kaedah e-pembelajaran ini akan berjalan dengan lebih mudah apabila para pendidik dan pelajar mempunyai rangkaian akses internet yang bagus. Keperluan internet amat penting kerana akan memudahkan para pelajar dan pendidik berinteraksi di alam maya serta dapat menyampaikan maklumat dengan lebih meluas (Nur Fatin Ashikin et al., 2020).

Laman Youtube merupakan salah satu media sosial yang amat popular dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda. Laman sosial Youtube juga telah digunakan sebagai salah satu medium pengajaran dan pembelajaran selain daripada digunakan untuk video peribadi, komersial dan sebagainya (Taat et al., 2022). Zamri dan Anita (2020) berpandangan bahawa pembelajaran menerusi aplikasi Youtube dapat membantu para pelajar memahami sesuatu informasi itu dengan mudah kerana terdapat banyak contoh yang boleh digunapakai serta memudahkan pelajar untuk menguasainya (Aini Salwati, 2021). Di samping itu, Youtube turut boleh dihubungkan dengan aplikasi rangkaian laman web yang lain. Misalnya seperti *wiki*, *blogs* dan sebagainya. Secara tidak langsung ia memberi keberkesanan pembelajaran dengan mendapat maklumat dengan pantas. Menurut Norul Naim et al. (2021), laman sosial Youtube dapat meningkatkan suasana pembelajaran yang lebih kreatif dan menyeronokkan. Ia juga dapat membekalkan maklumat pendidikan yang sangat efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Taat et al., 2022).

Ekoran penularan virus COVID-19 semua pergerakan menjadi amat terhad (Fazillah & Tengku Nurhudah, 2020). Oleh itu, institusi pendidikan mula melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian, urusan pentadbiran juga kebanyakannya dilakukan dari rumah (Ainul Nadzifah et al., 2022). Pengubahsuaian modul pembelajaran mengikut kesesuaian perubahan penyampaian. Kajian oleh Bahtiar et al., (2020) penyelesaian dalam pendidikan yang telah dilaksanakan dalam usaha menangani cabaran pandemik COVID-19 untuk mengubah fokus pembelajaran daripada pembelajaran tradisional secara bersemuka kepada secara atas talian (Zamri & Anita, 2020). Manakala sumber digital video, visual, peta dan dokumen masih kurang dieksploitasi untuk proses modul pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam bilik darjah (Anuar & Nelson, 2015; Fazillah & Tengku Nurhudah, 2020; Norapiah & Nor Syahilia, 2021). Kemudahan infrastruktur iaitu akses kepada talian internet dan pemilikan peralatan komputer merupakan satu keperluan asas yang perlu ada bagi setiap pelajar untuk memastikan pendigitalan pendidikan tinggi dapat dilaksanakan pada tahap optimum untuk meningkatkan motivasi para pelajar (Hamdani, 2021; Nanang et al., (2021). Isu ini dilihat telah dan sedang ditangani oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu menerusi inisiatif yang digariskan dalam Pelan Pendigitalan Pendidikan Tinggi Negara untuk membentuk pembelajaran koperatif, (Hazwani et al., 2016; Sumarni & Zamri, 2018; Siti Nor Lailiyah et al., 2021; M. Sahrul Nizam & Muhamad Suhaimi, 2020; Ummi Munirah et al., 2022).

Realiti kehidupan sekarang, media sosial telah muncul sebagai platform dan aplikasi yang banyak memudahkan urusan kehidupan harian pelajar. Menyedari hakikat dan kelebihan ini, peranan media sosial semakin dipertingkatkan dan mengalami proses transformasi sejajar dengan keperluan dan pengkhususan masa kini. Kualiti penggunaan internet juga semakin diperbaharui dan banyak talian internet di Malaysia mampu dimiliki dan setimpal dengan perkhidmatan yang disediakan. Kaedah pembelajaran secara atas talian banyak dipengaruhi oleh teknologi, sikap pelajar, motivasi dalam mengikutinya sehingga ke persediaan kandungan bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran oleh pendidik. Perkongsian sumber ilmiah dan bahan pembelajaran secara sama di laman media sosial memudahkan pelajar untuk mengakses dan menjimatkan kos untuk membeli bahan pembelajaran tersebut. Kajian ini amat penting untuk dilaksanakan dengan objektif untuk mengenal pasti pengetahuan, sikap dan motivasi e-pembelajaran dalam kalangan pelajar.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif jenis tinjauan, insrumen soal selidik untuk mengumpul data. Populasi kajian melibatkan pelajar di Universiti Kuala Lumpur di Ipoh (Royal College Medicine of Perak, UniKL RCMP, fakulti perubatan tahun pertama dan kedua seramai 1500. Sampel kajian ialah seramai 200 orang, 72 responden lelaki (36.0%) dan 128 responden perempuan (64.0%). Soal selidik mengandungi maklumat responden mengenai latar belakang, pengetahuan, sikap dan motivasi pelajar terhadap e-pembelajaran. Soal selidik ada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A, demografi, bahagian B tahap pengetahuan e-pembelajaran ada 8 item. Bahagian C mengenai sikap kesediaan ada 9 item. Bahagian D tentang motivasi ada 7 item, menggunakan skala 5 likert yang terdiri daripada 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (sederhana setuju), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju). Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan umur responden, 155 orang (77.5%) 18 hingga 20 tahun, 45 orang (22.5%) 21- 23 tahun. Bangsa, 183 orang (91.5%) Melayu, 8 (4.0%) Cina, 7 orang (3.5%) India dan 2 orang (1.0%) lain-lain. Agama 183 orang (91.5%) Islam, 8 (4.0%) Hindu, 5 (2.5%) Buddha dan 4 (2.0%) lain-lain. Program pengajian 108 (54.0%) Medicine Bachelor dan 1 orang (0.5%), Bachelor

of Surgery, 41 orang (20.5%) Pharmacy dan 25 orang (12.5%) Pharmatech, 10 orang (5.0%) Physiotherapy, 7 orang (3.5%) Nursing, 4 orang (2.0%) Medical Imaging dan 4 orang (2.0%) Asasi. Soal selidik mengandungi maklumat mengenai latar belakang responden, pengetahuan, sikap dan motivasi pelajar terhadap e-pembelajaran bahawa tahap pengetahuan e-pembelajaran dengan nilai min tinggi iaitu $m=4.44$. Tafsiran skor min rendah iaitu 1.00 –2.33, sederhana 2.34 –3.66 dan tinggi 3.67 –5.00. Ini jelas bahawa aspek-aspek seperti pengetahuan, sikap, kesedaran dan minat mempengaruhi kesediaan pelajar menggunakan e-Pembelajaran. Manakala motivasi dengan min ($m=2.44$) dan sisihan piawai ($sd=0.791$) pelajar terhadap e-Pembelajaran berada pada tahap yang sederhana. Banyak faktor yang mempengaruhi penerimaan sistem pengurusan pembelajaran antaranya penggunaan *wifi* di dalam kelas, kekurangan latihan dan pendedahan, pengaruh rakan sebaya, minat, sikap dan kelajuan internet.

Jadual 1: Hubungan tahap pengetahuan dengan e-pembelajaran

| Pemboleh Ubah | Pearson Correlation | Sig. (2-tailed) |
|------------------------------------|---------------------|-----------------|
| Pengetahuan Pelajar E-Pembelajaran | .493** | 0.005 |

Jadual 1 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan ($r=.493^{**}$, $p<.005$) antara pemboleh ubah tahap pengetahuan dengan e-pembelajaran.

Jadual 2: Hubungan Tahap Pengetahuan dengan Sikap

| Pemboleh Ubah | Pearson Correlation | Sig. (2-tailed) |
|-----------------------------------|---------------------|-----------------|
| Pengetahuan Pelajar Sikap Pelajar | .366** | 0.005 |

Jadual 2 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan ($r=.366^{**}$, $p<.005$) antara pemboleh ubah tahap pengetahuan dengan sikap. Sikap pelajar itu sendiri ada motivasi dan dorongan daripada ibu bapa juga menjadi faktor mengakibatkan tahap kesediaan seseorang pelajar.

Jadual 3: Hubungan Tahap Pengetahuan dengan Motivasi

| Pemboleh Ubah | Pearson Correlation | Sig. (2-tailed) |
|--------------------------------------|---------------------|-----------------|
| Pengetahuan Pelajar Motivasi Pelajar | .270** | 0.005 |

Jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan ($r=.270^{**}$, $p<.005$) antara pemboleh ubah tahap pengetahuan dengan motivasi. Pelajar perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu ini kerana ia akan menjadi satu peluang kepada pelajar dalam mendalami pengetahuan dari segi teknologi yang akan membantu mempelbagaikan corak pembelajaran dalam era pandemik COVID19 ini demi kelangsungan sesi pembelajaran yang berkesan.

Jadual 4: Hubungan Sikap dengan Motivasi

| Pemboleh Ubah | Pearson Correlation | Sig. (2-tailed) |
|--------------------------------|---------------------|-----------------|
| Sikap Pelajar Motivasi Pelajar | .693** | 0.005 |

Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan ($r=.693^{**}$, $p<.005$) antara pemboleh ubah sikap dengan motivasi.

Jadual 5: Hubungan Sikap dengan E-Pembelajaran

| Pemboleh Ubah | Pearson Correlation | Sig. (2-tailed) |
|------------------------------|---------------------|-----------------|
| Sikap Pelajar E-Pembelajaran | .621** | 0.005 |

Jadual 5 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan ($r=.621^{**}$, $p<.005$) antara pemboleh ubah sikap dengan e-pembelajaran. Tahap kesediaan penerimaan pembelajaran arahan sendiri pelajar berada paras tahap yang sederhana. Faktor sistem dan sikap individu pengguna mempengaruhi penerimaan dan penyerapan penggunaan teknologi e-pembelajaran.

Jadual 6: Hubungan Motivasi dengan E-Pembelajaran

| Pemboleh Ubah | Pearson Correlation | Sig. (2-tailed) |
|---------------------------------|---------------------|-----------------|
| Motivasi Pelajar E-Pembelajaran | .469** | 0.005 |

Jadual 6 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan ($r=.469^{**}$, $p<.005$) antara pemboleh ubah sikap dengan e-pembelajaran. Hubungan ini berlaku secara positif, semakin tinggi motivasi, maka semakin bertambahlah penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran.

Perbincangan

Kajian ini telah memberi fokus kepada matlamat mengenal pasti pengetahuan, sikap dan motivasi terhadap e-pembelajaran dalam kalangan pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa pengetahuan, sikap, motivasi dan e-pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan antara satu sama lain. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat segelintir pelajar begitu bermotivasi semasa menghadiri pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian kerana ada dorongan motivasi dan begitu aktif mengikuti PdP (Tio Prasetio & Reni Hariyani, 2020). Tambahan pula ada kerjasama daripada ibu bapa memberi sokongan dan dorongan kepada pelajar untuk meneruskan PdP. Analisis inferensi jelas menunjukkan faktor kemudahan internet, pekerjaan ibu bapa dan pendapatan ibu bapa telah mempengaruhi tahap kesediaan pelajar serta menjadi tunjang utama berlakunya kekangan yang dihadapi oleh pelajar. Walau bagaimanapun, pengukuran terhadap tahap kesediaan pelajar dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar ketika penggunaan e-pembelajaran sebagai medium pembelajaran secara dalam talian amat berkait dengan pengetahuan, sikap, dan motivasi. Setiap pelajar tidak mengira jantina sama-sama menerima proses PdP penggunaan media digital oleh pensyarah. Dari aspek hubungan, jelas menunjukkan terdapat hubungan yang positif walaupun lemah antara penggunaan media digital dengan sikap akademik pelajar. Secara keseluruhannya, kajian ini dapat memberikan gambaran baru dan jelas terhadap aspek penggunaan media digital oleh pensyarah di dalam bilik darjah dan pengaruhnya terhadap sikap akademik pelajar dalam e-pembelajaran. Isu pencapaian internet, kelajuan jalur lebar yang kurang menyeluruh, gangguan persekitaran dan sebagainya menjadi faktor yang mempengaruhi tahap kesediaan pelajar untuk belajar atas talian.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya pengetahuan, sikap, motivasi dan e-pembelajaran dalam kalangan para pelajar UniKL RCMP, Ipoh berada pada keadaan yang baik. Kajian ini amat penting dari segi perkembangan dunia pendidikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa motivasi dan penerimaan terhadap e-pembelajaran pada tahap yang sederhana. Banyak faktor yang mempengaruhi keadaan ini iaitu faktor sistem dan sikap individu pengguna mempengaruhi penerimaan dan penyerapan penggunaan teknologi e-Pembelajaran. Kajian ini juga menunjukkan bahawa motivasi pelajar

memberi kesan yang besar terhadap penerimaan e-pembelajaran. Sistem pengurusan pembelajaran telah ditambah baik dengan pelbagai platform. Masih banyak lagi penerokaan yang mesti dilakukan tentang penggunaan e-pembelajaran ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan sistem pengurusan pembelajara. Justeru, perubahan struktur dalam pola pendidikan negara, teknik pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi perlu diterapkan di sekolah dan universiti sama ada agensi awam atau swasta. Oleh itu, dengan adanya hasil kajian ini semoga pihak pengurusan dan pentadbiran lebih peka untuk melakukan pembaharuan terhadap penggunaan aplikasi serta teknologi terkini bersesuaian dan memastikan lonjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan (Pengajian Tinggi) 2015-2025 yang menekankan bahawa pendidikan dalam talian mesti mencapai tahap global.

Rujukan

- Abdul Aziz, I., & Aida Zuraina, M. A. T. (2020). Pembelajaran atas talian: Tinjauan terhadap kesediaan dan motivasi dalam kalangan pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 68-82.
- Abdul Rabu, S.N. & Hussin, H. (2018). QR code utilization in a large classroom: Higher education students' initial perceptions. *Education and Information Technologies*, 23(93), 1-26.
- Aini Salwati, M. Y. (2021). Amalan penggunaan media digital guru-guru di sekolah Orang Asli. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 3, (page 215-227), 2021.
- Ainul Nadzifah, M. A., Siti Syarah, M. T., Shuhaib, S., & Abang Zainal Abidin, A. A. (2022). Motivasi dalam pembelajaran dan pengajaran secara atas talian dan bersemuka: Satu tinjauan terhadap pelajar IKMAS. *Sains Insani*, 72-83. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.volno.449>.
- Anuar, A., & Nelson, J. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 3(2),1-11.
- Bahtiar, R. A., Sham Ibrahim, H. A., Ismail, N. H., & Isa, W. M. (2020). Peranan dan cabaran pemimpin Pendidikan dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan dilestari dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) Covid-19. *Kementerian Pendidikan Malaysia*, 1-23.
- Chee, S. P., Chua, R. H. H., & Yong, K. (2024). Cabaran penggunaan Quizlet dalam pengajaran aksara Cina bagi kursus bahasa Mandarin sebagai bahasa asing di Universiti Malaysia Sabah. *Al-Azkiyaa-International Journal of Language and Education*, 3(1).
- Dhawan, S. (2020). Online Learning: A Panacea in the Time of COVID-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems*, 49(1), 5–22. <https://doi.org/10.1177/0047239520934018>.
- Fazillah, M. I., & Tengku Nurhudah, T. M. K. (2020). The use of ICT in the learning of oral interaction. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 137-149.
- Hamdani. (2021). Peningkatan motivasi belajar dan pengetahuan peserta didik: Penerapan mobile learning pada mata pelajaran pendidikan agama islam. *Jurnal Pendidikan Agama Islam Al-Thariqah*, 6(2), 297–316. [https://doi.org/10.25299/al-thariqah.2021.vol6\(2\).7970](https://doi.org/10.25299/al-thariqah.2021.vol6(2).7970)

- Hazwani, M. N., Noor Raudhiah, A. B., & Norziah, O. (2016). E-pembelajaran dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah*, 1(1), 74-82.
- Nanang, J., Rahman, S., & Surat, S. (2021). Motivasi menggunakan e-pembelajaran dan pencapaian sejarah dalam kalangan pelajar tingkatan 4. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 454-464. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12939>
- Noor Desiro, S., & Hazrati, H. (2021). Google Classroom sebagai pelantar m-pembelajaran: tahap pengetahuan dan tahap kesediaan guru-guru sekolah menengah luar bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 278-292.
- Noorasiah Sulaiman, et. al. (2022). Pengaruh pengetahuan dan kemahiran ICT pekerja berkemahiran rendah terhadap industry 4.0: Kajian Sektor Perkhidmatan Malaysia. *Jurnal Sains Humanika*, 14:3 (2022) 9-19, e-ISSN ISSN: 2289-6996.
- Nor Aziah, A. A. & Mohd Taufik, A. (2016). E-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di IPG Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 11, 116-130.
- Norapiah, A. R., & Nor Syahilia, A. (2021). Minat, motivasi dan penerimaan pelajar-pelajar politeknik terhadap pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian (PDPT) yang dilaksanakan sepanjang pandemik Covid-19. *Journal on Technical and Vocational Education (JTVE)*, Vol 6 No 3 (2021) eISSN: 0128-0821.
- Norul Naim, M., Siti Nurnajah Adilah, R., & Hafisah, T. Kesan Jenis Pembelajaran Dalam Talian Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Pelajar Bagi Subjek Fizik. *Journal of Science and Mathematics Letters*, 9(1), 60–76. <https://doi.org/10.37134/jsml.vol9.1.6.2021>.
- Nur Fatin Ashikin, M.A., Eta Wahab, Alina Shamsuddin, Nor Hazana, A., & Wan Nurul Karimah, W. A. (2020). Hubungan antara sikap dan penerimaan pelajar terhadap amalan pembelajaran atas talian. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 104-113.
- Qolbi, P. P. N., & Pratamawaty, B. B. (2022). Hubungan antara motivasi penggunaan Twitter dengan mobilisasi digital activism oleh mahasiswa. *JRK (Jurnal Riset Komunikasi)*, 13(1), 52-64.
- M. Sahrul Nizam, S., & Muhamad Suhaimi, T. (2020). Pembelajaran koperatif kemahiran 4K dan penggunaan media digital terhadap sikap akademik pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 4, (page 133 - 141).
- N.
- Saleh, N. S., & Rosli, M. S. (2020). Systematic literature review: Online social media interaction in education and employment cluster. *Sains Humanika*, 12(3).
- Samsul Juwait & Siew, N. M. (2022). Pengaruh pengetahuan teknologi pedagogi kandungan dan komitmen terhadap motivasi guru Fizik melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian di Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(45), 422-445.
- Shahrul Nazmi, S., Ibrahim, F., Shaari, A. H., & Subhi, N. (2019). Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40 di sekitar Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 101-118.

- Siti Nor Lailiyah, I., Yusmaria, M. Y., & Zulkurnain, H. (2021). Covid-19: Sikap, motivasi dan halangan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPDT) pelajar kolej komuniti semasa perintah kawalan pergerakan (PKP). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 77-91. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdspd/article/view/16673>.
- Sumarni, L., & Zamri, M. (2018). Tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar tingkatan 4 terhadap penggunaan pembelajaran persekitaran maya VLE Frog dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 53-62.
- Taat, M. S., Talip, R., Kiflee, D. N. A., & Japuni, M. N. M. (2022). Pembelajaran atas talian, media digital dan sikap akademik pelajar: Satu tinjauan di negeri Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001912-e001912.
- Tio Prasetio & Reni Hariyani, (2020). Pengaruh motivasi dalam penggunaan media sosial dan pengetahuan kewirausahaan terhadap minat berwirausaha pada mahasiswa. *Jurnal IKRAITH Ekonomika* 3(3), 94-101. <https://doi.org/10.37817/ikraith-ekonomika.v3i3.1043>.
- Umami Munirah, S. M. Z., Nadzirah, M. F., & Panji Hidayat, M. (2022). Penilaian sikap pelajar terhadap pembelajaran dalam talian semasa pandemik covid-19: Kajian kes di KUIS. *Proceeding of the 9th International Conference on Management and Muamalah 2022*. (338-346). KUIS. e-ISSN: 2756-8938. https://conference.uis.edu.my/icomm/9th/images/e proceeding/icomm9_030.pdf
- Yoon, J., Kwon, S., & Shim, J. E. (2012). Present status and issues of school nutrition programs in Korea. *Asia Pacific Journal of Clinical Nutrition*, 21(1), 128–133.
- Zamri, M., & Anita, A. R. (2020). COVID-19: Impak dalam pengajaran dan pembelajaran. *Dlm. Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman.(Pnyt.) Sistem Pendidikan di Malaysia: Sejarah dan Cabaran Abad Ke-21*, 449-486.

Penilaian Terhadap Kesan Pelaksanaan Model ik-PBM bagi Kursus Pengajian Islam terhadap Pengetahuan, Kemahiran Pemikiran Kritis dan Kemahiran Insaniah

*Evaluation of the Impact of the Implementation of ik-PBM Model for Islamic Studies
Courses on Knowledge, Critical Thinking Skills, and Soft Skills*

Ahmad Fkrudin, M.Y. (Corresponding author)
Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak, Malaysia
Tel: +6019-4485652 E-mail: a.fkrudin@gmail.com

Wan Norina, W.H.
Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak, Malaysia
Tel: +6019-4715652 E-mail: wnnorina@gmail.com

Norhaslina, S.
Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak, Malaysia
Tel: +6016-5557050 E-mail: imtiyazulya46@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan pelaksanaan model ik-PBM bagi kursus pengajian Islam terhadap tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran pemikiran kritis dan kemahiran insaniah pelajar. Metodologi yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif melalui kaedah kuasi-eksperimen. Sampel terdiri daripada 32 orang pelajar dari kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan yang sedang mengambil kursus Pengajian Islam di salah sebuah politeknik di zon tengah. Instrumen yang digunakan berbentuk set soalan ujian, ujian kemahiran kritis dan soal selidik kemahiran insaniah. Data dianalisis secara deskriptif bagi menjelaskan tahap kemahiran insaniah, manakala analisis inferensi yang melibatkan ujian-t diaplikasikan untuk menilai tahap pengetahuan dan kemahiran pemikiran kritis. Data dianalisis menggunakan *IBM Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) versi 27*. Dapatan bagi analisis ujian-t sampel berpasangan terhadap ujian pengetahuan dan kemahiran pemikiran kritis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kawalan, dengan nilai $p .002$ & $.000$ ($p < .05$). Manakala dapatan bagi tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran insaniah pula berada pada tahap yang tinggi ($\text{min} \geq 4.23$) bagi kesemua konstruk dimensi yang dinilai. Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan model ik-PBM memberi kesan yang positif dalam membantu pembangunan nilai dalam diri pelajar. Justeru, bagi memperkembangkan pelaksanaan model ini, pengkaji mencadangkan pembinaan modul PBM yang lengkap dibangunkan.

Kata kunci: Model ik-PBM; Pengetahuan; Pemikiran Kritis; Kemahiran Insaniah

Pendahuluan

Islam menekankan pendidikan yang syumul bagi membentuk generasi umat yang terbaik. Dalam konteks menyampaikan pengajaran dan pembelajaran, para pendidik Muslim seharusnya mempelbagaikan kaedah bagi membantu pelajar dalam menguasai kandungan pelajaran dengan lebih berkesan. Aplikasi kemahiran pedagogi yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW merupakan suri teladan terulung buat para pendidik dalam menyampaikan dakwah dan ajaran Islam (Noorjihan & Ab Halim, 2012). Menurut Mohammad Shatar et al. (2009), sejumlah kemahiran pedagogi Rasulullah

SAW telah dikenal pasti dan dicontohi seperti kaedah kuliah, bercerita, soal jawab, melukis, penyelidikan, perbincangan dan bermain. Justeru, dengan mempelbagaikan kaedah dan teknik dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan dapat membantu para pelajar untuk fokus dan mengukuhkan pemahaman mereka terhadap sesuatu konsep pelajaran dengan lebih baik (Aminuddin et al., 2019).

Kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBM) merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang sejajar dengan kehendak pendidikan abad ke-21 (PAK21) yang mengetengahkan kemahiran-kemahiran kritikal seperti kreativiti, pemikiran kritis, kolaborasi, komunikasi dan nilai dalam proses PdP supaya dapat mewujudkan modal insan yang seimbang dan berkualiti tinggi seperti yang tertulis dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi). Kaedah PdP yang pelbagai perlu digunakan dalam menghadapi individu pelajar yang rencam dengan potensi, kebolehan dan keupayaan kognitif, emosi, psikomotor dan afektif yang berbeza antara satu sama lain dalam menerima pelajaran. Justeru, Islam mengiktiraf kepelbagaian ini sebagai suatu nikmat bagi para pendidik memahirkannya dengan sejumlah ilmu, kemahiran dan bakat bagi menunaikan amanah sebagai pendidik.

Pelaksanaan pendekatan berteraskan Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome Based Education, OBE*) telah diperkenalkan di politeknik bermula 2010 bagi meningkatkan kualiti dan kemenjadian pelajar. OBE mendorong pensyarah untuk merancang dan melaksanakan pengajaran dengan jelas dan sistematik, yang membantu meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran (Mohammad Hazrul, 2021). Kurikulum kursus Pengajian Islam juga tidak terkecuali, penambahbaikan perlu sentiasa dilakukan bagi mencapai hasrat negara untuk menyediakan tenaga mahir yang berkualiti, holistik dan berdaya saing. Oleh itu, para pendidik dalam bidang pengajian Islam perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai strategi dan kaedah pengajaran bagi menghadapi para pelajar yang mempunyai perbezaan dan kepelbagaian dari segi kebolehan, minat dan potensi. Justeru, para pendidik perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai kaedah pembelajaran yang kreatif dan kritis demi menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Justeru itu, gaya pengajaran pensyarah yang bersifat pasif perlu ditransformasikan kepada amalan pembelajaran abad ke-21, malahan penggunaan pendekatan terkini perlu dimanfaatkan bagi menarik minat pelajar menerokai ilmu dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai kesan pelaksanaan model pengajaran dan pembelajaran berasaskan masalah bagi kursus Pengajian Islam yang menggabungkan strategi pembelajaran berasaskan masalah, teori pendidikan Ibnu Khaldun, teori pembelajaran dan elemen teknologi (Model ik-PBM). Usaha ini diharapkan dapat menyumbang kepada pencapaian hasrat para majikan untuk memiliki pekerja daripada lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) yang memiliki potensi kemahiran insaniah (50%), pengalaman kerja (31%) dan kemahiran teknikal (37%) ketika memulakan kerjaya (Khazanah Research Institute, 2018).

Tinjauan Literatur

Pelaksanaan elemen-elemen OBE dalam PdP kursus Pengajian Islam membawa pendekatan baru yang menekankan pencapaian hasil pembelajaran yang spesifik dan dapat diukur. Dalam konteks Pengajian Islam, OBE membantu dalam memastikan pelajar bukan sahaja memahami konsep dan ajaran Islam secara teori, tetapi juga mampu mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Menurut Ahmad Firdaus et al. (2021), pendekatan OBE dalam bidang Pengajian Islam mendorong pelajar untuk mencapai hasil pembelajaran yang jelas seperti keupayaan untuk menganalisis teks agama, memahami konteks sejarah dan budaya Islam, serta mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dalam kurikulum berasaskan

OBE lebih cenderung untuk menunjukkan peningkatan dalam pemahaman dan aplikasi praktikal ajaran Islam.

Aktiviti PdP yang bermakna adalah memfokuskan kepada hasil pembelajaran dan penerapan kemahiran insaniah dalam diri pelajar. Kemahiran insaniah ini dilaksanakan oleh pelajar semasa proses menyiapkan tugas dan PdP pensyarah dalam setiap kursus (Mohd Hasril et al., 2016). Kemahiran insaniah memperlihatkan pencapaian atribut pelajar yang terdiri dari kluster hasil pembelajaran (LOC) berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Kemahiran insaniah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan pelajar yang holistik. Kemahiran ini merangkumi aspek komunikasi, kerja berpasukan, pemikiran kritis, dan penyelesaian masalah yang tidak hanya penting dalam konteks akademik tetapi juga dalam kehidupan seharian. Menurut penelitian oleh Siti Aisyah (2024), pengintegrasian kemahiran insaniah dalam kurikulum pendidikan tinggi dapat meningkatkan keupayaan pelajar dalam beradaptasi dengan cabaran di dunia pekerjaan. Penelitian ini menunjukkan bahawa pelajar yang didedahkan kepada kemahiran insaniah lebih cenderung untuk berjaya dalam karier mereka kerana mereka mempunyai kemampuan untuk berkomunikasi dengan baik, bekerjasama dalam pasukan, dan menyelesaikan masalah dengan berkesan.

Selain itu, pengajaran dan pembelajaran yang berfokus kepada kemahiran insaniah dapat membantu dalam pembentukan karakter pelajar. Ibrahim dan Sulaiman (2019) menekankan bahawa pelajar yang terlibat dalam aktiviti yang memperkaya kemahiran insaniah menunjukkan peningkatan dalam sikap positif, etika kerja, dan tanggungjawab sosial. Aktiviti seperti kerja kumpulan, projek komuniti, dan perbincangan terbuka dalam kelas adalah antara kaedah yang efektif untuk memupuk kemahiran ini. Keberkesanan pendekatan ini dibuktikan melalui kajian longitudinal yang menunjukkan peningkatan ketara dalam nilai-nilai murni dan kematangan emosional pelajar yang terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti tersebut.

Kemahiran insaniah juga relevan dalam era digital dan globalisasi di mana pelajar perlu bersaing di peringkat antarabangsa. Menurut kajian oleh Lee et al. (2021), pelajar yang memiliki kemahiran insaniah yang tinggi lebih bersedia untuk menghadapi cabaran global kerana mereka mempunyai kemahiran interpersonal yang kuat dan keupayaan untuk bekerja dalam persekitaran yang mempunyai pelbagai budaya. Kajian ini juga menunjukkan bahawa universiti yang menekankan pendidikan kemahiran insaniah dalam kurikulum mereka berjaya melahirkan graduan yang lebih kompetitif dan berdaya saing di pasaran global. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan kemahiran insaniah bukan sahaja penting untuk pembentukan pelajar yang seimbang tetapi juga kritikal untuk kejayaan mereka dalam dunia yang semakin kompleks dan dinamik.

Cabaran masa kini bagi melahirkan pelajar dalam masyarakat 5.0 yang mempunyai kemahiran teknologi, digital, teknologi maklumat dan automasi tanpa melupakan kemahiran insaniah yang bertujuan untuk mengurus dan memanfaatkan sistem informasi di alam maya terutama bidang Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligent AI*). Pelajar perlu bersikap proaktif, dalam mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran dalam memposisikan diri dalam Masyarakat 5.0, termasuk melatih daya berfikir dalam menyelesaikan masalah (Yulianto, 2021) serta berada dalam lingkungan yang membantu dalam menjadikan agama sebagai asas kepada sebarang keputusan yang bakal dibuat. Hal ini menunjukkan bahawa, Masyarakat 5.0 perlu hadir sebagai pembawa nilai akhlak, etika dan jujur dalam prinsip hidup (Mohammad Talhah et al., 2024).

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan model ik-PBM bagi kursus Pengajian Islam di politeknik terhadap pengetahuan, kemahiran kritis dan kemahiran insaniah pelajar.

Persoalan Kajian

- i. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan dalam kalangan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?
- ii. Adakah terdapat perbezaan tahap pemikiran kritis dalam kalangan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?
- iii. Adakah proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan model ik-PBM menerapkan kemahiran insaniah?

Hipotesis Kajian

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min tahap pengetahuan bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min tahap pemikiran kritis bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Metodologi Kajian

Reka bentuk dan sampel kajian

Persoalan kajian pertama dan kedua menggunakan kaedah kuasi-eksperimental, manakala persoalan kajian ketiga menggunakan kaedah tinjauan. Sampel kajian yang digunakan dipilih melalui pensampelan bertujuan. Justeru dalam kajian ini, kriteria bagi persempelan tersebut melibatkan dua kumpulan pelajar semester dua di sebuah politeknik. Menurut Gagne et al. (2005) ujian lapangan hendaklah dilaksanakan terhadap kumpulan sasaran, pada persekitaran yang sama dengan pengguna sasaran dan dilakukan secara natural. Oleh itu dalam kajian ini, Pemilihan sampel adalah berdasarkan kriteria yang ditentukan iaitu pelajar diploma yang sedang mengambil kursus pengajian Islam yang berada pada semester kedua. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada penawaran oleh pihak jabatan induk yang melihat kesesuaian masa dalam menentukan pelaksanaan sesuatu kursus ini dilaksanakan. Seramai 64 orang pelajar terlibat dalam kajian ini yang terdiri dari 32 orang kumpulan rawatan dan 32 orang kumpulan kawalan.

Instrumen kajian

Instrumen ujian pencapaian menggunakan set soalan ujian yang dibangunkan oleh pensyarah kursus dan disemak oleh tiga orang pensyarah untuk menentukan kesahan kandungan.

Instrumen kemahiran pemikiran kritis yang digunakan dalam kajian ini adalah *Malaysian Critical Thinking Skill Instrument - MyCT* yang telah dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (Nor Azaheen, 2010; Siti Rahayah dan Nor Azaheen 2009). Instrumen ini mengandungi 62 item yang terdiri dari 4 sub-konstrak iaitu taakulan (*reasoning*), analitikal dan logik, kecenderungan (*disposition*), dan andaian (*assumption*). Data yang digunakan adalah dalam bentuk *multiple response analysis* atau *mixed rating scale*. Bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan item instrumen ini, Nor Azaheen (2010) telah menjalankan analisis terhadap item instrumen tersebut menggunakan Model Rasch. Hasil nilai MNSQ dari analisis kesahan konstruk

MyCT mendapati semua subkonstrak diterima dan mencapai nilai yang baik (item *reasoning* ialah 1.00, item analitikal dan logikal ialah 0.99, item *disposition* ialah 1.00 dan item *assumption* ialah 1.00). Maka instrumen ini boleh digunakan untuk mengukur kemahiran pemikiran kritikal.

Manakala instrumen kemahiran insaniah pula telah diambil dan diubah suai dari kajian Uvathi et al. (2018). Instrumen ini mengandungi tujuh konstruk dan 37 item soalan, skala persetujuan adalah menggunakan skala likert dari 1 hingga 5. Item-item tersebut telah melalui ujian tahap kebolehpercayaan dengan nilai Alpha Cronbach 0.961.

Analisis data

Tujuan utama dalam fasa ini ialah untuk menerangkan maklumat yang diperolehi daripada data kuantitatif yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Chua (2011) menyatakan tujuan data diambil semasa ujian lapangan adalah untuk penghuraian (deskriptif). Dalam kajian ini kaedah analisis data adalah menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan skor min dan sisihan piawai. Manakala statistik inferensi melibatkan ujian-t sampel bersandar dan tidak bersandar. Kedua-dua analisis tersebut menggunakan perisian IBM *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) versi 27. Data yang diperolehi dianalisis secara inferensi yang bertujuan untuk mendapatkan nilai signifikan, *p*. Dapatan kajian ini juga adalah untuk menguji hipotesis yang terdapat dalam kajian ini. Min yang diperolehi ditafsirkan menggunakan interpretasi dapatan seperti di Jadual 1 di bawah.


Jadual 1: Interpretasi Min

| Skor Min | Interpretasi |
|-------------|--------------|
| 1.00 – 2.33 | Rendah |
| 2.34 – 3.66 | Sederhana |
| 3.67 – 5.00 | Tinggi |

Sumber: Landell (1997)

Model ik-PBM

Model ini merupakan model pendekatan pembelajaran berasaskan masalah yang diberi nama model ik-PBM. Model ini dibangunkan oleh Ahmad Fkrudin et al. (2023) dan dibina berdasarkan model pendidikan Ibnu Khaldun, prinsip PBM, penerapan elemen teknologi, teori pembelajaran, elemen-elemen kerangka pembelajaran abad ke-21 dan jadual FILRA (*Fact, Ideas, Learning Issues, Rules, Action*). Model ini menyokong pembelajaran sendiri yang terarah dan pensyarah berperanan sebagai fasilitator. Elemen-elemen kemahiran pemikiran kritikal, komunikasi, kolaborasi, kreativiti, penyelesaian masalah, teknologi, pencarian maklumat dan kemahiran sosial turut diterapkan dalam model ini. Selain itu, elemen pengukuhan turut disediakan sebagai peneguhan bagi meningkatkan motivasi pelajar. Jadual FILRA merupakan alat yang digunakan oleh pelajar sebagai panduan dan catatan dapatan info sepanjang proses mencari penyelesaian masalah. Rajah di bawah menunjukkan model ik-PBM:



Sumber: Ahmad Fkrudin et al. (2023)

Dapatan Kajian dan Perbincangan

- i. Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari skor min tahap pengetahuan bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan

Jadual 2: Ujian t tidak bersandar tahap pengetahuan bagi kumpulan rawatan dan kumpulan Kawalan

| Kumpulan | N | Min | Sisihan piawai | Nilai t | df | Nilai p |
|----------|----|-------|----------------|---------|----|---------|
| Rawatan | 32 | 24.09 | 2.441 | 3.458 | 31 | .002* |
| Kawalan | 32 | 22.34 | 2.073 | | | |

Nota: * aras signifikan $p < 0.05$

Berdasarkan kepada Jadual 2 di atas, nilai skor min yang dicatatkan oleh kumpulan rawatan bagi ujian pasca adalah 24.09 sementara kumpulan kawalan adalah 22.34. Manakala nilai t adalah 3.458 dan nilai signifikan dua hujung adalah $p = 0.002$. Oleh sebab nilai p adalah lebih kecil daripada 0.05, maka secara statistiknya hipotesis Ho1 ditolak. Ini bermakna, terdapat perbezaan yang signifikan dari skor min pencapaian bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Kajian Rafiuddin Afkari et al. (2013) menunjukkan bahawa pendekatan PBM dalam proses PdP pengajian Islam dapat meningkatkan pemahaman pelajar. Selain itu, Cristina et al. (2017) bersetuju bahawa pendekatan PBM dapat menjadikan pelajar lebih fokus dalam melakukan aktiviti pembelajaran dan seterusnya mampu membentuk pembelajaran yang lebih bermakna. Diperkukuhkan lagi dengan kajian Faaizah dan Muliati (2018) bahawa pendekatan ini amat menyokong kemahiran berfikir bagi membolehkan pelajar membentuk pembelajarannya secara sendiri.

- ii. Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min tahap pemikiran kritis bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan

Jadual 3: Ujian t tidak bersandar tahap pemikiran kritis bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan

| Kumpulan | N | Min | Sisihan piawai | Nilai t | df | Nilai p |
|----------|----|-------|----------------|---------|----|---------|
| Rawatan | 32 | 61.09 | 10.369 | 5.038 | 31 | .000* |
| Kawalan | 32 | 49.44 | 8.132 | | | |

Nota: * aras signifikan $p < 0.05$

Berdasarkan kepada Jadual 3, nilai skor min yang dicatatkan oleh kumpulan rawatan bagi ujian pasca adalah 61.09 sementara kumpulan kawalan adalah 49.44. Manakala nilai t adalah 5.038 dan nilai signifikan dua hujung adalah $p = 0.000$. Oleh sebab nilai p adalah lebih kecil dari daripada 0.05, maka secara statistiknya hipotesis H_0 ditolak. Ini bermakna, terdapat perbezaan yang signifikan dari skor min tahap pemikiran kritis bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Sejalan dengan dapatan kajian Wan Nur Tasnim et al. (2019) dan Anwar (2017) yang menunjukkan bahawa pendekatan PBM dapat membantu perkembangan positif terhadap pemikiran kritis pelajar khususnya dalam konteks pendidikan tinggi. Pelaksanaan pendekatan PBM secara sistematik menerusi proses dan peringkat-peringkatnya dapat memperkembangkan kemahiran analitikal dan taakulan pelajar (Suzilawati, 2016).

iii. Penerapan Kemahiran Insaniah dalam Pelaksanaan Modul ik-PBM

Berdasarkan dapatan analisis dalam Jadual 4 di bawah menunjukkan tahap penguasaan semua elemen kemahiran insaniah yang diukur berada pada tahap tinggi dengan mencatat nilai min 4.23 dan ke atas. Ini menunjukkan bahawa pensyarah menerapkan dan mengamalkan nilai-nilai kemahiran insaniah seperti mana yang terdapat dalam ciri-ciri proses pelaksanaan model ik-PBM. Selain itu ia memberi pengaruh penguasaan kemahiran insaniah kepada pelajar yang terlibat. Dapatan ini selari dengan pernyataan Nur Dini Eznee dan Mohamad Isa (2022) yang menyatakan tahap kemahiran insaniah pelajar dapat ditingkatkan melalui pelaksanaan program dan kursus. Diperkukuhkan dengan kajian Pua Poh (2014) terhadap pelajar politeknik premier menunjukkan tahap kemahiran insaniah pelajar berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan aktiviti PdP dan luar PdP di politeknik premier menekankan kepada elemen-elemen kemahiran insaniah bagi melahirkan pelajar yang mempunyai nilai tambah yang dapat menjamin kehidupan lebih baik.

Jadual 4: Elemen Kemahiran Insaniah

| Bil | Konstruk | Min | Tahap |
|-----|--|------|--------|
| 1 | Kerja Berpasukan | 4.45 | Tinggi |
| 2 | Kemahiran Kepimpinan | 4.23 | Tinggi |
| 3 | Pemikiran Kritikal Dan Penyelesaian Masalah | 4.27 | Tinggi |
| 4 | Kemahiran Komunikasi | 4.24 | Tinggi |
| 5 | Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat | 4.28 | Tinggi |
| 6 | Nilai, Sikap Dan Profesionalisme | 4.29 | Tinggi |
| 7 | Tanggungjawab Sosial | 4.32 | Tinggi |

Kesimpulan

Hasil dapatan kajian ini menjelaskan bahawa penggunaan model ik-PBM memberi impak yang signifikan terhadap pengetahuan, kemahiran kritis dan kemahiran insaniah pelajar melalui proses PdP bagi kursus pengajian Islam. Hasil pengintegrasian teori pendidikan Ibnu Khaldun, prinsip pembelajaran berasaskan masalah, teori pembelajaran dan elemen teknologi dalam model ik-PBM memberi implikasi yang baik kepada pelajar bagi melatih, memupuk dan meningkatkan proses kognitif, kemahiran insaniah dan kefahaman pelajar terhadap kandungan kursus. Savin Baden (2014) yang menyatakan PBM sebagai salah satu strategi yang berpotensi menerap, memperkembang dan mempelbagaikan kebolehan dan kemahiran pelajar. Oleh itu, pedagogi pensyarah perlu berubah selari dengan aspirasi negara dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk membentuk proses pengajaran yang lebih bermakna bagi menghasilkan pelajar yang berkualiti, holistik dan memenuhi kehendak industri serta pasaran.

Penghargaan

Terima kasih kepada Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersial, Politeknik Ungku Omar kerana telah membantu dalam menyempurnakan kajian ini.

Rujukan

- Ahmad Firdaus, M. N., Khairunnisa, A. S., Nur Afifah, S., & Mohd Farhan, A. R. (2021). Pencapaian matlamat Outcome-Based Education (OBE) dan strategi pembelajaran sendiri Pendidikan Islam: Satu Kajian Rintis. *Jurnal 'Ulwan*, 6(2), 229-241.
- Ahmad Fkrudin, M. Y., Wan Norina, W. H., & Norhaalina, S. (2023). Model ik-PBM: Synergi berimpak melalui proses pengajaran dan pembelajaran dalam kursus pengajian umum di Politeknik. *International Putra InnoCreative Carnival in Teaching and Learning*.
- Aminuddin, M., Haziha, S., & Sharifah Zarina, S. Z. (2019). Creativity and innovation as an indigenous pedagogy method. *Journal Of Educational Research And Indigenous Studies*, 1(1), 1-15.
- Anwar, C. (2017). The effectiveness of problem-based learning integrated with Islamic values based on ICT on higher order thinking skill and students' character. *AITA'LIM Journal*, 23(3), 224-231.
- Chua Y. P. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Cristina, H. M., Josephine, A., & Gabriel, M. M. (2017). Fina Frontier: An education game on solar system concepts acquisition for primary schools. *IEEE 17th International Conference on Advanced Learning Technologies*, 335-337.
- Faaizah, S. & Muliati, S. (2018). *Model Hibrid: Pembelajaran Berasaskan Masalah*. Melaka: UTeM Press.
- Gagne, R. M., Wager, W. W., Golas, K. C. & Keller, J. M. (2005). *Principles of Instructional Design*. Fifth Edition. California: Thomson Wadsworth.
- Ibrahim, N., & Sulaiman, R. (2019). Character Development Through Soft Skills Training: A Longitudinal Study. *Asian Journal of Education and Training*, 5(3), 112-120.
- Khazanah Research Institute. (2018). *The School-To-Work Transition of Young Malaysians*. Khazanah Research Institute, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Landell, K. (1997). *Management by menu*. London: Wiley and Sons Inc.
- Lee, K., et al. (2021). Preparing students for global competitiveness through soft skills education. *International Journal of Education Development*, 40(1), 67-78.
- Mohammad Hazrul, M. J. (2021). Pelaksanaan PdP berdasarkan pendekatan OBE dalam program Diploma Teknologi Automotif di Kolej Vokasional: Satu penilaian. *SkillsMalaysia Journal*, 7(1), 9-14.

- Mohammad Shatar, S., Samir Muazzab, A., Paramasivam, Aidi, A., Zulhamri, A., & Azali, M. (2009). *Kemahiran Insaniah Pelajar*. Kuala Lumpur: ZH Publishing House.
- Mohd Hasril, A., Isma, A. N., Fathin L. Z., & Norhayati, N. (2016). Tahap kemahiran generik pelajar Malaysia dalam proses pengajaran dan pembelajaran: Kajian kes pelajar Institusi Kemahiran Mara, Johor Baharu. *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(3), 111-121.
- Muhammad Talhah, A., Wan Abdul Rahman, W. I. F., Siti Nur Hadis, A. R., Muhammad Fitri, A. K. & Radhiahtul Raehan, M. (2024). Cabaran pendidikan mendepani masyarakat 5.0. *International Journal of Advanced Research Education and Society*, 6(1) 47-53.
- Noorjihan, J., & Ab Halim, T. (2012). Pedagogi Rasulullah SAW dalam pengajaran. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam*. Hotel Royale Bintang Seremban, 3-6 Julai 2012.
- Nor Azaheen. A. H. (2010). *Mengenalpasti Kebolehppercayaan Instrument Kemahiran Pemikiran Kritis dan Profil Kemahiran Pemikiran Kritis dalam Kalangan Pelajar Biologi* [Tesis Sarjana]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Dini Eznee, R. R. & Mohamad Isa, H. (2022). Kepentingan kemahiran insaniah terhadap kebolehpasaran graduan di Universiti Sains Islam Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(2), 240-251.
- Pua Poh, K. (2014). *Tahap Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Tahun Akhir di Politeknik* [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Rafiuddin, A. A. F., Md. Akbal, A., Halimi, M. K., Shakila, A. D., Khaeruddin, & Siti Marfuah. (2013). *Aplikasi teknologi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pengajian Islam berasaskan masalah (PBL): Suatu perkongsian, analisa dan aspek cabaran semasa di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia*. Seminar on Islam, Science and Technology (SIST 2013), Indonesia.
- Savin-Baden, M. (2014). Using problem-based learning: New constellations for the 21st century. *Journal on Excellence in College Teaching*, 25(3&4), 1-24.
- Siti Aisyah, M. N. & Siti Zuraidah, M. O. (2024). Keperluan kemahiran insaniah abad ke-21 terhadap kesediaan kerjaya pelajar. *International Journal of Modern Education*, 6(20), 271-282.
- Siti Rahayah, A. & Nor Azaheen. A. H. (2009). Profil kemahiran pemikiran kritis antara pelajar aliran sains dan bukan sains. *Malaysian Education Dean's Council Journal*. 3, 20-27.
- Suzilawati, S. (2016). *Pembinaan dan Penilaian Modul Pembelajaran Biologi Berteraskan Pembelajaran Berasaskan Masalah Berperancahan* [Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Uvathi, M., Arsaythamby. V., & Kanageswari S. S., (2018) Pembinaan dan pengesahan instrumen kemahiran insaniah bagi subjek Perakaunan di Matrikulasi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), 29-39.

Wan Nur Tasnim, W., Jamalludin, H. & Nurbiha, A. S. (2019). Problem based learning to enhance students critical thinking skill via online tools. *Asian Social Science*, 15(1), 14-21.

Yulianto, Y. (2021). The needs of training to improve teacher competence in preparing society 5.0. *Technium Social Sciences Journal*, 20(1); 275–286.

Peranan Tasawuf dalam Mendidik Jiwa dan Pengamalannya dalam Tarekat Naqsyabandiyyah

The Role of Sufism in Nurturing the Soul and its Practice in the Naqshabandi Order

Muhammad Danial Bin Marhalim. (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah,
33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: +6011-35058786 E-mail: daniymarhalim29@gmail.com

Mohd Fuad bin Mokhtar.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Usuluddin, Universiti Sultan Azlan Shah,
33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: +60 16-568 2317 E-mail: fuad@usas.edu.my

Abstrak

Dewasa ini gejala sosial semakin bercambah seiring dengan perkembangan arus kemodenan. Masyarakat Islam khususnya remaja semakin alpa dan tenggelam dengan dunia hiburan yang keterlampauan. Hukum-hakam tidak diendahkan dan budaya ketimuran semakin dipinggirkan. Tindakan sewajarnya hendaklah dilakukan bagi mengekang permasalahan ini. Justeru itu, tasawuf dilihat sebagai satu ilmu yang mampu mendidik dan mentarbiahkan manusia daripada tenggelam dengan hiburan yang terlampau sehingga boleh membawa kepada keruntuhan akhlak. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui peranan yang dimainkan oleh tarekat Naqsyabandiyyah sebagai pelopor ilmu tasawuf dalam mendidik dan merawat gejala tersebut. Ia adalah kajian kualitatif dengan menggunakan data yang diperolehi melalui semakan dokumen-dokumen berkaitan seperti karya, kitab dan buku-buku yang berautoriti dan dianalisis menggunakan kaedah induktif, deduktif dan deskriptif. Hasil kajian ini mendapati kaedah-kaedah pembersihan jiwa yang diamalkan oleh tarekat melalui ilmu tasawuf mampu merawat penyakit hati sebagai penyebab berlakunya isu gejala sosial.

Kata Kunci: Tarekat; Naqsyabandiyyah; Pembersihan Jiwa.

Pengenalan

Tarekat Naqsyabandiyyah dinisbahkan kepada pengasasnya iaitu Muhammad bin Baha al-Din al-Naqsyabandi al-Uwaisi al-Bukhari, dikenali sebagai Syah Naqsyabandi. Beliau dilahirkan di Kampung Qasr al-'Arifan, yang terletak berhampiran dengan Bukhara, Rusia pada tahun 717H. Penisbahan al-Uwaisi merujuk kepada persamaan metode tasawuf dan hubungan kekerabatan beliau dengan tokoh sufi (tabiin) terkenal iaitu Uwais al-Qarni (Muhammad Faiz, 2016). Perkataan Naqsyabandi berasal daripada bahasa Farsi yang menggabungkan antara 'naqsy' dan 'band'. 'Naqsy' bermaksud ukiran atau lukisan pada lilin atau seumpamanya. Adapun perkataan 'band' bermaksud ikatan yang kukuh, bendera atau layar yang besar. Penggabungan kata 'Naqsyaband' membawa maksud ukiran atau lukisan yang kekal. Justeru, Muhammad Baha al-Din digelar dengan al-Naqsyabandi kerana dikatakan beliau sentiasa melazimi zikir dengan hati sehingga terukir lafaz Jalalah pada hatinya (Ahmad 'Atho', 2012).

Muhammad Baha al-Din meninggal dunia pada tahun 791H di kampung kelahiran beliau. Menurut Sulaiman (2002), setelah kematian pengasasnya, tarekat Naqsyabandiyyah telah berkembang dengan pesat ke serata benua Afrika dan Asia. Tarekat ini dikatakan antara tarekat yang

paling cepat tersebar terutama di sekitar Asia Tengah dan Asia Tenggara merangkumi negara Turkistan, Cina, India, Turki, Indonesia dan Malaysia.

Menurut Abdul Manam *et. al.* (2013) dalam Muhammad Faiz, (2016), kemasukan tarekat ini ke Malaysia adalah melalui para ulama yang menuntut ilmu di Timur Tengah seperti Mekah dan Kaherah manakala sebahagian lagi masuk melalui Indonesia dan Singapura. Antara tokoh terawal yang menyebarkan Tarekat Naqsyabandiyyah di Malaysia ialah Syeikh Ismail al-Minangkabawi (Minangkabau), Syeikh Abdul Wahab Rokan (Sumatera) dan keluarga Syeikh Sayid Muhammad Salih al-Zawawi (Mekah) (Faizal, 2015). Hal ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Ahmad 'Atho', (2012) bahawa tarekat Naqsyabandiyyah masuk ke Malaysia melalui ulama dari Sumatera yang telah mengambilnya dari Mekah. Kemasukan terawal tarekat ini ke Malaysia adalah pada awal kurun ke-9, melalui negeri Kedah di tangan Syeikh Ismail al-Minangkabawi.

Tarekat Naqsyabandiyyah merupakan antara tarekat yang terawal masuk ke Malaysia. Menurut Faizal (2015), kedatangan Islam ke alam Melayu turut sama membawa masuk pelbagai aliran tarekat yang dibawa oleh kaum sufi yang mengikuti tarekat tertentu. Namun, tarekat ini telah mendahului tarekat-tarekat lain dalam jumlah pengikutnya dalam perkembangan terakhir ini (Faizal, 2015).

Terdapat beberapa cabang tarekat Naqsyabandiyyah yang masyhur di Malaysia antaranya Mazhariyah, Khalidiyah, Mujaddidiyah dan Haqqaniyah (Faizal, 2015). Cabang yang pertama adalah Tarekat Naqsyabandiyyah al-Mazhariyah yang disebarkan oleh keluarga Syeikh Sayid Muhammad Salih al-Zawawi seawal ke-18 M. Syeikh Sayid Muhammad merupakan seorang mufti dalam mazhab Syafi'i di Mekah dan beliau merupakan moyang kepada Mufti Terengganu yang ke-10, Syeikh Sayid Yusuf bin Sayid Ali al-Zawawi. Kemudian, tarekat ini diteruskan oleh dua tokoh ulama' Tanah Melayu iaitu Tok Ku Tuan Besar (Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus) dan anaknya Tok Ku Paloh (Syed Abdul Rahman al-Idrus) di Terengganu.

Cabang yang kedua iaitu Tarekat Naqsyabandiyyah al-Khalidiyah disebarkan oleh dua tokoh yang masyhur iaitu Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minangkabawi dan Syeikh Abdul Wahab Rokan sekitar pertengahan abad ke-19 M. Syeikh Abdul Wahab Rokan telah mendapat keizinan daripada guru beliau untuk menyebarkan ajaran tarekat tersebut di Tanah Melayu yang akhirnya membawa kepada pembinaan markaznya di Batu Pahat, Johor. Murid dan pengikutnya bertebaran di seluruh negeri di Malaysia (Faizal, 2015).

Seterusnya, Tarekat Naqsyabandiyyah al-Mujaddidiyah dibawa masuk ke Malaysia melalui Syeikh Wan Sulaiman bin Wan Siddiq yang merupakan guru kepada penulis Tafsir Nur al-Ihsan, Syeikh Muhammad Said Umar. Selain itu, salasilah cabang tarekat ini juga turut dimiliki oleh tokoh terkenal di Kelantan iaitu Tuan Guru Haji Hashim Abu Bakar, Mudir Pondok Pasir Tumbuh, Bachok, Kelantan. Jalur salasilah beliau sampai kepada Syeikh Muhammad Amin Ridhwan yang merupakan guru kepada Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (Faizal, 2015).

Cabang yang keempat bagi Tarekat Naqsyabandiyyah di Malaysia ialah Tarekat Naqsyabandiyyah Haqqani yang berasal daripada Syeikh Muhammad Nazim Adil al-Haqqani, Cyprus. Cabang ini disebarkan di Malaysia melalui dua khalifah beliau iaitu Syeikh Abdul Rahman bin Ahmad, Kedah dan Raja Ashman Shah ibni Sultan Azlan Shah, Perak. Raja Ashman Shah telah dilantik oleh Syeikh Nazim sebagai pemimpin zikir khaujikan di Malaysia pada tahun 1986 (Faizal, 2015).

Metodologi

Kajian ini adalah kajian kualitatif menggunakan dua metodologi kajian iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Dalam pengumpulan data, pengkaji mengumpulkan dokumen-dokumen berkaitan tasawuf, Tarekat Naqsyabandiyyah, pengamalan dalam tarekat dan kesannya kepada jiwa seseorang pengamal. Dokumen seperti karya-karya tokoh tasawuf dan tarekat, kitab-kitab yang terdahulu dan terkemudian, laporan kajian dan sebagainya sama ada sumber primer atau sekunder dikumpulkan untuk dianalisis. Dokumen yang telah dikumpulkan dianalisis melalui kaedah bacaan dan semakan teks iaitu analisis tematik bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki dan seterusnya menghasilkan hasil kajian. Setiap sumber yang dirujuk, dicatat sebaiknya mengikut jenis dokumen, tema dan kategorinya.

Tasawuf menurut Pandangan Ulama

Perkataan Tasawuf berasal daripada perkataan arab yang mempunyai pelbagai definisi. Para cendekiawan berbeza pendapat dalam menentukan kata dasar bagi perkataan tasawuf. Hal ini kerana, walaupun perkataan tasawuf berasal daripada bahasa Arab, namun ia dikatakan suatu istilah yang baru muncul dan digunakan sekitar kurun ke-3H. Istilah tasawuf tidak pernah digunakan oleh para sahabat pada zaman Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, intipati ajaran tasawuf adalah bersumberkan al-quran, hadis dan ijmak para sahabat serta tabi'in. Istilah tasawuf tidak digunakan adalah kerana gelaran 'sahabat nabi' merupakan suatu penghormatan yang tiada tandingan merentasi zaman. Sebagaimana dinyatakan oleh Abu Nasr Siraj al-Tusi: "*kedudukan sebagai sahabat Rasulullah SAW adalah suatu kemuliaan yang tinggi. Oleh itu, tiada gelaran yang boleh melebihi gelaran tersebut disebabkan oleh kemuliaan rasulullah saw. para sahabat merupakan tonggak kepada para ahli zuhud dan ahli ibadah*" (Al-Tusi, 1960). Abu Nasr Siraj al-Tusi menyatakan bahawa perkataan 'sufi' pernah disebut oleh tokoh Hasan al-Basri dan Sufian al-Tsauri, bahkan lebih jauh lagi ia telah digunakan sebelum kedatangan Islam di Mekah (Al-Tusi, 1960).

Tarekat merupakan istilah yang berasal daripada bahasa Arab iaitu طريق/طريقة yang secara literalnya bermaksud jalan. Erti lain bagi perkataan *thariqah/thariq* ialah jalan, cara, garis, kedudukan, keyakinan dan agama (Fuad, 1991). Di dalam kamus Lisan al-Arab, perkataan *tariqah* merujuk kepada *sirah*, *mazhab* dan *hal*. Tarekat dari sudut etimologi bermaksud jalan, dan kandungan pengertiannya seerti dengan maksud perkataan *syari'ah*, *sabil' sirat* serta *manhaj*, iaitu kesemua kandungan makna perkataan-perkataan ini merujuk kepada jalan yang dilalui dalam menuju keredaan Allah s.w.t dengan menuruti segala perintah-Nya (Zakaria, 2016).

Al-Jurjani mendefinisikan "Tarekat ialah jalan yang khusus yang dilalui oleh *al-salikin* (orang-orang yang berjalan) menuju Allah dengan melalui beberapa *manzilah* (peringkat) dan peningkatan dalam *maqam* (kedudukan kerohanian)" (al-Jurjani, 1938). Al-Taftazani pula menakrifkan "sekumpulan ahli sufi yang menisbahkan diri mereka kepada seorang syeikh, yang mengikuti peraturan tertentu dalam menempuh perjalanan kerohanian, mereka hidup secara berkumpulan di *ribat* dan *zawiyah*, mereka menghadiri perjumpaan-perjumpaan dan majlis-majlis ilmu secara berkala dan tersusun" (al-Taftazani, 1979). Sementara Abdul Halim Mahmud: "Wasilah untuk penyucian jiwa, penghalusan budi dan pembaikan *suluk* (perjalanan menuju Allah)" (Abdul Halim, t.th.).

Hasil Kajian dan Perbincangan

Pertama

Amalan dan ajaran Tarekat Naqsyabandiyyah adalah berasaskan sunnah Nabi Muhammad s.a.w, jauh daripada *bid'ah*, dihiasi dengan sifat-sifat mulia dan jauh dari segala sifat-sifat yang tercela. Pada hakikatnya, ia adalah jalan para sahabat yang menyeru kepada *ubudiyyah* yang sempurna sama ada secara zahir mahupun batin dan bebas daripada segala perkara *bid'ah* penyelewengan, serta sikap yang melampau daripada golongan yang jahil. Ia sangat komited dengan adab-adab syariat yang menyeru kepada kesederhanaan (*wasatiyyah*) dan keadilan (Muhammad Darniqah, t.th.).

Kedua

Antara prinsip asas dalam ajaran Tarekat Naqsyabandiyyah ialah kesempurnaan rukun agama yang tiga iaitu iman, Islam dan ihsan. Keimanan kepada Allah dan rasul serta segala perkara yang dibawa oleh rasul-Nya merupakan rukun utama dalam tarekat ini. Seseorang pengamal mestilah taat kepada Allah s.w.t, sentiasa mencari keredaan Allah s.w.t, menuruti ajaran Nabi Muhammad s.a.w dan melawan nafsu amarah. Hakikat iman di sisi tarekat ini yang pertama ialah cahaya rohani yang telah dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada setiap manusia sewaktu penciptaan manusia. Kedua, iman dengan keesaan tuhan dan apa yang disampaikan oleh Nabi Mmuhammad s.a.w serta ketiga adalah ikrar dengan lisan melalui lafaz '*laa ilaaha illa Allah*' (Muhammad Darniqah, t.th.).

Ketiga

Terdapat 11 istilah yang penting dalam Tarekat Naqsyabandiyyah yang disebut sebagai "*11 kalimah farisiyyah*". Lapan daripadanya diperkenalkan oleh Syeikh Abd al-Khaliq al-Ghujduwani dalam bahasa parsi dan tiga istilah yang ditambah oleh Syeikh Baha al-Din (Syah Naqsyabandi) dalam bahasa arab menjadikan jumlah semuanya 11 asas seperti berikut:

1. *Hosh Dar Dam* – *Hosh* ertinya sedar, *dar* ertinya dalam, dan *dam* ertinya nafas. Oleh itu, *hosh dar dam* bermaksud sedar dalam nafas. Seorang murid hendaklah berada dalam keadaan sedar bahawa setiap nafasnya yang keluar dan masuk harus berserta kesedaran terhadap kehadiran zat Allah s.w.t dan hati tidak boleh lalai dan lepas dari kesedaran terhadap kehadiran zat Allah s.w.t. Selama keluar masuk nafasnya itu 'bersama' dengan Allah, maka dia hidup 'bersambung' dengan Allah. Sebaliknya jika keluar masuk nafasnya dengan kelalaian, maka dia dianggap mati kerana terputus 'hubungan' dengan Allah s.w.t.
2. *Nazar Bar Qadam* – *Nazar* ertinya memandang, *bar* ertinya pada, dan *qadam* pula ertinya kaki. Maksudnya setiap murid mestilah memandang ke kakinya (menundukkan pandangan) ketika berjalan dan memandang ke tangannya ketika duduk agar tidak banyak melihat kepada perkara duniawi. Hal ini kerana, banyak memandang kepada perkara lain boleh mengganggu kekhusyukan hati seseorang murid. Selain itu, ia juga boleh menjadikan murid itu merendahkan diri dan tidak sombong.
3. *Safar Dar Watan* – *Safar* ertinya menjelajah, berjalan atau berkunjung, *dar* ertinya dalam dan *watan* ertinya kampung. Maksudnya seorang murid berusaha meninggalkan segala sifat-sifat *basyariyyah* (kemanusiawian) yang tidak baik dan meningkatkan dirinya kepada sifat-sifat *malakutiyyah* (kemalaikatan). Jika masih terdapat dalam hati murid kecintaan kepada dunia, maka mestilah dihilangkan daripada dirinya dengan segera.

4. *Khalwat Dar Anjuman* – *Khalwat* ertinya bersendirian, *dar* ertinya dalam, dan *Anjuman* ertinya khalayak ramai. Maksudnya bersendirian dalam keramaian iaitu hati murid sentiasa hadir bersama Allah s.w.t walaupun berada dalam keramaian manusia.
5. *Yad Kard* – *Yad* ertinya zikir. Maksudnya sentiasa mengulangi zikir sama ada zikir *ism zat* (Allah) mahupun zikir '*nafi isbat*' (Laa ilaaha illa Allah) dengan menghadirkan hati.
6. *Baz Gasht* – *Baz* ertinya kembali. Maksudnya setelah melakukan zikir *ism zat* dan *nafi isbat*, murid kembali bermunajat kepada Allah s.w.t dengan zikir: "*Ilaahi anta maqsudi wa ridhoka mathubi*" di dalam hati kerana ia mengandungi tauhid yang tulus iaitu tiada kewujudan yang hakiki melainkan kewujudan Allah s.w.t.
7. *Niqah Dasht* – *Nigah* ertinya menjaga, mengawasi, memelihara dan *dasyt* pula bererti melakukannya dengan bersungguh-sungguh. Maksudnya, menjaga hati dengan bersungguh-sungguh ketika melakukan zikir dan memeliharanya daripada lintasan serta was-was daripada syaitan walaupun sedetik.
8. *Yad Dasht* – Ia ertinya mengingati Allah s.w.t dengan bersungguh-sungguh sehingga mencapai *dawam hudhur* iaitu kehadiran zat Allah s.w.t secara kekal dan berada dalam keadaan berjaga-jaga memperhatikan limpahan dari sisi Allah s.w.t. Keadaan ini hanya tercapai setelah *fana*' yang sempurna dan *baqa*' yang lengkap.
9. *Wuquf Qalbi* – Mengarahkan penumpuan terhadap hati dan hati pula mengarahkan penumpuan terhadap Allah s.w.t pada setiap saat dan keadaan tanpa berpaling kepada selainNya.
10. *Wuquf Adadi* – menumpukan bilangan ganjil ketika melakukan zikir seperti 7, 9, 11 dan seterusnya.
11. *Wuquf Zamani* – melihat kembali nilai amalan setelah beberapa jam melakukan zikir supaya sentiasa berada dalam keadaan yang terbaik. Jika zikirnya dalam keadaan baik dan hadir hati bersama Allah s.w.t, maka bersyukurlah dan tambah baik lagi. Adapun jika didapati terdapat kelalaian dalam zikir maka beristighfar dan kembali kepada keadaan yang sepatutnya (Aboebakar, 1986; Zikmal, 2020; Muhammad Darniqah, t,th; al-Kurdi, 1372H).

Keempat

Hati merupakan organ yang penting dalam diri manusia yang berperanan dalam memandu dan menentukan tindakan seseorang individu sama ada ke arah kebaikan ataupun keburukan (Syariful, 2015). Oleh itu, tingkah laku seseorang individu itu akan menjadi baik jika cerminan hatinya baik sebaliknya tingkah laku seseorang itu akan menjadi buruk sekiranya cerminan hatinya buruk (Wan Saleha et al., 2020). Untuk menjadikan hati itu baik, maka zikir memainkan peranan dalam mendidik hati dan ia sangat dititikberatkan dalam tarekat Naqsyabandiyah.

Kelima

Antara yang membezakan Tarekat Naqsyabandiyah dengan tarekat lain ialah zikir *Khatam Khaujakan*. Ia merupakan rangkaian wirid, ayat, selawat, dan doa yang menutup setiap zikir berasaskan kepada 7 rukun iaitu penyerahan, khusyuk dan kehadiran hati, membaca Surah al-Fatihah 7 kali dari sebelah kanan syekh, berselawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w 100 kali, membaca Surah al-Insyirah 79 kali, membaca Surah al-Ikhlas 1001 kali, membaca Surah al-Fatihah 7 kali dari sebelah

kiri syeikh dan berselawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w 100 kali (Muhammad Darniqah, t.th.). Ia dibacakan di tempat yang tidak ada orang luar, dan pintu harus tertutup. Tiada orang luar boleh masuk melainkan mendapat keizinan daripada syeikh mursyid. Para peserta atau pengamal mestilah dalam keadaan berwuduk sepanjang menyertai majlis zikir tersebut (Maulida, 2021).

Keenam

Tarekat Naqsyabandiyyah menjadikan zikir sebagai tonggak utama dalam amalan mereka. Kepelbagaian cara dan bentuk zikir yang diamalkan oleh tarekat ini ternyata kesemuanya mempunyai sandaran dalil dan tidak melampaui batasan syariat Islam. Hal ini disebabkan oleh tujuan yang jelas di sebalik setiap zikir yang diamalkan itu dan bukannya mengikuti nafsu semata-mata sama ada zikir senyap mahupun nyaring, zikir secara individu mahupun berjemaah, semuanya bertujuan menuju Allah s.w.t.

Menurut al-Syarqawi (t.th.), zikir membantu seseorang dalam menghadapi kesukaran dan halangan dalam kehidupan, zikir juga menjadi pintu kepada istiqamah, melindungi manusia daripada godaan syaitan, menghilangkan kebencian, kedengkian dan penipuan. al-Syarqawi (t.th) menegaskan bahawa zikir merupakan kaedah rawatan terbaik dalam ilmu psikologi kerana ia boleh membersihkan hati yang kotor, meredakan hati yang resah dan bergolak serta menenangkan hati yang ketakutan.

Ketujuh

Antara prinsip ajaran Tarekat Naqsyabandiyyah secara khususnya ialah *muraqabah*. *Muraqabah* ialah mengekalkan pengetahuan hamba tentang pengawasan Tuhan ke atasnya. *Muraqabah* sangat penting dalam amalan Tarekat Naqsyabandiyyah kerana ia dianggap suatu jalan yang khusus untuk sampai kepada Allah s.w.t. Hal demikian kerana, dengan pengamalan *muraqabah* secara konsisten, seseorang pengamal akan dapat mengatasi atau mengawal segala '*khawaatir*' (lintasan hati) (Muhammad Darniqah, t.th.).

Ia juga adalah satu cara tersendiri dalam mencapai hakikat insan, namun, ia tidak dapat dilaksanakan sebaik-baiknya kecuali setelah zikir menjadi mantap. Berterusan melakukan *muraqabah* membawa kepada tercapainya *musyahadah*. Dalam Tarekat Naqsyabandiyyah, terdapat beberapa jenis *muraqabah* yang diamalkan sehingga menjadi asas bagi *muraqabah-muraqabah* iaitu *Muraqabah Ahadiyyah*, *Muraqabah Ma'iyah* dan *Muraqabah Mutlaq* (Abdul Manam, 2004).

Kelapan

Amalan-amalan dalam tasawuf sebagaimana yang diamalkan dalam Tarekat Naqsyabandiyyah antara lain berperanan untuk membersihkan jiwa atau apa yang dikenali dengan *Tazkiyah al-Nafs*. *Tazkiyah al-Nafs* biasanya merujuk kepada dua proses utama iaitu *al-Takhalli* (menyucikan diri daripada segala sifat hati yang tercela) dan *al-Tahalli* (menghiasi diri dengan segala sifat hati yang terpuji). *Tazkiyah al-Nafs* boleh diertikan sebagai pembersihan atau penyucian jiwa, sehingga seseorang itu mempunyai sifat terpuji pada dirinya. *Tazkiyah al-Nafs* dapat dilakukan dengan kepelbagaian bentuk ibadah yang bertujuan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t (Khotib & Muhammad, 2019).

Kesembilan

Menjadi satu kemestian bagi pengamal tarekat ini untuk mempunyai seorang syeikh mursyid (pembimbing) supaya boleh membimbing pengamalnya dalam melakukan taubat. Mursyid merupakan sebagai suatu wasilah dan kaedah atau cara untuk seseorang murid sampai kepada Allah s.w.t. Oleh itu, syeikh mursyid mestilah memenuhi syarat-syarat tertentu seperti kesempurnaan dalam

syariat dan hakikat mengikut al-Quran dan al-Sunnah, telah selesai perjalanan suluk di bawah bimbingan mursyidnya dan telah mendapat keizinan daripada mursyidnya untuk membimbing murid yang lain (al-Kurdi, 1372H). Ia sebagai pengganti atau wakil kepada Nabi Muhammad s.a.w dalam memurnikan jiwa seseorang murid dengan menyebarkan adab-adab dan akhlak nabawi, sama ada yang zahir mahupun yang dalam jiwa seseorang individu.

Kesepuluh

Seterusnya, tarekat juga terkenal dengan amalan khalwat dan suluk. Khalwat sebagaimana dinyatakan oleh Abdul Qadir Isa (2007) ialah memutuskan hubungan dengan manusia dan meninggalkan pekerjaan dunia untuk tempoh yang tertentu supaya hati boleh lapang serta fikiran boleh tenang daripada kesibukan dunia sehingga mampu berzikir mengingati Allah s.w.t dengan hati yang khusyuk. Pengalaman khalwat ini mestilah dengan bimbingan daripada syekh mursyid untuk mengajar perkara yang tidak diketahui, mengingati apabila terlupa dan membantu menolak was-was daripada nafsu (Abdul Qadir, 2007).

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, tasawuf ialah proses untuk mencapai kesempurnaan diri sebagai hamba Allah s.w.t (ihsan) dengan melalui jalan-jalan yang berbagai. Antara jalan yang dilalui oleh para ulama' tasawuf ialah jalan tarekat. Tarekat adalah jalan yang terbaik untuk mencapai darjat ihsan kerana mempunyai aturan yang telah ditetapkan dan mempunyai tokoh-tokoh mursyid sebagai pembimbing sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Tambahan pula, jalan tarekat ialah jalan yang telah dilalui oleh para *salik* sejak zaman-berzaman dan telah terbukti boleh meningkatkan nilai *tazkiyah al-nafs* seseorang. Oleh itu, ajaran dan amalan yang terkandung di dalam Tarekat Naqsyabandiyyah terbukti boleh memberi kesan yang positif dalam mendidik jiwa seseorang hamba bermula daripada amalan zikir, khalwat, *muraqabah* dan bimbingan mursyid.

Rujukan

al-Quran al-Karim.

Aboebakar Atjeh. (1985). *Pengantar ilmu tarekat*.

Abdul Halim Mahmud. (t.th.). *Fatawa*. Kaherah: Dar al-Maarif.

Abdul Manam Mohamad. (2004). *Tarekat Naqsyabandiyyah: perkembangan dan sumbangan ikhwannya di Malaysia*. Jabatan Mufi Kerajaan Negeri Sembilan.

Abdul Qadir Isa. (2007). *Haqaiq 'an al-tasawuf*. Syria: Dar al-Irfan.

'Afifi, Abu al-'Alaa. (2020). *al-Tasawuf*. Muassasah Hindawi.

Ahmad 'Atho' Mokhtar (2012). *al-Thariqah al-sufiyah wa makanatuha fi 'ilmi al-tasawuf*. Tesis Master USIM.

Ahmad A'toa' Mokhtar, Mardiana Mohd Noor. (2021). Zikir dan tafakkur asas psikoterapi islam. *Jurnal Pengajian Islam*.

- Ahmad Fakhurrazi, M. Z., Wan Razali, W. Q. A., Mahfuzah, M. Z. (2022). Pengaruh zikir terhadap kesihatan mental dan tekanan psikologi dalam mendepani cabaran revolusi industri 4.0. *Penyelidikan Islam: Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli Siri 4*.
- Badiuzzaman, Said al-Nursi. (2011). *al-Maktubat*. Ihsan Kasim Solihi, Terj. Sozler Publications.
- al-Baruhi, Sulaiman Ibrahim. (2002). *al-Turuq al-sufiyah fi malizia wa atharuha 'ala al-dakwah al-islamiyah*. Seremban: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Che Zarrina Saari. (2002). A purification of soul according to sufis: A study of al-Ghazali's theory. *Jurnal AFKAR*, bil. 3, 95-112.
- Faisal Muhammad Nur. (2021). Muraqabah dalam perspektif tarekat naqsyabandiyah al-khalidiyah al-kurdiyah. *Jurnal Pemikiran Islam*, 16-29.
- Ibnu 'Ajjabah, Abdullah Ahmad. (t.th.). *Mikraj al-tasyawwuq ila haqaiq al-tasawwuf*. Dar al-Baidha'.
- al-Jurjani, Ali bin Muhammad al-Syarif (t.th.). *Kitab al-ta'rifat*.
- Khotib Dan Muhammad Ufuqul Mubin. (2019). Tazkiyat al-nafs melalui pendekatan tasawuf dan fikih dalam membangun kesalehan sosial dan religiositas masyarakat. *Jurnal Kajian Islam Dan Budaya*, 17(2).
- al-Kurdi, Muhammad Amin. (1372H). *Tanwir al-qulub fi mu'amalati 'allaami al-ghuyub*. Mesir.
- al-Kurdi, Muhammad Amin. (1316H). *al-Hidayah al-khairiyah fi al-Thariqah al-Naqsyabandiyah*. Mesir: Dar al-Kutub al-Misriyah.
- al-Malthowi, Hasan Kamil. (1999). *al-Sufiyah fi ilhamihim*. Mesir: Kementerian Wakaf.
- al-Merbawi, Abdul Manam Mohamad. (2010). *Zikir dan peranannya dalam pembentukan sakhsiah* (Perbentangan kertas kerja). Program Bicara Sufi, Luak, Johol.
- Mohd Faizal Harun. (2021). *Tasawuf dan tarekat sejarah perkembangan dan alirannya di Malaysia*. UUM Press.
- Mohd Murtadza Ahmad. (2010). *Tazkiyah al-nafs dalam ilmu tasawuf* (Perbentangan kertas kerja). Program Bicara Sufi, Tampi.
- Muhammad Ahmad Darniqah. (t.th.). *al-Tasawuf al-islami: al-Thariqah al-Naqsyabandiyah wa a'laamuha*. Lubnan: Jarrous Press.
- Muhammad Faiz. (2016). Khazanah tasawuf nusantara: Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah di Malaysia. *Jurnal 'Anil Islam*, 9(2).
- Muhammad Khairi Mahyuddin, Ahmad Najaa Mohkhtar, Mohd Hamidi Ismail, Abdul Rashid Abdul Aziz, Roslee Ahmad. (2020). *Amalan zikir Tareqat Naqshabandi mujaddidi ahmadi oleh shaykh islam negeri Kedah Haji Wan Sulaiman b. Wan Sidik* (Perbentangan kertas kerja). Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020).

- Siti Suci Maulida. (2021). *Implementasi dzikir Khatm Khwajagan dalam meningkatkan kecerdasan spiritual jamaah Thoriqoh Naqsyabandi Haqqani*, [Tesis Master]. Institut Agama Islam Negeri Jember.
- Syariful Anam. (2015). *Kualifikasi mursyid dalam tarekat (studi tentang mursyid Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyyah di Kecamatan Wedung)*, [Tesis Master]. Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.
- al-Syarqawi, Hasan Muhammad. (t.th.). *Nahwu ilmi nafsi al-islami*. Iskandariah: Matba'ah al-Wadi.
- Syed Abdurahman Syed Hussin (t.th.). Kepentingan zikir dalam mendidik rohani dan jasmani pendakwah. *Jurnal Usuluddin*.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. (2017). Tazkiyah al-nafs menurut ahli tasawuf. *Jurnal Qalbu*, 1.5, 80-108.
- al-Taftazani, Abu al-Wafa al-Ghanimi. (1979). *Madkhal ila al-tasawuf al-islami*. Kaherah: Dar al-Thaqafah.
- al-Tusi, Abu Nasr Siraj. (1960). *al-Luma'*. Mesir: Dar al-Kutub al-Hadisah.
- Wan Saleha Wan Sayed, Mohd Hasrul Shuhari, Wan Hishamudin Wan Jusoh. (2020). Institusi tarekat tasawuf dalam pemantapan spiritual insan. *Malaysian Journal for Islamic Studies*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Zakaria Stapa. (2016). *Sanad tarekat: sejauh mana sandarannya kepada amalan para sahabat* (Perbentangan kertas kerja). Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan 2016.
- Zikmal Fuad. (2020). Sejarah Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah di Babussalam, Tanjung Pura, Langkat dan ajaran-ajaran dasarnya. *Jurnal al-Ummah*, 2, 17-29.

Perkembangan dan Cabaran Inovasi Pendigitalan dalam Praktis Takaful Era Baharu

Developments and Challenges of Digital Innovation in the Practice of Takaful in the New Era

Noor Hidayah Zainudin (*Corresponding author*)

USAS Takaful Academy, Faculty of Management and Information Technology
Universiti Sultan Azlan Shah

Tel: +6010-9004994 Emel: noorhidayah@usas.edu.my

Muhamad Faisal Bahari

USAS Takaful Academy, Faculty of Management and Information Technology
Universiti Sultan Azlan Shah

Tel: +6012-5731256 Emel: faisal@usas.edu.my

Nor Razuana Amram

Faculty of Management and Information Technology
Universiti Sultan Azlan Shah

Tel: +6013-9335472 Emel: norrazuana@usas.edu.my

Nazihah Wan Azman

USAS Takaful Academy
Faculty of Management and Information Technology
Universiti Sultan Azlan Shah

Tel: +6013-9721617 Emel: nazihah_azman@usas.edu.my

Abstrak

Penerimaan industri takaful terhadap inovasi digital semakin positif dan berkembang maju dengan memperlihatkan penglibatan operator takaful yang menerapkan teknologi terbaru untuk meningkatkan kecekapan operasi, menyediakan pengalaman pelanggan yang lebih baik dan memperluas akses kepada perlindungan takaful. Kajian ini bertujuan mengkaji perkembangan semasa industri takaful, inovasi digital dalam perniagaan takaful dan cabarannya di Malaysia. Pertumbuhan industri takaful didorong oleh peningkatan kesedaran terhadap produk kewangan patuh syariah dan pertambahan populasi Muslim di seluruh dunia. Operator takaful kini menggunakan teknologi digital seperti teknologi Takatech, Kecerdasan Buatan (AI), *blockchain*, *Internet of Things* (IoT), *Chatbot* dan *Robotic Process Automation* (RPA) bagi menawarkan perkhidmatan yang lebih cekap dan mudah diakses. Inovasi digital ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi operator takaful tetapi juga menyediakan pengalaman yang lebih baik kepada pelanggan, sekali gus memperluaskan akses perlindungan takaful kepada lebih ramai individu di seluruh dunia. Beberapa kajian lanjutan dicadangkan agar dapat memberikan idea yang progresif bagi meningkatkan inovasi pendigitalan dalam takaful, serta menyediakan asas yang kukuh untuk strategi dan perancangan masa depan dalam industri takaful di Malaysia.

Kata kunci: Takaful; Inovasi; Digital; Takatech; Operator Takaful.

Pengenalan

Takaful telah bermula sejak zaman awal Islam apabila masyarakat Arab mengamalkan sistem tanggungjawab bersama untuk membantu ahli-ahli yang mengalami kesusahan. Ini termasuk saling membantu ketika berlakunya kemalangan, kecurian, atau kematian. Pada zaman tersebut, konsep "aqd" atau kontrak digunakan di mana sekumpulan masyarakat bersetuju untuk menyumbang sejumlah wang atau harta sebagai perlindungan bagi anggota yang mengalami kerugian. Sistem ini memastikan bahawa beban risiko ditanggung bersama.

Pada abad ke-20, konsep takaful mula diadaptasi dalam bentuk yang lebih sistematik dan tersusun. Negara-negara dengan majoriti penduduk Islam seperti Sudan, Arab Saudi, dan Malaysia mula memperkenalkan produk takaful yang dikendalikan oleh syarikat insurans berasaskan syariah. Operator takaful pertama ditubuhkan di Sudan pada tahun 1979. Ini diikuti oleh negara-negara lain yang mengembangkan industri takaful untuk menyediakan alternatif kepada insurans konvensional yang tidak selaras dengan prinsip syariah.

Sejak itu, industri takaful telah berkembang secara pesat di seluruh dunia, bukan sahaja di negara-negara Islam tetapi juga di negara-negara barat di mana permintaan terhadap produk kewangan patuh syariah semakin meningkat. Kini, terdapat banyak operator takaful yang menawarkan pelbagai jenis perlindungan termasuk takaful keluarga, kesihatan, am, dan lain-lain. Industri takaful beroperasi berdasarkan prinsip-prinsip syariah yang ketat, dan kebanyakan negara telah menubuhkan badan pengawasan syariah untuk memastikan produk takaful mematuhi hukum Islam (Nayan et al., 2022).

Di samping itu juga, penerimaan industri takaful terhadap inovasi digital adalah positif dan berkembang, dengan lebih banyak operator yang menerapkan teknologi terbaru untuk meningkatkan kecekapan operasi, menyediakan pengalaman pelanggan yang lebih baik, dan memperluas akses kepada perlindungan takaful. Kajian ini bertujuan mengkaji perkembangan semasa industri takaful, inovasi digital dalam perniagaan takaful dan cabarannya di Malaysia.

Konsep Takaful dari Perspektif Islam

Takaful merupakan satu skim pengurusan risiko berdasarkan prinsip-prinsip syariah, di mana risiko dan tanggungjawab dikongsi bersama oleh kumpulan peserta. Takaful berasal daripada perkataan Arab "kafala", yang bermaksud "menjamin" atau "membantu." Sistem ini direka untuk menyediakan perlindungan kewangan dan menggalakkan kerjasama serta tanggungjawab bersama dalam kalangan peserta. Takaful beroperasi berdasarkan prinsip *ta'awun* (kerjasama) dan *tabarru'* (sumbangan sukarela). Peserta menyumbangkan sejumlah wang ke dalam dana takaful, yang akan digunakan untuk membayar tuntutan ahli yang mengalami kerugian atau musibah (Mahmud & Abd Kader, 2012).

Dana takaful diuruskan oleh operator takaful mengikut prinsip-prinsip syariah. Operator ini bertindak sebagai pengurus dana (wakil) dan mendapat imbalan berupa yuran pengurusan. Jika terdapat lebih daripada dana takaful selepas pembayaran tuntutan dan kos operasi, lebihan tersebut biasanya dibahagi antara para peserta atau disimpan sebagai rizab dana. Takaful mengelakkan amalan yang dilarang dalam Islam seperti *riba* (faedah), *gharar* (ketidakpastian yang berlebihan), dan *maysir* (perjudian) (Dusuki & Ali, 2018). Semua kontrak dan transaksi dalam takaful mesti bebas daripada elemen-elemen ini.

Terdapat pelbagai jenis perlindungan risiko di bawah takaful yang ditawarkan oleh operator takaful di Malaysia seperti takaful nyawa, takaful kesihatan, takaful am (insurans harta benda dan

kemalangan), dan beberapa perlindungan lain dalam takaful keluarga. Setiap jenis perlindungan risiko ini direka untuk memenuhi keperluan khusus peserta. Takaful sering dianggap sebagai sistem insurans yang lebih lestari dan adil kerana menggalakkan tanggungjawab bersama dan pengagihan risiko yang lebih saksama dalam kalangan peserta.

Perkembangan Industri Takaful di Malaysia

Industri takaful global dijangka berkembang pada kadar tahunan yang mengagumkan sebanyak 8% hingga 10% dalam beberapa tahun akan datang. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan kesedaran terhadap produk kewangan patuh syariah dan penambahan populasi Muslim di seluruh dunia (The Business Research Company, 2024). Negara-negara seperti Malaysia, Arab Saudi, dan Emiriah Arab Bersatu terus menjadi pemimpin dalam pasaran takaful. Malaysia menyaksikan pertumbuhan industri takaful melebihi 5% setahun, dengan jumlah sumbangan takaful meningkat kepada lebih RM10 bilion pada tahun 2023.

Segmen takaful keluarga adalah antara yang paling pesat berkembang. Di Malaysia, takaful keluarga mencatatkan pertumbuhan lebih 6% dalam sumbangan tahunan. Unjuran ini menunjukkan minat yang semakin meningkat terhadap perlindungan kewangan jangka panjang. Manakala, bagi segmen takaful am juga menunjukkan pertumbuhan yang positif. Di negara-negara GCC (Gulf Cooperation Council), jumlah sumbangan takaful am meningkat sekitar 7% pada tahun 2023, dipacu oleh peningkatan dalam pelan perlindungan kenderaan dan harta benda.

Di kebanyakan negara, kadar penembusan takaful masih rendah berbanding insurans konvensional, tetapi ia menunjukkan potensi pertumbuhan yang besar. Di Indonesia, kadar penembusan takaful hanya sekitar 3%, menunjukkan ruang yang luas untuk perkembangan masa depan. Pengenalan produk-produk baru dan inovatif dalam takaful, termasuk takaful mikro dan takaful digital, juga membantu memacu pertumbuhan. Penggunaan teknologi digital dalam penawaran dan pengurusan produk takaful semakin meluas, memudahkan akses dan memperluas jangkauan pasaran. Sehubungan itu juga, industri takaful terus menunjukkan pertumbuhan yang kukuh dan potensi besar untuk berkembang, dipacu oleh peningkatan kesedaran masyarakat, inovasi produk, dan sokongan dari institusi kewangan Islam di seluruh dunia (Hassan et al., 2023; Talibi & Husinii, 2023).


Pertumbuhan Perniagaan Takaful di Malaysia

Industri takaful di Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, dengan peningkatan sumbangan kasar perniagaan baharu takaful keluarga sebanyak 18.3%, mencapai RM10.06 bilion pada tahun 2022 berbanding RM8.5 bilion pada tahun 2021. Kadar penembusan pasaran menunjukkan takaful keluarga meningkat kepada 20.1% pada tahun 2022 daripada 18.6% pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2022, sebanyak 1.31 juta sijil perniagaan baru telah dikeluarkan, meningkat 15.6% daripada 1.14 juta sijil pada tahun 2021 (Editor, 2024).

Perniagaan takaful am mencatatkan sumbangan langsung kasar sebanyak RM4.64 bilion pada tahun 2022, dengan perniagaan takaful motor menyumbang RM3.07 bilion dan perniagaan takaful kebakaran menyumbang RM0.84 bilion, meningkat masing-masing sebanyak 21.1%, 20.7%, dan 23.5% dari tahun 2021 (Editor, 2023).

Pada tahun 2023, operator takaful membayar sejumlah RM8.74 bilion untuk menyokong peserta, walaupun terdapat sedikit penurunan dalam jumlah sijil dan sumbangan kasar berbanding tahun 2022 (Editor, 2024). Aset dana takaful menunjukkan peningkatan sebanyak 14% dengan aset dana takaful keluarga meningkat kepada RM48.5 bilion pada tahun 2023 berbanding RM43.6 bilion

pada tahun 2022. Manakala, aset dana bagi takaful am meningkat kepada RM7.2 bilion pada tahun 2023 berbanding RM6.2 bilion pada tahun sebelumnya. Jumlah caruman bersih meningkat daripada 23% pada tahun 2022 kepada 23.4% pada tahun 2023 (Lihat Rajah 1) (Bank Negara Malaysia, 2023). Industri takaful di Malaysia dijangka terus berkembang dengan mantap, walaupun menghadapi cabaran makroekonomi seperti inflasi dan ketidakpastian pasaran. Peningkatan kesedaran tentang perlindungan takaful dan transformasi digital yang berterusan dijangka menjadi pemangkin utama kepada pertumbuhan industri ini pada tahun-tahun akan datang.



Rajah 1: Pertumbuhan industri takaful pada tahun 2023 (Sumber: Bank Negara Malaysia, 2023)

Takaful Menelusuri Inovasi Digital

Inovasi digital dalam industri takaful di peringkat global telah berkembang pesat membolehkan operator takaful menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkesan kepada pelanggan. Banyak operator takaful kini menggunakan teknologi digital seperti platform dalam talian dan aplikasi mudah alih untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih mudah diakses. Contohnya, operator takaful menyediakan portal pelanggan dalam talian yang membolehkan peserta memantau polisi mereka, membuat tuntutan, dan mendapatkan khidmat nasihat dengan mudah.

Takatech adalah istilah yang digunakan untuk merujuk kepada penggunaan teknologi canggih dalam industri takaful, iaitu insurans patuh syariah. Takatech merupakan gabungan perkataan "takaful" dan "technology," yang menggambarkan bagaimana operator takaful mengadopsi teknologi digital untuk meningkatkan perkhidmatan mereka dan memberikan pengalaman pelanggan yang lebih baik (Mortuza Ali, 2021). Operator takaful di Malaysia seperti Etiqa Takaful dan Takaful Malaysia telah melaksanakan pelbagai teknologi digital untuk meningkatkan perkhidmatan mereka. Ini termasuk pelancaran aplikasi mudah alih dan portal pelanggan dalam talian yang memudahkan urusan takaful.

Teknologi Insurtech atau Takatech dan Kecerdasan Buatan (AI) telah diterapkan dalam proses penilaian risiko, pengesanan penipuan, dan pemprosesan tuntutan. AI membantu dalam analisis data

besar untuk mengenal pasti corak dan anomali, yang seterusnya meningkatkan ketepatan dan kecekapan operasi. Penggunaan teknologi *blockchain* dalam takaful membantu meningkatkan ketelusan dan keselamatan data. *Blockchain* memastikan semua transaksi direkodkan dengan telus dan tidak boleh diubah, yang meningkatkan keyakinan peserta terhadap sistem takaful (Gazali et al., 2023; Radwan et al., 2020).

Di samping itu juga, *Internet of Things* (IoT) digunakan untuk mengumpul data masa nyata dari peranti yang disambungkan, seperti sensor kereta atau peranti kesihatan. Data ini membantu dalam menilai risiko secara lebih tepat dan memberikan premium yang lebih adil kepada peserta. *Chatbot* dan *Robotic Process Automation* (RPA) digunakan untuk meningkatkan interaksi pelanggan dan memproses permintaan dengan lebih pantas. *Chatbot* boleh memberikan maklumat segera kepada pelanggan, sementara RPA membantu dalam automasi tugas-tugas pentadbiran yang rutin.

Perlindungan Mikro (Microtakaful) melalui platform digital membolehkan operator takaful menawarkan produk mikrotakaful yang berpatutan dan mudah diakses oleh golongan yang kurang berkemampuan (Talibi & Husinii, 2023). Ini termasuk produk seperti Perlindungan Tenang di Malaysia, yang dirancang untuk memenuhi keperluan perlindungan asas di kalangan B40 (Editor, 2024).

Kini, Malaysia sedang melaksanakan pelan transformasi industri takaful yang dikenali sebagai Hijrah27, yang bertujuan untuk menjadikan takaful lebih relevan dan mudah diakses. Pelan ini termasuk peningkatan penggunaan teknologi digital dalam operasi dan perkhidmatan takaful. Inovasi digital ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi syarikat takaful tetapi juga menyediakan pengalaman yang lebih baik kepada pelanggan, sekali gus memperluaskan akses kepada perlindungan takaful kepada lebih ramai individu di seluruh dunia (Hemed et al., 2021).

Bank Negara Malaysia (BNM) telah merancang untuk memperkenalkan rangka kerja peraturan untuk Pengendali Takaful Digital pada separuh pertama tahun 2024. Ini menunjukkan sokongan pihak berkuasa terhadap perkembangan inovasi digital dalam industri takaful, yang dijangka meningkatkan lagi penerimaan dan penggunaan teknologi dalam sektor ini.

Cabaran Inovasi Pendigitalan dalam Industri Takaful

Pendigitalan dalam industri takaful membawa banyak manfaat, namun begitu operator takaful dan pengamal industri takaful juga berdepan dengan pelbagai cabaran. Dengan peningkatan penggunaan teknologi digital, risiko keselamatan siber juga meningkat. Operator takaful perlu memastikan data pelanggan dilindungi daripada ancaman siber seperti penggodaman dan kecurian identiti. Keselamatan data adalah kritikal bagi melindungi hak privasi dan menjaga kepercayaan pelanggan.

Pendigitalan perlu mematuhi prinsip-prinsip syariah yang ketat. Setiap teknologi dan inovasi baru mesti diperiksa dan disahkan oleh badan penasihat syariah untuk memastikan ia tidak melanggar prinsip-prinsip Islam. Ini bermakna setiap aspek teknologi dan inovasi baru perlu dipastikan selaras dengan ajaran Islam dan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip agama tersebut. Badan penasihat syariah bertanggungjawab untuk menilai teknologi dan inovasi baru secara mendalam, memeriksa apakah ia mematuhi nilai-nilai dan hukum Islam. Dengan adanya proses pemeriksaan ini, diharapkan bahawa perkembangan teknologi akan sejalan dengan ajaran agama dan tidak menimbulkan konflik dengan nilai-nilai masyarakat Islam.

Sesetengah operator takaful mungkin menghadapi cabaran dalam membangunkan dan mengekalkan infrastruktur teknologi yang diperlukan untuk pendigitalan. Ini termasuk kos yang

tinggi untuk teknologi baru dan keperluan untuk mengemas kini sistem lama yang mungkin tidak sesuai dengan teknologi baru.

Kesedaran tentang takaful digital masih rendah dalam kalangan sesetengah masyarakat. Operator takaful perlu menjalankan kempen pendidikan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang manfaat takaful digital dan cara penggunaannya. Sesetengah pelanggan mungkin lebih selesa dengan pendekatan tradisional dan menunjukkan tentangan terhadap perubahan kepada perkhidmatan digital. Perubahan budaya dalam cara berinteraksi dengan perkhidmatan takaful memerlukan masa dan usaha pelbagai pihak (Manaf & Amiruddin, 2019).

Antara cabaran lain yang mungkin berpotensi dihadapi oleh pengamal industri takaful ialah mencipta pengalaman pelanggan yang konsisten dan positif melalui platform digital. Operator takaful perlu memastikan bahawa platform digital mereka adalah mesra pengguna, mudah diakses dan menyediakan perkhidmatan yang cekap dan responsif.

Kekerapan perubahan yang berlaku terhadap peraturan dan garis panduan dalam sektor kewangan dan takaful boleh menjadi cabaran tambahan. Operator takaful perlu sentiasa memantau perubahan peraturan dan memastikan pematuhan yang berterusan kerana kegagalan pematuhan kepada standard dan peraturan boleh merumitkan pengenalan teknologi baru kepada pelanggan dan masyarakat.

Kekurangan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran teknologi yang diperlukan untuk mengurus dan mengendalikan sistem digital merupakan satu cabaran yang besar. Latihan dan pembangunan kemahiran untuk pekerja adalah penting untuk memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan teknologi baru.

Kesimpulan

Inovasi digital dalam takaful telah membawa pelbagai manfaat yang signifikan kepada industri ini. Teknologi digital membolehkan lebih ramai individu mendapat akses kepada produk dan perkhidmatan takaful melalui platform dalam talian. Ini amat penting terutamanya untuk populasi yang berada di kawasan luar bandar atau terpencil. Kos operasi dan masa yang diperlukan untuk memproses tuntutan dan pendaftaran polisi juga dapat dikurangkan. Sehubungan dengan itu juga, penggunaan aplikasi mudah alih dan portal dalam talian meningkatkan interaksi dan pengalaman pelanggan, menjadikan proses lebih mudah dan pantas. Manakala, teknologi analisis data membantu dalam membuat keputusan yang lebih baik dan tepat, serta dalam menguruskan risiko dengan lebih efisien.

Walaupun terdapat pencapaian yang signifikan, BNM juga mengenal pasti beberapa cabaran seperti perlunya peningkatan infrastruktur digital dan menangani isu keselamatan siber. Namun, dengan sokongan kerajaan dan kerjasama industri, cabaran-cabaran ini diharapkan dapat diatasi dengan baik. BNM menunjukkan komitmen yang kuat untuk memastikan sektor takaful di Malaysia terus berkembang dengan memanfaatkan teknologi digital, sekali gus memberikan manfaat yang lebih besar kepada peserta dan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global.

Cadangan Kajian Lanjutan

Cadangan kajian lanjutan terhadap inovasi pendigitalan dalam takaful di Malaysia boleh memberikan pandangan yang lebih mendalam dan menyeluruh mengenai bagaimana teknologi digital boleh digunakan untuk mempertingkatkan industri ini. Berikut adalah beberapa cadangan kajian yang boleh

dipertimbangkan oleh penyelidik akan datang seperti kajian terhadap penerapan teknologi *blockchain* dalam pengurusan polisi dan tuntutan takaful yang memfokuskan kepada ketelusan, keselamatan data, dan pengurangan penipuan. Kajian juga boleh membincangkan mengenai bagaimana kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin boleh meningkatkan ketepatan dalam penilaian risiko dan penyesuaian premium polisi takaful.

Selain itu, kajian kes yang mendalam boleh dijalankan mengenai penggunaan peranti IoT untuk pemantauan kesihatan pelanggan dan tingkah laku pemanduan. Menilai impak terhadap penetapan premium dan pengurangan risiko. Begitu juga, kajian lanjutan terhadap penggunaan *chatbot* AI untuk menyediakan perkhidmatan pelanggan 24 jam sehari dan 7 hari seminggu (24/7), termasuk kesan terhadap kepuasan pelanggan dan kecekapan operasi.

Antara lain, kajian lanjutan juga boleh membincangkan tentang bagaimana analisis data besar boleh digunakan untuk memahami keperluan pelanggan, ramalan tren risiko, dan penyesuaian produk takaful. Kajian mengenai kesan RPA dalam automasi tugas rutin dan berulang seperti pemprosesan tuntutan, serta kesannya terhadap kecekapan dan pengurangan kesilapan manusia. Tambahan juga, analisis kes boleh dijalankan mengenai keberkesanan platform digital bersepadu yang menawarkan pelbagai perkhidmatan takaful dalam satu aplikasi atau portal web. Analisis kes ini boleh memfokuskan kepada pengalaman pengguna dan penambahbaikan proses.

Di samping itu, kajian perbandingan prestasi antara operator takaful yang telah melaksanakan teknologi digital dengan operator yang belum melaksanakan teknologi digital, dengan tujuan untuk menilai kesan pendigitalan terhadap prestasi dan kepuasan pelanggan. Berikutnya, kajian mengenai tahap kesedaran dan penerimaan pelanggan terhadap penggunaan teknologi digital dalam perkhidmatan takaful, termasuk kajian tentang halangan dan faktor pendorong penerimaan teknologi. Kajian lanjutan juga boleh dijalankan mengenai bagaimana kerjasama dengan syarikat fintech dapat mempercepat inovasi dalam industri takaful, serta impaknya terhadap model perniagaan dan keberkesanan operasi.

Dengan mengkaji aspek-aspek ini, kajian lanjutan dapat memberikan pandangan yang progresif tentang cara-cara untuk meningkatkan inovasi pendigitalan dalam takaful, serta menyediakan asas yang kukuh untuk strategi dan perancangan masa depan dalam industri takaful di Malaysia.

Rujukan

Bank Negara Malaysia. (2023). *Laporan Tahunan 2023*. Bank Negara Malaysia.

Dusuki, A. W., & Ali, M. M. (2018). Riba dalam insurans konvensional: Sejauhmana konsep takaful berperanan menanganinya? *ICR Journal*, 9(2), 205-226.

Editor. (2023, April 12). Takaful industry registers 18 growth and 23% market share of net contributors. *Business Today*. <https://www.businesstoday.com.my/2023/04/12/takaful-industry-registers-18-growth-and-23-market-share-of-net-contributors/>

Editor. (2024, March 4). Malaysia takaful growth steady despite macroeconomic challenges. *Business Today*. <https://www.businesstoday.com.my/2024/03/04/malaysia-takaful-growth-steady-despite-macroeconomic-challenges/>

- Gazali, H. M., Haque, M. M., Shafiai, S., & Shamsudin, N. (2023). Conceptual insights on factors shaping takaful technology (TAKATECH) adoption in Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 17(2), 83–93.
- Hassan, M. S., Islam, M. A., Yusof, M. F., & Nasir, H. (2023). Users' fintech services acceptance: A cross-sectional study on Malaysian insurance & takaful industry. *Heliyon*, 9(11).
- Hemed, H. A., Alamoudi, A. A. A., Al Qassim, A. A. A., & Qasem, B. M. S. (2021). The potential use of fintech developments in takaful. *International Journal of Management and Applied Research*, 8(2), 109-121.
- Mahmud, M. S., & Abd Kader, R. (2012). Perkembangan takaful di Malaysia: Satu kajian undang-undang kewangan Islam di Malaysia. *KANUN: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 24(2), 240-261.
- Manaf, A. W. A., & Amiruddin, N. (2019). Fintech and the challenge of digital disruption in takaful operation. *Asia Proceedings of Social Sciences*, 4(1), 1-3.
- Mortuza Ali, K. M. (2021). TakafulTech for business excellence and customer satisfaction. *Islamic FinTech: Insights and Solutions*, 385-403.
- Nayan, M. A., Abdullah, N., Othman, Y., & Cheumar, M. (2022). Takaful keluarga sebagai instrumen pengurusan risiko menghadapi pandemik COVID-19. *CIFER International Journal of Islamic Finance* June 2022, 1(1).
- Radwan, M., Calandra, D., Koumbarakis, P., & Lanzara, F. (2020). Takaful industry and blockchain: Challenges and opportunities for costs' reduction in Islamic insurance companies. *European Journal of Islamic Finance*. 1 – 6. <https://dx.doi.org/10.13135/2421-2172/4926>
- Talibi, J., & Husinii, M. M. (2023). A review of digital solutions to drive microtakaful demand. In *The Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2023)*, 145.
- The Business Research Company. (2024). Research and Market: Takaful Global Market Report 2024. <https://www.researchandmarkets.com/report/takaful>

Status Anak Kelahiran Pra Matang Sebagai Wali Nikah: Analisis Kajian Kes

Status of Prematurely Born Child as Marriage Legal Guardian (Wali): A Case Study Analysis

Khairul Ammar Muhammad Ali

Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang pauh, 13500, Pulau Pinang, Malaysia

Tel: [+6019-2720302](tel:+6019-2720302) E-mail: khairulammar.ali@uitm.edu.my

Mustaqim Roslan, M. (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: [+6014-5191337](tel:+6014-5191337) E-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Abstrak

Dua pasangan adik-beradik yang dinikahi menggunakan wali abang mereka terpaksa dibubarkan atas dakwaan abangnya telah diklarifikasikan sebagai anak tak sah taraf (ATST) oleh pegawai bertugas. Pengesahatarafan wali abangnya sebagai ATST hanyalah dibuktikan berdasarkan perbandingan tarikh kelahiran abangnya dengan tarikh pernikahan ibu bapa mereka yang kurang daripada tempoh enam bulan. Sedangkan kelahiran abangnya itu adalah pra matang dan telah diperakui oleh saksi hidup iaitu ibunya sendiri. Tujuan artikel ini adalah menganalisis status anak kelahiran pra matang sebagai wali nikah menurut pandangan syarak. Falsafah kajian ini adalah interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Reka bentuk kualitatif telah diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temubual separa berstruktur melibatkan qadhi, pegawai perubatan dan ahli majlis fatwa sebagai sampel utama. Setelah itu, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa anak kelahiran pra matang adalah anak yang sah kerana dilahirkan dengan akad perkahwinan yang sempurna. Maka nikah yang diwalikan oleh anak pra matang adalah sah secara syarak dan tindakan kepada pembubaran perkahwinan tanpa *tabayyun* mengundang masalah yang lebih besar kepada mangsa-mangsa keadaan.

Kata kunci: Anak Pra Matang; Anak Tak Sah Taraf; Nikah; Pembubaran Perkahwinan; Wali.

Pengenalan

Kadar kelahiran anak pra-matang di Malaysia semakin hari semakin bertambah. Ianya menyebabkan mereka yang terlibat dengan profesion perubatan perlu bersedia dengan kelengkapan yang terbaik dalam merawat bayi pra matang yang baru dilahirkan. Bayi pra matang dilahirkan pada kadar 8% dari kadar kelahiran di Malaysia. Ianya merupakan satu jumlah yang ramai (Amir, 2015). Bayi dikategorikan sebagai pra matang apabila ianya lahir dalam tempoh 22-37 minggu dalam kandungan ibunya. Takrifan “Kelahiran Hidup” sudah diawalkan menjadi 22 minggu menurut Kementerian Kesihatan yang mana sebelumnya ditetapkan pada 24 minggu (Amir, 2015). Ianya bersamaan dengan 5 bulan 2 minggu. Ini membuka lembaran baru perbincangan tentang penentuan penasaban bayi yang lahir secara pra matang. Persoalan yg timbul adalah seandainya ada bayi yang lahir kurang daripada 6 bulan dari tarikh akad nikah ibu dan bapanya, apakah ianya boleh dinasabkan kepada bapa biologi walaupun tiada bukti dan kesaksian bahawa zina berlaku sebelum akad nikah.

Prosedur pernikahan ada menetapkan bagi seorang *qadhi* atau pegawai yang terlibat untuk memeriksa tarikh lahir bakal pengantin perempuan dan tarikh akad nikah ibu bapa mereka. Ia penting bagi penentuan sama ada bapa bakal pengantin perempuan tersebut layak dijadikan wali pernikahan bakal pengantin terbabit. Namun pada suatu tempoh, pemeriksaan tersebut tidak merangkumi tarikh lahir wali itu sendiri sekiranya wali tersebut adalah di kalangan adik beradik lelakinya. Ianya menjadi isu yang serius apabila didapati kes di mana abang sulung yang menjadi wali kepada adik-beradik perempuannya yang lahir tidak cukup 6 bulan dari tarikh akad nikah ibu dan bapanya. Walaupun demikian pada hari ini, amalan bagi semua *qadhi* dan penolong *qadhi* yang ditemubual sudah menjalankan prosedur pemeriksaan terhadap tarikh lahir wali (abang kandung merangkap abang sulung) tersebut dengan tarikh akad nikah kedua ibu dan bapanya.

Mengikut amalan semasa, proses *faraq* harus dilakukan terhadap pasangan yang berkahwin menggunakan wali berstatus sedemikian (lahir kurang 6 bulan dari akad nikah ibu dan bapanya). Kemudian, hakim akan memerintahkan supaya wanita tersebut untuk beriddah sebanyak tiga kali suci. Seandainya pasangan terbabit sudah mempunyai anak, maka anak tersebut dikategorikan sebagai anak hasil watie syubhah dan hendaklah dinasabkan kepada bapa biologinya (Noor, 2018). Walaupun anak watie syubhah ini tidak terkesan dari sudut penasaban dan perwarisan, namun status wali tersebut masih dalam keadaan tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologinya pula. Seterusnya memberi kesan terhadap urusan-urusan lain seperti perwarisan dan sebagainya.

Metodologi Kajian

Falsafah disebalik kajian ini adalah interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Reka bentuk kualitatif telah diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temubual separa berstruktur melibatkan *qadhi*, pegawai perubatan ahli majlis fatwa sebagai sampel utama (Tobi, 2017). Temubual dilakukan bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang aplikasi prosedur pernikahan yang membabitkan kaedah pemeriksaan terhadap wali-wali yang terlibat dalam pernikahan. Temubual juga dilakukan bagi mendapatkan pengesahan pegawai Kementerian Kesihatan tentang penetapan Kadar Kelahiran Hidup 22 minggu bagi yang dilahirkan di Malaysia. Di samping itu, temubual juga dijalankan bagi mendapatkan pandangan ahli majlis fatwa terhadap kes yang ditimbulkan baru-baru ini. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Penelitian isi kandungan setiap dokumen dilakukan bagi mencari isi-isi penting yang berkaitan tajuk yang dikaji (Long, 2018).

Strategi kajian yang digunakan dalam kajian ini difikirkan sesuai dengan objektif yang telah ditetapkan untuk kajian ini. Objektif yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah mengkaji status anak kelahiran pra matang sebagai wali nikah menurut pandangan syarak. Status dua pasangan adik-beradik yang dinikahi menggunakan wali abang mereka yang terpaksa dibubarkan atas dakwaan abangnya telah diklarifikasikan sebagai anak tak sah taraf (ATST) oleh pegawai bertugas juga akan dianalisis. Memandangkan penentuan ATST ini adalah berdasarkan kaedah penasaban yang ditetapkan dalam Islam, maka ianya menjadi satu keperluan dalam kajian ini untuk mengkaji tentang kaedah penentuan penasaban yang dirujuk di Malaysia.

Perbezaan Pandangan Penasaban Bayi Lahir Kurang 6 Bulan

Ibnu Qudamah menyatakan para ulama berbeza pendapat sekiranya seorang wanita itu melahirkan anak tanpa seorang suami. Menurut Mufti Perlis telah ijma' bahawa tiada penasaban sekiranya seorang wanita itu tidak bersuami dan pezina itu juga tidak mengaku bahawa itu adalah anaknya, anak berkenaan tidak boleh dinasabkan kepada pezina (Abidin, 2019). Namun begitu, sekiranya seorang wanita itu tidak bersuami dan pezina itu mengaku bahawa itu adalah anaknya, ianya

termasuk perkara khilaf di kalangan ulama. Terdapat ulama yang menyebutkan bahawa nasab boleh disabitkan dengan membuktikan persetubuhan hakiki sekalipun zina. Di kalangan mereka yang berpandangan begini adalah seperti Ibnu Taimiyyah, Ibnu Qayyim, Ishak Bin Rahuyah, Urwah Bin Zubair, Sulaiman Bin Yasar, Hasan Basri, Ibn Sirin, Ibrahim al-Nakhaie, Ibn Muflih dan Ibn al-Qasim (Al-Bakri, 2017).

Mufti Wilayah pula berpandangan pandangan yang menghubungkan nasab anak zina kepada penzina telah dibatalkan apabila Islam hadir menggantikan amalan jahiliah. Apa yang seharusnya dipegang oleh ummat Islam ialah berkenaan sabda Rasulullah ﷺ yang membawa maksud “*anak dinasabkan kepada bapa yang berada dalam perkahwinan yang sah*” (Al-Bakri, 2017). Namun begitu Mufti Wilayah menyatakan terdapat juga perbezaan pendapat di kalangan ulama berkaitan tentang kaedah pensabitan nasab melalui perkahwinan ini. Pertamanya adalah pandangan jumur ulama yang terdiri daripada ulama-ulama mazhab Maliki, Syafii dan Hambali:

Faktor zaman 1 : Jika seorang wanita berkahwin dan kemudiannya bercerai setelah akad nikah, maka nasab anak tidak boleh ditetapkan pada suami. Ini kerana tiada persetubuhan yang dilakukan yang memungkinkan wanita itu mengandungkan anak suaminya.

Faktor zaman 2 : Jika anak terbahit dilahirkan kurang dari 6 bulan Qamariyyah maka nasab itu tidak boleh juga ditetapkan kepada bapa biologinya kerana sekurang-kurang hamil adalah selama 6 bulan.

Faktor tempat : Jika seorang lelaki berkahwin melalui wali seorang wanita dalam keadaan mereka tidak pernah bertemu, tetapi wanita tersebut melahirkan anak setelah 6 bulan maka anak berkenaan tetap tidak boleh dinasabkan kepada lelaki terbahit.

Pandangan jumur yang pertama dari faktor zaman ini secara asasnya menitikberatkan tentang perlu wujudnya persetubuhan dalam persoalan kehamilan. Kewujudan persetubuhan ini hanyalah boleh disahkan oleh suami, isteri atau kemungkinan adanya saksi yang melihat persetubuhan dilakukan sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Apabila kita mengambil kira pula kajian kes ini, kewujudan persetubuhan sebelum perkahwinan juga perlu dibuktikan bagi kes ini. Tindakan hakim memutuskan untuk membubarkan (*faraq*) perkahwinan tanpa siasatan secara terperinci terhadap wali yang lahir tidak cukup 6 bulan dari akad pernikahan ini adalah tindakan melulu yang tidak seiring dengan konsep keadilan Islam. Pembuktian ini sama pentingnya dalam memahami adakah wanita tersebut terlibat dengan zina ataupun tidak.

Kes yang berlaku dan dibincangkan dalam kajian ini tidaklah mempersoalkan perbincangan ulama dalam konteks perbincangan sebelum ini sama ada pandangan jumur ulama ataupun berkaitan pandangan ulama dari Mazhab Hanafi yang menyatakan bahawa ikatan perkahwinan semata-mata sudah cukup dalam penetapan nasab terhadap bapanya. Mufti Wilayah menyatakan pendapat ulama dari Mazhab Hanafi ini tertolak kerana tertegah hasilnya dengan sebab akad berdasarkan zahir hadis (Al-Bakri, 2017). Bahkan mesti adanya *imkan al-wat'i* atau kelebihan bersetubuh atau tempoh bersetubuh. Namun, kajian ini tidak melebarkan perbincangan tentangnya tetapi lebih menjurus perbincangan khusus berkaitan isu anak yang lahir kurang daripada 6 bulan tanpa melibatkan zina seterusnya menjadi wali bagi perkahwinan adiknya. Maksudnya persenyawaan itu bermula dan berlaku setelah akad nikah kedua ibu bapa bayi tersebut. Inilah perkara yang ditekankan oleh Profesor Madya Dr Mohd Hapiz Mahaiyadin yang merupakan bekas Ahli Majlis Fatwa Negeri Kedah dan Pulau Pinang berdasarkan dapatan temubual yang dijalankan oleh pengkaji. Beliau berpandangan bahawa perbincangan tentang kelahiran bayi pra matang ini perlu dibahaskan daripada dua konteks yang berbeza.

Konteks pertamanya, kelahiran lebih 6 bulan daripada tarikh akad nikah. Konteks ini sebenarnya tidak mengiktiraf bayi yang disenyawakan dalam rahim ibunya sebelum daripada akad nikah atas pensabitan penasaban. Maksudnya permulaan persenyawaan itu sudah berlaku sebelum akad nikah ibu dan bapa biologi bayi tersebut. Sekiranya situasi ini berlaku, bayi tersebut tetap termasuk dalam ketagori ATST samada bayi tersebut dilahirkan kurang ataupun lebih dari 6 bulan. Walaupun bayi tersebut lahir lepas 6 bulan daripada tarikh akad nikah kedua ibu dan bapa biologinya, tetapi kebarangkalian bayi tersebut sudah mencukupi kadar kehamilan matang iaitu 9 bulan. Keadaan ini memerlukan pengesahan kedua ibu-bapa bayi tersebut dengan kaedah iqrar bahawa apakah berlaku zina sebelum akad nikah itu lagi. Sekiranya kedua ibu bapa biologi bayi tersebut berikrar menafikan berlakunya zina, maka pihak Jabatan Agama Islam hendaklah akur terhadap pengakuan tersebut dan bayi tersebut bolehlah dinasabkan kepada bapa biologinya.

Konteks kedua, kelahiran kurang 6 bulan daripada akad nikah. Konteks ini sebenarnya mengiktiraf bayi yang disenyawakan dalam rahim ibunya bermula daripada selepas akad nikah. Beliau berpandangan bayi tersebut layak dinasabkan kepada bapa biologinya kerana perkahwinan sudah berlaku dengan cara yang sah dan tidak berlaku zina sama ada bersama dengan orang lain atau zina dengan bapa biologi bayi tersebut. Sekali lagi iqrar daripada kedua ibu bapa biologi tersebut boleh dijadikan kaedah dalam penentuan berlakunya zina ataupun tidak dalam proses kehamilan bayi tersebut. Kesaksian juga boleh diambil seandainya wujud dan ujian DNA disyorkan bagi memperkukuhkan lagi hubung kait anak tersebut dengan bapa biologinya. Persoalan tentang kelahiran kurang 6 bulan, hendaklah dirujuk kepada pakar perubatan yang layak untuk dirujuk. Apabila syarat perkahwinan sudah berlaku, persenyawaan juga berlaku dalam tempoh perkahwinan dan wujudnya pengakuan kedua ibu bapa biologi bahawa tiada berlaku zina, maka sabit atas bayi tersebut untuk dinasabkan kepada bapa biologinya.

Pandangan ini dilihat masih terangkum dengan pandangan Al-Bakri (2023), iaitu abang sulong yang menjadi wali kepada adik perempuannya layak untuk menjadi wali sekiranya mempunyai hubungan pertalian darah yang sah walaupun abang sulong terbabit lahir tidak cukup bulan. Ianya selagi tiada halangan lain yang menghalang seperti status ATST atau faktor-faktor lain yang seumpama dengannya.

Penetapan Nasab Bagi Bayi Yang Dilahirkan

Para fuqaha' telah menetapkan beberapa kaedah dalam menentukan nasab. Antaranya ialah perkahwinan, persaksian, pengakuan (ikrar) dan *isti* (pengecaman melalui persamaan fizikal antara dua orang oleh pakar). Kaedah perkahwinan adalah satu dalil yang menyebabkan nasab atau mem'bin'/'binti'kan anak. Bahkan, kaedah ini disepakati oleh semua fuqaha' tanpa terdapat khilaf. Kaedah pensabitan nasab melalui perkahwinan boleh membatalkan kaedah-kaedah lain jika berlaku pertembungan (Al-Bakri, 2017).

Kaedah persaksian pula terdapat beberapa perbezaan pendapat. Namun, menurut ulama Mazhab Syafii kesaksian ini disahkan secara pasti dalam masalah nasab dan kelahiran. Begitu juga pandangan Imam Abu Hanifah iaitu kesaksian diterima dalam masalah nasab, kematian, nikah, menggauli isteri serta jabatan kehakiman (Al-Asqalani, 2010). Syarat penyaksian pula ialah dua orang lelaki yang memenuhi kriteria-kriteria saksi sebagaimana yang dijelaskan dalam syarat-syarat nikah. Oleh itu, penyaksian seorang lelaki, seorang Perempuan dan penyaksian kaum wanita tidak diterima (Al-Bugho & Asy-Syarbaji, 2016). *Istifadhoh* juga termasuk dalam bab penyaksian yang sah. *Istifadhoh* ialah seseorang individu menasabkan dirinya kepada seorang lelaki tanpa sebarang perselisihan. Orang ramai di kawasan itu turut menasabkannya kepada lelaki yang sama tanpa wujud perselisihan.

Kaedah ikrar pula berlaku apabila terdapat seorang lelaki yang membuat pengakuan bahawa anak kepada seorang wanita itu adalah anaknya ataupun pengakuan seseorang bahawa lelaki tersebut merupakan ayahnya (Al-Bugho & Asy-Syarbaji, 2016). Namun begitu ianya tertakluk kepada beberapa syarat :

- i. Keadaan fizikal ataupun perbezaan umur yang tidak memungkinkan mereka boleh dianggap sebagai anak seperti mempunyai umur yang hampir sebaya.
- ii. Ikrar itu diperakui oleh syarak. Syarak tidak memperakui ikrar seseorang individu seandainya diketahui oleh umum bahawa anak tersebut bukan daripada keturunannya.
- iii. Orang yang didakwa mengiyakan apa yang didakwakan pendakwa. Syarat yang kelayakan orang yang didakwa untuk mengiyakan adalah sekiranya dia seorang mukallaf.
- iv. Orang yang berikrar tidak berikrar untuk kepentingan dirinya sendiri ataupun demi mengelakkan diri dari ditimpa mudharat. Dakwaan seperti ini tidak dapat diterima melainkan wujud bukti seperti persaksian.

Seandainya kaedah fiqh digunapakai bagi mengambil kira pendakwaan terhadap status bayi tersebut ianya perlu bermula dengan kaedah yang meraikan asal keadaan wanita itu adalah sudah berkahwin. Jadi, kaedah “Asal persetubuhan suami isteri tersebut adalah sah di sisi syarak melainkan ada dalil/bukti yang menyatakan terdapat penzinaan sebelum pernikahan”. Ini kerana, tidak mungkin akan ada bayi yang dilahirkan melainkan adanya seorang wanita yang sudah melakukan persetubuhan. Mereka yang menuduh zina perlu mendatangkan 4 orang saksi lelaki. Manakala si suami perlu bersumpah *li'an* sekiranya menuduh isterinya berzina dan ingin menafikan anak yang dilahirkan itu bukanlah anaknya. Selagi mana perkara ini tidak berlaku, bayi yang dilahirkan oleh wanita tersebut perlu dinasabkan kepada suami wanita tersebut. Tanpa kita sedari, wanita yang melahirkan bayi tersebut tidak terbeban terhadap tuduhan zina melainkan kepada orang menuduh. Beban pembuktian terhadap orang yang menuduh. Oleh kerana itu, bagi isu bayi yang lahir kurang daripada 6 bulan dari akad nikah ibu dan bapa biologinya tidaklah boleh disabitkan kesalahan terus ke atasnya pada kemungkinan sudah berlaku zina sebelum akad nikah lagi. Ini kerana kewujudan kes bayi yang lahir kurang 6 bulan dan masih hidup ada berlaku di zaman kita dan ianya menjadi bukti nyata yang tidak boleh dipinggirkan begitu sahaja.

Kaedah Hitungan 6 Bulan

Terdapat sebuah riwayat yang menceritakan perbualan antara Saidina Uthman dan Ibnu Abbas. Ianya berkaitan tentang hal yang diadukan kepada Saidina Uthman berkaitan seorang lelaki yang sudah berkahwin dan mempunyai seorang isteri yang melahirkan anak selepas 6 bulan perkahwinan. Ianya menyebabkan Saidina Uthman mahu mengambil tindakan untuk merejam wanita terbabit. Namun, Ibn Abbas menjawab “Adapun sesungguhnya kalaulah mungkin aku berhujah dengan kamu kepada kitab Allah nescaya aku akan menang. Ini kerana firman Allah SWT, maksudnya “*dan tempoh hamilnya serta berpisah daripada susu ibunya 30 bulan*” dan “*berpisah dari susu ibunya dalam tempoh 2 tahun*”. Justeru, hamil di sini hanya 6 bulan. Akhirnya, Saidina Uthman telah mengambil pandangan Ibnu Abbas dan tidak melaksanakan hukuman had terhadap wanita terbabit (Al-Bakri, 2017).

Perbahasan yang dilakukan dalam riwayat tersebut adalah merujuk kepada Surah al-Ahqaf ayat 15 yang bermaksud: “*(Dan ibunya) mengandung serta menyusukannya (anak) selama tiga puluh bulan*” (Al Qur’an 26:15). Dan juga Surah Luqman ayat 14 yang bermaksud: “*(Dan seorang ibu) menyusukan anaknya selama dua tahun.*” (Al Qur’an 21:14).

Apabila tempoh menyusu ini (24 bulan) ditolak daripada jumlah tempoh mengandung dan

menyusu (30 bulan) daripada Surah al-Ahqaf ini, ianya berbaki 6 bulan. Dari sinilah para ulama mengambil penentuan 6 bulan sebagai tempoh minimum dalam penentuan nasab seorang bayi kepada bapa biologinya. Manakala, penambahan 2 detik perlu dilakukan sebagaimana pegangan ulama daripada Mazhab Syafii berdasarkan apa yang disebutkan oleh Imam Nawawi (Ishak, 2023) :

“Jika dia mendakwa kelahiran anak yang cukup bulan, tempoh minimum yang boleh diterima adalah enam bulan dan dua detik dari pasangan dapat bertemu selepas perkahwinan, satu detik untuk kemungkinan bertemu dan satu saat untuk bersalin.”

Penambahan 2 detik ini adalah berdasarkan penentuan sekurang-kurangnya 1 detik masa minima untuk persetubuhan dan 1 detik minima untuk bersalin. Ianya juga menurut Dr Wahbah Az-Zuhaili merupakan pandangan ulama Syafiiyah dan jumur ulama’ dengan menetapkan 6 bulan Qamariah terbabit bersamaan dengan 180 hari dengan mengambil kira sebulan adalah 30 hari (Ishak, 2023).

Oleh itu, fatwa-fatwa yang ada di Malaysia majoritinya dilihat cenderung mengambil pandangan jumur tersebut terutamanya Fatwa Kebangsaan yang menyebutkan bahawa Anak Tak Sah Taraf (ATST) adalah :

- a. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
- b. Anak yang dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 *lahzah* (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh *Tamkin* (setubuh).

Jadual 1 menunjukkan beberapa fatwa yang wujud berkaitan isu penasaban anak yang lahir kurang atau lebih dari 6 bulan yang secara asasnya bersetuju dan seiring dengan fatwa yang dikeluarkan di peringkat kebangsaan namun terdapat beberapa penambahan atau huraian (Ishak, 2023; Abdullah & Ibrahim, 2020; Abidin 2019; Al-Bakri, 2017).

Jadual 1: Fatwa-fatwa berkaitan anak tidak sah taraf

| No. | Fatwa | Penambahan atau huraian terhadap fatwa |
|-----|-----------------------|---|
| 1 | Fatwa Selangor | ATST - Anak yang dilahirkan melalui cara sains yang bertentangan dengan hukum syara’. ATST - Anak yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan 2 lahzah qamariah dari segi waktu “Imkan ad Dukhul” selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi syara’ bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syara’ |
| 2 | Fatwa Negeri Sembilan | ATST - Seorang bayi yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan dan kurang daripada 4 tahun daripada tarikh tersebut diketahui dengan yakin atau berat zan bahawa kehamilan telah berlaku sebelum akad, atau suami tidak bersetubuh selepas akad atau tidak dimasukkan mani suaminya ke dalam rahim, maka anak tersebut haram dinasabkan kepada suami ibunya atau lelaki yang menyebabkan kehamilan ibunya yang melahirkan anak tersebut. |
| 3 | Fatwa Sarawak | ATST - Bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan. ATST - Tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali. |
| 4 | Fatwa Perlis | Anak yang lahir kurang 6 bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suam |

Namun begitu, terdapat satu fatwa yang dilihat berbeza dengan fatwa-fatwa yang disebutkan dia atas tadi. Ia merujuk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Negeri Perlis yang dikeluarkan pada tahun 2013 “Anak yang lahir kurang 6 bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada

suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami”. Fatwa ini dilihat lebih seiring dengan pandangan ulama dari Mazhab Hanafi yang menyatakan bahawa ikatan perkahwinan semata-mata sudah cukup dalam penetapan nasab terhadap bapanya.

Berkaitan isu yang dibangkitkan, kes ini sebenarnya tidak bertentangan sebagaimana pandangan bekas Mufti Wilayah berkenaan sabda Rasulullah ﷺ iaitu yang membawa maksud “*anak dinasabkan kepada bapa yang berada dalam perkahwinan yang sah*” (Al-Bakri, 2017). Ini kerana konteks perbincangan yang dibawa dalam kajian ini bersifat tambahan berbanding konteks perbincangan sedia ada. Konteks tambahan yang dimaksudkan adalah merujuk bayi yang lahir kurang 6 bulan dari tempoh akad nikah ibu dan bapa biologinya dengan keadaan persetubuhan itu berlaku dalam tempoh akad nikah tersebut bukannya sebelum akad nikah. Pada hari ini terdapat bukti yang menunjukkan bahawa ianya bersifat uruf mengikut zaman sedia ada. Ianya juga terbukti pada harini apabila terdapat bayi yang lahir secara pra-matang yang lahir kurang daripada 6 bulan dan masih hidup dan membesar. Sehingga takrifan “Kelahiran Hidup” sudah diawalkan menjadi 22 minggu menurut Kementerian Kesihatan (Amir, 2015). Namun, menurut Kementerian Kesihatan kadar kematian bayi yang lahir kurang 26 minggu adalah tinggi iaitu sebanyak 80-100% (Lim, 2020). Data ini juga disahkan oleh beberapa pegawai di Kementerian Kesihatan ketika ditemubual.

Di samping memahami kadar kelahiran hidup yang sudah diturunkan menjadi 22 minggu ini, kita juga perlu bersedia dengan kemungkinan apakah kadar ini akan semakin menurun pada masa akan datang. Ini kerana roh ditiupkan kepada bayi di dalam kandungan seawal usia 120 hari ataupun 4 bulan (MAIS, 2015). Ianya difahami berdasarkan maksud hadis :

“Sesungguhnya setiap daripada kamu dihimpunkan penciptaannya di dalam rahim perut ibunya selama 40 hari, kemudian jadilah (nutfah) itu segumpal darah selama tempoh itu juga, kemudian jadilah (alaqah) itu segumpal daging selama tempoh itu juga, kemudian diutuskan malaikat dan ditiupkan ke dalamnya roh”.

Adakah kemungkinan akan ada lagi bayi yang akan dilahirkan pada usia kandungan kurang 22 bulan dari akad nikah ibu dan bapa biologi bayi tersebut yang pastinya akan menimbulkan isu perdebatan di kalangan masyarakat terutamanya apabila penetapan ATST masih berada pada hitungan 24 bulan.

Oleh kerana itu, tempoh 6 bulan dua lahzah itu tidak terpakai terhadap konteks yang dibincangkan ini kerana mengutamakan hadis penasaban melalui perkahwinan. Penasaban melalui perkahwinan ini dinyatakan nas yang jelas dari hadis yang diriwayatkan oleh Aishah RA iaitu “*Nasab anak adalah berdasarkan perkahwinan yang sah, sedangkan penzina adalah keaiban*”. Oleh kerana itu, ianya perlu diangkat bagi konteks isu anak lahir kurang 6 bulan yang tidak melibatkan zina. Kes ini akan menjadi isu yang lebih serius dalam konteks Malaysia sekiranya suatu hari nanti perlaksanaan hukum *Hadd* dilaksanakan ke atas pesalah zina. Terdapat 3 kaedah pensabitan kesalahan jenayah zina iaitu pengakuan penzina sendiri, penyaksian 4 orang saksi lelaki dan *Qarinah* (bukti) (MAIS, 2015). Kehamilan adalah termasuk bukti yang diterima pakai yang boleh menyebabkan seseorang wanita itu dijatuhkan hukuman *Hadd*. Sebagaimana yang kita ketahui seandainya hukuman rejam ini dilaksanakan maka ianya menjadikan isu ini lebih besar dan mendatangkan fitnah terhadap Islam seandainya ianya tidak ditangani dengan baik. Sedangkan wanita tersebut sudah mengikuti perkahwinan mengikut kaedah syarak. Perlu difahami bahawa tindakan Saidina Uthman yang mahu merejam wanita yang melahirkan anak kurang dari 6 bulan pernikahan adalah bukti bahawa pembuktian penasaban boleh mendatangkan pertuduhan lain yang membawa hukuman rejam iaitu zina. Ianya memberikan kesan berantai terhadap satu pertuduhan yang mungkin bukannya suatu kesalahan pun bagi wanita terbabit. Kesan berantai tersebut sudah mula dilihat bibit-bibitnya dengan merujuk status wali yang dikategorikan ATST dalam kajian ini. Apa yang membimbangkan adalah

terdapat banyak kes lagi sebegini namun gagal dikenalpasti oleh pihak berkuasa agama dan tidak disedari oleh masyarakat akan apa yang berlaku.

Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dilakukan bagi kajian ini adalah anak kelahiran pra matang adalah anak yang sah kerana dilahirkan dengan akad perkahwinan yang sempurna. Perkahwinan yang sempurna diiktiraf oleh syarak dan tiada khilaf di sisi ulama. Anak pra matang ini layak untuk menjadi wali nikah dan pernikahan yang sudah berlaku adalah sah serta tidak perlu *difaraqkan*. Kaedah penetapan penasaban dengan sekurang-kurangnya 6 bulan perlu difahami dari konteks bila persenyawaan itu berlaku dalam rahim seorang wanita. Selagi mana persenyawaan itu mula berlaku ketika tempoh perkahwinan, maka bayi yang dilahirkan tetap boleh dinasabkan kepada bapa biologinya walaupun dengan kadar kehamilan kurang 6 bulan. Kadar kehamilan kurang 6 bulan ini sesekali tidak boleh menafikan keadaan asal perkahwinan yang sudah disahkan diawalnya secara sempurna. Tindakan pembubaran perkahwinan tanpa *tabayyun* mengundang masalah yang lebih besar kepada mangsa-mangsa keadaan. Tindakan tersebut seharusnya dilakukan dengan mengambilkira iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syara' seiring dengan apa yang pernah dihuraikan dalam Fatwa Negeri Selangor. Ini kerana tindakan pembubaran perkahwinan tersebut membawa sekali pertuduhan zina dan kesan berantai selepasnya seperti hal penasaban, faraidh dan perwalian. Kaedah pensabitan terhadap kes seperti perlu dikaji dengan lebih mendalam dari sudut undang-undang dan perlu diselaraskan mengikut hukum syara' pada konteks yang betul dan harmoni.

Rujukan

- Abdullah, . M. A. ., & bin Ibrahim, . M. L. . (2020). Kedudukan Anak Tak Sah Taraf Dalam Sejarah Awal Islam. *Jurnal KIAS*, 9(1), 103 - 123. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/jurnalkias/article/view/113/>
- Abidin., M.A.Z. (2019). *Masalah Nasab Anak Kurang Daripada Enam Bulan Perkahwinan*. Diakses pada Mei 20, 2024, daripada <https://muftiperlis.gov.my/index.php/minda-mufti/150-masalah-nasab-anak-kurang-daripada-enam-bulan-perkahwinan>
- Al-Asqalani., I.H. (2010). *Fathul Bari: Kesaksian*. Jakarta : Pustaka Azzam.
- Al-Bakri., Z.M. (2017). Bayan Linnas Siri ke-106 : *Isu Penamaan "Bin/Binti Abdullah" kepada Anak Tidak Sah Taraf oleh Mahkamah Rayuan*. Diakses pada Mei 13, 2024, daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/736-bayan-linnas-siri-ke-106-isu-penamaan-bin-binti-abdullah-kepada-anak-tidak-sah-taraf-oleh-mahkamah-rayuan>
- Al-Bakri., Z.M. (2023). Maktabah Al-Bakri #3483: *Lahir Tidak Cukup Bulan Adakah Boleh Menjadi Wali?* Diakses pada April 21, 2024, daripada <https://maktabahalbakri.com/3483-lahir-tidak-cukup-bulan-adakah-boleh-menjadi-wali/>
- Al-Bugho., M., & Asy-Syarbaji., A. (2016). *Fiqh Manhaji - Kitab Fikah Mazhab Syafii* Jilid 4. Selangor: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Amir, A. (2015). *Bilangan Bayi Dilahirkan Pramatang Meningkatkan kerana Perubahan Gaya Hidup Semasa*. Diakses pada April 29, 2024, daripada

https://www.ukm.my/news/Latest_News/bilangan-bayi-dilahirkan-pramatang-meningkat-kerana-perubahan-gaya-hidup-semasa/

- Ishak., A.H. (2023). *Irsyad Hukum Siri Ke-802: Kaedah Pengiraan Enam Bulan untuk Penasaban Anak*. Diakses pada Mei 27, 2024, daripada <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5758-irsyad-al-fatwa-siri-ke-802-kaedah-pengiraan-enam-bulan-untuk-penasaban-anak>
- Ishak., A.H. (2023). *Irsyad Hukum Siri Ke-805: Hukum Menggugurkan Kandungan bagi Mangsa Rogol*. Diakses pada April 29, 2024, daripada <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5764-irsyad-al-fatwa-siri-ke-805-hukum-menggugurkan-kandungan-bagi-mangsa-rogol>
- Lim N.L. (2020). *Bayi Prematang*. Diakses pada Mei 6, 2024, daripada <http://www.myhealth.gov.my/bayi-pramatang/>
- Long, A.S. (2018). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majlis Agama Islam Selangor (2015) *Hudud Satu Penjelasan*, Perpustakaan Negara Malaysia.
- Noor., U.M.M. (2018). *Al-Kafi #893 : Hukum Faraid bagi Anak Yang Lahir daripada Watie Syubhah*. Diakses pada April 22, 2024, daripada <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2758-al-kafi-893-hukum-faraid-bagi-anak-yang-lahir-daripada-watie-syubhah>
- Tobi., S.U.M. (2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.

Status Kesahatarafan Anak Kelahiran Prematang sebagai Wali Nikah Menurut Perspektif Perundangan Semasa

The Legitimacy Status of a Premature Child as a Wali for Nikah According to the Current Legal Perspective

Nur Athirah, A.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000

Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +601139491290 E-mail: athirahadnan91@gmail.com

Mustaqim Roslan, M. (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000

Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: +6014-5191337 E-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Abstrak

Wali merupakan individu yang berkuasa dalam mengurus pernikahan seseorang perempuan yang berada di bawah jagaannya. Wali yang dilantik perlu memenuhi syarat-syarat sah sebagai wali agar tidak memberikan kesan kepada pembubaran perkahwinan. Namun begitu, dalam kes dua orang adik-beradik bernombor 10023-042-xxxx-2022 dan 10023-042-xxxx-2022, Mahkamah Rendah Syariah Klang (MRSK), Selangor telah membubarkan pernikahan mereka setelah wali yang digunakan iaitu abang mereka telah diklasifikasikan sebagai anak tidak sah taraf (ATST). Ketidaksahatarafan wali hanya dihitungkan daripada kelahiran abangnya dengan tarikh pernikahan ibu bapa mereka sahaja sedangkan abangnya dilahirkan secara pramatang. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis status kesahatarafan anak kelahiran pramatang sebagai wali nikah menurut perundangan semasa. Metodologi di sebalik kajian ini ialah interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Reka bentuk kualitatif telah diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur melibatkan dua orang hakim mahkamah syariah. Setelah data dokumen dan data temu bual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa anak kelahiran pramatang ialah anak yang sah menurut syarak. Namun, anak tersebut tetap digelar sebagai ATST sekiranya tidak mendapat pengesahatarafan nasab di mahkamah. Walaupun begitu, anak kelahiran pramatang boleh menjadi wali nikah sekiranya menepati tiga syarat utama iaitu, melakukan pengesahan kelahiran pramatang, melakukan pengesahatarafan nasab di mahkamah dan mematuhi syarat sebagai wali nikah seperti kelahiran normal. Kajian lanjutan diperlukan untuk meneliti kesan pembubaran perkahwinan sekiranya terdapat pasangan yang tidak mematuhi ketiga-tiga syarat tersebut.

Kata kunci: Anak Prematang; Anak tak Sah Taraf; Pembubaran Perkahwinan; Perundangan; Wali.

Pendahuluan

Menurut Solihah Mansor (2023), Islam mensyariatkan perkahwinan sebagai satu jalan keluar daripada perkara maksiat dan menjadi panduan bagi memenuhi fitrah manusia yang ingin hidup berpasangan. Untuk memastikan pasangan itu mencapai matlamat tersebut, sesebuah perkahwinan perlu dibina berdasarkan rukun-rukun dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. Rukun yang dimaksudkan ialah pasangan lelaki dan perempuan, dua orang saksi yang adil, *sighah* dan wali (Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., 2018). Isu utama perbincangan kajian ini membincangkan

perihal wali. Wali merupakan seseorang yang mempunyai hak untuk melakukan akad perkahwinan kepada orang di bawah peliharaannya. Dalam konteks ini, seorang wali hendaklah memenuhi ketetapan syariah bagi memastikan sesuatu pernikahan itu sah di sisi hukum syarak. Perkara tersebut berdasarkan sebuah hadis yang bermaksud:

“*Tidak sah nikah melainkan dengan wali*” (Riwayat Abu Daud, No Hadis:2085).

Selain itu, perihal wali juga dinyatakan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. Sebagai contoh, menurut Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor (2003), perkahwinan hendaklah mengikut peruntukan enakmen serta akadnya mengikut hukum syarak dan akad tersebut dilakukan di hadapan pendaftar. Justeru, perwalian mengikut ketetapan syarak dan undang-undang perlu mencakupi semua aspek bagi memastikan pernikahan yang dibina tidak mendatangkan implikasi negatif terhadap pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga.

Namun begitu, terdapat juga dalam kes perkahwinan pada hari ini yang didakwa menggunakan wali yang tidak sah seperti mana dalam kes dua orang adik-beradik bernombor 10023-042-xxxx-2022 dan 10023-042-xxxx-2022 di Mahkamah Rendah Syariah Klang (MRSK), Selangor. Perkahwinan kedua-dua pasangan tersebut terpaksa dibubarkan apabila wali yang telah digunakan iaitu abang mereka telah diklasifikasikan sebagai anak tidak sah taraf (ATST) (Saniah Saroji, 2022). Menurut sistem perundangan Islam di Malaysia, pembubaran perkahwinan bukan hanya melalui talak sahaja tetapi terdapat beberapa sebab lain yang membolehkan mahkamah melakukan pembubaran sesebuah perkahwinan. Contohnya, perkahwinan seorang wanita dengan menggunakan wali ATST (Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., 2018). Berdasarkan kes tersebut, ketidaksahatarafan wali hanya dihitungkan dari tempoh kelahirannya yang tidak mencukupi enam bulan dua *lahzah* dengan tarikh pernikahan ibu bapa mereka, sedangkan abangnya dilahirkan secara pramatang. Menurut hukum syarak, wali yang dilahirkan secara pramatang itu sah dan layak menjadi wali kerana mempunyai hubungan pertalian darah yang sah dengan adik-beradiknya serta melalui pernikahan yang sah (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2023). Namun, bagaimanakah pula dengan status kesahatarafan wali anak pramatang menurut undang-undang?

Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk mengenal pasti status kesahatarafan anak kelahiran pramatang sebagai wali nikah mengikut perundangan semasa. Hasil kajian ini membuktikan pengesahan wali amat penting kepada pasangan yang ingin berkahwin supaya jika kes yang akan datang berlaku, tidak semudahnya untuk memfaraqkan atau membubarkan sesebuah perkahwinan tersebut. Pengkaji meyakini bahawa setiap perundangan yang ditetapkan pasti meliputi pelbagai aspek. Namun, sejauh manakah status kesahatarafan wali anak pramatang sebagai wali nikah memerlukan kepada penelitian dalam artikel ini. Secara khususnya, artikel ini akan menjawab satu persoalan iaitu, apakah status kesahatarafan wali kelahiran anak pramatang sebagai wali nikah mengikut undang-undang?

Sorotan Kajian

Pengkaji telah menyorot beberapa kajian lepas yang hampir tertumpu di bawah skop wali anak pramatang bagi memperkukuhkan lagi perbincangan kajian ini. Pertama, kajian oleh Nurul Hasna' Hazni (2023) yang bertajuk “Penasaban Anak Kelahiran Kurang Enam Bulan: Kajian Terhadap Keperluan Pelaksanaannya Berasaskan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis”. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa penasaban anak kelahiran kurang enam bulan ialah berasaskan hujah syarak serta *maslahah* yang merupakan keutamaan Jabatan Fatwa Negeri Perlis dalam memutuskan fatwa tersebut. Berdasarkan kajian tersebut, terdapat perbincangan yang hampir sama antara kajian tersebut dan kajian ini iaitu berkaitan isu tempoh kelahiran ATST. Namun, kajian ini berfokus kepada status ATST sebagai wali nikah. Selain itu, terdapat juga kajian lain yang hampir dengan isu kajian ini iaitu

kajian oleh Siti Aishah Borhanuddin et al. (2023) yang bertajuk “Kesalahan Berkahwin Tanpa Kebenaran bagi Orang Islam di Malaysia: Tinjauan Berdasarkan Perspektif Syarak dan Undang-Undang”. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, terdapat perbincangan mengenai perkahwinan yang tidak sah mengikut syarak seperti perwalian. Malah, dari sudut undang-undang lebih hampir kepada pernikahan tanpa kebenaran mengikut jenis-jenis kesalahan. Walaupun kajian tersebut membincangkan tentang perundangan perkahwinan, tetapi kajian tersebut tidak berfokus kepada kesahatarafan wali nikah dalam kalangan anak pramatang menurut undang-undang.

Seterusnya, kajian oleh Lenny Nadriana & Elti Yunani (2023) bertajuk “Implement Perlindungan Hukum Terhadap Hilangnya Hak Istri dan Anak Akibat Pernikahan Sirri”. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa perlindungan undang-undang boleh diperoleh dengan mengemukakan permohonan nikah *ithbat* kepada mahkamah syariah, mengadakan perkahwinan semula dan mendapatkan sesi perundingan keluarga. Faktor-faktor yang menjadi penghalang isteri dan anak kehilangan hak termasuklah masalah keluarga, ekonomi, pendidikan, sosial, psikologi, undang-undang dan agama. Kajian tersebut membuka kelompangan kajian berkaitan model perlindungan undang-undang berbentuk musyawarah bersama keluarga pasangan suami isteri tersebut. Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian tersebut, walaupun isu pernikahan dibahaskan dalam kajian-kajian tersebut, tetapi isu status kesahatarafan wali anak pramatang menurut perundangan secara khusus tidak diperincikan secara berfokus. Oleh itu, bagi mengisi kelompangan kajian-kajian tersebut, pengkaji akan membahaskan isu perbincangan yang dikemukakan dengan lebih menyeluruh.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian, objektif dan matlamat kajian boleh tercapai melalui penggunaan cara, kaedah serta pendekatan. Selain itu, metodologi kajian juga merujuk kepada tiga perkara asas iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data (Mustaqim Roslan, 2023). Pendekatan atau reka bentuk kajian boleh digunakan oleh pengkaji sesuai dengan epistemologi Islam dan objektif yang ditetapkan, sama ada menggunakan pendekatan kuantitatif, kualitatif atau gabungan kualitatif dan kuantitatif. Oleh yang demikian, kajian ini mengadaptasikan falsafah interpretif iaitu pencarian penjelasan mengenai peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari oleh perspektif persekitaran yang sedang dikaji (Muslim, 2016). Kajian kes dipilih sebagai strategi kajian ini kerana ia membolehkan penerokaan mendalam terhadap status kesahatarafan anak pramatang sebagai wali nikah.

Reka bentuk kualitatif telah digunakan dalam kajian ini dengan gabungan teknik analisis kandungan dokumen dan temu bual soalan separa berstruktur. Menurut Ritchie & Lewis (2003), kaedah temu bual separa berstruktur digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan secara bersemuka dengan informan bagi mengenal pasti isu dan masalah kajian. Kaedah ini juga sangat sesuai digunakan dalam kajian ini agar beberapa soalan tambahan dapat diajukan kepada informan. Dalam konteks kajian ini, temu bual dijalankan terhadap dua orang informan iaitu melibatkan Hakim Syarie (In1) yang bertugas di Mahkamah Syariah Ipoh dan Hakim Syarie (In2) yang bertugas di Mahkamah Syariah Taiping. Pemilihan dua orang informan ini dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang dilihat berkemampuan untuk mencapai objektif kajian. *Purposive sampling* melibatkan pemilihan individu yang sesuai dengan kriteria yang berkaitan untuk memberikan maklumat yang relevan dan signifikan (Darusalam & Hussin, 2016).

Data kajian kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Proses analisis tematik melibatkan beberapa fasa, bermula daripada penyaringan data, di mana transkripsi rakaman audio-video diproses untuk diubah kepada bentuk verbatim, iaitu ayat demi ayat atau frasa demi frasa. Seterusnya, transkrip diindeks dengan memberi kod tertentu kepada setiap informan berdasarkan transkrip mereka. Kod-kod ini membantu dalam penjanaan semula data asal serta

memudahkan rujukan silang semasa penulisan dan menyiapkan laporan (Darusalam & Hussin 2016). Menurut Mustaqim Roslan (2023), terdapat lima langkah dalam mengatur analisis tematik iaitu dimulai dengan menyalin semula transkrip temu bual secara verbatim, membuat agihan soalan kajian, membuat pengkategorian awal, mencari tema dan membuat pengekodan.

Konsep Wali Menurut Perspektif Islam

Wali ialah individu yang boleh menikahkan pengantin perempuan. Wali juga berkait rapat dengan kuasa bapa atau datuk untuk menikahkan anak atau cucu mereka (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012). Dari sudut istilah fiqah, wali membawa maksud suatu kebolehan yang ditentukan oleh agama dalam melakukan akad ke atas diri dan harta orang lain di bawah tanggungjawabnya daripada segi hukum syarak (Zuhayliy Wahbah, 1977). Menurut Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah (2002), harta orang lain di bawah tanggungjawabnya mencakupi anak kecil yang belum baligh, orang kurang upaya, orang gila dan kanak-kanak yang sudah baligh dan mampu membuat pilihan. Wali juga mempunyai tiga kategori iaitu wali mujbir, wali ikhtiar dan wali hakim. Wali mujbir dan wali ikhtiar ialah wali nasab kepada wanita yang diwalikan daripadanya manakala wali hakim ialah pihak yang tidak mempunyai wali atau tidak mempunyai wali sah dari sudut hukum syarak. Contohnya, wali tinggal terlalu jauh, wali akrab yang tidak dapat dikesan, wali enggan serta anak tidak sah taraf.

Wali merupakan salah satu rukun dalam perkahwinan dan kedudukannya berdasarkan dalil yang jelas. Antara firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 232:

“Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu), lalu habis masa iddah mereka, maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada berkahwin...” (al-Baqarah, 2:232).

Sekiranya wali tidak mempunyai autoriti atau tiada kepentingan dalam sesebuah perkahwinan, maka Allah SWT menegur para wali supaya tidak menghalang perkahwinan seperti dinyatakan dalam ayat tersebut (Mustafa al-Khin et al., 2000). Justeru, perkahwinan tanpa wali yang dilakukan dengan niat sengaja menjadi tidak sah di sisi syarak disebabkan wali merupakan penjaga terhadap wanita (Zulfaqar Mamat, 2019). Allah SWT meletakkan tanggungjawab kepada lelaki lebih daripada perempuan. Hal tersebut membuktikan nilai kepentingan wali terhadap wanita berlandaskan hukum syarak. Oleh itu, isu berkaitan wali merupakan satu isu besar dalam bab perkahwinan.

Dari sudut perundangan, Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 Wilayah Persekutuan (Akta 303) tidak menyatakan secara jelas berkaitan definisi wali. Walaupun begitu, maksud wali boleh difahami melalui Seksyen 2 yang mentafsirkan wali mujbir sebagai bapa. Manakala wali raja membawa erti wali yang ditauliahkan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam hal wilayah yang melibatkan Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak atau wali yang ditauliahkan oleh Raja dalam hal sesuatu negeri lain untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali daripada nasab. Berdasarkan keterangan tersebut, wali mujbir dan wali raja merupakan seseorang yang memiliki autoriti untuk mengahwinkan perempuan. Enakmen negeri-negeri lain juga menggunakan perkataan yang sama dan mempunyai perbezaan sedikit dari sudut perkataan iaitu wali raja kepada wali hakim. Oleh itu, wali merupakan satu kepentingan dalam sesebuah perkahwinan dalam hukum syarak dan undang-undang.

Konsep Anak Pramatang

Kajian ini juga membincangkan tentang maksud kefahaman bagi anak pramatang. Perkataan “anak pramatang” ialah gabungan daripada dua perkataan iaitu “anak” dan “pramatang” yang mana keduanya membawa maksud yang berbeza. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), anak

dalam erti kata bahasa Melayu ialah baka yang diturunkan oleh ibu dan bapa. Selain itu, perkataan anak membawa maksud keturunan oleh hasil kedua-dua baka ibu dan bapa. Anak juga diberi maksud orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga. Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2015), anak dalam al-Quran ialah *abna'* merupakan jamak kepada *ibn* yang membawa erti sesuatu kelahiran, manakala istilah pramatang diberi maksud suatu proses kelahiran yang tidak mencukupi bulan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012). Menurut Fatimah Desa (2006), pramatang ialah bayi yang lahir sebelum mencapai 37 minggu kehamilan dan berat badan kurang daripada dua ribu lima ratus gram (2500gm). Jangkaan kelahiran yang berlaku tiga minggu sebelum tarikh jangkaan kelahiran bayi tersebut merupakan bayi pramatang (Myhealth Kementerian Kesihatan Malaysia, 2024). Prematang mempunyai empat kategori. Pertama, pramatang lewat ialah bayi lahir di antara 34 hingga 36 minggu. Kedua, pramatang sederhana lewat iaitu bayi lahir di antara 32 hingga 34 minggu. Ketiga, pramatang awal iaitu bayi lahir kurang daripada 32 minggu. Akhir sekali, pramatang sangat awal iaitu bayi yang lahir sebelum berusia 28 minggu (Ashikin Md Desa, 2022).


Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa anak pramatang ialah suatu proses kelahiran di mana keadaan anak itu sendiri yang tidak mencapai atau mencukupi kadar tempoh kelahiran seperti kelahiran yang normal. Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2023), anak yang tidak cukup bulan itu boleh dijadikan wali nikah selagi mana tidak ada yang menghalanginya seperti status anak zina. Perkara tersebut bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Anak itu untuk hampan (isteri) dan bagi pezina itu adalah batu (tidak mendapat hak nasab)” (Riwayat Bukhāri, No. Hadis: 6818).

Hal ini menunjukkan bahawa syarak tidak menafikan kesahatarafan anak pramatang sebagai wali nikah memandangkan kelahiran anak tersebut ialah sah dari jalur pernikahan yang sempurna dan bukan daripada hasil perzinaan. Namun begitu, memandangkan tempoh kelahirannya tidak mencukupi enam bulan dua *lahzah* dari tempoh pernikahan ibu bapanya, status anak pramatang telah diklasifikasikan sebagai ATST menurut perundangan seperti dalam kes di MRSK sehingga mengakibatkan anak tersebut terhalang untuk menjadi wali nikah. Perbezaan status anak pramatang sebagai wali nikah ini menjadi persoalan utama pengkaji tentang bagaimanakah perbezaan status ini boleh terjadi, sedangkan perundangan di mahkamah syariah tersebut berasaskan hukum syarak? Oleh yang demikian, analisis status kesahatarafan anak pramatang sebagai wali nikah menurut perspektif undang-undang dibincangkan secara lebih tuntas dalam subtopik seterusnya.

Analisis Status Kesahatarafan Kelahiran Anak Prematang Sebagai Wali Nikah Menurut Perspektif Undang-Undang

Secara dasarnya status anak pramatang sebagai wali nikah menurut perspektif undang-undang adalah tidak sah. Hal ini disebabkan tempoh pernikahan ibu bapa dengan tempoh kelahiran anak itu tidak mencukupi enam bulan dua *lahzah* (al-Hafiz Ishak, 2023). Menurut Hakim Syarie (In1), berdasarkan hukum syarak anak yang dilahirkan dalam keadaan pramatang melalui pernikahan yang sah itu dikira anak sah taraf. Namun begitu, bagi mengelakkan berlakunya pernikahan syubhah jika melibatkan anak pramatang itu, maka beberapa perkara perlu dititikberatkan supaya tidak menimbulkan keraguan terhadap perkahwinan tersebut. Hasil dapatan menunjukkan bahawa anak kelahiran pramatang ialah anak yang sah menurut syarak, tetapi anak tersebut tetap digelar sebagai ATST sekiranya tidak mendapat pengesahatarafan nasab di mahkamah. Walaupun begitu, anak kelahiran pramatang boleh menjadi wali nikah dengan mematuhi tiga syarat utama iaitu, melakukan pengesahan kelahiran pramatang, melakukan pengesahatarafan nasab di mahkamah dan mematuhi syarat sebagai wali nikah seperti kelahiran normal. Rajah 1 berikut menunjukkan syarat-syarat pengesahatarafan wali nikah dalam kalangan anak pramatang.



Rajah 1: Hasil dapatan khusus status kesahatarafan anak pramatang sebagai wali nikah

Melakukan Pengesahan Kelahiran Anak Prematang

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012), sah membawa maksud sesuatu yang mempunyai kelulusan dari sudut undang-undang dan diakui oleh sesebuah organisasi yang ditetapkan. Menurut Muhammad Akramin (2017), sah membawa maksud sesuatu yang memenuhi rukun-rukun dan syarat-syaratnya yang membawa kepada penerimaan syarak pada hak hukum iaitu setiap perlakuan manusia sama ada perkara ibadah atau perkara muamalat yang dianggap sah atau dihukumkan sebagai sah menurut syarak sekiranya ia memenuhi semua rukun dan syaratnya sebagaimana yang dituntut. Selain itu, istilah pramatang yang mudah difahami ialah bayi yang lahir tidak cukup bulan. Pengesahan anak pramatang perlu dititiberatkan dan tidak boleh dianggap remeh kerana memberi kesan kepada bayi tersebut apabila sudah mencapai umur dewasa kelak terutama dalam hal yang berkaitan dengan wali nikah.

Selain itu, menurut Hakim Syarie (In1), tidak menjadi satu isu jika anak pramatang ingin menjadi wali dalam sebuah perkahwinan. Ia patut dititikberatkan dalam membuat kesahan anak pramatang di mahkamah bagi mengelakkan implikasi yang akan berlaku pada masa akan datang. Ini dibuktikan dengan kes seorang anak yang berumur dalam lingkungan dua tahun yang membuat pengesahan anak pramatang di Mahkamah Syariah Ipoh kerana diklasifikasi ATST dan tidak boleh didaftarkan nama biologi bapanya di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Kebiasaannya, anak pramatang akan mengalami masalah kesihatan kerana perkembangannya tidak seperti anak normal yang lain. Pemantauan perlu dilakukan oleh pihak hospital kerana bayi pramatang perlu dihangatkan di dalam mesin inkubator bayi (MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia, 2024). Seterusnya, anak pramatang dilahirkan awal sebelum tempoh kelahirannya disebabkan beberapa faktor kesihatan daripada ibunya atau bayi itu sendiri. Maka, perkara ini kemungkinan boleh menimbulkan masalah pada masa akan datang jika bayi itu semakin meningkat usianya seperti masalah kedengaran, penglihatan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa kemungkinan lain iaitu anak kelahiran pramatang tidak mempunyai masalah kesihatan pada usia dewasa. Justeru, untuk mengelakkan perkara ini terjadi pada masa akan datang khususnya apabila anak yang lahir dalam kelahiran pramatang itu sihat serta menjadi wali nikah, menjadi satu keperluan agar kesahan anak pramatang dijalankan di mahkamah.

Jelaslah bahawa, proses kesahan anak pramatang perlu dititikberatkan bagi mengelakkan berlaku implikasi pada masa akan datang. Lebih-lebih lagi, jika melibatkan individu yang dilahirkan secara pramatang serta pihak tertentu diklasifikasi sebagai ATST. Oleh sebab itu, dia perlu mengemukakan bukti iaitu dengan mendapatkan pengesahan daripada doktor yang mengendalikan bayi pramatang tersebut. Di samping itu, menurut Hakim Syarie (In2), rekod kesihatan ibu iaitu buku yang merekodkan kesihatan ibu dan bayi sepanjang tempoh kehamilan wajib disertakan bersama-sama semasa membuat pengesahan anak pramatang di mahkamah. Walaupun begitu, mana-mana pihak yang ingin membuat kesahan anak pramatang di mahkamah perlu mengikut prosedur iaitu

pihak itu sendiri perlu memohon permohonan tentang kesahan anak pramatang di mahkamah bagi memudahkan urusan seterusnya. Perkara tersebut amat penting bagi setiap individu kerana melibatkan wali bagi sesebuah perkahwinan. Menurut Hakim Syarie (In2), jika kesahan anak pramatang ini tidak dibuat, ia akan menyebabkan pernikahan itu tidak sah kerana menggunakan wali yang tidak sah walaupun daripada segi syarak dikira sah. Namun begitu, dari sudut perundangan anak pramatang tidak dikira sah dengan akad pernikahan ibu bapanya. Oleh itu, kesahan anak pramatang perlu dilakukan di mahkamah bagi membuktikan bahawa ia anak sah taraf dan boleh menjadi wali nikah.

Melakukan Pengesahatarafan Nasab di Mahkamah

Nasab dalam kamus bahasa Melayu memberi makna pertalian keluarga atau dipanggil keturunan. Nasab keturunan ini terutama daripada sebelah bapa (Kamus Dewan dan Pustaka, 2012). Perkataan nasab diambil daripada bahasa Arab iaitu *al-nasb* membawa maksud keturunan. Berdasarkan istilah, nasab membawa maksud keturunan daripada pernikahan yang sah atau memiliki hubungan darah sesama keluarga seperti bapa, ibu dan abang (Yufi Cantika, 2017). Menurut Ibnu 'Atiyya (2011), pengertian nasab ialah manusia yang berkumpul dengan orang lain dalam hubungan kebaapaan atau keibuan, sama ada hubungan rapat atau hubungan yang jauh. Selain itu, pengertian nasab membawa maksud sandaran yang cukup kuat sehingga mampu menjalinkan hubungan kekeluargaan sesuai dengan kesatuan darah atau pertimbangan bahawa seseorang itu sebahagian daripada yang lain. Contohnya, apabila ada seorang anak yang menjadi sebahagian daripada bapa dan seorang bapa adalah sebahagian daripada datuknya. Oleh itu, individu yang mempunyai keturunan yang sama ialah individu yang mempunyai darah yang sama dengan anak, ayah dan datuk.

Secara umumnya di Malaysia, prosedur pendaftaran kelahiran adalah di bawah bidang kuasa JPN. Perkara ini diperuntukkan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957. Kewujudan akta tersebut secara langsung memberi kuasa kepada JPN untuk membuat Peraturan dan Kaedah Pendaftaran Kelahiran yang patut dipatuhi oleh semua individu yang berurusan dengan pihak JPN. Pengesahan nasab merupakan perkara penting untuk mengetahui status kesahatarafan seseorang itu dan proses tersebut perlu dilakukan di mahkamah. Mahkamah Tinggi Syariah merupakan mahkamah yang mempunyai bidang kuasa untuk mendengar sebarang kes mengenai ATST (Zulkifli Hasan, Irwan Mohd Subri & Lukman Abdul Mutalib, 2013). Oleh itu, kes yang diklasifikasi sebagai ATST perlu diselesaikan di Mahkamah Tinggi Syariah negeri seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Mahkamah Syariah negeri-negeri. Pemohon ATST boleh membuat permohonan sendiri di Mahkamah Tinggi Syariah negeri-negeri. Menurut Hakim Syarie (In2), beberapa jenis kes yang melibatkan permohonan pengesahatarafan ATST di Mahkamah Tinggi Syariah seperti permohonan pelantikan wali hakim, pihak JPN menolak untuk menasabkan ATST kepada bapa biologi dan permohonan mengesahkan sabitan nasab. Perkara yang melibatkan permohonan mengesahkan sabitan nasab ini kebiasaannya ingin memastikan status beliau sama ada perlu kepada pelantikan wali bagi pernikahan.

Walau bagaimanapun, permohonan mengenai pengesahan berkaitan sabitan nasab perlu dilakukan kerana terdapat suatu kes yang berlaku di mana seorang pemohon itu dinasabkan dengan nama bapa kandungnya seperti yang termaktub di dalam kad pengenalan. Namun begitu, status pemohon tersebut masih juga diragui sebagai ATST. Berdasarkan kes tersebut, pemohon akan memohon kepada mahkamah untuk pengesahan statusnya sama ada ia ATST atau tidak secara tidak terpaksa. Menurut Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003, prosedur berkaitan dengan perkara yang dinyatakan dalam jadual Kedua haruslah dimulakan melalui permohonan (Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, 2003). Selain itu, menurut Hakim Syarie (In1), mahkamah membenarkan permohonan pengesahatarafan anak jika mendapati keraguan terhadap pihak yang diklasifikasi sebagai ATST bagi memastikan statusnya sah atau tidak, walaupun individu itu

dalam keadaan pramatang. Berdasarkan kes di Mahkamah Syariah Ipoh, pemohon membuat permohonan pengesahan nasab anak disebabkan anak itu dalam keadaan pramatang kerana JPN menolak untuk menasabkan anak tersebut kepada bapa biologinya.

Selain itu, terdapat juga kes yang melibatkan anak yang lahir kurang enam bulan dari tarikh perkahwinan iaitu kes bernombor 11300-006-xxxx-2012 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu yang diputuskan pada 7 Ogos 2012. Pemohon iaitu bapa membuat permohonan supaya mahkamah membuat sabitan bahawa anak perempuan itu adalah anak sah taraf mengikut hukum syarak bagi pasangan pemohon. Namun begitu, apabila dilihat kepada sijil kelahiran, anak tersebut dilahirkan pada 3 September 2010. Pasangan tersebut dinikahkan pada 16 April 2010. Isteri pemohon tidak membantah permohonan suaminya serta turut menyokong bahawa anak perempuan tersebut disabitkan sebagai anak sah taraf. Mahkamah telah membuat keputusan bahawa anak perempuan mereka perlu dinasabkan kepada bapa kandungnya. Mahkamah tersebut beranggapan bahawa ATST boleh dinasabkan kepada bapanya walaupun anak tersebut dilahirkan dalam keadaan kurang tempoh enam bulan tarikh akad nikah ibu bapanya (Zulkifli Hassan et al., 2013). Oleh itu, mahkamah menerima mana-mana pihak untuk membuat permohonan pengesahan nasab untuk mengetahui status kesahatarafannya.

Jelaslah bahawa, wali yang diklasifikasi sebagai ATST walaupun dalam keadaan pramatang perlu membuat permohonan pengesahan nasab terlebih dahulu supaya tidak timbul permasalahan pada masa akan datang. Oleh sebab itu, pihak pejabat agama kemungkinan terlepas pandang tentang permohonan menjadi wali sesuatu akad pernikahan. Namun begitu, apabila pihak pejabat agama mendapati bahawa anak tersebut tidak boleh menjadi wali pernikahan disebabkan oleh tempoh kelahirannya tidak mencukupi enam bulan dua *lahzah*, maka, wali itu boleh melampirkan bukti kepada pihak pejabat agama tersebut bahawasanya wali tersebut ialah anak sah taraf dan terdapat surat perintah daripada mahkamah. Pihak pejabat agama tidak boleh menafikan perkara tersebut serta anak itu sah menjadi wali terhadap sesuatu pernikahan.

Mematuhi Syarat sebagai Wali Nikah seperti Kelahiran Normal

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012), syarat membawa maksud suatu permintaan ataupun tuntutan yang mesti dipatuhi dan dipenuhi. Syarat adalah segala perkara yang melibatkan jaminan atau janji. Syarat juga diterjemahkan sebagai segala sesuatu sekiranya tiada akan mengharuskan sesuatu menjadi tidak ada, namun tidak mempunyai hubungan dengan akibat dan kesan. Seterusnya, wali menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2012), ialah golongan lelaki iaitu bapa, abang, datuk, bapa saudara dan sepupu lelaki yang lain yang boleh menikahkan pengantin perempuan. Menurut Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2024), nikah membawa maksud suatu akad yang menghalalkan hubungan ataupun *istimta'* (bersetubuh atau berseronok-seronok) di antara suami isteri dengan cara yang dibenarkan oleh syarak. Secara keseluruhannya, syarat wali nikah menjadi suatu maksud atau makna iaitu tuntutan yang diperlukan atau prosedur yang perlu dipatuhi oleh wali iaitu lelaki yang akan menikahkan pengantin perempuan dalam akad perkahwinan. Antara syarat bagi seseorang untuk menjadi wali nikah yang sah ialah beragama Islam, baligh, berakal iaitu tidak gila, berjantina lelaki, adil dan merdeka.

Menurut Hakim Syarie (In1) dan (In2), sekiranya wali tersebut menepati kesemua syarat-syarat tersebut maka pernikahan tersebut diiktiraf sebagai perkahwinan yang sah menurut hukum syarak. Namun, timbul persoalan adakah anak pramatang dibolehkan untuk menjadi wali nikah? Syarat untuk menjadi wali nikah bagi anak pramatang dan anak yang lahir secara normal tidak mempunyai perbezaan sama sekali kerana menurut hukum syarak sekiranya anak pramatang tersebut lahir daripada perkahwinan pasangan suami isteri yang sah, tidak menjejaskan sebarang syarat wali nikah tersebut. Walaupun hukum perundangan menyusuli hukum syarak bagi syarat wali nikah anak

pramatang, tetapi perundangan tidak mengesahkan kesahan anak pramatang tersebut kerana anak tersebut lahir kurang dari tempoh yang sepatutnya iaitu enam bulan dua *lahzah*.

Walau bagaimanapun, sekiranya undang-undang tidak mengesahkan anak pramatang tersebut menjadi wali nikah yang sah atas dasar tempoh kelahiran yang tidak mencukupi, anak tersebut tetap boleh menjadi wali nikah yang sah sekiranya ia mencukupi syarat yang sepatutnya. Menurut Hakim Syarie (In1), tiada masalah jika hukum perundangan tidak mengesahkan anak pramatang tersebut kerana anak pramatang tersebut boleh membuat permohonan bagi pengesahan nasab dan juga membuat permohonan di mahkamah bagi mendapatkan surat kebenaran ataupun surat pengesahan yang mengatakan bahawa individu yang bergelar anak pramatang tersebut ialah nasab yang sah dan lahir daripada perkahwinan yang sah. Jika anak tersebut disahkan sebagai anak yang lahir daripada perkahwinan yang sah, maka sudah tidak menjadi halangan untuk anak pramatang tersebut menjadi wali nikah yang sah. Di samping itu, anak pramatang tersebut perlu mempunyai bukti yang kukuh daripada pengesahan mahkamah mengatakan bahawa dia boleh menjadi wali nikah walaupun undang-undang tidak mengiktiraf perkara tersebut pada awalnya. Menurut Jabatan Mufti Sarawak (2024), wali dalam suatu akad pernikahan mempunyai kedudukan yang sangat penting dan boleh menjadi penentu sama ada pernikahan tersebut sah ataupun sebaliknya.

Jelaslah, menurut Hakim Syarie (In1) dan (In2), tidak terdapat sebarang perbezaan bagi syarat wali nikah anak pramatang dengan anak yang lahir secara normal kerana syarat wali berbalik kepada asal hukum syarak sahaja. Tiada sebarang perubahan ataupun halangan bagi kedua-dua kategori anak tersebut bagi melayakkan mereka menjadi wali nikah. Oleh yang demikian, penetapan undang-undang hanya tidak mengesahkan anak pramatang tersebut atas faktor tempoh kelahiran yang tidak mencapai enam bulan dua *lahzah* sahaja. Namun, anak pramatang yang mendapat pengesahan nasab serta surat pengesahan dari mahkamah secara langsung masih melayakkan anak pramatang tersebut menjadi wali nikah sama seperti anak yang lahir secara normal.

Implikasi Wali Anak Prematang Diklasifikasi Anak Tidak Sah Taraf

Perkataan “pernikahan syubhah” ialah gabungan perkataan yang berbeza. Perkataan pernikahan ditakrifkan sebagai perbuatan atau hal bernikah (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2012). Perkataan syubhah pula ditakrifkan sebagai kesamaran iaitu perkara tidak jelas hukumnya antara halal dan haram (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2012). Selain itu, “persetubuhan syubhah” membawa maksud persetubuhan yang dilakukan berdasarkan anggapan sah akad nikah tetapi akad itu sebenarnya tidak sah (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, 2003). Di samping itu, perkataan faraq membawa maksud berbeza, berlainan dan terpisah (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2012). Dari segi istilah, faraq membawa maksud pembubaran perkahwinan dan tidak melalui talak (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2014).

Oleh sebab itu, faraq perkahwinan disebabkan oleh sesuatu perkara tertentu dan pihak berkuasa tidak boleh menghukum secara terus untuk faraq sesebuah pasangan itu. Antara sebab berlakunya faraq perkahwinan ialah perkahwinan sesama mahram seperti mengahwini adik beradik, perkahwinan dengan lima orang perempuan dalam satu masa atau akad tidak dibolehkan dan seorang wali yang tidak diiktiraf perwalian oleh syarak ke atas perkahwinan seorang perempuan itu (Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., 2018). Perkara tersebut perlu dibawa ke mahkamah untuk menjalani prosedur tertentu. Menurut undang-undang, sesuatu perkahwinan tidak sah melainkan jika syarat yang diperlukan semuanya cukup dan mengikut hukum syarak untuk menjadikannya sah. Namun demikian, jika sesuatu perkahwinan itu didapati *fasid* atau mempunyai kekeliruan wali malah tidak menepati rukun nikah, maka perkahwinan itu boleh dimohon untuk dibubarkan dan pasangan tersebut perlu difaraqkan (Muhammad Ridzuan, 2014). Permohonan untuk faraq sesuatu perkahwinan yang tidak sah boleh dibuat oleh pasangan tersebut iaitu suami atau isteri, ibu bapa atau penjaga. Selain

itu, pihak pejabat agama juga boleh membuat permohonan untuk faraq sesuatu perkahwinan jika menyedari kesilapan atau kekhilafan yang berlaku. Sebelum melakukan pemfaraqkan, ia perlu kepada permohonan dan perlu disertakan beberapa perkara khususnya di mahkamah syariah iaitu permohonan, affidavit sokongan, salinan kad pengenalan, sijil nikah dan surat pengesahan perkahwinan.

Pembubaran perkahwinan secara faraq yang berlaku di Malaysia kebiasaannya disebabkan oleh kekeliruan para wali atau saksi. Selain itu, kes faraq juga disebabkan perkahwinan tanpa wali atau perkahwinan luar negara yang lebih dikenali sebagai perkahwinan sindiket. Antara contoh kes yang berlaku di Malaysia iaitu di Terengganu kes bernombor 10015-054-xxxx-2018. Kes tersebut berlaku kerana bapa kepada wanita itu sendiri memohon dari mahkamah tersebut untuk memfaraqkan perkahwinan anak perempuannya yang telah dijalankan di Thailand. Hakim telah membicarakan kes tersebut dalam beberapa perkara iaitu pertama mensabitkan akad nikah perkahwinan antara lelaki dan perempuan sebagai akad nikah bagi perkahwinan yang *fasid* kerana wali yang digunakan dalam perkahwinan ialah wali am dan bukannya seorang wali hakim. Kedua, pengiktirafan dari mahkamah tidak dapat diberikan terhadap pasangan itu. Ketiga, mahkamah mensabitkan persetubuhan yang berlaku sebelum ini sebagai persetubuhan syubhah. Oleh itu, pernikahan yang berlaku itu ialah *fasid*, maka mahkamah mengarahkan pasangan suami isteri itu perlu difaraqkan. Contoh kedua, kes yang berlaku di Johor sepasang suami isteri telah diarahkan berpisah setelah pejabat agama mengesahkan pernikahan mereka itu tidak sah. Hal ini demikian kerana, pernikahan pasangan tersebut menggunakan wali hakim sedangkan ia masih mempunyai wali iaitu adik lelakinya yang berusia 19 tahun. Permohonan faraq tersebut dilakukan oleh pejabat agama itu sendiri dan diterima oleh mahkamah serta memutuskan pembubaran perkahwinan bagi pasangan tersebut dan perlu bernikah semula pada bila-bila masa sahaja (Muhammad Ridzuan, 2014).

Seterusnya, kes yang berlaku di Selangor ialah sebuah kes yang jarang-jarang berlaku di Malaysia. Berdasarkan kes bernombor 10023-042-xxxx-2022. Dalam kes tersebut, perkahwinan mereka perlu difaraqkan kerana wali yang digunakan oleh abang kedua pasangan itu sendiri didapati ATST kerana tempoh kelahirannya tidak mencukupi enam bulan dua *lahzah* dari tempoh pernikahan ibu bapanya. Oleh itu, mahkamah mensabitkan perkahwinan tersebut perlu difaraqkan dan meluluskan tuntutan plaintif tersebut berdasarkan Seksyen 61(3)(b)(i) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor). Menurut Hakim Syarie (In1), perkahwinan yang mempunyai keraguan boleh menjadi tidak sah dan perlu memohon faraq ke atas perkahwinan tersebut. Permohonan faraq itu boleh dibuat melalui pihak pejabat agama itu sendiri, pasangan yang didakwa atau wali yang telah diklasifikasikan ATST. Oleh itu, pihak mahkamah meluluskan pemfaraqkan tersebut dan isteri kepada kedua-dua pasangan itu perlu menjalani *iddah* tiga kali suci.

Jelaslah bahawa status kelahiran anak pramatang sebagai wali nikah menurut perundangan semasa menjadi sah atas pernikahan tersebut dengan syarat melalui tiga perkara tersebut iaitu melakukan pengesahan kelahiran anak pramatang, melakukan pengesahatarafan nasab di mahkamah dan mematuhi syarat sebagai wali nikah seperti kelahiran normal. Namun begitu, jika tidak memenuhi ketiga-tiga syarat tersebut, perkara ini akan menyebabkan implikasi terhadap sesebuah pasangan iaitu berlakunya pembubaran perkahwinan kerana anak itu diklasifikasi sebagai ATST. Oleh sebab itu, perkara tersebut akan menimbulkan keraguan bagi pihak pejabat agama terhadap wali tersebut kerana tempoh kelahirannya tidak mencukupi enam bulan dua *lahzah* dari tempoh pernikahan ibu bapanya. Justeru, perkara tersebut amat penting dan perlu dititikberatkan bagi pasangan yang ingin berkahwin kerana tidak ingin perkara sebegini berlaku pada masa akan datang.

Kesimpulan

Kesimpulannya, wali ialah yang berkuasa untuk mengatur pernikahan seseorang wanita yang berada di bawah jagaannya. Wali juga merupakan salah satu rukun dalam menyempurnakan sesebuah perkahwinan itu. Jika berlaku kekurangan rukun wali tersebut, maka perkahwinannya menjadi tidak sah. Wali amat penting dari sudut hukum syarak kerana ia ialah satu perintah daripada Allah SWT dalam menyempurnakan pernikahan. Namun begitu, undang-undang Malaysia menekankan perihal wali anak pramatang sebagai ATST dengan mengambil kira tempoh kelahirannya dengan tempoh pernikahan ibu bapanya. Hasil dapatan menunjukkan bahawa anak kelahiran pramatang ialah anak yang sah menurut syarak, tetapi anak tersebut tetap digelar sebagai ATST sekiranya tidak mendapat pengesahatarafan nasab di mahkamah. Walaupun begitu, anak kelahiran pramatang boleh menjadi wali nikah dengan mematuhi tiga syarat utama iaitu, melakukan pengesahan kelahiran pramatang, melakukan pengesahatarafan nasab di mahkamah dan mematuhi syarat sebagai wali nikah seperti kelahiran normal. Artikel ini mencadangkan supaya pihak berkuasa khususnya pihak di pejabat agama lebih berhati-hati ketika menyemak dokumen wali agar wali yang digunakan ketika akad perkahwinan adalah benar-benar sah menurut syarak. Hal ini kerana wali merupakan rukun yang terpenting dalam sesebuah pernikahan. Perkara ini secara langsung memberi implikasi yang negatif kepada pasangan jika wali itu dikategorikan sebagai ATST. Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan diperlukan untuk meneliti kesan pembubaran perkahwinan sekiranya terdapat pasangan yang tidak mematuhi ketiga-tiga syarat yang telah dibincangkan dalam artikel ini.

Rujukan

- Al-Hafiz, I. (2023, Oktober 10). *Kaedah Pengiraan Enam Bulan Untuk Penasaban Anak*. Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5758-irsyad-al-fatwa-siri-ke-802-kaedah-pengiraan-enam-bulan-untuk-penasaban-ana>
- Al-Quran*. (Mohamad, N.M. Terjemahan). (2012). Humaira Trading & Distribution Sdn. Bhd.
- Ashikin, M. D. (2022, May 19). *Awas! Tekanan Antara 12 Punca Utama Bayi Lahir Tak Cukup Bulan*. Hellodocor. <https://hellodoktor.com/keibubapaan/bayi/bayi-pramatang/kelahiran-bayi-pramatang/>
- Al-Bukhari. (1983). *Sahih al- Bukhari*. Dar Ihya al- Thurath al-‘Arabi.
- Darusalam, G., & Hussin, S. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Universiti Malaya Publication.
- Fatimah Desa. (2006). *Pengetahuan Ibu Bapa Dalam Penjagaan Bayi Prematang Di Hospital Universiti Sains Malaysia* [Unpublished doctoral thesis]. Universiti Sains Malaysia.
- H. Bey Arifin & A. Syinqithy Djamaluddin. (1993). *Terjamah Sunan Abu Dawud (Jilid 3)*. Victory Agencie.
- Ibnu Atiyya. (2011). *Al- Jami ’ al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al- ‘Aziz*. Dar al- Kutub.
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. (2003, Julai 24). *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam*. Mais. <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/10/ENAKMEN-UNDANG-UNDANG-KELUARGA-ISLAM-NEGERI-SELANGOR-2003.pdf>

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2014, April 12). *Faraq Dalam Perkahwinan*. Jakim. <https://www.yumpu.com/id/document/view/24396457/faraq-dalam-perkahwinan-jabatan-kemajuan-islam-malaysia>
- Jabatan Mufti Sarawak. (2024, May 1). *Maksud Wali*. Irsyad. https://muftinegeri.sarawak.gov.my/web/subpage/irsyad_details/&rid=UDlxK01ZzJqVXpRMmpNazZlaUVRQT09Ojpl3NN54mXK3mZR6TQAFtWt
- Kamus Dewan Bahasa*. (2012). 4th ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Lenny Nadriana & Elti Yunani. (2023). Implement Perlindungan Hukum Terhadap Hilangnya Hak Istri Dan Anak Akibat Pernikahan Sirri. *Jurnal Penelitian Hukum*, 2(1), 27-35.
- Muhammad Akramin. (2017). Sah dan batal menurut ulama Usul Fiqh. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 9(1), 116-124.
- Muslim, M. S. (2016). Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi. Wahana. *Jurnal Ilmu Komunikasi Indonesia*, 1(10), 77-85.
- Mustafa al-Khin. (2000). *Al-Fiqh Al-Manhaji Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie*. Dar al-Qalam.
- Mustaqim Roslan. (2023). Pentarjihan fuqaha terhadap nasab anak tak sah taraf kepada bapa biologi: analisis fatwa Negeri Selangor. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 9(2), 1-15.
- MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020, Ogos 28). *Bayi Pramatang*. Myhealth. <http://www.myhealth.gov.my/bayi-pramatang/>
- Nurul Hasna' Hazni. (2023). *Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan: kajian terhadap keperluan pelaksanaannya berasaskan fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis*. Universiti Utara Malaysia.
- Ridzuan, M. (2014, November 24). *Faraq Dalam Perkahwinan*. Slideshare. <https://www.slideshare.net/slideshow/faraq-dalam-perkahwinan/41946614>
- Ritchie, J., & Lewis, J. (2003). *Qualitative research practice-A guide for social science students and researchers*. Sage Publications Ltd.
- Saniah Saroji. (2022). Laporan Mahkamah Rendah Syariah Klang. No. Kes: 10023-042-xxxx-2022. Selangor Darul Ehsan.
- Siti Aishah Borhanuddin, Mahamatayuding Samah & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2023). Kesalahan berkahwin tanpa kebenaran bagi orang Islam di Malaysia: Tinjauan berdasarkan perspektif syarak dan undang-undang. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 99-121.
- Solihah Mansor. (2023). Perceraian bagi perkahwinan yang berusia kurang dari tempoh satu tahun di Mahkamah Rendah Syariah Petaling. *Journal of Shariah Law Research*, 8(1), 34-70.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Hasnizam Hashim, Syahirah Abdul Shukor & Asma Harun. (2018). Faraq perkahwinan bagi pasangan tak sah taraf di Negeri Sembilan. *International Journal of Islamic Thought*, 13(1), 124-134.

- Yufi, C. (2017, September 10). *Nasab adalah: pengertian, faktor dan sistemnya dalam ajaran agama Islam*. Gramedia. <https://www.gramedia.com/literasi/nasab/>
- Zaleha Kamaruddin & Raihanah Abdullah. (2002). *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam*. Cetakan Pertama. Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Zuhayliy Wahbah. (1977). *al-Fiqh al-Islamy wa Adillatuh*. Dar al-Fikr.
- Zulfaqar Mamat. (2019, Februari 27). *Pentingnya wali dalam kehidupan seorang Muslim*. Universiti Sains Islam Malaysia. <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/pentingnya-wali-dalam-kehidupan-seorang-muslimah/>
- Zulkifli Hassan, Irwan, M. S., & Lukman A. M. (2013). *Kedudukan anak tak sah taraf menurut perspektif undang-undang* [Unpublished doctoral thesis]. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2015, Julai 1). *Anak Ihsanilah*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/1810-anak-ihsanilah>
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2023, Oktober 13). *Lahir Tidak Cukup Bulan Adakah Boleh Menjadi Wali?* Maktabahalbakri. <https://maktabahalbakri.com/3483-lahir-tidak-cukup-bulan-adakah-boleh-menjadi-wali/>

Tahap Kemahiran Melakar dan Membuat Gubahan terhadap Lukisan Objek dan Muka Taip (Tipografi) Menggunakan Pendekatan Teknik Tekapan

Level of Sketching and Creating Compositions Skills on Object Drawing and Typography Using the Tracing Paper Technique

Muhammad Edry Bin Ahmad Sharifuddin

Jabatan Pendidikan Seni Visual, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun (IPGKTB)

E-mel: edry832@gmail.com

Muhammad Mustaqim Bin Roslan (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

E-mel: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Abstrak

Melakar dan membuat gubahan merupakan dua komponen asas dalam melukis objek dan muka taip. Namun, masih terdapat sebilangan murid yang tidak mampu untuk menguasainya ketika sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk membantu murid yang lemah dalam menguasai kemahiran melakar dan membuat gubahan terhadap lukisan objek dan muka taip. Reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian tindakan diadaptasikan dalam kajian ini. Kaedah pengumpulan data pula adalah menggunakan teknik triangulasi dan kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam analisis data yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Tinjauan awal terhadap 32 orang murid dalam ujian pra menunjukkan hanya enam orang murid yang lemah dalam kemahiran melakar dan membuat gubahan. Sehubungan itu, pendekatan teknik tekapan diperkenalkan dalam membantu murid dalam melukis objek dan muka taip. Hasil dapatan kajian daripada pelan tindakan yang telah dilakukan menunjukkan bahawa tahap kemahiran melakar dan membuat gubahan terhadap lukisan objek dan muka taip dengan menggunakan teknik tekapan adalah memuaskan jika dibandingkan dari sebelumnya. Para murid menunjukkan sikap yang positif untuk menguasai kemahiran melakar dan membuat gubahan bagi mencapai keputusan cemerlang dalam subjek Pendidikan Seni Visual (PSV). Kajian lanjutan diperlukan untuk mengenal pasti teknik lain yang boleh digunakan dalam PdP bagi meningkatkan kemahiran melukis murid.

Kata Kunci: Gubahan; Melakar; Muka Taip; Objek; Teknik Tekapan.

Pendahuluan

Istilah melakar membawa erti melukis rangka rajah, gambar dan lain-lain secara kasar. Manakala membuat gubahan pula merujuk kepada mengatur, menyusun mahupun membentuk sesuatu (Dewan Bahasa & Pustaka, 2012). Kedua-dua komponen ini adalah amat sinonim digunakan oleh para murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya bagi subjek Pendidikan Seni Visual (PSV). Namun begitu, berdasarkan kepada ujian pra PSV yang telah dilakukan kepada 32 orang murid di Sekolah Rendah Permatang Pauh, seramai enam orang murid telah didapati tidak mampu untuk melukis objek dan muka taip dengan menggunakan kedua-dua komponen tersebut. Kegagalan pelajar dalam melukis ini berpunca daripada pelbagai faktor yang perlu ditinjau secara teliti dan mendalam.

Menurut Abdillah Royo dan Haleefa Mahmood (2011), terdapat beberapa faktor dalaman dan luaran yang boleh mempengaruhi pencapaian seseorang murid bagi memperoleh gred yang

cemerlang. Menurut beliau, sikap dan minat seseorang murid terhadap sesuatu subjek merupakan antara faktor yang memainkan peranan penting dalam proses PdP. Tambah Nor Azah (2005), kajian beliau mendapati bahawa pelajar yang mempunyai minat yang tinggi dan sikap yang positif terhadap satu-satu subjek akan mendorong murid tersebut mendapat keputusan yang cemerlang. Selain itu juga, kemudahan bilik dan bengkel atau makmal yang disediakan oleh pihak sekolah turut memberikan kesan kepada pencapaian seseorang murid (Azizah & Sharifah, 1989). Menurut Mohd Nor Hanim (2002) pula, sikap guru juga mengundang kepada kelemahan pencapaian murid di sekolah dan beliau turut mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan bagi mengatasi masalah pencapaian murid yang gagal dalam satu-satu subjek di sekolah.

Oleh yang demikian, keadaan ini tidak boleh dibiarkan berpanjangan kerana sekiranya para murid tidak dirawat dengan segera, ia akan memberikan kesan yang buruk dalam pencapaian murid akan datang. Sekiranya murid tidak mampu untuk melakar dan membuat gubahan terhadap lukisan objek dan muka taip, kebarangkalian murid tidak akan mendapat keputusan cemerlang dalam subjek PSV yang merupakan mata pelajaran teras di sekolah rendah. Sehubungan itu, kajian tindakan perlu dilakukan bagi meningkatkan tahap kemahiran melakar dan membuat gubahan terhadap lukisan objek dan muka taip. Lantaran itu, 'Pendekatan Teknik Tekapan' digunakan dan dilaksanakan dalam proses PdP di dalam kelas. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membantu murid yang lemah dalam menguasai kemahiran melakar dan membuat gubahan terhadap lukisan objek dan muka taip. Secara khususnya, kajian ini akan menjawab dua persoalan iaitu:

1. Apakah tahap penguasaan murid terhadap 'Pendekatan Teknik Tekapan' yang digunakan dalam melakar objek dan muka taip?
2. Apakah tahap penguasaan murid terhadap 'Pendekatan Teknik Tekapan' yang digunakan dalam membuat gubahan objek dan muka taip?

Teori Kajian

Kajian ini mengaplikasikan dua teori iaitu teori kognitif *behaviorisme* dan teori *gestalt* dengan menggunakan bahan rangsangan iaitu kertas surih untuk melakar dan membuat gubahan terhadap lukisan objek dan muka taip. Berdasarkan teori *behaviorisme*, manusia menyedari bahawa rangsangan akan menyebabkan gerak balas. Oleh yang demikian, manusia sentiasa melihat rangsangan sebagai suatu yang perlu diberi tindakan menurut perspektif yang sesuai berdasarkan persepsi, pengalaman, persekitaran atau apa sahaja yang berkaitan (Elina & Abdul Jawi, 2015). Hal ini bererti, tingkah laku manusia adalah berasaskan pengetahuan atau pemikiran mereka tentang sesuatu situasi rangsangan yang menyebabkan sesuatu perubahan tingkah laku akan berlaku. Oleh itu, dalam situasi kajian ini rangsangan berlaku apabila pengkaji mengemukakan kertas surih kepada pelajar untuk menangkap lukisan objek dan muka taip sehingga mewujudkan gerak balas kognitif.

Menurut teori *gestalt* pula, pembelajaran akan digerakkan oleh rangsangan yang berbentuk kekaburan yang memerlukan kepada penyelesaian (Bower & Hilgard, 1983). Oleh yang demikian, manusia akan tergerak untuk menyelesaikan kekaburan tersebut melalui proses yang dikenali sebagai celik akal. Sehubungan itu, dalam proses celik akal struktur kognitif manusia yang telah sedia tersimpan dengan pelbagai maklumat dan pengalaman akan dikaitkan dengan masalah yang perlu diselesaikan itu. Situasi ini bererti bahan rangsangan mempunyai peranan untuk membantu dalam mengaktifkan proses celik akal atau pembelajaran aktif itu sendiri (Elina & Abdul Jawi, 2015). Adapun dalam konteks kajian ini, pelajar yang lemah dalam melakar dan membuat gubahan terhadap lukisan objek dan muka taip akan mengalami proses celik akal atau pembelajaran aktif apabila pengkaji memberikan bimbingan dan panduan dalam menggunakan teknik tekapan.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian tindakan diadaptasikan dalam kajian ini. Kaedah pengumpulan data pula adalah menggunakan teknik triangulasi dengan menggabungkan tiga kaedah iaitu analisis kandungan dokumen, pemerhatian dan temu bual soalan separa berstruktur. Kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam analisis data yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Kumpulan sasaran dalam kajian ini adalah melibatkan seramai 32 orang murid yang mengikuti subjek PSV di Sekolah Rendah Permatang Pauh dan enam orang daripadanya dijadikan sampel setelah ujian pra dijalankan ke atas mereka. Lazimnya, dalam keseluruhan murid dalam kelas tersebut, terdapat beberapa orang murid yang menghadapi masalah pembelajaran khususnya tidak mahir dalam melakar dan membuat gubahan terhadap lukisan objek dan muka taip. Oleh yang demikian, kajian tindakan dilaksanakan untuk mengatasi masalah tersebut. Data-data dikumpulkan dari ujian pra dan pos daripada enam orang murid ini bagi membezakan tahap pencapaian murid setelah digunakan pendekatan teknik tekapan dalam sesi PdP. Selain kaedah analisis kandungan dokumen dan pemerhatian digunakan dalam ujian pra dan pos, kaedah temu bual turut dilakukan bagi mengukuhkan data-data yang diperolehi. Dalam kajian kualitatif, bilangan sampel yang ditemui bual bukan menjadi isu utama kerana tidak ada satu peraturan khusus yang boleh digunakan dalam menentukan saiz sampel (Patton, 2002). Hal ini kerana kajian kualitatif bukan untuk membuat generalisasi kepada populasi kajian tetapi lebih kepada meneroka secara mendalam fenomena yang dikaji (Creswell, 2002).

Pelaksanaan Kajian

Para murid diberikan sehelai kertas kosong untuk melukis kembali lukisan yang terdapat di dalam sekeping poster. Seramai enam orang murid telah dikenal pasti mengalami masalah melakar dan membuat gubahan terhadap lukisan tersebut. Hal ini disebabkan murid-murid tidak yakin dan tidak cekap menggunakan pensel sebagai alat melukis. Selain itu juga, kurang fokus di dalam kelas ketika sesi PdP turut menyumbang kepada berlakunya masalah melakar dan membuat gubahan terhadap lukisan yang diminta oleh pengkaji. Kesemua masalah ini telah dikenal pasti oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan analisis kandungan dokumen ketika sesi PdP dijalankan.

Terdapat lima indikator pemarkahan yang telah digunakan oleh pengkaji dalam membuat penilaian terhadap kemahiran melakar dan membuat gubahan daripada peserta kajian. Kelima-lima indikator itu ialah penentuan tema, perkembangan idea, penetapan jenis media dan teknik, kreativiti dan kekemasan (Kurikulum Standard Sekolah Rendah PSV Tahun 4, 2019). Namun begitu, hanya dua indikator sahaja yang menjadi fokus pengkaji dalam menilai tahap kemahiran melakar dan membuat gubahan para murid iaitu indikator perkembangan idea dan kreativiti murid. Para murid dinilai dengan enam tahap pencapaian iaitu dimulai dengan tahap cemerlang (A: 9-10 markah), baik (B: 7-8 markah), memuaskan (C: 5-6 markah), lemah (D: 3-4 markah) dan gagal (E: 1-2 markah). Seramai enam orang murid telah dikenal pasti mengalami masalah melakar dan membuat gubahan dengan jumlah markah pencapaian mereka berada di bawah tahap memuaskan. Berikut adalah tahap pencapaian murid yang telah dikenal pasti daripada dua indikator perkembangan idea dan kreativiti murid dalam ujian pra yang telah dijalankan oleh pengkaji:

Jadual 1: Tahap pencapaian murid dalam ujian pra melakar dan membuat gubahan terhadap lukisan objek & muka taip

| Bil. | Responden (R) | Tahap Melakar (Perkembangan Idea) | | | | | Tahap Membuat Gubahan (Kreativiti Murid) | | | | |
|------|---------------|--------------------------------------|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | A | B | C | D | E | A | B | C | D | E |
| 1. | R1 | | | | 4 | | | | | 3 | |
| 2. | R2 | | | | 4 | | | | | 4 | |
| 3. | R3 | | | | 4 | | | | | 4 | |
| 4. | R4 | | | | 4 | | | | | 3 | |
| 5. | R5 | | | | 3 | | | | | 3 | |
| 6. | R6 | | 7 | | | | | | 7 | | |

Merujuk kepada jadual 1 di atas, analisis semua dokumen daripada hasil lukisan dan pemerhatian yang telah dijalankan dalam ujian pra terhadap semua murid mendapati enam responden daripadanya mengalami masalah dalam melakar dan membuat gubahan lukisan. Lima responden daripadanya memperoleh markah D iaitu lemah dengan nilai markah antara (3-4) sahaja dan ini menunjukkan mereka amat bermasalah dalam melakar dan membuat gubahan terhadap lukisan objek dan muka taip. Seorang responden memperoleh markah tiga dan empat orang responden pula memperoleh markah empat yang mana menjadikan markah mereka adalah berada pada gred D sahaja bagi tahap melakar objek dan muka taip. Manakala tiga responden memperoleh markah tiga dan dua orang responden pula memperoleh markah empat yang mana menjadikan markah mereka juga berada pada gred D sahaja bagi tahap membuat gubahan objek dan muka taip. Adapun baki seorang responden memperoleh markah tujuh dengan gred B iaitu baik, namun responden ini adalah sangat lemah dari sudut melakar dan membuat gubahan bagi lukisan objek sahaja.

Berdasarkan analisis pemerhatian dan analisis kandungan dokumen yang telah dijalankan dalam ujian pra tersebut, keenam-enam responden telah diberikan sebanyak dua latihan intervensi sebelum ujian pos dilakukan kepada mereka. Latihan intervensi ini telah dilakukan pengkaji dengan menggunakan pendekatan teknik tekapan bagi memberikan pendedahan kepada murid dalam melakar dan membuat gubahan lukisan yang diberikan. Pengkaji telah menerangkan kepada semua responden tentang teknik tekapan yang perlu dilakukan. Selain itu juga, beberapa panduan telah diberikan ketika teknik tekapan dilakukan agar responden benar-benar memahami kaedah tersebut. Latihan psikomotor digunakan dalam intervensi ini agar murid dapat meniru kembali lukisan yang telah diberikan. Teguran diberikan beberapa kali kepada murid yang telah melakukan kesilapan dalam menggunakan teknik tekapan tersebut.

Konsep Melakar dan Membuat Gubahan Objek dan Muka Taip

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), melakar membawa maksud melukis rangka rajah, gambar dan lain-lain secara kasar. Ia merupakan aktiviti normal yang sering dilakukan kanak-kanak selain bebas meluahkan sesuatu yang mereka mahu melalui lukisan (Sue Dockett & Bob Perry, 2005). Lakaran juga dapat dikaitkan dengan luahan minda seseorang (Rofidah et al., 2019). Namun begitu, takrifan melakar dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada kebolehan seseorang untuk menghasilkan sesuatu idea lukisan awal atau lukisan draf iaitu menggunakan teknik lakaran tanpa menggunakan alat melukis seperti pembaris atau jangka lukis. Lakaran ini sendiri memiliki pelbagai peranan iaitu seperti mempercepatkan pembangunan konsep melalui penerokaan serta menjimatkan masa sesuatu masalah untuk diselesaikan hanya dengan menggunakan grafik ringkas. Melakar juga asas komposisi untuk ilustrasi iaitu merupakan kaedah yang paling mudah untuk menunjukkan komponen komposisi sesuatu reka bentuk untuk dipersembahkan.

Gubahan pula membawa erti mengatur, menyusun mahupun membentuk sesuatu (Dewan Bahasa & Pustaka, 2012). Adapun dalam konteks kajian ini pula, membuat gubahan ialah merujuk

kepada kemahiran responden untuk membuat semula susunan atau kedudukan sesuatu objek dan muka taip dengan menggunakan kreativiti sendiri. Kreativiti merupakan perkara yang penting semasa membuat gubahan lukisan kerana ia memerlukan responden untuk menentukan kesesuaian sesuatu kedudukan objek dan muka taip yang ingin dihasilkan agar kelihatan sepadan melalui lakaran mereka. Menurut Rofidah et al. (2019), pengetahuan yang mendalam terhadap lakaran dapat memberikan kesan terhadap peningkatan kreativiti responden. Selain itu, keaslian dalam membuat gubahan oleh para responden juga penting dalam mengolah sesuatu gubahan dengan menggunakan teknik dan gaya tersendiri dalam mempersembahkan karya melalui objek dan muka taip. Oleh yang demikian, pengkaji akan memberikan kebebasan dan peluang kepada responden untuk meneroka sendiri idea mereka dalam membuat lakaran dan membuat gubahan terhadap objek dan muka taip (Altinkaynaka et al., 2012).

Tahap Penguasaan Murid terhadap ‘Pendekatan Teknik Tekapan’ dalam Melakar Lukisan Objek dan Muka Taip

Hasil dapatan menunjukkan bahawa kesemua responden yang telah diberikan dua kali intervensi rata-rata memberikan kesan yang positif dalam ujian pos. Tahap pencapaian responden dari ujian pra menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dalam melakar lukisan objek dan muka taip. Pencapaian kesemua responden adalah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen daripada hasil karya yang dilakukan responden dalam ujian pra dan pos. Markah kesemua responden dari rubrik pemarkahan adalah dinilai dari komponen ‘perkembangan idea’ yang merujuk kepada ujian lakaran terhadap lukisan objek dan muka taip. Berikut adalah tahap pencapaian responden yang telah dikenal pasti daripada komponen ‘perkembangan idea’ dalam ujian pra dan pos yang telah dijalankan oleh pengkaji:

Jadual 2: Tahap pencapaian murid dalam ujian pra dan ujian pos terhadap melakar objek dan muka taip

| Bil. | Responden (R) | Tahap Melakar Objek & Muka Taip (Perkembangan Idea) | | | | | | | | | |
|------|---------------|---|---|---|---|---|-----------|---|---|---|---|
| | | Ujian Pra | | | | | Ujian Pos | | | | |
| | | A | B | C | D | E | A | B | C | D | E |
| 1. | R1 | | | | 4 | | | 8 | | | |
| 2. | R2 | | | | 4 | | 9 | | | | |
| 3. | R3 | | | | 4 | | 10 | | | | |
| 4. | R4 | | | | 4 | | 9 | | | | |
| 5. | R5 | | | | 3 | | 9 | | | | |
| 6. | R6 | | 7 | | | | 9 | | | | |

Merujuk kepada jadual 2 di atas, pencapaian responden dari ujian pra selepas dilakukan intervensi kepada mereka menunjukkan peningkatan gred dari B & D ke A & B dalam ujian pos. Seramai lima orang responden memperoleh markah sembilan hingga sepuluh dengan gred A dan hanya berbaki seorang sahaja yang memperoleh markah lapan dengan gred B dalam ujian pos yang dijalankan. Kesemua responden menunjukkan kemajuan dari ujian pra dan pos, yang mana R1 dari markah empat (gred D) meningkat ke markah lapan (gred B), R2 dari markah empat (gred D) meningkat ke markah sembilan (gred A), R3 dari markah empat (gred D) meningkat ke markah sepuluh (gred A), R4 juga dari markah empat (gred D) meningkat ke markah sembilan (gred A), R5 dari markah tiga (gred D) melonjak naik ke markah sembilan (gred A). Adapun responden terakhir iaitu R6, tidaklah menunjukkan peningkatan begitu ketara kerana ujian pra bagi responden ini adalah tujuh dengan gred B, namun turut meningkat ke markah sembilan dengan gred A.

Pelan tindakan yang dilakukan oleh pengkaji melalui dua intervensi yang telah dirancang bukanlah sekadar untuk melatih responden meniru lakaran dari lukisan poster yang diberikan semamata, namun latihan psikomotor responden telah diuji semasa mereka memegang pensel ketika proses

lakaran berlaku. Hal ini kerana, kaedah menggunakan teknik tekapan itu sendiri memerlukan responden menggunakan pensel sebanyak dua kali iaitu semasa menepak lakaran dari templat dan semasa memperjelaskan semula lakaran yang telah dipindahkan dari tekapan ke kertas baharu. Oleh yang demikian, kemahiran melakar ini sekali gus menjadi kunci bagi melatih pemikiran dan motor halus responden secara optimum (Santos, 2016). Menurut Samiudin (2017), kebolehan ini boleh dilatih menerusi lima aspek iaitu peniruan, manipulasi, ketepatan pergerakan, artikulasi dan naturalisasi autonomi. Kesemua responden nampaknya telah menunjukkan tindak balas psikomotor yang baik dengan ujian pencapaian dalam ujian pos semakin meningkat dari sebelumnya. Hal ini diperakui sendiri oleh R6 apabila ditanya; “Dari segi apakah teknik tekapan ini membantu?” Maka R6 menjawab; “Dari segi membuat bentuk”.

Selain itu juga, R5 turut menyatakan bahawa teknik tekapan ini sangat-sangat membantu mereka dalam membuat lakaran objek dan muka taip. Data temu bual yang diperoleh mengukuhkan lagi keputusan pencapaian responden selepas dua kali intervensi dilakukan ke atas mereka. Hal ini menunjukkan bahawa teknik tekapan ini membantu melatih responden memperkemas lakaran muka taip mereka kerana hasil tekapan yang dilakukan mampu membayangkan hasil lakaran semasa intervensi walaupun tanpa menggunakan kertas surih ketika ujian pos dijalankan. Tambahan lagi, ujian pos yang dijalankan pengkaji adalah selepas sehari intervensi dilakukan ke atas semua responden tersebut. Daya ingatan yang masih segar dalam kalangan responden mungkin turut menjadi faktor utama kemampuan mereka untuk melakar kembali lukisan poster yang diberikan, selain daripada motivasi dan semangat baharu responden yang positif setelah dirangsang minda mereka dengan pengisian pembelajaran yang konkrit ketika intervensi (Chua Yock, 2001). Berikut adalah perbezaan lakaran muka taip yang diambil dari R2 pada sebelum dan selepas intervensi dijalankan:



Rajah 1: Lakaran muka taip R2 dalam ujian pra



Rajah 2: Lakaran muka taip R2 dalam ujian pos

Gambar rajah 1 dan 2 di atas menunjukkan perbezaan di antara lakaran muka taip R2 dalam ujian pra dan pos. Lakaran muka taip dalam ujian pos selepas intervensi dilakukan adalah menunjukkan pencapaian yang lebih baik dari sebelumnya. Walaupun R2 mampu untuk menghasilkan lakaran muka taip ketika ujian pra dijalankan, namun masih terlihat pelbagai kelemahan yang terdapat pada lakaran tersebut seperti reka letak setiap abjad muka taip yang tidak sistematik dan kadar banding yang tidak tetap iaitu saiz abjad ketara berbeza. Setelah R2 mendapatkan intervensi oleh pengkaji, dilihat perbezaan yang ketara pada dua aspek yang telah difokuskan iaitu reka letak sudah mula menjadi lebih sistematik dan memiliki pergerakan bermotif. Tambahan lagi, penentuan kadar banding yang semakin sesuai terhadap saiz abjad dalam ujian pos seperti rajah 2 di atas.

Pembuktian ini menunjukkan bahawa teknik tekapan adalah sangat membantu responden dalam membuat lakaran muka taip namun masih memerlukan kepada penambahbaikan kerana kemahiran melakar muka taip memerlukan kepada pengetahuan menghasilkan rupa geometri pada

kadar banding yang tepat dan latihan berkala yang bukan sahaja dari meniru tekapan semata-mata. Namun begitu, secara keseluruhannya teknik ini berjaya melatih murid menghasilkan lakaran yang baik dan cemerlang. Hasil dapatan dari karya yang dihasilkan ini turut disokong oleh data temu bual yang diperoleh pengkaji apabila R1 ditanya sama ada teknik ini membantu dan memudahkan responden untuk melukis objek dan muka taip ataupun tidak, maka dengan pantas R1 menjawab; “Senang!!!”. Ini menunjukkan bahawa penggunaan teknik tekapan adalah sangat memberikan kesan yang positif kepada kemahiran melakar objek dan muka taip ketika penghasilan karya poster.

Rumusannya, teknik tekapan ini adalah terbukti memberikan kesan yang positif kepada majoriti responden dalam meningkatkan kemahiran melakar objek dan muka taip. Namun, teknik ini adalah lebih sesuai untuk melatih murid dalam melakar rupa organik berbanding rupa geometri. Hal ini kerana peningkatan cemerlang para responden adalah lebih berfokus kepada kemahiran melakar objek yang melibatkan rupa organik berbanding muka taip yang lebih bersudut lakarannya. Tambahan lagi, kemahiran melakar muka taip adalah memerlukan kepada pengetahuan menghasilkan rupa geometri pada kadar banding yang tepat dan memerlukan kepada latihan berkala yang bukan sahaja dari meniru tekapan semata-mata.

Tahap Penguasaan Murid terhadap ‘Pendekatan Teknik Tekapan’ dalam Membuat Gubahan Lukisan Objek dan Muka Taip

Hasil dapatan menunjukkan bahawa kesemua responden yang telah diberikan dua kali intervensi rata-rata memberikan kesan yang positif dalam ujian pos. Tahap pencapaian responden dari ujian pra menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dalam membuat gubahan terhadap lukisan objek dan muka taip. Pencapaian kesemua responden adalah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen daripada hasil karya yang dilakukan responden dalam ujian pra dan pos. Markah kesemua responden dari rubrik pemarkahan adalah dinilai dari komponen ‘kreativiti’ yang merujuk kepada ujian membuat gubahan terhadap lukisan objek dan muka taip. Berikut adalah tahap pencapaian responden yang telah dikenal pasti daripada komponen ‘kreativiti’ dalam ujian pra dan pos yang telah dijalankan oleh pengkaji:

Jadual 3: Tahap pencapaian murid dalam ujian pra dan ujian pos terhadap membuat gubahan objek dan muka taip

| Bil. | Responden (R) | Tahap Membuat Gubahan - Kreativiti (Objek & Muka Taip) | | | | | | | | | |
|------|---------------|--|---|---|---|---|-----------|---|---|---|---|
| | | Ujian Pra | | | | | Ujian Pos | | | | |
| | | A | B | C | D | E | A | B | C | D | E |
| 1. | R1 | | | | 3 | | 9 | | | | |
| 2. | R2 | | | | 4 | | | 8 | | | |
| 3. | R3 | | | | 4 | | | 8 | | | |
| 4. | R4 | | | | 3 | | 10 | | | | |
| 5. | R5 | | | | 3 | | 10 | | | | |
| 6. | R6 | | 7 | | | | | 8 | | | |

Merujuk kepada jadual 3 di atas, pencapaian responden dari ujian pra selepas dilakukan intervensi kepada mereka menunjukkan peningkatan gred dari B & D ke A & B dalam ujian pos. Seramai tiga orang responden memperoleh markah lapan dengan gred B dan bakinya tiga orang pula memperoleh markah sembilan hingga sepuluh dengan gred A dalam ujian pos yang dijalankan. Kesemua responden menunjukkan kemajuan dari ujian pra dan pos, yang mana R1 dari markah tiga (gred D) meningkat ke markah sembilan (gred A), R2 dari markah empat (gred D) meningkat ke markah lapan (gred B), begitu juga dengan R3 dari markah empat (gred D) meningkat ke markah lapan (gred B), R4 dan R5 pula dari markah tiga (gred D) melonjak naik ke markah sepuluh (gred A). Adapun responden terakhir iaitu R6, tidaklah menunjukkan peningkatan begitu ketara kerana ujian

pra bagi responden ini adalah tujuh dengan gred B, namun turut meningkat ke markah lapan dengan gred B.

Pelan tindakan yang telah dilakukan pengkaji melalui dua intervensi kepada semua responden menunjukkan kesan yang positif dalam pencapaian ujian pos. Namun begitu, jika dibandingkan dengan pencapaian responden dalam melakar objek dan muka taip, keputusan membuat gubahan nampaknya lebih rendah dengan hanya tiga orang yang memperoleh gred A berbanding membuat lakaran dengan seramai lima orang yang memperoleh gred A. Hal ini menunjukkan bahawa teknik tekapan yang telah digunakan dalam dua intervensi kepada semua responden adalah sangat memberikan kesan yang baik kepada melakar objek dan muka taip. Namun, para responden tetap menunjukkan peningkatan dalam membuat gubahan objek dan muka taip dan ini terbukti bahawa teknik tekapan adalah benar-benar membantu responden dalam membuat gubahan. Pernyataan ini turut disokong oleh R4 apabila ditanya; “Apakah latihan (intervensi) yang dilakukan benar-benar membantu untuk membuat gubahan lukisan?” Maka R4 menjawab; “Ya, sangat membantu dari sudut susunan objek”.

Data-data temu bual ini menyokong lagi bahawa intervensi yang dirancang adalah sangat menitikberatkan perkembangan kreativiti responden dalam menghasilkan kedudukan objek agar menjadi lebih kreatif dan mempunyai idea tersendiri. Intervensi yang dirancang pengkaji adalah bertujuan untuk memudahkan responden membayangkan sesuatu objek yang hendak dilakar terlebih dahulu di atas kertas surih. Tambahan lagi, teknik tekapan ini membolehkan responden menentukan kedudukan objek yang hendak dilakar tanpa memerlukan mereka melakar secara terus dan memadam hasil kerja tersebut kerana sifat tembus kertas surih responden dapat mengubah hasil tekapan pada kertas baharu tanpa had sebelum memindahkannya pada kertas baharu sehingga responden berasa berpuas hati dengan olahan kedudukan tersebut. Berikut adalah contoh responden mengaplikasikan teknik tekapan dalam membuat gubahan objek:



Rajah 3: Hasil tekapan pada kedudukan tengah kertas



Rajah 4: Hasil tekapan pada kedudukan kanan kertas

Merujuk kepada rajah 3 dan 4 di atas, kesemua responden nampaknya mampu untuk memindahkan hasil tekapan pada kertas surih seperti teka-teki (*puzzle*) dan ini sekali gus mampu merangsang kreativiti responden serta dapat menjimatkan masa responden untuk merancang olahan reka letak gubahan karya mereka. Kesemua responden juga dapat membandingkan saiz gubahan objek dengan kertas lukisan yang ingin dihasilkan sama ada ia bersesuaian mahupun tidak. Hal ini kerana, pada ujian pra yang dijalankan oleh pengkaji, terdapat beberapa responden gagal untuk memanfaatkan keluasan kertas lukisan yang diberikan sebaik yang mungkin sedangkan saiz kertas lukisan yang disediakan begitu besar. Hal ini dapat dibuktikan dengan gambar rajah di bawah bagi membuktikan perbezaan yang ketara pada ujian pra dan pos bagi karya R1 seperti berikut:



Rajah 5: Hasil karya ujian pra



Rajah 6: Hasil karya ujian pos

Merujuk kepada rajah 5 dan 6 di atas, hasil daripada dua intervensi yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan ketara terhadap gubahan objek karya R1 dalam ujian pos yang dijalankan jika dibandingkan dengan hasil dapatan pada ujian pra. Hal ini kerana, R1 yang pada awalnya tidak dapat membandingkan saiz kertas dengan saiz gubahan pada ujian pra dan mampu untuk membuat perubahan pada ujian pos dengan memanfaatkan keluasan lembaran lukisan yang diberikan oleh pengkaji. Ini membuktikan bahawa responden ini semakin kreatif dalam membuat gubahan objek. Oleh yang demikian, penggunaan teknik tekapan semasa intervensi dijalankan adalah terbukti membantu dan melatih responden untuk menentukan kedudukan gubahan sesuatu poster secara kreatif. Hasil dapatan ini turut disokong dengan pernyataan R4 dalam sesi temu bual yang dijalankan selepas mereka berjaya menghasilkan karya dalam ujian pos. Apabila ditanya R4; “Adakah teknik ini membantunya menyusun objek dalam karya?”. Maka R4 menjawab; “Ya membantu dari segi pembetulan lukisan” (sambil menganggukkan kepalanya).

Namun begitu, pengkaji mendapati dari kaedah pemerhatian yang dilakukan, penggunaan teknik tekapan ini kurang bersesuaian kepada murid yang telah memiliki tahap kemahiran membuat gubahan dan mempunyai tahap kreativiti semula jadi yang tinggi. Hal ini kerana, teknik tekapan ini berfungsi untuk mengajar dan melatih responden untuk meniru sesuatu lukisan yang diberikan, tetapi apabila mereka terlampau terikat dengan tekapan itu semata-mata, ia secara langsung merencatkan tahap kreativiti sedia ada responden terhadap idea semula jadi mereka dalam ujian yang dilaksanakan. Hal ini disokong oleh hasil dapatan karya responden yang menunjukkan tahap keaslian idea responden mula terencat dan menunjukkan dapatan yang kurang memuaskan pada keputusan ujian pos yang dijalankan berbanding ujian pra sebelumnya. Berikut adalah perbandingan hasil karya bagi responden enam yang telah diperoleh pada ujian pra dan pos:



Rajah 7: Hasil Karya Ujian Pra



Rajah 8: Hasil Karya Ujian Pos

Merujuk kepada rajah 7 dan 8 di atas, kelihatan perbezaan yang begitu ketara antara keduanya dalam gubahan muka taip yang dihasilkan oleh R6. Hasil dapatan dalam ujian pra bagi responden ini telah menunjukkan daya kreativiti yang luar biasa dan berkeupayaan untuk mengolah idea dengan baik terhadap muka taip yang telah dicipta. Tambahan lagi, responden ini juga telah menggunakan gaya tersendiri untuk membuat gubahan terhadap muka taip tersebut. Namun begitu, selepas menerima dua intervensi yang telah dilakukan pengkaji, hasil karya pos bagi responden ini mula menunjukkan tahap gubahan muka taip yang tidak memuaskan. Hal ini kerana keunikan atau keaslian dalam pengolahan idea responden terhadap hasil karya yang dihasilkan nampaknya sedikit terencat. Barangkali responden hanya terikat dengan teknik tekapan yang telah dilakukan dalam intervensi sebelumnya.

Namun secara dasarnya, teknik tekapan ini tetap membantu responden yang lemah memperbaiki daya kreativiti mereka dalam menghasilkan muka taip ke tahap yang lebih baik. Pernyataan ini dapat disokong oleh sesi temu bual yang dijalankan oleh pengkaji selepas intervensi dilaksanakan kepada semua responden. Apabila ditanya kepada R2; “Apakah sukar untuk menghasilkan lakaran gubahan muka taip ini?” Maka dengan spontan responden menjawab; “Ok, senanglah juga”. Rumusannya, teknik tekapan ini adalah terbukti memberikan kesan yang positif kepada majoriti responden dalam meningkatkan kemahiran membuat gubahan objek dan muka taip. Namun, bagi sebilangan responden yang telah dianugerahkan mempunyai kreativiti semula jadi dalam diri mereka, ia mampu merencatkan keaslian kreativiti responden akibat terlampau terikat dengan templat khas yang telah disediakan.

Kesimpulan

Tuntasnya, melakar ialah merujuk kepada kebolehan seseorang untuk menghasilkan sesuatu idea lukisan awal atau lukisan draf iaitu menggunakan teknik lakaran tanpa menggunakan alat melukis seperti pembaris atau jangka lukis. Manakala membuat gubahan pula adalah kemahiran seseorang untuk membuat semula susunan atau kedudukan sesuatu objek dengan menggunakan kreativiti sendiri. Hasil tinjauan awal terhadap 32 orang murid Sekolah Rendah Permatang Pauh menunjukkan seramai enam orang daripadanya telah dikenal pasti mempunyai masalah kemahiran melakar dan membuat gubahan terhadap lukisan objek dan muka taip dalam ujian pra. Hal ini disebabkan murid-murid tidak yakin dan tidak cekap menggunakan pensel sebagai alat melukis.

Namun begitu, setelah dua kali intervensi dijalankan kepada mereka, hasil dapatan pertama menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid terhadap ‘Pendekatan Teknik Tekapan’ yang digunakan dalam melakar objek dan muka taip memberikan kesan yang positif. Pencapaian responden dari ujian pra selepas dilakukan intervensi kepada mereka menunjukkan peningkatan gred dari B & D ke A & B dalam ujian pos. Hal ini menunjukkan teknik tekapan ini adalah terbukti memberikan kesan yang baik kepada majoriti responden dalam meningkatkan kemahiran melakar objek dan muka taip. Namun, teknik ini adalah lebih sesuai untuk melatih murid dalam melakar rupa organik berbanding rupa geometri. Hal ini kerana peningkatan cemerlang para responden adalah lebih berfokus kepada kemahiran melakar objek yang melibatkan rupa organik berbanding muka taip yang lebih bersudut lakarannya.

Hasil dapatan kedua pula menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid terhadap ‘Pendekatan Teknik Tekapan’ yang digunakan dalam membuat gubahan objek dan muka taip turut memberikan kesan yang positif. Pencapaian responden dari ujian pra selepas dilakukan intervensi kepada mereka menunjukkan peningkatan gred dari B & D ke A & B dalam ujian pos. Hal ini menunjukkan teknik tekapan ini adalah terbukti memberikan kesan yang baik kepada majoriti responden dalam meningkatkan kemahiran membuat gubahan objek dan muka taip. Namun, bagi sebilangan responden yang telah dianugerahkan mempunyai kreativiti semula jadi dalam diri mereka,

ia mampu merencatkan keaslian kreativiti responden akibat terlampau terikat dengan templat khas yang telah disediakan. Oleh yang demikian, kajian lanjutan diperlukan untuk mengenal pasti teknik-teknik lain yang boleh digunakan dalam PdP bagi meningkatkan kemahiran melakar dan membuat gubahan lukisan agar pencapaian murid dalam subjek PSV berada pada tahap yang memuaskan.

Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil kajian tahun akhir yang telah diselia bersama oleh Dr. Muhammad Mustaqim Bin Roslan (USAS), Dr. Norhayati Binti Musa (IPGKTB) dan Puan Azrina Binti Mohamed Ridza (IPGKTB).

Rujukan

- Abdillah Royo, M. & Haleefa Mahmood. (2011). Faktor-faktor kelemahan yang mempengaruhi pencapaian cemerlang dalam mata pelajaran Reka Cipta. *Journal of Educational Psychology and Counseling*. Vol: 2. No: 145-174. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Altinkaynaka, S. O., Aydos, E. H. & Arman, B. (2012). The views of teachers and managers about art, music and drama activities carried out by in-field-teachers in early childhood education institutions. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. 46. 2040-2045.
- Azizah, A. R. & Sharifah, M. N. (1989). Penyeliaan pengajaran sebagai satu ciri kepimpinan profesional. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Bower, G. H. & Hilgard, E. R. (1983). *Theories of learning*. 5th Edition. Englewood Cliffs: Prentice – Hall.
- Chua Yock, C. (2001). Personaliti dan motivasi pelajar. *Jurnal Pendidikan PKPSM Johor*. 61-64.
- Creswell, J. W. (2002). *Research design: Qualitative and quantitative approaches*. n.d. United Kingdom Sage, London.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2012). *Kamus dewan bahasa dan pustaka*. 4th ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Elina, M. K. & Abdul Jawi, A. S. (2015). *Meningkatkan kemahiran menulis karangan menggunakan pendekatan berfokus*. Scribd. <https://www.scribd.com/document/509199417/MENINGKATKAN-KEMAHIRAN-MENULIS-KARANGAN-MENGGUNAKA>
- Mohd Nor Hanim. (2002). *Faktor-faktor kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Reka Cipta di empat buah sekolah negeri Perak*. [Tesis Sarjana Muda]. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Azah. (2005). Gaya pembelajaran komputer guru pelatih kursus perguruan lepasan ijazah maktab perguruan. *Jurnal Pendidikan*. Vol: 30. No: 151-159.
- Patton, Q. M. (2002). *Qualitative evaluation methods*. n.d. Beverly Hill California, Sage Publication.
- Rofidah, M., Muhammad Firdaus, R., Zainuddin, A. & Norkhaizatul Erma, M. K. (2019). Eksplorasi lakaran bertema kenderaan serta kesan terhadap kreativiti kanak-kanak. *Jurnal KUPAS: Jurnal Seni & Pendidikan Seni*. Vol. 7. No: 72-80. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

- Samiudin. (2017). Pentingnya memahami perkembangan anak untuk menyesuaikan cara mengajar yang diberikan. *Pancawahana: Jurnal Studi Islam*. 12(1). 1-9.
- Santos, O. C. (2016). Training the body: The potential of AIED to support personalized motor skills learning. *International Journal of Artificial Intelligence in Education*. 26(2): 730-755.
- Sue Docket, & Bob Perry. (2005). You need to know how to play safe: Children's experiences of starting school. *Contemporary Issues in Early Childhood*. 6(1). 4-18.

Tekanan Emosi Mangsa Pembubaran Perkahwinan bagi Nikah Syubhah yang Diragui: Analisis Kajian Kes di Mahkamah Rendah Syariah Klang (MRSK)

Marriage Dissolution Victim's Emotional Stress for Doubtful Syubhah Nikah: A Case Study Analysis in Mahkamah Rendah Syariah Klang (MRSK)

Sanurizwanie, M. S.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel : [+6014-2418589](tel:+6014-2418589) E-mail: sanurizwanie@usas.edu.my

Mustaqim Roslan, M. (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

Tel: [+6014-5191337](tel:+6014-5191337) E-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Abstrak

Dakwaan nikah syubhah yang dilakukan oleh seorang pegawai agama tanpa penelitian yang baik menyebabkan berlakunya kes pembubaran perkahwinan dalam kalangan dua pasangan adik-beradik setelah dinikahi menggunakan wali iaitu abang mereka yang diklarifikasikan sebagai anak tidak sah taraf (ATST). Sedangkan kelahiran abangnya itu adalah pra matang dan telah diperakui oleh saksi hidup iaitu ibunya sendiri. Oleh itu, pernikahan yang berlaku bukanlah termasuk kategori nikah syubhah seperti yang didakwa oleh pegawai bertugas. Kesan daripada kecuaiannya tanpa meneliti semua dokumen telah memberikan kesan psikologi kepada kedua-dua pasangan yang menjadi mangsa keadaan. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis kesan psikologi yang dihadapi oleh mangsa pembubaran perkahwinan bagi nikah syubhah yang diragui dari aspek tekanan emosi. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temubual separa berstruktur melibatkan empat mangsa keadaan. Kaedah analisis kandungan dokumen telah digunakan yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua pasangan mengalami masalah tujuh gejala tekanan emosi iaitu sedih dan menangis, bimbang, kecewa, hilang semangat, jiwa kosong, mudah terasa dan memberontak selepas pembubaran perkahwinan akibat dakwaan pernikahan syubhah. Kajian lanjutan diperlukan untuk melihat sejauh manakah konsep tabayyun yang dilakukan oleh pihak mahkamah dalam mengendalikan kes-kes seperti ini.

Kata kunci: Anak Tak Sah Taraf; Nikah Syubhah; Pembubaran Perkahwinan; Pra Matang; Tekanan Emosi

Pengenalan

Nikah syubhah merupakan suatu akad pernikahan yang dianggap sah oleh pasangan kerana pernikahan tersebut telah dipenuhi rukun-rukun dan syarat-syaratnya, namun pada hakikatnya akad pernikahan tersebut tidak sah atas sebab-sebab tertentu. Hal ini adalah rentetan daripada dua kes nikah syubhah melibatkan dua pasangan adik-beradik yang terpaksa dibubarkan apabila diketahui bahawa pernikahan mereka pada satu ketika dahulu adalah tidak sah setelah dinikahi menggunakan wali iaitu abang mereka yang diklarifikasikan sebagai anak tidak sah taraf (ATST) (Saroji, 2022) sedangkan kelahiran abangnya itu adalah pra matang bukan dari hasil perzinaan dan telah diperakui oleh saksi

hidup iaitu ibunya sendiri (Ahmad Zairi, Nur Shu'aidah & Nur Najjwa, 2023). Dakwaan nikah syubhah ini telah dilakukan oleh seorang pegawai agama yang hanya melihat berdasarkan perbandingan tarikh pernikahan ibu bapa mereka dan tarikh lahir abangnya yang kurang daripada tempoh enam bulan, maka PAID memaklumkan abangnya tidak boleh menjadi wali pernikahan kerana statusnya adalah ATST. Kesannya, isteri bagi kedua-dua pasangan tersebut diperintahkan mahkamah untuk beriddah tiga kali suci dan anak-anak mereka yang dilahirkan sebelum ini bertukar status serta merta sebagai anak wati syubhah (AWS) (Saroji, 2022).

Setelah penelitian kajian-kajian lepas masih kurang kajian yang berfokus kepada kesan psikologi ke atas kes mangsa pembubaran perkahwinan akibat tuduhan nikah syubhah (Roslan, 2023; Roslan & Zul-kifli, 2022; Ramlee et al., 2022; Siong & Tharshini, 2020; dan Majid et al., 2020). Sehubungan dengan itu, kajian ini memberi sumbangan signifikan dalam mengisi kelompongan literatur dengan mengkaji kesan psikologi yang dihadapi oleh dua pasangan selepas pembubaran perkahwinan akibat pernikahan syubhah dari aspek tekanan emosi. Dengan adanya kajian ini, ia dapat membuktikan bahawa kesan daripada kecuai pegawai tanpa meneliti semua dokumen sudah semestinya akan memberikan tekanan emosi kepada kedua-dua pasangan yang menjadi mangsa keadaan.

Menurut Juraimy dan Ahmad (2014) tekanan merupakan keadaan resah, cemas, tegang dan sebagainya akibat daripada tekanan mental atau fizikal yang dialami oleh seseorang manakala emosi merupakan suatu tindak balas subjektif atau perasaan seseorang yang disertai dengan perubahan fisiologi (fizikal), perubahan tingkah laku ekspresif (tanpa lisan), perubahan pengalaman dan perubahan dalam penilaian mental seseorang (American Psychological Association, 2015). Justeru, dapatlah dijelaskan bahawa tekanan emosi berlaku hasil dari tindak balas keadaan tegang dengan gangguan emosi yang berlaku dalam kehidupan manusia yang berada di luar kemampuannya. Secara tuntas, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu; Apakah kesan psikologi yang dihadapi oleh dua pasangan selepas pembubaran perkahwinan akibat pernikahan syubhah dari aspek tekanan emosi?

Metodologi Kajian

Metodologi merujuk kepada kaedah yang digunakan bagi menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian. Reka bentuk kualitatif kajian ini adalah gabungan kaedah analisis dokumen dan temubual separa berstruktur melibatkan mangsa keadaan. Oleh itu, kajian ini berbentuk interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi kajian. Kajian ini telah menggunakan teknik triangulasi dengan menggabungkan dua atau lebih kaedah dalam kutipan data untuk mengkaji tingkah laku manusia (Cohen, Manion & Morisson, 2000). Kaedah analisis kandungan dokumen digunakan dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik.

Secara asasnya, kajian ini telah menggunakan dua jenis data iaitu data primer dan sekunder. Data primer adalah merujuk kepada data dokumen yang diperolehi daripada semua laporan kesihatan mangsa dari Unit Psikologi & Kaunseling dan data-data temu bual bersama semua mangsa keadaan. Manakala data sekunder pula adalah diperolehi daripada buku-buku, kajian-kajian pascasiswazah, artikel- artikel jurnal dan kertas-kertas persidangan. Hal ini kerana kajian kualitatif bukan untuk membuat generalisasi kepada populasi kajian tetapi lebih kepada meneroka secara mendalam fenomena yang dikaji dan meneroka proses dan bentuk amalan atau praktik (Creswell, 2002). Berikut adalah empat sampel kajian yang terdiri daripada empat orang responden selaku mangsa keadaan untuk mendapatkan data terperinci:

Jadual 1: Senarai responden dan informan yang ditemu bual

| Bil. | Kod | Responden |
|------|-----|------------------------------|
| 1. | R1 | Mangsa 1 (Suami Pasangan 1) |
| 2. | R2 | Mangsa 2 (Isteri Pasangan 1) |
| 3. | R3 | Mangsa 3 (Suami Pasangan 2) |
| 4. | R4 | Mangsa 4 (Isteri Pasangan 2) |

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Jadual 2: Dapatan kajian khusus bagi tekanan emosi yang dihadapi oleh empat orang mangsa keadaan selepas pembubaran perkahwinan

| Bil. | Tekanan Emosi | Responden Kajian | | | | Jumlah sampel yang bersetuju |
|------|------------------|------------------|----|----|----|------------------------------|
| | | R1 | R2 | R3 | R4 | |
| 1. | Sedih & Menangis | / | / | / | / | 4 |
| 2. | Bimbang | / | / | / | / | 4 |
| 3. | Kecewa | / | / | / | / | 4 |
| 4. | Hilang Semangat | / | / | / | / | 4 |
| 5. | Jiwa Kosong | / | / | / | / | 4 |
| 6. | Mudah Terasa | / | / | / | / | 4 |
| 7. | Memberontak | / | / | / | / | 4 |

Jadual 2 menunjukkan terdapat tujuh gejala tekanan emosi yang telah dikenal pasti dalam sesi temu bual bersama kesemua sampel kajian iaitu sedih dan menangis, bimbang, kecewa, hilang semangat, jiwa kosong, mudah terasa dan memberontak.

Dapatan kajian daripada analisis transkrip temu bual telah mendapati beberapa tema tekanan emosi seperti sedih dan menangis, bimbang, kecewa, hilang semangat, jiwa kosong, mudah terasa dan memberontak. Oleh demikian, perbincangan ini dihuraikan dengan lebih terperinci berkaitan tema-tema tekanan emosi.

Sedih dan Menangis

Takrifan sedih dan menangis merupakan satu fitrah yang dilalui manusia apabila berhadapan dengan keadaan atau situasi yang mengecewakan, kehilangan atau ketidakupayaan untuk melakukan sesuatu (Amanah, 2016 dan Ekman & Cordaro, 2011). Kesedihan kesemua mangsa telah mengakibatkan mereka mengalami perasaan kekurangan, putus asa, tidak mampu melakukan apa-apa, pilu, dan marah. Salah satu petunjuk kesedihan mereka adalah menangis apabila tidak dapat mengendalikan emosi sedih yang sedang dialami. Berikut contoh data yang telah diperolehi hasil temu bual responden selaku mangsa keadaan kes pembubaran perkahwinan:

Menurut R1: “Saya lebih mudah untuk berasa sedih. Samada ketika tersilap memarahi anak dan lain-lain ataupun atas sebab saya sendiri tidak ketahui. Ketika itu hati akan terasa sebak, kadangkala berdebar. Kadangkala kesedihan ini buatkan saya seperti akan mati.”

Menurut R2: “Saya sangat mudah menangis memikirkan nasib anak-anak saya yang menjadi mangsa status anak wati syubhah. Saya selalu memikirkan pandangan masyarakat dan saudara mara kerana tiada peluang untuk memberikan penjelasan.”

Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa perlakuan sedih dan menangis merupakan perlakuan yang telah diekspresikan untuk menonjolkan tekanan emosi yang telah mereka hadapi. Dapatan ini selaras

dengan kajian Subekti (2014) menjelaskan bahawa perasaan tertekan dengan beban yang berat atau menghadapi situasi yang sukar sehingga mengakibatkan seseorang itu tidak dapat mengungkapkannya kepada orang lain akhirnya akan diekspresikan dengan perlakuan menangis.

Bimbang

Keempat-empat mangsa keadaan didapati mengalami kebimbangan dalam meneruskan kehidupan seharian mereka yang melibatkan kerjaya, masa depan anak-anak, hubungan dengan pasangan, pandangan masyarakat dan sebagainya (R1, R2, R3, R4). Berikut contoh data yang telah diperolehi hasil temu bual responden selaku mangsa keadaan kes pembubaran perkahwinan:

Menurut R2: “Saya teramat bimbang mengenangkan nasib anak-anak saya kemudian hari. Bimbang masyarakat yang tidak paham tentang isu ini dan status mereka akan membuatkan mereka dipandang serong serta diskriminasi oleh Masyarakat. Saya juga bimbang perkahwinan kami dipandang buruk oleh ahli keluarga.”

Secara tuntasnya, situasi ni selaras dengan kajian Munir et al., (2019) menjelaskan bahawa bagi orang yang mengalami gangguan kecemasan, kebimbangan tidak hilang dan boleh menjadi lebih teruk dari semasa ke semasa. Gejala kebimbangan ini boleh mengganggu aktiviti harian mereka seperti prestasi kerja, kerja sekolah, dan perhubungan (National Institute of Mental Health, 2023).

Kecewa

Kecewa merupakan gejala tekanan emosi yang paling teruk dialami oleh kesemua mangsa keadaan selepas berlakunya pembubaran perkahwinan. Situasi kekecewaan ini ditunjukkan oleh keempat-empat mangsa keadaan akibat berasa dukacita kerana apa yang diharapkan mereka dengan menaruh kepercayaan kepada PAID, Klang untuk segala urusan berkait perkahwinan mereka namun dikhianati dengan cara yang tidak sepatutnya. Keadaan ini disokong oleh kajian Jalal & Rani (2023) menjelaskan bahawa seseorang akan menjadi kecewa apabila keinginan mereka tidak tercapai. Berikut contoh data yang telah diperolehi hasil temu bual responden selaku mangsa keadaan kes pembubaran perkahwinan:

Menurut R1: “Jujurnya saya berasa amat kecewa dengan PAID, Klang kerana kami telah memberikan sepenuh kepercayaan kepada mereka untuk menghalalkan hubungan kami. Perkahwinan kami bukanlah dalam keadaan terdesak kerana kami masih mempunyai wali--wali lain seperti adik lelaki kepada isteri. Arwah ibu isteri juga masih hidup ketika itu untuk memberikan bukti keterangan wali (abang). Tiada siasatan lanjut oleh pihak PAID, Klang dengan meminta kami mengesahkan status wali. Mereka hanya menawarkan jalan pintas dengan menyuruh kami pergi sendiri ke mahkamah untuk pembubaran perkahwinan tanpa melibatkan pihak mereka.”

Hilang Semangat

Gejala ini telah membuktikan bahawa kesemua keadaan mangsa mengalami hilang semangat dalam kehidupan selepas berlakunya pembubaran perkahwinan. Hal ini menunjukkan bahawa kesemua mangsa pasangan tersebut seperti tiada matlamat hidup yang jelas dalam meneruskan kehidupan seharian mereka. Berikut merupakan contoh data yang telah diperolehi hasil temu bual responden selaku mangsa keadaan kes pembubaran perkahwinan:

Menurut R1: “Saya tidak bersemangat melakukan tugas kerja saya. Saya seringkali berbaring, tidur atau melayari internet tanpa sebarang tujuan. Saya juga tidak bersemangat bermain dengan anak-anak dan melakukan kerja rumah. Saya seakan hilang mood dan badan mudah rasa letih tanpa sebarang sebab.”

Secara tuntasnya, dapatan ini disokong oleh kajian lepas di mana individu yang hilang semangat dalam hidupnya akan lebih suka berdiam diri, hilang minat atau keseronokan terhadap hobi dan aktiviti-aktiviti lain yang biasanya mendatangkan keseronokan dan cepat rasa letih (Mohamad & Mohamed, 2020; Watson et al., 2020).

Jiwa Kosong

Menurut Manja et al., (2020), individu yang mengalami tekanan emosi ini akan merasakan hidup mereka kosong dan tersia. Individu yang sedang mengalami kecelaruan dalam berfikir selalunya akan kerap berfikir tentang soal hidup dan mati dari masa ke semasa. Selaras dengan dapatan kajian Salleh (2022) menjelaskan bahawa individu berjiwa kosong akan kerap mempersoalkan tujuan hidup dan berhadapan dengan kematian. Berikut contoh data yang telah diperolehi hasil temu bual responden selaku mangsa keadaan kes pembubaran perkahwinan:

Menurut R3: “Saya sangat mudah meninggalkan solat lima waktu. Saya kuatkan diri juga untuk solat kerana Allah sahaja yang mampu bantu saya di waktu yang “struggle” ini. Kadang saya rasa lebih baik saya mati dari teruskan hidup di dunia yang kejam ini.”

Mudah terasa

Keadaan mudah terasa juga telah berlaku dalam kalangan kesemua mangsa pasangan yang mengalami perasaan mudah terasa selepas berlakunya kes pembubaran perkahwinan akibat tuduhan nikah syubhah. Berikut contoh data yang telah diperolehi hasil temu bual responden selaku mangsa keadaan kes pembubaran perkahwinan:

Menurut R2: “Saya mudah terasa bila berada di tempat orang ramai apabila melihat mereka berbisik sesama mereka. Padahal saya tidak tahu mereka bercakap tentang saya atau tidak. Saya juga mudah terasa pada gurauan seolah olah ditujukan pada saya.”

Situasi ini dapat dibuktikan dengan hasil temu bual daripada kesemua mangsa pasangan tersebut yang menunjukkan mereka mempunyai gejala mengalami tekanan emosi iaitu mudah terasa dan selalu ambil serius tentang gurauan orang sekeliling (Canale et al., 2022). Dapatan ini disokong oleh Wall et al., (2018) menjelaskan bahawa apabila seseorang mengalami kepenatan mental dan emosi, sesuatu perkara yang ringkas dan remeh juga boleh membuatkan seseorang mudah terasa hati, marah, merajuk dan sebagainya.

Memberontak

Tindakan memberontak ini menunjukkan keadaan seseorang individu cuba untuk melepaskan tekanan perasaan seperti geram dan marah ke atas sesuatu yang berlaku apabila diminta melakukan sesuatu yang bertentangan dengan jiwa dan kehendak mereka (Hasanusi, 2019). Situasi ini juga berlaku dalam kalangan kesemua mangsa pasangan yang bertindak suka memberontak. Berikut

contoh data yang telah diperolehi hasil temu bual responden selaku mangsa keadaan kes pembubaran perkahwinan:

Menurut R4: “Saya pernah memberontak dengan mengambil kunci kereta seolah ingin lari dari suami disebabkan pergaduhan yang berlaku, Saya marahkan anak dan suruh mereka jangan ganggu saya selama 10 jam di dalam bilik dan biarkan mereka bersama ayah mereka.”

Secara tuntasnya, situasi ni dapat disimpulkan bahawa bagi individu yang mengalami gejala memberontak dalam kehidupan Hal ini telah dibuktikan dalam dapatan kajian yang menunjukkan bahawa keempat-empat mangsa keadaan didapati mengalami gejala ‘memberontak’ dalam kehidupan seharian seperti melawan ibu bapa, hampir memukul isteri, mudah membaling barang dan sebagainya.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tujuh gejala tekanan emosi yang dihadapi empat sampel kajian yang terdiri daripada empat orang responden selaku mangsa keadaan kes perkahwinan syubhah iaitu sedih dan menangis, bimbang, kecewa, hilang semangat, jiwa kosong, mudah terasa dan memberontak. Sehubungan itu, pihak berwajib yang mengendalikan hal ehwal pernikahan perlulah menerapkan konsep tabayyun dalam urus tadbir demi menjaga kemaslahatan masyarakat. Sehubungan itu, kajian lanjutan diperlukan pada masa akan datang untuk melihat sejauh manakah konsep tabayyun yang dilakukan oleh pihak mahkamah dalam mengendalikan kes-kes seperti ini. Pakar-pakar kaunseling juga perlu mempunyai persediaan dengan rawatan-rawatan yang bersesuaian dalam menangani isu gangguan psikologi khususnya gejala tekanan emosi seperti kes klien yang berlatarbelakangkan kes perkahwinan syubhah ini agar mangsa keadaan bebas daripada belenggu kemelut gangguan psikologi dalam kehidupan.

Rujukan

- Ahmad Zairi, Nur Shu'aidah, Muhammad Azeliy & Nur Najjwa. (2023). Fakta Kes Penghakiman bagi Pembubaran Perkahwinan. *Associates Peguam Syarie Plaintiff*. Negeri Sembilan.
- Amanah, S. (2016). Kesedihan dalam perspektif al-qur'an (telaah atas sebab dan solusi kesedihan dalam ayat-ayat al-ḥazan). *Doctoral dissertation*, UIN Sunan Kalijaga.
- American Psychological Association. (2015) Diagnostic and statistical manual of mental disorders, 5th edn. *American Psychological Association*, Washington, DC.
- Canale, N., Rubaltelli, E., Calcagnì, A., Vieno, A., Giovannoni, M., Devos, G., & Billieux, J. (2022). The effects of induced sadness, stress sensitivity, negative urgency, and gender in laboratory gambling. *International Gambling Studies*, 22(3), 365-389.
- Cohen, L., Manion, L. & Morisson. (2000). *Research Methods in Education*. (2nd ed.) Croom Helm, London.
- Creswell, J. W. (2002). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. n.d. United Kingdom Sage, London.

- Ekman, P., & Cordaro, D. (2011). What is meant by calling emotions basic. *Emotion review*, 3(4), 364-370.
- Hasanusi, H. (2019). Penalaran moral dalam mencegah delikueni remaja. *Qiro'ah: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 9(1), 1-15.
- Jalal, R., & Rani, M. (2023). An Overview on Frustration: A Case Study of Working and Non Working Women. *International Journal of Indian Psychology*, 11(4).
- Juraimy, M. K., & Ahmad, A. R. (2014). Strategi Menguruskan Tekanan Dari Perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*, 6(1), 27-41.
- Majid, M. A., Azman, N. Z., & Marlon, M. Y. (2020). Implikasi Dialami Remaja Hamil Luar Nikah: Kajian di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor: Implications Experienced by Extraordinary Pregnant Teenagers: A Study at The Selangor State Moral Rehabilitation Center. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 71-84.
- Manja, S. A., Mohamad, I., Ismail, H., & Yusof, N. I. (2020). Working parents and emotionally parental burnout during Malaysia Movement Control Order (MCO). *European Journal of Molecular and Clinical Medicine*, 4930-4953.
- Mohamad, M. S., & Mohamed, M. H. (2020). Jenis personaliti dan tahap kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(1).
- Munir, S., Gondal, A.Z., & Takov, V., (2019). Generalized anxiety disorder. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK441870>
- National Institute of Mental Health (2023). *Program Announcement: Health behavior change in people with mental disorders*. <https://www.nimh.nih.gov/health/topics/depression>
- Patton, Q. M. (2002). *Qualitative Evaluation Methods*. n.d. Beverly Hill California, Sage Publication.
- Ramlee, N., Mohiddin, M. N., Aziz, H., Moxsin, H., Serbini, D. S., & Hamid, D. T. A. (2022, September). Kesan Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja Bawah Umur Menurut Syarak Dan Kesihatan. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference* eISSN 2948-5045 (Vol. 13, pp. 190-194).
- Roslan, M. M. (2023). Symptoms of Social Problems Regarding the Named Lineage of Illegitimate Children to Abdullah: National Fatwa Analysis. *Firdaus Journal*, 3(1), 3950. Diperoleh daripada: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.1.5.2023>
- Roslan, M. M., & Zul-kifli, H. (2022). The Relationship Between Psychological Effects and Social Crisis for Illegitimate Children: An Analysis in Their Name Title. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 5(2), 1-12.
- Salleh, S., Wazir, R., Abd Rahman, K. A., Sudi, S., Awang, A. H., & Kamarulzaman, A. I. (2022). Mengatasi Masalah Kesihatan Mental Melalui Pendekatan Psiko Spiritual. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*.

- Saraji. S. (2022). Laporan Mahkamah Rendah Syariah Klang. No. Kes: 10023 0420532 2022. Selangor Darul Ehsan.
- Siong, R., & Tharshini, N. K. (2020). Isu Kehamilan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja di Malaysia: Satu Tinjauan Sorotan Literatur (Unwed Pregnancy Issues among Teenagers in Malaysia: A Literature Review). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(4).
- Subekti, T. A. (2014). Menangis Sebagai Metode Dalam Kesehatan Mental (Study Kasus Pada Tiga Orang Dewasa di Watulawang, Kebumen). *Doctoral dissertation*, UIN Sunan Kalijaga.
- Wall, K., Kalpakci, A., Hall, K., Crist, N., & Sharp, C. (2018). An evaluation of the construct of emotional sensitivity from the perspective of emotionally sensitive people. *Borderline Personality Disorder and Emotion Dysregulation*, 5, 1-9.
- Watson, R., Harvey, K., McCabe, C., & Reynolds, S. (2020). Understanding anhedonia: A qualitative study exploring loss of interest and pleasure in adolescent depression. *European Child & Adolescent Psychiatry*, 29(4), 489-499.

An Islamic Perspective on Sustainable Management for Malaysian Elderly Workers

Wan Imran Rashomon bin Wan Mohd Isa (*Corresponding author*)

Faculty of Management and Information Technology, University Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia
Tel: +6016-3988308 E-mail: wan.pavilion@gmail.com

Nor Hafizah Abd Latiff Khan

Faculty of Management and Information Technology, University Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia
Tel: +60137964116 E-mail: hafizahkhan@usas.edu.my

Abstract

It is estimated that by 2030, the elderly population will project at 15.3% and by 2050 will even surpass the working-age population. Hence it is currently experiencing an aging population status. To blanket this effect especially to fill up the gap in the employment and economic uncertainty, creative workforce management strategies need to be implemented for the elderly towards a sustainable ecosystem. This conceptual paper explores the application of Islamic principles to achieve sustainable management practices for Malaysia's growing elderly workforce. With the country's rapid aging, ensuring the well-being, dignity and continued contribution of elderly workers is very crucial. Islamic values such as Adl (Justice), Shura (Consultation), Karama (Dignity), Taawun (Cooperation) and Ihsan (Compassion) can be integrated into human resources practices for elderly workers. In addition, support from Islamic financial tools, government and companies can be an added benefit to sustain their livelihood in long run. Based on the outcome, employers should support professional advancement, equitable compensation, and skill development for senior employees. They should also provide flexible work schedules, mentorship programs, and gradual retirement. Sustainable management strategies, such as financial assistance from Islamic endowments and insurance, can also assist. Government policies can encourage inclusive recruitment and challenge age discrimination. Malaysia can foster social inclusion, diversity, and economic participation for elderly workers by integrating Islamic principles and innovative practices. By leveraging the strengths of both younger and older generations, it can build a more sustainable and competitive workforce in the future.

Keywords: Sustainable Strategies; Values; Human Resources Management; Financial and Policies.

Introduction

According to World Health Organization (WHO), one in six individuals worldwide will be 60 years of age or older by 2030. This will result in a rise in the proportion of people over 60 from 1 billion in 2020 to 1.4 billion at this point. The number of individuals 60 years of age and over will double (to 2.1 billion) worldwide by 2050. Between 2020 and 2050, there will be three times as many people 80 years of age or older—426 million people. Although population ageing, or the movement of a nation's population toward older ages, began in high-income nations (in Japan, for instance, 30% of the population is over 60), low- and middle-income nations are currently seeing the biggest changes. Two thirds of people over 60 worldwide will reside in low- and middle-income nations by 2050.

We are experiencing a major demographic shift in the world's population as we age. A growing percentage of people 60 years of age or older than in the younger population is the hallmark of this trend, which is called population aging. Aging population can be defined as a decline or loss of adaptation with increasing age, caused by a time-progressive decline of natural selection forces.

(Flatt, 2012) It is characterized by an age-dependent or age-progressive decline in intrinsic physiological function, leading to an increase in age-specific mortality rate and a decrease in age-specific reproductive rate. (Paul, 2009) This definition is consistent with most evolutionary biologists' views on aging. (Warren & Sergei, 2007)

Because of improvements in life expectancy and health, the idea of population aging has changed, making conventional aging metrics obsolete. The World Health Organization (WHO) indicate one in six individuals on the planet will be 60 years of age or older by 2030. There will be 1.4 billion people over the age of 60, up to 1 billion in 2020. The number of individuals in the world who are 60 years of age or older are expected to double to 2.1 billion by 2050. (Ageing and health WHO, n.d.)

By referring to WHO definition on Malaysia population context, 7% percent of the total population will be at the age of 65 and above that will expose the risk of the country to be converted to aging population in the next coming years. (Ageing and health WHO, n.d.). Due to this transition, longer life will create more opportunities for older people to enhance further learning processes, adaptable career direction as well as to encourage passion for the older people to contribute. Specifically, such a shift in the age structure encompasses a decrease in the proportion of younger people coupled with an increased number of older adults in the population. How this resultant “aging world” affects different spheres of social and economic life has been a topic of discussion for years.

The workforce and the labour force participation is one of those spheres that have been marked by changes in the age structure For example, younger and older adults are now working together as never before, leading organizations to work on strategies to deal with intergenerational tensions and to foster good relations between old and young co-workers. In this regard elderly citizen will be compromised by ageism at the workplace. Ageism in the workplace refers to discrimination or prejudice against individuals based on their age. This can result in negative stereotypes, unfair treatment, or exclusion of older workers. Interventions to reduce ageism include training programs, promoting intergenerational relations, and enhancing managers' skills to address age-related issues. (de, Maria, & Klaus. 2019).

Elderly people's wellness may also be impacted by a lack of financial stability. Elderly mental health may suffer from financial uncertainty. Research has shown a connection between food insecurity and a lack of financial social assistance for the elderly, which can help to reduce food insecurity (Marzena, 2021). This implies the necessity of family financial education and government help programs. The study also emphasized how critical it is to enhance family social education and finance social programs in order to reduce the likelihood of food insecurity in senior households. Peter and Kaarin (2011) Therefore, it is critical to look for cutting-edge and long-lasting solutions for the management of the aging population.

Literature Review

Malaysian aging workforce and the challenges

The aging workforce in Malaysia is on the rise, with projections indicating a significant increase in the elderly population by 2030 (Department of Statistics Malaysia, 2020). Despite the diversity within the Malaysian workforce, including various ethnicities and educational backgrounds, the labour force participation rate among older individuals remains lower compared to developed economies (Schmillen, Achim Daniel Wang et al., 2020). Women, in particular, face gender disparities in pay and leadership representation, further complicating the workforce landscape. Financial planning for retirement is a pressing concern, as many Malaysians lack adequate savings for their later years (Star

Media Group Berhad, 2024). The transition to retirement can be anxiety-inducing, leading to stress and uncertainty (Wang & Shi, 2014).

